



# *Penyata Rasmi*

**PERSIDANGAN DEWAN  
NEGERI JOHOR**

**MESYUARAT PERTAMA  
(PEMBUKAAN RASMI)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

*Pada*  
**14 APRIL HINGGA 24 APRIL 2016**

*Disediakan oleh*  
**PEJABAT DEWAN NEGERI  
JOHOR DARUL TA'ZIM**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

***SENARAI KANDUNGAN***

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>HARI PERTAMA, KHAMIS, 14 APRIL 2016</b>		
1.	Kehadiran.	1
2.	Doa.	5
3.	Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	5
4.	Penangguhan.	10
<b>HARI KEDUA, AHAD, 17 APRIL 2016</b>		
1.	Kehadiran.	11
2.	Doa.	16
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	16
4.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat.	16
5.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	17
6.	Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	31
7.	Penangguhan.	77
<b>HARI KETIGA, ISNIN, 18 APRIL 2016</b>		
1.	Kehadiran.	78
2.	Doa.	82
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	82
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	82
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	9
6.	Penangguhan.	150

**BIL. PERKARA****MUKA SURAT****HARI KEEMPAT, SELASA, 19 APRIL 2015**

1.	Kehadiran.	151
2.	Doa.	156
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	156
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	156
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	170
6.	Penangguhan.	223

**HARI KELIMA, RABU, 20 APRIL 2016**

1.	Kehadiran.	224
2.	Doa.	228
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	228
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	228
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	242
6.	Penangguhan.	278

**HARI KEENAM, KHAMIS, 21 APRIL 2016**

1.	Kehadiran.	279
2.	Doa.	283
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	283
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	283
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	296
6.	Penangguhan.	358

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
------	---------	------------

<b>HARI KETUJUH, AHAD, 24 APRIL 2016</b>
--

1.	Kehadiran.	359
2.	Doa.	363
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	363
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	363
5.	Soalan-Soalan Bertulis dan Jawapan.	377
6.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	377
7.	Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2016	395
8.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2016	396
9.	Rang Undang-Undang Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan (Pindaan) 2016	399
	Rang Undang-Undang Enakmen Taman Negara (Pindaan) 2016	401
10.	Penangguhan.	405
11.	Pegawai-Pegawai Bertugas.	406

~~~~~ *Dewan Negeri Johor* ~~~~~



**HARI PERTAMA**

**HARI KHAMIS,  
14 APRIL 2016**

*Mesyuarat Pertama (Pembukaan Rasmi)  
Bagi Penggal Persidangan Keempat  
Dewan Negeri Johor Yang Ke-13*

## PENYATA RASMI

### MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI PERTAMA

KHAMIS, 14 APRIL 2016

BIL. 11 TAHUN 13

#### HADIR

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SMJ., SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.  
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.

Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.

Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.

Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.

Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.

Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.

Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.

Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR MEMANGGIL DEWAN NEGERI UNTUK BERMESYUARAT.**

Pemasyhuran oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.

Dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 14 April 2016 jam 9:30 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi memulakan Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Keempat Dewan Negeri Yang Ketiga Belas.

**Jurutulis : TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

**YB Tan Sri Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan kita semua menyambut keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Tuanku, di hadapan Tangga Agung bangunan ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga jam 10:30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 9:35 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 10:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Sukacita saya maklumkan bahawa Duli yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat masuk sebentar lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenan untuk bertitah kepada Dewan ini.

**DYMM Tuanku Sultan Johor :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuah. Bismillahirrahmaannirrahim. Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam, kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad, semulia-mulia Rasul, serta keluarga dan para sahabatnya sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat saya hadir merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas pada pagi yang berbahagia ini.

Saya juga bersyukur, kerana negeri Johor terus kekal sejahtera dan rakyatnya dilimpahi kehidupan yang harmoni dan bersatu hati, demi mengekalkan kemakmuran dan kesejahteraan negeri ini.

Tahniah saya ucapkan, kepada semua Ahli Dewan Negeri Johor, kerana terus berusaha dalam memikul tanggungjawab dengan penuh amanah dan setia, demi kepentingan

negeri dan rakyat Johor. Segala khidmat bakti dan pengorbanan yang dicurahkan dengan mengutamakan kepentingan rakyat berbanding kepentingan diri sendiri akan sentiasa dihargai dan disanjung oleh masyarakat. Gunakanlah kesempatan Persidangan ini, untuk memberi pandangan dan usul dengan penuh berhemah, tertib, beradab mengikut Peraturan Dewan yang telah ditetapkan. Janganlah kita bertegang urat dan bertikam lidah pada sesi perbahasan kerana akhirnya, tiada sebarang penyelesaian dapat dimuktamadkan.

Ingatlah, Bangsa Johor itu tinggi adabnya, tertib dan sopan budayanya. Itulah sebabnya, kita dihormati sejak dahulu lagi. Dan sehingga hari ini, Johor mampu maju dan berdiri teguh sebagai sebuah negeri yang berdaulat. Suka saya ingatkan di sini, kepada semua Ahli Dewan yang telah dipilih oleh rakyat supaya mengofokan janji-janji yang telah dibuat semasa pilihan raya dahulu. Janganlah hanya pandai menanam tebu di bibir sahaja. Ingatlah, kerbau dipegang pada talinya, tetapi manusia dipegang pada janjinya.

Saudara saudari sekalian, tahniah juga saya ucapkan kepada pentadbiran kerajaan negeri, di bawah kepimpinan Menteri Besar, Dato' Mohamed Khaled Nordin, yang berjaya meletakkan nama Johor, bukan hanya di persada tanah air, tetapi juga di rantau Asia ini. Kemajuan yang dicapai di bawah kepimpinan beliau, telah membolehkan Johor mengorak langkah jauh ke hadapan, dalam usaha menjadikan Johor sebagai sebuah hab ekonomi utama di rantau ini. Walaupun dalam keadaan ekonomi global yang amat mencabar kini, negeri Johor masih berjaya mengekalkan rekod 3 tahun berturut-turut nilai pelaburan diluluskan dalam bidang pembuatan di Malaysia dalam masa 3 tahun berturut-turut.

Kerajaan negeri Johor juga berjaya merekodkan hasil untuk tempoh lima tahun berturut-turut sejak pencapaian itu mula di perolehi pada tahun 2011. Saya percaya, prestasi yang memberangsangkan ini berjaya dihasilkan, kerana urus tadbir negeri dan kewangannya yang cekap, telus dan adil.

Terima kasih saya ucapkan kepada kerajaan persekutuan yang terus menyokong dan membantu negeri Johor dalam meneruskan agenda pembangunan ekonomi, sama ada dalam bentuk peruntukan kewangan atau pun penyediaan infrastruktur awam yang akan dapat menarik minat pelabur untuk bertapak di negeri Johor.

Hubungan baik antara kerajaan negeri dan persekutuan adalah pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi yang kukuh di negeri Johor. Janganlah ada pihak yang tidak bertanggungjawab cuba mereka cerita dan fitnah terhadap barisan pemimpin kerajaan negeri yang ada. Saya memberikan kepercayaan yang penuh kepada Menteri Besar dan kerajaan negeri sekarang. Saya berharap, tidak ada Ahli Dewan di dalam ini yang menjadi musuh di dalam selimut yang cuba mengganggu kestabilan politik yang sedia kukuh di negeri Johor ini. Jangan samakan negeri Johor dengan negeri lain. Johor itu setia kepada agama, bangsa dan tanah air, berani kerana benar, bersatu menghadapi cabaran, dan bermuafakat dalam mencari keberkatan.

Saudara saudari sekalian, pembangunan yang berlaku pada hari ini, bukan hanya tertumpu di Iskandar Malaysia, atau kawasan Pengerang semata-mata. Tetapi pembangunan telah merebak keseluruhan ceruk dan rantau negeri, merangkumi daerah, mukim dan kampung-kampung. Ini kerana, ketika saya menjelajah ke seluruh negeri ini, saya dapat melihat setiap daerah di negeri ini ada kekuatan dan keistimewaan tersendiri yang boleh dimajukan mengikut potensi dan kesesuaian sesebuah kawasan. Justeru itu, langkah kerajaan negeri memperkenalkan "Pelan Pertumbuhan Strategik Johor", adalah amat bertepatan untuk membangunkan ekonomi negeri dan rakyat secara menyeluruh.

Apabila sesuatu projek pembangunan dilaksanakan di daerah-daerah, masyarakat tempatan akan menikmati kemajuan prasarana dan peluang pekerjaan yang lebih luas serta pendapatan yang lebih baik, yang akhirnya akan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Segala perancangan yang telah dibuat mestilah dilaksanakan dengan teliti dengan mewujudkan dasar yang konsisten dan mesra pelabur.

Semasa membuat sesuatu dasar, kerajaan haruslah berbincang dan mendengar pendapat daripada semua pihak yang terlibat dalam membuat keputusan. Dan, apabila dasar tersebut telah dipersetujui, kerajaan mestilah tetap dengan keputusan yang dibuat. Usahlah menjadi seperti lalang yang di tiup angin. Janganlah dasar itu sering diubah-ubah mengikut keadaan dan kehendak politik kerana ini akan menyebabkan pelabur hilang keyakinan untuk datang ke negeri Johor. Sebagai contoh, dasar pengambilan pekerja asing yang sering berubah-ubah, telah menyebabkan banyak industri perabot di Muar terjejas kerana kekurangan pekerja, peningkatan kos dan kejatuhan produktiviti.

Saudara saudari sekalian, syabas saya ucapkan kepada kerajaan negeri dan persekutuan yang terus komited dalam membina lebih banyak rumah mampu milik untuk rakyat berpendapatan rendah. Namun begitu, masih banyak rakyat yang tidak dapat memiliki rumah kerana gagal untuk mendapatkan pinjaman bank. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya menubuhkan sebuah bank sendiri yang boleh dinamakan sebagai "Bank Of Johor".

Bank ini akan memberikan perkhidmatan perbankan kepada rakyat Johor, bukan sahaja untuk tujuan pinjaman perumahan atau pembiayaan projek pembangunan, tetapi juga untuk simpanan tabungan dan pelaburan. Tambahan pula, dengan rizab wang tunai kerajaan negeri yang mencecah RM3 bilion dan pendapatan kerajaan dan syarikatnya milik kerajaan negeri yang mencecah RM7.5 bilion setahun, sudah pasti mereka boleh menjadi pemegang saham untuk "Bank Of Johor" ini.

Selain itu, saya juga menyambut baik kerjasama yang dihulurkan oleh Bank Rakyat kepada Yayasan Sultan Ibrahim untuk menyediakan pembiayaan pembelian rumah bagi membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri. Urusan pendaftaran permohonan pinjaman ini akan dibuka tidak lama lagi dan pemilihan akan dibuat oleh satu jawatankuasa khas berdasarkan kepada beberapa kriteria yang telah ditetapkan.

Saudara saudari sekalian, saya tahu, kerajaan negeri Johor ada memiliki beberapa syarikat milik kerajaan seperti J-Corp, J-Biotech, Perbadanan Islam Johor, Permodalan Darul Takzim dan lain-lain lagi. Kesemua syarikat ini pula mempunyai banyak anak syarikat di bawahnya. Suka saya ingatkan bahawa setiap anak syarikat kerajaan mestilah patuh kepada prosedur dan tatacara yang ditetapkan oleh kerajaan, bukannya boleh bertindak sesuka hati.

Saya harap ada badan audit yang menjalankan pemeriksaan secara berjadual mengenai pengurusan dan kewangan semua anak syarikat kerajaan negeri bagi memastikan tadbir urus yang baik dan tiada penyelewengan berlaku. Mana-mana syarikat yang sudah tidak berupaya atau terus menanggung kerugian, saya syorkan agar segera ditutup daripada terus membazirkan duit rakyat.

Saudara saudari sekalian, saya perhatikan masih ada rakyat Johor yang berfikir sempit dan tidak menghargai pembangunan pesat yang sedang rancak dilakukan dalam negeri kita ini. Mereka merasakan bahawa pembangunan ini hanya menguntungkan warga asing semata-mata dan tidak membawa manfaat kepada mereka. Lebih parah lagi, ada



yang mengatakan pembangunan ini menyusahkan mereka. Adakah mereka ini buta matanya atau kosong akalnya? Sehingga mereka tidak sedar bahawa limpahan pembangunan yang dilaksanakan adalah untuk faedah hidup bersama.

Kini, peluang pekerjaan telah bertambah dan peluang pemiagaan juga telah terbuka luas untuk semua. Rakyat mesti berubah dan merebut peluang-peluang yang ada. Sesungguhnya yang bulat tidak datang bergolek dan yang pipih tidak datang melayang.

Saudara saudari sekalian, sejak kebelakangan ini, isu gangguan bekalan air bersih sering menjadi rungutan rakyat. Walaupun kita tidak mampu untuk mengawal perubahan iklim dan cuaca, namun kita boleh mengambil langkah proaktif bagi menangani masalah kekurangan bekalan air. Dalam hal ini, setiap rakyat mesti berubah dan amalkan sikap menghargai air dan mengelakkan pembaziran. Bekalan air tidak seharusnya digunakan untuk menyiram tanaman atau mencuci kenderaan secara berlebihan.

Kerajaan juga harus menggalakkan supaya setiap rumah mempunyai sistem pengumpulan air hujan untuk kegunaan luar. Langkah penjimatan seperti ini, bukan sahaja dapat mengurangkan penggunaan bekalan air bersih, tetapi juga mengurangkan bil air pengguna. Bagi memastikan sumber bekalan air yang berkualiti dan kawasan takungan air tidak dicemari dengan bahan baja pertanian atau sisa ternakan. Saya juga berharap kerajaan akan menjalankan kajian dan menghasilkan pelan pengurusan air jangka panjang untuk memastikan bekalan air di negeri Johor dapat terus dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Saudara saudari sekalian, syabas saya ucapkan kepada Datuk Bandar dan semua Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan yang telah mengambil tindakan menurunkan papan iklan atau "billboard" yang tidak mengikut spesifikasi. Barulah sekarang kita dapat lihat rupa bentuk bangunan-bangunan kedai dengan papan tanda yang kemas dan tersusun. Selepas ini saya mahukan, kedai-kedai yang kotor dan kelihatan buruk, dibersihkan dengan dicat semula dengan cantik. Kita harus berbangga apabila melihat bandar kita menjadi lebih bersih dan kemas.

Terdapat satu lagi masalah di kawasan bandar yang masih belum dapat diatasi, iaitu sikap pemandu kenderaan yang tidak berdisiplin dan tidak bertimbang rasa. Ini termasuklah pemandu bas dan teksi yang berhenti sesuka hati. Pemandu kereta yang meletakkan kenderaan di kawasan yang tidak dibenarkan dan juga penunggang motosikal yang sering memandu secara melulu. Sekiranya sikap pemandu ini tidak boleh diubah dengan cara baik, saya cadangkan kepada pihak berkuasa supaya ambil tindakan yang lebih tegas, bukan sekadar mengeluarkan kompaun tetapi lesen memandunya harus digantung atau kenderaannya disita.

Selain dari itu, Pihak Berkuasa Tempatan juga dinasihatkan untuk merangka Pelan Pengurusan Pengangkutan Awam bagi mengurangkan kesesakan trafik di bandar dengan menyediakan tempat letak kenderaan berpusat dan sistem pengangkutan awam yang lebih cekap dan efisien.

Saudara saudari sekalian, kebudayaan dan warisan negeri Johor mestilah dipelihara dan ditontonkan agar terus diminati dan di sanjung. Sebagai contoh, pementasan teater musikal "Gemilang Tanah Permata" yang dibuat di ibu negara baru-baru ini, telah mendapat sambutan hangat daripada penonton dan liputan positif daripada pihak media. Persembahan teater sebegini wajar dijadikan satu acara tetap bagi mempromosikan negeri Johor kepada pelancong dari dalam dan luar negara.

Saya berharap kerajaan negeri akan memberi galakan yang sepenuhnya kepada penggiat seni Johor, bukan sahaja seni tradisional, malah juga seni kontemporari, bagi membolehkan mereka mempersembahkan bakat mereka sambil mengharumkan lagi nama baik negeri Johor. Saya juga menyeru kepada kerajaan supaya mewujudkan sebuah Pusat Warisan Negeri Johor bagi mempromosikan produk makanan dan kraf tangan yang dihasilkan oleh penduduk tempatan dari seluruh daerah di Johor. Pusat ini kelak akan menjadi tempat hentian pelancong yang utama di negeri Johor.

Sektor pelancongan merupakan salah satu bidang utama yang boleh membawa nama baik Johor ke peringkat antarabangsa. Saya pasti negeri Johor boleh menarik lebih banyak pelancong kerana kita mempunyai warisan sejarah dan budaya dan khazanah alam semula jadi seperti Kepulauan Mersing dan Gunung Ledang serta produk pelancongan baru seperti Legoland. Oleh yang demikian, kerajaan perlu mengambil langkah proaktif untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelancong yang datang ke negeri Johor. Antaranya, tahap kebersihan di tempat awam haruslah ditingkatkan dan tahap keselamatan tempat tumpuan pelancong mestilah sentiasa dikawal dengan tenteram.

Pengurusan pintu keluar masuk ke Johor, terutama di Tambak Johor dan 'second-link' mestilah diperbaiki. Masalah kesesakan pada waktu puncak dan hujung minggu mesti diselesaikan oleh pihak Imigresen dan Kastam dengan segera. Saya mahu perkara ini diberi perhatian yang serius.

Pihak pengurusan Senai Airport juga digesa untuk menarik lebih banyak penerbangan antarabangsa untuk datang ke Senai terutamanya daripada negara China dan India yang boleh membawa banyak pelancong ke negeri Johor. Kita mesti berikan layanan yang mesra kepada pelancong yang datang ke negeri kita sebagaimana kita mahu dilayan dengan baik semasa kita melancong ke tempat orang.

Saudara saudari sekalian, akhir-akhir ini, agama Islam menghadapi cabaran yang begitu dahsyat, akibat tindak tanduk segelintir puak pelampau, yang menyebabkan seluruh umat Islam dipandang serong dan dikecam oleh masyarakat dunia. Negeri Johor juga tidak terlepas daripada tempas gejala Islam yang ekstremis dan salah satu puncanya adalah penyebaran ilmu-ilmu sesat oleh penceramah yang tidak bertauliah. Oleh sebab itu, saya mengarahkan supaya setiap penceramah yang ingin berdakwah di negeri ini, mesti mendapat kelulusan dahulu daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor. Kita harus menghapuskan anasir-anasir ekstremis ini daripada bertapak di negeri Johor dan mencetuskan kucar-kacir di kalangan umat Islam dan Bangsa Johor keseluruhannya.

Keamanan yang kita ada hari ini adalah hasil usaha kerajaan dan segenap lapisan rakyat yang memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Sebarang tanda ke arah perbuatan melampau hendaklah dihentikan dan diambil tindakan serta merta. Sesungguhnya kejayaan sesebuah negeri bukanlah bergantung kepada pembangunan ekonomi semata-mata, malah melibatkan bidang-bidang yang berkaitan dengan tahap kesejahteraan dan taraf hidup rakyat.

Di negeri Johor ini, tidak kira apa jua kaum, sama ada Melayu, Cina, mahu pun India dan lain-lain, anda semua adalah rakyat negeri saya. Hak dan kepentingan semua akan dijaga dan dipelihara.

Saudara saudari sekalian, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut mengucapkan terima kasih kepada agensi-agensi keselamatan yang telah menjaga keselamatan rakyat dan negeri Johor dengan baik. Bagaikan aur dengan tebing, anggota perkhidmatan awam juga telah menjalankan tugas dengan baik seiring dengan kehendak kerajaan

dengan memikul tanggungjawab dalam melayan kehendak rakyat. Terima kasih saya ucapkan di atas segala pengorbanan, serta sikap profesionalisme yang tidak mengenal erti penat lelah yang ditunjukkan selama ini. Kepada semua kakitangan perkhidmatan awam, teruskanlah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dengan penuh amanah, jujur dan ikhlas demi manfaat dan kesejahteraan kita bersama.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pasukan Bola Sepak Negeri Johor Darul Takzim yang telah mengharumkan nama negeri Johor di peringkat antarabangsa, apabila menjadi juara AFC pada tahun yang lalu.

Setinggi-tinggi tahniah juga saya ucapkan kepada peserta yang mewakili negeri Johor dalam Majlis Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan baru-baru ini, yang telah membawa kejayaan kepada negeri Johor sebagai johan keseluruhan dan Johan qariah.

Semua rakyat Johor sudah pasti berasa bangga dengan kejayaan yang dicapai. Semoga lebih banyak kejayaan akan diperolehi oleh negeri Johor di peringkat antarabangsa. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah SWT semoga negeri Johor akan terus maju dan makmur dan rakyatnya hidup sejahtera, bersatu padu dan bemuafakat.

Akhir kata, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Penggal Keempat Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas. *Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Jurutulis :** Ampun Tuanku, Mufti Negeri Johor mohon perkenan membaca doa.

#### **DOA.**

(Mufti Negeri Johor membaca doa).

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dif-dif sekalian, Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat meninggalkan Majlis ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga Ahad, 17 April 2016, jam 9:30 pagi.

**Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 11:15 pagi.**

**HARI KEDUA**

**HARI AHAD,  
17 APRIL 2016**

*Mesyuarat Pertama (Pembukaan Rasmi)  
Bagi Penggal Persidangan Keempat  
Dewan Negeri Johor Yang Ke-13*

## PENYATA RASMI

### MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEDUA

AHAD, 17 APRIL 2016

BIL. 11 TAHUN 13

#### HADIR

... YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., P.J.N., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.  
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SMIJ., SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.  
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.  
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putera Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yang Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.



**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.**

**YB Tan Sri Speaker** : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuhi. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Selamat pagi, salam sejahtera.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita meneruskan sesi Persidangan kita kali ini, sukacita saya merakamkan ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah berangkat merasmikan Penggal Persidangan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13, pada 14 April 2016 yang lalu. Sebagai rakyat negeri Johor, sesungguhnya kita berasa amat bertuah kerana Duli Yang Maha Mulia Tuanku senjiasa memikirkan kepentingan dan kebajikan rakyat terutamanya dalam soal pemilikan rumah, cadangan penubuhan Bank Of Johor adalah satu perkara yang dialu-alukan oleh rakyat Bangsa Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah juga beritiah kepada semua Ahli Dewan Negeri Johor supaya menggunakan kesempatan Persidangan Dewan ini, untuk memberi usul dengan penuh berhemah, tertib dan beradab mengikut Peraturan Dewan yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, adalah diharapkan sepanjang kita bersidang Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berhujah dan berbahas mengikut tatasusila, tidak menyentuh sahsiah mana-mana individu sehingga menimbulkan syak wasangka dan pergeseran di antara pihak-pihak tertentu.

**Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 1 hingga 5 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2016 – Anggaran Perbelanjaan Tambahan Peratma Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2016 – Peranggaran tambahan Perbelanjaan Pembangunan Pertama Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2016 – Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 dan Penyata Memorandum mengenai:

- Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Siri 3 Tahun 2014
- Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi negeri Johor Tahun 2014.

Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2016 – Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2014

Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2016 – Penyata Kewangan Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2016 – Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Bgi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2016 – Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2016 – Penyata Kewangan Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2016 – Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2016 – Penyata Kewangan Perbandanan Stadium Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

**Jurutulis : SOALAN LISAN.**

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Sungai Abong, jemput.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Apakah kesan daripada kemerosotan nilai ringgit dan juga penurunan harga minyak terhadap projek *Refinery And Petrochemical Integrated Development (RAPID)* di Pengerang?

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Jorak, jemput.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh (Jorak) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 2.

Apakah status terkini pembangunan industri gas dan minyak di Pengerang memandangkan harga minyak mentah yang rendah dan apakah aktiviti hiliran dalam industri minyak dan gas di Pengerang.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sungai Abong dan Yang Berhormat Jorak secara bersekali.

Kedua-dua Ahli Yang terhormat telah membangkitkan berkenaan status terkini pembangunan industri gas dan minyak di Pengerang memandangkan harga minyak mentah yang rendah dan apakah status aktiviti hiliran dalam industri minyak dan gas di Pengerang dan juga kesan daripada kemerosotan nilai ringgit dan juga penurunan harga minyak terhadap projek *Refinery and Petrochemical Integrated Development* ataupun dengan izin RAPID di Pengerang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia, projek Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC) dibangunkan di atas sekeping tanah dengan keluasan 20,000 ekar terletak di Pengerang, dalam Daerah Kota Tinggi di Johor. Antara pembangunan utama dalam PIPC adalah *Refinery And Petrochemical Integrated Development* (RAPID) dan juga Terminal Laut Dalam Pengerang ataupun dengan izin Pengerang Deepwater Terminal (PDT).

Apabila siap sepenuhnya, PIPC melalui industri hiliran minyak dan gas akan menempatkan kemudahan penyimpanan, penapisan minyak, loji petrokimia, kemudahan regasifikasi gas asli cecair (LNG) serta loji pemecahan naphtha dan akan menjadi satu daripada sumber pendapatan negara.

Bagi komponen pertama iaitu RAPID, secara keseluruhan, kerja-kerja fizikal bagi projek RAPID yang memberi fokus kepada sektor hiliran minyak dan gas telah mencapai dua puluh lima peratus (25%). Projek yang dibangunkan di atas tanah yang berkeluasan lebih 6,000 ekar ini dijangka akan mula beroperasi pada pertengahan tahun 2019.

Komponen kedua di dalam PIPC iaitu Terminal Laut Dalam Pengerang atau disebut sebagai Pengerang Deepwater Terminal (PDT). Dengan keluasan 1,300 ekar, Terminal Laut Dalam Pengerang (PDT) diusahakan oleh Syarikat Dialog Group Berhad, Royal Vopak dan Permerbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (SSJ) yang akan melabur sebanyak RM11 bilion.

Pembangunan PDT dibangunkan mengikut fasa. Fasa yang kini sedang diusahakan terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu SPV 1, SPV 2 dan SPV 3. Dengan SPV 1 telah pun siap dan mula beroperasi sejak April 2014, dengan kapasiti penyimpanan 1.3 juta meter padu dan telah menerima lebih 509 kapal sehingga 30 Mac 2016.

Sementara itu bagi SPV 2, ianya masih lagi dalam proses pembinaan. Status terkini bagi SPV 2 yang akan menempatkan terminal tangki dan kemudahan marin ialah dengan masing-masing 19% dan 26% status pembinaan. Terminal tangki ini nanti akan mempunyai kapasiti penyimpanan 2.1 juta meter padu khusus untuk kegunaan RAPID Petronas.

Bagi SPV 3 pula, kemajuan kerja adalah pada kadar 22% dengan jangkakan jumlah pembinaan sebanyak RM2.7 bilion.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, industri minyak dan gas melibatkan dua sektor utama iaitu sektor hulu atau disebut *upstream* dengan izin, dan sektor hiliran disebut *downstream*. Bagi sektor hulu minyak dan gas ianya melibatkan aktiviti-aktiviti eksplorasi, pencarian dan pengeluaran minyak mentah dari dasar laut.

Manakala bagi sektor hiliran minyak dan gas pula merangkumi aktiviti-aktiviti seperti perdagangan, penyimpanan, penapisan, pemprosesan sehingga ke produk akhir

petrokimia seperti produk plastik, minyak pelincir, farmaseutikal, aksesori kereta, tayar dan lain-lain.

YB Tan Sri Speaker, walaupun, kita sedang berhadapan dengan senario penurunan harga minyak global, tetapi ia tidak menggugat kerancangan pembangunan di Pengerang. Ini dapat dibuktikan apabila PETRONAS terus memberikan komitmen penuh dengan mengumumkan operasi *Ready For Start-Up* dengan izin, kilang penapisan minyak RAPID yang dijangka akan bermula pada suku pertama 2019 seperti yang dijadualkan. Pengumuman ini adalah lanjutan daripada keputusan akhir pelaburan dengan peruntukan pelaburan sejumlah USD27 bilion yang dibuat pada 2014.

Sebenarnya kesan penurunan harga minyak global lebih dirasai kepada rantaian nilai tenaga ke atas sektor hulu industri minyak dan gas atau *upstream oil and gas* yang melibatkan kerja-kerja eksplorasi dan cari gali minyak.

Oleh itu walaupun berlaku kejatuhan harga minyak dan nilai mata wang, ingin dinyatakan bahawa sebenarnya tidaklah memberi kesan kepada projek Pengerang Integrated Petroleum Complex ini. Segala projek yang direncana masih lagi berjalan dengan lancar dan mengikut jadual asal. Dan dengan izin Allah jua, PIPC ini akan meletakkan Johor sebagai salah satu destinasi terbaik dunia bagi hab industri hiliran minyak dan gas satu hari nanti (Dewan bertepuk).

**YB Tan Sri Speaker :** Sungai Abong.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang telah memberikan jawapan yang secara khususnya menerangkan tentang kerancangan pembangunan fizikal.

Saya ingin tahu baru-baru ini ada kenyataan yang dikeluarkan oleh Petronas sendiri dan syarikat-syarikat *petrochemical* yang mana mahu menanggungkan beberapa projek oleh kerana kesan ekonomi dan harga minyak yang merudum. Contohnya, Petronas baru-baru ini telah mengumumkan bahawa dia akan memotong pelaburan hingga 1/3%, contoh Petronas Petrochem dalam projek *Elastomer Project*. Daripada 3.9 bilion, Petronas akan memotong hingga 1.3 bilion projek tersebut dan saya yakin ada lagi syarikat-syarikat *petrochemical* luar negara yang telah membuat komitmen untuk melabur dalam projek RAPID akan menanggung atau membatalkan *investment* tersebut.

Jadi, saya ingin bertanya kalau boleh senaraikanlah adakah syarikat-syarikat yang telah berjanji untuk melabur dalam projek RAPID akhir-akhir ini telah membuat keputusan untuk menanggung ataupun membatalkan projek-projek tersebut. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YAB Menteri Besar :** Terima kasih Yang Berhormat. Apa sahaja perbincangan mengenai pelaburan di Pengerang akan dilakukan oleh pihak Petronas sendiri. Bagi mana-mana cadangan pelaburan untuk pelbagai jenis industri yang hendak dilakukan di situ. Dan, sudah tentulah proses ini berjalan mengikut satu jangka masa yang mana bagi Petronas kita percaya bahawa dalam satu-satu bidang aktiviti misalnya seperti yang dikatakan itu bukan sahaja dirunding dan di bincang dengan satu syarikat tetapi pelbagai syarikat. Jadi, bermakna kalau satu tidak berjaya, maknanya ada yang lain-lain yang bersedia menunggu untuk melabur di kawasan itu. Dan, ini dapat dilihat khususnya kalau hendak diberi contoh semasa saya membuat lawatan pelaburan ke negara Jepun, di mana banyak syarikat-syarikat Jepun yang ingin melabur di Pengerang tetapi ingin kepastian untuk mendapat bekalan hasil daripada projek Petronas di situ. Tetapi kalau tak dapat,

maka mereka tak mahu melabur di situ. Jadi, ia bergantung, kalau katalah Petronas tidak berjaya dengan satu syarikat, maka banyak syarikat lain yang bersedia untuk melabur. Jadi, mungkin itu pengumuman yang dibuat oleh Petronas berasaskan kepada setiap perbincangan, perundingan yang dibuat dengan syarikat. Tetapi jaminan Petronas kepada kerajaan negeri ialah ia akan terus melaksanakan projek ini dan seperti yang telah dijanjikan, ia akan mula beroperasi dalam tahun 2019.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput Jorak.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh (Jorak)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Menyambung kepada persoalan yang dibawakan oleh Yang Berhormat Sungai Abong, saya juga membaca beberapa berita menyatakan bahawa banyak syarikat-syarikat hiliran membuat produk-produk petrokimia yang sudah pun memberhentikan, menutup syarikat mereka dan membuang pekerja. Jadi, cuma kebimbangan saya ialah walaupun tidak ada satu data yang khusus tentang perkara ini mungkin berlaku untuk RAPID, tetapi saya harap kerajaan negeri juga harap harus proaktif andainya apa yang telah dirancang terutamanya daripada segi tenaga kerja masa depan, jika syarikat-syarikat yang diharapkan akan beroperasi menutup syarikat mereka dan membuang pekerja ataupun tidak mengambil pekerja, itu sahaja.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput.

**YAB Menteri Besar** : Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar tetapi itu banyak bagi syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti hulu, *upstream* bukannya *down stream*.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Sepanjang, selama ini projek PIPC di Pengerang telah dikatakan membawa impak yang begitu besar terhadap alam sekitar dan juga sosial ekonomi masyarakat setempat, walaupun Yang Berhormat Menteri Besar yang lepas ada memberi jaminan dalam Majalah Holistik yang dikeluarkan oleh ...

**YB Tan Sri Speaker** : Menteri Besar yang lepas?

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Ya, dia... dalam majalah Holistik tersebut telah disebut bahawa dijangkakan industri petrokimia ini akan mendatangkan pulangan yang lumayan sepanjang 16 tahun. Jadi, sekarang ini memandangkan keadaan ekonomi yang tidak begitu menggalakkan, pada masa yang sama ada ramai, apa tu, korporat-korporat besar dalam industri telah tidak melabur dalam industri ini. Jadi adakah, adakah impak yang dijangkakan oleh projek ini berbaloi kalau di banding dengan apa pulangan yang kita dapat pada hari ini. Mintak penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan data-data dan statistik-statistik yang lebih terperinci.

**YB Tan Sri Speaker** : Ok. Jemput

**YAB Menteri Besar** : ...(masalah teknikal)... Dari segi lain secara umumnya apabila projek ini siap PIPC ini, ia berpotensi menyumbang sebanyak RM18.3 bilion kepada pendapatan negara kasar pada tahun 2020. Ini mintak pembangkang catit supaya dapat hebahkan kepada semua yang dengar ceramah dia.

Dari segi pendapatan negara kasar ia akan menyumbang sebanyak RM18.3 bilion pada tahun 2020. Selain daripada itu, kita akan menyaksikan di kawasan itu pertumbuhan aktiviti *midstream*. Tadi hiliran, ini *midstream* iaitu melalui pelbagai aktiviti sokongan

seperti rangkaian logistik, keperluan prasarana di pelabuhan, aktiviti pembersihan dan selenggara serta pelbagai lagi aktiviti sokongan yang akan menjadikan PIPC lebih cekap, lengkap dan berkesan. Maknanya kita sebagai rakyat kena bersedia untuk rebut semua itu, yang tidak memerlukan kemahiran teknikal dan sebagainya. Tak semestinya kita mahir dalam soal apa tu, dalam bidang minyak dan gas, tetapi ini adalah aktiviti-aktiviti sampingan kepada pelbagai jenis kegiatan ekonomi, pertumbuhan ekonomi yang berlaku dalam kawasan itu.

Ketiga, kesan daripada siapnya projek PIPC ini, ia boleh menghasilkan sinergi antara Malaysia dengan Singapura dengan membentuk hab minyak serantau dengan kapasiti 10 juta meter padu. Itu bermakna kita *compliment*, kita boleh bekerja sama dengan Singapura untuk jadikan ini hab minyak serantau kerana ini kan menjadi kawasan yang menyediakan penempatan, penyimpanan minyak sehingga kapasitinya 10 juta meter padu. Dan, kita boleh bayangkan perdagangan yang berlaku, *the trading that will happen* dalam kawasan serantau tersebut.

Dan, ini tidak termasuk soal mewujudkan peluang pekerjaan yang besar semasa pembinaan 50,000 pekerja dan apabila operasi 4,000 pekerja sepenuh masa dan 5,000 anggota sokongan dalam sektor perkhidmatan apabila PIPC itu siap kelak. Dan, yang paling penting, dalam usaha untuk menjayakan semua itu, kerajaan pusat telah memperuntukkan kepada kawasan Pengerang RM2.49 bilion menyediakan kemudahan prasarana awam dan infrastruktur di Pengerang. Apa lagi nak cakap memang ada kesan dan manfaat dalam kita menjayakan projek tersebut.

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat Tanjung Puteri, jemput.

**YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 3.

Tahniah kepada Koperasi Iskandar Malaysia kerana menubuhkan kedai harga patut, soalnya adakah harga yang ditawarkan di kedai tersebut menjejaskan perniagaan di kedai Malaysia dan kedai-kedai lain.

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat Machap, jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Berapa banyakkah Kedai Harga Patut IMCoop yang telah berpotensi di Johor dan sambutan terhadapnya?

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat Rengit, jemput.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Kedai IMCoop satu Produk Johor yang kini jadi sebutan ramai di negeri ini. Kedai ini bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat. Nyatakan pencapaiannya sehingga 31.3.2016. Apakah pelan komprehensif dan dinamik IMCoop menjadi pilihan nombor satu rakyat Malaysia.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Assalamualaikum warahmahtullahi wabarakaatuh, selamat pagi dan salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan untuk saya

menjawab secara bersekali ketiga-tiga soalan yang dikemukakan oleh Tanjung Puteri, Machap dan juga Rengit.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, IMCoop merupakan kedai harga patut yang diwujudkan oleh Koperasi Iskandar Malaysia Berhad, yang mana Koperasi Iskandar Malaysia Berhad ini telah ditubuhkan pada 14 November 2014 sebagai sebuah koperasi berstatus menengah hasil daripada kerjasama kerajaan negeri Johor, IRDA dan juga Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan geran padanan berjumlah RM10 juta. Ini merupakan inisiatif kerajaan negeri bagi menjayakan Pelan Suara Hati Johor yang keempat, iaitu untuk membantu rakyat menangani kos sara hidup. Kedai IMCoop ini merupakan kedai harga patut yang menawarkan harga yang rendah dan berpatutan. Jadi, satu-satu kawasan kedai itu diwujudkan. Ia tidak bertujuan untuk bersaing dengan kedai runcit yang lain tetapi harga yang ditawarkan adalah sangat munasabah bagi keperluan masyarakat setempat.

Dari segi pencapaian IMCoop pada ketika ini, walaupun baru dilancarkan pada 28 November 2015 iaitu di kedai IMCoop Kofa Masai, Pasir Gudang. Sehingga hari ini telah ada empat rangkaian kedai ini iaitu kedai IMCoop di Paloh yang dirasmikan pada hari semalam oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan Malaysia, Kedai IMCoop di Larkin Idaman, Johor Bahru dan juga Kedai IMCoop di Setia Tropika. Dari segi sambutan memang sangat menggalakkan. Anggaran jualan di kedai-kedai keempat-empat kedai ini secara puratanya jualan harian antara RM8,000.00 ke RM10,000.00 sehari dan di hujung bulan bila musim gaji dia boleh meningkat sampai ke RM17,000.00 jualan pada hari tersebut.

Dari segi rancangan pelan komprehensif untuk memastikan bahawa Kedai IMCoop ini akan terus menjadi satu yang disebutkan oleh Rengit sebagai pilihan nombor satu rakyat Malaysia. Teras perniagaan IMCoop ini berteraskan kepada empat iaitu yang pertama, sebagai hab rangkaian bekalan, IM Coop sebagai kedai harga patut, yang ketiga, IMCoop sebagai kedai atas talian dan yang keempat, IMCoop sebagai bekalan.

Untuk hab rangkaian bekalan ini IMCoop mendapatkan bekalan barangan daripada pembekal utama termasuklah juga kilang-kilang yang mengeluarkan barang-barang. Selain daripada itu, IMCoop juga telah mengadakan beberapa usaha sama dengan syarikat swasta atau pun agensi awam bagi untuk mendapatkan bekalan khususnya barangan makanan segar sama ada dalam bentuk tanaman sayur-sayuran atau pun juga bekalan ayam dan juga daging.

Untuk Kedai Harga Patut, sasaran kita sehingga hujung tahun ini kita berazam untuk membangunkan 150 buah kedai di seluruh negeri Johor dan untuk IMCoop Bekalan, kita sebenarnya juga bukan hanya gudang. IMCoop ini bukan hanya membekalkan kepada outlet kedai IMCoop yang sedia ada atau yang bakal ditubuhkan, ia juga boleh membekalkan kepada kedai-kedai runcit tradisional kepada pekedai-pekedai runcit biasa termasuklah juga mereka-mereka yang berniaga di pasar malam, di warung dan sebagainya.

Untuk Kedai Atas Talian, buat masa ini kita belum dapat menjalankannya kerana kedai ini walaupun masyarakat boleh membeli atas talian, tetapi kolaborasi dengan Koperasi Teksi Johor Bahru masih belum dapat dilaksanakan. Jadi, kita harap dengan usaha-usaha yang dilakukan ini akan dapat mencapai matlamat kerajaan negeri untuk membantu rakyat bagi menangani kos sara hidup.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput, Tanjung Puteri.



**YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada YB EXCO yang menjawab. Pada masa ini kita dapat lihat yang Kedai IMCoop ini dapat diwujudkan di kawasan-kawasan yang kita boleh katakan mempunyai penduduk yang banyak. Tapi di kawasan-kawasan pendalaman seperti di kampung-kampung, adakah boleh peniaga-peniaga di kedai runcit di kampung ini dia mengambil barangan mereka terus kepada IMCoop ini untuk mereka membuat penjualan di kedai mereka, kerana pada masa ini apa yang saya sendiri lihat di kampung saya, saya tengok mereka jual begitu mahal di kampung ini dan saya selidik didapati memang pembekal kepada barangan di kampung ini dah mahal. Jadi dia kata untuk dia mengambil keuntungan, dia terpaksa naikkan harga dan ianya begitu mahal jadi apa? kepada harga yang hendak dijual. Pertamanya, adakah boleh saya nak tanya, adakah boleh peniaga-peniaga kedai runcit di kampung ini boleh mengambil terus di warehouse IMCoop ini atau pun tidak. Keduanya, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat EXCO, adakah dibolehkan sebuah kedai Harga Patut ini diusahakan oleh orang individu, secara individu iaini tanpa mempunyai koperasi untuk digabungkan dengan Koperasi IMCoop ini. Boleh tak mereka menjalankan perniagaan seperti kedai ini. Sekian.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk soalan yang pertama itu, IMCoop memang bersedia untuk membekalkan kepada peruncit-peruncit persendirian termasuklah juga tadi yang saya katakan tadi termasuk peniaga-peniaga pasar malam dan sebagainya, malahan ada sebahagian kedai-kedai TUKAR yang di bawah KPNKK, mereka juga ada mengambil barangan di gudang IMCoop ini, memang kita menawarkan harga lebih rendah.

Untuk soalan yang kedua tadi berkaitan dengan adakah peruncit persendirian boleh buka kedai IMCoop ini. Asas IMCoop ini adalah kedai harga patut yang diuruskan oleh koperasi kenapa kita buka kedai ini atas nama koperasi, kerana dengan kita berkoperasi kita anggota kepada koperasi yang menjadi anggota kepada koperasi Iskandar Malaysia Berhad ini selain dapat beli harga murah di kedai IMCoop mereka juga akan dapat tambahan diskaun 3%. Hari ini dah ada 96 koperasi yang bergabung di bawah koperasi Iskandar Malaysia Berhad dan dengan keanggotaan 60,000 yang mereka layak dan berhak untuk dapat diskaun ini. Buat masa ini kita masih belum ada rancangan untuk buka kedai coop ini kepada peruncit atau peniaga persendirian.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput Rengit.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya Yang Berhormat. IMCoop ini adalah satu produk Johor. Kemunculan IMCoop kini menjadi sebutan di kalangan rakyat dan menjadi bualan di kalangan orang ramai. Saya nak ucapkan tahniah kepada kerajaan negeri dan Iskandar Malaysia yang mengerakkan penubuhan IMCoop ini. Dan, hari ini rakyat mula membuat perbandingan dari segi harga dan juga kualiti.

Ada yang mengatakan bahawa beli pampers di IMCoop lebih murah daripada baby shop. Beli Milo di IMCoop lebih murah daripada kedai-kedai runcit biasa dan termasuk hypermarket. Orang IMCoop ini muncul di tengah kos sara hidup yang amat tinggi dan meningkat. IMCoop ini saya ingat orang baiklah, macam orang baik, dia nak tolong rakyat. Biasanya orang baik ini akan diuji Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya dapat tahu baru-baru ini IMCoop menghadapi masalah bekalan, putus bekalan. Ada beberapa produknya pembekal tak hantar barang.

Jadi, apa persediaan IMCoop dan pelan komprehensif supaya bekalan barang ke IMCoop ini berterusan. Ini bagi menjamin IMCoop akan muncul sebagai sebuah kedai harga patut yang berterusan, itu yang penting. Yang Berhormat apa pelan komprehensif dan langkah-langkah kontingensi jika bekalan terputus. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya jumlah barangan yang tersenarai dalam yang kita rancang untuk kita supply di kedai-kedai runcit ini IMCoop ini lebih kurang 6,000 barangan yang mana sebahagiannya adalah produk-produk tempatan, IKS dan sebagainya yang mampulah untuk supply. Sebab itu dalam konteks ini, tapi hari ini barang yang dalam kedai yang dah masuk kedai lebih kurang 2,000 lebih sahaja, sebab yang lain tu sedang proses untuk upgrad dan sebagainya.

Jadi, dalam antara langkah untuk kita pastikan supaya kita tak putus bekalan sebab kita pun baru lebih kurang 4 bulan, kita mula hujung November ini baru April, kita dalam proses untuk menambah baik. Jadi, dalam konteks bekalan kita dalam satu-satu produk contohnya sos, kita tidak akan bergantung kepada satu-satu pembekal sahaja. Tetapi kita akan ambil atau pun tengok beberapa pembekal tempatan yang boleh supply. Jadi, kalau dia tak ada produk yang satu jenis ini mungkin dia akan ambil yang lain.

Jadi, buat masa ini dalam masa yang sama juga saya katakan tadi untuk pembekalan barangan basah ini kita juga telah, IMCoop telah berkolaborasi dengan beberapa agensi untuk memastikan bekalan barang basah ini, yang segar ini tidak akan putus. Saya juga nak *highlight* di sini di pihak IMCoop memang kita berhasrat untuk meluaskan secepat mungkin 150. Tapi kita juga perlukan sokongan daripada koperasi-koperasi yang ada modal besar ini, supaya mereka dapat membuka outlet IMCoop sebagaimana yang dilancarkan di Paloh semalam, Koperasi Batu 4, Paloh dia sendiri yang buka, bukan IMCoop, dia yang buka.

Jadi kalau ada koperasi-koperasi yang besar di seluruh daerah Johor ini yang boleh bantu untuk kita buka, kerana nak buka 1 outlet dengan 2 unit kedai kos lebih kurang RM400,000.00 hingga RM500,000.00 kalau semua nak bergantung kepada IMCoop sendiri mungkin agak lambat. Jadi, kita galakkan kepada koperasi untuk bantu untuk buka oleh,

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan yang lain. Selain dari kita berusaha untuk memastikan supaya pembeli-pembeli dapat terus dapat membeli di kedai IMCoop ini dengan menawarkan harga yang berpatutan tentunya ada usaha lain yang dijalankan oleh IMCoop untuk memastikan pembeli-pembeli ini mendapat faedah yang lain, mungkin yang boleh memberi dari segi kebajikan pembeli-pembeli, selain daripada harga, juga faedah-faedah lain yang boleh dimainkan oleh IMCoop untuk memastikan hubungan antara pembeli dengan kedai IMCoop ini berterusan.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya dah nyatakan tadi pewujudan kedai IMCoop ini diuruskan oleh koperasi. Kenapa koperasi, kerana dalam konteks atau pun

konsep tubuh koperasi kita tolong menolong antara kita dengan kita. Sebab tu dalam konteks ini saya katakan kita memang menggalakkan koperasi-koperasi untuk turut serta dalam Koperasi Iskandar Malaysia Berhad ini. Hari ini pun walau pun 96 koperasi yang bergabung kita baru dapat kumpulkan modal lebih kurang RM56 juta, sedangkan *matching grant* dengan izin, yang disediakan oleh kerajaan RM10 juta. Ada RM3.4 juta lagi yang tidak direbut oleh koperasi ini.

Yang kedua, IMCoop juga bergerak melalui koperasi sekolah yang mana dengan pakej-pakej yang agak mudah umpamanya dia tak perlu satu kedai yang besar tetapi melalui tempahan barangan oleh sama ada murid-murid atau pun guru-guru. Ini pun kita harap dapat apa nama ni memberikan satu kesedaran di kalangan masyarakat melalui pelajar-pelajar sekolah dan juga guru-guru. Jadi saya percaya dalam masa yang mendatang ini ia akan menjadi satu gerakan apa nama tu, kesedaran kepenggunaan ni rakyat Malaysia ini, sepatutnya dia memilih, ada pilihan yang lebih rendah harga dia kena pilih yang itu. Jadi, mudah-mudahan usaha ini akan berjaya.

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat Senggarang, jemput.

**YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan nombor 6.

Apakah langkah-langkah Pihak Berkuasa Tempatan bagi menggalakkan perniagaan secara "food truck" oleh usahawan Melayu yang semakin rama berminat menceburi bidang itu.

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat Tiram, jemput.

**YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) bagi pihak YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan nombor 7.

Apakah ada dasar yang seragam bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan mengenai peniaga dan penjaja yang menggunakan van bergerak?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya untuk menjawab soalan bersekali bagi soalan daripada DUN Senggarang dan juga DUN Tiram. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, buat masa ini tiada dasar yang seragam atau lesen khusus dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi perniagaan berkonsepkan *food truck*, *food caravan*, van bergerak atau lain-lain seumpamanya. Dasar yang sedia ada adalah berbeza mengikut polisi dan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan.

Namun begitu Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa menggalakkan dan tiada halangan bagi melesenkan penjaja berkenderaan seperti itu, jika ada permohonan. Walau bagaimanapun permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan bayaran lesen yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing. Aktiviti perniagaan ini juga adalah tertakluk kepada undang-undang kecil penjaja yang diguna pakai di setiap PBT Negeri Johor. Walaupun tidak mengklasifikasikan secara khusus lesen penjaja bergerak kepada peniaga *food truck* atau *food caravan* yang bergerak atau lain-lain yang seumpamanya, ada PBT yang membenarkan penjaja atau peniaga berkonsep sebegitu menjalankan perniagaan. Contohnya di kawasan pentadbiran daerah Mersing. Para peniaga yang menjalankan aktiviti *food caravan* diberikan permit penjaja bergerak secara bulanan di tempat-tempat yang telah disediakan.

Bagi lesen kelompok pula pihak PMG memberi fokus kepada penganjuran aktiviti perniagaan dari kalangan penduduk tempatan sebagai contohnya penganjuran *car booth sale* di daerah Mersing. Sementara itu Pihak Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah MPJBT juga telah ke arah menggalakkan penjaja sementara menjalankan perniagaan berkonsepkan *food truck*, selain sedang mengena lpasti tapak lokasi yang sesuai bagi penempatan penjaja-penjaja ini.

Pihak MPJBT juga telah mengenal pasti beberapa syarikat yang dapat menyediakan kenderaan bagi konsep tersebut dan beberapa agensi yang boleh menyediakan pinjaman bagi membelikan kenderaan *food truck* tersebut. Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa menggalakkan penjaja-penjaja sedia ada menggunakan konsep penjajaan kenderaan bagi mengelakkan warung-warung di bina di bahu jalan dan di lokasi yang tidak sepatutnya yang boleh menimbulkan kacau ganggu. Di samping itu keadaan persekitaran juga akan sentiasa bersih dan dapat mengurangkan wabak penyakit seperti denggi dan taun.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput.

**YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya adalah seperti berikut; apakah inisiatif oleh Kerajaan Negeri melalui PBT untuk memudahkan mahu pun mengkaji undang-undang kecil perniagaan *food truck* ini bagi menarik usahawan-usahawan *food truck* memilih perniagaan bergerak di seluruh negeri Johor? Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Terima kasih kepada ADUN Senggarang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti yang saya maklumkan tadi dari segi pihak PBT kita hanya benarkan perniagaan tertakluk kepada undang-undang kecil penjaja yang perniagaan dikategorikan sebagai lesen penjaja bergerak yang diguna pakai oleh semua pihak Pihak Berkuasa Tempatan Negeri. Dalam mesyuarat EXCO yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat, telah mengarahkan saya untuk kita melihat kembali dalam bentuk perniagaan baru.

Dan, saya pun telah mengarahkan SUK Kerajaan Tempatan untuk kita mengkaji semula undang-undang kecil penjaja bagi memudahkan usahawan-usahawan *food truck* dapat menjalankan perniagaan mereka dengan mudah. Di samping itu kita juga telah mengarahkan pihak PBT untuk menyediakan ruang-ruang niaga bagi perniagaan *food truck* yang secukupnya di semua daerah ini, kerana kita tahu bila berlakunya perniagaan sebegini, akan berlaku perebutan. Dan, lebih-lebih lagi kita ingin mengelak dalam keadaan di mana kadang-kadang peniaga-peniaga ini memberi membenarkan lesen diguna pakai oleh warga asing.

Ini lagi agak berbahaya kalau kita membenarkan hanya melalui kawasan-kawasan tertentu. Jadi, garis panduan itu sedang kita rangka dan selain daripada itu kita juga ada mengadakan *Carnival Food Truck* sebulan sekali dan saya akan arahkan setiap PBT mewujudkan karnival sebulan sekali di setiap PBT masing-masing untuk kita menyelaras kawasan-kawasan yang dibenarkan antara *food truck* dan PBT-PBT lain untuk masuk walau pun dia terikat kepada syarat-syarat yang kita akan tetapkan. Dan contohnya di Majlis Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Pasir Gudang kita ada menganjurkan Program Belia Karnival Usahawan Pusat Bandar Pasir Gudang pada 9 dan 10 April yang lalu, di mana kita menyediakan ruang *food truck* yang secara tidak langsung yang dapat memberi kepada peniaga-peniaga *food truck* ini daripada kawasan Johor Bahru sendiri bergerak ke kawasan di PBT Pasir Gudang. Jadi, penyelarasan kita adalah kita tidak boleh

meletakkan maknanya PBT, contoh PBT Johor Bahru Tengah boleh pergi ke PBT lain. Jadi, penyelarasan itu kita akan buat berdasarkan pengawalan kita terhadap pemiagaan ini supaya tidak berlaku perebutan.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Penawar jemput.

**YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan saya nombor 8.

Dalam ekonomi dunia yang tidak menentu, adakah berlaku peningkatan kehadiran pelancong ke negeri Johor sama ada pelancong domestik mahu pun antarabangsa?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Selamat pagi, salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri melalui Tourism Johor bertanggungjawab bagi membincang, melaksana dan memantau program-program penggalakan pelancongan bagi negeri Johor. Maklumat utama program penggalakan pelancongan adalah untuk memperkenalkan negeri Johor sebagai destinasi pelancongan yang menarik untuk dilawati oleh pelancong domestik dan antarabangsa. Peningkatan jumlah ketibaan pelancong atau pelawat dan mengenal pasti produk pelancongan agar memenuhi keperluan pasaran.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah pelancong yang bermalam di negeri Johor bagi tempoh 2 tahun iaitu tahun 2014 dan tahun 2015 berdasarkan *hotel survey* dengan izin, yang di perolehi daripada pihak Tourism Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak 8.2% iaitu seramai 6.95 juta orang pada tahun 2015, berbanding 6.42 juta orang pada tahun 2014. Johor telah mencatatkan kadar peningkatan pelancongan tertinggi di Malaysia pada tahun lepas. Daripada jumlah tersebut, pelancong domestik mencatatkan seramai 4.38 juta orang pada tahun 2015, berbanding 4.02 juta orang pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 9.06%. Manakala pelancong antarabangsa mencatat seramai 2.56 juta orang pada tahun 2015, berbanding 2.4 juta orang pada tahun 2014, iaitu peningkatan sebanyak 6.75%.

Bukan itu sahaja, daripada kajian Tourism Malaysia menunjukkan negeri Johor berjaya menduduki tangga ketiga di Malaysia bagi jumlah pelancong yang bermalam seramai 6.95 juta orang pada tahun 2015, yang membawa maksud berjaya mengekalkan kedudukan di tiga tempat teratas seluruh negara.

Di samping itu, Negeri Johor juga mencatat peningkatan dari segi kadar purata penginapan hotel yang telah merekodkan peningkatan sebanyak 1.9% iaitu sebanyak 58.5% pada tahun 2015 meningkat daripada 56.6% yang dicatatkan pada tahun 2014. Ini menunjukkan bahawa peningkatan pelancong yang bermalam ke negeri Johor juga telah membantu meningkatkan kadar penginapan di hotel-hotel dalam negeri Johor, yang mana limpahan industri pelancongan yang dijana hasil daripada ketibaan pelancong ke negeri Johor telah berjaya dikembangkan saban tahun kepada sektor perhotelan dan hospitaliti di Negeri Johor.

Peningkatan ini juga adalah disebabkan oleh sokongan dan kerjasama secara berterusan oleh semua pihak yang terlibat termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sentiasa prihatin terhadap perkembangan industri pelancongan. Saya berharap sokongan dan kerjasama ini dapat dipertingkatkan lagi oleh semua pihak bagi menjadikan negeri Johor destinasi pelancongan bernilai tinggi dan keseturuhannya dapat meningkatkan jumlahnya pada tahun-tahun yang mendatang.

**YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput Penawar.

**YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Soalan tambahan saya, apakah usaha yang paling ketara sekali yang dapat menarik kedatangan pelancong sehingga menampakkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya?

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput YB.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Penawar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor tidak pernah leka dalam mempergiatkan promosi pelancongan Johor dari semasa ke semasa. Walaupun menunjukkan peningkatan ketara daripada tahun 2013 sehinggalah tahun 2015, sepanjang tahun 2015, Kerajaan Negeri telah mengadakan 8 kali program Explore Johor bersama penggerak-penggerak industri pelancongan tempatan ke bandar-bandar dalam dan luar negeri bagi mempromosikan pelancongan Johor dan sebanyak 6 kali *fan trip* meliputi media serta agen-agen pelancongan luar Johor untuk mengenali dan merangka pakej pelancongan ke Johor. Selain itu, promosi melalui penggambaran dokumentari dan rancangan realiti tv, produk pelancongan Johor serta Johor *Signature Event* dengan izin dan acara-acara berimpak tinggi sepanjang tahun untuk menarik kedua-dua pelancongan domestik dan antarabangsa ke Negeri Johor.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Dr. Haji Zalni bin Abu Bakar (Nusajaya) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Kita sedia maklum bahawa keadaan ekonomi dunia agak kurang stabil dan agak lembap juga. Dan nilai mata wang negara kita secara relatifnya agak rendah berbanding nilai mata wang negara luar. Jadi kesempatan dan peluang yang ada ini, soalan saya, apakah langkah-langkah atau aktiviti kerajaan negeri Johor yang lebih kreatif, yang lebih inovatif, yang lebih berkesan untuk menarik pelancong luar negara supaya mereka dapat berkunjung di sini dan kalau datang sini, nak datang balik semula. Terima kasih Pengerusi.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Terima kasih Yang Berhormat Nusajaya atas soalan tambahan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memang kelemahan mata wang di Malaysia adalah satu kelebihan kalau berbanding dengan jiran-jiran yang berada di dekat dengan negeri kami. Ini adalah satu kelebihan dan pada masa yang terdekat ini, kita akan merancang ada satu Johor Mega Sale yang akan berlangsung 10 hari mulai 27 Mei hingga 5 hari bulan Jun. Ini adalah salah satu tarikan juga kepada pelancong yang berkunjung ke negeri Johor dan selalu datang ke negeri Johor.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, selain pelancongan, pelancong baru yang berkunjung ke Johor, kerajaan negeri berkomited untuk menarik *repeat tourist* dengan izin ke mari ke negeri Johor. Kerajaan negeri mengambil pendekatan Muafakat Johor supaya mewujudkan kestabilan masyarakat kita dengan adanya kestabilan dan keharmonian

masyarakat yang pernah berkunjung ke Johor akan kembali disebabkan rasa selamat dan senang hati.

Kerajaan Negeri juga mengenal pasti kepelbagaian produk pelancongan baru membolehkan banyak pilihan untuk berkunjung ke mari, ke Johor bagi menerokai *cluster* pelancongan yang bertainan. Selain itu, kursus *We Are The Host* dengan izin telah ditawarkan kepada pengusaha pelancong untuk meningkatkan mutu perkhidmatan terbaik kepada pelancong agar pelancong mengalami pengalaman pelancongan yang indah lagi menarik di sini. Lanya menolong mereka untuk ke mari melancong ke Johor apabila setiap kali ada hari percutian. Terima kasih.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Sepanjang jawapan Datuk, Yang Berhormat Datuk EXCO tadi, saya tidak nampak EXCO menjawab apakah keunikan yang telah ditonjol oleh, dalam usaha-usaha kerajaan negeri Johor khasnya Jabatan Pelancongan dalam menonjolkan keunikan Johor. Jadi, seolah-olah Datuk EXCO memberitahu kita yang berada dalam Dewan ini bahawa kita nak nilai wang ringgit ini lemah supaya ramai pelancong akan datang. Adakah ini yang kita mahu? Sudah tentu bukan.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apakah keunikan yang telah ditonjolkan oleh pihak kerajaan khasnya, ini Jabatan Pelancongan supaya menarik lebih ramai pelancong walaupun nilai ringgit, nilai mata wang ringgit ini kuat.

**YB Tan Sri Speaker :** OK.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Mengkibol. Saya Tuan Sri... Yang Berhormat Tan Sri Speaker, banyak saya sudah jawab, agaknya Mengkibol dia tak berapa faham bidang pelancongan macam mana dia untuk mempromosi dan kenapa ketika kebelakangan ini banyak tahun kita telah meningkat. Ada dia faktor dia. Ini mata wang salah satu faktor sahaja. Ada banyak produk-produk telah dibangunkan dan banyak produk kita dibahagikan sebelah *kluster*, TDC berada di negeri Johor. Sama ada budak kecil atau sampai orang dewasa sampai orang tua juga, ada peminat, ada tempat-tempat menarik untuk mereka melancong ke negeri Johor. Dan kitalah sama-sama berusaha, bukan sentiasa disalahfahamkan oleh parti-parti atau orang-orang yang tak bertanggungjawab. Itulah mustahak kerana kita tadi saya telah sebut, kita mewujudkan suasana muafakat, kita keharmonian, kita rasa rakyat Johor semua mesra, layanan yang bagus dan merekalah selalu datang. Jangan selalu kita timbulkan berita-berita yang bukan-bukan dan ditaksir salah oleh orang-orang negeri lain dengan orang luar negara. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Paloh, jemput.

**YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 9.

Sila nyatakan bilangan "Rumah Orang Tua" swasta yang berdaftar dengan kerajaan mengikut daerah dan berapakah bilangan orang tua yang tinggal di situ.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat... eh.. (Dewan ketawa)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Sampai tersilap...

**YB Tan Sri Speaker :** Soalan nombor 9.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Paloh.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, sebanyak 60 buah Rumah Orang Tua swasta di Johor yang berdaftar dengan kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang mana 33 adalah dikendalikan oleh pihak persendirian ataupun individu yang tidak menerima geran dengan jumlah penghuni keseluruhan berjumlah seramai 787 orang. Ini termasuk mengikut Akta Pusat Jagaan 1993 yang mewajibkan semua pusat jagaan yang ditubuhkan perlu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Manakala 27 rumah orang tua swasta yang mendapat bantuan kewangan dari Kerajaan Negeri Johor dan Persekutuan melalui bantuan geran dengan jumlah keseluruhan penghuni seramai 404 orang yang ditubuhkan oleh badan-badan NGO's. Dan pecahan mengikut daerah adalah sebagaimana berikut – Johor Bahru 17 rumah orang tua yang dibuka oleh pihak persendirian, jumlah penghuninya ialah 430 orang, yang menerima geran adalah sebanyak 11 rumah orang tua dengan penghuninya berjumlah 236. Bagi Muar yang swastanya adalah 6, penghuninya 126; bagi Batu Pahat swasta adalah 4, penghuninya 75, manakala yang menerima geran sebanyak 2 dengan penghuninya 14; dan Segamat kita ada 1 ditubuhkan oleh swasta dengan 17 penghuni, manakala 5 menerima geran dengan jumlah penghuni seramai 38 orang; Kluang 2 dengan penghuninya 50 orang, manakala yang mendapat geran 4 rumah orang tua dengan 56 orang; Pontian 2 swasta dengan 36 penghuni, manakala yang menerima geran 1, penghuninya adalah seramai 7 orang; dan Kota Tinggi adalah yang menerima geran 1 buah dengan penghuninya lebih kurang 7; Mersing begitu juga yang menerima geran 1, dengan penghuninya lebih kurang 8 orang; dan Kulai, swasta 1 dengan penghuninya 53, manakala menerima geran 2, dengan jumlah penghuninya 38 orang dan jumlah keseluruhannya adalah seramai, sebanyak 33 yang diusahakan oleh pihak swasta atau pun persendirian dan 27 diusahakan oleh badan NGO's dengan 404. Keseluruhannya adalah seramai 1,191 orang di seluruh negeri Johor.

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan yang dapat kita kemukakan pada hari ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis pada Persidangan yang sama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersama-sama dengan kita pada pagi ini, kita mengalu-alukan rombongan daripada DUN Kawasan Tanjung Surat seramai 8 orang, rombongan daripada DUN Kawasan Penawar 40 orang dan rombongan daripada DUN Kawasan Puteri Wangsa seramai 5 orang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jurufulis ada menerima Rundingan di bawah Peraturan Tetap 30(1) dan 30(2), Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri pada 5 April 2016 daripada Yang Berhormat Puteri Wangsa. Walau bagaimanapun, Rundingan tersebut adalah ditolak di bawah Peraturan Tetap 30(2) kerana sebab Rundingan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari genap terlebih dahulu sebelum diadakan mesyuarat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan terhadap Rundingan Menjunjung Kasih dijalankan selama 4 hari mulai hari ini sehingga 20 April 2016 dan pihak kerajaan akan menggulung Perbahasan pada 21 dan 24 April 2016.



**Jurutulis : RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Tanjung Surat.

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman** (Tanjung Surat) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmahtullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya memohon membawa rundingan bahawa satu ucapan Menjunjung Kasih dipersembahkan pada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor seperti berikut : Ampun Tuanku, adalah patik, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu Tanjung Surat ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberi peluang kepada Tanjung Surat berucap untuk membawa usul Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di atas perkenan Baginda untuk berangkat dan seterusnya merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada hari Khamis, 14 April 2016 yang lalu.

Tanjung Surat juga ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini, untuk mengucapkan takziah kepada ke bawah Duli Tuanku Sultan di atas kemangkatan putera kesayangan Yang Amat Mulia Almarhum Tunku Abdul Jalil Ibni Sultan Ibrahim Tunku Laksamana Johor Disember yang lalu. Walaupun mangkat dalam usia yang muda, Baginda telah meninggalkan berbagai kenangan yang manis. Seorang Pegawai Polis yang berwibawa, jasa baik Baginda dalam badan-badan amal juga banyak terserlah, sangat bertepatan masjid di Kontinjen Polis Johor dinamakan Masjid Tunku Laksamana Abdul Jalil. Semoga roh Baginda dicucuri rahmat dan ditempatkan Baginda bersama-sama orang yang beriman.

Tanjung Surat juga tidak lupa untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pasukan Bola Sepak Negeri Johor Darul Ta'zim (JDT) yang telah menjadi Juara Piala AFC pada tahun yang lalu. Ianya telah pasti mengharumkan nama Negeri Johor bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat antarabangsa.

Seperiti titah Tuanku Sultan "yang bulat tidak datang bergolek dan yang pipih tidak datang melayang". Kejayaan yang dicapai oleh Pasukan JDT ini bukanlah dicapai tanpa usaha yang gigih. Tanjung Surat berpendapat, tanpa peranan besar yang dimainkan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, kejayaan-kejayaan yang diraih oleh JDT akhir-akhir ini adalah mustahil untuk dicapai. Bagindalah yang bertanggungjawab memajukan bola sepak negeri Johor. Walaupun tewas malam tadi, tetapi jangan bimbang perlawanan timbal balas nanti kita nak menang 1-0 saja. Kita boleh ke peringkat akhir, insya-Allah.

Dari aspek-aspek pengurusan, latihan, kebajikan pemain dan kemudahan yang diperlukan dalam bola sepak moden semuanya diambil berat oleh Baginda. Kemudahan dan kelengkapan Pasukan JDT sentiasa dipertingkatkan termasuk terbinanya Pusat Latihan Tertutup di Seri Gelam. Kemudahan dan kelengkapan yang ada di Johor telah menarik minat pengendali Pasukan Bola Sepak Kebangsaan untuk membawa Pasukan Bola Sepak Kebangsaan untuk menumpang berlatih di Johor.

Pada suatu ketika dulu, bola sepak di Malaysia termasuk di Johor sangat malap, setelah beberapa pasukan dan pemain-pemain terlibat dengan rasuah. Di dalam stadium, kalau kita di Stadium Larkin hanya 200, 300 orang sahaja yang menonton perlawanan bola sepak. Sebahagian tak bayar pun, yang bayar sebahagian sahaja. Tapi sekarang berbeza. Dengan usaha Tunku Mahkota Johor, stadium sentiasa penuh, pas-pas masuk

bermusim habis dijual. Duli Yang Maha Mulia Brigadier General Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor pada 19 April yang lalu telah menerima Anugerah Pentagon Award bagi Kategori "The Leaders' Leader Award" dalam satu Majlis Makan Malam yang diadakan di Fullerton Bay, Singapura. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Mr. Krishna Ramachandra selaku Pengerusi Tempines Rovers, yang mana anugerah tersebut mengiktiraf usaha, daya inovatif, inspirasi dan kepimpinan yang ditonjolkan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor dalam membimbing Kelab Bola Sepak JDT mengecapi kejayaan. Semoga Pasukan JDT terus maju dan menempa banyak lagi kejayaan setelah memenangi Piala AFC 2015 dan Juara Liga, Liga Super Malaysia 2 tahun berturut-turut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berbalik kepada titah ucapan Tuanku Sultan, titah ucapan Baginda merangkumi kebanyakan aspek-aspek kehidupan rakyat Johor. Sebagai seorang Raja terkenal dengan berjiwa rakyatnya, semua perkara diambil kira oleh Baginda yang melibatkan rakyat Johor yang Baginda sayangi. Baginda telah beberapa kali menegaskan termasuk dalam titah ucapan kali ini. Saya masih percaya dengan Menteri Besar sekarang dan yakin dengan barisan kepimpinan kerajaan negeri yang ada, dan seterusnya mengingatkan Ahli-Ahli Dewan supaya tidak ada yang menjadi musuh dalam selimut yang cuba mengganggu kestabilan politik yang tetap kukuh di negeri Johor ini.

Tanjung Surat ingin menambah begitu juga pihak luar tidak payahlah membawa isu pertukaran MB ini berterusan. Sebelum ini Baginda pernah bertitah, "saya tahu Menteri Besar mempunyai visi yang besar untuk menjadikan Johor *economic power house*, dengan izin, bagi Malaysia dan saya menyokong visi beliau supaya sejarah kegemilangan Johor lebih 100 tahun yang lalu berjaya dikembalikan".

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tanjung Surat mahu sokongan sepenuhnya diberikan kepada YAB Dato' Khaled Nordin selaku Menteri Besar Johor. Janganlah ada yang menimbulkan lagi isu pertukaran Menteri Besar. Kita ini sekarang berada dalam bulan Rejab yang mulia, ambillah peluang untuk membaiki hubungan sesama insan dengan memaafkan kesilapan orang lain serta kembali meningkatkan silaturahim. Ini macam khutbah Jumaat yang lepas ya. Sucikanlah jiwa daripada sifat amarah jauhi kebencian dan dendam sesama kita. Biarlah Menteri Besar kita terus dengan usahanya untuk memajukan Johor tanpa gangguan dari mana-mana pihak. Bagi Tanjung Surat, *he is the man for Johor*, dengan izin. Saya iringi dengan serangkap pantun. Dua tiga kucing berlari, Manakan sama si kucing belang; Dua tiga boleh dicari, Manakan sama Dato' Khalid seorang.

Johor masih berjaya mengekalkan rekod 3 tahun berturut-turut untuk nilai pelaburan diluluskan yang tertinggi di dalam bidang pembuatan. Kerajaan telah, juga telah berjaya merekodkan lebihan hasil untuk tempoh 5 tahun berturut-turut. Lebihan hasil terkumpul tahun 2015 mencecah RM1 bilion. Prestasi yang memberangsangkan ini berjaya dihasilkan kerana pentadbiran negeri dan pentadbiran kewangannya cekap, telus, adil yang diketuai oleh YAB Dato' Menteri Besar kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerjasama yang erat di antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat khasnya bantuan Kerajaan Pusat dalam bentuk peruntukan kewangan atau pun penyediaan prasarana awam membolehkan kerajaan negeri Johor meneruskan agenda dengan ekonominya. Kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin mengambil kira pembangunan semua 10 daerah dalam negeri Johor, tidaktah hanya tertumpu kepada Pembangunan Wilayah Iskandar dan Pembangunan Hab Industri Minyak dan Gas di Pengerang. Dari cetusan beliau, idea beliaulah Pelan Pertumbuhan Strategik Johor dirangka. Dasar-dasar Kerajaan Negeri bukan sahaja untuk mempercepatkan pertumbuhan dan kemakmuran tetapi juga untuk memastikan pembangunan masa depan adalah seimbang, inklusif dan lestari merentasi seluruh negeri Johor.

Tiap-tiap daerah mempunyai potensi untuk membangun dalam bidang-bidang tertentu yang akan diberikan penekanan. Dengan adanya projek-projek pembangunan dilaksanakan di setiap daerah, rakyat akan menikmati kemajuan. Selain dari itu peluang pekerjaan yang banyak dengan pendapatan yang lebih tinggi terbentang luas. Secara menyeluruh, kesejahteraan rakyat akan dapat ditingkatkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga mengemukakan satu gagasan yang beliau namakan Gagasan Johor Berkemajuan. Gagasan ini akan menyatukan segala usaha kita semua selama ini. Gagasan ini adalah satu agenda besar untuk memajukan pemikiran dan kehidupan bangsa. Tugas yang harus dilaksanakan ialah membentuk masyarakat yang berfikiran dan mempunyai sistem nilai yang maju. Bukan setakat meraih pendapatan yang tinggi malah bersusila dan berakal budi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tanjung Surat menyambut baik saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya kerajaan negeri menubuhkan *Bank Of Johor*. Walaupun kita dengar agak baru ia, benda baru *Bank Of Johor*, tapi satu masa ketika dulu, satu ketika dulu ada sebuah negeri di Malaysia ini yang ada saham besar dalam sebuah bank. Tapi bank itu tak namakan negeri itu, maksud saya negeri Sarawak, Bank Utama. Tapi Bank Utama dah tak adalah, jadi Bank Utama itu dahulu majoriti sahamnya adalah kerajaan negeri Sarawak. Jadi maknanya bank yang majoriti pegangannya oleh kerajaan negeri pernah berlaku dulu.

Jadi saya tidak nampak apa mustahilnya untuk ditubuhkan *Bank Of Johor*. Saya yakin dengan ada *Bank Of Johor*, bank sendiri, kita dapat membantu rakyat untuk mendapatkan pinjaman khususnya untuk pembelian rumah, khususnya yang berpendapatan rendah, rumah murah, rumah mampu milik dan juga untuk tabungan dan pelaburan.

Tanjung Surat juga menyokong penuh keputusan kerajaan negeri yang menghendaki penceramah mendapat kelulusan dari Majlis Agama Islam Negeri Johor sebelum dibenarkan berceramah. Mencegah lebih baik dari mengubati. Jadi kita tidak mahu rakyat negeri Johor yang beragama Islam ada yang mengganggu gugat amalan seragam kita iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah dan dapat memastikan keharmonian beragama di dalam negeri Johor khususnya di kalangan umat Islam.

Tan Sri Speaker, saya ingin masuk kepada isu air yang juga ditimbul oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Pada pertengahan bulan Ogos tahun 2015 hingga Januari 2016, kawasan saya telah mengalami bekalan air berjadual, maknanya air dicatulah. Jadi, banyak kesusahan kepada rakyat khususnya mereka yang duduk di rumah mereka di tempat yang tinggi. Kadang-kadang kalau masa bekalan air dibuka masa dibekalkan, waktu dibekalkan orang bawah, orang yang di tempat rendah dapat sepenuhnya air, sebanyak-banyak mungkin. Tapi orang yang tempat tinggi kadang-kadang tinggal 1 jam atau 2 jam lagi nak habis apa itu, air tu untuk dicatu semula baru dapat.

Ada juga yang tak dapat terus, sampai sehari-hari pun ada, jadi macam-macamlah tohmahan dibuat, kakitangan SAJ dimaki hamun, YB pun tak terlepas, dia kata kalau macam ni nampaknya YB kita sepenggal ajelah. (Dewan ketawa). Jadi tuan-tuan dan puan-puan, isu air ini memang isu besar, bukan isu kecil. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri kerana mengambil tindakan segera ketika berlaku bekalan air berjadual itu untuk mendapatkan bantuan bekalan air mentah daripada Sungai Papan, walaupun tidak banyak seperti diharapkan tapi dapat membantu.

Akhirnya pertengahan Januari bekalan air berjadual dihentikan. Walau bagaimanapun, saya ingat daerah saya daerah Kota Tinggi telah habis dengan masalah bekalan ataupun

catuan air ini tapi dah menjangkit pulak ke kawasan Lok Heng, kawasan YB Rasman, Sedili. Jadi, nampaknya masalah bekalan air ini satu masalah besar yang akan dihadapi di masa-masa yang akan datang. Saya nampak masalahnya sebenarnya bukan masalah SAJ. SAJ merawat air aje, kasilah dia air mentah sebanyak mungkin dia akan rawat dan agihkan kepada penduduk.

Isunya sekarang macam mana kita nak membanyakkan air mentah. Sungai-sungai kita semakin cetek, semakin kering. Jadi apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bekalan air khususnya untuk generasi akan datang akan terus dapat dibekalkan dengan secukup mungkin. Tuanku ada mencadangkan supaya pengumpulan air hujan, ini satu cara untuk mengurangkan penggunaan air. Biarlah menggunakan air hujan untuk membasuh kereta atau menyiram pokok bunga dan sebagainya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tan Sri Speaker, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, usaha untuk membanyakkan air mentah daripada sumbernya, ini bukan satu kerja yang mudah kerana kawasan kita kawasan banyak tercemar dan kerana perbuatan manusia kekurangan air mentah sangat ketara akhir-akhir ini. Jadi banyak tindakan, langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak kerajaan negeri kerana kerajaan negeri menjual air mentah kepada SAJ untuk dirawat. Kerajaan negeri dapat hasil, jadi kalau kita banyak menyediakan air mentah hasil kita akan bertambah.

Jadi saya cadangkan beberapa langkah untuk memastikan bekalan air mentah ini mencukupi. Salah satunya, semua kawasan tadahan air hendaklah dipelihara. Yang belum diwartakan, diwartakan segera. Kawasan-kawasan yang ada kemungkinan menjadi punca-punca pencemaran seperti kilang-kilang di huluan hendaklah diatasi ataupun diambil penyelesaian, supaya tidak akan mencemar air di dalam sungai atau tempat kawasan tadahan berkenaan.

Saya juga mencadangkan supaya usaha pembenihan awan ini dilakukan lebih kerap supaya dapat membantu memastikan air mentah yang mencukupi. Jadi langkah-langkah ini dengan saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya satu kajian menyeluruh dijalankan untuk diambil tindakan untuk memastikan bekalan air yang berterusan di negeri Johor ini. Jadi Tan Sri Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak mungkin kajian, langkah-langkah yang perlu diambil dapat yang sepatutnya dijalankan oleh BAKAJ - Badan Kawalan Air Johor, saya tak jangka yang mereka dalam keadaan sekarang boleh melakukannya.

Saya mencadangkan sekali lagi supaya BAKAJ dipertingkatkan, mempunyai pegawai-pegawai dan kakitangan yang mahir, yang berkepakaran dalam bidang air, yang memproaktif, responsif dan bertanggungjawab supaya peranan nanti akan di main oleh BAKAJ akan dapat membantu kerajaan negeri Johor untuk menambah bekalan air mentah, supaya Johor bebas dari ancaman bekalan air berjadual. Selain dari itu, banyak isu-isu lain, penerobosan air masin ke dalam sungai di tempat pengambilan apa, air di pam untuk dibersihkan loji. Ini akan mengganggu proses rawatan oleh SAJ.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tuanku ada juga menyentuh tentang kenderaan yang diletak tidak tentu arah di bahu jalan, pemanduan yang melulu dan berbagai lagi. Kita rasa sudah tiba masanya kita mengambil tindakan yang tegas mengenai hal ini, hal pengangkutan ataupun kenderaan-kenderaan yang melanggar peraturan, melanggar undang-undang kerana mengikut statistik banyak sangatlah kemalangan yang berlaku di negara kita ini.

Saya dapat figure daripada JPJ, tahun lepas sahaja 480,000 lebih kemalangan berlaku, kematian 6,700 lebih. Saya dapati juga kalau hari-hari biasa, kematian di seluruh negara

18 orang. 18 orang mati di jalan raya kita tiap-tiap hari, lebih kurang. Bila musim perayaan, 23 orang mati tiap-tiap hari. Ini satu statistik yang menakutkan ya. Saya difahamkan walaupun United Kingdom mempunyai lebih penduduk daripada kita, rakyat mereka yang mati di jalan raya cuma 200 orang sahaja. Jadi saya yakin mungkin sistem pengangkutan awam mereka jauh lebih baik daripada kita. Jadi kita kena berusaha untuk meningkatkan pengangkutan awam di negeri Johor ini supaya dapat kita selamatkan lebih banyak nyawa dari mati di jalan raya.

Seterusnya Tan Sri Speaker,

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Tanjung Surat, sila duduk dan boleh menyambung semula perbahasan ini selepas kita berehat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.**

**YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan disambung semula. Jemput Tanjung Surat.

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, terkedu juga diberhentikan ketika mood sedang baik. Dia nak *built up* semula, jadi Dato' Speaker, Tanjung Surat ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan negeri dan kerajaan pusat kerana banyak membina rumah-rumah mampu milik, rumah murah untuk rakyat yang berpendapatan rendah. Masalah pembiayaan pun telah diatasi dengan adanya mereka-mereka yang tidak ada penyata gaji boleh meminjam melalui Ambank dan tak lama lagi, insya-Allah dengan kerjasama Bank Rakyat dan Yayasan Sultan Ibrahim satu lagi pembiayaan untuk membeli rumah akan ditawarkan. Saya difahamkan mungkin pinjaman 100%.

Kita melihat pembinaan rumah-rumah mampu milik ini mendapat sambutan begitu hangat. Kalau ada 1,000 rumah yang hendak dibina, sampai 4, 5,000 permohonan. Tapi dutu, sasaran kita adalah orang yang berpendapatan rendah, nelayan, petani, peniaga-peniaga kecil yang tak ada penyata gaji. Sasaran kita untuklah mereka memiliki rumah. Jadi, dengan ada pembiayaan yang saya sebutkan tadi, masalah untuk mendapatkan pembiayaan tiada lagi. Jadi, saya harap semua agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membina rumah-rumah mampu milik ini dan rumah murah supaya cepat membina mengikut bukan sahaja mengikut spesifikasi dan mengikut jangka masa yang ditetapkan. Kadang-kadang kita serba salah, kita beri projek kepada kontraktor yang tidak mampu, yang tidak boleh menyudahkan atau menyiapkan projek dengan cepat dan bermutu akhirnya terbengkalai dan sebagainya. Cuma, kita memilih untuk menjaga kepentingan kontraktor seorang ini sahaja, supaya dia boleh menyiapkan, kita harapkan dia siap, secepat mungkin tapi ramai yang gagal. Tapi kita tidak fikir, yang 1,000 orang yang menunggu rumah-rumah untuk siap tu, harapan mereka untuk miliki rumah sendiri dilewatkan oleh nak menjaga kontraktor yang seorang ini. Jadi, saya harap kerajaan negeri bertegas supaya kita dapat kontraktor-kontraktor yang betul-betul layak, yang berkemampuan dari segi kepakaran dari segi kewangan untuk membina rumah-rumah murah, rumah mampu milik. Supaya rancangan kerajaan untuk rakyat memiliki rumah sebanyak mungkin, sebanyak mungkin rakyat mempunyai rumah akan dapat tercapai.

Seterusnya Dato' Speaker, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Sekolah Agama Johor,

ada yang memberitahu saya, pelajaran agama di negeri Johor ini telah bermula sejak tahun 1884, di zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar. Tapi, ada juga yang memberitahu saya secara tersusunnya sejak tahun 1918. Jadi, apa yang saya ingin cadangkan, dah hampir kalau nak yang kira 1918, 2 tahun lagi 100 tahun. Tapi, yang kita lihat, kata orang peningkatan ataupun sekolah agama tidak banyak berubah dari zaman kita bersekolah dulu. Jadi, saya menyeru kepada Jabatan Agama Islam supaya tingkatkan sekolah agama ini dari segi perabotnya, prasarananya, peralatan, sesuai dengan seperti di sekolah kebangsaan, kelas abad ke 21. Kita harap mempunyai perabot yang mencukupi, kelas-kelas yang dalam keadaan baik, wiring bagus, jangan ada kipas tapi tak berpusing, bangunan, tingkap pecah sana, pecah sini. Jadi, kita harap mengikutilah, mengikut zamanlah Sekolah Agama Johor ini, agar dapat memenuhi kehendak masa kini, perabotnya, peralatannya, komputernya, LCD projectornya dan berbagai lagi supaya Sekolah Agama kita akan lebih menarik kepada pelajar-pelajarnya.

Saya ingin menyentuh juga sekolah agama di FELDA ni, sekolah agama di kawasan lain kawasan kampung-kampung dan bandar-bandar di selenggara oleh kerajaan negeri kerja-kerja pembaikannya. Tetapi di FELDA ini tidak, kerana sekolah ini, sekolah FELDA, sekolah agama ini bangunannya dibina oleh FELDA dan penyenggaraannya oleh FELDA. Tapi, apa yang saya dapat rungutan dari sekolah-sekolah yang berada dalam FELDA ini, sekolah agama hampir tiada penyenggaraan dibuat oleh pihak FELDA. Kerajaan negeri nak bantu, tidak boleh, pasal tanah sekolah agama tu hak milik FELDA. Jadi, kita nak FELDA buat keputusan, kalau nak senggara, senggaralah kalau tidak serahkan tanah sekolah agama tu kepada kerajaan negeri supaya kerajaan negeri dapat menyenggara sekolah-sekolah ini. Saya juga ingin mencadangkan, sekarang ini sekolah-sekolah agama dapat bantuan RM5,000.00 setahun. Saya suka mencadangkan supaya dapat dipertingkatkan kepada sekurang-kurangnya RM10,000.00 lah supaya Badan Kebajikan Sekolah Agama dapat lebih memberi perhatian ataupun mengambil tindakan untuk memajukan lagi Sekolah Agama Johor.

Selain daripada itu, bukan semua berita tak baik tentang Sekolah Agama Johor tetapi ada juga berita yang baik. 76 sekolah agama telah diserahkan, tahun lepas rasa saya, 76 sekolah diserahkan kepada KPRJ kerana kontraktor yang sebelumnya gagal menyiapkan banyak sekolah-sekolah agama. Lebih 20 sekolah, sejak diserahkan kepada KPRJ, lebih 20 sekolah telah disiapkan. Selainnya di dalam pembinaan dijangka siap pada Julai tahun depan. KPRJ yakin akan dapat menyiapkan lebih awal. Buat masa ini, saya diberitahu kemajuan yang dirancang 21% tapi yang dicapai 30% bermakna projek ini ke depan lebih awal 9%. Jadi, saya ingin mengucapkan syabas kepada KPRJ kerana telah dapat, telah dipertanggungjawabkan untuk membina sekolah agama, telah dapat menjalankan tugas dengan begitu baik dan saya yakin Julai tahun depan mereka akan dapat siapkan semua sekolah agama di negeri Johor yang terbengkalai ataupun yang belum dimulakan dulu akan dapat diselesaikan.

Saya ingin menyentuh kesenian dan kebudayaan. Saya gembira mendengar Pementasan Gemilang Tanah Air yang mendapat sambutan baik dari penonton dan juga akhbar-akhbar. Tapi saya ada ingat satu pementasan atau bukan pementasan, satu persembahan muzikal ataupun Yayasan Warisan Johor, Ghazal dan tarian dan sebagainya, persembahan kebudayaan di Istana Budaya baru-baru ini tapi kita ni tak tahu, alih-alih saya dapat jemputan untuk menghadiri persembahan ini tapi kerana kita lewat diberitahu, kita tidak dapat bersama-sama di Istana Budaya. Kita harap promosi, segala promosi kegiatan-kegiatan seperti ini hendaklah diperluaskan, sampai anak Johor di dalam Terengganu, Kelantan, di Kuala Lumpur dan Selangor pun tak tahu, sedikit sangat yang tahu. Jadi, saya mencadangkan di masa akan datang kalau ada pementasan ataupun konsert dapat diwar-warkan kepada semua warga Johor yang berada di Kuala Lumpur, Selangor menerusi Persatuan Anak Melayu Johor.

Tan Sri Pengerusi, maaf Dato' Speaker, saya ingin menyentuh isu denggi. Di negeri Johor, kita nombor 2 ya, pelaburan kita nombor 1. Denggi kita nombor 2 kepada Selangor. 8 kematian sejak awal tahun hingga 2 April. Ini kenaikan 100% berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Negeri kedua selepas Selangor dengan 5,309 kes, kenaikan sebanyak 182% berbanding tahun lalu, 1,880 kes sahaja. Aktiviti-aktiviti mengawal pencegahan hendaklah dipertingkatkan. Operasi penguatkuasaan pun hendaklah dikemas kini dan dijalankan sehebat mungkin. Agensi-agensi kerajaan dan masyarakat hendaklah menggembleng tenaga untuk membasmi Aedes ini yang menyebabkan penyakit denggi. Ada satu usaha, untuk masyarakat eh, ada satu, NGOlah ye tindakan, COMBI. Mula-mula saya jadi Wakil Rakyat dulu, saya ingat Combi, Combi ini dalam filem Ibu Mertuaku, Combi ini menangis sampai buta mata kerana kehilangan suami. Jadi, kalau kita tak jaga pun, kita boleh menangis kerana ada saudara mara kita yang kematian atau menghidap denggi. Jadi, saya harap usaha membasmi denggi ini dapat disenggarakan, diusahakan dengan begitu tegas lagi.

Seterusnya isu FELDA. Saya ingin membawa isu perumahan Generasi Kedua FELDA. Ada FELDA yang mempunyai lebih 1,000 anak-anak Generasi Kedua tetapi tidak mempunyai rumah. Di kawasan saya ada, saya yakin di kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain pun ada. Kerana pihak FELDA ini, ini jam, macam tak ada perancangan untuk membantu Generasi Kedua ini memiliki rumah. Pada saya, FELDA ini gagal mengurus kejayaan. Mereka melabur di luar negeri melalui FIC, FGV, Alhamdulillah kebanyakannya membawa keuntungan tapi kebajikan tempat sendiri tidak dititikberatkan. Saya mohon supaya pihak FELDA dapat membina rumah Generasi Kedua ini dengan teratur supaya anak-anak Generasi Kedua ini dapat rumah sendiri. Masalah yang timbul ada yang sudah buat, dah dibina tetapi tidak melalui perancangan yang elok, tidak dihantar untuk kelulusan pihak berkuasa, ada projek yang berjalan terbengkalai, jadi anak-anak peneroka ni nak beli, tak boleh nak beli rumah kerana rumah CCC pun tak ada. CCC dengan izin, *Certificate of Completion and Compliance* dikeluarkan oleh Arkitek, baru ada CCC, baru bank boleh kasi loan, pinjaman. Kalau rumah dibuat siap sekalipun, orang yang ada duit pun tak boleh, yang berkemampuan pun tak boleh pinjam loan kerana CCC tiada. Jadi, semua ini hendaklah diatasi oleh pihak FELDA supaya tiap-tiap perumahan yang dibuat berjalan lancar, memenuhi keperluan yang begitu mendadak di kawasan-kawasan FELDA.

Seterusnya isu pelancongan. Tanjung Surat bersetuju agar pihak pengurusan Senai Airport ini menarik lebih banyak penerbangan antarabangsa ke Johor Bahru. Saya pernah ke Kota Kinabalu bermain golf di Sutera Harbour, cantik, kalau belum pergi saya rekomenlah pergilah eh. Saya nak membawa di sini, saya main golf, saya tanya caddy, berbual dengan caddy.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** *Caddy* perempuan ke *caddy* lelaki tu?

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) :** *Caddy* lelaki malangnya. Yang saya nak ceritakan ni, kedi ini beritahu saya, Cik, dia tak tahu saya Dato', dia Cik sahaja. Encik, Encik, kita di sini, *low cost carriage*. Apa, penerbangan tambang murah daripada Korea 4 kali satu minggu bawa *golfers* main di Sutera Harbour. 4 kali seminggu. Tak tahulah kapal terbang besar mana entah, kalau katakan 100, 1 penerbangan, 400 tiap-tiap minggu datang ke Sutera Harbour. Kita tidak boleh buat macam tu ke? Promosilah sikit. Bukan golf sahaja maksud saya, sampai *caddy caddy* tu, Dato' Speaker, *caddy* lelaki tu dah pandai cakap Korea. Tiap-tiap minggu 4 penerbangan *low cost carrier*, penerbangan tambang rendah membawa *golfers*. Tapi sakit hati sikitlah, main belakang dia orang, ada yang tak boleh main pun datang. Kiri, kanan pukul, tengah je dia tak pergi. Jadi, saya nak bawa contoh ini supaya Tourism Johor sama Tourism Malaysia mungkin dan juga Senai Airport dapat berusaha ke arah ini supaya dapat kita menambah



kemasukan pelancong di negeri kita. Saya juga ingin menyentuh destinasi *out of Senai*, keluar daripada Senai, pun hendaklah ditambah. Dulu banyak keluar, pergi ke luar daripada Senai ya, sekarang dah tak ada. Tinggal sikit aja. Semacam EXCO Pelancongan tengok saya, tak apa. Semakin berkurangan. Ke Jakarta pun tak ada. Saya tak faham, Jakarta ramai orang Malaysia pergi. Kita tak boleh ke tarik orang Jakarta datang ke mari. Tak ada penerbangan daripada Johor, daripada Johor Bahru, daripada Senai. Kebanyakan orang di Selatan Johor ni, nak pergi ke Jakarta, ni contoh ye, pergi melalui Singapura, penerbangan banyak. Walau pun kadang-kadang menghadapi jem, sesak lalu lintas, saya pernah kena tiga jam daripada Changi Airport nak sampai Johor Bahru. Tapi dia orang tak ada pilihan, pergi jugalah, mengikut tambak seterusnya ke *airport*. Jadi, saya harap destinasi ini ditambah, dibuat promosilah. Ini semua ni promosi. Pandai kita jual negeri kita, insya-Allah ramai pelancong akan datang.

Saya ingin menyentuh juga perkhidmatan awam Johor. Saya dapat maklum balas dari pelabur-pelabur di kawasan saya, kawasan Pengerang, kawasan DUN Tanjung Surat. Kebanyakannya gembira dengan perkhidmatan yang diberi oleh kerajaan negeri, jabatan-jabatan dan agensi di bawah kerajaan negeri Johor. Saya mengucapkan tahniah kepada Setiausaha Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawainya kerana telah dapat membantu pelabur-pelabur di Pengerang dengan bermacam-macam pertolongan tapi ada beberapa agensi lain khususnya dari Pusat. Kadang-kadang mereka katakan menyusahkan mereka contohnya, Jabatan Imigresen. Kita hendak benda ni, minyak dan gas ni, ini bidang kepakaran. Kadang-kadang kita hendak yang apa, pelabur ni dia datang dia ada bawa orang dia. Mungkin duduk dua bulan, dua tahun, setengah tahun, setahun untuk membantu dalam kerja-kerja mereka. Tapi apa yang mereka alami ni dia kata, hantar 10 nama, pakar-pakar ini yang kebanyakannya tidak terdapat atau pun kurang, susah didapati di Malaysia. Hantar 10 nama dilulus oleh Imigresen 2-3 orang sahaja. Jadi, kita faham macam mana masalah mereka. Mereka perlukan 10 orang untuk menyiapkan kerja ini, dipertanggungjawabkan kepada mereka tapi dibenarkan 3 orang, 2 orang. Jadi, kita nak majukan projek ini. Kita selain daripada kita memajukan ada pula pihak yang merencatkan. Jadi, inilah beberapa rungutan oleh pihak pelabur di Pengerang ke atas agensi-agensi kerajaan yang saya sebut tadi macam Jabatan Imigresen. Selain daripada itu, tuan-tuan dan puan-puan, Ahli Yang Berhormat, Dato' Speaker, pasal saya tadi cakap dengan Tan Sri Speaker, sekarang bila tukar ni, anu sikitlah. Tapi tak apa saya teruskan.

Saya ingin membawa isu jalan raya di Pengerang. Seperti dimaklumkan, RM2.4 bilion diperuntukkan kepada jalan-jalan di Pengerang sama ada jalan baru atau dinaiktarafkan untuk menampung keperluan industri minyak dan gas ini yang dikeluarkan oleh kerajaan pusat, prasarana beberapa batang jalan, 4 lorong dan juga mendalamkan sungai sampai beratus-ratus juta, mendalam dan melebarkan Sungai Rengit, ya. Jadi, ini semua untuk kebaikan projek di Pengerang ini supaya dapat memenuhi keperluan pelabur supaya ramai lagi yang datang untuk melabur di Pengerang. Saya menyeru pihak kerajaan negeri, JPDC supaya berusaha dengan gigih untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur untuk melabur di Pengerang. Setakat ini yang kita nampak, Petronas, Dialog Berhad, kalau ada rezeki tak lama lagi daripada Jepun. Jadi, kita hendak supaya industri ini, pelabur-pelabur ini akan datang banyak ke Pengerang untuk melabur supaya kawasan ini akan cepat maju kerana kita telah memperuntukkan begitu banyak, begitu luas kawasan dan kita mahu projek sebesar ini berjaya dilaksanakan dengan baik.

Untuk seterusnya Dato' Speaker, saya ingin mengalu-alukan penubuhan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang yang akan mula berkuatkuasa melalui tempoh peralihan dulu, mulai 1 Julai. Saya difahamkan selepas proses peralihan kuasa antara Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang dan Majlis Daerah Kota Tinggi dan Lembaga Bandaran Johor Tenggara, operasi sepenuhnya Pihak Berkuasa Tempatan dijangka pada 1 Januari 2017.



PBT Pengerang ini akan ditadbir berdasarkan Seksyen 7, Akta Kerajaan Tempatan dan JCorp akan mentadbir secara penuh melalui Perjanjian Pengurusan antara kerajaan negeri dan JCorp. Saya juga dimaklumkan pada mulanya mungkin pihak berkuasa ini akan mengalami defisit kerana baru, pungutan *collection* pun tidak berapa dan insya-Allah, apabila pembangunan industri-industri di Pengerang siap termasuk projek Petronas, Dialog siap sepenuhnya selepas 2018 adalah dijangka pendapatan tahunan Pihak Berkuasa Tempatan ini boleh mencecah RM200 juta. Ini kalau benar terjadi, akan menjadi Pihak Berkuasa yang paling kaya dalam negeri Johor. Cuma Tanjung Surat ingin meminta kepada Pihak Berkuasa Tempatan ini supaya bila ambil alih nanti, dah beroperasi, mestilah lebih baik daripada Pengerang dulu di bawah MDKT dan Lembaga Bandaran Johor Tenggara. Supaya dapat dinikmati pentadbiran yang lebih dekat dengan rakyat.

Dan, selain daripada itu, saya memohon kepada Pihak Berkuasa Tempatan ini ada jawatan-jawatan kosong di PBT Pengerang ini, berilah keutamaan kepada anak-anak Pengerang. Saya harap perkara ini akan dapat diambil kira. Kita mempunyai ramai lulusan baik di peringkat Diploma atau Ijazah yang boleh mengisi jawatan-jawatan yang diperlukan oleh PBT Pengerang.

Dato' Speaker, perairan Pengerang, DUN Tanjung Surat, DUN saya, saya ingat lebih kuranglah, mungkin eh kalau tak terpanjang pun lebih kurang salah satu terpanjang, persisiran pantai. Saya tanya Jabatan Laut, DUN Tanjung Surat lebih kurang 70km pantai, persisiran pantai. Jadi, banyaklah nelayan di sini. Saya ingin menimbulkan di sini, masalah kapal-kapal dagang. Kalau siapa pernah datang ke Pengerang, datanglah, lihatlah di Laut China Selatan, beratus-ratus kapal menunggu masa untuk pergi ke pelabuhan-pelabuhan sama ada Pasir Gudang atau Singapura, tapi mereka berlabuh dulu menunggu giliran masing-masing. Jadi, kadang-kadang mereka ini berlabuh terlalu dekat dengan pantai ya. Maknanya, sepatutnya mereka lebih jauh tapi mereka telah tidak menggunakan kawasan yang dihaskan untuk mereka berlabuh, mereka cari jalan lain, jalan yang pada dia lebih selesa.

Di perairan Pengerang terdapat satu laluan antarabangsa yang dinamakan Skim Pemisahan Laluan lintas ataupun *Traffic Separation Scheme* yang mana semua kapal-kapal dagang dan kapal-kapal besar ikut laluan tersebut. Atas dasar keselamatan pelayaran semasa untuk laluan sahaja. Dan, ada niat untuk masuk ke mana-mana pelabuhan di Singapura, Pasir Gudang, Batam dan lain-lain. Laluan T.S.S tersebut termasuk di laluan perairan Singapura, Malaysia dan Indonesia melalui batas perairan masing-masing. Sebahagian daripada kapal-kapal yang ingin masuk ke dalam pelabuhan Pasir Gudang, lazimnya akan memohon kebenaran dari pihak berkuasa untuk berlabuh di dalam kawasan labuhan yang dihadkan untuk pelabuhan Pasir Gudang. Tetapi terdapat banyak kapal-kapal asing yang tidak bertujuan masuk ke Pelabuhan Pasir Gudang masuk berlabuh di luar had Pelabuhan Pasir Gudang dan berlabuh secara tanpa izin.

Hal ini menyebabkan APMM membuat pemantauan dan menahan kapal-kapal dan dikeluarkan tawaran kompaun sebanyak RM50,000.00 bagi tiap-tiap satu kesalahan. Walaupun dah berpuluh-puluh kapal di kompaun, tapi masalah tetap bertambah. Mungkin saya mencadangkan supaya pihak kerajaan khususnya kerajaan pusat supaya melihat perkara ini secara holistik dan dapat mencari penyelesaian yang kekal kerana bila dia makin dekat ke pantai, mengganggu nelayan-nelayan pantai untuk mencari ikan, menangkap ikan. Ada yang bot nelayan hampir dilanggar oleh kapal. Ada yang jaring-jaring tersangkut oleh kapal dan sebagainya. Jadi, saya membawa rintihan nelayan-nelayan di kawasan saya supaya tindakan ini dapat diambil dengan seberapa cepat dan satu penyelesaian yang berkekalan.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Tanjung Surat, sila gulung.

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) :** Dah sejam eh. Sikit eh. Kemudahan untuk rakyat Pengerang. Tahun lepas kerajaan pusat telah meluluskan Hospital Pasir Gudang. Kali ini kita mohon luluskanlah hospital di Bandar Penawar. Tanah rizab pun dah ada, dikhaskan kerana penduduk dah bertambah, Kota Tinggi jauh. Dijangka pertengahan tahun depan, pekerja-pekerja di Pengerang akan ke puncak-puncak, 60,000 pekerja. Jadi, macam-macam masalahlah, masalah kesihatan, masalah kemalangan dan sebagainya. Rasa saya hospital ini perlu disegerakan. Saya mohon kepada kerajaan negeri untuk bawa balik kepada kerajaan pusat, diberi keutamaan pembinaan Hospital Penawar ini, Bandar Penawar. Selain daripada itu, banyak kelengkapan-kelengkapan keselamatan yang perlu dikukuhkan. Saya kadang-kadang tak faham, berlaku juga, apa ni, kemasukan pendatang haram 73 km panjang, penyeludupan berlaku, nak katakan tak ada orang jaga, susah juga ya. Kita ada level pertama, layer pertama, TLDM, Tentera Laut Di Raja Malaysia. Lepas itu kita ada APMM, lepas itu kita ada Polis Marin, di darat pun ada, di Tanjung Ayam, Tanjung Sepang ada askar. Tetapi kenapakah perkara-perkara ini terus berlaku? Jadi, saya harap agensi-agensi ini dapat bekerjasama erat supaya perkara-perkara yang haram ini dapat dihapuskan, tidak berlaku di kawasan Pengerang khususnya di DUN Tanjung Surat.

Selain daripada itu, saya difahamkan lokap, lokap Polis pun tak cukup. Sungai Rengit tak muat, kecil, hantar ke Kota Tinggi, akhirnya Kota Tinggi pun tak muat lokap. Jadi, saya pun tak tahu mungkin hantar ke Penjara Ayer Molek. Jadi, saya harap kemudahan-kemudahan sebegini dapat ditingkatkan secepat mungkin. Jabatan Imigresen, pekerja dah begitu ramai nanti, mesti ada Jabatan di Pengerang, penguatkuasaannya maklumlah pekerja asing begitu ramai. Saya harap, jabatan imigresen dapat adakan pejabatnya di Pengerang bukan setakat sekarang, mengurus keluar masuk apa ni, warga negara, atau pun warga negara asing masuk ke negara kita, kita hendak peranan Jabatan Imigresen di Pengerang ini diperkuatkan. Selain daripada itu, saya minta JPDC atau lain-lain agensi berkaitan, mencari jalan memberi pinjaman mudah, tak payah penyata gajilah ya, macam nak beli rumahlah, untuk peniaga-peniaga kecil mendapat pinjaman, cepat dan mudah supaya mereka dapat berniaga. Sekarang macam-macam orang berniaga di sana. Kadang-kadang dia nak besarkan perniagaan, tak ada kemampuan. Jadi saya harap, saya ditunjukkan kepada JPDClah untuk mencari jalan macam mana boleh membantu peniaga-peniaga kecil ini untuk mereka membesarkan atau menambah modal mereka berniaga. Saya yakin dengan bantuan ini ramai penduduk-penduduk di Pengerang dapat berniaga dengan baik.

Dato' Speaker, kalau ada sumur di ladang, boleh saya menumpang mandi...

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Sumur dah kering dah...

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) :** Kalau ada umur yang panjang, boleh saya berucap lagi. Kalau ada jarum yang patah, jangan disimpan di dalam peti, kalau ada silap dan salah, jangan di simpan di dalam hati. Akhirnya Dato' Speaker, Tanjung Surat dengan ini mencadangkan usul ucapan menjunjung kasih ke atas titah ucapan ke bawah Duli Tuanku Sultan Johor. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita ada kunjungan daripada SMK Pasir Gudang seramai 53 orang murid-murid bersama guru masing-masing. Sila Yang Berhormat, Senggarang.

**YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) :** Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong

rundingan itu. Senggarang ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyokong rundingan yang dibawa oleh Tanjung Surat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Tuanku Sultan Johor semasa Perasmian Bagi penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 tempoh hari. Dalam kesempatan ini juga, Senggarang merakamkan tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, kerana di atas sambutan ulang tahun keputeraan baginda tempoh hari. Tahniah juga Senggarang ucapkan kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang telah dilantik sebagai pemangku Raja Johor. Semoga Allah terus merahmati dan memberkati ke bawah Duli Tuanku dan Permaisuri Johor dan Pemangku Raja Johor serta Che Puan Khaleeda binti Bustamam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, alhamdulillah Senggarang bersyukur kepada Allah SWT kerana dilahirkan sebagai seorang Muslim, Ahli Sunnah Wal Jamaah, keturunan Melayu Bangsa Johor dan sebagai anak Malaysia. Senggarang amat menyahut Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa perpaduan dan permuafakatan Bangsa Johor perlu terus disuburkan dan digilap. Jika semua Bangsa Johor bertekad untuk memajukan negeri yang berdaulat ini maka mereka perlu bekerjasama saling hormat menghormati antara satu sama lain. Kepelbagaian kaum, agama dan budaya jangan dijadikan penghalang kepada permuafakatan yang dicari.

Malangnya, bibit-bibit kurang toleransi sudah mula berputik di negeri ini. Walau pun ianya tidak ketara, ada kebenarannya, atau mungkin satu kebetulan apabila sebuah parti pembangkang mendapat lebih kerusi seolah-olah kerajaan Johor sudah bertukar tangan. Kalau dahulu diletakkan kereta di depan pintu pagar jiran buat seketika tidak mengapa, tetapi kini ditekankan hon, bunyi hon, supaya dipindahkan kenderaan dengan kadar segera, seolah-olah sifat berbaik mengalahkan tolak ansur terdahulu hanya sebuah lakonan tanpa keikhlasan. Mungkin tidak payah Senggarang huraikan contoh-contoh kurang sensitif yang mula membiak di bumi Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan itu Senggarang kerap tekankan semasa berkunjung ke sekolah-sekolah dalam berbagai aliran, agar sebagai bangsa Johor kita perlu kekalkan sikap bertoleransi yang tinggi. Senggarang sarankan kepada guru-guru sekolah kerana merekalah yang berperanan besar mendidik anak murid mereka sebagai anak bangsa Johor yang rasional atau mudah dapat menerima kepelbagaian masyarakat ini tidak terlalu melihat situasi sesuatu isu itu di dalam perspektif perkauman yang sempit dan perlu mempunyai sensitiviti semasa ingin membangkitkan sesuatu perkara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, alangkah baik dalam memupuk persefahaman di kalangan anak-anak kita yang berbilang, jika program sekolah berkembar diaturkan antara sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan yang lain. Cadangan ini bukan ini untuk mengikat perkongsian pentadbiran, tetapi lebih kepada aktiviti bersama dengan Pejabat Pendidikan daerah sebagai fasilitator. Umpamanya, di kawasan DUN Senggarang ada 7 buah sekolah jenis kebangsaan Cina dan 9 buah sekolah kebangsaan. Berbagai kegiatan dan program boleh dilaksanakan secara bersama bagi meningkatkan persefahaman antara kaum sejak di peringkat sekolah rendah lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, manakala di peringkat sekolah menengah Senggarang sarankan agar setiap sekolah mempunyai Program Kawan Rapat, yang mana setiap pelajar daripada satu kaum perlu mempunyai rakan baik dari kalangan kaum yang lain. Insya-Allah, dengan adanya program ini, ianya akan mengurangkan sifat prejudis yang mungkin ada di kalangan pelajar-pelajar tersebut terhadap sesuatu kaum yang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam awal tahun 90-an, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Penerangan Pemuda UMNO Negeri Johor, manakala EXCO Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri sedia ada pula menyandang jawatan Ketua Penerangan Pemuda UMNO Kluang. Semasa itulah Senggarang mengenali mereka. Hendak dijadikan cerita, Senggarang pula sebagai Ketua Penerangan Pemuda UMNO Batu Pahat ketika itu dan Rengif sebagai Ketua Pemuda UMNO Batu Pahat. Itulah buah orang siapa akan tahu. Bukan buah Senggarang, tetapi buah Dato' Menteri Besar setelah melalui asam garam politik yang berliku-liku akhirnya beliau di nobat sebagai Menteri Besar Johor yang ke-15 dan yang ke-6 selepas merdeka. Sudah pasti Senggarang amat rasa bertuah ditakdirkan menjadi ADUN dan alhamdulillah dapat menyemai bakti di bawah pentadbiran beliau.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pernah menjadi Setiausaha Politik, Timbalan Menteri, Menteri Perusahaan Awam dan Menteri Pengajian Tinggi. Ada setengah orang dengan pengalaman kerjaya yang ada ia hanya tinggal sebahagian daripada sejarah kehidupan yang mereka lalui. Pengalaman tidak dijadikan teras utama untuk kemajuan dan dikongsi dengan orang lain. Tetapi buat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, dengan pengalaman yang dilaluinya dijadikan asas dan contoh bagi dipraktikkan dan dikembangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, impian Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar Johor menjadi pemacu ekonomi utama negara terus digilap dan dirancakkan. Semua anak Johor diajak memberi idea dalam pembangunan Johor melalui Suara Hati Johor atas paksi merakyatkan kerajaan yang begitu inklusif pendekatannya. Begitu hebatnya beliau dengan dibantu pemikir yang terkehadapan, berbagai perancangan dan program di atur dan dilaksanakan bagi setiap lapisan masyarakat. Pembangunan terus dikembangkan ke seluruh daerah Johor melalui pelan pembangunan strategik, negeri dan gagasan Johor berkemajuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kepada mereka yang iri hati dan tidak berpijak di bumi nyata dengan keikhlasan dengan keupayaan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sedia ada Senggarang sarankan jangan bermimpi di siang hari tanpa perlu memegang sebarang sependuk sekali pun insya-Allah, semua ADUN dalam Barisan Nasional Negeri Johor berdiri teguh di belakang Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor. (Dewan bertepuk)

Yang Berhormat Dato' Speaker, bak kata pepatah Inggeris yang amat tepat sekali dengan izin, *there is no two ways about it*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tiada pilihan lain buat Johor Darul Ta'zim, inilah yang terbaik buat ketika dan waktu ini sejajar dengan prestasi beliau sebagai seorang Menteri Besar yang rasional dan pragmatik lagi progresif, kreatif, dinamik dan komited tanpa perlu dikaitkan dengan apa jua drama yang sensasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kepada Yang Amat Menteri Besar dengan izin, *you have utmost respect sir, you deserve to be the MB of Johor an honourable one indeed, we trust you sir*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang mengucapkan syabas kepada Yang Amat Dato' Menteri Besar kerana dapat menggariskan 5 langkah bagi memastikan hala tuju pentadbiran berprestasi dan berwawasan dapat dicapai oleh negeri Johor seperti berikut :-

1. Menyusun dan mengagihkan pemilikan arah tuju strategik yang mencakupi agenda-agenda utama negeri, perancangan Malaysia, Pelan Suara Hati Johor dan titik sentuhan bajet negeri.
2. Menetapkan pefunjuk prestasi utama KPI tahunan secara bersama hasil perbincangan dengan semua pihak.
3. Setelah sesuatu KPI tahunan itu dipersetujui adalah pelaksanaannya pada fasa ini ia memerlukan usaha bersepadu semua pihak terlibat.
4. Pemantauan dan pelaporan iaitu proses turun padang akan dilaksanakan semasa proses pemantauan bagi melihat kemajuan fizikal sebenar, mendapatkan maklum batas pelaksana dan rakyat serta menilai sendiri prestasi inisiatif tersebut.
5. Penerbitan laporan kemajuan bagi setiap suku tahun demi untuk maklumat rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini menunjukkan betapa serius dan beriltizamnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dalam memastikan Johor mampu merealisasikan apa yang diimpikan. Beliau adalah seorang yang cakap serupa bikin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin garis panduan ini boleh dibawa ke peringkat daerah bagi *compliment* apa yang terdapat dan terhasil di peringkat negeri. Setiap ADUN juga boleh diberikan peranan dalam menjayakan wawasan ini jika perlu atau sesuai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hakikatnya di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar banyak pencapaian telah dikecapi. Jika dilihat kepada asas ekonomi Johor begitu kukuh berdasarkan beberapa pencapaian indikator utama negeri iaitu satu hasil kewangan kerajaan negeri pada tahun lepas sebanyak RM1.549 bilion iaitu 25% melebihi anggaran asal berjumlah RM1.239 bilion. Perbelanjaan tahunan negeri tidak melebihi hasil dan ini membolehkan akaun mencatat lebihan bagi tahun 2013 hingga 2015. Manakala sehingga 31 Disember 2015, rizab pula adalah sebanyak RM2.63 bilion. Hasil daripada pefunjuk-pefunjuk yang diperolehi dianggarkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Johor pada tahun lepas ialah antara 4.5% hingga 5.5%.

Sementara itu, syarikat konglomerat milik kerajaan negeri iaitu Johor Corporation (JCorp) juga terus mencatatkan perolehan peringkat kumpulan melebihi RM4.5 bilion dengan keuntungan di atas paras RM400 juta. Ini membolehkan kerajaan negeri mendapat agihan dana berjumlah RM11.6 juta bagi tahun 2014 dan 2015. Tidak termasuk pulangan dalam nilai bukan tunai yang jauh lebih tinggi. Johor juga menerima pelaburan diluluskan yang tertinggi di Malaysia bagi sektor pembuatan 3 tahun berturut-turut dengan nilai RM30 bilion sehingga September bagi tahun 2015. Pencapaian indikator lain iaitu berpandukan data tahun 2014 daripada 1.6 juta tenaga buruh di negeri ini kadar pengangguran menurun 0.6% kepada 2.6% berbanding tahun 2012. Johor juga didapati lebih selamat apabila indeks jenayah mencatatkan penurunan sebanyak 29.31% bagi tahun 2015 berbanding 2012. Sehingga akhir Disember 2015, sebanyak 163 inisiatif di bawah Pelan Suara Hati Johor juga telah berjaya dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, atasan saranan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, industri pelancongan merupakan salah satu dari 3 sumber ekonomi baru bagi negeri Johor selain industri kesihatan dan kreatif. Senggarang hanya ingin menekankan sedikit usaha-usaha pemantapan industri pelancongan memandangkan semua daerah mempunyai asas industri pelancongan sendiri. Apa pun, Senggarang merakamkan syabas kepada Yang Berhormat Datuk EXCO Pelancongan, Perdagangan dan

Kepenggunaan Negeri Johor yang berusaha keras bagi memastikan pelancong asing datang ke negeri Johor.

Semasa persidangan *ASEAN Tourism Forum* di Filipina tahun lalu, julung-julung kalinya atas saranan beliau, semua syarikat yang mempunyai produk pelancongan seperti *Legoland*, *Angry Bird*, *Hello Kitty* ditempatkan bersama di bawah booth negeri Johor, yang mana pada kebiasaannya ditempatkan lokasi yang berasingan. Ia memudahkan pemain industri pelancongan untuk berbincang selain meninjau dan menyusun perjalanan waktu dan tarikh ke negeri Johor secara pakej dalam membawa pelancong datang ke kawasan-kawasan tersebut secara lebih bersepadu dan lebih berpusat seperti *One Stop Centre*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Datuk EXCO Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor kerana membawa Senggarang dan Tiram ke Filipina sebagai delegasi bersama semasa forum tersebut. (Dewan bertepuk). Banyak yang dapat dipelajari dari industri pelancongan Filipina khususnya semasa lawatan kami ke Manila dan Pulau Cebu. Yang Berhormat Dato' Speaker...

**YB Dato' Timbalan Speaker :** *Ada conflict of interest.*

**YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) :** Sama ada di Filipina mahupun di kebanyakan negara luar, penjualan cenderahati memang amat diutamakan. Ia mudah didapati, malah di bandar-bandar kecil pun mempunyai kedai yang menjualnya. Kalau di Johor mungkin hanya di Johor Bahru atau di Iskandar Puteri sahaja pelancong dapat membeli cenderahati yang beridentitikan Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sungguhpun di setiap bandar besar di Johor tidak mempunyai muzium, alangkah baiknya di setiap bandar tersebut mempunyai galerinya yang tersendiri. Ia tidak semestinya bangunan besar, rumah kedai 2 tingkat pun sudah memadai. Selain menyalurkan bahan-bahan maklumat tempatan ia mampu menjadi pusat cenderahati setempat. Mungkin tiada pengusaha yang berani untuk menjalankan perniagaan cenderahati ini tanpa insentif yang bersesuaian atau bantuan boleh diberikan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, syabas, Johor sudah mempunyai lambang baru pelancongan Johor iaitu Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan. Kalau di Portugal, lambang yang diketengahkan ialah Rooster atau ayam jantan dan diletakkan lambang itu dalam pelbagai bentuk seperti dilekatkan di sapu tangan, alas cawan, lapisan pinggan dan lain-lain. Kalau eloklah, *Johor Tourism* dapat mengikuti contoh-contoh ini. Selain itu, lambang-lambang tertentu setempat juga boleh ditonjolkan umpamanya di kawasan DUN Senggarang boleh diketengahkan lambang *gate air* yang begitu lama sekali ditubuhkan di tanah air.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang agak musykil memandangkan seperti mana yang sedia maklum bahawa Johor Bahru mempunyai 6 bandar kembarnya iaitu Singapura, Istanbul, Jeddah, Kuching, Santao dan Senzhen. Walau bagaimanapun, sejauh manakah kita memanfaatkan dalam industri pelancongan hasil daripada perjanjian dengan bandar-bandar tersebut. Mungkin setiap 2 tahun sekali boleh diadakan event atau persembahan tentang warisan dan kebudayaan di sana, dalam menarik pelancong dari bandar-bandar tersebut datang ke Johor Bahru dan Johor amnya. Selain itu, setiap bandar utama dalam negeri Johor boleh dikembarkan dengan bandar di luar negara setidaknyaya dalam ASEAN. Malah, boleh dikembarkan juga di kalangan bandar lain dalam Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan dengan itu, *Johor Tourism* boleh mencontohi negara *Canada*, yang mana kerajaan *Canada* mengambil inisiatif melalui program yang dipanggil dengan izin, *Partnership To Promote Canada*. Sebagai contoh, *Canada Agriculture, Agriculture Food Canada* dan *Canada Tourism Commission* berganding dan bekerjasama dalam mempromosikan *Canada* sebagai pengeluar makanan yang selamat dan berkualiti tinggi.

Oleh itu, *Johor Tourism* boleh berkolaborasi dengan FAMA, Jabatan Pertanian dan pertubuhan apa sekali pun dalam mempromosi *Agro Tourism*. Sama juga mungkin boleh bersama-sama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli jika ingin mempromosikan perkampungan Orang Asli di kawasan Sedili. *Sedili is it? Sedili, minta maaf, Sedili*. Yang penting *Johor Tourism* perlu terus mempromosikan *Johor* sebagai destinasi utama pelancongan sepertimana yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Kerajaan perlu menggalakkan pembangunan produk dan pelaburan aset serta produk pelancongan yang boleh atau baru didapati di *Johor*. Kerajaan kena pastikan mereka yang terlibat dalam industri pelancongan supaya dapat memberikan impak yang positif kepada pelancong yang datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, namun begitu sektor swastalah yang berperanan untuk memastikan industri pelancongan negeri *Johor* terus maju dengan sokongan dan kerjasama dari kerajaan negeri dan *Johor Tourism*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014, ada mencatatkan bahawa secara umumnya pengurusan perumahan kuota bumiputera adalah memuaskan dari segi penetapan kuota bumiputera dan syarat pelepasan bagi setiap projek perumahan yang dibina. Tetapi, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pelaksanaannya. Senggarang mengharapkan dengan adanya Sistem Perumahan *Johor* yang diguna pakai sejak awal tahun ini, kelemahan-kelemahan ini telah dapat diatasi. Senggarang tidak mahu pengurusan perumahan kuota bumiputera hanya cantik, minta maaf, hanya cantik dari segi matlamatnya tetapi rapuh semasa pelaksanaannya. Di samping itu, Senggarang menyarankan agar pihak SPNB mempercepatkan proses kelulusan kepada pemohon Rumah Mesra Rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang amat mengalu-alukan Program Rumah Transit kepada yang tidak mempunyai rumah sendiri. Sebenarnya fokus Program Rumah Transit ini adalah lebih kepada peserta e-Kasih. Sebagai contoh, di daerah Batu Pahat setakat 23 Februari 2016, terdapat sebanyak 161 keluarga miskin tegar dan 810 miskin. Di daerah Batu Pahat memang telah ada Program Rumah Transit yang mana 40 buah rumah transit telah diisi di kawasan Perumahan Desa Penyayang Mukim Seri Medan. Yang menjadi masalahnya, kerana tidak mempunyai perjanjian yang sempurna di mana mereka yang telah keluar dari garis kemiskinan tidak mahu keluar atau berpindah dari kediaman mereka seolah-olah rumah tersebut adalah hak milik mutlak mereka. Oleh itu, Senggarang menyarankan agar perjanjian ini diperbaiki supaya masalah sebegini tidak berulang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang amat mengharapkan cadangan Program My Beras oleh Kementerian Pertanian menjadi kenyataan, yang mana setiap keluarga miskin tegar akan diperuntukkan sebanyak 20 kilogram beras setiap bulan. Program ini bagi membantu mereka yang terkesan dengan kos sara hidup yang tinggi walaupun ianya belum dilaksanakan. Senggarang melihat jika sasarannya kepada yang hanya berdaftar di bawah e-Kasih maka program ini akan menimbulkan rasa kurang puas hati pada golongan yang lain. Sepatutnya, Program My Beras ini juga boleh diberikan kepada



ibu tunggal, warga emas dan lain-lain yang masih memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang mengucapkan syabas kepada kerajaan negeri Johor kerana dapat menubuhkan Kedai Harga Patut Muafakat Johor Koperasi Iskandar Malaysia atau IMCoop. Pelik aje dia punya pronounse, sebutan IMCoop boleh mungkin IMCoop. Senggarang mohon agar usaha ini dipercepatkan supaya lebih banyak tempat lagi ditubuhkan atau diadakan kedai-kedai IMCoop ini khasnya di kawasan-kawasan mereka yang berpendapatan rendah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, amat dibanggakan setakat ini banyak syarikat koperasi berdaftar telah digabungkan dalam usaha ini dan Senggarang sarankan agar syarikat-syarikat koperasi lain diajak sama dalam gabungan ini. Malaysia agak ketandusan kedai-kedai sebegini, Kedai Rakyat 1 Malaysia atau KR1M yang diusahakan oleh kerajaan pusat mungkin tidak dapat membuka lebih banyak cawangan ke seluruh tanah air. Maka, Kedai IMCoop boleh mengambil tempatnya. Senggarang mengharapkan agar IMCoop nanti dapat memperluaskan perniagaan mereka dengan lebih banyak menempatkan barang-barang keluaran Johor Darul Takzim sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu ketika dulu kerajaan pusat pernah menubuhkan Pemas Trading Sdn Bhd yang akhirnya terkubur begitu sahaja. Semoga Kedai Rakyat 1 Malaysia mahupun Kedai IMCoop terus memberikan impak positif kepada masyarakat setempat. Jika Kedai IMCoop, Koop ke Coop ni, ini berjaya, kerajaan Johor melalui GLC dapat meneroka bidang-bidang lain yang boleh membantu rakyat yang kini terbeban dengan kos sara hidup yang tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam keadaan ekonomi yang getir ramai pekebun kecil sama ada sawit atau getah dibelenggu dengan jatuhnya harga komoditi tersebut. Ramai yang mengeluh seolah-olah kerajaan tidak membantu mereka. Yang menjadi masalahnya, kebanyakan pekebun kecil menumpukan taman mereka hanya kepada sawit sahaja atau campuran sawit dan getah. Dengan jatuhnya harga komoditi di pasaran, maka mereka tidak mempunyai sumber lain sebagai hasil pendapatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian Senggarang sarankan agar agensi-agensi seperti FELDA, RISDA, Jabatan Pertanian, FAMA, Veterinar, Jabatan Perikanan dan lain-lain jabatan turun membantu pekebun-pekebun kecil secara lebih giat lagi dengan menggalakkan mereka untuk melebarkan sumber pendapatan mereka seperti menanam tanaman kontan, herba atau menternak madu lebah kelulut dan lain-lain lagi. Insya-Allah, Senggarang akan mengorak langkah ke arah ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang amat rasa hairan mereka yang berpendapatan rendah mengeluh akibat kos sara hidup yang meningkat tapi agak ironis dengan kawasan laman rumah yang besar dari kalangan warga luar bandar tapi masih diutamakan mereka adalah tanaman pokok bunga semata-mata daripada berasaskan taman sayur-sayuran. Senggarang sarankan agar kerajaan Johor melalui EXCO Pertanian mengadakan Program Bumi Hijau yang mana menggalakkan taman sayuran mudah, cara kampung ya, yang mana menggalakkan taman sayuran mudah seperti pucuk manis, turi, keladi, ubi, cili, selain pokok-pokok buah yang boleh dijadikan sayuran seperti nangka, pisang dan sukun tidak ketinggalan, herba-herba seperti pandan, serai, kunyit dan lain-lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, manakala yang di bandar pula boleh digalakkan dalam Program *Urban Farming*. Tanamannya boleh diusahakan dalam pasu walau pun ada



sedikit kos dikeluarkan. Budaya *barter trade* antara jiran sama di bandar ataupun di desa mempunyai tanaman sayuran dan sebagainya perlu digalakkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang sarankan tanah, maaf ni dah dicancel ni. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Senggarang mengucapkan tahniah kepada Ibu Pejabat Polis Daerah Batu Pahat kerana diumumkan sebagai penerima Anugerah Kerlipan Berlian iaitu Ibu Pejabat Polis Daerah Terbaik Keseluruhan dalam Negeri Johor, pada Malam Polis DiRaja Malaysia di Johor - *Citizen Award* yang julung kali diadakan. Syabas. Namun begitu, banyak usaha yang dapat dilaksanakan oleh pihak polis di semua daerah dan PBT dalam mengekang pertumbuhan pusat-pusat judi haram dan kegiatan ahlong yang masih berleluasa dan di pekan Senggarang tidak terkecuali.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada yang mengatakan siasatan isu 1MDB kini di penghujungnya. Namun begitu, Senggarang mengharapkan isu ini dapat diselesaikan seberapa segera dengan penuh telus dan adil.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang telah mengusulkan agar setiap Majlis Belia Daerah menetapkan setiap kampung atau taman setidak-tidaknya mempunyai satu persatuan belia ataupun dihidupkan balik persatuan belia yang telah terkubur atau kurang aktif. Sesetengahnya tidak perlu didaftarkan dahulu, tetapi boleh dimulakan sebagai kelab biasa berasaskan kegiatan terutama yang diminati mereka seperti kelab motor, futsal atau kompang. Dengan ini belia-belia mempunyai saluran untuk bergiat dalam aktiviti yang positif dan terfokus.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang harap agar Program PADU (Program Angkat Daya dan Upaya) yang dilaksanakan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia dan dikelolakan oleh Pejabat Belia terus dikembangkan. Program ini bermatlamatkan memulihkan pelajar-pelajar yang bermasalah. Umpamanya di Batu Pahat, 2 orang kaunselor telah dilantik secara kontrak untuk mendampingi anak-anak remaja yang bermasalah, balik ke pangkal jalan. Anak-anak remaja yang didampingi sebenarnya tidak mengetahui latar belakang kaunselor ini yang beraksi sebagai abang-abang mentor yang boleh dipercayai. Mereka diajar untuk mengikuti program-program yang dibuat oleh pihak JOYDEC, *Johor Youth Development*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah, setakat ini seramai 9 remaja termasuk pelajar-pelajar yang bermasalah dapat dipulihkan walau baru dua tahun ditubuhkan di Batu Pahat. Kaunselor yang dipilih adalah tertatih dan dari kalangan belia juga. Malangnya, seorang kaunselor boleh mendampingi secara berkesan dengan tiga orang remaja sahaja. Di harap PADU boleh menambah jawatan kaunselor supaya lebih ramai lagi remaja yang bermasalah dapat didampingi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa...

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Senggarang sila gulung.

**YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) :** Oh gulung? Saya ada banyak lagi ni. Saya skiplah. Terperanjat pulak. Ni nak ambil yang Senggaranglah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saranan Duli Yang Maha Mulia, ni sebelum Batu Pahat la ya, kejaap tuan.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Kelam kabut sekali.

**YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) :** Yalah, dah kacau saya punya speech ni. (Dewan ketawa). Saya banyak sebenarnya. Minta maaf Dato' Speaker.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Gulung terus sajalah.

**YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) :** Eh, tak boleh, tak boleh Dato' Speaker. Banyak ni. Ok, yang ni. Isu kandang babi memang kerap Senggarang bawa dalam Dewan yang mulia ini. Bukan atas dasar perkauman, *i'm not racist*. Tetapi lebih mementingkan kesejahteraan rakyat tanpa mengira warna kulit mahu pun ras kaum. Umpamanya di kawasan Banang Jaya yang terdiri daripada berbilang kaum, pencemaran bau bukan satu benda yang baru malah tanpa mengira kaum mereka pun bersungut tentang bau tersebut. Senggarang masih menantikan *exit plan* yang pernah dinyatakan oleh EXCO Pertanian agar ladang-ladang babi ini dipindahkan secara berperingkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa permulaan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan semasa perasmian tempoh hari, baginda berasa bersyukur kerana negeri Johor terus kekal aman sejahtera. Tetapi ada segelintir rakyat yang tidak reti bersyukur dengan keamanan yang ada. Mereka perlekehkan sama ada melalui *posting* di media massa dan ucapan yang mana setelah mempersoalkan beberapa isu yang kontroversi, ayat akhir yang mereka akan ungkapkan ialah negara kita aman. Seolah-olah satu sindiran sinis daripada mereka tentang keamanan yang kita kecapi hari ini. Inilah, mereka lupa Allah SWT sentiasa memakbulkan doa yang dibuat dengan keamanan yang adalah semua warga negara dapat menjalankan aktiviti harian selagi tidak melanggar peraturan dan undang-undang. Malah, dengan keamanan yang sedia adalah membolehkan sebahagian daripada mereka ke hulu, ke hilir, ke semua ceruk rantau dalam negeri Johor ini menjaja pelbagai cerita dan dakwah. Semoga Allah terus melindungi negara Malaysia dan negeri Johor. Lagi pun, bila lepas solat Jumaat selalunya kita beramai-ramai doakan yang terbaik buat negeri Johor. Jadi, henti-hentikanlah dengan seolah-olah bersinis tentang keamanan itu. Sudah tentu kita tidak mahu menjadi seperti negara-negara di Timur Tengah yang rakyatnya seagama berperang saudara. Mereka terpaksa menjadi pelarian di negara Eropah yang kebanyakannya bukan negara Islam. Inilah akibatnya apabila orang Islam sendiri sudah taksub mengidamkan keadilan mutlak atas nama demokrasi dan hak asasi manusia, akhirnya negara mereka hancur lebur. Keamanan tinggal hanya kenangan dan sejarah di negara-negara tersebut.

Senggarang menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor kerana sentiasa mengingatkan kepada pentadbiran negeri dan Wakil Rakyat supaya terus berusaha dalam memikul tanggungjawab dengan penuh amanah dan setia demi kepentingan negeri dan rakyat. Bahkan, Duli Yang Maha Mulia Sultan sentiasa peka dan kerap membangkitkan beberapa perkara yang boleh dijadikan pegangan rujukan dan iktibar. Yang sebenar, saya ada banyak lagi ni Dato' Speaker. Boleh lagi?

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Simpanlah untuk persidangan akan datang.

**YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) :** Akan datang, oklah. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tak ada pantuniah. Tapi saya rasa saya punya ucapan pun tak panjang, tinggal saya bercakap.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** *Engineer* ada pantun, akauntan tak ada ke?

**YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) :** Yelah, dia akauntan dia bukan *surveyor* atau *valuer*. Minta maaf. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong

rundingan yang dibawa oleh Tanjung Surat. Saya sudah dengan wabillahitaufikwalhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Sila Senggarang. Eh, minta maaf, Penggaram.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Selamat tengah hari dan salam sejahtera. Dengan penuh rendah diri, Penggaram mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Keempat Dewan Negeri Johor Ke-13.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selaku saf pembangkang kami akan memainkan peranan lebih aktif dalam membentangkan idea-idea bernas yang memanafaat rakyat. Kami yakin idea yang baik tentunya akan diguna pakai oleh kerajaan. Keyakinan ini kerana kami amat yakin dalam sebuah sistem demokrasi yang matang dan sihat, rakyat akan beroleh manfaat atas persaingan idea antara parti pemerintah dan pembangkang. Contohnya, kami konsisten terhadap isu pengangkutan awam termasuklah perkhidmatan bas percuma. Kesannya, kerajaan negeri telah mengumumkan pelaksanaan perkhidmatan bas percuma di Johor Bahru untuk tahun 2016 dan meminta anak syarikat JCorp untuk menambah baik lagi sistem perkhidmatan bas antara bandar.

Ada pandangan mengatakan bahawa pembangkang akan rugi jika UMNO-BN meniru idea-idea yang kami bawa. Namun, kami berbangga jika idea-idea yang kami lunaskan menjadi sebab kepada rakyat untuk mendapat kehidupan yang lebih selesa, sekali pun idea tersebut dicitak dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Bagi kami, ia sebenarnya adalah sumbangan kami untuk kesejahteraan rakyat. Kami optimis bahawa rakyat rasional dan bijak menilai komitmen serta visi yang kami kemukakan. Kami yakin rakyat akan berikan peluang kepada barisan pembangkang untuk memainkan peranan lebih besar sebagai kerajaan bagi merealisasikan perubahan-perubahan demi kesejahteraan negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kami mengalu-alukan pengumuman, pertumbuhan strategik Johor kerana pelan seperti ini memberi peluang kepada rakyat untuk memahami pemikiran ekonomi kerajaan negeri Johor. Sebenarnya, pendekatan yang lebih baik mengikut lunas demokrasi yang matang adalah dengan menjalankan konsultasi atau perundingan sebelum diumumkan pelan tersebut atau dasar-dasar lain. Ini termasuklah melibatkan pembangkang negeri Johor. Pembangkang adalah sebahagian daripada pentadbiran dan sepatutnya dilibat dalam proses penggubalan dasar sama ada dalam bentuk jawatankuasa terpilih atau bentuk-bentuk lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkaitan PPSJ kami berpendapat:

1. Pelan ekonomi mestilah mengambil kira aspek insaniah bukan bersifat projek mega semata-mata. Dalam hal ini kami melihat bahawa PPSJ lebih tertumpu kepada projek mega seperti Projek Kereta Api Laju Singapura ke Kuala Lumpur, Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang, Forest City dan Projek Landasan Berkembar KTM. Seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Najib Razak dalam ucapannya, projek-projek mega ini dikatakan sebagai pemacu ekonomi Johor.

Namun bagi kami, jika kita mengambil PIPC sebagai contoh, jelas sekali kerajaan tidak wajar memberikan tumpuan terhadap projek ini dalam keadaan harga minyak global yang masih rendah. Namun malangnya, kerajaan tetap meneruskan pembangunan mega ini tanpa mengira kesesuaian keadaan ekonomi sama ada yang lembap sekarang ini.

Mengambil projek Kereta Api Laju sebagai satu lagi contoh, Pakatan Harapan telah mencadangkan agar projek ini dihentikan menerusi Bajet Alternatif 2016. Ini kerana, keutamaan bagi rakyat pada masa ini bukan projek mega yang akan memanfaatkan Singapura - Kuala Lumpur jika hendak dibandingkan dengan keperluan agar dibangunkan rangkaian kereta api dari Kuching ke Tawau.

2. Kita perlu menjawab kepada persoalan 'apakah kayu ukur kejayaan PPSJ? Adakah kemasukan pelaburan ke sektor hartanah di selatan Johor boleh dikira sebagai ukuran kejayaan PPSJ?

Menjawab persoalan pelan ekonomi negeri yang mementingkan pembangunan insaniah tadi, kami berpendapat PPSJ tidak boleh dianggap berjaya sekiranya bangsa Johor masih terpaksa ke Singapura atau Kuala Lumpur untuk mencari rezeki. Bagi Kami PPSJ hendaklah mampu menawarkan kepada bangsa Johor untuk bekerja dalam industri atau sektor pertanian dan industri lokal dengan tawaran gaji yang baik menerusi penggunaan sistem teknologi yang efisien serta pekerja berkemahiran tinggi.

Namun malangnya, PPSJ tidak menggambarkan apakah strategi kerajaan negeri untuk menjana ekonomi Johor menerusi pembinaan insan yang berkemahiran tinggi dan komitmen pemberian gaji yang berpatutan.

Kesannya, kerajaan negeri tidak akan mampu memberikan solusi kepada isu banjiriran warga asing berkemahiran rendah di Johor dalam bidang industri dan pertanian negeri. Akhirnya bangsa Johor khususnya anak-anak muda ibarat dianaktirikan di negeri sendiri.

Bolehkah PPSJ menjamin akan sampai masanya satu generasi nanti, ekonomi Johor tidak lagi memerlukan buruh asing tanpa kemahiran dan anak Johor tidak perlu bekerja di Singapura atau Kuala Lumpur? Ini adalah cabaran sebenar untuk kita semua.

Persoalan yang mesti dibangkitkan adalah, bagaimanakah mekanisme kerajaan negeri untuk menaik taraf industri kecil dan sederhana dan juga sektor pertanian yang meliputi sebahagian besar negeri Johor?

Dalam hal ini, pembangkang memandang serius dengan menggariskan agenda fokus kami iaitu membangunkan ekonomi untuk rakyat. Agenda ini akan memfokuskan isu-isu seperti peluang pekerjaan anak muda, keadaan ekonomi di kawasan separa bandar dan keperluan ekonomi masyarakat dalam aspek pertanian khususnya di zon Johor Utara dan zon Johor Tengah.

Bangsa Johor memerlukan dana, kemahiran teknikal dan teknologi yang efisien hasil penyelidikan universiti tempatan serta dasar kerajaan yang memberi galakan kepada mereka.

Kami tegaskan, PPSJ tidak dilihat memberi tumpuan yang diperlukan untuk menjayakan industri dan pertanian apatah lagi mengemukakan solusi kepada aspek mengekalkan anak muda bangsa Johor agar menyumbang untuk negeri Johor menerusi peluang pekerjaan dengan gaji yang tinggi.

3. Walaupun setiap daerah diberikan peranan menerusi industri fokus, namun kami melihat bahawa aspek perhubungan antara daerah masih tidak diberikan perhatian

serius. Negeri Johor dan bangsanya akan menjadi sebuah bangsa yang disegani bukan kerana tanda aras pembangunan industri di peringkat daerah semata-mata, tetapi aspek jaringan perhubungan antara daerah juga amat penting.

Kita perlu bersyukur kerana tanah jajahan Johor meliputi utara sehingga selatan, dari Muar sehingga daerah paling selatan dalam Malaysia iaitu Johor Bahru. Oleh itu, negeri Johor mestilah memiliki jaringan pengangkutan awam yang efisien dan memudahkan pergerakan rakyatnya untuk berhubung dari satu daerah ke satu daerah yang lain. Kita tidak boleh membiarkan bangsa Johor di Muar merasa seolah-olah tidak berhubung dengan Johor Bahru sedangkan kedua-dua daerah adalah merupakan daerah milik negeri ini.

Seorang Datuk Bandar di Columbia yang berjaya membina sistem pengangkutan awam yang murah dan efisien ada berkata, "petanda kepada kemajuan sesebuah negeri bukanlah apabila rakyat jelata mampu memiliki kereta persendirian, tetapi apabila rakyat yang kaya di negeri itu juga memilih untuk menaiki kenderaan awam".

Ini bersesuaian dengan satu lagi agenda fokus kami di mana kami amat yakin kehidupan bangsa Johor akan bertambah baik jika perkhidmatan pengangkutan awam mampu membawa mereka dari satu lokasi ke lokasi yang lain mengikut masa yang tepat, pantas, selamat dan rangkaian akses yang luas. Kami mengucapkan tahniah atas pengisytiharan perkhidmatan bas percuma yang dianjurkan oleh kerajaan negeri kerana ianya amat sejajar dengan seruan yang telah pun kami utarakan sejak beberapa kali sidang DUN sebelum ini. Namun, masih terdapat beberapa kelompangan yang perlu ditingkatkan lagi seperti perkhidmatan bas antara bandar dengan izin, *inter city* dan juga bandar-bandar di zon Johor utara dan tengah.

4. Kami konsisten dengan pendirian bahawa pelan ekonomi Johor tidak boleh hanya tertumpu terhadap sektor hartanah dan Wilayah Iskandar sahaja. Pembangunan yang lestari dan memanfaatkan semua rakyat perlu memberikan tumpuan kepada sektor tempatan yang benar-benar wujud, bukan sekadar hartanah semata-mata. Begitu juga dari hal pembangunan, pembangunan yang baik tidak seharusnya tertumpu kepada Wilayah Iskandar atau Johor selatan sahaja, Johor utara dan Johor tengah turut memerlukan dasar yang boleh menjamin pembangunan yang memanfaatkan generasi bangsa Johor yang akan datang.

Melihat semula PPSJ, kami khuatir ia sekadar mengangkat daerah-daerah di Johor dengan penjenamaan semula menerusi industri sedia ada namun tidak memikirkan kaedah memajukan industri agar benar-benar menjadi hub industri lokal. Contohnya, Tangkak sememangnya sejak dahulu lagi terkenal sebagai syurga tekstil. Tetapi persoalannya, adakah kerajaan negeri berhasrat menjadikan daerah ini sebagai lokasi pusat industri pengeluar tekstil yang dapat memaksimumkan kemahiran anak-anak Johor? Bukan sekadar menjadi pusat dagangan barangan luar negeri atau luar negara semata-mata.

Walaupun begitu, kami memuji usaha kerajaan negeri menerusi pelan Pertumbuhan Strategik Johor. Namun, ia mesti disusuli dengan perincian serta langkah-langkah impirikal dengan menjadikan penekanan ke arah pembangunan insaniah dan lestari bagi memastikan bangsa Johor benar-benar memperolehi manfaat atas setiap pelan ekonomi dan pembangunan yang ingin dijalankan. Jangan sampai ia menjadi ibarat "indah khabar dari rupa".

Yang Berhormat Dato' Speaker, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar turut bertitah mencadangkan penubuhan sebuah Bank Johor. Saya merafak sembah dan mengalu-alukan cadangan ini.

Dari satu aspek, cadangan mewujudkan Bank Johor ini amat wajar sekali khususnya dalam memberikan tumpuan kepada aspek menaik taraf industri kecil dan sederhana serta sektor pertanian. Bank semasa melibatkan IKS dan juga Agro Bank tidak berjaya memberikan tumpuan serius dalam aspek mengembangkan industri kecil dan sederhana serta sektor pertanian. Bank perdagangan pula terlalu fokus terhadap pinjaman melibatkan hartanah, pinjaman kenderaan dan pinjaman kepada syarikat berskala besar.

Menurut maklumat pada tahun 2014 daripada Bank Negara, bank perdagangan menyediakan purata 60.14% pinjaman kepada sektor isi rumah, manakala hanya 9.09% daripada pinjaman disalurkan kepada sektor pertanian, pembuatan, perlombongan dan utiliti.

Oleh itu, Bank Johor berpotensi menjadi salah satu bank yang dapat membantu mengubah landskap industri kecil dan sederhana serta sektor pertanian di negeri ini untuk berkembang maju.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengemukakan empat perkara berhubung Bank Johor:

1. Bank perdagangan utama telah berlebihan dalam pemberian pinjaman kepada sektor hartanah sedangkan untuk tempoh jangka masa panjang, sektor hartanah bukan sektor yang bersifat produktif.
2. Dalam menghuraikan hal ini, kami melihat bahawa pemberian pinjaman untuk sektor hartanah lazimnya berhubung langsung dengan aspek kecukupan pendapatan seseorang peminjam. Pinjaman berkaitan hartanah akan gagal diperolehi tanpa jumlah pendapatan yang bersesuaian ataupun tinggi. Justeru, pinjaman kepada individu yang berpendapatan rendah hanyalah akan menjunamkan mereka kepada bencana kewangan isi rumah untuk satu tempoh yang panjang.
3. Lanjutan situasi ini, kerajaan persekutuan mahupun negeri terpaksa membina lebih banyak rumah untuk disewa atau mewujudkan lebih banyak skim rumah sewa beli untuk mereka yang berpendapatan rendah bahkan tidak mustahil juga bagi mereka yang berpendapatan sederhana. Justeru, jika Bank Johor dapat berfungsi melakukan transformasi besar untuk menaik taraf industri kecil dan sederhana serta sektor pertanian, secara tidak langsung ia akan turut membantu mewujudkan peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan Bangsa Johor. Secara tidak langsung juga, ia akan meningkatkan kuasa beli dan menaikkan aras boleh pinjam Bangsa Johor terhadap pinjaman hartanah dan perumahan yang sedia ada ditawarkan oleh bank-bank perdagangan.
4. Kami menyeru agar rizab yang terhad dan dana kerajaan negeri Johor serta GLC digunakan secara strategik untuk meningkatkan produktiviti jangka panjang negeri Johor. Menganggap sektor hartanah ini sebagai bukan sektor produktif yang mendesak, pendedahan Bank Johor kepada sektor tersebut hendaklah dikurangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setelah saya membangkitkan dua isu besar melibatkan polisi dasar negeri iaitu Pelan Pertumbuhan Strategik Johor dan Bank Johor, saya ingin mengambil kesempatan membangkitkan isu setempat di kawasan Batu Pahat.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk makluman Dato' Speaker Projek Perancangan Pinggir Batu Pahat Fasa Pertama sepanjang Sungai Batu Pahat telah bermula dalam proses merobohkan kediaman dan pembangunan sepanjang Sungai Batu Pahat dari pintu Air Bakar Condong hingga ke pintu Air Jalan Sultanah pada 28 Mac. Jawapan yang saya terima daripada Dewan yang mulia ini menyatakan bahawa pelan induk yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Landskap Negara yang merangkumi perancangan yang bermula dari Jambatan Sungai Batu Pahat sehingga di hadapan pasar awam iaitu sepanjang 1.5 kilometer. Perancangan pembangunan ini dibahagikan kepada dua fasa di mana fasa pertama dicadangkan dari jambatan Batu Pahat sehingga Jalan Abu Bakar. Saya berasa kecewa kerana projek ini telah dijalankan tanpa mengikut jawapan yang diberikan oleh pihak Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman Dato' Speaker, saya tidak membantah pembangunan ini dijalankan tetapi sekurang-kurangnya perlulah diadakan dialog antara agensi kerajaan yang terlibat dengan penduduk bukan menyampaikan mesej melalui orang tengah. Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin dan mengambil berat atas masalah yang dihadapi oleh rakyat sepatutnya pihak berkuasa hendaklah mengeluarkan notis yang terakhir selama seminggu iaitu notis yang menyatakan tarikh perobohan akan dijalankan. Penduduk yang tinggal di sana bukanlah dari golongan orang baru dan kaya. Mereka telah mendiami kawasan tersebut sejak merdeka. Mereka sayang dan mencintai tempat kediaman mereka. Mereka bukanlah tidak mahu berpindah tetapi kesempitan hidup sebahagian dari mereka menyebabkan mereka terpaksa mengambil keputusan hingga ke saat akhir untuk berpindah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan yang saya ingin bawa dalam Dewan ini, bilakah projek fasa kedua dan ketiga akan dimulakan oleh pihak berkuasa yang bermula pada pintu air Jalan Sultanah hingga Parit Lobi, serta dari Parit Lobi ke Pejabat Perikanan. Adakah ianya akan dimaklumkan kepada pihak terlibat oleh pihak berkuasa seperti menampal notis sebelum proses perobohan bangunan dan rumah penduduk dijalankan.

Soalan yang ketiga, di manakah akan ditempatkan semua peniaga yang terdiri daripada peniaga-peniaga Pasar Malam Batu Pahat dan peniaga-peniaga makanan di sepanjang Jalan Shahbandar.

Soalan yang keempat bilakah bantuan yang dicadangkan kepada penduduk dan peniaga yang terlibat melalui SUK Bahagian Perumahan memberi peluang kepada mereka menduduki rumah kos rendah, sederhana rendah serta rumah mampu milik dan kedai kos sederhana dalam kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat di bawah Program Task Force Perumahan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat ditunaikan.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Penggaram sila gulung.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Gulung. Isu tempatan yang saya ingin bawa adalah mengenai Pasar Malam Batu Pahat Jalan Shahbandar. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak berkuasa kerana menyiapkan sistem perparitan dalam kawasan pasar serta memasang awning bagi keselesaan peniaga dan pelanggan. Bagaimanapun saya berharap Pihak Berkuasa Tempatan dapat menyediakan bekalan elektrik kepada peniaga gerai makan sementara yang berada berdekatan pasar awam

sementara. Dengan adanya bekalan elektrik ini, akan memberikan keselesaan kepada pelanggan serta para peniaga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, boleh bagi 10 minit lagi tak?

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Dah cukup masa.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Tak boleh habis ada tiga muka surat lagi. Isu tempatan yang ketiga ialah kerosakan di Jalan Parit Aman. Jalan Parit Aman merupakan jalan yang sempit. Sebelah sisi kanannya adalah parit. Dahulu walaupun jalan ini sempit tetapi masih tiada masalah besar yang mengganggu kesejahteraan penduduk-penduduk di sana. Namun kini banyak projek perumahan telah dijalankan di sepanjang jalan. Kenderaan berat yang membawa batu-batu merosakkan jalan dan mengakibatkan jalan mendap. Perkara ini pernah saya bawa ke Majlis Perbandaran Batu Pahat dan telah dimaklumkan bahawa kerja pembangunan masih belum diselesaikan dan kerja-kerja membaiki pulihan hanya akan dijalankan selepas projek perumahan siap dibina sepenuhnya. Pemaju-pemaju menjalankan projek perumahan di kawasan Parit Amat telah gagal memastikan keselamatan struktur jalan sehingga menyebabkan risiko keselamatan kepada pengguna jalan raya. Keadaan telah merumitkan penduduk sekitar serta membawa ancaman keselamatan dan nyawa kepada penduduk tempatan. Sebagai kerajaan yang efisien dan prihatin adakah Kerajaan Tempatan mengizinkan perkara ini dibiarkan sahaja berlaku sehingga apabila kemalangan berlaku barulah tindakan lanjut hendak diambil. Adakah pihak berkuasa telah menjalankan pemantauan bagi memastikan pembangunan di setiap tempat dijalankan mengikut syarat-syarat yang ditentukan. Adakah wang amanah pemaju boleh digunakan untuk memperbaiki jalan yang dirosakkan oleh pemaju sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai isu gangguan air bersih. Menurut mengatakannya kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya Negeri Johor, bekalan air masih mampu dibekalkan ketika ini untuk tempoh 3 bulan. Tetapi operasi bekalan berjadual di daerah Kota Tinggi dan Mersing akan dilaksanakan pada 18 dan 20 April nanti. Saya ucapkan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya kerana telah mengambil beberapa langkah jangka pendek untuk memastikan penyusutan air di dua empangan berkenaan tidak menjejaskan pengguna di kawasan terlibat.

Penggaram berminat mengetahui, apakah kajian pelan jangka panjang dan jadual yang implementasi untuk memastikan bekalan air di negeri Johor sentiasa mencukupi, bersih bahkan mampu dibekalkan kepada negeri atau negara lain. Cuaca panas atau kemarau tidak boleh menjadi alasan bahawa air bersih tidak boleh dibekalkan selagi mana usaha yang benar-benar serius belum diambil. Setelah berusaha barulah kita serah segalanya kepada Tuhan. Dengan ini barulah rakyat yakin bahawa kerajaan negeri mampu dan berazam mengatasi masalah air tersebut. Saya amat bersetuju dengan pandangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim, bahawa kerajaan harus menggalakkan supaya setiap rumah mempunyai sistem pengumpulan air hujan untuk kegunaan luar. Saya mencadangkan kepada kerajaan agar memberi insentif kepada pemaju perumahan yang memasang sistem pungutan hujan di kawasan rancangan perumahan mereka. Air hujan yang dikumpul itu dapat digunakan untuk kerja pembersihan, menyiram tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Usaha ini merupakan usaha yang patut



dimulakan hingga semua taman perumahan baru yang dirancang mempunyai sistem tersebut dan amalan memasang sistem pungutan hujan menjadi amalan rakyat.

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Penggaram sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan akan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang .**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Tan Sri Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan disambung semula. Saya persilakan Penggaram untuk menyambung, sila.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih bagi Penggaram menyambung menjunjung kasih perbahasan ini. Usaha ini merupakan usaha yang patut dimulakan sehingga semua taman perumahan baru yang dirancang mempunyai sistem tersebut dan amalan memasang sistem pungutan hujan menjadi amalan rakyat. Pada tahun 1963, negara Hong Kong telah mengalami krisis air yang serius. Pada masa itu kerajaan Hong Kong mula mengekstrak air laut untuk kegunaan tandas menjalankan proses penulenan air laut mengumpul air hujan dan juga menjalankan kitar air semula untuk kegunaan mengairi taman, padang golf, tanaman landskap bandar, membersihkan jalan raya dan kegunaan industri. Dengan usaha ini kerajaan Hong Kong berjaya mengurangkan penggunaan air bersih sebanyak 20%. Meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan berjimat cermat dalam menggunakan air juga adalah langkah yang penting. Saya mencadangkan alat penjimatan air juga dipasang di premis pejabat kerajaan dan juga di tempat orang awam. Kerajaan perlu menjadi teladan kepada rakyat untuk dicontohi. Saya juga bercadang pertandingan reka ciptaan yang berunsur inovasi, utiliti sistem pengumpulan air hujan diadakan di peringkat sekolah atau di universiti. Dengan usaha ini kita dapat mengembangkan teknologi mengumpul air hujan agar lebih berkesan. Aktiviti ini juga boleh mendidik generasi anak muda kita menghargai dan menjimatkan air.

Akhirnya, Penggaram sekali lagi mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul Menjunjung Kasih Atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Keempat Dewan Negeri Johor Yang ke-13. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Penggaram. Perbahasan kita teruskan dengan menjemput Yang Berhormat Puteri Wangsa.

**YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa)** : Assalamualaikum warahmatullahi Warabakatuh

**YB Tan Sri Speaker** : Waalaikumusalam.

**YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa)** : Delima Selasih dibuat sticker, terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker** : Sama-sama.

**YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa)** : Kepada semua Ahli Dewan yang Mulia mohon pertimbangan Puteri Wangsa berbicara. (Selawat). Pertamanya Puteri Wangsa

ingin mengingatkan kepada Firman Allah SWT (bacaan surah) Ayat 22 Surah Ar Rum yang bermaksud dan ketahuilah sebahagian daripada tanda kebesaran Allah bahawa ia menciptakan langit dan bumi dan berbagai-bagai bahasa, warna kulit, berbagai-bagai budaya dan yang demikian itu menjadi dalil bagi golongan yang mengetahui.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu *Dual Language Programming (DLP)* dengan izin, yang kami utarakan pembuka mata dan minda sekalian. Bahasa Melayu Jiwanya Bangsa, Terkenal Lama di Nusantara, Abad Pertama Lahirnya Ia, Lonjak menjadi Lingua Franca Diguna oleh Semua Bangsa, Dagang Sentri Berurus Niaga, Kedatangan Islam hanya diperkasa, Membawa Melayu dan Islam Ke Puncak Nusantara.

Bahasa al-Quran tersebar di watan, terciptalah jawi sebagai tulisan, ilmu berkembang, bahasa dijulang, kebijakan ilmu serlahlah warisan. Pondok, madrasah, sekolah dan jabatan, tulisan jawi mendominasi urusan, dokumen perjanjian lantaran pentadbiran, jawilah wadah dalam semua urusan.

Setelah penjajah datang bertandang, jawi di pinggir tanpa kita perasan, dikit berdikit dikuis ditendang, jawi kini hampir hilang kedudukan. Jawi mewarisi tulisan al-Quran, di akhbar, majalah, buku dan sekolah, jawi terpinggir perlahan-lahan, satu warisan menyesallah sudah. Jawi dan rumi asalnya satu, wahana penyubur kalam dan ilmu, dalam Perlembagaan sudah terakru, Perkara 152 Akta Bahasa Melayu.

Bahasa kebangsaan bahasa rasmi, bahasa ilmu berkedudukan tinggi, tertubuhnya UKM sebagai bukti, ratusan ribu graduan pelbagai degree, Pelbagai bidang pergilah selidiki, bercambah lebih di 48 universiti, bukan sahaja di Malaysia malah luar negeri, 300 juta penutur di kedudukan 10 tertinggi.

Bahasa Melayu bahasa rasmi negara, ironinya kita yang namanya bangsa, tiba-tiba mengalih pandangan dunia, memperlekehkan bahasa dengan sistem yang dicipta.

PPSMI bermulanya angkara, dicetus mereka yang hilang patriotisme, menjelma DLP jadi mata rantainya, ternyata gagal kenapa diulang juga. Bukan sikit digunakan wang berjuta, rakyat di mangsa bahasa ternoda, celiklah mata dan minda kita, usahlah pisang berbuah kedua kalinya.

Telah menjadi cacian cucu cicit kita, kerana tak pertahankan kedaulatan, lemahnya genggam agama dan bahasa, yang merana siapa jika bukan generasi kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menangis air mata darah pun sudah tak bermakna, yang pastinya kita bakal kehilangan sesuatu yang amat bermakna. Bak kata bidalan orang tua-tua, sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. Puteri Wangsa ingin mengingatkan berfikiriah rasional, bertindaklah bijaksana. Mansuhlah DLP dan uruskan pendidikan dengan sempurna. Rujuklah pakar dan ilmuwan bahasa yang ada. Tidak pula kita membenci, menolak BI ini kerana ia juga anugerah Ilahi. Carilah pendekatan, kaedah dan strategi. Rerawatlah BI yang ibaratnya sakit gigi. Sakitnya gigi, kenapa ubat cirit-birit pula diberi? Gigi tak terubat, seluruh sistem badan pula yang tak keruan jadi. Demikianlah analogi Puteri Wangsa beri, moga yang keruh dijernihkan kembali. Rawatlah penyakit yang betul, ubat dan sakitnya, moga sistem pendidikan kita tak jadi cacu marba. Hormatilah bahasa dan warisan Raja-Raja Melayu seperti terdapat dalam akta dan perlembagaan. Demikian Puteri Wangsa berharap dan rayu, sesat di hujung jalan, balikkah ke pangkal jalan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Puteri Wangsa meneruskan bicara untuk menyampaikan hasrat rakyat yang tertalu banyak timbul, sama ada di kawasan Puteri Wangsa khasnya,

dan juga di negeri Johor amnya. Dengan ini Puteri Wangsa mohon pihak yang bertanggungjawab memberhenti dan memindahkan kerja-kerja pembinaan pencawang telekomunikasi yang telah dibina di Kampung FELCRA Sekijang ke suatu lokasi yang lebih selamat. Dan mohon memberi penerangan kepada penduduk tentang bahayanya kesan radiasi terhadap penduduk. Maklumat yang diterima pihak yang bertanggungjawab tidak memberi penerangan kepada penduduk tempatan secukupnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Puteri Wangsa amat menghargai projek-projek pembangunan perumahan dengan sistem kawalan keselamatan yang moden. Sesungguhnya ianya memberi keselesaan penghuni-penghuni, akan tetapi ianya memberikan kesukaran kepada ahli keluarga yang ingin menziarahi atau berurusan secara langsung bersama ahli keluarga dalam taman-taman tersebut. Contohnya, dengan meninggalkan kad pengenalan atau lesen dan seumpamanya, Puteri Wangsa mencadangkan agar kesukaran ini dapat diatasi oleh pihak pengurus atau pemaju dengan mengeluarkan pelekat kereta khas kepada pengunjung harian yang sering keluar masuk ke taman perumahan tersebut yang mana ianya mengalami kesukaran kerana perlu menyerahkan kad pengenalan atau lesen setiap kali keluar masuk ke taman perumahan tersebut. Tidak disangka dalam perumahan tersebut ada pusat didikan kanak-kanak. Puteri Wangsa ingin menegaskan bahawa yang pertama, taman perumahan perlu membuat syarat-syarat yang munasabah, minta pihak Majlis turun untuk slasatan, kedua, perlu ada pas pelawat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, merujuk kepada perkara 4, Titah Baginda Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, segala khidmat bakti dan pengorbanan yang dicurahkan dengan mengutamakan kepentingan rakyat berbanding kepentingan diri sendiri akan sentiasa dihargai dan disanjung oleh masyarakat. Dalam hal ini, Puteri Wangsa berharap agar Syarikat Cahaya Baru Development Berhad (CBDB) yang ditubuhkan peneroka FELDA Cahaya Baru pada tahun 1993 dapat diberi perhatian oleh pihak yang berwajib terutamanya kerajaan negeri Johor kerana sejak ditubuhkan, waris-waris tidak dapat manfaat setimpal di dalam urusan perniagaan yang dijalankan. Malah nilai penjualan tanah yang dijanjikan kepada setiap peneroka sebanyak RM1.2 juta masih belum dilunaskan dan menjadi tanda tanya di kalangan waris dan sebilangan peneroka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, merujuk perkara 22, Titah Sultan, apabila projek pembangunan dilaksanakan di daerah-daerah, masyarakat tempatan akan menikmati kemajuan prasarana dan peluang pekerjaan yang lebih luas serta pendapatan yang lebih baik yang akan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat secara menyeluruh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pengusaha-pengusaha *chalet* yang beroperasi di atas tanah TOL yang diambil alih tanah mereka oleh kerajaan hendaklah diberi pampasan yang setimpal dan juga memberi peluang perniagaan yang seluasnya apabila kawasan tersebut dibangunkan oleh kerajaan kerana pengusaha merupakan orang pertama yang meneroka kawasan tersebut dan juga merupakan penduduk tempatan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, besi keluli merupakan suatu bahan penting untuk industri pembinaan. Tidak dinafikan negeri Johor merupakan sebuah negeri yang pesat membangun dalam sektor pembinaan ini. Puteri Wangsa merasakan sedikit kebimbangan dengan lambakan besi keluli dari negara China yang akan menyebabkan industri pembuatan besi tempatan terjejas. Sebagai contoh, sebuah syarikat pembuatan besi keluli di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, iaitu Syarikat Antara Steel Mills Sdn. Bhd. telah memberhentikan pekerja sementara hampir 300 pekerjanya tanpa ditetapkan tempoh lama pemberhentian sementara tersebut, umpama digantung tidak bertali. Ini telah mengakibatkan keperitan hidup pekerja yang terlibat. Puteri Wangsa mencadangkan agar langkah segera perlu diambil untuk mengatasi masalah pekerja.

Sebagai contoh, setiap pembinaan di bawah kerajaan negeri sepatutnya menggunakan besi tempatan untuk menyelamatkan pekerja-pekerja bangsa Johor ini.

Seloka mak Si Ram Ram, Baik budi emak Si Ram Ram, dagang lalu ditanakkan, tiada kayu rumah diruntuhkan, anak pulang kelaparan, anak dipangku diletakkan, kera di hutan di susui, dagang pergi awak terhutang, beras habis padi tak jadi.

Maksud seloka ini mengisahkan emak Si Ram Ram yang baik hati, dia rela memasak makanan untuk membantu orang dagang yang tidak dikenalnya, emak Si Ram Ram sanggup berhabis-habisan bagi melayan tetamunya, sehingga sanggup meruntuhkan rumah jika tidak berkayu. Namun demikian emak Si Ram Ram mengabaikan anaknya sendiri. Setelah orang dagang itu pergi, emak Si Ram Ram terpaksa menanggung hutang kerana kehabisan beras sedangkan padi yang ditanamnya tidak menjadi. Ulasan sikap sesetengah masyarakat yang terlalu mengagungkan orang luar berbanding rakyat tempatan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti sedia maklum, keadaan ekonomi yang merudum pada tahun ini mengakibatkan ada sebahagian rakyat hidup merempat yang dikenali sebagai gelandangan. Dengan itu, Puteri Wangsa mohon kepada pihak yang bertanggungjawab membuat pemantauan ke atas lokasi yang telah dikenal pasti, seperti Masjid Sultan Abu Bakar terdapat kira-kira seramai 20 orang, parkir Hospital Sultan Aminah Johor Bahru seramai 17 orang dan sebenarnya terdapat banyak lagi di beberapa lokasi khususnya di Johor Bahru. Kemungkinan gelandangan ini pekerja-pekerja yang bekerja di Republik Singapura dan difahamkan ada segelintirnya adalah penagih dadah, maklumat ini diperolehi daripada lima badan NGO yang tersebut; Amal Team, Komuniti Lapar, Kelab Cowboy, Johor Bahru Prihatin dan Gema dan NGO kaum lain.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Rasulullah SAW bersabda (berbahasa Arab) yang bermaksud hendaklah kamu berniaga maka di dalam perniagaan itu terdapat 9/10 daripada sumber rezeki. Puteri Wangsa mohon kepada MBB atau PBT dapat mengeluarkan lesen khas kepada peniaga-peniaga kecil terutamanya peniaga burger di kawasan taman perumahan bagi mengelakkan perniagaan mereka diganggu, dirampas oleh pihak berwajib.

Puteri Wangsa juga memohon pihak yang bertanggungjawab agar menyegerakan kerja-kerja membaik pulih runtuh tebing sungai yang begitu lama sehingga kini masih belum dilaksanakan. Contohnya, runtuh tebing Sungai Tebrau di jalan masuk menuju ke sekolah Kg. Maju Jaya. Dewan yang mulia ini, kemalangan jalan raya sering berlaku adalah berpunca dari kebanyakan jalan yang rosak dan juga jambatan yang sempit. Mohon pihak Jabatan Kerja Raya melaksanakan segera pembinaan jambatan di Sungai Tebrau, Kg. Maju Jaya dan melebarkan jalan Kg. Maju Jaya juga, jalan juga jalan daripada bandar Ulu Tiram menuju ke FELDA Ulu Tebrau, seperti yang telah dijanjikan dalam Persidangan DUN yang lalu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti yang kita lihat golongan muda khususnya lepasan graduan dari universiti tempatan mahupun luar negara, kebanyakan mereka ada yang menganggur dan sukar mendapat pekerjaan. Puteri Wangsa ingin pencerahan berkenaan bagaimana prosedur, SOP yang digunakan dan diamalkan oleh pihak tersebut dalam pengambilan pekerja-pekerja. Dan, sering kali kita mendengar bahawa lepasan graduan ini disyaratkan perlu ada minimum satu tahun pengalaman bekerja. Puteri Wangsa ingin menegaskan bahawa bagaimana lepasan graduan ini ingin bekerja sedangkan syarat perlu ada pengalaman bekerja.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dewasa ini pengajian pendidikan agama menjadi pilihan yang utama kepada para ibu bapa di negeri Johor. Terdapat sebilangan besar pelajar, terdapat sebilangan pelajar MARSAH Johor yang memohon untuk melanjutkan pengajian ke Universiti Al-Azhar bagi mengikuti pengajian Qiraat yang diuruskan melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah berjaya untuk menyambung pengajian ke universiti tersebut. Namun, alangkah malangnya apabila para pelajar tersebut tiba di Universiti Al-Azhar dinafikan kemasukan mereka kerana dikatakan tidak memenuhi syarat kemasukan meneruskan pengajian di universiti tersebut. Persoalannya ialah bagaimanakah boleh berlakunya perkara sedemikian? Tidakkah pihak yang berwajib telah terlebih dahulu mengenal pasti kriteria dan syarat-syarat kelayakan masuk belajar seperti yang dikehendaki oleh Universiti Al-Azhar dan bukankah syarat tawaran rasmi dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya? Oleh yang demikian, pihak pelajar dan keluarga berkenaan merasa tertipu dengan tawaran yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi sedangkan pihak pengurusan Al-Azhar sendiri pada dasarnya telah menolak permohonan pelajar ini untuk melanjutkan pelajaran di sana.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagaimana yang kita maklum bahawa negeri Johor merupakan negeri yang menghantar ramai pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran di bumi Mesir. Sama ada dalam bidang agama mahupun dalam bidang perubatan. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar-pelajar yang terpilih yang Insya-Allah menjadi modal insan contoh kepada negeri dan negara. Walau bagaimanapun, apa yang mendukacitakan Puteri Wangsa melihat ada tekanan-tekanan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini dari pihak tertentu seolah-olah menyekat kebebasan mereka untuk berfikir dan berorganisasi. Sekatan-sekatan ini akan memberi kesan negatif terhadap percambahan minda pelajar-pelajar tersebut yang merupakan generasi pelapis kepada negeri Johor khususnya. Di antara maklumat yang diperolehi adalah berlakunya penutupan pejabat Pentadbiran Badan Kebajikan Pelajar Mesir, pelajar Malaysia di Mesir pelajar Johor di Mesir, BKPMJ sehinggakan ada dikalangan pimpinan pelajar tersebut yang cuba mempertahankan pejabat pentadbiran persatuan lalu ditahan oleh pihak keselamatan Mesir beberapa ketika. Masuk lock up tanpa alasan yang munasabah. Bukan tanpa alasan yang munasabah, bukan sahaja munasabah bahkan munasarawak Tan Sri, pasal pilihan raya Sarawak ni. Jadi, yang mana Tanjung Surat tersebut tadi lokap penuh, tapi di Mesir ada kosong pelajar kita ada yang di tahan, bermakna ini suatu yang mendukacitakan yang perlu di atasi yang mana Puteri Wangsa mengharapkan agar pihak yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pelajar ini hendaklah bersifat terbuka, berlapang dada dan mengamalkan budaya kerja yang matang dan sejahtera.

**YB Tan Sri Speaker :** Puteri Wangsa, sila gulung.

**YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) :** Kemelut yang melibatkan pelajar-pelajar Mesir perlu diselesaikan dengan cara yang terbaik, profesional dan berhemah. Pepatah mengatakan ibarat menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Allah SWT mengingatkan (bacaan surah), Ayat 8, Surah Al Maidah yang bermaksud, Hai orang-orang beriman, jadilah kamu orang-orang yang menegakkan kebenaran dan keadilan kerana Allah. Menjadi saksi yang adil dan janganlah kebencian kamu kepada sesuatu golongan itu mendorong kamu tidak berlaku adil. Berlaku adillah, sesungguhnya ia terlebih dekat kepada takwa dan bertakwaialah kepada Allah, sesungguhnya Allah maha mengetahui terhadap apa yang kamu lakukan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Puteri Wangsa mengambil kesempatan mengucapkan menjunjung kasih dan juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan yang mana, pada 8 April yang lalu masjid yang di bina oleh pihak Johor Corporation yang telah dirasmikan

oleh Baginda Duli Yang Mulia Sultan, oleh Tunku Mahkota Johor sebagai wakil rasmi Duli Yang Amat Mulia, masjid yang besar, masjid yang dapat menjadi satu pusat untuk menyatukan masyarakat kita.

**YB Tan Sri Speaker** : Masjid yang cantik.

**YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa)** : Masjid yang cantik dan dapat dimanfaatkan sebaiknya jadi kebetulan sahaja, kebetulan masjid ini di kawasan Puteri Wangsa. Jadi, Puteri Wangsa ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak kerajaan, kepada pihak Johor Corporation dan baginda Tunku Mahkota Johor dan mudah-mudahan tarbiah dan juga penghayatan agama, akhlak yang mulia dapat digarap melalui masjid yang indah yang dapat dimakmurkan yang tersebut itu.

Jadi akhir sekali Yang Berhormat Tan Sri Speaker, adalah sedikit pengaduan daripada penduduk di Jalan Badik, Taman Puteri Wangsa nampak macam kecil sahaja perkara ini, tetapi besar juga. Iaitu, di Jalan Badik, Taman Puteri Wangsa keadaan yang kurang selesa yang menimpa mereka akibat dikepong oleh penempatan rakyat daripada warga Rohingya atau Burma yang tinggal beramai-ramai di rumah-rumah di kiri kanan rumah penduduk tempatan. Jadi, rumah-rumah tersebut menjadi pangkalan mereka menempatkan rakan-rakan mereka yang baru datang dan rakan-rakan yang akan berpindah mencari tempat kerja-kerja baru. Jadi, Puteri Wangsa mengharapkan keadaan ketidakselesaan penduduk ini, dapat diselesaikan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab kerana menimbulkan suasana bising siang dan malam, keadaan tidak bersih dan sebagainya.

Dan akhir sekali, iaitu klinik di Ulu Tiram, iaitu masalah *parking*, masalah parkir yang mana masalah parkir di tempat di klinik tersebut yang perlu diberi perhatian kerana banyak kemalangan berlaku, ini untuk keperluan rakyat yang berhampiran jadi harap dapat perhatian yang sewajarnya.

Jadi, Puteri Wangsa mengucapkan setinggi penghargaan kepada pihak kerajaan, kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen yang baik kepada segala masalah rakyat yang telah, sedang dan akan datang. Jadi, sekali lagi Puteri Wangsa juga menyokong rundingan yang dibawa oleh Tanjung Surat, menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor. Terima kasih, wabillahaufikwalhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Tan Sri Speaker** : Waalaikumusalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Puteri Wangsa. Masjid itu salah satu masjid yang tercantik di Johor lah. Di atas bukit, dari jauh dah nampak, tahniahlah orang di kawasan Puteri Wangsa. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Pasir Raja.

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam muafakat Johor. Tan Sri Speaker Pasir Raja ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri kerana memberi peluang Pasir Raja dalam perbahasan menjunjung kasih, titah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Sekali lagi kita berasa sungguh bertuah di kala ini tinggal di negeri Johor yang berada di bawah pentadbiran kerajaan negeri pilihan rakyat. Yang diurus dengan cekap, telus dan adil hasil kerjasama kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan kerajaan persekutuan seperti yang dititah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan perkara 9 hingga 14 buku Titah Ucapan.

Kita begitu yakin Tan Sri Speaker, dengan keberkesanan pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang kita kasih bersama barisan pimpinan kerajaan negeri

yang ada. Juga dengan dasar inklusif, lestari dan sejahtera yang dikemukakan kepada rakyat Johor ia telah menampakkan hasil yang sungguh memberangsangkan. Sekali lagi kita tentu berasa teruja, kata orang putih *excited*, bila penambahbaikan demi penambahbaikan yang dilakukan menjadikan negeri Johor di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar telah meletakkan nama Johor bukan sahaja di persada tanah air tetapi juga di rantau Asia. Ini, kita kaitkan resipi atau formula-formula yang telah dilakukan sehinggakan pencapaian sebegitu rupa dapat dilaksanakan. Saya akan gariskan formula-formula dan prinsip-prinsip yang telah dilakukan. Bermula dengan Pelan Suara Hati Johor, kemudian adanya Dasar Muafakat Johor, Dasar Johor Prihatin dengan menjadikan kita bangsa Johor masyarakat yang berkeadilan. Pelan Transformasi Central Business District Johor Bahru, Pelan Komprehensif untuk mencergaskan Rejuvenasi Desa Johor.

Kemudian, mewujudkan zon antarabangsa bagi Koridor Pembangunan Selat Johor, Penubuhan Koperasi Muafakat Bangsa Johor, Keusahawanan Johor atau Program Bantu Dasar Kelestarian Johor dan kemudian Dasar Johor Berkemahiran dengan Pelan Induk Pembangunan Kemahiran Johor atau *Johor Skill Master Plan*. Kemudian *Bio Talent Johor* dan Program Pembangunan Bola Sepak Johor hingga JDT dapat nama di peringkat Asia. Dan saya ada bukti Tan Sri Speaker, ramai orang-orang Johor yang ke luar negara sanggup pakai baju JDT, tak malu-malu nak pakai. Dan kini yang terbaru, Pelan Pertumbuhan Strategik Johor yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Seperti kata Penggaram PPSJ.

Tan Sri Speaker, bila kita lihat strategi yang bakal digunakan dalam pelan pertumbuhan ini, ia merupakan enjin untuk memacu Johor Berkemajuan. Saya teringat akan ungkapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dalam Bajet 2016 di mana kita mengaplikasikan watak tempatan ataupun *local talent*, namun berkapasiti profesional dan antarabangsa. Dalam pelan ini setiap satu dari sepuluh daerah dalam negeri Johor ini ada watak-wataknya. Boleh digunakan untuk synergy penggembengan memantau ataupun momentum kemajuan. Kita ambil contoh, Johor Bahru, daerah Johor Bahru dengan izin, dalam bahasa Inggeris ditulis Johor Bahru dia tulis situ *Asia Home For Business* dengan izin nama besar Tan Sri, *Asia Home For Business*. Di situ wataknya ataupun kebitaraannya dengan izin *niche* dia susun iaitu perdagangan antarabangsa berlaku pembuatan produk kimia, plastik, besi, elektrik, elektronik, pemprosesan makanan halal, ubat dan juga penjagaan kesihatan. Dia tulis situ *Asia Home For Business* maknanya kalau orang dunia nak datang buat *business*, ada. Wataknya Johor Bahru.

Kita ambil contoh yang kedua, Kulai, daerah Kulai, dia tulis sini *Connecting Johor To The World*, wahhh. Menghubungkan Johor ke dunia. Kulai tu dia adalah pusat di mana informasi, komunikasi, selain daripada logistik. Logistik ini terlibat dalam menghubungkan Johor ke dunia. Ini watak yang penting. Kita ambil contoh daerah Muar, kebitaraan atau *nichenya* dengan izin, dia tulis sini *Aspiring Hub For Talent and Knowledge* maknanya hab untuk bakat dan juga pengetahuan, ilmu pengetahuan di Muar, bermakna dia memberi watak Muar sebagai pengendali pendidikan, skil pemiagaan di samping pembuatan perabot elektrik, elektronik, pelancongan, warisan dan pertanian. Kita ambil satu lagi contoh, Segamat. Dia tulis situ dalam bahasa Inggeris *agricultural powerhouse*. Ini perkataan *power* ini, maknanya Tan Sri Speaker, dari *agricultural powerhouse* maknanya di situ pertanian, ada agro pelancongan, eko pelancongan dan pembuatan ringan. Ini yang dipanggil IKS.

Semuanya Tan Sri Speaker, semua daerah ini dalam Johor ada peranan yang diberikan secara khusus. Ini yang dinamakan *brilliant*, ini yang dinamakan berstrategi. Tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana bijaksana dalam mengendalikan enjin pemacuan pertumbuhan ekonomi negeri Johor (Dewan bertepuk).



Kita yakin akan kejayaan ini Tan Sri, kalau sebelum ini kita telah berjaya mengikut titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan iaitu Johor telah berjaya merekodkan lebihan hasil untuk tempoh 5 tahun berturut-turut sejak tahun 2011. Maka, tak salah kalau kita katakan peningkatan kesejahteraan hidup rakyat secara menyeluruh boleh kita capai. Ini bukan lagi yang dikatakan oleh sebuah buku yang dikarang tajuknya *hidden champion*, bukan lagi. Ini *true champion*, satu wawasan yang nampak jelas *vivid vision* matlamat dan juga berkeupayaan dan realistik.

Tan Sri Speaker, dalam hal ini, dalam kita memacu pertumbuhan strategik Johor, ada satu elemen yang perlu kita lakukan dan kita kena jujur dalam melaksanakannya. Apa yang kita nak laksanakan iaitu strategi pertumbuhan bermakna kita membawa nilai-nilai *values* yang kita kemukakan dan *value* ini Tan Sri Speaker tak boleh tulis di sini sahaja. Ia perlu dilaksana dan yang paling penting ia perlu dipasarkan iaitu dalam bahasa Inggeris *marketing* ataupun pemasaran. *Otherwise* jika tidak, kita tidak dapat merasakan impak nilai-nilai yang kita bawa kepada masyarakat dan dunia. Justeru itu, kita mencadangkan satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemasaran Johor ataupun nama lain untuk diduniakan iaitu satu pasukan kuat iaitu *Market Johor To The World* iaitu kita mahu sekali lagi matlamatnya peningkatan pelaburan ke negeri Johor menjadikan Johor destinasi pelancongan, persidangan pameran untuk dunia. Dan yang paling penting untuk menjayakan ini Tan Sri Speaker, keamanan. Johor perlu aman, Johor perlu muafakat dan tidak mahu apa yang disebut oleh rakan daripada Senggarang musuh dalam selimut tidak boleh kita adakan. Kita mahu kerja betul-betul demi rakyat. Ini yang dipanggil *branding* Johor. Kalau PPSJ atau pun Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor inilah sebenarnya ubat rawatan yang betul. Untuk Johor bergerak, tidak akan kena cirit birit tak akan kena sakit gigi. Tak payah. Yang kita rawat inilah yang terbaik.

Tan Sri Speaker, kita percaya pemasaran Johor ini ataupun *marketing Johor* ini akan menjadikan dia sebuah *branding* dalam negara dan ia merupakan satu kaedah di mana dunia akan mengenali Johor dan dengan sendirinya nanti rakyat Johor akan merasai impak. Saya ada buktinya nanti Tan Sri Speaker.

Kembali kita kepada isu PPSJ. Ini boleh kita kaitkan dengan TPPA Tan Sri Speaker, *Trans Pan Pacific Agreement* boleh tak kita tahu dalam Dewan yang mulia ini, berapa banyakkah syarikat dari Johor yang berdaftar di Johor, yang beralamat di Johor yang telah dapat melabur atau melakukan perniagaan atau perdagangan di luar negara terutama di negara-negara Ahli TPPA. Contoh seperti Brunei, New Zealand mungkin ada. Dan kita mesti sokong syarikat-syarikat ini agar terus berjaya malah tentu ada *local talent* atau bakat dari Johor yang turut sama bekerja di luar negara. Baru-baru ini Tan Sri, saya terserempak dengan anak Johor yang bekerja sebagai F&B Manager, *Food and Beverage Manager* di Hotel Hyatt Amman Jordan dan satu lagi menjadi Ketua Krew Penerbangan sebuah kapal terbang Qatar Airline. Bakat mereka ini Tan Sri Speaker, terserlah malah saya boleh katakan bertaraf antarabangsa inilah anak Johor. Sebagai bukti saya jumpa. Saya yakin contoh-contoh ini, bukan saja yang kita tahu, Tan Sri pun mungkin ada pernah terserempak dengan bakat Johor di luar negara, barisan EXCO pun mungkin ada contoh. Tetapi apa yang nak saya bagi tahu ini Tan Sri Speaker, kita yakin, saya lihat cara mereka amat berbeza dengan kehidupan mereka di sini, cara mereka berfikir, cara mereka menghargai keamanan dan kemakmuran tempat mereka bekerja. Itu yang sangat penting.

Dan perkara yang mereka hargai adalah juga dihargai oleh pihak antarabangsa dan kita percaya serta yakin anak-anak Johor ini jika diasuh dengan baik, mereka juga akan berjaya. Berdiri sama tinggi dengan tenaga pakar antarabangsa dan inilah yang kita mahukan. Isunya TPPA Tan Sri Speaker ialah bagaimana pula syarikat negara-negara Ahli TPPA ini yang melabur dan mendirikan perniagaan di negeri kita. Adakah mereka dapat



pertahankan kedudukan mereka yang baik. Sekiranya berlaku *dispute* dengan izin atau perselisihan adakah kita akan berhadapan saman atas nama negeri atau atas nama negara Malaysia. Itu soalnya. Kalau kita telah kehilangan Pulau Batu Putih dahulu mungkin pengalaman ini mengajar kita agar negeri Johor ini kena menyediakan pasukan peguam yang handal-handal dan berkeupayaan antarabangsa untuk mengatasi masalah yang mungkin timbul akibat perjanjian TPPA ini. Kita tak boleh lihat lemah dalam hal undang-undang antarabangsa Tan Sri Speaker, apa-apa hal kita sediakan pasukan peguam yang baik untuk negeri Johor faham TPPA ini, mahir dengan perjanjian serta perinciannya, berwaspada dengan permainan pihak pedagang antarabangsa ingat kes 1998 George Soros dan IMF.

Kerisauan kita adalah pengalaman, kita mungkin keaburan dengan *technical knowledge*. Kita tidak cekap satu ketika, setiap perjanjian yang dibuat mesti ada kelebihan kepada penganjur, bagaimanapun kita sebagai ahli mempertahankan hak kita. Hak bumiputera contoh. Elemen yang harus dihormati. 3 hari lepas di USA di Amerika Syarikat telah dikeluarkan kenyataan hak bumi ini adalah salah satu contoh diskriminasi kata dia. Yang ini kita tidak boleh terima. Justeru itu, perkara yang paling penting Johor mesti ada ialah pasukan pakar undang-undang tempatan yang dapat jaga kepentingan kedaulatan Johor. Pakar undang-undang ini terdiri daripada anak-anak Johor agar ada hati dan perasaan jaga bumi Johor ini. Kita mesti bersiap sedia Tan Sri Speaker dalam pengurusan TPPA ini. Kerana isu ekonomi elemen utama dalam pembangunan negeri Johor.

Tan Sri Speaker, seperkara utama yang ingin saya utarakan ialah berkaitan dengan penyakit kanser. Mungkin sebagai orang yang mempunyai latar belakang perubatan, saya nak beritahu isu kanser ini Tan Sri Speaker, orang tahu secara umum bahawa ia merupakan salah satu pembunuh utama rakyat Malaysia sekarang. Contoh mengikut kajian Kementerian Kesihatan tahun 2013, kita ambil 2 tahun ke belakang. Seramai 43,596 orang, saya pecah dua laki-laki 19,232, orang perempuan lebih ramai iaitu 24,246 orang telah direkodkan menghidap penyakit kanser.

**YB Tan Sri Speaker :** Lelaki kanser apa?

**YB Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Menghidap penyakit kanser dan dijangka naik setiap tahun. Sebenarnya penyakit kanser ini tak hanya memberi kesan kepada pesakit sahaja. Kesannya boleh kepada kematian.

**YB Tan Sri Speaker :** Lelaki kanser apa dia?

**YB Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Lelaki kanser yang *common* Tan Sri Speaker ialah kanser paru-paru, kanser prostat dan yang terbaru kanser usus. Disebabkan oleh polip yang tidak dirawat. Kesannya Tan Sri Speaker, *domino effect* iaitu berantai kepada masyarakat dan kerajaan. Kita boleh lihat dari sudut pandangan keluarga di mana keluarga yang memiliki ahli keluarga mereka yang menghidap sakit kanser sudah pasti suasana sedih akan menyelubungi keluarga tersebut. Bukan saja banyak masa terbuang, wang ringgit digunakan untuk mencari penawar pada penyakit tersebut. Situasi ini akan bertambah kritikal jika pesakit itu ialah ketua keluarga di mana sumber pendapatan pada keluarga ini akan bermasalah. Kita sering melihat dan menyaksikan ada wujudnya kes anak-anak terpaksa berhenti sekolah kerana bapa sudah lagi tidak mampu bekerja dek sakit kanser. Ada juga anak terpaksa bekerja untuk menyara keluarga. Bayangkan sekiranya penyakit ini tidak dibendung, bagaimana pula masa depan masyarakat kita, bangsa Johor. Manakala kerajaan turut terbeban dengan penyakit sebegini kerana kos ubat-ubatan dan peralatan rawatan sangat mahal. Ini sudah menjadi aku janji kerajaan untuk memastikan kebajikan rakyat sentiasa terjamin dalam apa juga situasi ekonomi.

Namun demikian, kos perbelanjaan kesihatan untuk rakyat telah mencatat peningkatan saban tahun sedangkan jika penyakit sebegini dapat dibendung, kos pencegahannya dilihat sangat murah berbanding kos rawatan. Jika langkah pencegahan berjaya dijayakan, maka kerajaan boleh menggunakan peruntukan sedia ada untuk kegunaan lain bagi tujuan kebajikan dan kesejahteraan.

Tan Sri Speaker, secara umumnya, penyakit kanser ini berpunca daripada kesan kurangnya perhatian seseorang terhadap penjagaan kesihatan, tambahan pula sekarang ni, gaya pemakanan yang berlebihan dan tak sihat. Sebagai contoh, obesiti, gemuklah juga adalah penyebab utama kepada penyakit kanser. Ini bukan saya cakap, laporan kajian. Namun, dalam kita merangka pelbagai strategi untuk mewujudkan sebuah Bangsa Johor yang lebih baik di masa hadapan, elemen kesihatan perlu dititikberatkan.

Alhamdulillah Tan Sri Speaker, kita sebagai rakyat Johor amat berasa amat gembira dan bersyukur ke atas kurniaan Allah SWT, seorang Sultan yang amat prihatin dan berjiwa rakyat serta mengutamakan rakyat dalam segenap hal, budi baik Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang sentiasa mengambil berat mengenai permasalahan rakyat dapat dilihat dengan limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku menubuhkan Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor baru-baru ini (Dewan bertepuk). Bagi membantu pesakit kanser mendapatkan rawatan, Tuanku Sultan telah juga menitah pengharaman penjualan vape atau rokok elektronik dalam negeri Johor yang juga dilihat dapat mengekang kepada penularan pelbagai jenis penyakit berbahaya termasuk kanser.

Bagi terus menyokong usaha murni ini, saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, agar kerajaan memberi tumpuan kepada kawalan perkhidmatan bekalan makanan, bahan mentah dan penyediaan makanan. Ini kerana, penggunaan bahan kimia yang berlebihan dalam pemprosesan bahan mentah atau sebagai bahan pengawet dan kualiti kebersihan makanan dilaporkan juga sebagai faktor primer kepada penyakit kanser.

Contoh mudah Tan Sri, saya beli satu kilogram pisang tanduk di kedai yang dijual oleh orang Nepal. Di kedai pisang tanduknya cantik, apabila saya bawa balik ke rumah, dua hari pisang tanduk tu dah lebam, tanpa pengawet, tetapi apabila di letak kat kedai tersebut seminggu pisang tanduk tersebut boleh tahan. Yang ini kita pelik. Sebab itu, saya nak bagi tahu, walaupun sayuran ke, ikan ke, daging kelihatan segar, kesegaran ini akan hilang serta-merta kerana adakah ia bergantung kepada bahan kimia yang digunakan? Jika benar bahan kimia yang digunakan, adakah diluluskan, bagaimana pula sukatanannya? Kalau lulus, sukatan dia pula over dose. Ini yang jadi punca primer kes-kes yang lambat laun akan memberikan kesan kepada tubuh badan kita. Dan, soalnya kepada semua peniaga yang memiliki tanggungjawab yang tinggi untuk memastikan sukatanannya tepat atau tidak mengandungi bahaya, adakah mereka ini secara sukarela memahami. Jadi, untuk mewujudkan persaingan ataupun *win-win situation* antara peniaga pembeli, kita mencadangkan Johor mewujudkan satu bilik sejuk beku yang dikawal oleh kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan di setiap pasar-pasar awam, tak mahu pakai bahan kimia lagi. Kita ada tiga kategori, *freezer*, *refrigerator* dan juga *chiller*. *Chiller degree °C 5-10* simpan sayur, simpan buah-buahan, *freezer -15 – 30* simpan daging boleh tahan, *refrigerator* itu dekat rumah. Jadi kalau kita boleh pastikan yang awam ni kita jaga, yang swasta kita mesti paksa supaya mereka menggunakan kaedah sejuk beku yang boleh membantu pencegahan jangka masa panjang terhadap isu yang kita bangkit pada hari ini.

Dan kita juga ingin mengharapkan kerajaan negeri menerusi PBT mengehadkan jumlah pekerja asing di sektor penjual makanan dan wajibkan setiap pekerja restoran dan gerai makanan untuk menghadiri kursus pendidikan kanser dan penyakit berbahaya menerusi

makanan. Di samping kursus yang dibuat setakat ini iaitu Kursus Asas Pengendalian Makanan sahaja. Jadi, pengisian ini sebenarnya akan membantu bangsa Johor dan kita akan saksikan lebih ramai lagi bangsa Johor yang bekerja di Aman, Jordan, di Qatar Airlines, di Singapura, ramai lagi, insya-Allah kerana kita warga yang sihat Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja)** : Baik.

**YB Tan Sri Speaker** : Saya tertarik ucapan Yang Berhormat, tapi masa tak mengizinkan kita.

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja)** : Dah siap. Jadi, cuma Pasir Raja ingin memaklumkan bahawa kita ingin Dewan yang mulia ini mengambil maklum tentang hasrat yang telah dipanjangkan begitu lama di sini iaitu Kota Tinggi memerlukan sebuah pusat ataupun pejabat JPJ, Jabatan Pengangkutan Jalan kerana dari Mersing, dari Pengerang nak pergi ke Johor Jaya jauh. Kalau ada satu pusat JPJ ataupun pejabat JPJ, itu sangat kita alukan. Dan dua perkara yang mesti tidak boleh tidak kita cakap iaitu Skim Tebatan Banjir Sungai Kemang, Kota Tinggi. Untuk makluman Tan Sri Speaker, Skim Tebatan Banjir Sungai Kemang belum dapat disiapkan. Banjir dah tahun 2007 sampai sekarang. Kedua, Kedai Mampu Milik Taman Desa Sejahtera yang mindahkan orang banjir di Kota Tinggi sampai sekarang kedai dia dah 4 tahun siap tapi tak ditawarkan lagi kepada peniaga. Itu sahaja Tan Sri Speaker yang Pasir Raja nak sampaikan. Terima kasih di atas kurniaan dan juga penghormatan yang diberikan untuk kita menyampaikan ucapan dan saya Pasir Raja menyokong rundingan yang dibawa oleh Tanjung Surat. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker** : Terima kasih, tahniah Yang Berhormat Pasir Raja banyak ilmu kita dapat. Saya persilakan Yang Berhormat Parit Yaani.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani)** : Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tan Sri Speaker. Pertamanya, Parit Yaani menjunjung kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor untuk bertitah kepada Dewan ini. Kita telah mendengar pandangan dan juga titah Baginda Sultan, maka pada petang ini, Parit Yaani ingin memberikan beberapa pandangan juga saranan supaya kita yang berada di sini mengambil keputusan yang baik demi kepentingan rakyat, agama, bangsa Johor itu sendiri.

Hari ini saya rasa macam sikit gemuruh nak bercakap sebab saya tengok dari beberapa wakil Barisan Nasional macam ada sesuatu perkara yang berlaku kepada MB. Jadi, saya pun rasa serba salah nak cakap banyak-banyak tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan dalaman agaknya. Walau macam mana pun yang, Tan Sri Speaker, kita nampak bahawa apa yang berlaku di peringkat negara, di peringkat Malaysia tidak boleh kita lari dalam bentuk politik hari ni.

Politik baru yang ada pada hari ni memerlukan kesatuan semua rakyat tidak kira agama, bangsa ataupun aliran pemahaman politik mereka. Sebab kita dapat melihat pada hari ini bagaimana kejatuhan nilai ringgit dan juga isu yang global bukan sekadar dalam Malaysia bahkan seluruh dunia memperbincangkan masalah negara kita. Maka itu sebab saya menyatakan tadi kekusaran bila melihat jangan sampai perkara ini berjangkit ke negeri Johor, Terengganu dah berubah, Kedah pun berubah MB nya dan saya harap insya-Allah Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin akan terus duduk di tempatnya sampai pilihan raya akan datang untuk kita sama-sama berhadapan di pilihan raya, insya-Allah secara *gentleman*. Sebab ini saya nyatakan mengapa Tan Sri Speaker, sebab kita

dapat melihat hari ini, mantan Timbalan Perdana Menteri dengan jelas menyatakan isu yang berkaitan. Begitu juga dengan beberapa perkara berkaitan dengan 1MDB yang mana ini telah memberikan satu kesan yang begitu mendalam kepada sama ada ahli kerajaan ataupun kita sebagai alternatif kepada kerajaan akan datang. Sebab apabila ekonomi ni jatuh, secara tidak langsung kita semua yang terpikul beban sehinggakan dimaklumkan dalam PAC di peringkat Parlimen, beban hutang 1MDB ini menjangkau kepada RM50 bilion hutang yang ditanggung. Ini bukan hutang kepada satu syarikat sahaja, tetapi kepada seluruh rakyat yang akan memikulnya.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Parit Yaani, sila duduk dulu, boleh sambung selepas kita berehat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 4.00 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 4.15 petang.**

**YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan disambung semula. Jemput Parit Yaani ya.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Dato' Speaker, saya dapat menyambung semula selepas rehat. Dah hilang dah gemuruh, tapi hilang juga idea. Jadi, ini yang susahnyanya tu bila berhenti dua kali nak bercakap. Walau macam mana pun saya nak mengingatkan kita sebagai pemimpin ahli politik yang akan menguruskan dana rakyat, harta kerajaan dan juga harta orang ramai di mana apa yang saya difahamkan, yang diterangkan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri tentang 1MDB ini modal RM1. juta, dapat pinjam seribu juta. Ibarat kalau kita nanti dah ada *Bank of Johor* dengan cadangan daripada Yang Mulia Baginda Tuanku Sultan, orang datang bawak modal RM1.00, nak pinjam RM1,000, agak-agak pengurus bank boleh luluskan ataupun tidak. Ini persoalan yang sewajarnya bagi kerajaan perlu telus dalam menguruskan dana rakyat, dana negara dan juga wang rakyat. Ini antara faktor-faktor yang menyebabkan pada hari ini kita dengar juga apa yang dinyatakan oleh Tuanku Baginda Sultan dalam para 3, Parit Yaani yakin dan percaya bahawa semua Ahli, kita Ahli Dewan yang mulia ini telah dan akan terus menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah. Saya ulang, dengan penuh amanah. Amanah kerana itu kerja yang kita cari, yang kita uar-uarikan kepada rakyat dengan pelbagai slogan dan manifesto. Slogan memang mudah dicipta atau diungkapkan, digembar-gemburkan. Namun realitinya pada hari ini kita dapat melihat rakyat terbeban, rakyat semakin bertambah sengsara di atas beberapa perkara :

1. Kita lihat merujuk kepada Titah Baginda Sultan juga tentang isu air, isu air bersih. Kita dapat melihat bahawa agensi-agensi kerajaan, saya mengharapkan menggunakan akta ataupun peraturan sedia ada sebab saya pergi ke Sungai Lebam tahun lepas, dua kali sampai kami mengadakan solat hajat bersama Al-Fadil Ustaz Ahmad Awang, Ghani Othman, Ghani Othman pulak minta maaf, Ghani Samsudin. Di mana kita dapat melihat bila kita nak masuk ke kawasan tadahan tadi, kawasan yang berhampiran dengan tadahan itu dah penuh dengan penanaman pokok-pokok betik, tanaman kelapa sawit. Sedangkan di dalam akta garis panduan umum, para 4.41 dengan jelas menyatakan bahawa aktiviti pembalakan, aktiviti pembangunan, kemudahan infrastruktur dan juga pertanian tidak dibenarkan sama sekali dalam jangka ataupun dalam jarak 1.5 km. Bagaimana kalau katakan dalam kawasan

tadahan air yang sewajarnya dilindungi oleh hutan dara, hutan yang boleh menggamit hujan kerana bila kawasan tadi sejuk, maka awan akan mudah berkumpul untuk turunkan air. Tetapi apabila hujan, apabila kawasan tadahan tadi lapang, terang benderang, pokok-pokok betik, mana boleh jadi hutan. Jadi, ini memberikan gambaran kepada kita bahawa bagaimana keadaan ini boleh berlaku. Dan kita minta kepada agensi-agensi kerajaan kena bertindak sekiranya mereka adalah merupakan penceroboh kena ambil tindakan, sekiranya telah dikurniakan kepada pihak-pihak tertentu, maka pihak pejabat-pejabat yang berkaitan dengannya perlu mengambil tindakan segera.

Dato' Speaker,

2. Perkara yang kedua, Dato' Speaker, kita tahu bahawa nilai Ringgit Malaysia yang masih begitu rendah dibandingkan dengan nilai mata wang asing Dolar Singapura, Dolar Amerika. Ini ada kaitan dengan masalah-masalah pengurusan kewangan yang tidak cekap oleh pihak kerajaan. Minta maaf saya sebut, kita lihat bagaimana pada hari ini kepercayaan pelabur-pelabur asing nak bawa dana mereka ke dalam negara kita. Mereka menantikan kalau keadaan sebegini rupa sepertimana yang saya sebutkan di peringkat awal tadi, isu TMDB ini satu dunia menceritakannya. Berita daripada Hong Kong, berita daripada Australia, New Zealand yang baru ini, AG daripada Switzerland pun buat satu siasatan.

Jadi, ini satu perkara yang amat membimbangkan kita. Ditambah pula dengan GST, barang yang dah mahal kerana import daripada luar, umpamanya beras bukan banyak kita ada penanaman beras ataupun padi di negara kita. Kita import daripada negara luar, Burma, Vietnam, Thailand. Kalau dulu mungkin RM1,000.00 kita boleh dapat 10 tan, tapi dengan nilai ringgit kita yang jatuh, duit yang sama RM1,000.00 atau RM1juta tetapi nilai tannya telah berkurangan. Bila berkurangan, kita nak jual, penjual, pembeli ataupun pedagang nak jual kepada pembeli tentulah harganya meningkat. Ini memberikan kesan kepada rakyat yang berpendapatan rendah.

Maka saya cadangkan kepada kerajaan negeri, mengapa tidak boleh daripada kita membuka kedai sama-sama berniaga, sama-sama bertawan dengan peniaga-peniaga. Sedangkan kedai yang kita hendak buka yang diterangkan tadi oleh YB EXCO, kedai IMCoop, baru ada 4. Rakyat ada berapa juta dalam negeri Johor? Ada beberapa daerah dalam negeri Johor? Melalui talian, berapa banyak talian yang boleh digunakan, yang boleh diurus. Mengapa tidak kerajaan pastikan betul-betul harga barang ini. Yang akan boleh memberikan kesan kepada seluruh rakyat Malaysia dengan harga yang baik. Dan, saya cadangkan kepada JKM yang ada daftar berkaitan dengan rakyat miskin atau tegar miskin, tegar miskin ini kita ada dana yang baik yang banyak, beri sedikit dengan istilah *food coupon*, *food coupon* ini kita beri kepada tegar miskin, dia boleh *claim* di mana-mana kedai yang berhampiran dengan rumah dia. RM100.00 sebulan ke, RM200.00 sebulan ke dan saya percaya, sebab saya di DUN Parit Yaani memang kami, saya selaku ADUN Parit Yaani buat program *rest for you* setiap bulan tidak kurang 50 keluarga. Yang saya beri tidak kurang daripada RM50.00, 50 keluarga. Ada tersenarai dalam data kami di peringkat DUN. 250 orang lebih dah. Itu yang fakir miskin, yang belum lagi anak-anak yatim, yatim piatu yang mak ayah pun tidak ada.

Jadi, ini saya cadangkan kepada kerajaan supaya boleh mengadakan program *food coupon* bulanan kepada tegar miskin, nilainya tidak perlu banyak, yang perlu adalah keikhlasan kita nak membantu rakyat Johor, warga Johor yang betul-betul miskin.

3. Dato' Speaker, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Bank Negara pada bulan Februari 2016, terdapat 478,000 penganggur di dalam negara kita. Di mana lebih kurang 400,000 daripadanya adalah graduan universiti termasuk pemegang diploma. Sebahagian besar daripada, dari para graduan ini mempunyai bebanan PTPTN. Kerana hak biasiswa kepada mereka yang sepatutnya dapat hari ini dah tidak ada. Sedangkan kekosongan jawatan dianggarkan untuk 305,000 kebanyakannya adalah kategori 3D. Dulu ada orang kata 3D orang rakyat Malaysia tidak suka, kalau kata 3D tak suka kenapa mereka berpindah ke, bekerja di Singapura? Bukan yang pergi kerja di Singapura itu semua kerja kolar putih, kolar biru. Dia kolar kelabu-kelabu. 3D tadi, sebab apa? Tawaran gaji yang baik, nilai mata wang yang baik. Ini bendanya, sebab itu kalau kita lihat bagaimana kalau pendapatan sekitar RM1,000.00 nak bayar kehidupan, nak bayar pinjaman PTPTN dan saya selaku wakil rakyat DUN Parit Yaani minta supaya kerajaan dapat buat satu kajian berkaitan dengan berapa banyak di Johor, berapa banyak di Johor kuota pekerja rakyat tempatan yang dapat bekerja di pembangunan kita yang pesat ini.
- Berapa ramai? Satu, yang kedua bidang apa yang ada terlibat? Yang ketiga syarikat-syarikat milik rakyat Johor sendiri, berapa banyak yang dapat memberikan perkhidmatan kepada pembangunan di negara kita, di negeri kita yang mana jangan sampai ibarat pepatah menyatakan kita melihat pembangunan, kita mendongak ke langit melihat pembangunan tetapi kita hanya dapat tengok tidak dapat merasakan nikmat pembangunan itu kerana kita tidak terlibat. Tidak terlibat, ini bendanya.
4. Saya terkejut dengan apa yang dinyatakan oleh Tanjung Surat, menyatakan bahawa lokap pun tidak cukup di Pengerang, bawa ke Kota Tinggi, nanti kalau dah tidak cukup mana lagi hendak letak? Di Dewan yang mulia ini, saya ingin meminta penjelasan daripada pihak yang berwajib, kesan-kesan yang ramai datang daripada luar bekerja, kerana dua minggu lepas, sebelah rumah saya sendiri kena pecah. Waktu itu saya berada di Kuala Lumpur, saya bila pagi itu dihubungi kerana rumah sebelah pecah saya bimbanglah keselamatan anak-anak kita, isteri kita. Dan, ini satu perkara yang amat mendukacitakan dan kita kena letakkan seandainya pelaku-pelaku tadi adalah mereka yang terlibat dengan dadah, anak-anak tempatan. Bagaimana usaha kita hendak pertingkatkan sahsiah modal insan mereka dalam pendidikan? Sama ada melalui sekolah agama ataupun daripada Kementerian Pendidikan sendiri. Supaya mereka ada jati diri untuk tidak mengambil hak orang. Mereka ada jati diri untuk bekerja bersungguh-sungguh mencari nafkah sendiri dengan titik peluh mereka. Walaupun titih peluh juga panjat rumah orang, tetapi bukan hak dia. Ini yang kita hendak kena tengok.
5. Harga komoditi tempatan yang begitu rendah. Ramai hari ini pekebun-pekebun kecil khususnya, milik tanah yang tidak banyak, tidak sampai 5 ekar. Kalau di kampung-kampung mungkin mereka agak gembira sedikit rumah tidak sewa, tetapi kalau katakan harga komoditi tadi getah, kelapa sawit, bila di potong, tolak baja, tolak upah, terlalu rendah. Maka saya mencadangkan kepada kerajaan memberikan kupon baja dan racun ini kepada petani-petani di peringkat yang mempunyai tanah kurang daripada 5 ekar. Kupon subsidi ke, sebagainya. Bukan kerana kita menyatakan bila sebut subsidi ini, kita kata apa masyarakat kita kena keluar daripada subsidi. Untuk pengetahuan kepada Yang Dato' Speaker, saya tidak lamalah duduk di UK, dekat 4 tahun. Di UK sendiri kalau kita tengok, subsidi kepada pemakanan ini ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan supaya dia tahu dalam peperangan dunia pertama, dalam peperangan dunia kedua bila mereka membina senjata, tidak ada makanan, senjata itu tidak boleh telan untuk dijadikan makanan dalam perut mereka. Sebab itu, pada hari ini negara-negara maju, dia memang dia ada peruntukan yang

besar kepada pertanian, khususnya pemakanan. Jadi, ini satu perkara yang penting untuk kita ambil perhatian.

6. Berkaitan dengan hartanah di bandar-bandar besar yang meningkat yang tentunya sebahagian daripada kita khususnya pekerja-pekerja di peringkat bawahan yang tidak mampu memiliki rumah di bandar. Suatu hari itu saya ada pergi di Kluang. Di bandar Kluang, saya di minum di satu lorong itu, kalau macam Batu Pahat dipanggil apa eh? Di Kluang ada satu lorong, di tengah-tengah pekan itu ada rumah, saya kata eh bagus, cantik. Saya tanya kepada penduduk Kluang, dia kata ini perumahan Majlis Perbandaran Kluang untuk kakitangan dia. Dan ini satu pendekatan yang baik, satu usaha yang menarik yang saya fikir perlu bagi kerajaan menyediakan bagi penduduk, bagi pekerja-pekerja bawahan ini, rumah-rumah yang tidak perlu pengangkutan yang jauh kepada mereka. Kita tahu tadi dah, Tuanku pun sebut tentang masalah pengangkutan yang sesak. Saya dah sebut beberapa kali dalam Dewan ini, kalau kita tengok di Eropah ada tempat yang bandar besar pun masih pakai *tram* di tengah-tengah jalan raya dia. Dengan tambang yang murah yang boleh mengelakkan kesesakan sebab apa bila *tram* itu berjalan di atas jalan raya dengan sendirinya kalau *tram* itu diurus dengan baik, mereka tidak perlu bawa kereta. Mereka akan gunakan pengangkutan yang sedemikian. Dan tidak perlu lagi nak bina jejantas apa dan sebagainya. Ini juga satu perkara yang perlu kita fikirkan dan boleh jadikan satu daripada tanggungjawab sebagai pemimpin kerajaan.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Parit Yaani, sila gulung.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) :** Ada sikit lagi, Insyaa-Allah. Akhirnya, cadangan ataupun permintaan, oh ada dua lagi. Perkhidmatan jalur lebar, yang baik dapat membantu menjadikan Johor sebagai hab pelbagai perkhidmatan digital dan perniagaan lain-lain. Ini juga amat menarik. Kita tahu bahawa jalur lebar berada di kawasan bandar. Di sebelah kampung, di sebelah pendalaman kadang-kadang rakyat tidak dapat maklumat, sedangkan maklumat di hujung jari pada hari ini. Jadi, saya mencadangkan, Parit Yaani mencadangkan supaya jalur lebar ini boleh diberikan kepada lebih jauh ke dalam pendalaman supaya rakyat dapat melihat pembangunan mereka kecapai walaupun mungkin tidak sehebat yang berada di bandar.

Akhir sekali, akhir sekali ini. Saya menyampaikan ucapan terima kasih daripada rakyat DUN Parit Yaani atas segala pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan oleh agensi kerajaan kepada mereka yang begitu baik. Tahniah kepada kakitangan kerajaan dan juga kerajaan Johor atas usaha ini. Walau macam mana pun masih ada lagi permintaan rakyat yang perlu saya utarakan dalam ucapan pada petang ini. Antaranya saya ulang beberapa kali dah, Jalan Kampung Parit Haji Sidek dan Parit Imam, pelebaran jalan dan Jambatan Bindu yang semakin sesak. Keperluan lampu isyarat di Simpang Jalan Bindu dengan Jalan Tongkang yang selalu berlaku kemalangan. Keperluan lampu isyarat di simpang masuk Taman Puteri Indah, Jalan Parit Jalil, Lampu jalan di sepanjang Jalan Seri Bengkal yang selalu berlaku kemalangan. Lampu sepanjang lorong sebelah Sekolah Kebangsaan Seri Bengkal menghala ke Kampung Parit Yaani Tengah. Tanah wakaf kubur Islam untuk penduduk Islam Taman Puteri Indah yang semakin ramai dan pesat membangun kerana tanah wakaf tidak ada di situ. Dia menumpang ke kampung jiran sebelah. Jadi kampung sebelah kata dah makin cepat penuh pulak tempat dia sebab dua minggu lepas saya pergi gotong royong di kubur berkenaan iaitu rungutan daripada penduduk.

Pemilikan hak milik tanah dari kalangan penduduk di tanah FELCRA Seri Wangi kerana ramai daripada peneroka yang telah menjadi, yang tinggal di FELCRA berkenaan sebahagian besarnya telah meninggal. Kepada anak-anak mereka, saya jumpa mereka



mengadu supaya pemilikan hartanah ini ataupun tanah FELCRA ini diberikan kepada mereka. Dan akhirnya, saya ingin menyatakan kalaulah kita berada dalam satu selimut bermakna bukan atas satu katil sahaja dalam satu selimut itu satu perkara yang amat berat, mudah-mudahan kita terus berusaha untuk majukan negara kita dengan berlapang dada dengan teguran. Dia tanya apa sebab ya? Baru dia tanya kalau tak, dia tak tanya. Boleh tengok balik ucapan yang sebelum tu. Ok, terima kasih Dato'. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Walaikumussalam. Terima kasih Parit Yaani. Kita teruskan. Sila Jorak.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan syukur alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dapat bersama-sama dalam perbahasan dalam Persidangan kali ini. Jadi saya juga ucap banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana mengizinkan saya mengambil bahagian pada hari ini.

Untuk memulakan ucapan pada petang ini, izinkan saya membacakan Perkara 18 Titah Baginda Tuanku Sultan yang berbunyi, "Jangan samakan negeri Johor dengan negeri lain. Bangsa Johor itu setia kepada agama, bangsa dan tanah air. Berani kerana benar". Tak ada tepuk pun. (Dewan Ketawa) "Bersatu menghadapi cabaran dan bermuafakat dalam mencari keberkatan". Saya tak ulas, saya baca sahaja. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pentadbiran kerajaan negeri bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Mohamed Khaled Nordin yang telah berjaya meletakkan nama Johor bukan hanya di persada tanah air kita ini sahaja tetapi juga di rantau Asia dan mungkin seluruh dunia. Dan saya juga mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah pun memperkenalkan apabila langkah kerajaan negeri memperkenalkan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor di mana telah meletakkan Muar terutamanya Pagoh sebagai hab pendidikan kemahiran dan vokasional atau yang dituliskan di situ dalam buku yang telah diedarkan sebagai *hub for talent and knowledge* juga sebagai hab industri perabot. Saya kira begitu.

Jadi, dalam kesempatan ini saya ingin bertanya kepada kerajaan tentang *progress* ataupun perkembangan hab pendidikan Pagoh ini terutamanya dalam pembinaan Universiti Kampus Cawangan UTHM, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Politeknik Pagoh. Apakah kemajuan kerjanya dan bilakah agaknya kemasukan pertama pelajar-pelajar yang akan menghuni kampus cawangan ini? Dan bagaimana pula dengan persiapan yang lain termasuklah prasarana-prasarana lain sebagaimana saya sebutkan tentang penggunaan asrama, rumah kediaman dan perniagaan?

Ada komen daripada penduduk di kawasan saya menyatakan bahawa semenjak-menjak Ahli Parlimen Pagoh tidak menjadi Timbalan Perdana Menteri nampak gaya macam-macam *slow* tetapi hinggakan lawatan Menteri KPT dan KSU dan sebagainya pun tak maklum kepada kita. Jadi kita pun tak tahulah apakah perkembangannya tetapi cukup sekadar itu saya ingin menyatakan apakah perkembangan selanjutnya.

Saya juga ingin menyatakan di sini tentang perkara yang taklah berapa penting. Pagi-pagi apabila saya datang daripada Pagoh ke mari, melalui kawasan Nusajaya ini ternampak satu kawasan perumahan moden, *gated and guarded* yang eksklusif dan *luxury* yang namanya Horizon Hills. Ini tak ada dalam teks saya ni, cuma apabila berdiri ini, teringat. Cumanya saya nak tanya pemilikan harta, menurut kepada S&P berapa peratus pemilikan Bumiputera, berapa ramai warga tempatan dan warga asing? Kerana kalau



kita dapat data itu sudah tentu kita boleh mengagak mengandaikan landskap geopolitik kawasan ini pada masa akan datang, kawasan pentadbiran kerajaan negeri Johor ini.

Baiklah, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya terus sahaja kepada perkara yang nak saya bawakan yang pertama ialah tentang apa yang telah disebutkan oleh YB Puteri Wangsa tentang DLP ataupun apa yang disebutkan sebagai *Dual Language Programme*. Ada yang juga yang mengistilahkan sebagai *Disasters Language Programme* kerana DLP itu diperkenalkan di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Melayu MBM dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris, MBI. MBM-MBI. Tetapi yang anehnya, mata pelajaran yang diperkenalkan mata pelajaran sains, matematik, teknologi maklumat dan komunikasi, reka bentuk dan teknologi yang diajarkan di sekolah yang telah terpilih telah diajarkan seratus peratus dalam Bahasa Inggeris. Di manakah letaknya nak memartabatkan Bahasa Melayu saya pun tak nampak. Kerana apa yang kita fahamkan bahawa seharusnya setiap pelajar diajarkan juga dalam mata pelajaran yang disebutkan itu ialah kedudukan Bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia. Kenapakah pelajar-pelajar ini langsung tidak diajar Bahasa Malaysia kepada mata pelajaran-pelajaran itu sebagaimana pelajar-pelajar yang lain? Jadi, adakah terlalu hina sangat Bahasa Malaysia ini sehinggakan menyekat daripada pelajar-pelajar untuk mereka belajar dalam Bahasa Melayu?

**YB Dato' Timbalan Speaker** : YB, azan sekejap.

**Persidangan ditangguhkan seketika bagi menghormati azan.**

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Teruskan Jorak.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak)** : Yang Berhormat Dato' Speaker. Menyambung perbahasan itu. Sebagai rakyat Malaysia, tidak ada pilihan sebenarnya untuk mereka belajar dalam Bahasa Kebangsaan dan makanya saya menyatakan bahawa semua pelajar dalam negara Malaysia ini tanpa kita memberikan pilihan kepada mereka mesti belajar dalam Bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia. Kita tak pernah menentang pengajaran Bahasa Inggeris tetapi jangan sekali-kali meminggirkan Bahasa Malaysia kepada setiap pelajar. Itu dia punya inti pati. Kalau kita nak lihat negara-negara lain. Selalu disebutkan contoh sebagai Jepun, Korea dan sebagainya. Saya ambil contoh negara yang lain pula kali ini iaitu negara Itali, salah satu daripada ahli *European Union*. Kita pernah dengar jenama seperti *Ferrari*. Kita pernah dengar jenama *Lamborghini*, *Maserati*, *high performance car* juga *design-design* yang, *fashion design* yang terutamanya beg tangan seperti Gucci, Prada, Fendi, apa lagi, Coach. Jenama-jenama ini adalah jenama negara Itali. Tetapi kalau kita pergi negeri dia, daripada sepuluh orang nak cari seorang pun yang bercakap berbahasa Inggeris yang macam kita dalam Dewan ini pun *almost impossible*. Saya kata *almost impossible*. Kalau pergi kedai dia, kita tanya *how much*. Dia tak boleh menyebutkan harga itu dalam bahasa Inggeris pun. Tapi kalau anak-anak kita di sekolah-sekolah, I mean anak kita yang bekerja di sini untuk menyebut dalam Bahasa Inggeris satu sampai sepuluh ataupun mengira satu sampai seratus pastinya tidak begitu kekok. Tetapi oleh kerana mereka orang yang bangga dengan diri mereka punya jati diri kepada bangsa mereka, kepada bahasa mereka. Mereka menjadi orang yang besar dan hebat. Bahasa bukan penghalang sebenarnya untuk kita maju ke hadapan.

Perkara yang kedua yang saya ingin sebutkan juga di sini ialah tentang yang banyak diperkatakan di tempat saya baik pelajar dan juga guru ialah tentang bayaran bantuan awal persekolahan. Bunyinya sikit sangat. RM100. Tapi bila tak dapat, eh, dia boleh menimbulkan masalah. Dalam Bajet 2016 hari itu, telah diumumkan bahawa Bantuan Sekolah hanya diberikan kepada pelajar yang keluarga pendapatannya RM3,000 ke

bawah. Ini amat sukar untuk dikenal pasti. Pada Bajet 2015, semua pelajar dapat, tak ada masalah. Bajetnya bukan besar sangat. 2015 jumlah pelajar yang mendapat RM100 ini, jumlahnya ialah 5.4 juta orang pelajar, yang telah mengambil peruntukan sebanyak RM540 million sahaja. *Nothing to the government*. Terlalu sikit. Tapi pada tahun ini, tahun 2016, hanya 3.5 juta sahaja pelajar yang dapat, iaitu melibatkan RM350 juta. Jadi, saya kira pelajar-pelajar daripada kecil pun dah pandai berpolitik. Dia kata dia taknaklah sokong kerajaan kalau macam ini. RM100 punya pasal. Dia kata tak adil. Dia pun bayar GST juga. Kenapa tak dapat RM100. So, kalau betul-betul kita nak membantu pelajar yang kurang mampu, ada mekanismenya, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Gunakanlah saluran tu, jadi pelajar luar bandar, pelajar bandar, pendapatan RM3,000 ini bagi penjaga ataupun keluarga di bandar, mana nak sama dengan RM3,000 dengan anak 5 orang yang di kampung, di luar bandar. Cara nak menetapkan pelajar yang akan dapat RM100 itu pun, amat menyulitkan para guru. Dahlah kena marah dengan mak bapak kalau tak dapat, dia sendiri pun tak dapat, itu dah menimbulkan satu suasana yang tidak elok, tidak enak sebenarnya. Dan tidak pun kita mendapat *political dividen* daripada situ. Saya kira, cadangan saya bayaran Bantuan Awal Persekolahan RM100 ini, sama ada bagi semua ataupun mansuh sahaja. Tidak menguntungkan.

Saya terus sahaja kepada perkara yang ke-3 yang saya nak bawakan, iaitu merujuk kepada Perkara 35 dan 36, daripada Titah Baginda Tuanku. Iaitu menyebutkan bahawa negeri, kerajaan Negeri Johor ada memiliki beberapa syarikat milik kerajaan, dan minta agar badan audit menjalankan pemeriksaan secara berjadual, mengenai pengurusan dan kewangan semua anak syarikat kerajaan negeri bagi memastikan tadbir urus yang baik dan tiada penyelewengan berlaku. Sebagaimana yang disebutkan oleh YB Senggarang, dah sebutkan perkara ini urus tadbir, juga YB Parit Yaani juga ada menyebutkan. Parit Yaani ni dia sebut 2 kali amanah, amanah supaya penyelewengan tak bertakulah agaknya. Dan untuk itu, saya ingin kita di sini ambil iktibar, ambil pengajaran betul-betul daripada laporan, saya harap semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, sudah pun memiliki Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen Ketiga Belas. Tak tebal, 106 pages sahaja. Eh, saya harap semuanya sudah boleh meneliti. Dia bukannya kelas sifat OSA dokumen, semuanya boleh membacanya. Cumanya, saya di sini nak membacakan rumusan sahaja. Rumusan kepada rumusan dan cadangan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang hangat dibincangkan. Saya bacakan di sini iaitu PAC berpendapat bahawa :

1. TMDB seharusnya mengamalkan prinsip-prinsip tadbir urus dengan baik. Maksudnya ini ayat positif. Kalau kita nak bacakan secara saya, saya boleh katakan TMDB tidak mengamalkan prinsip-prinsip tadbir urus dengan baik. (Dewan bertepuk). Jangan ambil *political dividen* eh. Ni saya baca sahaja *report* ni.
2. Penggunaan hutang yang berlebihan dalam struktur modal tidak boleh dibenarkan sama sekali, lebih-lebih lagi apabila aliran tunai syarikat tidak mencukupi.
3. Pihak Lembaga Pengarah didapati gagal melaksanakan tanggungjawab dan menjaga kepentingan syarikat dan pemegang saham. Disebutkan di situ, gagal.

Kalau anak kita pergi sekolah, walaupun dokumen ni tebal macam ni, segala anak-anak kita punya *report* tebal, yang kita lihat akhirnya di belakang, lulus atau gagal. Merah atau biru. Jadi, saya di sini ingin menyebutkan di sini bahawa ambil betul-betul iktibar, betul-betul pengajaran, mana rakan-rakan saya tadi sebutkan, urus harta dana awam ni betul-betul. Kita bukan nak kata macam YB Senggarang kata, ambil tindakan. Itu terpujang kepada pihak berkuasa. Sesuatu yang harus kita belajar, sesuatu harus ambil pengajaran, ambil iktibar, supaya perkara yang saya sebutkan ini, dan kita semua mahukan, jangan sekali-kali bertaku insya-Allah. Itu buat,

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Sila Jorak, gulung.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak) :** 1MDB. Yang Berhormat Dato' Speaker, gulung? Baru nak..

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Itu yang 1MDB tu, semua ada, baca sendiri.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak) :** *No more 1MDB*, Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya nak sebutkan, Dato' Speaker dah suruh berhenti, cuma saya nak minta gini, ada *review* tentang GST. Walaupun pimpinan mengatakan bahawa tak ada lagi, *no more review*, tak ada, kekal, saya di Dewan ini, minta kerajaan *review*. Kerana apa saya nak ambil satu iktibar juga. Apa yang berlaku di Britain, semasa hayat *Margaret Thatcher, The Prime Minister of Britain*. Pada masa itu diperkenalkan satu *tax* yang dinamakan *pool taxes*, cukai kepala. Boleh ambil masa sedikit, YB Dato' Speaker eh. Cukai kepala ini dikenakan kepada semua penghuni rumah, rumah kecil, rumah besar dan sebagainya. Tetapi masa-masa itu oleh kerana *pool taxes* dikenakan untuk kepala, bukan jenis rumah, maka rumah kecil yang ada anak lapan, contohnya, saya rasa mungkin, dengan rumah banglo yang hanya ada 2 kepala, maka orang yang ada 2 kepala membayar *rate* yang rendah, orang miskin, 8 kepala membayar *rate* yang tinggi. Sudah beberapa kali di dalam parlimen dibahaskan supaya kerajaan *review* perkara itu. Tetapi, *Margaret Thatcher* tetap dengan pendiriannya tidak mahu *review* tentang *pool taxes* yang akhirnya menyebabkan parti konservatif kalah dalam pilihan raya. Jadi saya minta dalam Dewan ini, dan saya percaya sesiapa pun yang dalam manifestonya mengatakan dia nak *review* GST, mereka akan mendapat tempat dalam hati rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, cukup setakat itu. Dengan itu Jorak menyokong rundingan yang dibawa oleh Tanjung Surat. Sekian terima kasih.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Jorak tak mencadangkan cukai kaki ya. Ini Cukai Kepala. Saya jemput Senai.

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai) :** Terima kasih dan salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu Senai ingin mengucapkan terima kasih kepada kerana berpeluang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Sempena Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada Khamis lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya hari ini ada banyak isu Senai ingin membangkit dalam Dewan yang mulia ini. Yang pertama juga isu yang banyak kali saya sentuh dan Tuanku sendiri ada bangkit, ada sentuh dalam titah iaitu isu kesesakan lalu lintas pintu masuk. Saya amat setuju dengan titah Tuanku Sultan bahawa kesesakan lalu lintas Tambak Johor dan Link Kedua perlu diselesaikan segera. Saya juga mengalu-alukan findakan yang diambil oleh Jabatan Imigresen iaitu memastikan semua pegawai bertugas pada waktu puncak.

Walau bagaimanapun, saya berasa beku cuti sebanyak 1,781 anggota Imigresen, bukan penyelesaian jangka panjang. Ini berita yang saya baca dari satu surat khabar 2 hari yang lalu. Semua anggota Imigresen dibekukan cuti. Tapi, ini tetaplah bukan satu penyelesaian untuk jangka masa panjang. Jika kita berhasrat menangani masalah kesesakan lalu lintas Tambak Johor dan Link Kedua, kita seharusnya menganalisa dengan perspektif berikut iaitu infrastruktur, pengurusan lalu lintas serta Imigresen. Menurut statistik tahun 2013, sebanyak 200,000 warga Malaysia menyeberangi Selat Johor tiap-tiap hari. Pada ketika itu, pertukaran mata Wang Dolar Singapura dengan Ringgit Malaysia adalah 1 ke 2.4 atau 2.5 pada tahun 2013. Dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini, nilai mata wang kita kian merosot. Sekarang SGD1.00 boleh tukar RM2.80.

Kesesakan lalu lintas Tambak Johor dan Link Kedua pula semakin teruk. Dalam kata lain, kita boleh membuat satu tekaan pinda ataupun dengan izin *intelligent guess*. Jumlah warga Malaysia yang cari rezeki di Singapura telah meningkat, kerana ianya lebih lumayan di sana. Itulah sebabnya ada yang mencadangkan agar dimajukan ekonomi negeri Johor supaya anak Johor tidak perlu lagi bersesak jalan pergi balik bekerja di Singapura. Cadangan ini nampaknya logik, namun apabila ekonomi Johor dan Malaysia sekian maju, perhubungan antara Singapura dan Johor akan menjadi lebih erat. Maka, akan bertambah ramai orang serta kenderaan yang akan berulang alik setiap hari merentasi Selat Johor, untuk urusan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini kerana aktiviti perdagangan adalah pemangkin membangunkan ekonomi sebuah negeri, khasnya untuk Johor Bahru. Sebuah bandar yang terletak di sempadan antarabangsa. Jika kita berhasrat untuk membangunkan Johor Bahru sebagai sebuah metropolitan, kerajaan seharusnya bersiap sedia menghadapi peningkatan trafik ekoran daripada perkembangan tersebut. Tambak Johor merupakan jalan yang paling singkat di antara dua negara. Jika berjalan kaki, ianya akan mengambil masa kira-kira 20 minit hingga 30 minit sahaja. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya telah memaklumkan sidang Dewan yang lalu, bahawa Tambak Johor tidak ada ruang untuk membina satu *travellator* atau *walkalator* dengan izin, berbumbung. Namun saya ingin menegaskan satu kali lagi jika kita berupaya membina sebuah jambatan yang baru, yang lebih besar dan lebih canggih, mengapa kita tidak boleh memperlebarakan jambatan sedia ada untuk membina satu lorong pejalan kaki.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika kerajaan negeri berhasrat membangunkan Johor Bahru sebagai sebuah Bandar Hijau, maka kita perlu mengurangkan kebergantungan terhadap kenderaan persendirian. Ini bermaksud Tambak Johor berpotensi di naik taraf sebagai projek menggalakkan lebih ramai orang untuk membudayakan gaya hidup yang lebih sifat dan hijau. Terutamanya, kerana tambak Johor kita berhubung terus dengan pusat dan Bandar Johor Bahru. Justeru itu, Johor Bahru perlu di transformasi sebagai satu zon mesra pejalan kaki. Jelas di sini bahawa, masalah infrastruktur merupakan salah satu punca utama kesesakan lalu lintas di Tambak Johor. Jika kita meninjau reka bentuk jalan masuk bangunan KIK dari EDL dan Tambak Johor, kita akan mendapati bahawa hanya ada satu lorong sahaja untuk kereta, kereta biasa. Masuk bangunan KIK dan Zon Penampakan yang kemudiannya di cabang kepada kaunter-kaunter Imigresen. Dan Zon Penampakan tu tidak panjang, cukup, iaitu jadi satu masalah kesesakan di depan bangunan KIK. Maka, masalah ini, masalah di sini bukan kecekapan pihak Imigresen tetapi *bottleneck* dengan izin, di pintu masuk. Selain daripada *bottleneck* isu lori juga telah ditimbulkan berulang kali. Kaedah memindahkan semua kaunter lori dari satu pintu masuk ke pintu masuk yang lain, bukan penyelesaian yang menyeluruh. Sepatutnya kerajaan negeri ataupun persekutuan menurunkan kadar tol kat link kedua dan syarikat logistik, akan beralih ke sana secara automatik untuk mengurangkan kos operasi mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk penumpang pengangkutan awam, kesesakan beratur di depan kaunter Imigresen juga merupakan satu masalah. Walau bagaimanapun kita sudah mempunyai 18 kaunter automatik dan 18 kaunter manual. Pada waktu bukan puncak, kaunter automatik cuma mengambil masa cuma 15 saat untuk selesai proses Imigresen bagi setiap seorang. Jika semua kaunter automatik berfungsi dengan baik pada waktu puncak, serta semua kaunter manual dibuka, dan ini keadaan sekarang. Lebih kurang 9,700 orang boleh diproses dalam tempoh satu jam. 9,700 orang. Namun, kita mempunyai lebih kurang 200,000 warga yang berulang alik setiap hari. Tidak kira berapa banyak kaunter yang kita ada, tetaplah akan ada barisan panjang pada waktu puncak. Maka, penyelesaian yang paling baik adalah untuk mempermudah lagi proses Imigresen kedua-dua negara. Saya faham dalam pelan RTS dan *high-speed rail* dengan

izin, akan ada rancangan untuk meletakkan dua Kastam di satu tempat bagi mempercepatkan proses Imigresen. Ini adalah satu rancangan yang baik. Seharusnya ianya dilaksanakan di laluan Johor - Singapura yang sedia ada juga. Malaysia dan Singapura adalah negara yang amat penting dalam komuniti ASEAN. Jika kedua-dua negara ini tidak boleh menyelesaikan isu tempatan dan Imigresen seperti ini, maka projek-projek lain untuk merapatkan hubungan dengan ahli-ahli negara ASEAN sudah tentu akan terjejas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dan seterusnya saya akan bangkit tentang isu rancangan pengangkutan awam. Sistem pengangkutan awam adalah kemudahan asas yang paling penting untuk sesebuah bandar. Dan, saya sudah pun banyak kali bangkit isu ini dalam Dewan yang mulia ini. Johor Bahru, ibu kota negeri kita mestilah membangunkan jaringan pantas dan pengangkutan awam sebelum populasi mencapai 3 juta. Dalam aspek ini, saya mengalu-alukan projek bas percuma di 4 PBT. Selain daripada sistem bas, satu aset pengangkutan awam yang masih belum diguna pakai secara menyeluruh di negeri Johor adalah sistem kereta api. Saya pun pernah mencadangkan agar landasan kereta api yang menghubungkan dua pelabuhan, boleh dipertingkatkan dan diguna untuk tujuan pengangkutan awam. Saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat pernah dengan tentang *Eastern and Oriental Express*, dengan izin. Perkhidmatan kereta api mewah yang berjaya menarik ramai pelancong. Perkhidmatan ini mengguna landasan kereta api sedia ada untuk melaksanakan satu model *business* berasaskan pengangkutan yang menguntungkan. Bayangkan kerajaan negeri kita menubuhkan satu syarikat perkhidmatan kereta api yang mengguna landasan sedia ada. Menawarkan perkhidmatan yang lebih efisien yang menghubungkan pekan-pekan negeri Johor. Cadangan ini sama logik sebenarnya dengan bas percuma. Kita seharusnya mencuba semua cara untuk ringankan ke bebanan rakyat kita. Dengan perkembangan pesat di Wilayah Iskandar, kita perlu merancang pengangkutan awam dengan teliti agar sumber kita tidak dibazirkan. Saya bersetuju dengan idea hab pengangkutan awam yang dipanggil oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya. Dia tak ada, beliau tak ada kat sini sekarang, nasib tak baiklah.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Tapi dia dengar.

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai) :** Ya, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya bangkit idea ni, idea hab transit ini apabila beliau mengunjungi Stesen Kempas Baru. Konsep hab transit ini perlu diguna pakai di mana-mana tempat yang mempunyai potensi. Contohnya, Pekan Senai dalam kawasan Senai mempunyai Lapangan Terbang dan stesen kereta api sedang dalam perancangan. Landasan kereta api seharusnya dilanjutkan sehingga ke lapangan terbang agar kedua-dua sistem pengangkutan awam tersebut, disambungkan. Saya faham bahawa Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Johor akan siap pada tahun ini. Saya di sini meminta Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya untuk membentangkan pelan tersebut dalam Dewan yang mulia ini, ianya boleh di bahas dan diperbaiki sebelum dilaksanakan.

Dan, Yang Berhormat Dato' Speaker saya ingin membangkitkan isu pembangunan hartanah dan juga isu ekonomi negeri kita. Ekonomi adalah isu yang paling penting untuk rakyat. Cara perkembangan ekonomi kita seharusnya bersifat lestari dan mengupayakan rakyat. Justeru, saya mengalu-alukan perasmian CDP II Iskandar Malaysia. Sebagai seorang rakyat Malaysia bangsa Johor, saya amat bangga kerana Johor Bahru akan di maju sebagai sebuah Metropolitan Antarabangsa dalam Rancangan Iskandar Malaysia. Johor Bahru dan negeri kita bukan *hinterland* dengan izin, ataupun pedalaman Singapura. Saya berharap Rancangan Wilayah Iskandar Malaysia dapat mengembangkan Johor Bahru sebagai sebuah Metropolitan yang mampu bersaing dengan metropolitan lain. Walau bagaimanapun, saya terperanjat apabila membaca

berita perasmian, satu projek di Wilayah Iskandar beberapa minggu yang lalu. Walaupun perasmian itu dihadiri oleh ramai pemimpin penting negara ini. Pemaju luar negara itu nampaknya memang tidak sensitif. Bahasa Inggeris yang digunakan pada muka surat depan risalah mereka dah ada masalah, namun sesiapa apa yang faham bahasa Cina akan mendapati bahawa tajuk dalam bahasa Cina oleh pemaju luar negara tersebut merendahkan martabat negeri kita. Tajuk risalah tersebut bahasa Cina berbunyi "terletak di sebelah Singapura, model perdana untuk bandar masa depan". Saya ingin tanya, projek ini dibina dalam Wilayah Malaysia atau Singapura? Cara promosi seperti ini tidak akan bantu mempromosikan nama Johor Bahru langsung. Malah, merendahkan kedudukan kita seakan-akan Johor Bahru ini hanya ada nilai semata-mata kerana kita bersebelahan dengan Singapura.

Kedua, saya faham ini mungkin adalah taktik-taktik pengiklanan, kerana *billboard* besar pemaju ini dapat dilihat di merata tempat negara asal mereka. *Billboard* besar mereka dibaca seperti berikut; dalam bahasa Cina juga, ini yang saya dapat dari *internet*, tidak sampai 1 juta membeli hartanah luar negara di sebelah Singapura, dari tadika ke sekolah menengah, pendidikan sekolah antarabangsa. Beli rumah percuma, kad hijau berhijrah. Maksudnya, beli rumah dapat kelayakan pemastautin lagi, tapi pemastautin di sebelah Singapura atau di Singapura itu sendiri saya tak tahu. Dan, ini iklan yang mereka letak mana-mana tempat kat negara asal mereka. Ini iklan di perhentian bas. Dan ada satu lagi iklan, besar *billboard*nya di pintu masuk lapangan terbang negara itu, bahasa Inggeris itu seperti berikut; dengan izin "*the perfect asset to invest money in adjacent to Singapore*". Nampaknya tak ada kedudukan untuk Johor Bahru, untuk Johor, untuk anak Malaysia. Jadi saya ingin tahu, projek ini dilancarkan oleh Malaysia atau Singapura? Mana kebanggaan anak Malaysia. Saya berasa amat sedia apabila projek yang dilancarkan oleh tokoh-tokoh penting negara kita, diberi label di sebelah Singapura. Kita anak Johor, anak Malaysia, macam mana kita boleh izinkan perkara seperti ini berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semua projek yang dilancar oleh pemaju luar negara ini, menarik perhatian orang ramai. Ini kerana unit yang akan dibina terlalu banyak. Buat masa ini, banyak unit kondominium di Wilayah Iskandar pun belum diduduki sepenuhnya. Contohnya satu kondominium terletak di Bukit Indah, walaupun CCC telah dikeluarkan 3 tahun yang lalu, banyak unit belum didiami lagi. Kalau kita pergi sana pada waktu malam, cuma nampak beberapa unit yang ada lampu sahaja. Malah lebih kurang 10,000 unit kondo akan siap dibina pada tahun 2017. Dengan CCC bakal dikeluarkan. Maklumat yang saya dapat adalah seperti berikut; D'Secret di Kempas Indah, 1302 unit; D'Summit di Kempas Utama, 3150 unit; Country Garden, 9,400 unit siap dalam dua tahun; Austin Regency di Mount Austin 1232 unit siap dalam 2 tahun juga. D'Lagoon di Seri Austin 262 unit. Saya ingin tahu apa strategi-strategi kerajaan negeri untuk mengatasi masalah bekalan lebihan ini. Khasnya banyak projek-projek ini terletak di lokasi perdana Johor Bahru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita baca teori ekonomi mana-mana sekalipun kita akan faham bahawa pembangunan hartanah bukan satu sektor ekonomi yang meningkat produktiviti sebuah negara. Pengajaran yang perlu kita belajar daripada krisis kewangan 1997 adalah kita seharusnya melabur lebih banyak dalam sektor yang meningkat produktiviti seluruh negeri. Sektor ini adalah pertanian, pembuatan, pembangunan, pembangunan utiliti dan infrastruktur dan sebagainya. Namun kita lihat statistik pinjaman semua bank di Malaysia. Sebelum krisis kewangan dunia 2008, pinjaman bank untuk pelaburan industri produktif di Malaysia adalah 15% pada tahun 2006 dan 2007, ini seluruh negara. Sejumlah RM48 bilion dilabur dalam sektor tersebut, ini sektor produktiviti yang produktif pada tahun 2007. Selepas krisis kewangan dunia 2008, *Federal Reserve* Amerika Syarikat memulakan *quantitative easing* dengan izin. Wang panas yang disalurkan ke Malaysia meningkatkan aktiviti ekonomi kita. Bagaimanapun, wang ini tidak

diguna untuk pembangunan sektor produktif kita walaupun jumlah pinjaman meningkat secara mendadak. Peratusan pinjaman bank kepada sektor tersebut merosot setiap tahun hingga 8% dan 9% pada tahun 2013 dan 2014 masing-masing. Jumlah wang yang dipinjam pun kurang daripada tahun 2007, yang paling tinggi adalah RM46 bilion sahaja pada tahun 2011. Manakala..

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Senai, Sila gulung.

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai) :** Ada panjang lagi. Saya cubalah Dato' Speaker.

**YB Datuk Timbalan Speaker :** Ini lecture ekonomi.

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai) :** Ya. Ok saya ada beberapa isu kawasan, izinkan saya gulungkan isu ekonomi dulu. Manakala pinjaman isi rumah meningkat dalam nilai mutlak dan peratusan. Pinjaman isi rumah ini termasuk pinjaman pembelian rumah, kereta, kad kredit dan sebagainya. Pada tahun 2007, rekod pinjaman isi rumah seluruh negara adalah RM117 bilion, 39% daripada semua pinjaman yang di lulus oleh bank, semua bank di Malaysia. Dalam tempoh masa 8 tahun pinjaman isi rumah di Malaysia meningkat 100% iaitu RM241 bilion ataupun 60% dalam pinjaman bank seluruh negara pada tahun 2014. Peranan bank ini adalah untuk memastikan wang di salur kepada sektor yang sesuai membangunkan ekonomi kita. Dengan ini cadangan untuk menubuh satu *Bank Of Johor* amat dialu-alukan. Namun kita mesti jelas tentang peranan *Bank Of Johor* ini. Saya berharap *Bank Of Johor* ini akan memberi perhatian bagi membangunkan sektor pertanian, sektor pembuatan serta pembangunan industri yang membawa impak positif jangka masa panjang kepada ekonomi negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya..

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Yang Berhormat Senai, sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan Dewan hingga jam 9.30 pagi esok, hari Isnin.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 5.10 petang.**

**HARI KETIGA**

**HARI ISNIN,  
18 APRIL 2016**

*Mesyuarat Pertama (Pembukaan Rasmi)  
Bagi Penggal Persidangan Keempat  
Dewan Negeri Johor Yang Ke-13*



**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KETIGA**

**ISNIN, 18 APRIL 2016**

**BIL. 11 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.  
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSL.  
(Panti)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puan Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.

Dato' Mohamed Khaied bin Nordin, SMIJ., SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.  
(Permas)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.**

**YB Tan Sri Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera, salam muafakat Johor, selamat pagi Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan di sambung semula, mudah-mudahan perjalanan Persidangan kita pada hari ini berjalan seperti mana atur cara dan agenda yang telah pun ditetapkan. Terima kasih.

**Jurutulis : SOALAN LISAN.**

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Bukit Naning, jemput.

**YB Datuk Haji Saipolbahari Bin Suib (Bukit Naning) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Organisasi Permuafakatan Mukim wajar ditubuhkan di setiap DUN yang anggotanya terdiri daripada Penghulu, Ketua-ketua Kampung, Kelab Rukun Tetangga/SRS, Pasukan RELA dan sebagainya agar menjadi agen pembangunan komuniti kerana mereka mempunyai kekuatan yang berbeza dan saling melengkapi. Apakah respons pihak yang bertanggungjawab.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia :** Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Bukit Naning berkenaan dengan penubuhan Organisasi Permuafakatan Mukim di setiap DUN dengan penglibatan keanggotaan yang terdiri daripada Penghulu, Ketua-Ketua Kampung, Kawasan Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela, Pasukan Ikatan Relawan Malaysia (RELA) dan sebagainya, adalah satu cadangan yang baik dalam membentuk satu pasukan di peringkat akar umbi secara lengkap melengkapi berdasarkan peranan dan fungsi setiap organisasi tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diambil maklum dan akan diteliti lebih lanjut dalam Majlis Permuafakatan Perpaduan Negeri Johor yang telah pun ditubuhkan untuk diperhalusi cadangan tersebut dari pelbagai aspek dari segi fungsi, peranan serta matlamat yang jelas penubuhannya. Di peringkat jabatan, Jabatan Perpaduan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Permuafakatan Rukun Tetangga di peringkat daerah, bahagian, zon selaras dengan Akta Rukun Tetangga 2012. Di mana Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menyumbang kepada isu-isu keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian masyarakat sejagat dan perkara ini juga harus dilihat agar tidak akan berlaku dengan pertindihan. Seperkara lain yang perlu diteliti ialah setiap organisasi yang terlibat dan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Naning mempunyai perundangan masing-masing tertakluk kepada jabatan yang mengelola organisasi tersebut. Sebagai contohnya, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKK) berada di bawah Pejabat Daerah, RELA di bawah Jabatan Ikatan Sukarelawan Malaysia iaitu Kementerian Dalam Negeri yang tertakluk kepada Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia dan KRT di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional tertakluk kepada Akta Rukun Tetangga 2012. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Tak ada soalan, saya jemput Yang Berhormat Bentayan.

**YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Adakah kerajaan negeri mempunyai *roadmap* melarang penggunaan plastik dan polisterin setiap hari?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada sambutan Hari Bumi peringkat negeri Johor pada tahun 2015, saya telah mengesyorkan agar larangan penggunaan polisterin dan plastik negeri Johor akan dilakukan secara berfasa di dalam jangka masa dua tahun.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada pembentangan bajet tahun 2016 telah menggariskan dua perkara :

1. Kajian Dasar Kelestarian Negeri Johor.
2. Penubuhan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Negeri Johor.

Oleh yang demikian, di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Adaptasi yang pertama yang diadakan pada Januari 2016 telah membincangkan mengenai secara khusus berkaitan tentang penggunaan bahan pembungkusan makanan *biodegradable* sebagai salah satu cara menangani kesan penggunaan pembungkusan polisterin dan plastik terhadap pencemaran alam sekitar dan kesihatan. Saya sendiri melalui nota maklumat pada Majlis mesyuarat Kerajaan Negeri pada 27 Januari 2016 telah memaklumkan usaha ke arah langkah larangan ini dan kerajaan negeri Johor bersetuju Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-Biotech) diberi tanggungjawab untuk mengemukakan cadangan-cadangan inisiatif dan penyediaan *roadmap* selama 5 tahun untuk pertimbangan kerajaan negeri. Oleh itu, saya ingin memaklumkan bahawa J-Biotech di dalam usaha untuk penyediaan kertas kerja cadangan pengenalan dan penggunaan bahan pembungkusan berasaskan bio bagi menggantikan plastik dan polisterin. Ia akan meliputi cadangan pelan tindakan bersama *roadmap* 5 tahun akan datang. Dan, insya-Allah cadangan dan pelan pelaksanaan larangan penggunaan polisterin dan plastik negeri Johor akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan bajet negeri Johor tahun 2017.

**YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) :** Selamat...

**YB Tan Sri Speaker :** Bentayan, jemput.

**YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) :** Ok, berdasarkan kepada kajian alam sekitar antarabangsa, kita akan mempunyai lebih banyak plastik berbanding ikan di laut menjelang 2050. Tadi, dari jawapan yang diberikan oleh kerajaan, kerajaan hanya memikirkan mengenai kesan plastik terhadap kesihatan dan sedang mencari jalan untuk menyediakan pengganti plastik. Bagaimana pula dengan impak terhadap alam sekitar dan masalah tapak pelupusan sampah?

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti yang saya katakan tadi, bahawa kita dalam proses untuk penyediaan *road map* dan juga pelan yang berkaitan tentang cadangan untuk menggantikan polisterin dan juga plastik. Seperti saya maklumkan sebelum ini, contohnya di Sungai Skudai, antara

faktor yang menyebabkan pencemaran Sungai Skudai tersebut adalah apabila terlalu banyak polisterin dibuang di sungai tersebut. Jadi, ini adalah merupakan di antara langkah yang dilakukan oleh kerajaan. Maka, kita minta juga Yang Berhormat Tan Sri bahawa pihak Bentayan kena tengok jawapan-jawapan saya sebelum ini. Jangan kata bahawa kerajaan baru nak ambil, antarabangsa dah buat. Sebenarnya kita ke arah itu tetapi kita nak lebih intensif untuk memastikan bahawa kita berusaha untuk mengurangkan penggunaan yang boleh memberikan masalah kepada alam. Dan, satu lagi saya minta kalau dah ada jawapan dan sebagainya, jangan pula esok mengaku bahawa dia yang bawa. Kan, kerajaan dah buat untuk perkara ini.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput, Skudai.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Sebenarnya dulu Yang Berhormat Pengerusi pun salah seorang *backbencher*. Saya ingat pada tahun 2010, saya Skudai telah membangkitkan isu ini, dalam Dewan yang sama ini. 2010 sampai sekarang sudah enam tahun, saya pun berasa terperanjat sebab baru ini cadangan ini baru dibawa ke perhatian Perbadanan Biotech.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada tahun 60-an, 70-an, masa kita nak tanam semula kebun getah, kita tebang semua pokok getah, kita bakar sahaja. Tapi, baru pada tahun 80-an dan 90-an, mula kita gunakan kayu getah, pokok getah untuk membuat perabot. Tapi yang sedia ada, yang *biodegradable*, bahan ini sedia ada di Malaysia yang dengan harga yang murah juga iaitu sisa-sisa buah kelapa sawit yang boleh digunakan untuk bukan sahaja menjana tenaga dan boleh mengganti, digunakan untuk ganti bahan plastik dan polisterin untuk membuat beg-beg kertas dan adakah setahu Yang Berhormat Pengerusi sebenarnya cadangan itu telah dibawa oleh saya pada tahun 2010 telah diketahui oleh Badan Biotech Johor yang sedang mengalami kerugian.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri, dia kalau nak cakap mesti nak kenakan orang je. Saya pun nak kena. Saya, 2010 dia sebut, saya belum jadi EXCO. Jadi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar lantik saya jadi EXCO, saya buatlah perkara ni. Jadi, tak ada masalah tentang tu. Tapi...

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Tan Sri Speaker ini satu kerajaan bukan dua.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Dah, dahlah, bagi dia duduklah...

**YB Tan Sri Speaker :** Biar, biar Pengerusi menjawab.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Dia sekarang, kita dah sebutkan memang kalau kita nak sebut tentang *roadmap*, kita kena tengok tentang beberapa perkara. Tadi Skudai pun sebut, bahawa di antara perkara kena tengok, bahawa dah ada pun, yang tentang *biodegradable*, dah susah *you* punya pasal saya sebut pun dah susah. Sebab, kita tengok semua di banyak kawasan di daerah ini memang ada buat tentang perkara tu. Tapi kita kena tengok dari segi kos sebab polisterin murah. Dan, oleh kerana kita nak melakukan sesuatu perkara kita kena ambil masa panjang untuk buat kajian, kerana kita tidak mahu apabila kita melakukan sesuatu perkara yang akan menerima kesannya adalah pengguna dan yang akan bantai kita, yang akan bangun pun dia juga. Walau pun dia yang sebut. Jadi, kita kena tengok dari segi kos. Kalau kita tengok dari segi polisterin, kosnya antara RM0.05 ke bawah dan sekarang ni kalau kita nak gantikan *degradable* ni kos dia masih lagi RM0.45. Sekarang ini kita tengah bincang

dengan pihak-pihak yang berkaitan bagaimana untuk kita mengurangkan kadar tersebut agar ianya lebih kompetitif. Maka, kita kena lihat banyak perkara, kerajaan lihat tentang harga, tentang penggunaan dan sebagainya, bukannya apabila kita cakap hari ini, esok kita buat, tidak. Kita kena lihat banyak implikasi daripada tindakan yang telah dilakukan. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Rengit, jemput.

**YB Tuan Haji Ayub Bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Penduduk luar bandar berhak menikmati kemudahan prasarana yang selesa. Apakah pencapaian program pelebaran jalan-jalan kampung seluruh negeri Johor sehingga 31.3.2016. Nyatakan pencapaian dan kos mengikut daerah.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam usaha untuk meningkatkan dan menambah baik kemudahan prasarana jalan kampung, kerajaan negeri Johor telah melaksanakan bukan sahaja penambahbaikan dan penambahan rangkaian jalan kampung baru, tetapi juga telah memperuntukkan bagi program-program pelebaran jalan kampung sedia ada. Dari tahun 2013 hingga tahun 2015, sepanjang 851.36 kilometer jalan kampung sedia ada telah dilebarkan dari 3.5 meter kepada 4.5 meter. Dalam masa yang sama, sepanjang 96.39 kilometer bagi penambahan rangkaian jalan kampung yang baru, telah dilaksanakan. Untuk tahun 2015 sahaja, sepanjang 319 kilometer jalan kampung telah dapat dilebarkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan terus melaksanakan penambahbaikan dari masa ke semasa selain daripada kerja-kerja menaik taraf iaitu pelebaran dan pelebaran turap semula, kerajaan juga telah memperluaskan skop kerja penyelenggaraan bagi jalan-jalan kampung iaitu memasukkan kerja-kerja pemotongan rumput di sepanjang jalan-jalan kampung dilaksanakan bermula tahun 2016. Malah, kerja-kerja membaiki bahu jalan juga dijalankan dalam tahun 2016 ini sebagai usaha untuk menaik taraf jalan-jalan kampung.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Rengit, kerja-kerja pelebaran mengikut daerah sepanjang tahun 2015 yang saya nyatakan sepanjang 319 kilometer melibatkan kos sebanyak RM23.64 juta. Daerah Muar sahaja, sepanjang 61 kilometer dengan kos sebanyak RM3.1 juta; daerah Tangkak, sepanjang 30.2 kilometer dengan peruntukan sebanyak RM2.1 juta; daerah Segamat, sepanjang 18.7 kilometer dengan peruntukan RM537 juta; daerah Batu Pahat, sepanjang 128.5 kilometer dengan peruntukan sebanyak RM9.92 juta. Sementara daerah Kluang, 27 kilometer dengan peruntukan sebanyak RM1.6 juta; daerah Johor Bahru, 8.7 kilometer dengan RM120,000.00 kos pelebaran; daerah Kulai sepanjang 3.4 kilometer dengan peruntukan RM75,000.00; daerah Pontian, 97 kilometer dengan peruntukan RM5.5 juta; Kota Tinggi sepanjang 21 kilometer dengan peruntukan sebanyak RM312,000.00 dan daerah Mersing, sepanjang 8.5 kilometer dengan peruntukan sebanyak RM406 juta.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput, Rengit.

**YB Tuan Haji Ayub Bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih di atas jawapan yang diberikan Yang Berhormat EXCO. Dalam Pilihan raya 13 yang lepas, antara perkara yang dijanjikan oleh kerajaan ialah melebarkan jalan-jalan kampung. Di Johor, ada sepanjang 5,000 kilometer jalan kampung. Orang kampung ni Yang Berhormat, dia masih lagi penyokong setia kepada Barisan Nasional dan yang duduk dalam Dewan ni, kalau Yang Berhormat tengok kebanyakannya datang daripada kampung dan juga luar



bandar. Orang Kampung dia tak mintak banyak Yang Berhormat Tan Sri Speaker, cukup kalau jalannya dapat dilebarkan 1 meter saja, lampu, kampung, lampu jalan kampung 10 tiang satu pun cukup, parit mereka dapat digali 2 tahun sekali cukup. Mereka tak banyak kompelin, surau dapat repair RM20,000.00, pagar, balai raya dapat sikit, cukup. Saya melihat tadi ada 5,000 kilometer. Yang hanya dapat dilebarkan itu terlalu kecil berbanding dengan jalan kampung yang ada di seluruh negeri Johor.

Saya rasa amat terkilan sikit Yang Berhormat Tan Sri Speaker, duit ini semua datang daripada kerajaan sama ada daripada kerajaan negeri atau pun kerajaan pusat, tapi banyaknya datang daripada kerajaan pusat. Dalam masa yang sama katanya tak boleh di lebar sepenuhnya jalan-jalan kampung. Di dalam bandar, di dalam bandar jalan masih baik tapi masih dihitamkan, saya selalu sebut dihitamkan, contoh di bandar Penggaram, Batu Pahat, habis jalan dekat kos RM10 juta. Itu duit daripada kerajaan tapi kenapa kampung mintak lebar 1 meter sahaja, orang kampung nak berselisih tak dapat dilaksanakan. Kita cuma ada 2 tahun. Jadi apa perancangan, soalan saya apa perancangan kerajaan bagi memenuhi janji yang kita dah buat dalam Pilihanraya Yang Ke-13 bahawa jalan-jalan kampung ini dapat dilebarkan. Itu soalan saya.

**YB Tan Sri Speaker :** Ok, Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat ADUN Rengit. Pihak kerajaan dalam usaha untuk melebarkan atau menaik taraf jalan-jalan kampung bukan hanya tanggungjawab diletakkan di bawah Pejabat Daerah atau pun Infra Desa Johor. Tetapi juga banyak agensi-agensi lain yang juga terlibat khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Agensi seperti RISDA, dan juga KEJORA terlibat dalam usaha-usaha untuk membangunkan rangkaian jalan-jalan kampung. Peruntukan disediakan bukan hanya oleh Kementerian tetapi di peringkat negeri, peruntukan bagi menaikkan taraf jalan-jalan kampung seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat ADUN Rengit bahawa kerajaan amat prihatin dan mengambil berat tentang khususnya kebajikan masyarakat di luar bandar. Sebab itu saya menyatakan bahawa selain daripada peruntukan yang berjumlah hampir RM500 juta setiap tahun bagi tujuan penyelenggaraan, tetapi syarat-syarat penggunaan amanah MARRIS ini terhadap hanya kepada skop kerja penyelenggaraan. Kita tidak boleh menggunakan peruntukan tersebut untuk tujuan pelebaran atau menaik taraf. Maka itu kerajaan negeri tidak berdiam diri dalam hal ini. Kerajaan negeri telah memperuntukkan lebih RM50 juta setiap tahun untuk 3 tahun berturut-turut sejak 2013. Dan untuk tahun 2016 ini, kerajaan negeri berhasrat untuk menambah lagi malah Pejabat Daerah sahaja telah diperuntukkan lebih RM70 juta untuk tujuan pelebaran dan menaik taraf jalan-jalan kampung seluruh negeri Johor. Sementara IDJ juga telah mendapat peruntukan untuk melebar dan menaik taraf jalan kampung yang ada di seluruh negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat, apabila kerja-kerja pelebaran atau pun dikemukakan permohonan, pihak kerajaan perlulah menyemak status jalan kampung, bukan 5,000 kilometer tetapi 6,700 kilometer sebenarnya. Daripada 6,700 kilometer ini kita harus melihat pertama, dari segi untuk melebarkan sama ada jalan tersebut boleh mendapat izin lalu mempunyai rizab yang mencukupi. Banyak permohonan yang dikemukakan seperti tahun, tahun 2015 sahaja permohonan untuk melebarkan jalan-jalan kampung diterima adalah sepanjang 357.96 kilometer. Permohonan yang diterima sehingga tahun 2016. Dan, ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM42.8 juta dan insya-Allah kita akan, sebaik sahaja permohonan izin lalu dan rizab untuk pelebaran jalan-jalan ini maklumatnya lengkap, kerja-kerja akan kita mulakan pada ini.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput, Yong Peng.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya amat setuju apa yang Rengif kata, bermaksud ada persaingan maka ada perkembangan. Dan penduduk luar bandar sebenarnya berhak menikmati kemudahan prasarana yang selesa. Di sini soalan tentang pelebaran jalan-jalan kampung. Malangnya di kawasan Yong Peng, ada dua kampung sebenarnya jalannya masih tidak ditar, masih dengan jalan batu. Jadi, bermaksud mereka sudah terpinggir daripada perkembangan. Jadi sebenarnya kampung itu, sebenarnya mintak pihak kerajaan menyemak status permohonan jalan tar untuk Kampung Ngamarto dan Kampung Sabak Nior di kawasan Yong Peng ini. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Perkara yang dibangkitkan akan diambil maklum. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat Bukit Naning, jemput.

**YB Datuk Haji Saipolbahari bin Sulb (Bukit Naning)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Apakah tindakan bahagian penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri Johor menangani masalah haram dan halai akan produk-produk makanan yang berada di pasaran pada waktu ini yang menimbulkan keraguan kepada penduduk Islam.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Assalamualaikum warahmahtullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah. (berselawat) Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Yang Berhormat Bukit Naning dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga buat Bukit Naning, Unit Halal Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dalam menangani masalah produk di pasaran yang menimbulkan keraguan terhadap pengguna Islam. Di antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Negeri melalui Bahagian, Bahagian Unit Halal, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor adalah seperti berikut:

Pertama : Tindakan Pemantauan dan Penguatkuasaan.

1. Membuat pemantauan secara berkala ke atas semua pemegang sijil halal sekurang-kurangnya setahun dua kali, membuat siasatan ke atas aduan yang diterima sama ada melalui panggilan telefon, bersurat, laman web dan email.
2. Melaksanakan operasi bersepadu dan kerjasama agensi-agensi lain yang berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, begitu juga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar, Jabatan Kesihatan, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain jabatan.
3. Menggantung atau menarik semula Pensijilan Halal Malaysia yang telah diberikan kepada syarikat tersebut sekiranya didapati melanggar dan tidak menepati Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Kedua : Dalam bentuk-bentuk program pula, pihak Unit Halal Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor

1. Mengadakan program-program yang berbentuk kesedaran dan juga menyalurkan maklumat berkaitan halal kepada orang awam seperti program ceramah, forum, seminar, taklimat dan pameran kepada segenap lapisan masyarakat Islam di negeri Johor.
2. Mengadakan kursus, bengkel dan latihan kepada pemegang sijil halal sendiri agar Eksekutif Halal dan Jawatankuasa Halal dalaman syarikat terlatih untuk mematuhi keperluan dan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia serta Akta berkaitan dengan halal.
3. Menjalankan kerjasama pintar, menjalinkan kerjasama pintar dengan agensi yang berkaitan seperti Jabatan Pertanian Negeri Johor, FAMA, MARA, MARDI dan Pusat Pembangunan Usahawan (EDC) untuk memberi galakan dan bimbingan kepada syarikat untuk diberikan bimbingan, bantuan agensi berkenaan untuk memperolehi pensijilan halal Malaysia.

Ketiga : Sebaran maklumat yang berkaitan dengan halal.

1. Melalui sistem sistem penyebaran maklumat kepada masyarakat awam melalui aplikasi media sosial seperti face book melalui Sahabat Halal untuk menjawab dan memberi maklumat yang tepat dan sebenar terutamanya berkaitan isu-isu yang di viral kan melalui whatsApp, e-mail, telegram, facebook dan sebagainya.
2. Menyediakan sistem penyebaran maklumat melalui media, media cetak seperti surat khabar dan media elektronik iaitu radio dan televisyen untuk menyalurkan maklumat terkini kepada pengguna.
3. Selain itu, pengguna dan pemegang Sijil Halal juga boleh memperolehi maklumat berkaitan halal melalui telefon bimbit iaitu aplikasi 'my Jakim', yang kedua, 'Direktori Halal' dan laman Web Portal Halal Malaysia di [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my).

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Mac 2016, Panel Pengesahan Halal Malaysia di negeri Johor telah pun meluluskan sebanyak 851 buah syarikat untuk diberikan Pensijilan Halal Malaysia, di mana kelulusan tersebut terdiri daripada kilang makanan, hotel, resort, restoran, premis makanan, rumah sembelihan, farmasuetikal, kosmetik dan juga bahan gunaan dan kosmetik. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker** : Terima kasih. Jemput, Bukit Naning.

**YB Datuk Haji Saipolbahari bin Suib (Bukit Naning)** : Soalan tambahan saya Yang Berhormat Tan Sri. Berkaitan jawapan tadi Yang Berhormat, terima kasih. Cuma Bukit Naning ingin menyarankan supaya pemantauan secara berkala satu tahun dua kali itu dapat dikerapkan sebab apabila pemantauan ini berjadual, mereka-mereka, syarikat-syarikat ini tahulah nak membuat persiapan. Setahun dua kali terlalu lambat dan hari ini kalau kita melihat sekiranya pemantauan tidak dilakukan sewenang-wenangnya, contohnya Pusat Penyembelihan di pasar-pasar. Kadang-kadang pekerja Islam yang menyembelih datang lewat taukenya yang menyembelih. Sembelih, sembelih juga tapi bukan beragama Islam, kadang-kadang ayam mati pun diproses juga. Jadi, inilah kelemahan-kelemahan yang berlaku hari ini dan juga kita melihat bahawa kalau boleh YB EXCO dapat menjalankan tindakan secara *adhoc* dan juga kalau boleh dikerapkan. Dan,

hari ini kalau kita melihat ada kilang pengeluar makanan ternakan khususnya ayam. Setakat hari ini tidak ada Sijil Halal yang ditunjukkan kepada masyarakat kepada penternak-penternak yang akhirnya mencurigakan. Dan, akhirnya apabila makanan ini dibekalkan kepada ayam yang mencurigakan, dia akan memberikan kesan yang negatif kepada masyarakat. Soalan yang saya ingin kemukakan apakah tindakan susulan terhadap kilang makanan pengeluaran ayam yang tidak ada Sijil Halal ini. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker** : Terima kasih, jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Bukit Naning. Berkaitan sebab soalan yang diberikan kepada saya yang berkaitan tentang prosedur dari segi halal ini tadi. Ingin saya maklumkan di sini melalui Dewan yang mulia ini, bahawa pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Unit Halal ini tadi. Selain daripada pemantauan berjadual, kami juga ada mengadakan pemantauan-pemantauan berdasarkan aduan-aduan yang disampaikan kepada kami. Dan, begitu juga daripada hasil daripada pemantauan yang dikatakan secara rambang ini tadi ada juga setengah-setengah pengusaha-pengusaha yang saya katakan tadi, mungkin antara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Naning berkaitan dengan Pusat Penyembelihan atau pun disebut sebagai *slaughter house* dengan izin, bahawa pihak Jabatan Agama Islam Johor melalui Unit Halal juga ada di antara yang kami, pihak kami adakan serbuan itu kami dapati dalam pemantauan ini tadi, kami dapati memang tidak ada memiliki sijil halal. Memang ada yang tidak sijil halal, tetapi berdasarkan apabila mereka tidak mempunyai sijil halal, inilah saya ingin katakan tadi, kerjasama daripada masyarakat Islam hari ini melalui banyak saluran-saluran yang disalurkan kepada kami melalui *website* kita, melalui talian aduan kita pun ada, jadi inilah kita lihat kerjasama yang dapat diberikan kepada kami, dapat kami mengesan. Sebab, kalau kita lihat dari segi hari ini tanpa maklumat-maklumat yang diberikan oleh orang awam kami tidak tahu.

Sebab kebanyakan pusat-pusat penyembelihan yang ini adalah pusat penyembelihan persendirian yang dilakukan secara kecil-kecilan. Saya tak payah sebutkan di mana-mana, sebab saya sendiri pun pernah terlibat dengan perkara ini. Maka dengan sebab itu, saya ingin memaklumkan di sini bahawa daripada pemantauan itu tadi kami akan memberikan kepada mereka pandangan-pandangan supaya pengusaha-pengusaha tadi ini yang melakukan penyembelihan secara persendirian sama ada mereka ini Islam atau pun bukan Islam kami beri dia *guideline* macam mana cara untuk mendapatkan pensijilan halal. Sebab mereka tidak tahu, ada di antara mereka yang tidak tahu. Di samping kami menjalankan penguatkuasaan, di samping itu juga kami memberikan panduan kepada mereka, supaya mereka dapat meneruskan usaha mereka dengan memberikan keyakinan kepada orang Islam khususnya pengguna Islam, mereka dapat membeli daripada tempat-tempat yang mempunyai sijil halal.

Selain daripada itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tindakan yang di ambil sekiranya mereka ini memaparkan, ada setengah-setengah pengusaha hari ini yang berani memaparkan sijil halal sedangkan mereka ini tidak mendapat pensijilan halal. Maka, itu sebabnya kerjasama yang kami lakukan bersama dengan KPDNKK sebab ini di bawah Akta Perihal Dagangan, maka mereka ini akan di ambil tindakan. Sebagaimana yang termaktub dalam peruntukan Undang-Undang yang telah disediakan. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya ingin hendak mengutarakan sesuatu masalah. Kita nampak rumit sangat

tentang sijil halal. Kalau kita pergi ke luar negara. Contohnya negara yang bukan Islam, maka kita akan tuju tempat-tempat restoran yang ada tanda halal. Itu kalau negara yang bukan Islam. Kita pergi ke Amerika, pergi negeri China, negeri England mana-mana kita akan cari tempat bagi orang Islam, kita akan cari tempat yang ada tanda halal. Kalau kita pergi ke negara-negara Islam, tidak ada masalah, tidak ada tanda halal langsung pun tidak apa kerana kita yakin halal. Kalau kita masuk ke supermarket di Malaysia, maka kita akan tuju tempat yang tidak ada tanda halal tapi kita akan, tidak pergi tempat yang ada *non halal*, nampak bezanya.

Di supermarket tanda *non halal*, yang halal tak ada tanda. Jadi, saya nampak di sini songsangnya peraturan halal kita ini, sijil halal kita. Sepatutnya kita negara Islam yang patut kita tekankan adalah tanda *non halal*. Bukannya tanda halal untuk dalam negara kita ini. Contoh, saudara saya dari luar negeri, daripada negara Arab datang di sini dia rasa pelik negara kita ini kerana tidak banyak tempat yang ada tanda halal untuk mereka pergi. Seolah-olah yang tidak ada tanda halal semuanya tidak halal. Jadi, ini pelik. Jadi saya nak, cuba nak lontarkan satu idea adakah pihak kerajaan bersetuju dengan cadangan saya kalau boleh, kalau boleh dan saya rasa ini lebih relevan, logiknya ada maka kita, kita buat suatu peraturan bahawa tempat-tempat yang *non halal* lah yang wajib meletakkan tanda *non halal* bukannya tempat yang halal kita wajibkan letak tanda halal kerana ini adalah negara, negara Islam. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker** :Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Sungai Abong di atas soalan. Cuma saya confuse tadi, ceritanya produk halal ke tempat halal? Kalau produk halal itu dia memang ada halal, haram tetapi tempat halal ini dengan tempat haram ini saya rasa banyak *tagging* kita hendak buat Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong)** : Tanda halal, tanda halal.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Tempat halal ke tempat haram? Produk halal ke produk haram? Minta jelas sikitlah, saya hendak jawab dua soalan ini.

**YB Tan Sri Speaker** : Tak apalah, tak apa, tak apa. Ok.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong)** : Saya rasa, jelas. Ya?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama** :Produk halal ya?Ok, saya faham, maksudnya produk halal.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong)** : Tidak, tanda halal di mana-mana. Di restoran ke, di kedai-kedai ke tanda halal.

**YB Tan Sri Speaker** :Ok, ok.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Ok, ok. Terima kasih, saya dah faham dah. Maksudnya produk halal itu kalau dia melibatkan pemakan, barang-barang makanan dan sebagainya. Tempat halal ini mungkin maksudnya tempat restoran halal dan sebagainya, betul ya? Ha, ok saya betulkan soalan tadi. Terima kasih, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Berkaitan dengan apa yang disebutkan tadi sebagai contoh, bila disebut tentang negara halal, negara Arab dan sebagainya.

**YB Tan Sri Speaker** : Negara Islam.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Negara Islam khususnya. Kita memang...

**YB Tan Sri Speaker :** Ada pula ada negara halal, negara haram pula.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri, negara Islam ya. Bila kita pergi negara-negara Islam, memang mereka ini dah negara Islam. Sebab itu tiada isu hendak letak tanda halal ke, apa produk, produk ini ada tanda halal dan sebagainya. Ataupun mungkin kalau dicadangkan tadi kalau contohnya di Malaysia ada pula tanda halal sepatutnya tanda haram itu yang *highlight* kan. Saya berpegang kepada ayat Al-Quran (bacaan ayat Al-Quran). Yang halal itu nyata, yang haram itu pun nyata. Di antara keduanya ada perkara yang shubahah, maka itu sebab Nabi mengatakan bahawa orang yang kekal dengan perkara shubahah itu letaknya dalam perkara yang haram.

Jadi, itu sebabnya tuan-tuan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan, kalau kita katakan tadi bahawa itu halal itu nyata, haram itu nyata sebenarnya kalau ikutkan tanda itu tidak perlu. Kita sendiri orang Islam dapat membezakan. Di negara Islam, tidak ada perlu istilahnya kata ada tadi tanda halal, ada tanda haram, tidak ada. Dua-dua itu tidak ada tanda, sebab kita tahu, di situ majoriti mereka ini adalah pengguna-pengguna Islam. Mereka dah tahu. Tetapi di sini, di negara kita Malaysia yang kalau kita lihat hari ini dalam kita hidup dalam katakan berbilang bangsa, berbilang agama, masyarakat majmuk ini, perlu kita lihat dari segi menjaga masalah umat Islam ini kita tandakan perkara ini adalah haram dan tidak boleh ada, maknanya halal. Kenapa? Supaya kita orang Islam meletakkan halal itu adalah keutamaan dalam mencari sesuatu produk. Halal itu adalah sesuatu yang sangat dituntut dalam ibadah kita, sebagaimana yang di sabdakan oleh Nabi Muhammad SAW iaitu (bahasa arab). Mencari sesuatu yang halal itu adalah satu kefardhuan selepas ke fardhuan yang lain. Maka dengan sebab itu, itu perbezaan di antara negara Islam luar Malaysia dan negara kita pada hari ini. Tapi saya bersetuju mungkin satu hari nanti, ada suatu mekanisme juga mungkin kita perkenalkan, mungkin kerana tanda halal ini orang dah tidak peduli masih lagi nak kekal dalam perkara yang haram, mungkin suatu hari haram ini pun esok kita *tagging* yang ini haram, yang ini halal. Supaya manusia dapat membezakan di antara keduanya. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Paloh, jemput.

**YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Mohon FAMA nyatakan berapakah pasar tani yang sedang beroperasi di Negeri Johor mengikut daerah.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Paloh bertanyakan soalan mohon FAMA nyatakan berapakah pasar tani yang sedang beroperasi di Negeri Johor mengikut daerah?

Untuk makluman Yang Berhormat, Pasar Tani telah diwujudkan sejak 31 tahun lalu dengan meletakkan negeri Johor sebagai perintis bagi pembukaan Pasar Tani pertama iaitu pada 31 Januari 1985. Pasar Tani pertama diwujudkan adalah di Kompleks Balai Sejuk FAMA di Jalan Tampoi, Johor Bahru. Pada waktu itu, Pasar Tani diwujudkan atas dasar untuk menjadi satu saluran pemasaran alternatif kepada petani bagi memasarkan hasil-hasil pertanian mereka secara terus kepada pengguna tanpa melalui orang tengah.

Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui agensi pemasarannya iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau FAMA telah diberi peranan dan tanggungjawab bagi membangunkan Pasar Tani ini. Justeru, pada masa ini pihak FAMA berusaha meletakkan matlamat penubuhan Pasar Tani ini sebagai satu langkah penting bagi membantu golongan petani, penternak, nelayan dan juga usahawan industri asas tani bagi meluaskan saiz pasaran hasil pertanian dan memberi peluang latihan kepada usahawan tani ini.

Sejak awal penubuhan Pasar Tani sehingga sekarang, pihak FAMA telah mewujudkan lebih 90 buah Pasar Tani di seluruh negeri Johor yang melibatkan hampir 2,400 orang peserta. Untuk makluman juga, jumlah 90 buah ini adalah mengikut hari operasi Pasar Tani tersebut. Ini kerana terdapat beberapa kategori Pasar Tani di negara ini seperti Pasar Tani Mingguan dan Pasar Tani *My Best Buy* yang beroperasi secara mingguan atau sebulan sekali. Selain itu, terdapat juga Pasar Tani Kekal dan juga Pasar Tani Desaraya yang beroperasi secara harian.

Sepanjang 31 tahun ini, Pihak FAMA telah membangunkan Pasar Tani di setiap daerah di negeri Johor. Daerah Johor Bahru merupakan daerah tertinggi dengan 18 buah, diikuti Muar 17 buah, Kulang 13 buah, Tangkak 10 buah, Batu Pahat 7 buah, Segamat 7 buah, Kota Tinggi 6 buah, Mersing 5 buah, Kulai 4 buah dan akhir sekali daerah Pontian dengan 3 buah Pasar Tani.

Pada tahun 2016 pihak FAMA dijangka akan mewujudkan 3 buah Pasar Tani baru iaitu di Kangkar Pulai, Johor Bahru, Taman Desa Mutiara Johor Bahru dan juga di Taman Makmur, Kulang yang beroperasi secara mingguan. Di samping itu, 3 projek pembangunan Pasar Tani Kekal iaitu di Endau, Mersing, Permas Jaya, Johor Bahru serta di Datin Halimah, Johor Bahru dalam proses pembinaan dan dijangka akan beroperasi pada tahun hadapan. Adalah dijangkakan dengan pembukaan Pasar-Pasar Tani baru ini seramai 300 orang usahawan tani akan mengambil bahagian dan beroleh faedah dari pembangunan ini.

Sesungguhnya kejayaan pembukaan Pasar-Pasar Tani ini adalah hasil kerjasama dan hubungan erat yang dibina oleh pihak FAMA bersama Pihak Berkuasa Tempatan sejak sekian lama. Ia juga telah memungkinkkan setiap cadangan dan perancangan pihak FAMA dipermudahkan dan diberi kelulusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan selari dengan hasrat kerajaan negeri Johor yang meminta pihak FAMA supaya membuka lebih banyak Pasar Tani terutamanya di kawasan-kawasan bandar dan pinggir bandar bagi meringankan kos sara hidup rakyat yang kian meningkat. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput, Paloh.

**YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) :** Terima kasih Tan Sri Speaker, dan terima kasih kepada YB EXCO atas jawapan yang di beri. Hasil-hasil pertanian atau barangan yang dijual di Pasar Tani patut lebih murah daripada tempat-tempat lain. Saya dapat respons bahawa harga-harga barang di Pasar Tani adalah mahal. Jadi, adakah perkara ini benar? Jika ya, mengapa ini boleh berlaku?

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Paloh. Kita memang telah mendengar banyak aduan-aduan sebegini yang menyatakan bahawa Pasar Tani menjual harga yang lebih mahal, jadi cumanya ingin kita maklumkan bahawa di pihak FAMA kita telah menubuhkan satu unit iaitu Unit Risikan Pasaran. Unit ini berperanan untuk membuat kutipan harga secara harian dan juga mingguan. Kutipan harga ini kita lihat dari segi

harga di ladang, harga di pasar borong dan juga harga di pasar runcit dengan kita melihat harga-harga ini kita hendak membandingkan harga yang dijual di Pasar Tani ini peruloh rendah daripada harga yang dijual khususnya di pasar 5% hingga 20% pada harga-harga di pasaran ini. Jadi, dengan lantikan, risikan pasaran ini kita berusaha untuk memastikan harga yang dijual di Pasar Tani iaitu barangan yang segar, segar daripada ladang, lebih rendah daripada di pasar. Kita faham, kadang-kadang harga yang di jual di pasar itu di katakan lebih murah. Kita kena lihat contoh, ikan kembong, ikan kembong yang matanya merah, tetapi ikan kembong yang jual di pasar tani matanya biru, itu contoh. Maksudnya ikan segar. Jadi, di pasar tu ikan yang, mungkin yang telah berhari-hari, ikan tong yang diimport dan menyebabkan harganya lebih rendah. Jadi, kita kena faham di pasar tani adalah keluaran segar dan kita sentiasa berusaha untuk memastikan harganya lebih rendah daripada harga di pasar-pasar harian. Terima kasih.

**YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Sulb (Bukit Naning) :** Tahniah kepada YB EXCO dan soalan saya yang melibatkan dengan melahirkan usahawan tani untuk memasarkan produk dia di pasar-pasar tani adalah yang terbaik dan soalan saya berkaitan dengan ruang-ruang dan peluang usahawan-usahawan tani. Adakah mereka diberi peluang untuk memasarkan produknya di Agro Bazar di Singapura? Kerana, peranan FAMA yang dilakukan hari ini dan kalau kita lihat Agro Bazar di Singapura anjuran FAMA hari ini kira malapiah. Bagaimanakah tindakan Yang Berhormat selaku EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani untuk memberi ruang dan peluang kepada usahawan ini untuk menokok tambah peluang-peluang produk ini dipasarkan di Singapura.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walaupun soalnya lari, tapi macam mana pun kita terima kasih kepada Bukit Naning. Kita faham bahawa pihak FAMA telah menubuhkan apa ni, cawangannya di Singapura dan juga telah beroperasi beberapa tahun yang lepas. Pihak FAMA juga, saya difahamkan telah mengenal pasti sebuah pasar raya yang akan disewa ruang untuk memasarkan produk-produk daripada negara kita. Untuk negeri Johor, sebenarnya kita telah menambahbaikkan lagi produk-produk yang bersedia untuk kita hantar ke Singapura. Kerana kita faham, peraturan di Singapura perlu ada beberapa persijilan yang perlu usahawan-usahawan kita memiliki sijil-sijil berkenaan. Supaya, usahawan kita boleh menghantar barangnya ke Singapura. Jadi, pihak Jabatan Pertanian telah menawarkan kursus-kursus dan juga geran-geran yang tertentu untuk kita melibatkan lebih banyak lagi produk-produk kita, dapat kita hantar ke Singapura. Insyallah, pihak Peladang khususnya kepada Yang Berhormat Bukit Naning selaku Pengerusi Peladang Negeri, kita boleh terus bekerjasama untuk memastikan usahawan-usahawan tani daripada Peladang dapat kita gerakkan, dapat kita bantu untuk memasarkan barang-barang mereka ini di Singapura, khususnya di pasar raya yang telah kita sewa ruangnya. Yang mana, kita harap bukan sekadar barang FAMA sahaja, barang-barang usahawan juga akan diberi tempat untuk kita pasarkan di sana. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh EXCO tadi. Saya ingin tahu bahawa macam mana FAMA memastikan semua petani-petani ataupun peniaga yang berniaga sebenarnya kat pasar tani adalah petani-petani yang menghasilkan semua hasil-hasilan tersebut. Kerana, pada beberapa hari yang lalu saya telah menerima aduan dari petani-petani sayur-sayuran di dalam kawasan saya bahawa ramai peniaga yang buat perniagaan kat pasar tani tersebut mungkin tidak adalah petani sebenarnya. Mereka cuma adalah *middle man*, dengan izin, yang membeli hasil-hasilan, sayur-sayuran dari petani sebenar dan jualkan di pasar tani. Dan, saya rasa kalau masalah ini benar berlaku, ada sebagai bercanggahan dengan matlamat untuk menubuhkan pasar tani ini. Terima kasih.



**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, peserta-peserta pasar tani ini dia memang ada beberapa kategori. Selain mereka ini sebagai petani dan juga pemasar, mereka juga ditugaskan beberapa peratus untuk membeli produk-produk pertanian kepada petani-petani yang lain. Sebab kita ada, kita mewujudkan satu skim yang mana kita mengalu-alukan petani-petani yang tidak dapat menjual terus kepada pengguna, mereka boleh melalui peserta-peserta pasar tani. Itu sebab kita mewujudkan Program Ladang Kontrak. Kalau mengharapkan petani itu sahaja menjual produk mereka, pengeluaran mereka tidak besar. Jadi, kita mengalu-alukan mereka juga mengambil hasil-hasil pertanian di tempat-tempat lain khususnya yang terikat dengan FAMA melalui Program Ladang Kontrak. Kita tak boleh menetapkan 100% petani itu mengeluarkan produk mereka sahaja. Jadi, secara tak langsung, mereka juga membantu usahawan-usahawan ataupun petani-petani yang lain.

Untuk program negeri Johor, sebenarnya kita juga memperkenalkan satu program baru kita panggil Program Cambah. Iaitu, kalau satu ketika dulu, kalau kita di kampung khususnya, setiap kampung, setiap mukim memang mewujudkan orang tengah. Secara tak langsung dia boleh memasarkan produk masing-masing. Kalau kita lihat dulu, kampung kita ada peraih. Peraih inilah yang memastikan buah durian, buah rambutan khususnya buah rambutan tak masak sampai hitam di kampung, kerana kita kena wujudkan balik suasana mewujudkan orang tengah yang baik ini. Dan, akhirnya orang tengah ini akan bersama-sama dengan peserta FAMA dapat memasarkan. Jadi, kita tak boleh melabelkan semua orang tengah ini sebagai orang tengah yang negatif ke eh. Kita cuba kali ini melahirkan setiap mukim sekurang-kurangnya 2 hingga 3 orang sebagai orang tengah dan akhirnya dia akan berkait dengan FAMA juga. Jadi, tak adalah timbul kita di Johor hari ini kita membuat ataupun kita mengalu-alukan petani-petani mengeluarkan makanan cara besar-besaran. Tak akan timbul masalah pemasaran. Jadi, bila kita mewujudkan peraih setiap mukim, salah satu tempat yang peraih ni boleh bersama dengan kita adalah di pasar-pasar tani. Sekurang-kurangnya kita yakin hasil-hasil pertanian akan dapat di merata tempat. Tak tertumpu di satu kawasan sahaja. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Tenang, jemput.

**YB Encik Mohd Azahar Bin Ibrahim (Tenang) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6.

Apakah langkah-langkah dan persediaan Majlis Sukan Negeri Johor dalam menghadapi Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2020 yang mana Johor menjadi tuan rumah.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan :** Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Tenang di atas perkara yang dibangkitkan iaitu berkaitan langkah-langkah dan kesediaan Majlis Sukan Negeri Johor dalam menghadapi temasya Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2020 yang mana semua sedia maklum bahawa negeri Johor secara rasminya telah dipilih sebagai tuan rumah SUKMA tahun 2020.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi pihak kerajaan negeri Johor terutamanya melalui Majlis Sukan Negeri Johor telah menjalankan langkah awal yang mana persediaan ini terbahagi kepada 3 elemen penting.

1. Persediaan fasiliti sukan
2. Penyediaan atlet
3. Penyediaan kemudahan dan penganjuran SUKMA

Ketiga-tiga elemen ini sangat berkait rapat dalam kita menuju ke arah penganjuran SUKMA tahun 2020 yang mana kita sedia maklum Johor tidak asing lagi dari segi penganjuran di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Pelbagai program penganjuran telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri Johor dalam mempromosi sukan bukan sahaja untuk rakyat di negeri ini. Malahan di peringkat kebangsaan. Bagi tahun 2015 sahaja, kerajaan negeri Johor dengan kerjasama Persatuan Sukan telah menganjurkan 7 pertandingan sukan peringkat antarabangsa yang disertai oleh 23 buah negara. Sebagai langkah awal, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak Majlis Sukan Negeri Johor telah menjalankan satu bengkel Pembangunan Infrastruktur Sukan bagi menghadapi Sukan Malaysia 2020 iaitu pada tarikh 14 hingga 15 Februari tahun 2016 bertempat di Hotel New York. Kesemua 41 Persatuan Sukan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, jabatan kerajaan, anak syarikat kerajaan negeri Johor telah hadir dan Alhamdulillah sokongan yang kuat daripada Majlis Sukan Negara dengan kehadiran Ketua Pengarah.

Antara lain tujuan kita mengadakan bengkel Pembangunan Sukan ini kerana kita ingin menerima pandangan dari setiap persatuan yang ada dalam negeri Johor bagi kita bantangkan kepada pihak kerajaan dalam kita merancang fasiliti sukan yang akan digunakan sebagai lokasi pertandingan. Selain daripada itu, pada tahun 2015, Unit Perancangan Ekonomi negeri Johor (UPEN) juga telah menjalankan kajian berkenaan infrastruktur sukan. Ia meliputi kajian seluruh infrastruktur sukan yang ada dalam negeri Johor. Setelah itu perincian kajian dilaksanakan terhadap infrastruktur yang sesuai untuk digunakan meliputi keadaan sedia ada, penambahbaikan dan juga ubah suai yang perlu dilakukan seperti anggaran perbelanjaan infrastruktur yang perlu dibina serta pembangunan infrastruktur yang sedang dijalankan oleh pihak kerajaan mahupun melalui projek penswastaan.

Kajian ini juga mengambil kira 24 jenis sukan yang boleh dilaksanakan dalam SUKMA 2020 iaitu 15 sukan wajib, 4 sukan tambahan melalui cadangan Majlis Sukan Negeri Johor dan 5 sukan lain sebagai simpanan yang boleh dicadangkan untuk dilaksanakan. Kajian ini insya-Allah akan meliputi kesesuaian venue pertandingan dengan pemilihan yang mengambil kira faktor jarak, trafik, keselamatan dan pengurusan. Selain kajian berkenaan infrastruktur sukan, kajian ini juga membentangkan berkenaan penempatan bagi kontinjen, petugas meliputi asrama, pusat-pusat pengajian yang ada serta hotel-hotel yang sesuai untuk penginapan sepanjang temasya ini dilangsungkan. Bagi tujuan kita, lagi tinggal tak sampai ye 5 tahun. Jadi, kita lihat bahawa dengan adanya perancangan yang teliti dan juga dengan kerjasama daripada semua pihak insya-Allah, pihak negeri Johor akan menjadi tuan rumah yang terbaik bagi Sukan Malaysia 2020.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih. Jemput, Yang Berhormat Tenang.

**YB Encik Mohd Azahar Bin Ibrahim (Tenang) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat EXCO Belia dan Sukan Negeri. Jadi, Johor bukan sahaja akan menjadi tuan rumah pada tahun 2020 tapi juga berhasrat menjadi juara keseluruhan, insya-Allah pada sukan paling berprestij di Malaysia iaitu SUKMA. Jadi, kita perlu mencari bakat dan mereka yang berpotensi untuk ditonjolkan

menjadi kuasa baru dalam arena sukan di tanah air. Jadi, soalan tambahan saya adakah pihak Majlis Sukan Negeri menyediakan satu program yang khusus hingga ke peringkat akar umbi untuk mencari mereka yang kita kenal pasti untuk diketengahkan supaya Johor dapat mencapai sasaran yang kita idamkan? Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak betulkan apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat DUN Tenang bahawa sasaran negeri Johor pada SUKMA 2020, kita menasaskan 3 tempat yang teratas.

Dari segi penyediaan atlet, pihak Majlis Sukan Negeri Johor telah menjalankan pelbagai program peringkat akar umbi yang mana program atau acara sukan yang dianjurkan melibatkan atlet di bawah umur 16 tahun, kerana semua sedia maklum bahawa atlet-atlet yang terlibat dalam SUKMA untuk tahun 2020 iaitu standard yang ditetapkan oleh pihak Majlis Sukan Negara di bawah umur 21 tahun. Bakat-bakat ini akan mewakili Johor pada tahun 2020. Sebagai contoh, kita menganjurkan Sirkuit Pembangunan Olahraga Johor yang mana melibatkan pelbagai agensi seperti kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Persatuan Olahraga Johor dan juga dengan Majlis Sukan Negeri Johor.

Program Pembangunan Atlet ini akan dilaksanakan secara berterusan, secara konsisten sepanjang tahun. Antaranya acara-acara sukan yang lain, yang kita jangka yang boleh memberi pulangan pingat yang banyak kepada negeri Johor iaitu seperti Sirkuit Pembangunan Ragbi Negeri Johor bawah 11 tahun, 14 tahun, 16 tahun; Sirkuit Pembangunan Balapan dan Padang Johor bawah umur 14 dan juga 16 tahun; Sirkuit Pembangunan Memanah bawah 14 hingga 16 tahun; Sirkuit Pembangunan Tenis bawah 11, 14, 16 dan juga 18 tahun; sukan angkat berat yang mana presidennya Yang Berhormat Datuk Ayub (ketawa). Sukan terjun, sukan menembak, dan juga untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada kita menyediakan atlet untuk sukan seperti kejohanan dan olahraga dan juga kejohanan-kejohanan yang lain. Kita di peringkat negeri juga akan mengadakan sukan Johor yang mana sukan Johor ini melibatkan atlet-atlet sebagai persediaan mereka untuk menghadapi SUKMA.

Untuk kita menasaskan tahun 2020, sebenarnya dari segi persediaan, kita telah bergerak daripada peringkat awal dan juga kita juga menasaskan bahawa dengan SUKMA yang ada pada tahun ini iaitu di negeri Sarawak ini juga akan memberi penanda aras kepada pencapaian atlet-atlet dalam negeri Johor. Dan, kita harap dengan kerjasama daripada persatuan-persatuan daripada setiap daerah yang ada, kerana komitmen kita perlu sepenuhnya kerana bagi kita melahirkan dan juga mencungkil atlet-atlet di peringkat akar umbi kita perlu kerjasama daripada semua. Dan insya-Allah bagi pihak kerajaan negeri, kita akan menyediakan yang terbaik bagi kita membantu 44 buah persatuan sukan yang ada dalam negeri Johor dan insya-Allah, jika yang saya sebutkan sebentar tadi bahawa selain daripada menasaskan tiga tempat terbaik dan tidak mustahil seperti saranan ADUN Tenang, kita boleh menjadi juara keseluruhan untuk SUKMA 2020, insya-Allah.

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah soalan-soalan yang dapat kita selesaikan pada pagi ini. Mana-mana soalan yang belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan hari ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Ketua-Ketua Jabatan dimaklumkan, Kelab Sukan dan Kebajikan Dewan Negeri Johor dengan kerjasama Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru menganjurkan Kempen Derma Darah yang diadakan di ruang legar, Aras 1, Bangunan Sultan Ismail pada hari ini mulai jam 10.00

pagi hingga 4.30 petang. Diharap semua Ahli-Ahli Dewan dan Ketua-ketua Jabatan dapat bersama-sama menjayakan program ini.

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

**YB Tan Sri Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan itu disambung semula. Disambung sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Senai untuk menyambung perbahasannya dengan memberi masa tak lebih 10 minit sahaja lagi. Jemput Yang Berhormat.

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana bagi saya dua hari untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Dan isu yang terus, yang saya akan bangkit adalah isu kawasan saya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang akhirnya menerima petisyen orang ramai untuk memintakan Perhentian Bas di Pekan Senai. Isu ini adalah isu pertama saya bangkit selepas terpilih sebagai Wakil Rakyat untuk kawasan Senai. Saya berharap PBT boleh memaklumkan semua pengusaha bas agar mereka menggunakan Perhentian Bas yang baru demi meringankan kesesakan lalu lintas di jalan utama Pekan Senai. Selain itu, penguat kuasa perlu mengambil tindakan keras terhadap pengusaha bas yang tidak mengikut undang-undang. Sering kali bas berhenti antara 5 minit hingga 10 minit di perhentian bas Pekan Senai untuk mengambil lebih ramai penumpang dan ini adalah masalah yang saya saksikan sendiri. Ada sesetengah bas yang di usaha oleh syarikat bas tertentu berhenti sepanjang 5 minit atau 10 minit di tepi jalan atau di depan Perhentian Bas, tunggu penumpang penuh bas sahaja. Saya tidak faham walaupun ada orang bagi tahu ini adalah *tactic-tactic* bas tersebut kerana gaji pemandu bas mungkin tak cukup atau pun kira ikut berapa penumpang mereka ambil, itu pemandu bas berusaha sebagai teksi tapi itu bukan teksi kecil, itu teksi besar satu bas. Gaji atau komisen mereka ambil berapa banyak ikut berapa penumpang mereka boleh ambil iaitu mereka tunggu selama 10 minit di tepi jalan sampai bas penuh mereka baru jalan. Dan ini menyebabkan satu masalah besar di Pekan Senai kerana Pekan Senai adalah satu tempat ramai pekerja asing berkumpul iaitu satu hab transit untuk mereka. Biasanya hari Ahad atau hari cuti mereka, ramai orang akan tunggu bas di sana dan bas tertentu. Bukan semua baslah, bas tertentu sahaja akan menunggu dekat sana, jadi satu kesesakan lalu lintas. Ini satu masalah yang amat teruk khasnya pada hari cuti. Ini kerana saya nak bangkitkan isu ini di sini dan saya harap penguat kuasa boleh mengambil tindakan keras kepada syarikat bas tertentu ataupun pemandu bas tertentu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu kawasan yang seterusnya terletak di sempadan dua PBT. Saya baru menerima dua aduan daripada pengusaha kilang Jalan Seelong Jaya 2. Walaupun kawasan tersebut dirancang sebagai kawasan industri, keadaan jalan amat teruk sehingga menyusahkan lalu lintas kenderaan industri di situ. Mereka telah minta agar PBT menurap semula jalan tersebut. Namun permintaan mereka ditolak satu PBT ke PBT yang lain kerana kekeliruan dalam persempadanan. PBT yang baru dapat kawasan ini perlu mengambil masa satu atau dua bulan lagi untuk mendapatkan kontraktor. Dan saya harap kalau ada persempadanan semula, mereka boleh maklumkan kawasan yang dikesankan baru mereka, khasnya pengusaha kilang atau penduduk-penduduk di sana faham atau tahu mana PBT yang sebenarnya mereka perlu pergi buat aduan atau cari bantuan.

Dan isu penyelenggaraan tandas Pasar Awam Senai Utama. Saya telah banyak kali bangkitkan isu penyelenggaraan Pasar Awam ini. Sebenarnya saya pun rasa amat

sedihlah macam mana kita boleh menangani isu Pasar Awam ini kerana ini bukan Pasar Awam yang lama. Pasar Awam Pekan Senai dulunya terletak di tepi jalan utama. Saya faham kenapa mereka nak pindah Pasar Awam itu ke Pasar Awam baru ini kerana lokasi Pasar Awam lama itu memang menyusahkan orang ramai khususnya pengguna jalan raya. Tetapi selepas pindah ke Pasar Awam yang baru ini, penyelenggaraan tidak memuas hati dan ramai peniaga sering kali buat aduan terhadap lampu tiada, lantai tidak bersih dan sekarang masalah itu adalah tandas tidak boleh diguna kerana paip pembetulan itu rosak dan sudah sepanjang beberapa bulan, bayangkanlah peniaga-peniaga dekat sana, tandas pun tak boleh guna, macam mana terus perniagaan mereka. Itu satu masalah, walaupun itu Pasar Awam yang baru tapi nampaknya sekarang sudah dibaikan. Ini satu masalah yang saya harap Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa mana-mana boleh ambil perhatian dan menyelesaikan isu ini untuk peniaga-peniaga dan juga penduduk-penduduk di sana.

**YB Tan Sri Speaker** : Senai, sila gulung.

**YB Cik Wong ShuQi (Senai)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu terakhir ingin saya bangkit di Dewan yang mulia ini adalah isu mesin kuda. Pusat Mesin Kuda kembali lagi dan yang paling mengecewakan ialah pusat-pusat aktiviti judi ini telah diberi lesen oleh Pihak Berkuasa. Saya bukan kata Kerajaan Tempatan atau Kerajaan Negeri memberi lesen untuk orang buat aktiviti judi, tetapi ada orang yang ambil lesen hiburan dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak di izin. Itulah saya ingin tahu, Pihak Berkuasa yang mengeluarkan lesen hiburan itu adakah sudah semak apa jenis bisnes yang sebenarnya dilakukan oleh pemohon. Saya telah menerima terlalu banyak aduan ibu bapa atau suami isteri terhadap isu pusat judi haram ini. Tiap-tiap hari ada mangsa-mangsa pusat judi bukan satu kaum saja, malah melibatkan semua kaum. Kadangkala saya pun dengar ada penjawat awam yang terlibat dalam. Mereka jadi mangsa dan saya berharap pihak yang mengeluarkan lesen atau pihak yang sepatutnya menjalankan penguatkuasaan undang-undang akan mengambil tindakan segera. Jangan tunggu hingga generasi depan kita dicemari kegiatan judi haram ini. Sekian ucapan Senai, Senai berharap kerajaan negeri Johor akan memberi pertimbangan serius ke atas kesemua cadangan dan isu yang saya ketengahkan di atas. Sekian, terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Senai. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Buloh Kasap.

**YB Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap)** : Bismillahhirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmahtullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Pertamanya saya ingin merakamkan penghargaan setulus budi kerana diberi peluang untuk berucap pada pagi ini. Dengan rasa hormat dan penuh ta'zim, marilah kita semua merafak sembah menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor kerana berkenan mencemar duli berangkat bagi menyempurnakan majlis perasmian mesyuarat kita ini dengan mengambil muhasabah diri ke atas titah Tuanku, demi perjuangan kita untuk rakyat jelata di seluruh pelosok negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, inti pati titah Tuanku jelas menggambarkan betapa pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berjaya memenuhi aspirasi rakyat untuk membawa Johor ke tahap yang sangat baik, sekali gus memancarkan iltizam pimpinan kita untuk mengangkat kehidupan rakyat sejagat menjadi sebahagian komuniti yang terhebat. Menjunjung kasih ke atas titah Tuanku maka wajarlah bagi kita semua Wakil-Wakil Rakyat untuk bersama-sama menyanjung tinggi pimpinan kerajaan di bawah teraju Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama EXCO-EXCONya yang hebat. Senada dengan titah Tuanku sambil mendukung erat aspirasi rakyat, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas

keberhasilan dan kejayaan agenda pembangunan. Kejayaan ini tentunya tidak semudahnya untuk kita capai, namun hasil muafakat dan kesatuan dari semua segenap lapisan penjuror, namun suatu kebarangkalian yang mustahil akhirnya mampu kita gapai.

Gangguan-gangguan bekalan air, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita tahu air anugerah yang sangat penting dalam kehidupan sejagat. Tanpa sumber air bersih dan mencukupi adalah sangat sukar bagi manusia untuk kelangsungan hidup dengan sihat dan penuh selesa. Namun begitu, di Buluh Kasap gangguan air ini kerap berlaku. Masalah gangguan air seolah-olah menjadi rungutan warga Buluh Kasap yang sangat biasa bagi diri saya. Masalah ini disebabkan saluran paip yang berada di bawah jalan merupakan saluran paip yang sangat lama dan kecil. Yang lebih menyedihkan lagi sumber air yang diperolehi oleh penduduk, airnya sangatlah keruh. Apalah nasib kami, selalunya berlaku gangguan air jika ada air, airnya keruh.

Tan Sri Speaker, sebenarnya masalah ini adalah masalah yang sangat lama. Sehingga kini tidak selesai lagi dan selama tempoh ini jugalah warga Buluh Kasap yang selalu dihantui dengan masalah gangguan bekalan air yang kurang bersih. Saya dimaklumkan, di pihak kerajaan telah meluluskan pembinaan laji dan tangki air di Kuala Paya, Buloh Kasap yang merupakan tindakan yang sangat tepat bagi menyelesaikan masalah untuk jangka masa panjang di bawah pengurusan air, Aset Air Berhad. Sayang seribu kali sayang, peruntukan ini katanya diluluskan pada tahun 2013 dan khabarnya proses penyediaan tender telah pun berlaku, tetapi sehingga kini projeknya belum berlangsung lagi. Dan, sebenarnya penangguhan projek ini menyebabkan kerajaan telah menanggung kerugian yang amat tinggi yang melibatkan berlipat ganda daripada harga yang asal. Saya rasa dan saya berharap masalah ini selesailah, cepatlah selesaikan dan janganlah kita pandang ringan kerana ia menyebabkan soal keperluan seharian dan keperluan asas masyarakat Buloh Kasap yang menjadi beban bertahun-tahun kepada kami.

Bantuan untuk petani di musim kemarau.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keduanya semua kita tahu hari ini kita berhadapan dengan cuaca panas melampau. Apabila terjadinya panas melampau, berbagai sektor akan terjejas antara sektor yang ketara ialah sektor pertanian. Semasa musim panas, bekalan air tidak mencukupi, kekurangan air musim panas boleh membantutkan pertumbuhan tanaman, pengurangan produktiviti dan peningkatan beberapa penyakit seperti bintik perang dan blast. Secara umum, pertumbuhan...

**YB Tan Sri Speaker :** YB, penyakit apa YB? Penyakit apa yang disebut tadi?

**YB Puan Norshida binti Ibrahim (Buluh Kasap) :** Penyakit bintik perang, bintik-bintik perang pada daun, tanaman. Secara umum pertumbuhan tanaman jangka pendek yang akarnya cetek seperti sayur-sayuran, jagung, padi, kacang tanah, lebih mudah terjejas akibat cuaca panas atau kemarau dalam jangka masa yang singkat. Saya ingin mencadangkan rancangan masa pendek bagi membantu petani menghadapi musim panas melampau seperti sekarang ini. Pihak jabatan seperti Jabatan Pertanian, Pertubuhan Peladang kawasan dan Veterinar boleh menyediakan kemudahan pam air mudah alih yang berkapasiti tinggi, berkapasiti besar untuk dipinjamkan secara sementara dan berkala oleh petani mengikut mukim atau zon di dalam DUN. Bantuan ini pastilah akan membantu petani memastikan hasil tanaman dalam keadaan baik dan hasil tanaman itu tidak merosot. Kaedah ini tidak menelankan kos yang terlalu tinggi dan ianya boleh digunakan berulang kali.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kemudahan jalur lebar. Isu kemudahan jalur lebar yang mana kita mengorak ke alam tanpa pagar amat penting agar kemudahan jalur lebar ini

di perlu, diperluas secara agresif sehingga ke seluruh pelosok desa agar tiada sentimen komuniti tersisih atau terpinggir. Hal ini untuk menentukan komuniti di kampung-kampung tidak terus tinggal dalam kepompong bagai katak bawah tempurung. Untuk orang kampung menikmati makna kemajuan, dan mengambil kira serangan digital yang bukan calang-calang sekarang ini, maka penting bagi kerajaan meningkatkan kadar penebusan jalur lebar. Dalam hal ini, kita minta Kementerian Komunikasi dan Multimedia menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia memperbanyakkan menara pemancar kampung tanpa wayar dan pusat *internet* 1Malaysia dan seumpamanya. Selain itu, kami juga menggunakan sistem *Streamyx* yang sangat lembab sehingga hari ini kita tidak mampu menikmati perkhidmatan jalur lebar laju seperti Unifi. Mendengar keluhan penduduk, kerajaan menerusi SKMM perlu melihat sejauh mana kemudahan *internet* seperti Pusat *Internet* 1Malaysia berfungsi dan manfaatkan kepada penduduk. Kita tidak mahu ia wujud di kampung-kampung sahaja, tetapi perkhidmatannya sangat mendukacitakan. Rebat tunai untuk pengusaha bengkel bumiputera.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya kita menyedari persaingan peluang pekerjaan sangat sengit. Pelbagaian graduan pencari kerja semakin luas dan permintaan majikan kepada keterampilan pekerjaan yang semakin spesifik telah memberi tekanan kepada Institut Latihan Kemahiran Awam dan Institut Kemahiran Awam Swasta dalam memberikan pengalaman belajar berkualiti kepada pelatih. Jangkaan majikan ke arah graduan program kemahiran berkapasiti intelektual serba lengkap dengan berketerampilan pekerjaan secara *ready out of box* dengan izin, terus meningkat dan tidak terbandung. Cara Institut Latihan Kemahiran adalah mencabar bagi mengendalikan program latihan induksi pekerjaan pra penempatan bagi pekerja lantikan baru serta mewujudkan satu sistem kerangka pentafsir nasional tunggal yang holistik merentasi kementerian agar penerimaan majikan terhadap kualiti keterampilan graduan dari Institut Latihan Kemahiran yang berlainan dapat di seragamkan mengikut tahap sijil yang dimiliki.

Oleh itu, saya melihat bagi memastikan pelatih Institut Latihan Kemahiran kerajaan ataupun swasta mendapat latihan praktikal yang baik adalah lebih menyediakan rebat tunai kepada pengusaha bengkel bumiputera agar mereka mampu untuk menyediakan pengambilan pelajar pelatih praktikal di premis mereka. Ini kerana antara kekangan pengusaha bengkel bumiputera untuk mengambil pelatih daripada Institut Latihan Kemahiran adalah kerana kekangan kewangan untuk menyediakan elaun dan kemudahan lain sedangkan para pelatih boleh mendapatkan pendedahan dan pengalaman yang luas sekiranya di beri ruang melakukan latihan di industri bengkel mereka. Dengan kaedah ini secara tidak langsung, pihak kerajaan dapat membantu pengusaha bengkel bumiputera dengan intensif yang disediakan dan para pelatih akan lebih bersedia untuk masuk ke dunia kerja kerana mendapat pengalaman yang sebenar.

Guru sekolah agama tidak mencukupi. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita berterima kasih kepada kerajaan terhadap penambahbaikan yang disalurkan kepada sekolah agama dalam negeri Johor yang mana di fokuskan kepada bantuan skim pinjaman kitab. Malah bantuan kitab yang diberikan secara menyeluruh untuk pelajar sekolah yang layak dengan tahap 1 iaitu melibatkan pelajar 1, 2 dan 3. Dan, dipertingkatkan pada tahun 2017 dengan bantuan tahap kedua untuk pelajar 3, 4, 5 dan 6. Terima kasih di atas bantuan lain seperti yuran, beg sekolah serta basikal yang diberikan kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Dan yang paling bermakna pastilah harga yuran Sekolah Agama Johor tidak akan dinaikkan. Segala ini adalah demi kepentingan memastikan anak-anak Johor mendapat pendidikan agama yang sempurna. Namun begitu, kita masih menghadapi masalah kekurangan guru sekolah agama. Hal ini saya ambil kira sangat serius kerana melibatkan sesi pembelajaran anak-anak kita. Apabila kita kekurangan guru, bermakna terdapat kelas yang akan di satukan dan beban guru akan bertambah. Ianya juga akan menyumbang kepada kualiti sesi pembelajaran anak-anak



kita. Saya berharap agar masalah kekurangan guru ini dapat di atasi dengan kadar segera agar anak-anak kita dapat menikmati pembelajaran yang sempurna.

Sistem Rumah Mampu Milik Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

**YB Tan Sri Speaker** :Yang Berhormat, sila gulung.

**YB Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap)** : Sikit lagi Tan Sri. Sistem mampu milik rumah Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita amat berterima kasih kepada pihak kerajaan negeri kerana telah menyediakan sesawang e-Rumah, sistem ini sebenarnya sangat banyak membantu kerana memudahkan pemohon menggunakan atau mengemukakan permohonan secara talian. Namun begitu, ramai pengundi di kawasan saya mengadu bahawa mereka tidak dapat mengetahui status permohonan mereka. Mereka juga keliru adakah permohonan itu di terima ataupun tidak? Saya pula sebagai Wakil Rakyat menjadi bahan rujukan untuk mengetahui status permohonan tersebut. Sistem tersebut saya rasa perlulah di naik taraf supaya ianya lebih baik dan mesra pengguna. Dan, ketika ini saya mendapati sistem tersebut sedang tergendala. Harapnya dapat diperbaiki dengan kadar segera untuk mereka mengemukakan permohonan-permohonan mereka.

Dan, akhirnya mewakili masyarakat Buloh Kasap kami mengharapkan perhatian yang, perhatian wajar dan setimpal terhadap perkara-perkara yang diketengahkan. Di hadapan kita terlalu banyak cabaran menanti. Hamparan cabaran saujana mata memandang yang di iringi harapan yang begitu sangat tinggi menuntut penggembleran usaha untuk semua pihak dari atas turun ke bawah tanpa ada seorang pun tertinggal demi untuk mencapai garis penanda aras yang telah di tetapkan kerana itulah cita-cita dan harapan kita semua. Semoga kita terus di beri sihat, di beri kudrat, semoga di beri kuat memberi perkhidmatan bakti untuk rakyat. Sekian, Buloh Kasap mohon menyokong. Wabillahitaufikwalhidayah assalamualaikum waramatullahi taala wabarakatuh.

**YB Tan Sri Speaker** : Terima kasih, Yang Berhormat Buloh Kasap. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Sungai Balang.

**YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berpakaian indah muka berseri, duduk pula penuh beradap, terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memberi peluang Sungai Balang berucap.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sungai Balang menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13, pada 14 April 2016 yang lalu. Sungai Balang juga mewakili seluruh masyarakat DUN Sungai Balang ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pentadbiran kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang kita kasihi, yang berjaya meletakkan nama Johor bukan hanya di persada tanah air tetapi juga di rantau Asia, sebagaimana titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sungai Balang ingin merujuk di antara titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengatakan apabila projek pembangunan dilaksanakan di daerah-daerah, masyarakat tempatan akan menikmati kemajuan prasarana dan peluang pekerjaan yang lebih luas serta pendapatan yang lebih baik. Yang akan meningkatkan kesejahteraan hidup secara menyeluruh. Dan, dalam Bajet 2016 teras ketiga, adalah menangani peningkatan kos sara hidup. Justeru itu, Sungai Balang ingin mencadangkan



untuk di berikan perhatian iaitu mewujudkan zon pembangunan nelayan dan industri perikanan Muar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, persatuan nelayan kawasan Muar telah ditubuhkan pada tahun 1983 di bawah Akta 44, Akta Persatuan Nelayan 1971 dengan ahli seramai 1,127 orang. Berdasarkan laporan tahunan perikanan 2013 seramai 1,400 nelayan Muar. Muar merupakan daerah perikanan marin yang terpenting di pantai barat negeri Johor dengan jumlah pendaratan di catatkan melebihi 2,000 metrik tan bernilai RM25 juta pada tahun 2014. Nelayan di daerah Muar adalah nelayan tradisi yang menggunakan sampan dan enjin dalam berkuasa diesel. Di anggarkan industri perikanan di daerah Muar membuka peluang pekerjaan kepada lebih 3,000 orang yang terlibat termasuk di peringkat hiliran dan tambah nilai serta mewujudkan penggandaan ekonomi menerusi aktiviti-aktiviti sokongan seperti industri pemprosesan, pembekalan makanan, pembaikan peralatan penangkapan ikan, pengangkutan dan pelbagai rantaian nilai berkaitan dengan aktiviti nelayan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selaras dengan visi untuk mewujudkan masyarakat nelayan yang moden dan bersistematik dengan mengekalkan nilai-nilai murni yang menyumbang kepada pembangunan negara, maka Sungai Balang berhasrat untuk mewujudkan zon pembangunan nelayan dan industri perikanan Muar, melalui strategi:

1. Pembangunan modal insan dalam komuniti nelayan.
2. Peningkatan taraf hidup dan ekonomi masyarakat nelayan melalui penglibatan isteri, anak dan belia-belia nelayan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker.....

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat Sungai Balang, sila duduk, sambung kemudian. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan persidangan ini 20 minit.

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Jemput Sungai Balang, teruskan perbahasan.

**YB Puan Zaiton bin Ismail (Sungai Balang)** : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Maka dengan itu mengambil kira keputusan mesyuarat dan dapatan dari nelayan-nelayan yang ada, maka Sungai Balang ingin mencadangkan tapak projek ternakan secara berkelompok adalah di empat lokasi perairan pantai barat iaitu di Sungai Balang, Seri Menanti, Parit Jawa dan Parit Nanas dengan kedalaman air 1.5 depa dan keluasan tapak 5 ekar serta saiz projek ialah 3000 tali.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika pada waktu dulu ternakan kupang diusahakan dengan menggunakan kaedah pelantar di mana kawasan ternakan kupang diusahakan dengan binaan yang menyerupai kelong, maka kaedah ternakan baru ialah yang ingin dicadangkan ialah kaedah ternakan kupang secara rawai yang banyak digunakan oleh penternak-penternak di Selat Tebrau. Tetapi beberapa pengubahsuaian perlu dilakukan seperti pengubahsuaian yang perlu dibuat ialah satu; sauh biasa dan bongkah konkrit tidak diguna pakai sebaliknya tali rawai akan diikat terus kepada jajaran batang nibong bagi menggantikan sauh biasa. Pengubahsuaian kedua ialah diperlukan ialah tali pengikat tong dan tali perangkap benih kupang selain menggunakan tali PE10 milimeter. Satu pencangkuk daripada besi *stainless steel* juga digunakan sebagai tambahan kerana kekuatan tali PE sahaja tidak mampu dan tidak berdaya untuk menahan asakan gelombang dan arus yang lebih deras daripada perairan Muar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keperluan peruntukan bagi pembiayaan kos projek kupang adalah sebanyak RM208,000.00 manakala anggaran pendapatan bagi satu kelompok sebanyak RM90,000.00 setahun. Dan ini bermakna pendapatan bagi 4 kelompok di 4 pengkalan sebanyak RM308,000.00 setahun. Manakala pengagihan pendapatan hasil projek terbahagi kepada 5 iaitu kumpulan nelayan yang aktif, perkongsian pendapatan sebanyak 30% daripada untung bersih, kumpulan nelayan separa aktif menguruskan selia projek separuh masa pendapatan ialah 15% daripada untung bersih. Nelayan yang tidak aktif yang hanya menjadi *sleeping partner* dengan izin, menjana pendapatan melalui projek ini sebanyak 5% daripada untung bersih. Manakala, persatuan nelayan selaku urus selia projek menerima pendapatan 40% daripada untung bersih. Dan baki sebanyak 10% dari untung bersih pendapatan akan disimpan sebagai modal pusingan projek ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan adanya zon pembangunan nelayan dan industri perikanan Muar seperti yang dirancang adalah diharapkan satu kehidupan nelayan akan lebih terbela dan memudahkan lagi perancangan masa depan secara tersusun terhadap industri perikanan di daerah Muar. Yang Kedua, stigma terhadap nelayan yang masih dianggap golongan miskin dan tidak berpelajaran haruslah dikikis dalam usaha mentransformasikan kepada nelayan moden dan berpendapatan tinggi dan juga pembentukan generasi belia dan anak-anak nelayan dapat diwujudkan melalui zon pembangunan nelayan dan industri perikanan Muar. Dan yang ketiga, Sungai Balang dan mengharapkan agar kerajaan negeri akan dapat bersama-sama membantu serta merealisasikan hasrat ini demi pembangunan nelayan khususnya di Sungai Balang dan amnya di daerah Muar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu Sungai Balang juga ingin membawa beberapa perkara untuk diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkaitan. Pertama, Sungai Balang ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah memberi elaun tambahan sebanyak RM200.00 kepada penyelia dan petugas-petugas di semua PDK seperti teras pertama dalam Bajet 2016 mengutamakan kesejahteraan rakyat, di sini Sungai Balang mohon supaya penyelia dan petugas-petugas PDK juga diberikan elaun perjalan untuk mereka sekiranya mereka ini menghadiri kursus dan juga menghadiri bengkel-bengkel daerah atau negeri yang selama ini mereka tidak ada kemudahan-kemudahan tersebut. Yang kedua, dalam pembentangan Bajet 2016 telah dinyatakan bahawa di bawah skim bantuan zakat perumahan asnaf oleh Majlis Islam Negeri Johor akan dibangunkan secara bersepadu dan menjadikan perkampungan asnaf dengan kemudahan seperti surau, gerai perniagaan dan taman permainan. Memandangkan di Sungai Balang telah pun ada peruntukan daripada KKRW bagi membina semula rumah PPRT di bawah e-Kasih di Sungai Grisek Laut, apakah ianya boleh dijadikan sebagai perkampungan asnaf yang mendapat kemudahan gerai-gerai perniagaan, taman permainan dan surau?

Yang ketiga, Sungai Balang juga mohon perhatian supaya pasar Parit Jawa dapat dibina semula demi kesesuaian semua pengunjung-pengunjung yang datang ke pasar tersebut. Yang keempat, Yang Berhormat Dato' Speaker, peranan guru-guru Ta'mir disebarkan luaskan di mana selama ini mereka hanya mengajar di kelas-kelas sama ada di surau, di masjid atau di balai-balairaya sahaja. Sungai Balang mengharapkan supaya guru-guru ini juga akan dapat memberi perhatian kepada warga emas yang keseorang di rumah dengan mengadakan lawatan santai ke rumah-rumah bagi memberikan atau memperingatkan kembali ilmu-ilmu agama kepada mereka.

Yang kelima, Sungai Balang mohon pertimbangan kepada penerima-penerima bagi semua jenis bantuan JKM. Bagi yang berkeupayaan selain daripada mendapat elaun setiap bulan Sungai Balang juga ingin mencadangkan supaya mereka juga diberikan

peruntukan untuk melaksanakan projek pertanian yang bersesuaian dengan keupayaan mereka seperti yang ada ialah projek pertanian bandar dan ini juga dapat membantu menambahkan pendapatan mereka dan tidak hanya menunggu setiap bulan untuk mendapatkan elaun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengakhiri ucapan pada kali ini, Sungai Balang ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah pun meluluskan peruntukan surau di Sungai Balang Darat Benteng. Yang kedua, terima tidak terhingga kepada Yang Berhormat EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor yang telah memberikan peruntukan mendalamkan Kuala Sungai Parit Jawa, di mana menjadi masalah-masalah kepada nelayan-nelayan Parit Jawa. Terima kasih juga kepada Tuan Pegawai Daerah Muar yang sentiasa membantu apa jua permasalahan di Sungai Balang. Terima kasih diucapkan kepada Tuan Pengarah Landskap Negeri Johor yang akan membina mercu tanda serta keceriaan keluar dan masuk DUN Sungai Balang, insya-Allah. Dan, terima kasih kepada Tuan YDP Majlis Perbandaran Muar yang juga membantu untuk keceriaan dan penjayaan bagi DUN Sungai Balang. Dan akhir sekali, terima kasih kepada semua jabatan-jabatan yang telah dan akan membantu Sungai Balang demi menjadikan Sungai Balang gemilang, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Sungai Balang mohon menyokong usul Tanjung Surat. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Terima kasih, Sungai Balang. Tak payah disuruh dah berhenti. Kita teruskan Persidangan, jemput Rengit. Jangan ditegur dah berhenti eh, macam Sungai Balang.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang memberikan ruang, peluang dan masa kepada saya untuk membahaskan Tifah ucapan Baginda Tuanku Sultan Johor semasa merasmikan Persidangan Penggal Keempat Dewan Ke-13 pada 14 April 2016 yang lepas. Rengit ingin menjunjung kasih atas nasihat dan juga pesanan Baginda Tuanku. Insya-Allah segala nasihat dan pesanan Tuanku akan diingat dan akan diikuti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setiap kali Baginda Tuanku bertitah akan ada saja perkara-perkara baru yang Baginda utarakan. Inilah bezanya Johor dengan negeri-negeri lain. Johor ada sejarahnya yang tersendiri. Zaman Almarhum Maharaja Abu Bakar, Johor sudah jauh ke hadapan malah lebih hebat daripada Kuala Lumpur ketika itu. Malah, negeri Johor sudah mengadakan hubungan diplomatik dengan negara besar dunia seperti Britain dan juga Perancis. Ini ada tertulis dalam sejarah pembangunan Johor moden. Kita juga, negeri pertama yang menggubal undang-undang bernegara iaitu Undang-Undang Tubuh Negeri Johor 1896, undang-undang tubuh ini menjadi...

**YB Dato' Timbalan Speaker :** 1895.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** ... dia campur satu Yang Berhormat, undang-undang tubuh ini menjadi rujukan, panduan kepada kerja-kerja merangka perlembagaan persekutuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor merupakan negeri yang hebat di Semenanjung Tanah Melayu, satu ketika dulu atau *Peninsular Malay* pada ketika itu. Malah, sepatutnya negeri Johor sudah lama maju dan setanding dengan negara jiran kita jika Johor

berterusan meneruskan legasi Maharaja Abu Bakar ketika itu. Hari ini, Baginda Tuanku Sultan Ibrahim ingin mengembalikan sejarah kegemilangan itu. Baginda Tuanku mahu menjadikan Johor sebuah negeri yang maju, hebat dan sebuah negeri yang berdaulat. Saya yakin Baginda Tuanku akan mengembalikan sejarah kegemilangan Johor satu ketika dulu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kini, kita selalu dengar ungkapan atau kalimah-kalimah besar bagi negeri Johor, bangsa Johor, Johor tetap Johor, Muafakat Johor, Johor negeri berdaulat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu sebab Baginda amat yakin dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin yang akan membantu Baginda mempercepatkan proses kegemilangan Johor. Sebab itu, bila ada ujian, cubaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Baginda Tuanku awal-awal lagi, menitahkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar jangan diganggu. Saya yakin dengan gandingan payung istana dan pentadbir negeri Johor hari ini, akan menjadikan, memudahkan lagi Johor melangkah ke hadapan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor dianugerahkan banyak keistimewaan, sebuah negeri yang buminya subur, hasil buminya yang banyak dan insya-Allah berkat doa semua pihak mungkin, kita mungkin juga ada telaga minyak. Lautan yang luas yang belum kita terokai dan banyak lagi perkara-perkara yang menjadi keistimewaan kepada negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor akan mengalami pertumbuhan yang pesat, pertumbuhan ekonomi yang pesat. Asasnya ialah projek yang sedang berlangsung, projek *oil and gas* di Pengerang, atau RAPID Pengerang, kita ada *Forest City* dan pulau bebas cukai, kita ada Iskandar Malaysia dan kita sedang dalam proses memantapkan setiap daerah melalui Pelan Pertumbuhan Strategik Johor atau PPSJ. Ini empat perkara yang akan mempercepatkan Johor melangkah menjadi negara maju yang berpendapatan tinggi. Dan, terbaru ialah Yang Berhormat Dato' Speaker, cetusan untuk mengadakan Bank of Johor. Satu idea yang bemas dan saya yakin ini akan melengkapkan langkah-langkah drastik Johor untuk menjadi sebuah negara yang maju.

Yang Berhormat Dato' Speaker, antara perkara yang ingin Rengit ketengahkan, kandungan Titah Ucapan Baginda Tuanku ialah perkara 38, perkara 48, minta maaf. Saya ikut, selepas ini saya mahukan semua kedai-kedai yang kotor dan kelihatan buruk dibersihkan dan dicat semula dengan cantik dan kita harus berbangga apabila melihat bandar kita lebih bersih dan lebih kemas. Ini tajuk *favourite* saya Yang Berhormat Dato' Speaker. Pihak Berkuasa Tempatan harus cepat respons dan bertindak dengan saranan Baginda Tuanku. Bandar kita sekarang ni masih belum berada pada tahap kebersihan, kekemasan dan susunan mengikut piawaian yang sepatutnya. Bertepatanlah Titah Baginda supaya semua Pihak Berkuasa Tempatan mengambil langkah cepat. Kalau kita bandingkan kita pergi ke Jepun, bandingkan kita pergi ke Norway, malah kalau kita banding, kita pergi ke negara jiran kita, belum ada bandar di negeri Johor ini yang sefanding. Sebab itu Baginda menitahkan Pihak Berkuasa Tempatan kena mengambil tindakan yang cepat. Saya kagum bila apabila Baginda menitahkan semua *billboard* di negeri Johor diturunkan kerana mencacatkan penglihatan ataupun rupa bentuk bangunan, cepat respons yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Johor. Bersih hari ni satu Johor Yang Berhormat Dato' Speaker dan nampak bangunan.

Malah, saya ingin mencadangkan satu lagi di Dewan yang mulia ini supaya Pihak Berkuasa Tempatan menyelaraskan semula papan-papan tanda kedai-kedai di seluruh

Johor kerana saya lihat hari ini papan tanda di, yang ada ni kadang-kadang berlebihan yang akhirnya menghilangkan keharmonian kedai pejabat di sesuatu kawasan. Saya pernah bangkitkan perkara ini dalam Mesyuarat Tindakan Daerah. Kalau boleh diselaraskan saiz papan iklan tersebut. Kita tengok di negara kita, papan tanda kedai ni berlebihan dan boleh menjejaskan keselamatan yang bekerja dalam bangunan tersebut. Saya bangkitkan perkara ini dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, ada seorang YDP bangkitkan, dia kata kalau besar iklan, besar hasilnya, besar papan iklan, besar hasilnya. Tetapi keharmonian bangunan itu hilang Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, Pihak Berkuasa Tempatan perlu menyelaraskan selaras dengan Titah Baginda supaya bandar kita di Johor kelihatan bersih, kelihatan kemas dan kelihatan tersusun. Saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya diselaraskan dari segi saiznya, tulisannya dan lain-lain yang berkaitan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara kedua yang ingin saya sampaikan ialah tentang Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang diuji, ramai rakan-rakan menyebutkan. Saya yakin Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita ni, kalau tak silap saya dia pemain ragbi, pernah bermain ragbi. Biasanya orang main ragbi ni dia akan tahan dan dia lasak. Dan saya yakin walaupun ujian-ujian yang diberikan akan, yang diterima oleh Dato' Khaled, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dia akan mudah melalui cubaan itu Yang Berhormat Dato' Speaker.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Besar kita dalam tempoh tiga tahun sahaja, Rizab Simpanan Johor mencecah RM3 bilion, Rizab Kumpulan Warisan hampir RM700 juta dan yang ketiga ialah hutang negeri Johor yang kedua terendah, RM256 juta, baru tiga tahun Yang Berhormat. Kalau Yang Amat Berhormat diberi peluang, Menteri Besar kita ni diberi peluang untuk berapa penggal lagi, saya yakin Johor akan setanding dengan negara jiran Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya yakin.

Yang kedua, dia memberikan tumpuan kepada usaha membina rumah mampu milik 60,000. Negeri Johor sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker yang serius membina rumah mampu milik ni. Ada negeri lain, nak buat rumah mampu milik ni berperang, berperang akan kawasan, tak buat-buat. Dan saya hairan pembangkang yang ada dalam Dewan ini tak pernah sebut ataupun tak pernah bagi kredit kepada usaha yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional untuk membina 60,000 rumah. Kerja mereka ni asyik *discredit* apa yang kerajaan buat, saya pun tak faham. Satu ketika dulu bila kita lancarkan Program RAPID di Pengerang, saya masih ingat ada Ahli Pembangkang dalam Dewan ini pergi ke negara lain buat macam tunjuk perasaan, ada gambar-gambar dia membantah pelabur tersebut jangan datang ke RAPID di kawasan Pengerang. Ha, ini kerja pembangkang menakut-nakutkan pelabur datang ke Pengerang.

Semalam Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi usaha yang dibuat oleh pembangkang *discredit* projek *Forest City* yang sedang rancak dibangunkan oleh kerajaan negeri dengan pihak swasta. Saya nak beritahu, kawasan itu akan menjadi zon antarabangsa dan bila kita buat iklan tentunya ada *selling point*, dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker yang boleh menarik minat orang untuk membeli. Bukan kita tak ada semangat setia kepada negara kita, bila ada pembeli datang di zon antarabangsa di *Forest City*, tentunya hasil pendapatan ini akan melimpah ke negeri Johor dan juga ke seluruh negeri yang ada Yang Berhormat Dato' Speaker dan hasilnya tentu akan memberi kesan besar kepada projek pembangunan.

Begitu juga dengan projek Pelan Pertumbuhan Strategik Johor yang baik kita nak memperkemas apa yang ada. Saya dapat maklumat pembangkang yang ada dalam Dewan ini, pembangkang mana satu saya tak tahulah, tapi saya tahu asyik kerjanya *discredit* apa yang kita buat. Tapi kadang-kadang *credit* tu dah datang pada

kita, dia akan cakap "inilah cadangan daripada kita". Ha itu biasalah yang dibuat oleh mereka. Kat kawasan saya, ada pembangkang dia tinggal ambil gambar sebelum projek jadi, bila projek siap hasil usaha yang kita buat, dia bergambar, dia yang bawa benda tu, mudah kerja dia (Dewan bertepuk). Yang Berhormat Dato' Speaker, projek PPSJ ialah pelan untuk memperkukuhkan lagi program pembangunan yang ada di negeri Johor.

Ketiga, saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Johor yang mampu membantu memimpin pegawai JCS seluruh Johor dengan tenang. Dato' SS kita ni rasa tenang aje, senyum aje walaupun misainya tebal, so kita nak beri ucapan tahniah (Dewan bertepuk) kepada Setiausaha Kerajaan yang tenang dan senyum selalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara keempat yang nak saya sampaikan ialah tentang cadangan Titah Baginda...

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Rengit, sila gulung Rengit.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Sekejap, baru nombor empat.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Walaupun ngampu Dato' SS...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Saya baru dapat nombor empat. Saya tengok semalam Dato' Speaker bagi Senai banyak boleh. (Dewan ketawa).

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai) :** Jangan *jealous*.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Tak *jealous*. Saya cuba nak masa sama aje Yang Berhormat Dato' Speaker, boleh? Tentang Pusat Warisan Negeri Johor. Ahli-Ahli BN ni Yang Berhormat, dia ikut, dia patuh, suruh berhenti kita berhenti, tengok diorang berucap suruh berhenti, pun berhenti. Saya sebelum ni pun begitu juga tapi minggu ni saya tengok Dewan lain macam aje, saya pun pernah kadang-kadang langgar pun bagus.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Titah Baginda Tuanku ialah Pusat Warisan Negeri Johor. Johor ni punyai makanan sedap dan menyelerakan, contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, laksa Johor, ini saya ambil contoh makanan sahaja, mi bandung, mi rebus, nasi beriani gam, ikan masak asam pedas, roti jala, telur pindang, kacang pool, pisang salai, otak-otak, lontong, pecel, tauhu bakar dan di Batu Pahat ada mi racun Yang Berhormat Dato' Speaker, tapi tak mati orang yang makan, ramai orang makan, burasak, lepat loi. Ini makanan Johor yang hebat, tapi bila kita pergi JPO, tempat kunjungan orang ramai tak ada, pergi Legoland tak ada susah nak makan. Jadi, Titah Baginda agar diwujudkan Pusat Warisan Negeri Johor ini saya amat mengalukan dan kalau boleh ia perlu disegerakan seberapa cepat Yang Berhormat.

Kelima, Yang terhormat Dato' Speaker tentang Program Rejuvenasi Desa. Yang Amat Berhormat dah bentangkan dalam bajet yang lepas, saya tertunggu-tunggu di mana pelannya, siapa di bawa berbincang, sebab kawasan saya ada 6,000 penduduk, 6,000 rumah. Ada 24 buah kampung, 76 Kampung Rakyat. Saya dah melawat hampir 4,000 rumah, tiap-tiap rumah saya naik Yang Berhormat Dato' Speaker. Minta maaf bukan nak angkat diri sendiri, kalau tak ada program mencergaskan balik desa ini saya kawatir besok, lama-lama desa ini akan ketinggalan Yang Berhormat. Jadi program ini perlu dipercepatkan, dan digerakkan seberapa mungkin yang boleh. Yang Berhormat Dato' Speaker...

**YB Dato' Timbalan Speaker :** 2,000 yang belum baki dia tu...bila nak pergi?

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Dalam proses Yang Berhormat, hari itu masa melawat-melawat jatuh, so doktor kata *hold on* dulu dengan izin. Suruh rehat dulu, sebab dah tua-tua ni badan lain sikit Yang Berhormat. Dato' Speaker muda ke tua ye? (Dewan ketawa)

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Bila dengan muda jadi muda, bila dengan tua jadi tua.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Oh.. bila dengan muda jadi muda, bila dengan tua jadi tua Yang Berhormat Dato' Speaker. Satu lagi Yang Berhormat Dato' Speaker ialah Program Wakaf. Yang Amat Berhormat Dato' Khaled dah mengumumkan tentang Wakaf Johor. Saya minta izin walaupun saya tahu tentang perkembangan ini, wakaf ini dah lama diuar-uarkan. Ada negeri lain dah buat pun, dah rancang pun, dah jalan pun program ini. Setakat ini macam mana Program Wakaf Johor, apa jadi cerita ini sebenarnya? Saya nak nyatakan dalam Dewan ini agar, rekod ada rekod tentang Program Wakaf Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu tempatan, akhir ini Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat Dato' Speaker?

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Cepatkan.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Ya..

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Cepatkan ada dua minit lagi.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Dua minit lagi. Satu tentang, minta maaf kepada Dato EXCO Kerja Raya, saya sentuh sikit kawasan, sebab saya dengan Dato' EXCO Kerja Raya ini jiran. Sungai Tampok ini terletak di kawasan DUN Benut. Sungai Tampok ini menampung *catchment* bagi kawasan DUN Rengit. Tapi Sungai Tampok ini Yang Berhormat Dato' Speaker, musim panas pun air dia penuh. Saya tak tahu lah Dato' EXCO ini dia baca apa air penuh aje kan. Bila penuh dia akan memberi kesan kepada kawasan tanaman di sebelah darat Yang Berhormat. Kalau musim hujan kita terima sebab Sungai Tampok ini, nak dijadikan kawasan rekreasi, tapi kan ada pintu air yang boleh di bawa masuk. Tapi saya nampak airnya bertakung sebab air daripada darat tidak boleh keluar. Saya dah beritahu kepada pihak JPS minta tolong lah musim panas lepaskan air, jadi air daripada darat boleh diturunkan. Sebab ia akan menjejaskan tanaman di kawasan Rengit dan juga di kawasan sekitar Yang Berhormat Dato' Speaker.

Satu lagi, Jalan Persekutuan, kawasan Rengit ini lah kawasan luar bandar, hujung daerah Batu Pahat. Kalau daripada jambatan Rengit Yang Berhormat Dato' Speaker, sampai ke jambatan Sungai Dulang, jalan kalau Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau bawa kereta, stereng kereta boleh beralih ke kanan. Makna jalan itu bergelombang, saya telah bangkitkan dah mintak Pengarah JKR kebetulan orang Rengit, saya menghadap beliau minta tolong lah...

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Dia tak balik kampung...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Oh dia tak balik eh, saya tak cakap Yang Berhormat, Dato' Speaker yang cakap. Kang lagi kena tahan projek kang. (Dewan ketawa). Jalan itu bergelombang Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau boleh saya jarang bangkitkan benda ini tolong kawasan yang boleh memberi bahaya kepada pengguna jalan kampung. Dan akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak sebut sekali lagi, saya faham tadi YB EXCO dah jawab tentang jalan kampung ini.



Kawasan Rengit ini ada 300 kilometer jalan kampung Yang Berhormat Dato' Speaker. 300 kilometer jalan yang baharu dilebarkan lebih kurang, angka yang tepat tak dapatlah, lebih kurang 40 lebih kilometerlah. So, ada 300 kilometer, kalau nak ikutkan peruntukan yang disebutkan tadi EXCO, 50 juta setahun seluruh Johor, saya kira-kira 10 tahun lagi kawasan saya tidak siap. Kita dah janji dalam pilihan raya yang lepas bahawa kita nak lebarkan jalan 1 meter sahaja. Saya faham peruntukan di peringkat negeri tapi kenapa kerajaan pusat tak boleh bantu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dulu kita nak buat jalan kampung, saya ingat yang masa itu ketika itu, Yang Berhormat Dato' Speaker Pegawai Kewangan Negeri, kita kena menubuhkan anak syarikat KPRJ nak selesaikan 5,000 pakai duit Johor suap dengan tanah dan sebagainya. Negeri lain dapat peruntukan jalan kampung, tapi Johor ini kenapa? Air pun begitu juga kerajaan Johor selesaikan sendiri air dia. So, apa salah kerajaan pusat bantu kerajaan negeri nak menyelesaikan baki lebih kurang 6,000 lagi kilometer jalan kampung di negeri Johor Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu sahaja yang nak saya sampaikan, saya dengan ini menyokong rundingan yang di bawa oleh Tanjung Surat. Terima kasih.

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Terima kasih Rengit, ingat tadi nak sama macam Senai eh, tak eh. Ok kita teruskan sila Maharani.

**YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam sejahtera. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani mengucapkan syukur kepada Allah SWT dan alhamdulillah kerana diberi peluang untuk sama-sama membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takiuk Johor Darul Ta'zim. Maharani juga menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertitah dan merasmikan Penggal Persidangan Keempat Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 ini. Maharani ingin membahaskan beberapa perkara dan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang padat, menyeluruh dan mesra rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani menjunjung kasih di atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai payung penayang rakyat berkenaan masalah golongan rakyat berpendapatan rendah yang tidak mampu memiliki Rumah Mampu Milik kerana gagal mendapat pinjaman bank. Cadangan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, supaya kerajaan negeri Johor menubuhkan Bank Of Johor adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk menyediakan rumah kepada rakyatnya. Maharani ingin mencadangkan supaya satu bank ini hendaklah syariah *compliance* dengan izin, menawarkan pinjaman perumahan tanpa riba dan diterajui oleh anak-anak Johor yang ramai bijak pandai contohnya seperti anak Johor yang memimpin Bank Negara yang dikatakan, diberitakan akan bersara pada bulan ini. Beliau memang sangat layak untuk memimpin bank ini. Setinggi-tinggi tahniah kepada Bank Rakyat yang telah bekerjasama dengan Yayasan Sultan Ibrahim untuk menyediakan pembiayaan-pembiayaan rumah untuk golongan berpendapatan rendah. Ini adalah satu bukti kasihnya Duli Yang Maha Mulia Tuanku kepada rakyatnya. Maharani juga ingin tahu bagaimana perkembangan perbincangan dengan AmBank yang dikatakan juga akan memberi pinjaman kepada mereka yang berpendapatan rendah dalam Bajet Negeri Johor 2016 yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, minat dan keprihatinan dan saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkaitan kebudayaan dan warisan negeri Johor, seni tradisional dan kontemporari begitu juga produk makanan dan kraf tangan tempatan sangat mengagumkan. Maharani juga mencadangkan, supaya dalam keghairahan kita dalam



mempromosikan kebudayaan dan seni, batas-batas dan tatasusila Islam tidak diabaikan. Maharani sangat memujilah sebagai contoh eh, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor telah pun memfatwakan bahawa permainan kuda kepang sama ada farian biasa atau drama tari atau tarian gelanggang adalah haram kerana ianya bercanggah dengan akidah syariah dan juga akhlak Islamiah. Begitu juga satu ketika dahulu, kalau kita perhatikan bahawa rakyat negeri Johor ini merayakan mandi safar tapi sekarang alhamdulillah dengan kefahaman Islam budaya khurafat seperti ini telah dapat dihapuskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai Ketua Agama Islam yang peringatan dan kebimbangan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkaitan gejala Islam yang *extremist* di antaranya disebabkan oleh penceramah yang tidak bertauliah adalah berasas namun, ini tidak bermakna bahawa tanggungjawab kita sebagai orang-orang Islam untuk berdakwah disekat kerana pesan Nabi SAW "balli ani waaiyah" sampaikan lah walau sepotong ayat. Beberapa perkara yang berkaitan, yang ingin saya sampaikan dengan isi tauliah ini, Maharani ingin bertanya pernahkah pihak penguatkuasa setakat ini, mengambil tindakan ke atas penceramah tanpa tauliah atau penganjurnya dan apakah hukuman yang telah dikenakan jika ia menyalahi peraturan. Boleh tak diumumkan nama penceramah yang tidak dibenarkan ini supaya mudah untuk kami yang ingin memanggil penceramah-penceramah, kadang-kadang mereka itu terkenal hingga di tv atau di mana-mana tetapi mereka tidak mempunyai tauliah di negeri Johor. Jadi bagaimana caranya kita hendak mendapatkan kebenaran supaya mereka dapat sama-sama berdakwah di negeri Johor ini. Dalam isu tauliah ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dihubungi oleh seorang guru Takmir yang mengadu bahawa beliau baharu sahaja mendapat tauliah sebagai guru Takmir tapi setelah memberi syarat-syarat untuk mengajar di surau dan masjid, beliau masih belum boleh memohon atau tidak mempunyai syarat untuk mendapat sagu hati ataupun imbuhan sebagai guru Takmir kerana dikatakan ada kuota guru-guru tertentu untuk guru Takmir, beliau tidak termasuk dalam kuota tertentu ini dan belum boleh mendapat elaun atau sagu hati sebagai tugasannya sebagai guru Takmir, jadi mohon pencerahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dari isu Agama juga Maharani ingin, menyampaikan rintihan pekerja Islam yang bekerja di premis menjual arak seperti di pasar raya dan kedai serbaneka 24 jam. Sebenarnya perkara ini telah pun, disarankan oleh Yang Berhormat Kukup ketika membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan pada persidangan Dewan Mei 2015 yang lalu. Kita semua tahu bahawa Rasulullah telah pun bersabda bahawa Allah melaknat 10 golongan yang terlibat dengan arak ini termasuklah yang memerahnya, membuat, mengedarkannya, yang meminumnya, yang membawanya, yang menghantarnya, yang menuangkannya sekali, yang menjualnya, yang makan hasil jualan arak, yang membeli dan juga yang meminta dibelikan. Jadi inilah tugas kita untuk menyelamatkan remaja anak-anak kita yang bekerja di premis begini supaya mereka terhindar daripada melakukan dosa yang pada kadang-kita tidak nampak. Di negeri Johor sendiri sebenarnya telah ada, enakmen 4 Tahun 1997 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 negeri Johor yang memperuntukkan Seksyen 19 berkenaan minuman yang memabukkan siap dengan hukumannya sekali. Jadi, kebimbangan mereka ini adalah mereka sebagai juruwang yang menerima bayaran minuman, mungkin dikategorikan sebagai penjual, mereka yang tolong menyusun arak ini dalam botol atau tin untuk dipamerkan juga, mungkin dianggapkan mereka sebagai mempamerkan arak. Jadi kalau, enakmen ini dikuat dikuasakan dan kalau pihak mahkamah menerima ini sebagai satu kesalahan maka mereka ini terpaksa mencari kerja lain.

**YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Walau bagaimanapun, sebagai jalan keluarnya Maharani ingin mencadangkan supaya premis-premis yang dibenarkan menjual arak ini supaya menyediakan kaunter khas untuk jualannya dan diselenggarakan oleh mereka yang bukan beragama Islam. Kalau kita pergi ke *Supermarket* kita nampak

kadang-kadang di kaunter itu ada lorong tunai, yang ada itu lorong tunai dan kad kredit. Kebetulan kita tidak bawa purse kita tidak bawa duit yang ada kad kredit saja, kalau tidak ada lorong kad kredit kita tidak boleh hendak beli. Jadi begitu juga ini mengapa tidak dengan lorong khas untuk mereka yang hendak membeli arak kerana di Kelantan juga pernah satu ketika dulu mereka mengasingkan lorong orang lelaki dan perempuan untuk menjaga adab-adab dan hukum-hukum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan pasukan bola sepak JDT menjadi juara AFC tahun lalu. Tidak lupa juga,

**YB Dato' Timbalan Speaker :** YB tengok tak? JDT lawan Kedah.

**YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Tengok di tv. Tak sampai ke Kedah mungkin jika di Johor kalau ada tiket untuk Ahli Dewan ini pergi yang akan datang. Ini memang amat penting itu memohon pembangkang dan kali kita boleh bersatu dalam satu selimut tengok bola. (Dewan ketawa).

Jadi tidak lupa juga kepada Qari dan Qariah mewakili negeri Johor dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang telah berjaya menjadi Johan Qariah dan Johan keseluruhan. Saya pernah berjumpa dengan Johan Qari semasa majlis ini dijalankan di Muar, beliau memang sangat, beliau mendapat hadiah pakej umrah. Tapi saya rasa dengan jasa-jasa mereka berdua ini sebagai menjuarai johan keseluruhan maka eloklah kerajaan negeri Johor menghadiahkan mereka ini dengan pakej umrah tajaan kerajaan negeri Johor pula.

Yang Berhormat Dato' Speaker, peringatan di mana Tuanku supaya Ahli Dewan mengotakan janji-janji pilihan rayanya, sangat tepat di samping tidak mengira kaum, agama atau pendirian politik. Begitu juga dengan pegawai-pegawai kerajaan, terima kasih yang telah menjalankan tanggungjawab dengan penuh profesional dan melaksanakan dasar-dasar kerajaan sewajarnya. Jadi di sini Maharani ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada utamanya MAIJ dan juga KPRJ yang telah menyiapkan bangunan sekolah agama kerajaan Johor di Parit Raja Darat Muar mengikut jadual yang siap pada akhir tahun lepas Disember seperti yang dirancangkan. Cuma ramai masyarakat bertanya kenapa setelah lama siap sekolah ini tidak boleh pakai lagi dia kata, anak-anak dia ini dah tak sabar nak masuk sekolah baru. Jadi, Alhamdulillah baru-baru ini sekolah ini telah pun boleh digunakan tapi ingin tahu jugalah kenapa berkenaan kelewatan ini antara siap dan boleh guna pakai.

Begitu juga yang keduanya terima kasih kepada JKR Muar yang telah menunaikan janji, janji ditunaikan memasang lampu isyarat di hadapan Sekolah Kebangsaan Parit Kadi Muar yang dijanjikan akan dipasang pada Disember 2015, betul lima bintang tetapi lampunya baru menyala rupanya. Jadi itu sebelum ramailah yang tanya walaupun bukan saya yang memohon, daripada pihak PIBG dan pihak sekolah dan juga penduduk tempatan. Tetapi mereka bertanya juga saya beberapa kali kenapa tidak hidup-hidup lampunya, tapi sebelum saya pergi Dewan saya tengok sudah hidup. Alhamdulillah, terima kasih banyak. Cuma itulah biasanya kelewatan ini kalau dapat dimaklumkan pada pihak berkenaan sendiri, kalau di sekolah PIBG, Guru Besar maka kebimbangan ibu bapa tidaklah akan dapat terubat.

Walau bagaimanapun di sepanjang jalan besar Muar ke Batu Pahat ini banyak sekolah, bukan saja sekolah, biasanya ada sekolah, ada dewan orang ramai, ada masjid kadang-kadang. Jadi mereka mohon supaya di hadapan sekolah-sekolah ini diadakan juga lampu isyarat untuk anak-anak mereka melintas. Jadi, mereka *jealous* Sekolah Kebangsaan Parit Kadi di kawasan bandar dapat, mereka yang jauh di kampung sampai

ke DUN Sungai Balang, tidak dapat. Jadi mereka merayulah terutamanya termasuklah sekolah kebangsaan dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Parit Raja, Sekolah Kebangsaan Parit Jawa, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Limbong juga Sekolah Kebangsaan Sri Jamil, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Menanti, Sekolah Orang Kaya Ali dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Baru, itu tempat yang masuk dalam kawasan sayalah. Jadi mohon dipertimbangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan isu-isu tempatan, Maharani ingin menyampaikan permohonan daripada penduduk di sepanjang Jalan Junid, Jalan Parit Haji Baki, Muar dan sekitarnya di mana kawasan ini adalah kawasan yang membangun dengan taman-taman perumahan dan didapati bahawa ada satu simpang "T" di situ antara Jalan Junid dan Jalan Parit Haji Baki di mana di waktu sesak, waktu puncak memang tersangat sesak sebab itu ada juga jalan pintas untuk menuju ke sekolah Machad di hujung jalan sana, jadi mereka mengharapkan supaya jalan ini di naik taraf dan disediakan jalan susur masuk dan keluar walaupun ini mungkin melibatkan pengambilan tanah sebab kawasan itu agak kecil. Jadi ini adalah satu permohonan yang wajar kerana sebelum ini pun di hujung jalan atau di simpang Jalan Junid dan Jalan Khalidi, permohonan mereka untuk lampu isyarat di situ telah pun ditunaikan jadi alhamdulillah, ini dapat mengelakkan kemalangan dan setakat ini tidak ada kemalangan yang dilaporkan di kawasan itu. Kalau tidak memang ada sahaja yang laporan kemalangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana Menjunjung Titah Duli Yang Maha Tuanku untuk berbahas dengan berhemah, tertib dan beradab. Jadi kami daripada PAS memang kami telah pun mengamalkan politik matang dan sejahtera. Satu transformasi imej bagi mendepani cabaran perjuangan dan persekitaran politik semasa dan ia adalah satu politik yang berlandaskan Al Quran dan Sunnah untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT. Jadi, dengan ini Maharani memohon menyokong rundingan yang dibawa oleh Tanjung Surat. Assalamualaikum warahmatullahi warabakatuh.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Terima kasih Maharani. Jemput Tenang.

**YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi warabakatuh, salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Alhamdulillah segala pujian hanya milik Nya dan selawat atas salam junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta para ahli keluarga baginda dan sahabat-sahabat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu Tenang ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana turut memberi peluang serta ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Menjunjung Kasih Titah ucapan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor yang Ke-13 baru-baru ini. Tenang sentiasa mendoakan Tuanku sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik serta sentiasa dirahmati untuk memimpin bangsa Johor ke mercu kegemilangan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Tenang ingin merakamkan ucapan terima kasih yang mendalam kepada kepimpinan negeri yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas segala perancangan dan gerak kerja yang membawa negeri Johor ke satu era kecemerlangan pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Alhamdulillah dengan lebihan hasil sejak tahun 2011, banyak agenda pembangunan negeri telah diperkenalkan, direncanakan, dilaksanakan bagi manfaat di seluruh negeri Johor. Tenang melihat perancangan dan perjalanan empat projek mega mampu memacu dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan masa depan Johor yang lebih mampan.

Projek hartanah Forest City memberi impak kepada pertumbuhan pembangunan infrastruktur dan penempatan penduduk. Projek rel berkelajuan tinggi, HSR, dan landasan berkembar Gemas - Johor Bahru membuka satu lagi dimensi perhubungan rakyat dan ekonomi berimpak tinggi.

Manakala pembangunan minyak dan petroleum negara di Kompleks Petroleum Bersepadu di Pengerang bukan sahaja dilihat sebagai pembangunan ekonomi petroleum negara semata-mata. Namun membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Johor. Projek mega yang digariskan tadi meletakkan negeri Johor sebagai pemain utama dalam industri negara bahkan membuka peluang pekerjaan dan profesional kepada rakyat Johor. Sudah tentu rakyat Johor hari ini mampu memperbaiki taraf hidup dalam mendepani situasi ekonomi yang tidak menentu pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di samping projek mega yang Tenang katakan tadi, peranan Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor (PPSJ) dan Rancangan Pembangunan Komprensif Dua Iskandar Malaysia (CDP2) yang sedang berlangsung mula menampilkan hasil yang cukup positif. PPSJ yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia bagi sepuluh daerah merupakan satu kesinambungan dan penambahbaikan daripada program Satu Daerah, Satu Industri (SDSI). Yang sebelum ini banyak membantu industri kecil rakyat untuk bertapak dan membangun menyumbang kepada ekonomi rakyat dan negeri. Manakala PPSJ merupakan pelan strategik Johor bagi menyokong pelan transformasi ekonomi yang dilancarkan kerajaan pusat. Ini menunjukkan pelan ekonomi Johor sentiasa berada di landasan seiring pelan ekonomi negara.

Perancangan pelan pembangunan ekonomi yang komprehensif negeri Johor hari ini mula membuah hasil yang baik. Pelan ini berjaya menarik pelan domestik sebanyak RM27.96 bilion daripada itu sebanyak RM3.14 bilion berjaya diperolehi pelaburan langsung luar negara. Manakala bermula tahun 2006 hingga Februari 2016, pelaburan komited terkumpul telah melebihi RM200 bilion. Ini merupakan satu peranan utama dalam pembangunan ekonomi yang meletakkan rakyat Johor sebagai entiti utama dalam mengisi ruang pekerjaan yang profesional. Justeru itu, menerusi PPSJ dan CDP2 bakal melonjakkan lagi negeri Johor ke satu dimensi baru i ekonomi negara.

Namun apa yang dikesali, saya setuju juga dengan kenyataan dari Yang Berhormat Rengit tentang *discredit* oleh pihak pembangkang yang melihat pelan pembangunan strategik ini dari nilai negatif dengan sengaja diada-adakan. Tenang berasa kesal dengan sikap pembangkang juga yang sengaja membuat tuduhan melulu tanpa menilai kebaikan dasar-dasar yang direncanakan oleh kerajaan negeri. Kematangan politik mereka dikaburkan dengan bermotifkan politik menguasai semata-mata, bahkan tuduhan yang tidak matang ini dijadikan tatapan utama dalam portal pro-pembangkang, sedangkan rakyat menerima baik dasar dan pelan yang dikemukakan oleh kerajaan negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang juga menyambut baik saranan untuk menubuhkan *Bank Of Johor*, dengan izin bagi membantu rakyat Johor khususnya dalam perkhidmatan perbankan terutama dari segi bantuan pinjaman perumahan. Tenang percaya kerajaan tidak pernah mengabaikan permasalahan yang sering dihadapi oleh pembeli iaitu bagi mendapatkan pinjaman. Justeru itu, ini merupakan landasan terbaik untuk membantu golongan marhain rakyat Johor. Di samping itu juga, sudah pasti kewujudan *Bank Of Johor* ini, tabungan masa depan serta pelaburan jangka panjang yang mendatangkan keuntungan kepada rakyat negeri Johor khususnya.

Baru-baru ini rakyat Johor telah mendengar suatu berita baik dan menggembirakan. Program pembiayaan rumah mampu milik Johor seperti impian menjadi kenyataan bagi

rakyat Johor. Kerjasama strategik yang dipersetujui oleh Bank Rakyat bersama Yayasan Sultan Ibrahim dalam pembiayaan rumah mampu milik sehingga 100% disambut baik oleh seluruh rakyat Johor. Satu langkah terbaik dalam memastikan rakyat Johor diutamakan selain pembangunan ekonomi yang mampan. Ini jelas memperlihatkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku amat prihatin dan juga berjiwa besar. Duli Yang Maha Mulia Tuanku berhasrat membantu pembeli-pembeli dan rakyat untuk memudahkan mereka mendapatkan pembiayaan permohonan ini. Dan Tenang Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sentiasa peka bagi membantu dengan permasalahan yang dihadapi ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya langkah Majlis Agama Islam Negeri Johor menyenaraikan nama penceramah dan tenaga pengajar agama yang tidak bertauliah seharusnya dipuji. Melalui peranan Majlis Agama Islam Johor tersebut, rakyat tahu dan diberi pendedahan tentang pentauliah yang seharusnya dititikberatkan kepada penceramah luar. Tenang yakin langkah yang diambil oleh pihak Majlis Agama Islam Johor ini adalah berdasarkan, bersandarkan situasi masyarakat semasa. Isu aliran agama yang berbeza akan mewujudkan pertentangan dan perbalahan dalam masyarakat. Justeru itu, tindakan Majlis Agama Islam Johor mengeluarkan pentauliah kepada penceramah luar mampu mengekang pengaruh perbezaan aliran ini daripada meresap dalam masyarakat dan akhirnya mewujudkan perbelahan. Dalam masa yang sama, sebagai rakyat Johor dengan identifi bangsa Johor dan kecintaan terhadap agamanya, tidak mahu *solidarity* ini diganggu gugat dengan perbezaan pendapat yang dibawa oleh orang luar. Apatah lagi, gerakan atau aliran Syiah Wahabi dan sebagainya yang jelas bertentangan dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diamalkan oleh rakyat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang juga ingin menarik perhatian pihak bertanggungjawab berkaitan peranan Majlis Agama Islam Johor. Tenang ingin mohon perhatian pihak Majlis Agama Islam Johor iaitu peruntukan pada golongan asnaf. Tenang berpendapat pihak Majlis Agama Johor dapat menurunkan kuasa kepada Pejabat Kadi Daerah dalam aspek menyalurkan peruntukan dengan satu kadar khusus yang munasabah dalam usaha membantu asnaf yang terlibat tanpa melalui satu proses birokrasi yang panjang. Contohnya, dalam membaik pulih rumah yang uzur, yang harus disegerakan tanpa melalui satu proses prosedur jabatan yang *rigid*, kareh birokrasi yang *rigid* ini mendatangkan impak negatif kepada pimpinan tempatan, Ahli Parlimen dan juga ADUN-ADUN, bahkan sehingga pemimpin masyarakat setempat juga. Adakala isu ini menjadi bahan cemuhan kepada Pejabat Kadi dan juga Majlis Agama Islam Johor sendiri. Di samping itu, wajarlah dilantik dan diselaraskan satu jawatankuasa kecil di peringkat daerah untuk menilai dan menguruskan peruntukan serta gerak kerja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang juga ingin menarik perhatian sidang Dewan yang mulia ini dalam beberapa isu tempatan. Terlebih dahulu Tenang ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang mengumumkan Segamat sebagai Pusat Hub Pertanian Negeri dalam Pelan Pertumbuhan Strategik Ekonomi Johor. Pengumuman ini banyak memberi kelebihan dan manfaat kepada rakyat khususnya serta kerajaan negeri amnya. Pihak Perbadanan Negeri Johor sebagai satu badan yang membantu merealisasikan pelan ekonomi tersebut. Oleh itu, Tenang berpendapat sewajarnya ditubuhkan satu mercu tanda yang melambangkan semangat sebagai hub pertanian negeri. Mercu yang dimaksudkan adalah pembinaan sebuah institusi yang berasaskan pertanian. Sudah tentu pembinaan institusi latihan seperti cawangan Universiti Putra Malaysia, Pusat Latihan Pertanian, Pusat Penyelidikan Pertanian dan sebagainya boleh didirikan, bukan sekadar menjadi mercu tapi lebih kepada merealisasikan sebuah industri pertanian yang berimpak tinggi. Dalam masa yang sama, institusi pendidikan ini mampu

membuka lembaran baru dalam era pertanian dan membantu petani-petani meningkatkan hasil pertanian dan mengaplikasikan teknologi pertanian terkini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang juga ingin merakamkan ucapan terima kasih terutama kepada pihak Jabatan Kerja Raya dan kerajaan negeri atas inisiatif membaik pulih jalan raya yang menghubungkan Segamat - Yong Peng. Inisiatif seperti ini menjamin keselesaan dan keselamatan rakyat yang melalui jalan tersebut. Sudah tentu laluan ini merupakan laluan utama hubungan dan ekonomi antara selatan tanah air dan utara Malaysia. Justeru itu, Tenang ingin mencadangkan agar dibina laluan dua lorong seperti contoh antara jalan Kluang ke Batu Pahat sebagai jaringan jalan raya utama. Laluan utama menghubungkan penempatan serta bandar yang merupakan tumpuan rakyat. Oleh itu, dengan adanya pembinaan dua lorong tersebut memberi keselesaan dan lebih keselamatan kepada penduduk yang melaluinya. Apatah lagi laluan ini merupakan laluan utama kepada kenderaan-kenderaan persendirian, pengangkutan-pengangkutan awam dan juga yang lain-lain. Besarlah harapan Tenang agar pihak kerajaan dapat menilai dan mempertimbangkan cadangan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya Tenang ingin membawa perhatian di sidang Dewan yang mulia ini berkaitan perancangan kerajaan negeri melalui perancangan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) yang berhasrat membina dan mewujudkan penempatan dan rumah kepada golongan peserta e-Kasih. Namun sehingga kini, Tenang tidak nampak sebarang perjalanan dan gerak kerja untuk merealisasikan perancangan tersebut. Sudah tentu kita tidak mahu perancangan tersebut hanya sekadar indah khabar dari rupa. Kesihatan rakyat seharusnya diutamakan. Dan dalam menilai situasi ini, pelan dan perancangan yang dibuat akan dibina di satu kawasan di Tenang sendiri iaitu di kawasan Bukit Mambai. Semestinya pembinaan rumah dan penempatan ini membantu golongan yang kurang bernasib baik untuk memperbaiki keluarga dan diri mereka. Oleh itu, Tenang ingin mohon pencerahan daripada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang juga ingin mengambil perhatian tentang elaun Imam, Bilal dan Noja surau dalam negeri Johor. Difahamkan elaun Imam, Bilal dan Noja surau ini sudah lama tidak disemak. Justeru itu, amatlah berpatutan sekiranya elaun golongan ini disemak semula dan diselaraskan berdasarkan peranan urus tadbir mereka yang semakin mencabar pada hari ini. Kepadatan penduduk di satu-satu kawasan meletakkan peranan Imam, Bilal dan Noja surau ini semakin besar dan mencabar sedangkan elaun yang diberikan bersifat statik beberapa tahun ini. Sebenarnya golongan inilah yang sering mendepani permasalahan rakyat di satu-satu kawasan. Mereka lebih mudah didekati dan lebih mudah mendepani masalah rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya perancangan pembinaan prasarana yang lengkap bagi keperluan dan aktiviti belia di kawasan Labis. Untuk pengetahuan Dato' Speaker, Labis masih belum mempunyai satu prasarana khusus dan lengkap untuk aktiviti keperluan belia. Justeru itu, Tenang mencadangkan satu kawasan yang meliputi padang permainan dan pembinaan kompleks belia yang terletak bersebelahan Pejabat Tanah dan Daerah Kecil Labis dan juga merupakan tanah kerajaan. Kawasan tersebut telah dinilai sangat sesuai untuk pembangunan fizikal sukan dan kesukarelawan belia. Manakala satu kawasan lapang di hadapan Taman Perling, Labis telah dilihat sebagai satu kawasan yang sesuai untuk didirikan kompleks belia yang mampu merancakkan aktiviti pembinaan insaniah, kepimpinan, latihan dan kemahiran belia. Justeru itu, Tenang amat mengharapkan pihak berkaitan untuk merealisasikan impian belia Labis dalam memiliki sebuah kompleks belia yang tersusun dan merangkumi kemudahan seperti gerai jualan, gelanggang permainan dan gelanggang untuk aktiviti *extreme park* sebagai contoh, dan pemotoran. Sehingga kini, di Tenang atau Labis masih belum ada satu

kompleks yang lengkap untuk golongan belia beriadah dan melakukan aktiviti secara kolektif.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

**YB Dato' Timbalan Speaker** :Tenang, sila gulung ya.

**YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang)** :Baik, sikit sahaja. Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang juga ingin menarik perhatian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Cawangan Perumahan agar dapat turun mendengar, menyelesaikan kemelut yang berlaku kepada penduduk di Rumah Rakyat Labis berkaitan isu hak milik dan sebagainya. Penduduk telah berulang kali mengemukakan masalah ini. Namun, sehingga kini tiada satu langkah positif yang diambil. Isu pemilikan ini telah berlarutan bertahun lamanya. Oleh itu, amatlah penting kemelut pemilikan diberi perhatian. Sebagai contoh, terdapat 367 plot di Rumah Awam Kos Rendah antara isu yang dibangkitkan pemilik telah menjelaskan pembayaran tetapi hak milik belum didaftarkan, terdapat hak milik yang ada gadaian tetapi pemilik berdaftar tidak ada dapat bayaran bank daripada pihak bank dan pemilik belum menjelaskan, tetapi hak milik telah didaftarkan atas nama pemohon oleh kerajaan dan beberapa isu lagi. Rata-rata penduduk telah menduduki rumah tersebut bertahun lamanya dengan status pemilikan yang tidak nyata. Oleh itu, perlu ada satu mekanisme yang wajar untuk menyelesaikan masalah ini.

Yang terakhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang masih lagi menunggu jawapan hitam putih daripada Jabatan Perumahan FELDA berkenaan cadangan untuk membatalkan projek perumahan generasi baru FELDA PGBF di FELDA Chempelak. Kita tidak menafikan bahawa usaha PGBF adalah untuk memberi ruang dan peluang kepada generasi baru FELDA untuk memiliki rumah yang lebih selesa serta melibatkan golongan muda memiliki rumah di kawasan FELDA tersebut. Walau bagaimanapun, majoriti peneroka tidak bersetuju disebabkan masalah bebanan kewangan dan juga tidak mampu apabila prosedur-prosedur yang dikenakan oleh syarikat kewangan agak ketat serta menyukarkan. Hasil daripada pemerhatian kebanyakan warga FELDA lebih cenderung cara kurniaan tanah biasa mengikut Kanun Tanah Negara. Justeru itu, Tenang menyeru agar jawapan ini disegerakan secepat mungkin kerana ia sudah memakan masa yang agak lama sejak dari 2011, pilihan raya kecil ketika itu, dan supaya tidak timbul persepsi yang negatif dari mata masyarakat di luar, lebih-lebih lagi kita menghadapi pelbagai cabaran dan situasi yang hebat pada hari ini.

Akhir kata, hasil keprihatinan kerajaan negeri hari ni yang bukan sahaja menjanjikan keselesaan dan kesejahteraan rakyat bahkan menunaikan keperluan tersebut tertetak di bahu kita sebagai entiti utama kerajaan negeri agar terus bersatu dan menyokong kepimpinan kerajaan negeri. Semoga semua dasar-dasar kerajaan negeri yang dilaksan akan menjadi penanda aras kepada kita untuk berdiri kukuh bersama-sama Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan barisan EXCOnya dan memastikan segala perancangan dan agenda negeri berjalan lancar. (Dewan bertepuk).

Ke hilir kita berkolek, ke hulu kita bermudik, tangan ini memancah beban, bahu ini memikul leban. Bersatu mengikat janji, jangan sampai hati berbalik. Bulat air kerana pembentung, bulat mata kerana muafakat. Dengan ini Tenang menyokong usul rundingan yang dibawa oleh Tanjung Surat. Sekian, terima kasih.

**YB Dato' Timbalan Speaker** :Ok, terima kasih Tenang. Kita sambung perbahasan, sila Skudai.



**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Selamat tengah hari dan salam sejahtera. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Pembukaan Rasmi Penggal Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan Titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini pada 14 April yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa, negara kita menghadapi satu cabaran. Menurut laporan *Global Financial Integrity*, pengeluaran wang haram dari negara-negara membangun adalah semakin meningkat sebanyak USD 465 bilion pada tahun 2004, telah meningkat ke USD1.1 trilion pada tahun 2013.

Dulu Dato' Speaker, kita menjadi juara Asia untuk bola sepak, sepak takraw pun walaupun di main di antara beberapa buah negara di Asia Tenggara kita pun jadi juara dunia. Untuk *Thomas Cup* kita pun pernah jadi juara. Tapi, lama kita tak pernah pegang *Thomas Cup* dan juga tak pernah jadi juara bola sepak Asia. Tapi kita boleh jadi nombor satu dari segi wang haram yang dikeluarkan dari negara ini. Ini analisa saya, sebab kalau ikut jumlah besar wang haram iaitu *elastic capital flow* atau wang rasuah yang dikeluarkan oleh penjawat awam atau cukai yang dielakkan oleh pihak tertentu ataupun wang dadah yang dikeluarkan dari negara ini, walaupun sedunia dari jumlah besar adalah nombor lima. Tapi, negeri China nombor satu ikut jumlah besar iaitu lebih kurang USD418 bilion antara tahun 2004 dan 2013. Negeri China, USD1.39 trilion, tapi negeri China di Hong Kong ada penduduk sebanyak 1.3 bilion penduduk berbanding dengan cuma ada 29.8 juta penduduk di Malaysia pada waktu itu, tapi ikut wang haram, pengeluaran wang haram berkapita, sekapita, seseorang itu pada purata, Malaysia adalah satu tahun USD1,004 atau RM5,336.00, berbanding dengan negeri China, Cuma USD102. Maknanya kita lebih kurang 10, 14 kali ganda, lebih hebat dari negeri China dari segi wang haram dikeluarkan di negara ini iaitu rasuah, tahap rasuah kita. Begitu membimbangkan. Dan, sebab FDI kalau berbanding FDI dengan peruntukan kerajaan untuk pembangunan, banyak lebih rendah, lebih kurang. Kalau berbanding dengan wang haram atau *money laundry* yang berlaku di negara ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, FDI pada tahun 2013 adalah USD48 bilion atau RM155 bilion berbanding dengan bukan wang haram adalah USD48 bilion, berbanding dengan FDI yang masuk Malaysia adalah USD12 bilion sahaja iaitu wang haram yang dikeluarkan secara haram dari negara ini adalah 4 kali ganda daripada FDI. Orang luar. Pelabur luar asing yang nak melabur di negara ini, berbanding dengan peruntukan pembangunan oleh kerajaan persekutuan pada tahun yang sama adalah USD48 bilion sahaja iaitu lebih kurang 12 atau RM15 bilion iaitu lebih kurang 3 kali ganda wang haram dikeluarkan, 3 kali ganda lebih daripada wang peruntukan pembangunan oleh kerajaan persekutuan. Dan, kita menghebohkan FDI ke negeri Johor ini cuma pada tahun 2015 cuma USD1 bilion sahaja iaitu FDI iaitu wang haram dikeluarkan dari negara ini adalah 48 kali ganda daripada FDI masuk ke negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itulah menunjukkan begitu serius kalau kita bahkan Dewan ini, kita tidak mengambil berat berkenaan permasalahan ini. Sebab ini akan menjatuhkan negara kita. Bukan sahaja satu kerajaan tapi satu negara. Mana-mana pihak, maruah kita akan jatuh, tapi generasi yang akan datang akan menanggung masalah ini.

Oleh itu saya sentiasa, Skudai sentiasa mengambil berat berkenaan bajet kerajaan negeri Johor dan kita saya harap kan kita dapat membahaskan dan memberikan cadangan yang lebih berhasil kepada kerajaan negeri sebab kalau kita tak, kalau tadbir urus kerajaan negeri ini tidak diuruskan dengan baik, satu hari kita jadi kerajaan pun sakit



kepala sebab kita kena selesaikan masalah. Oleh itu, lebih kita dari bermula dari sekarang untuk memperbaiki keadaan kewangan kerajaan negeri.

Yang terhormat Dato' Speaker, sebenarnya saya menegaskan bahawa ikut, saya tahu Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan, Perkara 106 dan 107 adalah mengkehendaki penyata kewangan di luluskan, dibentangkan di Dewan Rakyat dulu sebelum dibentangkan di Dewan Negeri. Dan, mesti dibentangkan di Dewan Negeri ikut Perkara 38(4) Undang-Undang Tubuh Negeri tetapi pada tahun lalu, kalau laporan audit dengan penyata kewangan itu dibentangkan lewat di Dewan Rakyat katanya bulan November, kita terpaksa menangguhkan Persidangan bajet untuk kerajaan negeri di Dewan Negeri ini ke bulan Disember. Saya rasa mungkin sebab Menteri Besar nak ambil cuti pada bulan Disember atau EX-OFFICIO nak ambil cuti pada bulan Disember sebab cuti sekolah, nak bawa anak ke luar negara, sebab itu mereka nak adakan...

**YB Dato' Timbalan Speaker :** YB tak boleh prejudis eh, tak boleh prejudis, tarik balik tu.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Atas jasa baik, saya tarik balik, tapi mungkin ada udang di belakang batu.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** YB Skudai pun cuti kan bulan 12? Klinik tutup.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dato' Speaker, anak saya sudah besar, sudah pergi universiti, saya tak perlu risau. Tapi dulu saya anak saya sekolah rendah, sekolah menengah, sidang Dewan di bulan Disember, saya terpaksa batalkan cuti saya. Ada satu ketika saya sudah rancang nak pergi Taiwan, terpaksa saya batalkan cuti saya untuk bulan Disember bersidang, untuk kita berbahaskan bajet negeri untuk tahun depan. Jadi, itu saya cakap dia punya sikap yang lebih turus, yang lebih tegas sebab saya ada udang, memang ada udang di belakang batu ini dan dalam laporan audit negara ini. Sebab saya sudah semak dan ada beberapa isu yang telah dibawa oleh Ketua Audit Negara. Saya bagi kepujian kepada kerajaan negeri sudah perbaiki wang rizab kerajaan negeri. Dulu, berhutang RM1.3 bilion, sekarang sudah ada rizab RM1.8 bilion pada tahun 2013 dan meningkat ke RM2.3 bilion pada tahun 2014.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya kita pembangkang perlu diberikan kredit sebab kita selalu, dulu kita selalu memberikan teguran, kritikan dan peringatan kepada kerajaan negeri sebab kita nak perbaiki keadaan kewangan kerajaan negeri Johor. Itu sebab Yang Berhormat Dato' Speaker, dah saya nasihatkan sebelah sana, waktu menjadi kerajaan, jadi kerajaan yang baik. Waktu pun kena belajar dari pembangkang sebelah sini. Satu hari mereka menjadi pembangkang, jadilah pembangkang yang berkesan, jangan macam di negeri Selangor dan Pulau Pinang. Waktu menjadi kerajaan, dia menjadi kerajaan auta dengan izinnya, jadi pembangkang pun pembangkang yang auta, jadi pengundi tak tahu nak putar belitkan isu, tak tahu nak fokuskan isu bila membangkang di luar Dewan atau di dalam Dewan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menegaskan saya sentiasa menegaskan bahawa prestasi GLC dan badan berkanun, perlu diperbaiki. Saya rasa satu keadaan yang baik adalah walaupun Hasil Kerajaan Bukan Cukai telah menurun sebanyak 18% atau RM223 juta pada tahun 2004 dan 2013 dan tahun 2014 disebabkan kekurangan lesen pembalakan dan juga lesen perlombongan bahan batu bata. Itu sebab untuk mengurangkan *prehouse defect* dengan izinnya, untuk mempertahankan alam sekitar, saya setuju. Tapi kita kena mencari sumber kewangan atau hasil pendapatan kerajaan negeri yang baru iaitu prestasi GLC dan badan-badan berkanun adalah amat penting sebab ini akan merupakan sumber hasil pendapatan kerajaan negeri pada masa akan datang, kalau kita menjadi satu ekonomi yang lebih maju, saya rasa GLC memainkan

peranan yang semakin berat, semakin penting untuk mempertingkatkan hasil pendapatan kerajaan negeri Johor.

Pada tahun sebab satu penurunan, Hasil Bukan Cukai disebabkan penurunan penjualan aset kerajaan Johor, penjualan aset kerajaan Johor, saya rasa besar kemungkinan tidak disebutkan mana-mana dokumen, seperti melibatkan penjualan tanah kerajaan mungkin, tapi saya perlukan penjelasan dari pihak kerajaan negeri Johor, telah menurun khususnya berbilion perhutanan dan pembalakan telah menurun sebanyak 42%. Penjualan aset kerajaan mesti dijual melalui tender terbuka demi kepentingan awam. Saya percaya Yang Berhormat Dato' Speaker, sebab saya rasa Hutan Simpanan Kekal perlu dikekalkan pada tahap 30% sekurang-kurangnya negeri Johor. Sebab ini melibatkan khasnya kawasan tadahan air dan juga mengelakkan pencemaran sungai-sungai di negeri Johor. Pergantungan hasil pendapatan kerajaan pergi kepada sumber tradisi termasuk cukai tanah, premium tanah, premium perhutanan dan permit galian dan batu bata akan semakin berkurangan, kerana sumber-sumber hutan dan tanah perlombongan akan mencecah hak maksimum dah tentu pada suatu ketika.

Oleh itu, prestasi GLC dan pemantauan pulangan dividen GLC semakin mendesak untuk memastikan hasil pendapatan cukai kerajaan negeri akan semakin bertambah supaya menggantikan hasil pendapatan tradisi kerajaan negeri termasuk cukai tanah, premium tanah dan premium perhutanan dan perlombongan. Premium tanah itu dan biasanya dibayar dengan sekali gus sahaja. Oleh itu, lepas tu kerajaan tak ada hasil pendapatan lain kecuali kita, saya mengemukakan satu alternatif iaitu kita cuba memastikan GLC kita berprestasi dengan optimum. Ini merupakan satu tren yang positif, jika berkanun kerajaan negeri kepada kutipan hasil dan lesen pembalakan dan lesen perlombongan batu bata semakin berkurangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, faedah dan perolehan daripada laporan meningkat dari 67 juta kepada 133 juta pada tahun 2014 dan GLC pulangan, buat kali pertama meningkat dari 8.55 juta pada tahun 2013 kepada 30.98 juta pada tahun 2014. Ini buat kali pertama sejumlah 30 juta dividen anak syarikat kerajaan negeri diberikan sebagai pulangan kepada kerajaan negeri. Kita, saya rasa seperti ditegaskan oleh Skudai terlebih dahulu, pulangan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan sepatutnya menjadi salah satu terimaan bukan hasil yang dijangka akan menjadi penyumbang utama kepada Perbendaharaan Negeri. Jika GLC diuruskan dengan berkesan serta dipastikan pulangan menurut perbendaharaan di mana setiap tahun 10% keuntungan GLC sepatutnya dipulangkan kepada Perbendaharaan kerajaan negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, antara 3 buah syarikat subsidiari yang dilaporkan sejumlah RM100 juta oleh kerajaan negeri pada tahun 2014, kerajaan negeri menerima dividen sebanyak RM30 juta daripada KPRJ Sdn. Bhd dengan peningkatan RM25 juta berbanding dengan tahun 2013. Itulah satu tren yang baik, itulah Skudai tidak pernah mengelakkan memberikan kepujian kepada keadaan kewangan yang semakin baik.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Mana selalu, baru dengar kali ni je (ketawa). Dengar kali ini, Skudai memuji kerajaan.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Saya pernah beri kepujian, tapi itu atas nasihat dan juga sumbangan daripada parti pembangkang. Saya cakap dulu, sebelum tahun 2008, ada badan-badan berkanun selama 8 tahun tidak pernah serahkan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara, lepas saya masuk Dewan ini, barulah diperbaiki perlahan-lahan (dewan bertepuk). Saya cakap betul. Sebab Yang Berhormat Pengerusi Pelancongan yang sentiasa menegur, berceramah dia berkata, kita kata mungkin kerajaan negeri akan mufli, saya cakap betul. Kalau tidak diperbaiki sebab kita teguran

dan kritikan kita, keadaan ini diperbaiki, kita puji. So, lain kali sebelah sana menjadi pembangkang, kita kerajaan pakatan buat satu kerajaan baik...

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Skudai doa banyak-banyak eh.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Jadi, kerajaan auta tak apa, kita boleh tumbangkan. Tapi masa jadi pembangkang, jangan jadi pembangkang yang auta, seperti berlaku di Pulau Pinang dan juga negeri Selangor, pada waktu ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa...

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Gulung Skudai, gulung.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Kalau nak panjang, jadi Ketua Pembangkang. (Dewan ketawa).

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Itu dalam Undang-Undang Tubuh Negeri kita perlu iktiraflah, bagilah, apa kedudukannya yang sebenarnya kepada pihak pembangkang. Saya jadi satu ketua tak apa, kita barisan, satu pakatan yang bersatu padu. Tak macam sebelah sana ramai yang sebenarnya nak ingin nak duduk sebelah sini. (Dewan ketawa) Hati dia sudah ada koyak, calar sikit. Saya jemputlah dengan tangan yang terbuka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya Syarikat Air Johor Sendirian Berhad dan Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sendirian Berhad tidak pernah memulangkan sebarang dividen kepada kerajaan negeri pada tahun 2010 dan 2014 bahkan pada tahun-tahun sebelum. Oleh itu bukan sahaja hutang SAJ Sendirian Berhad sebanyak RM352 juta dapat dituntut oleh kerajaan negeri tetapi juga dividen yang sepatutnya dipulangkan kepada kerajaan negeri sebelum ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walau pun SAJ Holdings Berhad adalah dimiliki oleh Ranhill Utilities Berhad sepenuhnya yang beruntung RM98 juta pada tahun 2013, tapi memberikan dividen kepada pemegang saham sebanyak RM146 juta. Tapi di sebaliknya, hutang projek pembekalan air sebanyak RM334 juta masih ditanggung oleh kerajaan negeri. Itu sebenarnya syarikat-syarikat pembekalan air ini mesti disatukan. Mereka untung mereka ambil, tapi kerugian itu atau liabiliti itu untuk pembangunan, kita kerajaan negeri dan pembayar cukai kena tanggung.

Itu memang tak ada logiklah Yang Berhormat Dato' Speaker dan bukan satu *accounting*, perakaunan yang bijaksana. Saya memang tak faham apa jenis kerajaan ini, boleh benarkan ini berlaku. I memang tak fahamlah, satu dunia, saya melancong ke sana sini, saya tanya ini memang ada satu budaya, Malaysia Boleh. Saya masih tak faham yang Berhormat Dato' Speaker. Walau pun PAAB telah mempertimbangkan mengambil alih hutang ini, tapi saya rasa sepatutnya hutang projek pembekalan air ini sepatutnya ditanggung oleh SAJ Holdings Sendirian Berhad yang dimiliki sepenuh syarikat swasta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lagi satu perkara yang penting, satu isu yang penting ialah pelaburan kerajaan dan badan berkanun sebanyak lagi banyak daripada di syarikat swasta, anak syarikat sebanyak RM500 dan RM5 juta dan termasuk Perbadanan Johor dan 10 badan berkanun lain. Apa yang merisaukan adalah pendapatan janaan sendiri yang diperolehi oleh 11 badan berkanun negeri ini sejumlah RM511 juta pada tahun 2014 berbanding dengan RM941 juta pada tahun 2013. Itu pendapatan menjana sendiri, janaan sendiri oleh badan-badan berkanun negeri ini telah menurun sejumlah RM429 juta pada tahun 2014.

Ha, seperti dikata oleh Skudai tadi, ini mungkinlah undang di belakang batu. Itu sebab penyata kewangan tidak dibentangkan semasa Persidangan Bajet. Ini sebenarnya perlu diperbahaskan sesi bajet, barulah kita dapat menjangka apa, yang kaedah yang lebih

baik, pendekatan yang lebih baik untuk bajet tahun depan. Pendapatan janaan sendiri Johor Corp menurun sejumlah RM468 juta pada tahun 2014 dari 2013. Itu memang merisaukan saya sebab Johor Corp nisbah hutang dia semasa adalah 77.4% iaitu berbanding dengan aset semasa dengan aset apa itu, hutang semasa dengan aset semasa adalah 77%.

Mana kemampuan membayar balik hutang ini, yang paling lemah oleh Johor Corp. Nisbah aset semasa dengan liabiliti semasa adalah kurang daripada 1 iaitu 0.67 dan modal kerja Johor Corp pada tahun 2014 adalah negatif RM558 juta. Ha, seperti dikata oleh saya tadi. Ini mungkinlah hutang di belakang batu yang tidak sepatutnya disembunyi daripada Dewan yang mulia ini untuk maklumat yang terkini, untuk membuat satu keputusan yang bijaksana pada ketika yang pertama, *in the first incident*.

Itu sebab saya kata penyata kewangan itu mesti dibentangkan masa sesi Persidangan Bajet Yang Berhormat Dato' Speaker. Tapi kita nampak balik pada tahun 2014 keuntungan bersih terkumpul Perbadanan Johor adalah RM2,845 juta. Tapi setakat ini Johor Corp tak pernah, menurut Pekeliling Perbendaharaan sejumlah RM284.5 juta keuntungan Perbadanan Johor Corp terkumpul setakat ini sepatutnya dipulangkan kepada Perbendaharaan Kerajaan Negeri.

Skudai bersetuju dengan pandangan Audit bahawa Lembaga Pengarah Badan Berkanun dan GLC negeri hendaklah sentiasa memantau prestasi kewangan anak syarikat dan mengkaji semula pelaburan dalam anak syarikat yang berstatus domain dan menghadapi kerugian terkumpul. Pada pandangan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, ini bukan sahaja untuk memastikan anak syarikat berdaya maju yang berterusan dan pelaburan dalam anak syarikat dapat memberi pulangan. Malahan anak syarikat domain dan berkerugian sepatutnya digulung untuk mengurangkan kerugian yang dibeban oleh kerajaan negeri. Oleh itu, 7 buah anak syarikat Johor Corp sewajarnya dikaji kemungkinan digulungkan untuk mengurangkan kerugian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk perhatian Dewan yang mulia ini liabiliti Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor yang semakin bertambah perlu dikaji juga dari segi status dan fungsi anak-anak syarikat kumpulan dan badan berkanun tersebut. Pada tahun 2014, cuma sebuah anak syarikat Bio Johor memulangkan dividen sebanyak RM140,660.00 kepada Perbadanan Bio Teknologi dan Biodiversiti. Antara 13 buah syarikat subsidiari Perbadanan Bio Teknologi dan Biodiversiti Johor, 4 buah syarikat belum beroperasi lagi setakat ini dan 2 buah telah digulungkan.

Menurut penyata kewangan 2014 syarikat subsidiari Bio Tech Johor mempunyai agregat tanggungan semasa bersih RM13 juta kerugian terkumpul RM4.3 juta dan defisit ekuiti pemilikan saham RM2.5 juta. Oleh itu kerajaan sewajarnya mengkaji penstrukturan semula Perbadanan Bioteknologi dan Perbadanan Biodiversiti Johor termasuk anak-anak syarikat berkerugian tinggi dan tidak berfungsi digulungkan untuk mengurangkan kos operasi dan kerugian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya mencadangkan seperti yang telah yang telah dilaksanakan di negeri Melaka. Satu sumber kewangan negeri Johor yang kita boleh laksanakan adalah cukai warisan dan alam sekitar. Sepatutnya kita boleh dipertimbangkan dilaksana di negeri Johor. Kutipan cukai ini telah dilaksanakan di Melaka dan boleh digunakan untuk tujuan memulihara tapak-tapak berkedudukan pusaka warisan dan bersejarah dan mengawal kawasan berstatus kepentingan alam sekitar misalnya Taman Negara Tanjung Piai, Hutan Bakau Sungai Pulai, Pulau Kukup sebagai tapak RAMSAR.

Eko-pelancongan di Pulau Kukup dan Tanjung Piai, Desaru dan Johor Lama, pulau-pulau di sepanjang pantai timur boleh dijadikan penarikan pelancong dan sumber kutipan cukai warisan dan alam sekitar, untuk melanjutkan usaha memulihara dan mempertahankan pusaka warisan dan alam sekitar di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk perhatian Dewan ni kita pergi Melaka, duduk hotel satu bilik kita bayar RM4. Dan ini merupakan satu hasil cukai yang boleh dikutip oleh kerajaan negeri Johor dan akan mempertambahkan apa itu, rizab wang kerajaan negeri dan juga untuk tujuan pembangunan, pelancongan dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Skudai, sila gulung, cukuplah.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Sikit lagi.

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Last.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Ada lagi Yang Berhormat Dato Speaker, sebab ada isu-isu yang penting. Yang saya ingin menyentuh isu rumah mampu milik. Menurut taksiran Bank Dunia dan Bangsa-Bangsa Bersatu, harga rumah mampu milik tidak boleh melebihi 3 kali ganda pendapatan tahunan purata setiap keluarga. Di Malaysia kononnya pendapatan keluarga adalah RM4,585 pada tahun 2014. Maknanya harga rumah mampu milik tidak sepatutnya melebihi RM168,000.00 Di negeri Johor sebenarnya harga rumah purata adalah berada di tahap RM260,000.00 iaitu 40% lebih tinggi daripada harga rumah mampu milik yang berpatutan menurut laporan Jabatan Perangkaan adalah RM187,000.00 sebab berbanding dengan pendapatan keluarga setahun adalah RM5,197.00

Untuk bandar Johor Bahru menurut laporan Bank Negara Malaysia 2016 harga rumah purata di persekitaran Johor Bahru adalah RM335,000.00 Tapi ikut, pendapatan kita sepatutnya tidak boleh lebih daripada RM198,000.00 ikut pendapatan purata di Johor Bahru iaitu harga pasaran sebenarnya 40% lebih tinggi daripada harga mampu milik yang sepatutnya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini harga unit kondominium dan apartmen yang akan di bina di Forest City dengan harga yang sangat tinggi iaitu antara RM1,200.00 hingga RM1,600.00 setiap kaki persegi. Untuk apartmen yang paling kecil 516 kaki persegi bernilai sebanyak RM800,000.00 Untuk apartmen yang paling besar 1,600 kaki persegi akan bernilai sebanyak RM2.4 juta. Ini adalah di luar kemampuan kelas pertengahan dan majoriti warga Bandaraya Johor Bahru.

Oleh itu kalau pun kita tak ada bank sebenarnya, setahu saya bank swasta nak memberikan pinjaman untuk warga setempat memberikan hartanah di Forest City sebab itu lebih 4, 5 kali ganda lebih tinggi daripada harga pasaran dan kemampuan warga setempat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu kita perlukan mempercepatkan penubuhan Lembaga Hartanah dan Perumahan untuk memenuhi permintaan pasaran terkini setempat dan juga memastikan rumah-rumah mampu milik dibina untuk menyelesaikan permintaan perumahan majoriti warga Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Sila tangguh Skudai.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Ada perlukan 5 minit lagi.

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Tak ada. Skudai, sila duduk.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Ada isu lagi, 1, 2 isu lagi.

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Sila duduk, duduk, duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya anggap Skudai telah menangguhkan perbahasan. Saya tangguhkan mesyuarat Persidangan ini ke jam 2:30 petang, pada masa itu ialah Bentayan akan membahaskan. Skudai dah habis.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1:10 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Kita masih lagi dalam agenda Menjunjung Kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Saya persilakan Yang Berhormat Bentayan, jemput.

**YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) :** Selamat sejahtera. Bentayan merakamkan ucapan Menjunjung Kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan atas perkenan menyampaikan titah sempena Pembukaan Rasmi Persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Johor Yang ke-13. Bentayan juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerana memberikan Bentayan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bentayan menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas keprihatinan terhadap kepayahan dan permasalahan yang sedang dihadapi oleh pemain industri ketiga ini. Bentayan memahami keperluan industri untuk mendapatkan sejumlah tenaga kerja asing untuk memastikan kelancaran operasi pengeluaran perabot. Akan tetapi tindakan Kerajaan Persekutuan yang membekukan serta merta kemasukan tenaga kerja asing ini telah semakin membinasakan industri perabot. Bentayan juga bersetuju dengan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa masalah kita yang paling utama adalah dasar yang sering berubah-ubah. Bentayan tidak mengatakan kita perlu membiarkan industri ini kekal bergantung kepada tenaga kerja asing. Tetapi kerajaan perlu menyediakan satu pelan tindakan atau *root map*, dengan izin bagi menyelesaikan masalah ini. Masalah yang dihadapi oleh industri ini adalah pemain industri terpaksa menghantar pulang pekerja asing sedia ada apabila tamat tempoh permit kerja. Tetapi mereka tidak dapat menggantikan pekerja tersebut dengan tenaga kerja baru ekoran daripada pembekuan kemasukan ini. Kita juga jangan terkeliru dengan program *rehiring 6P* yang telah di laksana sebelum ini. Program 6P ini sebenarnya semakin memburukkan keadaan. Program ini hanya mensasarkan untuk membuktikan tenaga kerja asing haram. Ia hanyalah bersifat penguatkuasaan semata-mata. Tetapi masalah sebenar yang dihadapi oleh pemain industri adalah mereka sebenarnya ketandusan tenaga kerja. Bentayan juga dimaklumkan oleh pemilik-pemilik kilang yang ditemui sewaktu pelaksanaan Program 6P ini juga, berlaku keadaan persaingan antara kilang-kilang bagi mendapatkan pekerja asing sedia ada yang kecil bilangannya. Majikan telah membayar yuran bernilai RM5,000.00 hingga RM7,000.00 untuk program ini. Dan pekerja asing ini telah menjadi pekerja yang sah tetapi itu tidak bermakna mereka akan kekal bekerja dengan majikan-majikan yang telah membayar. Biasanya pekerja-pekerja asing ini kemudiannya akan berpindah ke kilang lain selepas beberapa bulan. Bentayan juga melihat isu pekerja asing ini bukan sekadar terarah kepada sektor perkilangan dan industri perabot semata-mata. Bahkan industri nurseri turut memerlukan sejumlah tenaga kerja asing. Industri nurseri juga merupakan suatu lagi aktiviti ekonomi yang penting bagi daerah Muar. Adalah sukar jika kita ingin menggantikan tenaga kerja kepada penggunaan mesin dan teknologi yang dalam industri ini. Industri ini juga kurang diminati oleh tenaga kerja tempatan ekoran daripada keadaan persekitaran kerja yang berat.

Kerajaan seharusnya mempunyai satu pelan tindakan atau *root map* yang menyeluruh berkaitan perkara ini. Kerajaan perlu menggandakan satu pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang. Jika Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing. Untuk tindakan jangka pendek, kerajaan perlu membenarkan kemasukan tenaga kerja asing bagi memenuhi keperluan industri ini dalam kadar segera. Tanpa kemasukan tenaga kerja asing, dibimbangi pemain-pemain industri

tidak dapat bertahan lama kerana terpaksa mengehendakan pengeluaran mereka kerana kekurangan pekerja. Ini seterusnya akan menghancurkan terus industri ini.

Kerajaan juga perlu untuk melibatkan pemain-pemain industri dan pihak-pihak kepentingan industri ini. Industri ini sememangnya satu industri yang memerlukan perancangan jangka panjang, maka pastilah pemain-pemain industri sangat faham akan keperluan masa depan industri ini. Di samping itu juga, kerajaan juga perlu menyediakan bantuan dan insentif kepada pemain industri terutamanya dalam aspek penggunaan jentera mesin dan inovasi. Tidak banyak bank-bank komersial yang menyediakan kemudahan pinjaman untuk jentera mesin dan industri. Jika kita lihat 60% dari segmen perbankan di dominasi oleh segmen pinjaman hartanah dan sewa beli kenderaan. Segmen pertanian dan perkilangan hanyalah dalam lingkungan tidak sampai 10%.

Bentayan melihat cadangan untuk mewujudkan hab industri perabot di Muar adalah langkah yang bagus tetapi ia tidak boleh sekadar berhenti di situ sahaja. Kita sepatutnya mentransformasikan industri perabot ini. Ia tidak boleh sekadar menyediakan sebidang tanah untuk dijadikan zon untuk kilang-kilang perabot ini disatukan semata-mata. Semalam Bentayan ada mendengar pihak sebelah sana mengatakan bahawa pelan Pertumbuhan Strategik Johor ini umpama enjin yang akan menggerakkan Johor menjadi sebuah ekonomi *power house*. Tetapi Bentayan merasakan enjin ini seperti tiada minyak. Jika tiada minyak, bagaimana enjin ini akan bergerak. Ia seperti kita hanya bercakap tetapi tidak ada tindakan. Bentayan menyeru Kerajaan Negeri, jikalau berhasrat untuk menjadi Johor sebagai *The New Economic Power House*, Kerajaan Negeri perlu menyediakan pakej sokongan dan bantuan industri seperti menyediakan geran, insentif cukai, pinjaman mudah dan sebagainya untuk pemain industri berskala kecil dan sederhana melakukan transformasi teknologi industri dan menggalakkan mereka beralih kepada penggunaan jentera mesin dan teknologi inovasi industri. Kerajaan juga perlu membantu pemain industri ini untuk menyediakan latihan industri bagi menyediakan dan mentransformasikan tenaga kerja sedia ada daripada kurang mahir kepada tenaga kerja mahir berpendapatan tinggi dan kreatif. Bentayan juga ingin mengetahui beberapa peruntukan-peruntukan yang akan dibelanjakan mengikut sektor dan daerah yang terkandung dalam Pelan Pertumbuhan Strategik Johor ini. Kita juga boleh belajar dari negara jiran Singapura. Bagaimana sebuah negara kecil yang tidak mempunyai sumber tenaga kerja dan sumber asli yang banyak seperti kita tetapi mereka mampu untuk memastikan industri mereka terus mampu bersaing di peringkat global.

Dalam Bajet 2016 Singapura memperuntukkan RM12.6 bilion untuk mentransformasikan industri. Antara perkara yang menjadi agenda transformasi mereka adalah menyepadukan usaha penyusunan semula industri yang berbeza dan memberikan berkenaan yang lebih kepada teknologi industri dan inovasi. Singapura juga menghadapi masalah tenaga kerja asing seperti kita tetapi mereka menyediakan pakej bantuan jentera mesin, insentif pelaburan berkaitan peralatan jentera, mesin di mana Kerajaan mereka akan menambah baik peluang syarikat kecil dan sederhana untuk mendapatkan pinjaman pembelian peralatan. Selain itu, mereka turut membangunkan program robotik kebangsaan yang bertujuan untuk mengurangkan kos dan kebergantungan tenaga kerja melalui penggunaan jentera mesin. Ini akan mencipta banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Bentayan bukan mahu memuji Singapura tetapi ia hanyalah satu contoh yang boleh dipelajari bagaimana Kerajaan boleh memainkan peranan bagi mengubah *mindset* pemain industri.

Bentayan juga ingin mengambil contoh IKEA. Syarikat IKEA ini adalah sebuah syarikat Sweden tetapi ia menjadi pilihan ramai di seluruh dunia. Malah tidak lama lagi pun, IKEA akan dibuka di Johor tetapi di manakah kekuatan IKEA. Sweden hanya sebuah negara yang kecil, yang tidak mempunyai sumber kayu yang sebanyak kita dan kilang IKEA ini



juga berada di Poland. IKEA berjaya mencipta nama di peringkat dunia tanpa mempunyai pekerja yang ramai dan sumber yang banyak tetapi kerana idea yang inovatif dan kreatif, kumpulan pereka bentuk yang sangat berbakat dan menggunakan jentera mesin dan robot. Kerana itu Bentayan merasakan pembangunan hab industri perabot itu nanti perlulah bersifat kluster, bukan sekadar membina kilang perabot sahaja tetapi ia perlu turut mencakupi industri hiliran keseluruhan rantai pengeluaran dan pembuatan perabot. Akademi perabot untuk melatih dan membina tenaga kerja mahir termasuk melahirkan pereka bentuk perabot yang kreatif dan sebagainya. Lama sebelum ini, negara kita menjadi pilihan dan tumpuan tenaga kerja asing daripada kebanyakan negara jiran seperti Indonesia, Nepal, Bangladesh, Myanmar dan lain-lain tetapi ketika ini hanya pekerja Bagladesh sahaja yang berminat untuk bekerja di sini. Kerana itulah kita perlu menyegerakan pelan tindakan transformasi industri perabot negara.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, industri perabot ini mengambil masa sedekad lamanya untuk dibina tetapi dengan dasar yang tidak konsisten dan sering berubah kita boleh menghancurkan industri ini dalam sekelip mata.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bentayan juga ingin membangkitkan perkara yang melibatkan pembangunan dalam kawasan Bentayan dan daerah Muar. Jalan Salleh, Muar adalah merupakan laluan utama yang menghubungkan bandar Muar dengan Pagoh. Malahan ia juga merupakan laluan utama menuju jambatan kedua Muar. Aliran trafik di laluan ini sangatlah sibuk dan sering kali berlaku kesesakan jalan raya yang teruk di persimpangan Jalan Salleh, Jalan Bakarrah, Jalan Ismail terutamanya semasa waktu puncak. Justeru itu, Bentayan menyeru agar pihak Kerajaan dapat melihat dan membuat rancangan untuk menaik taraf Jalan Salleh ini dengan kadar yang segera demi keselesaan pengguna jalan tersebut. Harustlah diingati bahawa Jalan Salleh juga merupakan jalan utama menuju ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar. Hospital ini bukan sahaja menerima kemasukan ambulan daripada bandar Muar sahaja, malah ia turut melibatkan ambulan dari Pagoh, Merlimau dan kawasan sekitar, memandangkan status hospital ini juga adalah hospital pakar. Bentayan rasa Sungai Abong turut bersetuju memandangkan kliniknya amat dekat dengan persimpangan ini. Adalah amat diharapkan agar pihak kerajaan dapat mencari jalan segera bagi mengatasi masalah ini. Binalah jejambat atau dengan izin *flyover* jika perlu.

Bentayan pernah membangkitkan persoalan mengenai hasil kutipan gantian petak parkir oleh Majlis Perbandaran Muar pada penggal yang lepas. Menurut jawapan MPM, hasil pampasan ini digunakan untuk operasi dan penyelenggaraan MPM. Di sini Bentayan ingin membangkitkan, mengapakah MPM tidak menggunakan hasil pampasan sebanyak RM5.8 juta ini untuk menyelesaikan masalah kekurangan kawasan parkir dalam kawasan bandar. Mengikut amalan prinsip perakaunan yang baik, hasil pampasan ini sepatutnya digunakan mengikut maksud tersebut. Malahan persatuan atau pertubuhan seperti NGO juga perlu menggunakan dana yang diterima berdasarkan kepada tujuan pengumpulan dana tersebut dibuat. Jika ingkar ia adalah satu kesalahan pecah amanah atau CBT dengan izin. Bentayan harap agar MPM dapat menyediakan tempat letak kereta bertingkat dan menyediakan tempat letak parking dengan had masa 30 minit terutama di kawasan bank. Satu lagi perkara berkaitan dengan parking ini adalah kekurangan ruang parking untuk pelawat di pejabat-pejabat kerajaan. Sebagai contoh, ruang parking di hadapan Jabatan Laut Muar turut digunakan oleh staff yang meletakkan kenderaan mereka seharian.

Pegawai Sains, Agensi Angkasa Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam satu rencana yang disiarkan akhbar Kosmo bertarikh 29 Mac 2016 menyatakan fenomena el-nino diramal akan berlanjutan antara Jun hingga Ogos dengan tempoh yang lebih panjang dan dikhuatiri akan memberi kesan kepada bekalan air. Bentayan ini, ingin



mendapatkan penjelasan bagaimanakah impak fenomena ini kepada keadaan Sungai Muar?

Pada tahun 2014, Muar telah dilanda fenomena air masin mengalir masuk jauh ke hulu Sungai Muar sehingga menyebabkan bekalan air yang dihantar kepada pengguna menjadi keruh dan masin. Adakah tindakan meluruskan Sungai Muar dan impak *El Nino* sekarang ini akan menyebabkan aliran air laut masin mengalir ke hulu Sungai Muar? Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan berulangnya insiden tersebut? Apakah jaminan daripada kerajaan negeri tidak akan berulangnya insiden ini? Dan jika terjadi lagi, apakah kerajaan akan membayar insentif pengurangan bil air atau pampasan kepada pengguna terjejas? Apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh pihak kerajaan bagi mengelakkan berlakunya tindakan atau perbuatan tidak bertanggungjawab yang boleh menjejaskan bekalan air di Muar, memandangkan daerah Muar sememangnya bergantung kepada sungai yang terbuka sebagai punca utama bekalan air mentah.

Bentayan juga ingin mengetahui status terkini bangunan Marina di Tanjung Emas, Muar. Berapakah kutipan sewa yang diperolehi pada setiap bulan? Apakah keperluan di bina sebuah lagi bangunan di tebing sungai? Sedangkan jarak antara bangunan baru dengan bangunan Marina adalah sangat hampir.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, satu lagi perkara yang menarik Bentayan adalah gambar bendera yang dimuat naik ke dalam Portal Rasmi Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim. Terdapat perbezaan reka bentuk bendera ini di dalam portal tersebut. Ia juga menunjukkan dua reka bentuk berbeza dalam ruangan bendera Johor dan ruangan ukuran sebenar bendera. Ini amatlah mengelirukan dan tidak sepatutnya berlaku. Adakah kita mempunyai dua reka bentuk bendera yang bertlainan? Bentayan harap pihak kerajaan dapat memperjelaskan rekaan manakah adalah rekaan yang rasmi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kecekapan merujuk kepada kemampuan tenaga kerja untuk melakukan segala aktiviti atau kerja dalam organisasi dengan cara yang terbaik melebihi apa yang telah dirancang. Keberkesanan pula membawa pengertian kemampuan tenaga kerja untuk melakukan segala aktiviti yang telah dirancang agar matlamat akhir dapat dipenuhi.

**YB Tan Sri Speaker :** Bentayan, sila gulung. Yang Berhormat, sila gulung.

**YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) :** Ok. Bahasa mudahnya adalah keberkesanan merujuk kepada melakukan perkara yang boleh memberikan hasil positif, manakala kecekapan merujuk kepada melakukan perkara dengan betul contohnya menyiapkan satu tugas dengan cepat dan jimat. Lama dahulu kita sering kali mendengar rungutan pengguna terhadap perkhidmatan Jabatan Imigresen Malaysia, terutamanya untuk urusan pasport, tapi hari ini segalanya telah berubah menjadi cekap dan berkesan dalam dengan penggunaan teknologi dan sistem pengkomputeran. Adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk menaik taraf sistem penyampaian JKM? Agar menjadi lebih berkesan dan cekap, terutamanya dalam aspek kajian semula bantuan. Sebagai contoh, bangunkan satu sistem integrasi antara agensi berkaitan seperti dengan Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri, KWSP, PERKESO dan sebagainya.

Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat seperti yang tercatat dalam hasrat Dewan Rakyat bertarikh 16 Mac 2016, memberikan takrifan miskin tegar adalah golongan yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM550.00 bagi semenanjung, kategori miskin adalah golongan yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM930.00 semenanjung dan kategori mudah miskin adalah golongan yang mempunyai

pendapatan melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bermaksud *threshold* di bawah RM1,500.00 bagi kawasan bandar dan RM1,000.00 bagi kawasan luar bandar. Berdasarkan takrifan ini adalah kerajaan negeri bersedia untuk mengkaji semula penggunaan PGK RM720.00 sebagai kadar kelayakan dalam kriteria permohonan bantuan am. Selain itu juga, dalam keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat dan iklim ekonomi yang perlahan, Bentayan juga menyeru agar kerajaan negeri untuk meningkatkan kadar bantuan am daripada RM150.00 ketika ini.

**YB Tan Sri Speaker :** Tutup, Yang Berhormat Bentayan.

**YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) :** Ya. Ok akhir sekali Bentayan ingin mengucapkan ferima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah DiRaja pada hari ini. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Bentayan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Johor Jaya.

**YB Cik Liaw Cai Tung (Johor Jaya) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selamat petang dan salam sejahtera. Johor Jaya ingin mengambilkan bahagian untuk membahaskan usul yang menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Keempat Bagi Dewan Negeri Johor Yang ke-13. Johor Jaya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Johor Jaya ingin sekali lagi membangkitkan isu ini walaupun isu ini sudah banyak kali saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini iaitu isu projek menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang Fasa 1. Tarikh tamat kerja projek naik taraf ini telah 3 kali dilanjutkan dan tarikh yang terakhir adalah pada bulan Mac iaitu bulan lepas. Kini projek naik taraf Lebuhraya Pasir Gudang Fasa 1 nampaknya sudah tamat. Maksud saya nampaknya tamat adalah kerana projek naik taraf Lebuhraya Pasir Gudang iaitu daripada susur keluar Kangkar Tebrau ke Plentong memang sudah menaik taraf kepada empat lorong daripada enam lorong. Lorong sudah siap dan saya amat bersyukur kerana bahagian yang terlibat tidak lagi menghadapi kesesakan lalu lintas yang serius seperti selama ini. Terima kasih saya ucapkan kepada YB EXCO. Tetapi terdapat tapak kerja yang masih belum dibersihkan, sebagai contoh penghadang jalan yang telah digunakan dibiarkan di tepi jalan dan susur keluar Taman Daya, serta pasir atau tanah di tepi jalan tidak dibersihkan di bawah Jambatan Ros Merah. Selain itu, Johor Jaya ingin bertanya bahawa adakah perancangan untuk memasang lampu jalan? Sebab bahagian ini kelihatan gelap pada waktu malam.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walaupun Fasa 1 nampaknya masih ada kerja-kerja yang perlu disiapkan, Fasa 2A pun telah mula. Apakah status perkembangan atau kos penyelenggaraan bagi Fasa 2A? Lebuhraya Pasir Gudang merupakan lebuhraya yang paling penting dengan aliran trafik yang tinggi. Oleh itu, saya menyeru supaya pihak kerajaan mengambil sikap dan tindakan yang tegas dalam pemantauan projek naik taraf Lebuhraya Pasir Gudang Fasa 2A iaitu daripada Persimpangan Bertingkat Plentong ke Persimpangan Bertingkat Seri Alam yang akan dijalankan. Pihak kerajaan bertanggungjawab dalam memastikan projek yang seterusnya ini, akan dijalankan dengan lancar. Pertama, projek Fasa 2A mesti ditamatkan pada masa yang ditetapkan. Kedua, langkah-langkah keselamatan jalan raya semasa kerja-kerja naik taraf projek ini dijalankan. Jangan ulangi masalah dan kesilapan yang sama dan pihak kerajaan perlu mengutamakan keselamatan pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, negara kita kaya dengan sumber air yang dapat memenuhi kehendak dan permintaan rakyat bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti kehidupan harian. Walau bagaimanapun, aktiviti penerokaan, aktiviti pertanian pencemaran sungai dan pengurusan yang tidak sempurna telah menyebabkan kekurangan sumber air mentah. Selain itu, kita sedang menghadapi keadaan cuaca panas yang agak melampau di seluruh negara akibat fenomena *El Nino* dan menyebabkan hujan tidak turun dan turut kekurangan sumber air mentah. Hakikatnya rakyat terpaksa menghadapi bekalan air berjadual yang amat menyusahkan seperti sekarang, kawasan Kota Tinggi sedang menghadapi bekalan air berjadual.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kawasan DUN Johor Jaya telah mengalami isu catuan air pada bulan Ogos hingga Disember tahun 2015. Pengguna air memang berasa ini merupakan satu *nightmare*, dengan izinnya kepada mereka. Mereka bimbang bekalan air berjadual akan dilaksanakan sekali lagi di kawasan Johor Jaya, Pasir Gudang dan Masai. Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bertitah bahawa walaupun kita tidak mampu mengawal perubahan iklim dan cuaca, tetapi tindakan yang lebih proaktif harus di ambil. Kita tidak boleh lagi menyalahkan masalah ini tergantung kepada hujan turun. Tidak dapat dinafikan bahawa rakyat di Johor memang mengguna air yang melebihi iaitu pada purata 220 liter sehari seorang dan angka ini menunjukkan pembaziran. Johor Jaya faham bahawa pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan namun Johor Jaya ingin bertanya apakah status perkembangan atau tindakan yang lebih lanjut pada pihak kerajaan terhadap pihak yang menjalankan aktiviti pertanian di kawasan tadahan air? Johor Jaya mendesak bahawa pihak kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif dan pelan perancangan dan pengurusan yang lestari bagi menangani masalah ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Johor Jaya mendapati bahawa mesin dialisis yang terdapat di hospital kerajaan adalah terhad dan tidak mampu untuk menampung kesemua pesakit buah pinggang yang ada di negeri Johor. Setakat tahun 2014, jumlah mesin dialisis di hospital kerajaan negeri Johor adalah sebanyak 165 buah. Menurut statistik 2015, terdapat sebanyak, seramai jumlah 4,643 orang pesakit dialisis dalam negeri Johor. Antaranya 706 orang pesakit menjalankan rawatan hemodialisis di pusat hemodialisis kerajaan dan 3,937 pesakit adalah menjalankan rawatan di pusat dialisis swasta atau pusat hemodialisis badan-badan NGO. Ini telah menunjukkan sebanyak 85% pesakit dalam negeri Johor adalah mendapatkan dan menjalankan rawatan di pusat swasta. Pesakit dialisis di negara kita semakin meningkat dan memandangkan keadaan ekonomi yang ketat, terdapat semakin ramai pesakit yang tidak mampu membiayai kos rawatan hemodialisis.

Seorang pesakit yang menjangkiti penyakit buah pinggang perlu menanggung kos lebih kurang RM1,000.00 sekiranya mereka menjalankan dialisis di pusat rawatan swasta, iaitu lebih kurang RM100.00 hingga RM160.00 setiap kali. Di sebaliknya bagi setiap pesakit dialisis yang menerima rawatan di hospital kerajaan, mereka mendapat subsidi kerajaan sebanyak lebih kurang RM100.00 dan kos rawatan mereka hanya dalam anggaran RM20.00 hingga RM30.00. Apakah perancangan lain pihak kerajaan dalam usaha membantu pesakit-pesakit dialisis? Berapa kos pembiayaan yang telah diberi dari Majlis Agama Islam Johor atau Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada pesakit dialisis pada tahun lepas? Dan berapakah peruntukan yang telah disediakan untuk membantu pesakit ini membiayai kos rawatan pada tahun 2016? Johor Jaya berharap bahawa pihak kerajaan dapat meningkatkan lagi mesin-mesin dialisis di pusat dialisis kerajaan supaya lebih ramai pesakit dapat merujuk ke pihak kerajaan. Dengan ini tetap dapat meringankan beban kepada pesakit dialisis.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam era perkembangan teknologi yang pesat ini peranan jaringan telekomunikasi turut semakin penting pihak kerajaan negeri telah pun melancarkan perkhidmatan *Johor Free Wi-Fi* dan memasang *hot spot* percuma di 135 lokasi seluruh negeri pada bulan Januari 2016.

Apabila kami menggunakan perkhidmatan Internet, kami sebagai pengguna mesti berharap perkhidmatan tersebut adalah baik, lancar, cepat dan juga murah. Perkhidmatan Internet yang lancar dapat mempercepatkan masa layari dan mendapatkan pelbagai maklumat dengan lebih mudah. Oleh itu perkhidmatan *Johor Free Wi-Fi* amat dialu-alukan oleh rakyat. Namun saya dapat perkhidmatan ini bukannya stabil di semua tempat. Ada yang dapat sambung dan juga ada yang langsung tidak dapat sambung atau terputus-putus.

Selain itu, Johor Jaya juga perhatikan bahawa perkhidmatan *hot spot* percuma ini telah di pasang di pelbagai lokasi terutamanya di tempat orang awam mengikut PBT masing-masing. Antara lokasi pemasangan termasuk terminal bas, medan selera, perpustakaan, pasar awam, dewan, rumah pangsa, laman dan sebagainya. Kawasan Johor Jaya juga terdapat tempat-tempat awam seperti yang saya sebut tadi. Namun tiada *Johor Free Wi-Fi, hot spot* yang di pasang di kawasan Johor Jaya seperti bas terminal dan teksi Johor Jaya, Pasar Johor Jaya, Pasar Awam Molek, Laman Rekreasi Tasik Pandan, Laman Tasik Seri Alam, Dewan Serba guna MBB Johor Jaya, rumah pangsa Ros Merah dan juga rumah pangsa Laman Tasik Taman Redang.

Dengan ini Johor Jaya meminta pihak kerajaan supaya memperluaskan lagi pemasangan perkhidmatan ini dan jangan lupa kawasan Johor Jaya, kerana penduduk di kawasan Johor Jaya juga ingin menikmati manfaat kemudahan *Wi-Fi* ini. Pada masa yang sama Johor Jaya menyeru pihak kerajaan mengkaji semula pemasangan yang sedia ada ini, supaya usaha ini tidak dibazirkan pada akhirnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebuah bandar yang selamat bukan sahaja dapat memberi rasa keselamatan kepada penduduk tempatan tetapi juga akan pengaruh pelancong asing atau pelabur asing ke negeri kita. Isu keselamatan bandar memang merupakan satu isu yang hangat dan sentiasa dibincangkan. Baru-baru ini menurut satu artikel yang tertakluk di *World Atlas.com* dengan izinnya, telah menyenaraikan 4 bandar di Malaysia sebagai bandar berbahaya di rantau Asia.

Antaranya adalah Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Klang dan termasuk Johor Bahru. Johor Bahru dikatakan sebagai kawasan berisiko tinggi berlaku kes kecurian kereta dan rompakan. Bukan ini sahaja, negara jiran kita Singapura pula menyenaraikan 10 tempat berbahaya di Johor Bahru pada akhir tahun 2015. Antaranya adalah Taman Pelangi, Taman Sentosa, Terminal Larkin, Taman Johor Jaya, Taman Molek dan lain-lain.

Walaupun Ketua Polis Negara mengatakan bahawa ini tidak mencerminkan keadaan sebenar yang berlaku di Malaysia tetapi tidak dapat kita nafikan bahawa kedua-dua senarai ini akan menjejaskan imej negeri Johor. Kini laman web telah menjadi satu saluran yang penting bagi pelancong mendapatkan sebarang maklumat dan informasi pelancong sebelum mengunjungi sesuatu tempat pelancongan.

Laman ini merupakan laman sesawang maklumat pelancongan dan maklumat ini turut akan mempengaruhi pelancongan yang ingin melawat ke negeri Johor. Johor Jaya masih ingat 3 tahun yang lepas, seorang lukis kontemporari dari Libya telah melukis satu lukisan dinding di Taman Molek. Inilah lukisan tersebut, jika sesiapa yang tidak pernah tengok. Lukisan tersebut memaparkan corak lego bahawa seorang wanita yang memegang satu beg sedang berjalan dan seorang lagi lelaki yang berlego ini telah

berpegang pisau. Lukisan ini menarik perhatian orang ramai dan mengatakan bahawa corak ini memang serupa dengan masalah yang dihadapi oleh penduduk di Johor Bahru iaitu masalah isu keselamatan di Johor Bahru.

Pihak Berkuasa boleh memadamkan corak ini, corak dinding ini tetapi tidak dapat memadamkan rasa kebimbangan dan kerisauan terhadap keselamatan bandar di kalangan rakyat. Pihak kerajaan perlu memandang serius terhadap perkara ini. Keselamatan bandar bukan sahaja di nilai dari segi statistik, yang lebih penting adalah *public perception*, dengan izinnya, yang diberi kepada orang lain. Apakah perancangan dan usaha pihak kerajaan negeri dalam mencegah jenayah dan mengawal keselamatan bandar.

Adakah pemasangan komponen-komponen keselamatan seperti CCTV ataupun lampu awam akan terus dijalankan pada tahun ini. Apakah status perkembangan bagi Program Bandar Selamat pada tahun ini. Selain daripada pihak PDRM adakah pihak pelancongan berusaha atau ada perancangan untuk mempromosikan negeri Johor dengan menghapuskan rasa kebimbangan terhadap keselamatan negeri Johor. Johor Jaya menyeru bahawa pemasangan CCTV harus terus dilaksanakan terutamanya di *hot spot* jenayah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bertitah bahawa kita harus berbangga apabila melihat bandar kita menjadi lebih bersih dan kemas. Johor Jaya berpandangan bahawa ciri-ciri sebuah bandar yang sempurna termasuk kemudahan asas, infrastruktur yang lengkap, keselamatan bandar, pengangkutan awam dan sebagainya. Yang penting, membolehkan rakyat berasa selesa dan aman semasa hidup dalam bandar tersebut. Dalam usaha memajukan industri pelaburan, pelancongan, perumahan, pertanian tidak lupa kepentingan kehidupan harian rakyat harus juga diutamakan. Pihak Berkuasa Tempatan serupa ibu bapa kepada rakyat, dan menjaga kehidupan harian rakyat.

Perancangan dan pembinaan infrastruktur awam mengikut keperluan rakyat adalah mustahak dalam usaha mewujudkan sebuah bandar yang lengkap. Namun pengurusan terhadap infrastruktur awam yang sedia ada amat diperlukan supaya usaha dan kos pembinaan tidak dibazirkan. Johor Jaya memerhati bahawa pengurusan pihak kerajaan dan tempatan masih perlu ditambah baik.

Johor Jaya ingin membentangkan satu isu masalah yang telah berlaku berkenaan pengurusan pihak PBT terhadap infrastruktur awam iaitu di bangunan terminal bas dan teksi Johor Jaya. Kaunter-kaunter di bas terminal dan teksi Johor Jaya telah menghadapi masalah anai-anai dan kerosakan tandas pada tahun yang lepas. Kerja-kerja naik taraf telah dijalankan pada bulan Julai dan tamat pada bulan September 2015 dengan kos sebanyak RM83,652.00. Pemilik kaunter dijangka pindah ke kaunter baru pada bulan Januari 2016.

Namun apabila kerja-kerja naik taraf tamat didapati bahawa bumbung di atas kaunter baru telah bocor dan kini kebocoran telah merosakkan papan *partition* yang baru dipasang. bukan ini sahaja, tandas di bas terminal telah siap naik taraf. Johor Jaya memang kena puji dengan keindahan tandas tersebut selepas naik taraf. Tetapi bagi tandas perempuan 4 unit hanya 2 unit yang boleh guna. Tandas lelaki pula tidak boleh guna langsung disebabkan saluran pengaliran tersumbat.

Dengan ini PBT terpaksa mengeluarkan kos untuk memperbaiki bumbung dan juga sekali lagi memasang papan *partition* ini. Ini turut merupakan satu pembaziran. Ini menjadi 2 kali kerja. Persoalan saya, mengapa tiada laporan penilaian yang lengkap dijalankan atau

menguji tapak menaik taraf sebelum kerja-kerja naik taraf dilaksanakan. Mengapakah hanya mendapati bumbung bocor selepas papan *partition* di pasang. Johor Jaya menyeru bahawa pelan penilaian kerja-kerja yang menyeluruh perlu disediakan sebelum sebarang kerja-kerja dilaksanakan.

**YB Tan Sri Speaker :** Johor Jaya sila gulung.

**YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) :** Ini hanya satu contoh masalah yang timbul terhadap infrastruktur awam seperti masalah yang dibangkitkan oleh Senai tadi. Tandas tidak boleh di guna di Pasar Awam Senai. Pihak PBT perlu memastikan infrastruktur awam yang telah dibina sentiasa berada di dalam keadaan yang sempurna. Jangan hanya boleh tengok tetapi tidak boleh guna.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, persempadanan semula pihak PBT telah di kuat kuasa pada bulan Januari. Johor Jaya diberitahu segala kerja-kerja yang di janji akan disambung terus. Mengapa hanya bas terminal dan teksi Johor Jaya ini tidak di serah kepada pihak PBT yang mengambil alih harta, manakala harta yang lain telah diserah. Walau bagaimanapun, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak MPJBT yang mengurus kawasan Johor Jaya selama ini. Johor Jaya berharap segala kerja-kerja yang seterusnya dapat berjalin dengan lancar dan cekap pada pihak MJB.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, satu masalah tempatan yang saya ingin bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini iaitu kesesakan lalu lintas di Jalan Ros Merah Utama iaitu di bawah Jambatan Ros Merah. Jalan ini merupakan salah satu laluan penting menyambung kedua-dua bahagian dalam kawasan iaitu Taman Molek, Jalan Ros Merah ke bahagian ke sebelah bahagian Taman Johor Jaya. Aliran trafik yang tinggi, terutamanya pada waktu puncak sentiasa menyebabkan kesesakan lalu lintas di bahagian bawah jambatan.

Kesesakan menjadi lebih teruk kerana jalan yang berlubang-lubang di bawah jambatan. Selain itu pasir atau tanah yang diguna semasa projek menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang sering mengalir dan menyumbatkan longkang. Ini menyebabkan jalan bertakung air dan aliran trafik terjejas. Johor Jaya minta pihak kerajaan mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah ini.

Akhirnya, Johor Jaya ingin membangkitkan masalah yang timbul disebabkan oleh sistem bayaran tempat letak kereta. Fajar Able Parking (J) Sdn Bhd. tidak lagi bertanggungjawab atas bayaran tempat letak kereta mulai tahun ini. Pihak MPJBT pun telah melaksanakan sistem yang baru iaitu melalui sistem khidmat pesanan ringkas iaitu SMS mulai 1 Mei. Oleh sebab sistem yang belum dikenal pasti atau diumumkan oleh pihak PBT lain, pengguna dapat menikmati letak kereta secara percuma pada bulan April.

Namun terdapat agen-agen yang masih memegang kupon zon B yang sebelum ini dikeluarkan oleh pihak Fajar Able. Agen-agen ini kini menghadapi masalah di mana kupon yang ada pada tangan tidak dapat dijual dan tidak dapat dipulangkan kepada mana-mana pihak. Ini adalah tidak adil. Johor Jaya ingin berharap pihak PBT boleh membenarkan mereka pulangkan, jual balik atau ganti rugi kepada pihak PBT. Akhirnya Johor Jaya berharap semua perkara yang saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dapat diurus dan diselesaikan dengan segera. Sekian terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Johor Jaya. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Bukit Permai.

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Bismillahirrahmanirrahim (DOA). Pertamanya Bukit Permai ingin memanjatkan rasa penghargaan menjunjung kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang telah bertitah merasmikan Dewan Persidangan Keempat bagi kali ini dan lebih manis lagi apabila di awal titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan mengucapkan tahniah di atas tugas dan pengorbanan Ahli-Ahli Dewan selama ini. Mudah-mudahan dengan kata-kata pujian daripada Duli Yang Mulia itu menjadikan Ahli-Ahli Dewan lebih beristiqamah dalam menjalankan tugas kepada rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mewakili rakyat Bukit Permai ingin mengucapkan tahniah di atas kejayaan yang telah terhasil daripada dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bersama barisan EXCO. Rata-rata rakyat di bawah apabila kita turun ke kawasan, mereka semua memuji dan memberikan maklum balas positif dalam banyak perkara yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pada hari ini. Jadi saya pasti kejayaan pelaksanaan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan ini pastinya kerana ada sokongan yang kuat daripada barisan EXCO, kakitangan kerajaan di atas dasar Muafakat Johor. Jadi sebenarnya Muafakat Johor ini telah membuahkan hasil yang begitu baik untuk manfaat rakyat. Kalau kita nak senaraikan banyak. Tetapi apa yang menarik hari ini adalah perkara yang dibentangkan pada bulan 11, semasa pembentangan Bajet, iaitu berkenaan dengan Bas Muafakat Johor, perkhidmatan bas percuma oleh lima PBT. Bulan April, bulan 11 bentang, bulan April dah laksana, dah lancar. Rakyat dah dapat menikmati bas percuma. Inilah contoh-contoh muafakat. Sebenarnya banyak lagi yang tak perlu saya senaraikan di sini.

Dan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hari ini saya terpanggil untuk membicarakan tentang dua perkataan. Yang pertama dia, perkataan haram. Kerana daripada pagi tadi kita dengar tentang haram ini bermula dengan Sungai Abong. Orang sibuk *tagging* halal, dia kata kita patut *tagging* haram. Kemudian, Senai. Senai cerita pusat judi haram dan bila sampai Skudai, Skudai cakap tentang penggubalan wang haram. Maksudnya pakatan yang tak sah ni ataupun disebut pakatan ini dia kalau sah dia pakat-pakat dia guna satu logo, dia sah, contoh logo dacing. Tapi pakatan yang haram ini, dia pakat tapi logo dia beza-beza. Sebab dia haram. Dia pakatan itu tak sah (Dewan bertepuk).

Dan yang lebih penting lagi, bila sebut penggubalan wang haram ini, kita jangan pandai sebut angka sahaja. Skudai bentangkan berapa juta angka, keluar mengenai penggubalan wang haram. Kenapa tidak dikaji, siapa pemain penggubalan wang haram ini. *Who's the player of the money laundering* ini. Siapa, dengan izin. Itu yang kita nak bicarakan. Siapa?. Sebab dalam khidmat saya Yang Berhormat Tan Sri, orang-orang yang menyokong kerajaan ini dia kurang meniaga benda-benda haram. Sebab dia patuh pada kerajaan. Dia tak buat kerja haram, itu bukan tapi kalau *business-business* haram ini, tak kiralah kita jangan cerita kenapa premis itu ada. Tapi kita kena cerita juga siapa yang buka premis itu. Kita cerita wang haram, siapa yang meniaga, membuat penggubalan wang haram ini. Cerita terus, habiskan. Jangan separuh jalan.

Jadi, Yang Berhormat Tan Sri perkataan yang kedua yang saya nak bincangkan dalam Dewan ini iaitu perkataan auta. Tadi banyak kali sebut perkataan auta. Kononnya, kerajaan di Selangor dan Pulau Pinang, Barisan Nasional dulu kerajaan auta bila jadi pembangkang auta. Tapi saya nak ingatkan pada Skudai, sebenarnya bila kita sebut auta ini, yang paling terang sekali bila kita buat perbandingan. Tadi berlaku satu auta daripada Skudai. Nak bandingkan harga rumah di Johor dengan Melaka. Bila kita banding rumah Johor dengan Melaka, itu auta.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat, jangan sentuh sahsiah seseorang Ahli.



**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) :** Tak, tak ini saya cerita fakta yang dibentangkan tadi.

**YB Tan Sri Speaker :** Bukan soal fakta. Saya menyelesaikan Yang Berhormat jangan sentuh sahsiah seseorang Ahli. Berhemahlah cakap.

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) :** Ya, saya hanya mengulas apa yang dicakap oleh Skudai tadi. Ini perkataan auta. Saya nak cerita bila kita buat perbandingan rumah di Johor dengan rumah di Melaka. Melaka ini Kerajaan Barisan Nasional. Barisan Nasional memang bagus. Kalau kita nak bandingkan. Bandingkan dengan Pulau Pinang. Baru betul. Berapa rumah dekat Pulau Piang, berapa rumah dekat Johor. Itu baru tidak auta. Jika kita banyak sangat auta, itu yang kadang-kadang kena tukar. Penggaram pula jadi ketua. Banyak auta tukar ketua. Itu sebab jangan banyak pakai auta ini.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak puji kerajaan negeri Johor, kerana apa. Kerana Kerajaan Negeri Johor ini sangat prihatin, dia bukan hanya jaga rakyat tetapi dia jaga binatang-binatang. Contoh kita ada buat *sanctuary* gajah. Kita buat *sanctuary* dugong. Kita buat *sanctuary* kuda laut dan kita dalam perancangan nak buka zoo. Zoo baru bagi negeri Johor. Tapi saya dengar, zoo ini, kalau ditadbir oleh SUK Kerajaan Tempatan. Yang tadbir zoo ini, SUK Kerajaan Tempatan, Jaga zoo, macam tak kena. Jadi sebab banyak binatang-binatang ini, bukan zoo sahaja yang kita nak jaga, saya cadangkan Kerajaan buka jabatan baru. Jabatan Zoologi, Jabatan Zoologi kerana apa, di universiti-universiti tempatan ada fakulti zoologi. Tapi budak-budak ini yang *graduated* daripada fakulti zoologi ini kadang-kadang sukar mendapatkan pekerjaan. Kerana bidang, peluang tapi kalau kita boleh buka jabatan baru, tak apa segala bentuk binatang tak kira kuda laut ke, dugong, gajah termasuk zoo yang macam-macam binatang dalam dia, letak bawah satu jabatan. Jabatan Zoologi. Jadi kita pilihlah mana-mana EXCO yang sayangkan binatang. Tak semestinya EXCO PERHILITAN, mungkin EXCO Agama kalau dia sayang binatang, jaga Jabatan Zoologi letak bawah EXCO Agama. Kalau Johor Lama, Johor Lama, letak bawah Johor Lama. Itu pun boleh. Itu cadangan supaya jabatan ini sesuai. Kerajaan Tempatan jaga zoo. Macam tak kenalah. Itu pendapat sayalah.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak ucap tahniah juga kepada kerajaan di atas satu sejarah besar telah berlaku baru-baru ini yang mana kerajaan telah berjaya membuka pusat pengajian tinggi bertaraf kolej yang diberi nama Kolej Yayasan Pelajaran Johor di Jalan Kulai Kota Tinggi. Tahniah. Ini sejarah apabila dengan duit sendiri, belanja sendiri, kerajaan buat sebuah kolej untuk melahirkan lebih ramai lagi cerdik pandai dan membina modal insan di kalangan bangsa Johor. Kumpulan pertama pelajar masuk bulan Mac 2016 seramai 2,650 orang. Kakitangan sokongan akademik seramai 363 orang dan ini semua telah memberi limpahan ekonomi dan rahmat kepada DUN Bukit Permai dan juga Pasir Raja. Sebab apa, YB Speaker, pelajar-pelajar ini sewa dekat kampung saya. Dekat FELDA Taib Andak. Rumah sewa hari ini sebab pelajar-pelajar ini ramai sampai RM700.00 pun ada. Semua orang sedang sibuk baiki rumah ini nak sewakan pelajar ini. RM700.00 ada. Ada yang rumah dia besar, dia letak 10 orang. Satu orang dia ambil RM100.00. Satu kepala RM100.00, RM1,000.00 jadi kolej ini bukan sahaja membina modal insan, pusat kecemerlangan bangsa Johor tapi dia memberi rahmat. Rezeki kedai makan, jualan bertambah di kampung saya FELDA Taib Andak. Terima kasih kerajaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak beritahu juga iaitu kejayaan-kejayaan yang telah dicipta oleh Bukit Permailah khususnya kerana limpahan-limpahan ekonomi ini. Saya nak cerita melalui EXCO Pelajaran Negeri Johor, Sekolah Menengah Bandar Putra 2, RM48 juta lulus. Lawatan tapak, minggu lepas. JKR dah datang, akan dibina tahun ini. Saya mewakili rakyat Bandar Putra ucap terima kasih kepada Kerajaan dan EXCO.



Kemudian, EXCO Pengairan dan Saliran, perkara yang sering dibangkitkan iaitu banjir kilat di kampung Melayu Sengkang. Tahun ini lulus RM2 juta, pelebaran dan mendalamkan sungai di Kampung Melayu Sengkang, RM2 juta terima kasih EXCO dan EXCO Kerja Raya, satu projek jalan sejumlah RM13 juta menghubungkan Taib Andak ke FELDA Inas, tertanggung selama 3 tahun disambung semula akan siap hujung tahun ini. Terima kasih EXCO Kerja Raya.

Kemudian, EXCO Pembangunan Keluarga dan Masyarakat dah setuju nak buat satu PDK di DUN Permai berjumlah lebih kurang bangunan dia RM280,000.00. Saya tidak tahu, tahun ini ke tahun depan. Tetapi terima kasih EXCO. Kemudian, Sekolah Agama Bandar Putra 2, baru bergaduh minggu lepas, EXCO Agama kata, tahun ini buat dengan nilai RM2.5 juta. Terima kasih EXCO Agama.

Saya juga nak ucap terima kasih kepada Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar melalui KPRJ, semalam bagi cek RM50,000.00 untuk Surau Sekolah Agama Bandar Putra. Terima kasih kerajaan. Tetapi dalam pada kita menyebut peruntukan ini, ada satu keajaiban Yang Berhormat Tan Sri Speaker, iaitu berkenaan kecil-kecil dulu kita selalu dengar cerita Aladdin dengan lampu ajaib. Aladdin dengan lampu ajaib. Bila kita gosok, gosok, gosok, Aladdin gosok keluar jin. Jin ini keluar, dia boleh minta apa-apa aje. Bila tidak ada pun boleh jadi ada. Jadi baru-baru ini, saya ingat ada EXCO yang bela jin. Bila kita, mula-mula Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, peruntukan ini tidak disenaraikan. Tidak ada. Saya pun cakaplah, saya gosok dalam Dewan ini, saya gosok-gosok dalam Dewan, minggu lepas, bulan lepas Mesyuarat Tindakan Daerah, Pegawai Kesihatan Daerah Kulai bagi tahu, Kulai akan dapat bangunan tambahan hospital RM150 juta. Saya kata ini ajaib. Itu hari tak ada. Saya ingat EXCO Kesihatan ada bela jin. Macam lampu Aladdin. Tiba-tiba boleh ada pula. Jadi saya harap, lebih banyak lagi EXCO-EXCO boleh mengeluarkan jin-jin ajaib macam EXCO Kesihatan. Jadi saya ucap terima kasihlah bagi rakyat Bukit Permai dan Kulai, amnya. Banyak, berjuta-juta datang ke Kulai. Terima kasih banyak Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Dan akhir sekali saya ucap terima kasih kepada pihak FELDA kerana telah pun mengeluarkan surat sokongan bagi melepaskan tanah-tanah lot rumah untuk Generasi Kedua bagi FELDA Inas Utara. Ini yang tertinggal. FELDA lain semua dah clear, FELDA Inas tertinggal. Minggu lepas dah dapat surat pelepasan daripada unit FELDA di Ibu Pejabat. Insya-Allah pada tahun ini tanah pun akan diselesaikan kerana ini janji PRU yang ke-13. Jadi oleh kerana dah banyak sangat kebaikan yang Bukit Permai dapat, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, belum suruh gulung, saya berhenti setakat ini. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh. Sekian, terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Permai. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tangkak.

**YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selamat petang dan salam sejahtera diucapkan kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan juga Ahli-Ahli Dewan Negeri yang berada di sini. Tangkak juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberi peluang untuk menyertai perbahasan dalam usul Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Tangkak juga ingin mengambil peluang ini untuk membuat beberapa cadangan kepada Kerajaan Negeri supaya menambahbaikkan pentadbiran dalam beberapa bidang dan juga berharap boleh dapat penjelasan daripada barisan EXCO dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam beberapa masalah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu Tangkak ingin mengambil kesempatan ini membuat sedikit respons kepada perbahasan Yang Berhormat Rengit tengah hari tadi.

Kami pergi ke Taiwan untuk meminta syarikat gas dan minyak yang dimiliki oleh Kerajaan Taiwan supaya jangan bina kilang yang membawakan pencemaran ke negeri Johor. Jika kilang tersebut tidak bermasalah, mengapa rakyat Taiwan sendiri membantahnya sehingga mereka terpaksa mencari tapak di negeri Johor. Kami memang mengalu-alukan pelaburan bermanfaat untuk rakyat tetapi bukan daripada pelaburan yang ditolak oleh rakyat di negara mereka sendiri. Kita nak pelaburan yang bersih, yang baik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau mengikut logik Rengit, Ahli Pembangkang kita bawa memorandum pergi ke Taiwan dan Kerajaan Taiwan terpaksa menanggung atau membantahkan cadangan untuk labur di Negeri Johor ini. Sudah tentu faktanya iaitu, Kerajaan Barisan Nasional di Malaysia ini jauh berbeza dengan kerajaan di negara lain. Imbangnya Kerajaan Taiwan sanggup jumpa kita, rakyat Malaysia untuk mendengar bantahan kita tetapi di Malaysia, fikir balik. Rakyat di Pengerang sejak dulu yang bantah projek ini, nak jumpa pun tak dapat. Ada majlis perjumpaan pun untuk memenuhi syarat laporan di DEIA Board buat perjumpaan. Tapi bantahan tidak diterima. Baiklah saya pun faham, saya pun tahu kerajaan Negeri Johor, tidak akan jawab soal-soal ini kerana satu sahaja jawapan akan dibagi iaitu projek ini bawah kuasa Petronas. Jadi, kalau Yang Berhormat Rengit ingin membahaskan tentang isu ini lagi, saya cadangkan YB cari satu station TV yang ingin membuat siaran langsung, Tangkak bersedia berbahas dengan YB dalam isu ini pada bila-bila masa.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Tan Sri Speaker :** Saya tak benarkan. (Dewan ketawa)

**YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) :** Tak apa. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam lapisan sistem kerajaan di Malaysia, Kerajaan Tempatan adalah sistem kerajaan yang sangat penting kerana ia rapat dengan kehidupan seharian rakyat. Oleh itu, Kerajaan Tempatan mestilah mengurus kawasan mereka dengan lebih profesional dan warga kerja PBT harus teruskan bersikap mesra ketika melayan pelanggan mereka.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Tangkak.

**YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) :** Sikap kerja penjawat awam yang mesra akan menaikkan imej kerajaan...

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Tangkak, duduk dulu. Boleh sambung selepas kita berehat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan saya tangguhkan 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 3.30 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 3.50 petang.**

**YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan disambung semula. Jemput Tangkak, sambung.

**YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, sikap kerja penjawat awam yang mesra akan menaikkan imej kerajaan. Kami mesti faham bahawa apabila rakyat datang ke pejabat kita, sudah tentu mereka ingin mendapatkan bantuan dan perkhidmatan. Apabila mereka mendapatkan bantuan yang diinginkan dengan sikap yang mesra, mereka akan bersyukur dan menghargai servis-servis penjawat awam. Tangkak juga ingin mencadangkan supaya kesemua PBT dalam Johor menubuhkan satu

pasukan tindakan yang beroperasi 24 jam, 7 hari seminggu. Tugas pasukan tindakan ini adalah untuk mengendalikan kes kecemasan dan bencana terutama pada masa pejabat PBT tutup dan cuti minggu.

Masyarakat selalu menghadapi masalah tidak dapat membuat aduan ketika perkhidmatan PBT pada waktu malam dan cuti hari minggu ketika berlaku kes kecemasan seperti kerosakan lampu isyarat, banjir kilat, tanah runtuh, ribut dan sebagainya. Kalau pasukan tindakan PBT ini ditubuhkan, rakyat boleh menghubungi bilik gerakan yang beroperasi 24 jam untuk dapatkan bantuan pada bila-bila masa. Pasukan tindakan juga boleh menjadi pasukan bantuan awal yang menyelaras komunikasi dan bantuan di dalam pelaksanaan operasi bantuan kecemasan dan bencana.

Tangkak juga ingin meminta kerajaan negeri Johor supaya memperluaskan perkhidmatan bas percuma sampai ke kawasan luar bandar. Penduduk-penduduk di luar bandar selalu menghadapi masalah pengangkutan ke pekan dan bandar. Warga emas yang tinggal di kampung terpaksa menunggu ahli keluarga balik kerja apabila mereka mahu mendapatkan rawatan perubatan tetap di klinik kesihatan dan hospital. Kalau anak mereka bekerja di tempat jauh, mereka perlu menaiki teksi dengan tambang yang tinggi. Tangkak mencadangkan kesemua PBT di negeri Johor menyediakan perkhidmatan bas percuma yang menghubungkan kawasan luar bandar ke pejabat-pejabat kerajaan dan agensi-agensi perkhidmatan yang terletak di bandar, sekurang-kurangnya dua perjalanan sehari. Kerajaan negeri juga diminta memberi bantuan sekiranya PBT menghadapi masalah kewangan dalam melaksanakan perkhidmatan bas percuma ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tangkak amat tertarik oleh satu berita pada awal bulan ini yang menyatakan beberapa PBT di negeri Johor menggunakan cara kreatif tender terbuka dalam penyerahan projek tempatan kepada kontraktor. Antaranya ada Majlis Perbandaran menggunakan cara meletakkan nombor atas bola-bola ping pong dan nombor-nombor di atas bola ping pong itu ditunjuk kepada projek-projek PBT yang tertentu. Lepas itu kontraktor-kontraktor itu diminta membuat cabutan bertuah untuk menentukan mana satu projek yang mereka akan dapat. Tangkak ingin bertanya, adakah semua kontraktor-kontraktor yang menyertai dalam cabutan bertuah projek PBT kali ini adalah menawarkan harga projek yang sama rendah? Jika tidak, kenapa bukannya kontraktor yang memenuhi syarat projek yang ditetapkan yang mendapatkan tender yang dikehendaki? Menggunakan cara bertuah, adakah melanggar prinsip tender terbuka? Dan juga tidak adil kepada kontraktor yang menawarkan harga projek yang lebih rendah. Menurut Akta Kerajaan Tempatan, Seksyen 23 sedang menyatakan mesyuarat Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai. Malangnya, sejak tahun 2013 sehingga sekarang kesemua PBT di negeri Johor melarangkan kami menghadiri mesyuarat mereka. Adakah perbuatan ini telah melanggar undang-undang? Dan siapakah yang memberikan arahan supaya kami dilarang masuk ke mesyuarat majlis PBT?

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tangkak ingin mengingatkan juga kepada semua PBT supaya jangan salah tafsir dalam Perkara 48, titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Duli Yang Maha Mulla Tuanku mahu kedai-kedai yang kotor dan kelihatan buruk dibersihkan dan dicatkan semula. Ini adalah satu cadangan yang baik. Dan PBT-PBT sejak beberapa tahun dahulu telah banyak kali meminta pemilik kedai mengecat semula kedai mereka tetapi salah satu syarat yang ditetapkan oleh PBT pada masa itu adalah satu jalan satu warna. Iaitu setiap semua kedai dalam satu jalan itu warna yang sama. Tangkak harap PBT boleh menimbang semula syarat seperti ini kerana kita perlu memberikan peluang kepada pemilik kedai supaya mereka menunjukkan keistimewaan dan keunikan kedai mereka dengan warna yang dimahui. Memandangkan keadaan ekonomi di negara kita ini, golongan-golongan yang berpendapatan rendah adalah mangsa utama.

Oleh itu, Tangkak ingin mencadangkan kerajaan negeri Johor supaya boleh meringankan beban mereka dengan lebih hasil kerajaan negeri Johor. Bolehkah kita menanggung cukai taksiran rumah kos rendah dan rumah kampung? Kita boleh juga menanggung bayaran lesen penjaja di seluruh negeri Johor bagi peniaga-peniaga boleh meneruskan perniagaan kecil mereka. Seperti mana yang Tangkak telah maklum dalam Dewan yang mulia ini dalam persidangan DUN yang lalu.

Penerima-penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat setiap bulan akan merasa bimbang tentang bantuan tersebut. Kerana duit bantuan yang disampaikan setiap bulan adalah pada masa yang tidak tentu. Sila bayangkan golongan penerima JKM ini bergantung kepada duit bantuan untuk perbelanjaan hidup seharian. Sebahagian besar mereka menggunakan duit bantuan ini untuk bayar sewa rumah dan bil utiliti pada bulan awal. Ketika duit bantuan JKM mereka dikreditkan cuma pada tengah bulan ataupun hujung bulan mereka perlu menghadapi tekanan daripada tuan rumah mereka. Saya mohon jasa baik Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor supaya memahami rasa mereka.

Rumah pangsa yang terletak di Jalan Ong Siang, Tangkak terdapat banyak masalah seperti kerosakan infrastruktur, pagar koridor sudah dicuri, kemudahan taman rekreasi rosak, yang paling kritikal adalah tangki air di bahagian bumbung blok D telah bocor. Bukan sahaja air bersih dibazirkan setiap hari, penduduk-penduduk di situ juga berasa risau kerana pada bila-bila masa tangki besi itu mungkin akan jatuh dari bumbung.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Tangkak, sila gulung.

**YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) :** Ada lagi, sekejap lagi. Tangkak merayu kepada pihak berkenaan dan SUK boleh mengambil berat dalam menyelesaikan masalah-masalah yang timbul di rumah pangsa ini dan membaiki tangki air blok D dengan kadar segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, gelanggang futsal Taman Tangkak Jaya sudah rosak sejak tahun 2009. Tangkak juga telah membawakan isu ini di Dewan yang mulia ini. Tangkak berharap Jabatan Belia dan Sukan boleh membaiki pulihkan futsal tersebut secepat mungkin. Gelanggang Bola Keranjang di Kampung Baru 2, Tangkak juga perlu dibaiki oleh Majlis Daerah Tangkak.

Kampung Asahan Relau, Tangkak merupakan satu kampung yang terletak di sempadan negeri Johor dan Melaka. Yang menarik adalah akses jalan raya tunggal dari negeri Johor ke Kampung Asahan Relau itu perlulah melalui Melaka iaitu melalui Pekan Asahan, Melaka. Oleh itu, penduduk-penduduk di kampung itu selalu rasa macam terpinggir antara kerajaan negeri Johor dan Melaka. Isu-isu tempatan yang dihadapi mereka selalu ditendang oleh kedua-dua kerajaan negeri. Masalah terkini yang dihadapi oleh penduduk kampung adalah masalah pelupusan sampah. Sampah sarap di kampung ini sejak dulu dilupuskan di sekeping tanah yang diberikan secara percuma oleh seorang penduduk tempatan. Pemilik tanah tersebut setahun sekali akan mengupahkan *traktor* untuk melupuskan sampah. Sejak pemilik tanah itu meninggal dunia pada beberapa tahun lalu, tapak pelupusan tanah tersebut sudah terbiar dan sampah sarap di merata tempat tidak diuruskan. Tangkak ingin meminta Pejabat Daerah Tangkak supaya menolong penduduk Kampung Asahan Relau itu untuk menyelesaikan masalah ini dengan meletakkan tong sampah besar di tapak yang sedia ada itu dan mengumpulkan sampah sekurang-kurangnya dua hingga tiga kali seminggu.

Tangkak juga berharap pihak Kerajaan Tempatan mencarikan punca banjir kilat yang sering berlaku di Jalan Panggung Lama dan Jalan Solok Tangkak walaupun longkang-longkang dan perparitan di kawasan sekitar itu telah di naik taraf pada tahun 2014.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Pelan Pertumbuhan Pelan Strategik Johor baru-baru ini daerah Tangkak telah diiktiraf sebagai *Crossroad Of Culture Of Advanture* dengan izin, iaitu pelancongan gaya hidup dan cabaran pembuatan ringan, industri berasas kayu dan pertanian. Tangkak ingin memberi pandangan dalam pelan pertumbuhan di daerah Tangkak ini dalam bidang pelancongan dan pertanian. Sebagai satu daerah yang terletak di pintu keluar masuk Johor Utara. Promosi industri pelancongan di daerah Tangkak nampaknya tidak mencukupi dengan Gunung Ledang yang terkenal di dunia. Jabatan Pelancongan Negeri dan PBT harus memperkuat kerja-kerja promosi menambahbaikkan kemudahan pelancongan dan menambahkan aktiviti-aktiviti di sekitar kawasan Taman Negara Gunung Ledang.

Daerah Tangkak juga adalah salah satu daerah yang mengeluarkan hasil sayur-sayuran dan buah-buahan. Selain daripada memenuhi permintaan tempatan, hasil-hasil tersebut boleh juga menjadi salah satu industri hiliran pelancongan kalau kerajaan negeri boleh membantu petani-petani untuk menceburi bidang ini. Seperti menyediakan bantuan kewangan atau pinjaman kewangan bagi mereka dalam pembungkusan hasil tanaman dan mesin-mesin pengolahan buah-buahan. Ataupun menyediakan satu tapak untuk disewa kepada petani-petani untuk menjualkan hasil tanaman mereka kepada pelancong-pelancong yang pergi ke Gunung Ledang. Tangkak juga terima aduan dari penjual buah-buahan di tepi jalan yang sedia ada bahawa bayaran yang terlalu tinggi dicajkan oleh PBT terhadap mereka, termasuk bayaran lesen penjaja, bayaran kebersihan, bayaran kanopi, cagaran berniaga dan sebagainya. Yang paling tidak boleh diterima adalah PBT meminta memohon lesen menjual buah-buahan yang berlainan bagi setiap jenis buah-buahan. Tangkak berharaplah PBT boleh menimbang semula untuk mengurangkan caj-caj terhadap gerai-gerai tersebut dan memudahkan cara permohonan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang terakhir, isu kemudahan Dewan ini, penting. Sebagai seorang Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat, kita memikul tanggungjawab untuk berkhidmat dan membantu rakyat. Kemudahan dan sumber yang mencukupi akan meningkatkan mutu perkhidmatan kita kepada rakyat dan negeri. Tangkak ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri memberikan elaun kepada kesemua 56 buah Pejabat Perkhidmatan Wakil Rakyat di negeri Johor. Elaun itu boleh disalurkan untuk menanggungkan sewaan pejabat, gaji penyelidik atau pembantu dan juga bil utiliti dan sebagainya.

Di Dewan Negeri pula, kita yang bersidang di dalam Dewan tidak dibekalkan dengan perkhidmatan jalur lebar. Ambil contoh di Dewan Undangan Negeri Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Melaka dan Perak, Dewan mereka menyediakan perkhidmatan Internet untuk semua Wakil Rakyat. Tangkak tidak faham kenapa Dewan Negeri Johor tidak boleh menyambungkan perkhidmatan jalur lebar kepada kita. Perkhidmatan jalur lebar akan memudahkan kita dan juga ketua-ketua jabatan yang berada dalam Dewan ini untuk mendapatkan informasi dengan lebih cepat dan senang. Bayangkan kerajaan negeri Johor telah melancarkan Johor *Free Wi-Fi* di 135 lokasi seluruh negeri. Di perhentian bas ada, di taman rekreasi ada, di pejabat-pejabat kerajaan ada tapi Wakil Rakyat seperti kita yang bertugas di dalam Dewan ini terpaksa menggunakan sambungan Internet yang berbayar sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kerajaan tidak mahu menyediakan perkhidmatan jalur lebar kepada kita, Tangkak sedia juga menanggungkan kos perkhidmatan persediaan perkhidmatan *Free Wi-Fi* untuk semua YB-YB dan juga ketua-ketua jabatan yang berada di sini dalam Persidangan Dewan yang akan datang nanti.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Terima kasihlah.

**YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) :** Tapi dengan satu syarat iaitu Tangkak minta Dato' Speaker untuk meluluskan supaya Tangkak meletakkan satu papan tanda di pintu masuk Dewan ini yang mengandungi kata laluan *Free Wi-Fi* tersebut dan juga gambar saya. Tangkak juga meminta Dewan Negeri Johor untuk membekalkan kesemua jawapan soalan-soalan dari YB dalam Dewan ini kepada setiap Wakil Rakyat. Tujuan dia senang, adalah untuk mengelakkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan EXCO nya menjawabkan soalan yang sama pada setiap penggal mesyuarat. Sudah hampir setengah tahun cadangan ini dibuat, Dewan masih gagal memenuhi permintaan ini. Apakah halangan yang menyebabkan jawapan lengkap kesemua soalan dibangkit tidak boleh dibekalkan kepada semua YB. Sekianlah terima kasih.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Ok Tangkak, terima kasih. Kita teruskan. Jemput Bukit Batu.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Selamat petang dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Dato' Speaker kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah Tuanku sempena pembukaan rasmi Dewan yang mulia ini pada Khamis lepas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menjunjung dan mematuhi titah Tuanku dalam ucapan titah Tuanku agar negeri Johor terus maju dan membangun. Malah saya sebagai seorang anak Johor juga mengkongsikan inspirasi dan harapan bahawa Johor akan terus maju dan makmur. Bukan sekadar dari ekonomi sahaja tetapi juga pembangunan dari segi kesejahteraan dan sivik juga.

Saya ingin merujuk kepada perenggan 58 titah Tuanku, yang mana Tuanku telah memberi titah yang bernas dan baik dalam isu pengurusan pintu keluar masuk Johor – Singapura. Sekiranya pembangunan di Johor termasuklah Wilayah Iskandar kena terus maju ke depan, maka kerajaan perlu pastikan isu kesesakan jalan dua hala keluar masuk ini mesti diselesaikan. Ini bukan sahaja demi pembangunan ekonomi malah untuk kesetiaan pelancong dan pengguna juga terjamin sekiranya jalan masuk keluar tidak lagi sesak.

Berdasarkan kepada statistik yang saya dapat daripada jawapan bertulis bagi tahun 2014, Dato' Speaker, secara puratanya setiap hari, haa ni penting. Setiap hari ada 46,806 kenderaan dari kelas pertama hingga lima maknanya kenderaan biasa lori, teksi, bas mengguna Tambak Johor dan 20,719 untuk kelas yang sama yang guna Link Kedua. Ini bermakna Dato' Speaker setiap tahun hampir 25 juta kenderaan keluar masuk Malaysia – Singapura melalui pintu masuk di Johor. Dan, angka ini tidak masuk lagi sebab tidak dibekalkan, tidak lagi masuk beratus-ratus ribu motosikal yang tiap-tiap hari dari pukul 3:00 hingga malam pukul 12:00 yang keluar masuk Singapura – Johor. Ini adalah statistik bagi tahun 2014 dan saya yakin jumlah ini pasti telah meningkat untuk tahun ini dan yang akan datang.

Untuk terus menguatkan lagi kedudukan Johor sebagai sebuah negeri yang ada daya tarikan pelaburan dan pelancongan saya harap kerajaan terutamanya pihak Kastam dan Imigresen boleh memastikan sebanyak mungkin kaunter di sebelah Johor lah kita tak boleh *control* yang di Singapura tapi sekurang-kurangnya di Johor ini di buka terutamanya di *peak hour* yang mungkin boleh dipanjangkan lagi.

Di samping itu, saya juga rasa masa lah sudah sampai untuk kerajaan Johor, Malaysia untuk memberi perhatian, perhatian serius terhadap keperluan untuk satu jambatan ketiga Johor – Singapura. Dengan izin saya kata Dato' Speaker, *the time is right, the time is*

now. Pembinaan jambatan ini bukan saja boleh mengurangkan kesesakan Tambak Johor sekiranya lokasinya adalah strategik malah pembinaan jambatan ini juga boleh menjadi satu pemacu untuk pembangunan industri dan ekonomi di sekitar kawasan. Tengoklah pembangunan yang begitu pesat di kawasan barat Wilayah Iskandar, terutamanya di kawasan Iskandar Puteri yang di servis dengan Link Kedua. Sememangnya kejayaan pembangunan di kawasan sini adalah berpunca juga dengan kewujudan perjalanan masuk Johor yang kedua.

Justeru, saya nampak perlunya ada satu jambatan baru di Johor dan kalau lah kita pantau dari sudut strategik, ini cadangan saya. Saya nampak jambatan baru patut didirikan di sebelah timur, kalau barat ada, tengah ada, timur Wilayah Iskandar. Jambatan ini boleh menjadi *catalyst* kepada pembangunan daerah timur Johor Bahru, Kota Tinggi, Mersing dan kalau *drag* pun boleh sampai Kulai juga.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, semalam Menteri Besar telah meyakinkan rakyat Johor bahawa pembangunan ekonomi di Johor masih mantap terutamanya di PIPC di Pengerang. Sekiranya kerajaan Johor begitu yakin dengan masa depan ekonomi Johor, saya rasa pembinaan jabatan itu kita boleh betul-betul kita fikirkan. Pembinaan satu jambatan bukan pembinaan jalan, Dato' Speaker. Bukan pembinaan jalan sahaja ini, ia melibatkan isu kedaulatan dua negara. Ini isu kita mesti fikirkan mulai sekarang, mungkin, walaupun kita fikirkan sekarang, mungkin 10 tahun kemudian baru dia akan dibina. Tetapi kalau isu ini kita tidak fikirkan buat masa kini, bila kita perlu nak buat jambatan saya rasa kemungkinan itu terlalu lambat. So, saya rasa ini adalah masa yang paling baik. Infrastruktur dan kawasan perindustrian berat seperti Johor Port, PIPC, RAPID di Pengerang akan mendapat manfaat daripada jambatan baru ini. Dan dari segi pelancongan juga lebih ramai pelawat dari Singapura boleh masuk ke Johor dan menikmati keindahan pelancongan kami seperti di Desaru dan Mersing.

Kedudukan satu jambatan di sebelah Timur juga bermakna jarak dari Lapangan Terbang Changi ke Johor akan menjadi lebih dekat dan lebih mudah untuk pelancong dari luar negeri untuk masuk ke Johor. Suka atau tak suka kita kena akui lah lebih banyak penerbangan yang mendarat di Changi berbanding dari Senai buat masa kini dan adalah tidak wajar atau tidak *smart* sekiranya negeri kami tidak mengambil kesempatan ini. Pembinaan jambatan ketiga di sebelah Timur Johor juga dapat diintegrasikan dengan Senai-Desaru Expressway yang sehingga sekarang tidak dapat mencapai jumlah trafik yang disasarkan secara eh sejak pembukaan. Senang kata pembangunan Johor mestilah disebar kepada semua kawasan, semua bahagian Johor, janganlah orang di kampung dan FELDA kita lupakan dalam arus pembangunan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkaitan rapat dengan isu pembangunan ekonomi Johor adalah pembangunan sektor pelancongan di Johor. Saya sebenarnya nak berterima kasih kepada EXCO Pelancongan kerana dia begitu rajin, ucapkan tahniah tapi malangnya dia tak ada di sini pula. Dia dengar ye.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Ya.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Tapi kalau ada lebih baik lah. Dato' Speaker saya berasa bangga dengan ucapan titah Tuanku yang menyentuh betapa pentingnya industri pelancongan perlu diberi perhatian dan keutamaan oleh kerajaan. Sektor industri ini Dato' Speaker, sebenarnya sejak amnya dia main 2 peranan yang sangat penting. Satu, dia memberi, dia akan untuk imej negeri. Di mana bila pelawat asing datang ke Johor atau nak masuk Malaysia melalui Johor mereka akan di kagumkan dengan kecantikan khazanah alam semula jadi dan kemuafakatan Bangsa Johor. Itu penting untuk pelancongan. Dan, yang lebih penting ialah apa itu sektor pelancongan



merupakan sektor pendapatan mata wang asing yang paling terus dan *direct*. Tak payahlah kita bina kilang, buat ini buat itu, orang masuk dia terus akan membelanja di sini. Limpahan sektor pelancongan adalah sangat luas dan boleh banyak menyentuh banyak sektor lain dari bandar ke kawasan desa. Kesan rangkaianannya begitu besar sehingga saya boleh katakan makcik yang jual keropok di tepi jalan pun dia akan mendapat nikmat daripada pembangunan sektor pelancongan.

Dalam perenggan 59, juga, Tuanku juga ada menyentuh harapannya bahawa ada banyak penerbangan antarabangsa boleh diaturkan untuk mendarat di Lapangan Terbang Senai. Terutamanya dari negara China dan India. Jelas demi untuk perkembangan sektor pelancongan ini, selain daripada kemasukan pelawat daripada darat dan laut yang paling pentingnya adalah pelancong masuk melalui lapangan terbang, dan gerbang di Johor ini adalah di Senai untuk mereka masuk.

Dato' Speaker, impresi atau kita panggil dengan izin, *first impression* adalah sangat penting dan adalah tanggungjawab kami untuk memberi pelancong-pelancong perasaan bahawa kami amat mengalu-alukan kedatangan mereka dan kehendak mereka akan kami utamakan. Itu panggil *Tourism*.

Justeru, saya cadangkan kesemua papan notis dan tanda di Lapangan Terbang Senai ditambahkan dengan perkataan bahasa Cina dan juga Hindu, Tamil. Bukan sahaja mereka akan lebih selesa kerana kami ada prihatin kepada bahasa mereka, malah bukan semua pelancong dari China atau India yang fasih dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Papan notis dalam bahasa mereka akan menolong mereka di dalam lapangan terbang.

Dan, sekiranya cadangan ini di implementasikan mungkin kita boleh luaskan pula ke gerbang masuk dari darat dan juga laut. Bayangkanlah sebaik sahaja mereka mendarat di bumi Johor mereka akan berasa begitu gembira kerana kami amat mengalu-alukan lawatan mereka. Dan, mereka tentulah akan berasa lebih selesa dan gembira untuk melancong dan lebih pentingnya untuk membelanja di Johor.

Dunia pelancongan ini adalah sangat kompetitif dan kerajaan mesti mengimplementasikan apa-apa juga kaedah yang boleh memberi kita apa-apa juga *competitive edge*, dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di India jumlah penduduk di India sekarang adalah hampir 1.25 bilion dan Malaysia adalah destinasi kelima paling digemari oleh pelancong India. Haa, nombor 5 orang dari India suka datang Malaysia. Jelas terdapat lagi banyak ruang perkembangan untuk Johor untuk lebih untuk menarik lebih ramai lagi pelancong dari India. Di negara China pula Dato' Speaker, pada tahun 2015 terdapat 120 juta rakyat China yang keluar melancong seluruh dunia. 120 juta. Jumlah orang yang keluar China saja adalah 4 kali jumlah penduduk Malaysia. 4 kali. Dan, berdasarkan kepada Wall Street Journal, Wall Street Journal ini adalah sebuah surat khabar di New York yang sangat bereputasi tinggi. Biasa apa yang dikatakan oleh Wall Street Journal tu tepat lah. Oleh itu, sampai sekarang pun Perdana Menteri kita masih tak berani untuk saman dia di New York. Sebuah surat khabar di New York yang cukup bereputasi mereka jangka, mereka jangka orang dari China untuk tahun 2015 telah membelanja USD229 bilion di luar negeri. Lebih satu trilion ringgit dan jumlah ini akan mencatat USD422 bilion menjelang 2020. Dan berdasarkan kepada statistik Tourism Malaysia, pada tahun 2015, hampir 1.6 juta pelancong China telah melawat Malaysia, dan puratanya setiap pelancong telah membelanja RM3,355.00 setiap orang, setiap pelancong yang datang ke Malaysia dari China dia belanja 3 ribu lebih Dato' Speaker, ini membawa angka hampir RM5 bilion lebih satu tahun warga China berbelanja di Malaysia. Jelas ini menunjukkan ini betapa



pentingnya negeri Johor untuk meningkatkan lagi usaha mendapatkan lebih ramai lagi pelancong China.

Dan, di sini saya ingin merakamkan tahniahlah seperti yang dikatakan oleh EXCO Pelancongan yang telah begitu rajin untuk mendapatkan pelancong dari China, dan saya juga harap EXCO sedia untuk mendengar dan menerima pandangan semua pihak termasuklah dari pihak sini kalaulah demi untuk kita meletakkan negeri Johor di tengah pentas pelancongan global. Dan sememangnya tugasan ini bukan mudah. Walaupun dengan pakej pelancongan yang sedia ada, Malaysia masih jauh di belakang Thailand, Singapura dan Vietnam sebagai destinasi kegemaran pelancong dari China. Justeru, kenalah kita lebih kerja lebih rajin lagi untuk membawa lebih pelancong masuk ke Johor terutamanya melalui Senai. Di sini saya ingin kongsi satu cerita dengan Dato' Speaker dan rakan-rakan dalam DUN ini.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Pendekkan cerita itu.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Pendekkan, pendekkan. Saya ada seorang kawan, dia dalam industri pelancongan di dalam Johor Bahru. Bila saya tanya apa masalah yang dihadapi oleh sektor pelancongan, dia kata tak cukup pesawat yang masuk daripada Senai. Dan salah satu alasan mengapa tak cukup, dia kata di Changi Airport, Lapangan Terbang Changi, mereka ada memberi insentif baucar kepada semua agensi pelancongan di Johor untuk mereka mengaturkan pakej mereka untuk keluar terbang keluar dan masuk melalui Changi. Bila ada insentif begitu, walaupun bukan banyak sangat, tapi orang pun sedap hati, biasa kan. So, saya cadangkan haraplah kerajaan ini faham masalah industri ini dan kita counter juga dengan insentif yang lebih bagus, bukan sahaja untuk orang di Malaysia, di Johor, malah kita boleh push sampai Singapura untuk mendapatkan lebih orang atau tour agensi untuk terbang keluar atau masuk melalui Senai.

Dan akhir sekali, untuk isu pelancongan ini, sikit lagi tambah untuk pelancongan ini, Saya juga harap, demi untuk meningkatkan perkembangan sektor pelancongan dan juga industri ekonomi di Johor Bahru, saya harap kerajaan negeri boleh berbincang dengan Wisma Putra agar boleh memujuk negara China dan India untuk buka pejabat Konsulat Jeneral di Johor Bahru. Sekarang kita ada tiga, Indonesia, Jepun, Singapura. Kalau ada dua lagi Konsulat Jeneral di Johor Bahru, saya tentulah ia akan menolong, menarik lebih ramai pelancong dan juga pelabur daripada India dan juga negara China. Inilah yang kita katakan, kita mesti selalu pelabur mesra, pelancong mesra. Tan Sri Speaker, isu tempatan.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Bukit Batu sila gulung.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Banyak lagi Dato' Speaker, isu tempatan ini penting untuk rakyat. Dato' Speaker, di Batu 23, Jalan Ayer Hitam, Johor terdapat satu selekoh 'S' yang amat merbahaya. Cerita ini juga saya banyak kali ulang di Dewan. Sememangnya di haraplah pihak JKR dan EXCO berkenaan boleh mengambil perhatian bahawa selekoh 'S' ini adalah sangat bahaya kerana terlalu tajam dan banyak kenderaan yang menggunakan jalan ini. Kalaulah dari Bukit Batu dan Ayer Bemban, biasalah kalau Bukit Batu mesti banyak kenderaan yang bawa batu, ada dari Sedenak juga dia banyak tanker minyak sawit yang melalui jalan itu. Sekiranya.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** YB...

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Ya, faham.

## Persidangan ditangguhkan seketika bagi menghormati azan.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Mac bulan lepas, ada sebuah tanker minyak sawit yang terbabas di sekitar kawasan selekoh tersebut, akibatnya 30 metrik tan minyak sawit, 30 metrik tan minyak sawit tumpah ke atas jalan raya tidak berhenti selama dua jam, Dato' Speaker. Tidak sampai dua minggu kemudian, dua kenderaan lagi pula mengalami kemalangan di sana.

Dato' Speaker, tempat ini adalah tempat sangat bahaya dan setiap tahun tentunya *confirm* ada kemalangan maut. Disebabkan keseriusan isu ini, saya telah mengambil inisiatif untuk mengumpul tandatangan daripada penduduk berdekatan untuk mengharaplah serah kepada kerajaan untuk meluruskan selekoh 'S' ini. Saya dan kawan-kawan kita pergi pasar pagi, pasar malam, kedai kopi untuk mengutip tandatangan dan responsnya juga agak baik juga. Dan begitulah keseriusan penduduk Kulai dan juga harapan mereka untuk menyelesaikan masalah ini, saya harap kerajaan jangan menghampakan mereka. Setahu saya Dato' Speaker, sememangnya kerajaan ada meneliti isu ini, di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, kemudiannya di bawa pula ke Rancangan Malaysia Ke-11, sekarang Rancangan Malaysia Ke-11 pun telah tamat, tetapi selekoh 'S' itu masih lagi ada, dan masih menjadi penanda maut di kawasan Kulai utara.

So, saya harap Exco boleh mengambil perhatian isu ini dan lebih menariknya Dato' Speaker ialah, bila saya membuat kempen untuk cuba meluruskan selekoh 'S' ini, tidak lama kemudian, ada kawan dari sebelah sana dari Parti Gerakan, juga keluar dalam surat khabar dan kata dia akan gunakan pengaruh mereka melalui Presiden mereka di kabinet untuk cuba menyelesaikan masalah ini di peringkat persekutuan. Tak apa lah Dato' Speaker, saya gembira bila isu rakyat ini mendapat perhatian semua pihak, saya hanya harap masalah ini dapat diselesaikan, dan saya amat mengalu-alukan mana-mana pihak yang sudi untuk membantu rakyat, kerana pada akhir hari, manfaat dan kebajikan rakyat adalah keutamaan saya.

*Last* sekali Dato' Speaker. Dato' Speaker, *last* sekali, akhir sekali saya ingin membuat cadangan kepada pihak kerajaan untuk menukar nama Taman Perindustrian Sedenak ke Taman Perindustrian Bukit Batu kerana Taman Perindustrian Sedenak ini sebenarnya terletak di sebelah FELDA Bukit Batu. Jauh lagi dari Sedenak. Penukaran nama ini adalah lebih bermakna dan dapat mencerminkan lokasi sebenar taman perindustrian ini. Memang sudah ramai orang yang keliru dan cuba cari taman perindustrian ini di Sedenak. Berikutan itu juga saya harap Lembaga Lebuhraya Malaysia, LLM dan PLUS juga boleh meminda nama tol, keluar tol Sedenak kepada Bukit Batu juga atas alasan yang sama kerana bila kita keluar daripada tol Sedenak itu sebenarnya kita sudah sampai ke Bukit Batu, Sedenak jauh lagi. Kalau nak pergi Sedenak, kena pergi Ayer Manis, Ayer Bemban baru sampai Sedenak. Atas alasan itu, diharaplah kerajaan boleh meminda nama itu.

Dan akhir-akhir sekali, ya akhir sekali, saya juga ingin membawa suara rakyat di Kulai, terutamanya di Taman Kulai Utama, yang tidak puas hati dengan pendirian terkejut, sebuah menara telekomunikasi tanpa sebarang notis. Di tapak pembinaan pun tidak ada apa-apa papan notis, dan menara ini telah dinaikkan dalam masa kurang daripada 24 jam. Sehari selepas saya dan penduduk mengadu kepada pihak Majlis, bukan sahaja pihak Majlis tidak menggantung pembinaan, malah beberapa hari kemudian, dia siap pasang dengan wayar dan kabel pula. Saya rasa kecewa dengan tindakan pihak majlis kerana mengabaikan aduan rakyat. Saya hanya mohon pihak Majlis untuk mengadakan taklimat dengan penduduk terdahulu. Dengarlah apa kebimbangan mereka, sebelum teruskan dengan kerja. Saya rasa itu adalah adil dan janganlah kita semua yang

berkhidmat di sini kita jangan lupa kerajaan wujud untuk menjaga rakyat, bukannya sebaliknya. Sekian, terima kasih.

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Ok. Terima kasih Bukit Batu. Kita teruskan Tenggaroh. Jemput Semerah.

**YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah)** : Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Salam sejahtera, dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah mulai dengan mengucapkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Semerah di beri peluang sama dalam perbahasan bagi menyokong usul menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor semasa perasmian bagi Penggal Persidangan Keempat bagi Dewan Negeri Johor yang ke-13 pada 14.4.2016 yang lalu. Mewakili seluruh warga Semerah, kami merafakkan sembah, menjunjung kasih kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, sempena ulang tahun Hari Keputeraan Baginda pada 23 Mac yang lalu. Didoakan semoga baginda Tuanku serta kerabatnya sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik dan terus menaungi negeri dan bangsa Johor serta jajahan takluknya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sesungguhnya titah ucapan tuanku yang menyentuh pelbagai perkara termasuklah perpaduan bangsa Johor, kesejahteraan rakyat Johor, ekonomi dan pembangunan negeri dan bangsa Johor. Juga soal kebersihan, kita lihatlah, baginda terus prihatin tentang bangsa Johor, dari sekecil perkara sehinggalah ke peringkat antarabangsa. Kita sebagai rakyat dan bangsa Johor amat bertuah mendapat seorang sultan yang amat memahami setiap denyut nadi rakyatnya. Benarlah bidalan lama menyebut, raja dan rakyat berpisah tiada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kegemilangan bangsa Johor terus bertuah dengan adanya sentuhan seorang pemimpin yang berwawasan serta berkeyakinan tinggi, serta bekerja keras dalam memastikan bangsa Johor terus lengkap melengkapi di antara satu sama lain, di antara kepelbagaian bangsa dan budaya. Mengulangi kata-kata Senggarang, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai seorang Menteri Besar yang rasional, dan pragmatik, serta lagi progresif, kreatif, dinamik, dan komited tanpa perlu dikaitkan dengan apa jua drama yang sensasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kecemerlangan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin tidak perlu dibicarakan lagi kerana setiap antara kita bangsa Johor pastinya sudah merasai kehangatan, kejayaan dan kecemerlangannya. Walaupun berbagai ranjau dan onak yang dilalui dalam setiap gerak kepimpinannya, ayuh kita bangsa Johor sama ada di sebelah sini ataupun di sebelah sana, marilah kita memberi sokongan padu kepada Yang Amat Berhormat, Datuk Mohamed Khaled bin Nordin untuk terus menerajui Johor. Ingat dan ikutlah kata keramat, "Muafakat itu berkat, sepakat dan selamat".

Yang Berhormat Dato' Speaker, titah Sultan dalam Perkara 49 juga merupakan masalah yang perlu diberikan penekanan dengan serius terutama mengenai sikap pemandu meletakkan kenderaan tidak di tempat yang disediakan. Sikap pemandu ini juga berkait dengan kemudahan *parking* yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan terutamanya. Mengikut rekod sehingga Mac 2016, jumlah kenderaan yang berdaftar di negeri Johor adalah berjumlah 3,518,684 buah. Lebih kurang sama Dato' Speaker, dengan jumlah penduduk Johor lebih kurang 3.55 juta orang. Maksudnya banyak keperluan lot-lot *parking* diperlukan bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas ataupun meletakkan kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan. Saya mengambil contoh, Semerah mengambil contoh, berapa lot *parking* disediakan oleh Pihak Berkuasa

Tempatan, Majlis Bandaraya Johor Bahru menyediakan 40 ribu lot, Majlis Perbandaran Muar menyediakan 7,054 lot *parking*, Majlis Perbandaran Batu Pahat menyediakan 14,000 lot *parking* dan Majlis Daerah Kota Tinggi menyediakan 2,740 lot *parking*. Inilah contoh, lot-lot *parking* disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, kita melihat kepada saman, yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan mengenai kesalahan *parking*. Majlis Perbandaran Johor Bahru mengeluarkan saman *parking* pada tahun 2014 berjumlah 4,490 saman, manakala tahun 2015 berjumlah 8,978 saman. Majlis Daerah Kota Tinggi, saman yang dikeluarkan pada tahun 2015, berjumlah 19,320 saman. Manakala bagi tahun 2016 sehingga kini, berjumlah 6,366 saman. Satu lagi majlis PBT ialah Majlis Perbandaran Batu Pahat, saman yang dikeluarkan pada tahun 2014 ialah 108,033 saman, pada tahun 2015 124,133 saman dan pada tahun 2016 hingga Mac 31,303 saman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika kita melihat saman yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia iaitu saman mengenai kesalahan *parking* atau lalu lintas. Pada tahun 2014, di negeri Johor sebanyak 113,174 saman dan pada tahun 2015 berjumlah 94,990 saman. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kita lihat kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pemandu-pemandu yang meletakkan kenderaan sama ada di bahu-bahu jalan atau di kawasan yang tidak dibenarkan. Tapi walau bagaimanapun, akhirnya mereka juga akan terbeban dengan saman ini dan Pihak Berkuasa Tempatan juga, ataupun pihak Polis tidak dapat mengutip atau dapat bayaran saman yang dikeluarkan kepada mereka yang dikenakan saman. Oleh itu, adalah bertepatan Pihak Berkuasa Tempatan dapat menyediakan lebih banyak lot-lot *parking* bagi menampung kekurangan tempat *parking* serta mengelakkan lebih banyak saman dikeluarkan disebabkan kesalahan meletakkan kenderaan disebabkan kekurangan kawasan *parking*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah mengucapkan terima kasih, kepada kerajaan melalui Jabatan Landskap Negara yang telah meluluskan peruntukan sejumlah RM10 juta bagi pembangunan landskap pesisir Sungai Batu Pahat yang terletak dalam DUN Semerah bukan DUN Penggaram. Sememangnya ianya projek pembangunan pesisir pantai ini, amat di nanti-nantikan oleh rakyat Batu Pahat. Cadangan pembangunan yang telah di cadang dan dirancang sekian lama akan menjadi kenyataan dengan pelaksanaan pembersihan fasa pertama yang melibatkan 33 premis perniagaan dan kediaman. Semua, rakyat Batu Pahat khususnya akan melihat keindahan pesisir pantai Batu Pahat yang dinanti-nantikan selama ini menjadi kenyataan, sekurang-kurang seperti di bandar Maharani Bandar DiRaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucap terima kasih kepada Penggaram yang sentiasa prihatin dalam kawasan Semerah. Semerah pun tak tahulah kenapa Penggaram ini nak sangat dekat kawasan Semerah dan kalau kita lihat, Dato' Speaker semasa pembinaan pasar baharu dulu tergendala hampir dua tahun. Ini disebabkan ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang didalangi oleh mereka yang ada kepentingan pergi ke Mahkamah. Semasa itu, Penggaram tidak pula membantu kerajaan untuk kita menyelesaikan perkara-perkara yang menjadi penghalang pada pembinaan. Namun begitu, saya ucap terima kasih, kerana Penggaram pun dah sedar, dalam semalam dalam ucapan beliau pun, Penggaram telah mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana pasar baharu Batu Pahat sekarang dalam pembinaan. Saya juga percaya, Penggaram tidak mendapat maklumat yang betul dan tepat berhubung projek pembangunan landskap pesisir Sungai Batu Pahat. Sebagai seorang ADUN dan Ketua Pembangkang di Dewan yang mulia ini, adalah tidak masuk akal sekira penguatkuasaan dibuat tanpa mengikut SOP serta segala perancangan dan dokumentasi tidak disediakan secukupnya. Semerah dimaklumkan, notis telah diberikan secukupnya, kita juga mengambil persetujuan dan bincang di peringkat Mesyuarat Tindakan Daerah kemudian diangkat ke peringkat negeri untuk diluluskan. Semerah sendiri terlibat dengan beberapa siri perbincangan dengan pemimpin Bahagian MCA dan juga Ahli Majlis yang mewakili

Bahagian Parit Sulung dalam perjumpaan dan mereka ini, telah mendapat, telah pun menjadi wakil kepada penduduk ataupun penghuni di kawasan yang hendak dibangunkan. Saya juga dimaklumkan ada di antara mereka ini, telah diberikan tapak rumah oleh kerajaan pada masa yang lepas iaitu di kawasan Kampung Muhibah 2, tapi mereka tidak berpindah, dan mereka terus duduk di kawasan tersebut dengan sekian lamanya tanpa kebenaran. Apa pun Yang Berhormat Dato' Speaker, majoriti mereka mahu kawasan tersebut dibangunkan dan diindahkannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah beralih kepada cerita kucing, kucing ini merupakan binatang peliharaan yang mudah kita sayangi. Walau bagaimanapun, segelintir di kalangan kita menjadikan tempat awam dan kawasan gerai-gerai makanan tempat membuang kucing. Akhirnya di tempat tersebut dipenuhi kucing yang berkeliaran, selain menjadikan tidak selesa dengan bau haruman yang dikeluarkan oleh kucing berkenaan. Kucing tersebut sering mengganggu pelanggan yang datang, suasana ini merimaskan pelanggan dan pada mereka yang mementingkan kebersihan sudah tentu akan meninggalkan tempat berkenaan, akhirnya, akan menjejaskan perniagaan di tempat berniaga di tempat tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu adalah dicadangkan dan sudah sampai masanya pihak PBT menyediakan dan menyelenggara pusat jagaan dan pemeliharaan haiwan terbiar ini. Selain imej kebersihan, ia juga menjaga imej bandar di mata pelanggan terutamanya pelancong luar negara yang datang. Pusat penjagaan haiwan terbiar ini, bolehlah dibuka kepada orang awam untuk melihat dan pastinya pengunjung boleh menyumbang sama bagi dana pusat-pusat berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha kerajaan untuk meningkatkan pendapatan para usahawan tani, peladang dan petani melalui program, promosi dan pemindahan teknologi adalah antara yang amat berkesan. Oleh itu, Semerah melihat program yang telah dilaksanakan seperti Sambutan Hari Peladang dan Nelayan, Mini Agro Johor, Lotumaha, Karnival Muafakat Tani, Pasar Tani oleh agensi pertanian mendatangkan impak yang besar. Semerah mengucapkan tahniah, atas usaha Yang Berhormat EXCO Pertanian yang sering atau kerap melaksanakan program seumpama ini. Kalau kita lihat bahawa jumlah pengunjung dan mereka yang terlibat dalam program berkenaan pada tahun 2014 seramai 600,080 orang, ini merupakan medan pertemuan di antara usahawan tani, peniaga, petani dan peladang. Manakala, 600,000 orang pengunjung bagi tahun 2015. Oleh itu, Semerah mengharapkan agar kerajaan akan terus melaksanakan dan mempertingkatkan program-program seumpama ini dan dapat dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali di program di setiap DUN terutamanya di kawasan DUN di kawasan luar bandar. Semerah percaya bahawa usaha meningkatkan pendapatan para usahawan tani, petani dan peladang akan berjaya terutamanya untuk menghadapi negara maju tahun 2020.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah ingin mengucapkan terima kasih atas perkhidmatan yang diberikan oleh kaunter-kaunter POS Malaysia dalam pelbagai perkhidmatan diberikan dan masih ramai rakyat yang memerlukan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak POS Malaysia. Walau bagaimanapun, Semerah mengharapkan agar pihak POS Malaysia melihat kedudukan kaunter POS Malaysia di Batu Pahat. Bangunan POS Malaysia Batu Pahat ini dibina pada tahun 1930 dan mula beroperasi di bangunan itu sejak 1936, lama tu Dato' Speaker. Dengan kedudukan di persimpangan jalan yang sibuk dengan bangunan yang kecil menyebabkan ketidakselesaan kepada rakyat terutamanya bagi meletakkan kenderaan. Itu yang saman banyak tadi tu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana POS Malaysia ini telah dikurniakan sebidang tanah berhampiran dengan Pejabat Daerah Batu Pahat, maka satu tindakan perlulah

boleh diambil sama ada membuat bangunan baharu yang lebih sesuai dengan perkhidmatan yang semakin meningkat. Semerah juga mencadangkan supaya pihak POS Malaysia dapat berbincang dengan pihak Bank Simpanan Nasional atau mana-mana bank bagi membolehkan menempatkan mesin pengeluaran wang tunai dan mesin penyimpanan wang tunai di Pejabat Pos Pekan Semerah. Ini bagi memudahkan penduduk kawasan Semerah, yang jauh daripada bandar Batu Pahat dan bandar Muar untuk menikmati kemudahan terutama dalam penyimpanan wang tunai.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Semerah sila gulung.

**YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, yang telah pun meluluskan saya telah dimaklumkan, kelulusan memasang lampu Jalan Persekutuan di antara Pekan Semerah hingga ke Batu Pahat. Dan fasa pertama, dari Semerah hingga ke Parit Selangit telah pun siap dipasang. Harapan supaya lampu ini pencerahan di kawasan jalan ini yang sekian lama telah pun bergelap dapat dilaksanakan sebelum PRU yang akan datang. Di Dewan ini juga Semerah ada menyatakan, mengenai pembesaran jambatan-jambatan kampung, yang dulu jambatan ini merupakan jambatan yang dibina semasa projek Johor Barat. Banyak jambatan, oleh sebab, pembesaran pelebaran jalan telah dibuat sama ada oleh pihak KPRJ, KKLW, Pejabat Daerah, MARRIS dan sebagainya, jambatan ini tidak diubah. Jalannya besar tapi jambatannya sempit. Jadi banyak kemalangan yang berlaku, lebih-lebih lagi di kawasan yang tidak ada lampu jalan. Oleh itu, mohon supaya peruntukan bagi membesar jambatan dalam kawasan DUN Semerah dan kawasan-kawasan lain dalam bahagian Parit Sulung dapat dipertimbangkan.

Tiga harapan Semerah, Dato' Speaker, sebelum PRU akan datang ini dan kita, Semerah telah pun menyuarakan dalam Dewan ini, yang pertama ialah menaik taraf jalan Parit Kuda daripada jalan kampung kepada jalan negeri sepanjang 3.5 kilometer. Keduanya ialah pembinaan Pusat Kesihatan Besar, Semerah yang terletak di Kampung Lubuk untuk menampung keperluan rakyat kerana yang ada sekarang ini dua klinik di Bagan dan di Pekan Semerah itu terlalu kecil untuk menampung penduduk yang semakin ramai. Ketiganya ialah keperluan Balai Bomba di Pekan Parit Sulung. Ini telah pun disuarakan yang lepas oleh kerana Pekan Parit Sulung ini semakin berkembang dan Balai Bomba yang ada ialah di bandar Batu Pahat dan juga Yong Peng. Agak jauh. Sekiranya berlaku sesuatu mungkin dah habis barulah pihak Bomba sampai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya Semerah mohon menyokong usul menjunjung titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang dibawa oleh Tanjung Surat. Sekian Wabillahi taufik walhidayah. Assalammuallaikum warahmatulahi wabarakatuh.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Terima kasih Semerah. Sila Machap.

**YB Tuan Haji Abd. Talb bin Abu Bakar (Machap) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalammuallaikum warahmatulahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker. Pertamanya Machap mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian untuk membahar usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor yang Ke-13.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Machap menjunjung kasih atas titah ucapan Tuanku yang menyentuh pelbagai aspek mencakupi pentadbiran negeri, tanggungjawab pemimpin, pembangunan prasarana untuk rakyat, ekonomi, agama, budaya, sukan dan perlunya pemahaman, pengertian akan hati budi bangsa Johor. Machap ingin menarik perhatian tentang titah Sultan Johor yang menyatakan akan keyakinan baginda dengan

kepimpinan kerajaan. yang sedia ada dan mengingatkan jangan ada pihak yang cuba mengganggu gugat kestabilan politik yang kukuh di negeri Johor.

Dengan kestabilan politik inilah maka, terus, maka kita terus mencatat, mencatat surplus dalam belanjawan, Suara Hati Rakyat Johor, Pelan Pertumbuhan Strategik Johor dapat digubal dan dirancang pelaksanaannya. Pelancaran *Ibrahim International Business District* dengan izin pada 22.11.2015 yang diharapkan akan menjadi Kuala Lumpur kedua untuk sepuluh tahun lagi dan *Forest City* serta banyak lagi merupakan satu usaha untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi Johor yang menggunakan pendekatan pembangunan dan pertumbuhan inklusif yang diharap dapat memberikan impak besar kepada ekonomi Johor malah ekonomi Malaysia. Ini menjadi bukti kebitaraan idea pentadbiran kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Justeru, justeru Machap menyertai rakan-rakan Barisan Nasional yang lain untuk berdiri teguh menyokong penuh kepimpinan menteri besar bagi terus memperjuangkan kecemerlangan tradisi membela nasib rakyat dan memacu Johor menjadi sebuah negeri yang berkemajuan (Dewan bertepuk). Mengapa, mengapa kita perlu menyokong dan mempertahankan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, sebab kepimpinan beliau, memperlihatkan adanya kesungguhan, adanya keazaman dan kepedulian yang cukup tinggi bagi membela nasib rakyat dan memajukan negeri Johor. Tentunya dalam hal ini sebagai bangsa Johor, tidak kira dari parti Barisan Nasional atau rakan pembangkang. Kita perlu bersatu hati, perlu ada rasa kejelekitan, kebersamaan bagi memasti agenda kemajuan yang sedang dipacu tidak tersekat di tengah jalan. Kalau tidak kita sendiri bangsa Johor siapa lagi yang boleh harapkan untuk membela nasib rakyat Johor dan memajukan negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor perkilangan memang tidak dapat kita nafikan. Keperluan kepada pekerja asing ini diperoleh daripada statistik permintaan kilang-kilang atau gedung-gedung perniagaan mahupun juga daripada pertanian dan juga sektor penternakan. Keperluan yang kadang kala mungkin mencecah seribu orang dan juga mungkin lebih kepada keperluan tenaga kerja ini mungkin sukar untuk di cari dalam kalangan pekerja tempatan berbanding dengan pekerja asing yang terus dibawa masuk ke negara kita dan terus bekerja dengan bilangan yang mencukupi untuk sesebuah kilang beroperasi. Tidak dapat dinafikan bukan semua rakyat Malaysia terutamanya golongan muda ingin melakukan pekerjaan 3D iaitu *Difficult*, *Dirty* dan *Dangerous* dengan izin yang memerlukan hampir 450 ribu orang pekerja di sektor pencucian. Pekerjaan tukang cuci di gedung-gedung perniagaan tidak menarik minat anak muda untuk bekerja dalam bidang ini. Apatah lagi gaji yang diterima sama dengan gaji yang dibayar kepada pekerja asing yang memang tidak mencukupi bagi rakyat di negara ini untuk menampung pelbagai kos sara hidup. Walaupun rakyat tempatan dikatakan kurang berminat menceburi pekerjaan dalam bidang ini, namun ianya boleh diubah sekiranya kena dengan upah dan persekitaran kerja yang kondusif. Bella-bella tempatan pasti berebut-rebut melakukan apa saja kerja.

Di katakan di New Zealand anak muda Malaysia sanggup menjadi pemetik dan pemungut bual epal kerana upah yang lumayan. Mereka sanggup menempuh perjalanan yang jauh berjam-jam ke sana semata-mata untuk bekerja di ladang epal. Di katakan mereka beroleh pendapatan meraih RM50.00 sejam dan dalam tempoh 3 bulan bekerja mereka boleh mengumpul RM20,000 selepas menolak kos perbelanjaan dan penginapan.

Di Australia, gaji minimum yang tinggi mencecah RM52.00 sejam membuatkan ramai rakyat Malaysia berhijrah ke sana walaupun bekerja sebagai tukang cuci. Di Korea



Selatan mengamalkan pemberian gaji yang lebih tinggi dalam kalangan rakyatnya berbanding pekerja asing. Pekerja domestik menerima gaji 55% lebih tinggi berbanding pekerja asing sekali gus memperlihatkan keutamaan kerajaan terhadap rakyatnya.

Mengambil kira pendekatan yang dilaksanakan oleh negara-negara tersebut untuk menarik lebih ramai rakyatnya bekerja dalam industri pertanian, perladangan, ternakan dan lain-lain rasanya tidak salah negara kita juga mencontohi atau mencuba kaedah yang dilakukan oleh mereka bagi mengurangkan kebergantungan kerja kepada pekerja asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, titah Tuanku yang merujuk kepada kualiti bekalan air yang tidak dicemari dengan bahan baja pertanian, sisa ternakan dan racun rumpai. Kita menyedari bahawa air merupakan keperluan utama kepada manusia, sama ada untuk keperluan mandi, membasuh pakaian, minuman dan sebagainya. Sumber air dari hujan, air mata air, air terjun dari gunung, air mineral atau kawasan tadahan air untuk dibekalkan kepada keperluan manusia. Loji rawatan air menerima bekalan air berpunca dari perparitan mahupun sungai termasuk kawasan tadahan air di mana pergerakan air ini akan sampai dan masuk ke dalam kawasan loji rawatan air.

Di sini air yang mengalir dari kebun-kebun tentunya akan membawa baja, akan membawa kesan-kesan racun yang digunakan oleh pekebun-pekebun untuk menyuburkan tanaman-tanaman mereka mahupun membunuh anak-anak kayu atau rumput rumpai bagi mengelakkan kebun menjadi semak. Apabila segala baja-baja atau racun-racun ini bergerak ke dalam parit dan kemudian masuk ke sungai, air sungai bergerak masuk ke dalam kawasan loji rawatan air. Maka berlakulah pencemaran. Tambah malang lagi, kedapatan di sesetengah sungai ada kerja-kerja pembersihan rumput rumpai, ini membunuh anak kayu ini dilakukan oleh kontraktor-kontraktor atau pihak yang dipertanggungjawabkan dengan meracun rumput-rumput di tebing sungai ini yang saya difahamkan sepatutnya bukan diracun, di tebas ataupun dibersihkan dengan menggunakan parang ataupun mesin dan sebagainya. Tetapi yang berlaku ialah, kerja-kerja meracun yang kita sedia faham bahawa racun ini merupakan satu bahan yang boleh membunuh pokok, kalau bahan lengainya cukup tinggi maka cepatlah rumput itu mati.

Dan kalau air ini kita minum tentunya memberi kesan kepada kualiti air yang kita minum boleh menyebabkan penyakit kepada kita. Di samping pembuangan air, di samping pembuangan bahan kumbahan dari taman-taman perumahan, pembuangan sisa-sisa buangan dari kilang yang masuk ke dalam sungai sampai ke kawasan loji rawatan air yang menyebabkan kadar ammonia yang tinggi tentunya kos merawat air yang tercemar ini tinggi. Dan kadang kala bila berlaku pencemaran ini air paip ditutup tiba-tiba tanpa pemberitahuan kepada pengguna yang mana timbul kemarahan kepada pengguna sebab kadang kala tidak dapat menyimpan untuk keperluan air mengikut penggunaan mereka. Bila air ini ditutup kemudian dibuka semula, apa yang berlaku ialah air yang keluar dari paip itu berwarna kekuningan. Orang tak pakai air ini, bagaimana air ini untuk digunakan untuk membasuh baju? Bagaimana air ini digunakan untuk minum? Sebab air ini kotor dan pengguna akan buang air ini dan juga meter air yang berpusing mengikut penggunaan air yang keluar ini dibayar oleh pengguna. Ini merupakan satu kerugian kepada pengguna.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu tempatan yang dibawa, yang minta disampaikan oleh Setiausaha Badan Kebajikan Perumahan Puteri Emas, Simpang Renggam, yang menyatakan terdapat 165 buah rumah pelbagai kategori daripada rumah yang berharga RM320,000.00 hinggalah RM129,000.00 ke RM90,000 di Simpang Renggam. Dikatakan pemaju Syarikat Koman Development Johor Land telah menyiapkan rumah dan



mendapat Sijil Layak Menduduki oleh Majlis Daerah Simpang Renggam sekitar tahun 2006 yang lalu. Masalahnya sekarang berlaku mendapan tanah di tapak rumah yang diduduki dan dikatakan hampir 60% terutamanya di kawasan perumahan yang berharga RM129,000.00 hingga RM90,000.00 ini yang mengalami kesan tanah mendap di tapak rumah mereka. Kesannya berlaku kerosakan kecil dan juga kerosakan besar seperti keretakan pada dinding rumah, berlaku keretakan lantai bahagian dapur, bahagian ruang tetamu, dan bilik air yang rosak. Dikatakan seramai 8 keluarga telah berpindah rumah kerana merasakan tidak selamat untuk terus tinggal di sini ekoran keretakan yang serius. Ada 6 lagi yang terus tinggal di sini kerana tiada tempat tinggal yang lain.

Tindakan penduduk ialah mengadu permasalahan kepada pihak MDSR, mengadu kepada pihak pemaju perumahan, persatuan pengguna dan ada yang cuba mendapatkan khidmat peguam bagi membantu menyelesaikan permasalahan mereka. Pihak saya sendiri telah berhubung dengan pihak Majlis Daerah Simpang Renggam untuk mendapatkan apa bentuk tindakan yang boleh diambil. Jawapannya ialah Majlis Daerah sendiri sukar untuk membantu menyelesaikan masalah tersebut. Apatah lagi rumah tersebut sudah melebihi had tempoh 2 tahun di bawah seliaan dan selenggaraan pihak pemaju sekiranya ada aduan kerosakan. Jadi saya berharap pihak Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dapatlah memberikan perhatian bagi membantu kepada penyelesaian masalah tersebut.

Seterusnya perumahan FELDA generasi kedua di FELDA Air Hitam Kluang, ini satu-satunya FELDA yang berada..

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Machap, sila gulung.

**YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) :** Iaitu 205 lot, seramai 50 buah telah dibina oleh SPNB manakala bina melalui pinjaman bank seramai 20 orang. Maknanya 135 tanah lot masih belum dibina untuk perumahan. Masalah yang timbul ialah rumah-rumah yang dibina ini tidak disediakan kemudahan api, air, jalan dan perparitan yang sepatutnya. Ketiadaan kemudahan ini menyebabkan berlakunya banjir kilat di sebuah rumah yang sudah siap di bina dan ada juga rumah yang siap di bina tapi tidak ada orang yang tinggal di sini sebab tidak ada kemudahan api dan air.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Machap, sila duduk. Sila duduk. Bagi membolehkan Machap menyambung perbahasan pada esok hari. Saya tangguhkan persidangan Dewan sehingga jam 9.30 pagi hari Selasa.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 5.10 petang.**

**HARI KEEMPAT**

**HARI SELASA,  
19 APRIL 2016**

*Mesyuarat Pertama (Pembukaan Rasmi)  
Bagi Penggal Persidangan Keempat  
Dewan Negeri Johor Yang Ke-13*

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KEEMPAT**

**SELASA, 19 APRIL 2016**

**BIL. 11 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., P.J.N., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.  
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, P.J.N., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI, PSI  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paoh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipalbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SMIJ., SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.  
(Permas)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

**YB Tan Sri Speaker** mengetuai Persidangan.

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.**

**YB Tan Sri Speaker** : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera, salam muafakat Johor, selamat pagi Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan kita teruskan. Jemput.

**Jurutulis : SOALAN LISAN.**

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat Rengit, jemput.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 1.

Program Penajaan Sukan boleh melonjakkan sukan di negeri Johor. Contohnya, bola sepak. Dengan penajaan swasta dan GLC negeri telah menyerlahkan sukan bola sepak Johor. Apakah perancangan kerajaan bagi program penajaan sukan lain yang melibatkan penyertaan syarikat swasta dan GLC negeri.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan** : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Rengit atas soalan yang diajukan kepada saya sebagai EXCO Belia dan Sukan dan Warisan. Saya bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh YB Rengit di mana penajaan daripada syarikat swasta serta GLC mampu membantu melonjakkan sukan di negeri Johor. Contoh yang paling ketara adalah sukan bola sepak. Melalui sukan pasukan bola sepak JDT yang diuruskan oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor yang mana lebih daripada 20 tahun pasukan bola sepak negeri Johor dipandang sepi tetapi dengan usaha yang dimainkan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibrahim, Pemangku Raja Johor serta barisan kepimpinan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor, yang diterajui oleh presiden Yang Berhormat Dato' Ismail bin Haji Karim menjadikan bola sepak JDT pada hari ini dikenali di seluruh Asia malah turut diambil peduli di peringkat Eropah.

Suka saya ingin menyenaraikan beberapa kejayaan yang telah dicapai oleh pasukan JDT yang mana telah merangkul 5 kejuaraan dalam masa 3 tahun di peringkat kebangsaan, Asia, iaitu sebagai juara piala AFC tahun 2015. Ia merupakan satu-satunya pasukan dari Asia Tenggara yang telah memenangi piala ini. Untuk tahun 2016 sehingga hari ini pasukan JDT sudah memenangi Piala Sumbangsih, telah layak ke separuh Piala FA, walau pun pada peringkat pertama melawan Kedah tempoh hari tewas 2 -1, insya-Allah pada 30 hari bulan nanti dengan berkat doa kita semua pasukan JDT akan berjaya melangkah ke peringkat Akhir.

Seterusnya kita juga pada ketika ini menduduki tempat kedua dalam persaingan Liga Super 2016. Sudah tentu segala kejayaan cemerlang ini tidak dapat dinafikan melalui peranan penaja-penaja yang banyak menampung kos pengurusan dan juga pembangunan. Walau pun, rakyat negeri Johor banyak memperkatakan tentang kejayaan JDT tapi sebenarnya JDT pada hari ini adalah hasil sumbangan rakyat dan juga penaja-penaja yang telah berusaha untuk memastikan kemenangan JDT secara berterusan. Untuk makluman YB Rengit dan juga rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat



bahawa pasukan JDT hari ini dari segi penajaannya terdiri daripada Adidas, Forest City dan juga Johor Corporation.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, peranan pembangunan sukan di negeri Johor sebenarnya dimainkan oleh persatuan-persatuan sukan di bawah naungan Majlis Sukan Negeri Johor yang membabitkan 41 buah persatuan sukan. Setiap tahun kerajaan negeri Johor tidak pernah gagal untuk memperuntukkan RM12 juta kepada Majlis Sukan Negeri Johor untuk tujuan pengurusan, pelaksanaan serta bantuan penganjuran program sukan dan bantuan peralatan sukan.

Namun begitu, kita semua maklum bahawa peruntukan ini memang tidak mencukupi. Dan, di sinilah perlu penglibatan penaja-penaja bagi melonjakkan lagi sukan dalam negeri Johor. Kerajaan sentiasa sedar akan hal ini sebab itulah walau pun peranan mendapatkan penajaan ini perlu dimainkan peranan oleh persatuan-persatuan sukan itu sendiri, namun pihak kerajaan tidak, pihak kerajaan juga membantu melalui Majlis Sukan Negeri Johor untuk turut serta dalam mendapatkan penajaan kepada persatuan sukan bagi tujuan mengumpul dana pengurusan, pelaksanaan program-program sukan.

Untuk maklum Yang Berhormat ADUN Rengit, beberapa sukan sudah mendapat penajaan dari syarikat-syarikat swasta mahu pun GLC. Antaranya yang saya boleh senaraikan di sini iaitu badminton ditaja oleh Fleet, ragbi ditaja oleh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor, pelayaran ditaja oleh Johor Corporation, sepak takraw mendapat tajaan daripada Gajah Mas. Selain daripada itu usaha terus giat dijalankan dalam membantu mendapatkan penajaan dengan kaedah menjadikan GLC sebagai syarikat angkat kepada beberapa acara sukan.

Antara yang dalam perancangan adalah sukan lumba basikal yang mana KPRJ kita harap dapat membantu sukan lumba basikal. Perbadanan Islam Johor Holdings Berhad, sukan memanah, YPJ Holdings Sendirian Berhad sukan kayak, IRDA, olahraga dan Petroleum Development Corporation bagi sukan menembak. Kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri Johor juga akan terus aktif dalam menarik penaja untuk membantu pembangunan sukan di negeri Johor.

Namun begitu ini bukanlah usaha yang mudah kerana penaja terutamanya dari syarikat swasta pastinya akan memikirkan keuntungan atau pulangan daripada penajaan yang dilakukan, tidak kiralah dari segi jualan produk, promosi mahu pun pengecualian cukai. Mereka biasanya hanya mahu menaja program sukan yang mempunyai tarikan yang ramai serta impak yang tinggi. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kita semua pemimpin di peringkat akar umbi untuk sama-sama menyemarakkan aktiviti sukan di negeri Johor agar suatu sukan itu mampu popular dan diminati oleh orang ramai. Ini sudah pasti secara sendirinya akan menarik minat penaja untuk menaja sesebuah persatuan sukan mahu pun program penganjuran sukan.

Tugas Majlis Sukan Negeri Johor yang diamanahkan oleh Kerajaan Negeri Johor, tugas utama Majlis Sukan Negeri Johor iaitu menganjurkan seberapa banyak kejohanan sama ada sebagai penganjur utama atau bersama dengan persatuan atau pihak Majlis Sukan Negara dan juga KBS kerana kita lihat di sini bahawa dengan memperbanyakkan lagi program-program sukan yang kita laksanakan akan dapat menyemarakkan sukan di negeri Johor dan secara tidak langsung akan memberi peluang kepada penaja-penaja melihat di peringkat akar umbi hingga ke peringkat negeri.

Antara program sukan yang kita laksanakan di bawah Majlis Sukan Negeri Johor seperti Sukan Johor, Sukan Muafakat Johor yang dilaksanakan di setiap DUN dan juga negeri. Liga sukan untuk semua dilaksanakan setiap daerah, fit Malaysia dilaksanakan di

peringkat negeri, Hari Sukan Negara yang dilaksanakan di peringkat akar umbi iaitu daripada peringkat JKKK, Parlimen, daerah dan juga negeri. Majlis Sukan Negeri Johor sebagai badan yang dipertanggungjawabkan memberi bantuan dari segi nasihat, kepakaran teknikal dan juga penyediaan prasarana sukan, kerana dengan adanya kemudahan yang mencukupi insya-Allah secara tidak langsung ianya akan menarik minat penaja-penaja untuk menaja setiap acara sukan yang ada dalam negeri Johor.

Kita juga maklum bahawa dalam kita untuk mendapatkan penajaan kita juga menghadapi beberapa kesukaran. Kalau kita lihat menjadi lumrah orang ramai hari ini meminati sukan yang pengikut yang ramai dan juga cukup popular. Jadi, peranan persatuan sendiri bagaimana untuk menarik minat dan meningkatkan prestasi. Percayalah bila prestasi meningkat pasti penaja akan berebut untuk memberi penajaan. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih, jemput Rengit.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO dan juga tahniah atas jawapan yang menjelaskan pelan tindakan yang dijalankan oleh Majlis Sukan Negeri Johor bagi menyemarakkan sukan di Johor. Dan, saya juga nak ucapkan tahniahlah sukan di Johor sejak EXCO ni nampak meriah di peringkat akar umbi. (Dewan bertepuk). Kita kena terima hakikat Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bahawa kegemilangan sukan di Johor ni bermula dengan bola sepak. Itu realiti, itu kenyataan yang harus kita terima iaitu pasukan bola sepak JDT ...

**YB Tan Sri Speaker :** YB Rengit, tanya bila ulangan Kedah - JDT .

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** 30 ya.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, 30 haribulan April. (Dewan ketawa).

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** 30 hari bulan Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Tiket Yang Berhormat ya, ada tiket percuma ke?

**YB Tan Sri Speaker :** Kalau Rengit nak belanja saya.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Ok. Bermula dengan kegemilangan Pasukan Bola Sepak JDT, JDT tu popular yang diterajui oleh Duli Yang Amat Mulia Pemangku Raja, kita yang biasanya jauh ditambah lagi dengan pengurusan yang cekap, yang penting pengurusan serta penajaan yang berterusan daripada beberapa syarikat GLC dan swasta. Saya nampak tadi, YB EXCO dah gariskan beberapa syarikat dah mula menajalah persatuan-persatuan bola sepak dan juga sukan-sukan tertentu, hoki, takraw dan juga badminton. Ini tahniahlah dan kalau boleh ada tak pelan insentif kepada syarikat-syarikat swasta, tentunya macam YB EXCO sebutkan tadi bila dia melabur ni dia nakkan sesuatu, nakkan pulangan tertentu sebagai ganjaran kita perlu bagi pelan insentif supaya mereka boleh berterusan menaja sukan-sukan lain.

Kita tak nak dia semua taja bola sepak sahaja. Bagaimana badminton, bagaimana hoki, bagaimana lumba basikal yang boleh menyemarakkan. Saya yakin kita dah mulakan dengan bola sepak dan kalau ada pengurusan yang cekap, penajaan yang berterusan daripada GLC dan juga syarikat swasta, Johor akan muncul negeri yang berjaya dalam sukan pada masa akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Rengit. Tadi saya dah maklumkan iaitu 30 April, harap kita dapat semua bersama-samalah di Stadium Larkin. Tentang tiket *free* tadi saya dah bercakap dengan rakan saya Datuk Ayub. Kalau tadi tak ada soalan tambahan saya bagi tiket percuma. (Dewan ketawa). Terima kasih kepada Yang Berhormat Rengit. Sebenarnya apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Rengit saya amatlah bersetujulah. Daripada soal penajaan ini sebenarnya apa yang mereka inginkan, kita pun sedia maklum menjadi lumrah kepada semua syarikat-syarikat yang ingin menaja kepada apa juga acara sukan mereka mesti ingin sesuatu pulangan yang apa yang setimpal dengan apa yang mereka telah berikan.

Sebab itu di mana-mana tempat pun saya berkata dengan persatuan-persatuan sukan ketika perjumpaan dan sebagainya kita seharusnya mencontohi dan saya amat bersetuju seperti YB Rengit mencontohi apa yang dilaksanakan oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor di bawah pimpinan Yang Berhormat Dato' Haji Ismail sebagai Presiden yang mana apa yang dilaksanakan daripada segi apa pengurusan menunjukkan komitmen yang tinggi pembangunan di peringkat akar umbi, kerana apa yang saya nampak bahawa antara persatuan yang sedang apa melihat bahawa apa yang dilakukan bola sepak ini boleh membantu menyemarakkan sukan-sukan yang tertentu.

Contoh yang terkini yang saya nampak iaitu Persatuan Ragbi Johor yang mana mereka mempunyai idea yang kreatif bagaimana mereka ingin mencari penaja, yang mana dengan penajaan inilah yang mana boleh menyemarakkan lagi sukan-sukan tertentu di peringkat akar umbi, kerana kita tahu bahawa dari segi penajaan ini Majlis Sukan Negeri Johor di bawah Majlis Sukan Negeri Johor apa yang boleh kita beri kepada penaja-penaja iaitu pengecualian cukai yang mana dari segi promosi yang kita lakukan hari ini di setiap persatuan sukan iaitu setiap penajaan boleh memohon kepada kerajaan untuk pengecualian cukai yang mana ini salah satu daripada sumbangan setiap penaja kepada persatuan-persatuan sukan tersebut, yang mana pada hari ini semua pun sedia maklum bahawa SUKMA tahun 2016 akan berlangsung pada bulan 7. Kita juga memerlukan penaja yang banyak. Setiap acara sukan yang ada yang akan dilaksanakan dalam SUKMA sebanyak 20 acara yang mana Johor sendiri terlibat hampir 90% lebih dalam acara-acara sukan tersebut.

Jadi, apa yang kita boleh beri kepada penaja-penaja seperti :

1. Paparan logo. Paparan logo syarikat-syarikat tersebut di jersi yang akan dipakai oleh atlet dan juga pegawai.
2. Majlis rasmi penyerahan tajaan sempena majlis penyerahan bendera Negeri Johor oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan dipaparkan penaja-penaja untuk setiap acara sukan.
3. Jemputan VVIP kepada penaja-penaja tersebut untuk menyaksikan perasmian dan penutupan Sukan Malaysia.

Dan, seperti yang dikatakan tadi, yang paling penting sekali pada syarikat-syarikat ini iaitu pengecualian cukai. Dan saya harap dengan adanya beberapa insentif daripada kerajaan ini akan dapat membantu pada persatuan-persatuan sukan. Dan saya harap yang paling penting sekali untuk kita menarik penajaan pada sukan-sukan yang tertentu, mesti menunjukkan pencapaian yang membanggakan. Tidak mungkin penaja-penaja ini akan memberi penajaan kepada sukan-sukan yang mungkin tidak

menarik perhatian kepada rakyat Negeri Johor. Dan, saya harap dengan adanya kecemerlangan, ini secara tidak langsung akan menarik penaja agar menaja sukan-sukan yang apa yang saya sebutkan sebentar tadi. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput Sungai Abong.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Bila kita bercakap tentang penajaan sukan-sukan ini. Apabila Yang Berhormat EXCO menjawab tadi tentang syarikat-syarikat yang menaja ini dibenarkan menampal ataupun meletakkan logo-logo di jersi-jersi pasukan-pasukan ditajanya. Maka saya terbayang satu pasukan, bukannya di sini, yang mana jersi pasukan bola sepak itu penuh dengan syarikat-syarikat yang menajanya, semua syarikat ada hingga hilang dia punya identiti jersi negeri itu.

Jadi saya nak tahu, adakah persatuan apa bola sepak ataupun Majlis Sukan Negeri Johor ini membuat syarat-syarat yang tertentu ataupun lebih ketat sikif, bukan semua penajaan ini boleh diletakkan logo syarikat itu di jersi-jersi pasukan. Jika tidak, hilang... hingga warna pun nak diubah, nama nak diubah. Jadi saya rasa identiti itu kena jaga sungguh-sungguh. Cuma syarikat-syarikat yang sungguh-sungguh menaja dengan jumlah yang tertentu sahaja yang boleh meletakkan logo syarikat di baju-baju pasukan. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan :** (Ketawa). Terima kasih Yang Berhormat Sungai Abong. Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Abong. Dan kita lihat kadang-kadang, kita ambil contoh bola sepak dalam negara kita, kadang-kadang kita pun agak risau juga dalam apa... bila penajanya terlalu banyak. Contoh ada negeri tertentu eh... saya bagi contoh kadang-kadang ada maggi, kadang-kadang ada ubat kuat apa dan sebagainya. Saya pun kadang-kadang risau juga eh... kerana di Negeri Johor ini pada hari ini kita menetapkan penajaan ini mesti mengikut prosedur yang tertentu. Kalau kita lihat kita bukan sahaja memberi apa... peluang kepada penaja untuk memaparkan di jersi, setokin, seluar dan sebagainya. Tetapi kita menyediakan *billboard* eh... *billboard* iaitu penaja-penaja utama. Kerana saya lihat kalau kata Negeri Johor sebagai negeri yang mempunyai apa... GLC, kerajaan yang cukup kuat. Kita tak memerlukan syarikat-syarikat yang kecil, yang mungkin hanya untuk apa... meletak dan tidak ada mempunyai kepentingan kepada Negeri Johor. Kerana syarikat yang melabur bukan kata syarikat yang mungkin syarikat daripada luar Negeri Johor, tetapi mereka yang mempunyai kepentingan selain daripada menaja bola sepak tetapi akan membangunkan sukan bola sepak dalam Negeri Johor. Kerana ini menjadi matlamat kerajaan pada hari ini. Kerana kita mahu penajaan ini bukan kata hanya untuk kita mempamerkan logo atau syarikat-syarikat tertentu, tetapi mereka perlu bertanggungjawab kepada program pembangunan.

Kerana kalau Yang Berhormat Sungai Abong lihat pada hari ini bahawa apa yang dilaksanakan oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor ini boleh memberi impak yang cukup besar kepada rakyat Negeri Johor. Jadi penajaan ini juga memainkan peranan yang cukup tinggi. Terima kasih Yang Berhormat dan saya harap Negeri Johor, pasukan JDT tidak akan menjadi seperti negeri-negeri yang lain kerana hanya mengejarkan apa... penajaan, tetapi tidak mengambil kira perkara yang sepatutnya, tanggungjawab sebagai sebuah penajaan. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Bukit Batu jemput.

**YB Encik Jimmy Pua Wee Tse (Bukit Batu) :** Terima Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 2.

Apakah langkah atau tindakan Kerajaan Johor untuk membantu anak Johor membiayai yuran pelajaran di peringkat *tertiary* memandangkan semakin sukar untuk mereka mendapat bantuan seperti PTPTN, *bursary* dan biasiswa?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kerajaan Negeri Johor di bawah Pelan Suara Hati Johor, Teras Ketiga iaitu menangani kos sara hidup dan kesejahteraan rakyat, memangnya menitikberatkan mengenai akses kepada pendidikan kepada anak-anak Johor. Justeru Yayasan Pelajaran Johor diberikan peranan untuk membantu anak-anak Johor ini dalam akses pendidikan, termasuklah juga Majlis Agama Islam Johor. Di peringkat Yayasan Pelajaran Johor, kita ada 3 bantuan yang diberikan kepada anak-anak Johor yang melanjutkan pelajaran di peringkat *tertiary* ini dengan izin.

1. Dalam bentuk Pinjaman Pelajaran Dalam Negara. Yang mana pinjaman ini untuk pelajar-pelajar anak Johor yang melanjutkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di peringkat diploma dan juga peringkat ijazah. Untuk Institut Pengajian Tinggi Swasta, hanya IPTS di bawah Kerajaan Negeri iaitu KPYPJ dan juga Marsah;
2. Pinjaman Pelajaran Luar Negara. Ini khusus untuk pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di Mesir dan juga Jordan dalam bidang perubatan dan juga pengajian Islam;
3. Skim Bantuan Pendaftaran, yang saya kira semakin popular pada hari ini. Bantuan ini secara *one-off* diberikan kepada anak-anak Johor yang melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi awam di peringkat diploma dan juga di peringkat ijazah. Di peringkat diploma, Yayasan Pelajaran Johor memberi sumbangan sebanyak RM500.00 dan di peringkat ijazah, sebanyak RM750.00.

Di peringkat Majlis Agama Islam Negeri Johor melalui sumber wang zakat juga ada beberapa bantuan:

1. Bantuan Pendaftaran kemasukan ke institut pengajian tinggi awam dalam Negara;
2. Dermasiswa Luar Negara; dan
3. Bantuan ataupun Skim Pinjaman Pelajaran untuk luar negara.

Kita menyedari tentang kepayahan untuk mendapatkan bantuan di peringkat PTPTN dan lain-lain disebabkan oleh keadaan ekonomi pada hari ini. Maka kita di peringkat Yayasan Pelajaran Johor dengan sumber yang ada, kita sedang mengkaji kaedah yang sesuai untuk meramalkan lagi mereka yang terlibat termasuklah juga mengkaji syarat-syarat baru yang dikenakan oleh PTPTN. Selain daripada itu, di peringkat YPJ juga, sumbangan untuk menyediakan pembiayaan pelajaran ini mulai tahun 2015, kita telah tingkatkan. Kalau sebelum itu, di sekitar 19, 18 ataupun RM19 juta setahun. Tapi mulai 2015, kita telah tingkatkan sumbangan kepada RM20 juta. Dan 2016 ini, kita juga telah tingkatkan kepada RM25 juta untuk yang berkaitan dengan pendidikan.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput Bukit Batu.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Terima kasih Tan Sri Speaker.

Tan Sri Speaker, sumber manusia adalah sumber yang paling penting untuk pembangunan ekonomi di negara. Justeru itu, saya cukup sedih pada Bajet 2016 Pusat. Kita nampak Kerajaan Pusat telah menurunkan bajet pendidikan untuk institut pelajaran tinggi di Malaysia sebanyak 16.5% ataupun bersamaan RM1.44 bilion. Bersama itu, impian 744 pelajar biasiswa JPA untuk belajar di luar negeri juga telah lenyap. Tetapi pada masa yang sama, walaupun saya faham kesukaran keadaan ekonomi sekarang, pada masa yang sama, saya rasa kerajaan tidak mengambil langkah, semua langkah untuk cuba mendapat pungutan yang lebih untuk tidak menurunkan bajet pendidikan, yang begitu penting. Contohnya kerajaan boleh membuat lelongan AP kereta yang hanya memanfaatkan segelintir kumpulan tertentu sahaja. Tetapi pungutannya berbilion-bilion ringgit, tentunya boleh dengan izin, cover apa-apa penurunan bajet untuk pendidikan.

Soalan tambahan saya Tan Sri Speaker, adakah Kerajaan Negeri Johor ini ada apa hasrat untuk menubuhkan apa-apa akaun atau dana khas untuk membantu mereka anak Johor yang memerlukan bantuan di peringkat tertiary, ataupun tadi YB EXCO ada sentuh tentang YPJ. Cadangan saya, boleh tak kerajaan fikirkan kita dapatkan lebih banyak pungutan daripada dana-dana lain di Johor, yang mungkin tidak diguna sekarang, contohnya seperti Dana Pembangunan Sosial Iskandar Malaysia ataupun daripada Akaun Sumbangan Pelepasan Kuota Bumiputera, yang setahu saya berdasarkan kepada laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2014, masih ada baki hampir RM194 juta. Duit ini kalau boleh digunakan atau disalurkan kepada YPJ ataupun dana khas ini, tentulah dia akan membawa manfaat kepada banyak pelajar tertiary di Johor. Sekian, terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya Bukit Batu ini mungkin tak dengar jawapan saya tadi. Tanpa dia cadang pun, sebenarnya Kerajaan Negeri memang dah menambah. Kalau dulu 2014, peruntukan untuk YPJ ini sekitar RM18 juta, 2015 kita naikkan RM20 juta. 2016 tahun ini kita dah tingkatkan kepada RM25 juta. Ada peningkatan dah. (Dewan bertepuk). Tanpa cadangan Bukit Batu pun, kita dah... dah tahu dah eh...

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Selain daripada bantuan yang dibekalkan oleh pihak Kerajaan, seperti bantuan melalui PTPN, tertiary dan biasiswa dan sebagainya. Kita juga nampak ada usaha daripada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi menggalakkan ibu bapa untuk membuat simpanan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) atau SSPN-i. Yang kita ketahui bahawa ini ialah satu skim, selain daripada bantuan untuk menggalakkan ibu bapa membuat simpanan tetap setiap bulan untuk membuat persediaan sebelum anak-anak mereka melanjutkan pelajaran di peringkat universiti atau kolej. Dan saya dimaklumkan, saya menerima segelintir maklum balas daripada ibu bapa bahawa skim simpanan ini, ini saya menyambut baiklah itu satu skim yang baik untuk menggalakkan ibu bapa membuat simpanan untuk persediaan. Saya dimaklumkan oleh ibu bapa bahawa skim ini, kerajaan setiap tahun ada membayar faedah sekurang-kurangnya 4% yang akan dimasukkan ke akaun tersebut setiap Januari setiap tahun, pada Januari bulan Januari setiap tahun. Tetapi pada tahun ini, 2016, saya tidak tahu sama ada YB EXCO sedarkan bahawa faedah ini tidak dibayar sehingga kini, 4% daripada Kementerian ataupun daripada pihak kerajaan. Ini saya ingin memohon satu jawapan atau penjelasan sebab saya menerima maklum balas daripada ibu bapa. Apakah sebenarnya yang telah berlaku? Adakah ini

kerana keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan atau faedah ini sebenarnya adalah satu janji yang mesti dibayar kepada pemegang-pemegang akaun? Saya minta satu penjelasan. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan ini dia dah lari daripada soalan asal sebab skim ini skim di peringkat federal, soalan kita berkaitan dengan kerajaan negeri.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Maharani merujuk baliklah skim-skim yang disediakan oleh kerajaan terutama Skim Bantuan Program Tabung Pendidikan Permodalan Darul Takzim untuk pelajar-pelajar Sarjana ataupun Masters. Keluhan yang saya dapat ialah daripada pelajar yang melanjutkan pelajaran di peringkat PHD. Mereka kata, kalau pelajar Masters boleh dapat, mengapa mengikut syarat ini tidak termasuk pelajar-pelajar peringkat PHD. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk bantuan pendidikan di bawah Permodalan Darul Takzim ini, ini merupakan tahun yang pertama kita perkenalkan. Kita pun hanya peruntukan dalam RM300,000.00 ialah sambutan memang sangat menggalakkan, sampai tutup permohonan lebih kurang 800 permohonan sedangkan yang kita hendak pilih cuma 30 orang. Jadi, mungkin di masa-masa akan datang kita akan kaji dan timbangkan kalau ada keperluan, yang boleh membantu kerajaan negeri, dalam membangunkan modal insan ni.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Serom jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Bagaimanakah perancangan Program Sukarelawan Job Coach 2016 Johor yang disasarkan kepada golongan OKU (Orang Kurang Upaya) dapat membantu mereka berdikari dan mempunyai pendapatan sendiri.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Johor Jaya, jemput.

**YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

Nyatakan perjawatan dan program yang disediakan bagi golongan OKU dan bilangan OKU yang manfaat melalui Unit Penempatan Pekerjaan OKU di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Serom dan juga Yang Berhormat Johor Jaya.

Kerajaan Negeri Johor sangat komited dalam merealisasikan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2008 iaitu Pelaksanaan Dasar 1% Peluang Pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam

kepada Orang Kurang Upaya. Seajar dengan usaha ini program sedia ada seperti *Job Coach* akan diperluas di seluruh negeri Johor melalui program sukarelawan *Job Coach* 2016, bagi memastikan bantuan penempatan pekerjaan OKU berkesan dalam mencari, mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan dalam pasaran terbuka.

Program Sukarelawan *Job Coach* 2016, merupakan inisiatif kerajaan negeri Johor melalui Unit Penempatan Pekerjaan Orang Kurang Upaya, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim. Tujuan program ini adalah untuk menggalakkan penglibatan aktif masyarakat setempat khususnya belia untuk membantu golongan OKU mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan keupayaan mereka. Selain itu, golongan OKU di negeri Johor turut mendapat manfaat daripada program ini melalui bantuan pekerjaan.

Program ini berlangsung selama 9 bulan bermula 10 April sehingga 31 Disember 2016. Seramai 27 orang peserta yang mengikuti program sukarelawan di seluruh negeri Johor terdiri daripada golongan belia, NGOs, orang perseorangan serta majikan. Dan, Johor Bahru mempunyai penyertaan yang ramai iaitu seramai 5 orang, diikuti Kota Tinggi dan Kulai masing-masing 4 orang, manakala 3 di Muar, 1 di Batu Pahat dan 3 juga di Kluang, Pontian 2, Mersing 3, Segamat 1 dan Tangkak 1.

Dan, menerusi program ini, OKU akan dibantu oleh sukarelawan dengan mencari, serta memadankan jawatan yang bersesuaian mengikut kelayakan dan keupayaan OKU di daerah masing-masing. Namun, peluang pekerjaan dan jawatan adalah bergantung oleh tawaran oleh pihak majikan. Dan, apabila seseorang OKU itu diterima bekerja, mereka akan dibimbing oleh *Job Coach* dan dibantu oleh penyelia semasa proses penempatan pekerjaan. Dan, semasa dalam proses penempatan pekerjaan, padanan kerja adalah penting bagi memastikan OKU dibantu mendapat pekerjaan yang sesuai dengan pekerjaan yang ditawarkan. Dan proses ini memerlukan penelitian dan perbandingan di antara skop tugas dan kecacatan yang dialami oleh OKU tersebut. Dan selain daripada itu, bagi memastikan seseorang OKU selesa dengan pekerjaannya, *Job Coach* akan melakukan kerja, *Job Coaching* agar OKU yang dibantu benar-benar dapat mengikuti arahan tugas serta peraturan di tempat kerja. Dan *Job Coach* turut membuat pemantauan berkala di tempat kerja bagi memastikan OKU tersebut tidak menghadapi masalah di tempat kerja.

Selain daripada itu juga, majikan turut dimaklumkan bahawa pembayaran gaji terhadap pekerja OKU adalah sama seperti mana pekerja normal yang lain. Potongan elaun seperti KWSP, SOCSO turut diambil kira atas kebajikan pekerja OKU. Dan dengan adanya *Job Coach* pihak majikan tidak akan sewenang-wenangnya melakukan diskriminasi terhadap pekerja OKU. Sejak program penempatan pekerjaan OKU dilaksanakan di Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim seramai 94 OKU telah berjaya ditempatkan bekerja di berbagai sektor. Dan program ini menempatkan pekerjaan dengan memadankan kebolehan dan kemampuan OKU yang berpotensi untuk bekerja. Dan justeru itu, proses bantuan penempatan pekerjaan OKU adalah bergantung kepada tawaran oleh pihak majikan, berdasarkan kepada kemampuan dan keupayaan OKU itu sendiri.

Pihak *Job Coach* dari Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim bertanggungjawab mengenal pasti majikan-majikan yang berpotensi untuk menawarkan pekerjaan kepada OKU yang telah berdaftar dengan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim secara hadir ke pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim ataupun *online* di laman web Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim melalui Sistem Maklumat Penempatan Pekerjaan OKU. Antara contoh-contoh jawatan yang ditawarkan oleh pihak majikan kepada pekerja OKU, di sektor awam, kita ada pembantu perpustakaan, pembantu tadbir serta pekerja-pekerja awam. Manakala di pasar raya, perhotelan, kilang dan perkhidmatan serta lain-lain, kita ada beberapa jawatan yang ditawarkan seperti



juwang, pembantu stor, perkhidmatan pegawai ataupun pembantu perkhidmatan pelanggan, pembantu dapur, operator pengeluaran, pereka grafik dan berbagai-bagai lagi.

Bagi tujuan memperkasakan OKU di negeri Johor, pihak Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim telah melaksanakan berbagai inisiatif seperti Bengkel Kebolehpasaran Kerjaya dan Cabaran Orang Kurang Upaya, Seminar Keusahawan OKU, Anugerah Khas Pekerja OKU Cemerlang dan juga bekerjasama dengan Persatuan Orang Pekak Johor untuk mengadakan kempen Minggu Orang Pekak Antarabangsa. Oleh yang demikian, Program Sukarelawan *Job Coach* diharap dapat membantu golongan OKU di setiap daerah untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dan dapat hidup berdikari tanpa mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Terutama sekali terima kasih jawapan yang diberi oleh EXCO tadi berkaitan dengan Program Sukarelawan. Dan saya tertarik dengan beberapa perkara yang mana adalah sukarelawan ini telah melibatkan beliau. Dan juga saya tertarik dengan usaha dalam masa yang singkat kita dapat berjaya, 94 peserta ataupun Orang Kurang Upaya ini ditempatkan. Jadi, saya ingin tahu mungkin di sektor manakah mereka yang telah berjaya ini, 94 ini ditempatkan? Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Terima kasih Yang Berhormat Serom. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, daripada seramai 94 orang OKU yang telah pun mendapat tempat pekerjaan, seramai 11 OKU telah ditempatkan bekerja di sektor awam iaitu di Majlis Bandaraya Johor Bahru, 21 orang di pasar-pasaraya dan 25 orang di sektor perhotelan, manakala 21 orang di sektor perkilangan dan 7 orang di sektor perkhidmatan serta di lain-lain sektor adalah sebanyak seramai 9 orang.

Sebenarnya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, keprihatinan kerajaan negeri Johor terhadap golongan OKU dalam memastikan kebajikan OKU terjamin telah memutuskan bahawa setiap PBT diwajibkan mengambil sekurang-kurangnya 2 orang pekerja OKU mengikut kelayakan. Lanya telah pun kita dengar ataupun pada pembentangan Bajet Johor 2016 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih YB EXCO. Soalan tambahan saya, bagaimanakah atau bagaimanakah pihak kerajaan, adakah bagi tawaran atau bagaimanakah untuk menggalakkan pihak majikan untuk melibatkan diri dan berdaftar dalam program ini dan menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada golongan OKU?

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Terima kasih Yang Berhormat Johor Jaya. Sebenarnya, kita telah pun membuat tawaran daripada awal tahun lagi, ya melalui iklan, melalui emel dan juga melalui jabatan atau pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim.

Dan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kita telah pun, tadi saya katakan 27 orang telah pun kita pilih daripada mereka-mereka yang telah layak menjadi sukarelawan dan merekalah sebenarnya yang akan mencari OKU tersebut ya, maksimumnya satu orang, satu sukarelawan, dia kena cari maksimumnya 3 orang OKU, sekurang-kurangnya satulah ya. Dan, ianya dia akan mencarikan mereka pekerjaan bersesuaian dengan OKU tersebut. Dan ianya juga akan kita berikan sebagai sagu hati sekiranya sukarelawan tersebut telah dapat menempatkan OKU tersebut di sektor pekerjaan, kemudian barulah ia boleh menuntut sagu hati tersebut. Dan dalam masa 5 minggu, mereka akan buat pemantauan dan menyelia pekerja-pekerja tersebut, biar mereka betul-betul bersesuaian dengan tempat dan juga dengan pekerjaan mereka ini. Itu yang telah kita buat.

Dan sebenarnya bila kita buat, sukarelawan *Job Coach* ini, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ianya sebenarnya memberi peluang kepada OKU-OKU yang kadang-kadang tidak berdaftar dengan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim. Sekarang ini yang kita cari pekerjaan, mereka yang mendaftar tapi sekarang ini kita minta sukarelawan itu cari, kita open. Biasanya kita tertumpu di daerah Johor Bahru tapi sekarang ini kita membuka luas ke sepuluh-puluh daerah dengan itu memberi peluang lebih ramai OKU yang akan mendapat pekerjaan. Insya-Allah.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Paloh, jemput.

**YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Adakah kerajaan bercadang membina sebuah balai bomba di Pekan Paloh memandangkan bandar yang terdekat, Kluang adalah 30 Km dari Paloh?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk menjawab soalan YB Paloh. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Paloh, permohonan untuk membina Balai Polis, Bomba dan Penyelamat di kawasan Pekan Paloh telah ada. Di antara permohonan yang telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Namun, berdasarkan permohonan tersebut hasilnya hanya beberapa permohonan pembinaan yang diluluskan untuk negeri Johor. Antaranya, Balai Bomba yang diluluskan adalah pembinaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, RP1 adalah Balai Bomba Bandar Tenggara dan RP2 untuk Rancangan Malaysia Kesebelas, Balai Bomba Ulu Tiram serta Balai Simpang Renggam.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, lulus atau tidak permohonan pembinaan sesebuah Balai Bomba Penyelamat adalah berdasarkan keutamaan melalui pelaksanaan Kajian Perlindungan Kebombaan dengan izin, *Fire Cover* dan ia juga akan dinilai berdasar kriteria pemarkahan profil risiko di setiap kawasan-kawasan membantu Jabatan Bomba dalam pembinaan balai bomba.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput, Paloh. Paloh boleh ucapkan Selamat Hari Bomba kepada 4 hari bulan Mei nanti.

**YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) :** Ok. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat EXCO atas jawapan yang diberi. Jadi, apakah asas keutamaan untuk membina sebuah Balai Bomba dalam sesuatu kawasan dan apakah inisiatif jabatan tersebut, jabatan terhadap kawasan yang tidak mempunyai Balai Bomba dan Penyelamat?

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Terima kasih Tan Sri Speaker kerana telah menyebut Hari Bomba Sedunia pada 4 hari bulan, kita ucap tahniah dan syabaslah kepada pihak Bomba yang telah menjalankan peranannya yang amat baik terutamanya dalam musim kemarau ni, banyak kepanasan global yang berlaku di peringkat kita dan berlaku kebakaran jadi pihak bomba ini memang saban waktu terpaksa bergerak untuk membantu masyarakat. ( Dewan bertepuk). Dan, saya ucap terima kasih kepada YB Paloh, kerana...

**YB Tan Sri Speaker :** Sambutan peringkat negeri bila, Hari Bomba?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bukan pada 10 hari bulan, insya-Allah. Mungkin jemputan akan diedar kepada semua Wakil Rakyat untuk turut serta untuk kita beri semangat kepada anggota bomba kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dari segi keutamaan untuk kita membina balai bomba saya telah maklumkan dalam sidang Dewan yang lepas, bila ditanya keutamaan melalui pelaksanaan Kajian Perlindungan Bomba, fail cover serta kriteria pemarkahan profail risiko di setiap kawasan bagi membantu bomba dan dalam pelaksanaan.

Contohnya, dari segi kriteria tu kita akan lihat dari segi kepadatan penduduk selain daripada jarak jauh antara balai bomba yang ada dengan tapak kawasan yang dicadangkan. Selain daripada itu, kita akan melihat jenis profil bentuk pembangunan dan beberapa perkara yang sebut dalam sidang Dewan yang lepas. Dan untuk tempat Yang Berhormat Paloh ni bila kita buat kajian tentang dari segi merit untuk kita membina apa ini, balai bomba ini, di kawasan ini kita kategorikan risiko, *low risk*, maksudnya risiko yang tidak tinggi kerana dan bila kita lihat dari segi kategori yang boleh kita cadangkan untuk balai Bomba di Paloh ini adalah balai bomba kategori D, iaitu hanya sebuah jentera yang akan di tempatkan di balai tersebut.

Kita ada hantar permohonan tetapi berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh pihak kementerian itu setakat kita tak tahu setakat ini belum dapat diluluskan, tapi kita akan terus berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah kementerian kita akan terus untuk pastikan kita dapat peruntukan ini. Walaupun untuk di balai Bomba Paloh ini, kita ada wujudkan Pasukan Bomba Sukarela Paloh yang membantu jabatan dalam menghadiri panggilan kecemasan sebelum ketibaan jentera Bomba dari balai Bomba yang berhampiran.

Dan bila berdasarkan laporan dari Bomba, Pasukan Balai Bomba Sukarela Paloh ini agak aktif dan bantu pasukan Bomba dalam menyelesaikan banyak isu yang telah berlaku di kawasan pekan Paloh. Dan pasukan Bomba sukarela ini sentiasa mendapat perhatian jabatan dalam banyak perkara yang dilakukan secara bersama. Dan, dari segi kemudahan pasukan ini yang kita dapati jentera proton arena serta kelengkapan pemadaman dan pam .....

Yang kedua dia ada *personal protection equipment* dan skim insuran berkelompok bagi setiap ahli yang berdaftar. Bantuan latihan bulanan pun kita lakukan untuk pasukan Bomba sukarelawan selain daripada geran tahunan sebanyak RM3,000.00 yang kita bagi kepada Balai Bomba Sukarela ini. Dan kita galakkanlah di tempat-tempat di DUN-DUN YB-YB yang, DUN Negeri untuk menggalakkan penubuhan balai-balai bomba sukarela ini supaya kita dapat galakan masyarakat erti kepentingan bagaimana kita dapat membantu menyelesaikan isu-isu setempat selain daripada kita ada anggota Bomba

yang menjalankan tanggungjawab tetapi kita bersedia untuk menyelesaikan isu-isu permasalahan berkaitan keselamatan ini berdasarkan dengan wujudnya balai-balai Bomba atau Bomba Sukarela di peringkat kawasan masing-masing.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) :** Tan Sri Speaker, adakah peruntukan tambahan dan penangkapan lebih seperti GIS untuk balai Bomba supaya meningkatkan keberkesanan pergi sesuatu tempat?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan ini lebih kepada apa ini, peruntukan ini biasanya dilakukan oleh pihak Federal, tapi memang ada penambahbaikan dilakukan oleh pihak kementerian di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk kita jadikan pasukan Bomba ini bersedia untuk menyelesaikan isu-isu setempat dengan adanya sistem-sistem terbaru.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Sungai Abong, jemput.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 6.

Adakah kerajaan bercadang untuk mencari sumber air selain sumber daripada Sungai Muar bagi mengelak kejadian air paip masin semasa musim kemarau daripada berulang?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Abong. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bekalan air di negeri Johor terlalu bergantung kepada air permukaan. Kira-kira 99% sumber bekalan air kita adalah daripada air permukaan dan sumber-sumber yang ada pun sudah mula atau semakin berkurangan. Peningkatan kepada permintaan air disebabkan oleh pembangunan yang baru serta pencemaran sungai turut meningkatkan keperluan bagi meneroka sumber air alternatif termasuk air bumi dan juga penuaian air hujan secara berskala besar. Jadi, Yang Berhormat Sungai Abong sama ada kerajaan bercadang untuk mencari sumber air selain sumber yang sedia ada. Untuk makluman Dewan, negeri Johor sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif. Sejak tahun 85 lagi terdapat 4 kajian, kajian *Johor River Water Resources* pada tahun 85, tahun 94 *Study of Comprehensive Water Resources and Development In The State of Johor*, dengan izin. Tahun 2000, Kajian Sumber Air Negara, 2015 Kajian Sumber Air Johor untuk 50 tahun, 2010 hingga 2060, ini telah pun dijalankan.

Malah yang terakhir ialah kerajaan negeri menganjurkan Forum Air Negeri Johor yang bertujuan, pada 17 November 2015 yang bertujuan untuk melihat kepada peluang dan harapan bagi sumber air di negeri Johor ini. Antara resolusi yang kita perolehi ialah untuk meneroka sumber air alternatif, penggunaan teknologi untuk bekalan air bersih, memperkasa fungsi dan peranan Badan Kawal selia Air Johor dalam menguruskan sumber air di negeri Johor dan pengurusan lembangan sungai secara bersepadu, *Intergrated River Basins Management*.

Itu adalah antara beberapa resolusi dan resolusi ini telah pun diterima oleh kerajaan untuk dibangunkan satu plan pembangunan sumber air di negeri Johor. Secara khusus bagi sumber air daripada Sungai Muar, kerajaan negeri sedar akan kerumitan yang dialami oleh penduduk berkaitan bekalan air terawat terutamanya sebahagian penduduk di Muar. Dan, ini adalah oleh kerana apabila berfakunya cuaca panas yang berpanjangan, Sungai Muar mengalami kemerosotan pada kualiti air mentah terutama nilai pH dan aluminium dan kemasukan air masin ke sungai berkenaan.

Namun, pihak SAJ telah mengambil usaha dengan melepaskan air daripada Empangan Juaseh bagi membantu proses pencairan di sungai tersebut. Kehadiran aluminium yang tinggi dan pH yang rendah dipercayai berpunca daripada keadaan tanah di Sungai Pagoh yang memberi kesan kepada kualiti air yang mengalir ke Sungai Muar.

Walau bagaimanapun, kerajaan melalui BAKAJ dan Syarikat Air Johor sentiasa memberi perhatian dan melaksanakan tindakan yang sewajarnya dalam memastikan bekalan air bersih yang berterusan dan selamat untuk digunakan. Penyelesaian jangka pendek untuk maklumat Yang Berhormat Sungai Abong, ialah pihak SAJ telah mengambil langkah dengan memasang alat pengesan penerobosan air masin di sepanjang Sungai Muar. Dengan adanya pemantauan secara digital ini SAJ akan mendapat maklumat dengan cepat untuk melaksanakan pelepasan air daripada Empangan Juaseh dan dari Segamat dengan tujuan untuk menolak air masin daripada terus memasuki ulu Sungai Muar.

Melalui kajian sumber negeri air tahun 2010 hingga tahun 2060 mendapati keperluan untuk melaksanakan satu rancangan bagi membina empangan sebagai *regulator* iaitu Empangan Meda. Dan kerajaan negeri melalui BAKAJ telah pun memohon peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 bagi pembinaan empangan tersebut melalui Kementerian Tenaga Teknologi Hijau Dan Air dengan kos sebanyak RM180 juta. Buat masa ini pihak kementerian telah pun meluluskan peruntukan untuk tahun 2016 ini untuk memuktamadkan cadangan kerajaan negeri melalui kajian pembangunan sumber air lembangan Sungai Muar dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput Sungai Abong

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Kalau mengikut pengalaman kami di Muar, sekarang ni kita dah minum air masin Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Dan, pengalaman tahun lepas apabila tidak berlaku hujan dan kemarau yang panjang, dalam masa 2, 3 bulan air Sungai Muar telah bertukar menjadi air masin. Oleh kerana ceteknya Sungai Muar dan air masin daripada laut telah menceroboh sampai sehingga 40 kilometer masuk ke dalam Sungai Muar. Oleh kerana pam air SAJ terletak sekitar 20 kilometer daripada muara sungai, jadi bermakna air yang disedut untuk kegunaan penduduk Sungai Muar adalah air masin.

Jadi 2 minggu penduduk Muar ni minum air masin, cuba bayangkan. Air ada tetapi air masin. Jadi saya nak tahu satu penyelesaian yang jangka pendek, tak bolehkah kita buat satu pam stesen yang baru ataupun sebagai *standby* sahaja, jauh sikit daripada Panchor tu supaya sekiranya berlakunya pencerobohan air masin masuk sampai ke pam yang ada sekarang ini, maka kita ada suatu lagi alternatif pam yang lain untuk menyedut air tawar daripada hulu Sungai Muar ini.

Ataupun Muar ada lagi satu takungan air di Pagoh di bukit, saya lupa nama dia, di bukit apa tu dekat Nasuha punya tu, projek Nasuha ada satu empangan bukit yang airnya kelas pertama, tak payah tapis pun kita boleh minum tapi telah ditutup. Saya tak tahu kenapa ianya ditutup. Sebagai satu sumber air yang bersih saya tak faham kenapa ianya ditutup. Jadi, saya nak tahu kenapa ditutup atau bolehkah ia menjadi satu sumber alternatif bagi penduduk Muar sekiranya berlaku masalah air ini. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput .

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Berdasarkan kepada pandangan Yang Berhormat Sungai Abong ianya adalah apa yang sedang dibuat oleh kerajaan, kerana itulah yang

diperlukan, satu pendekatan yang lebih komprehensif, lebih menyeluruh. Sebab itu kajian yang saya katakan tadi, kajian yang nak dibuat oleh kementerian, setelah 4 kajian dibuat oleh kerajaan negeri sebelum kerajaan pusat meluluskan sepenuhnya peruntukan yang dipohon kajian yang dijalankan itu adalah dah secara *detail* yang dengan menggunakan peruntukan RM2.5 juta.

Saya percaya bahawa pandangan Yang Berhormat Sungai Abong tadi tentunya menjadi timbangan di dalam kajian yang akan dibuat sama ada sumber-sumber lama yang satu ketika digunakan seperti mana yang dikatakan Yang Berhormat tadi malah dalam Yang Berhormat Tan Sri di dalam Forum Air Negeri Johor juga kita telah menekankan ataupun satu rumusan telah dicapai, betapa pentingnya kerjasama antara agensi-agensi yang terlibat di dalam menguruskan sumber air ini.

Sebab itu dicadangkan, disarankan supaya semua agensi-agensi kerajaan negeri yang terlibat dalam pembangunan dan pengurusan sumber air permukaan atau air bawah tanah ini menggunakan pendekatan yang *intergrated* dalam pengurusan kawasan-kawasan tadahan. Dengan BAKAJ dan JPS akan mengambil peranan utama dalam menerajui pelaksanaan *Integrated River Basin Management* ini. Insya-Allah perkara ini akan diambil pendekatan ataupun tindakan oleh pihak kerajaan.

**YB Tan Sri Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita kemukakan dan jawab pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

#### **Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR**

**YB Tan Sri Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan itu disambung sekarang. Saya jemput Yang Berhormat Machap untuk menyambung sedikit sahaja. Jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Talb bin Abu Bakar (Machap)** : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuhi. Salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Machap mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang menyambung perbahasan yang tidak dapat dihabiskan semalam.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Machap ingin menyambung berkaitan dengan isu *gate and guarded community* dengan izin, komuniti dalam kawalan keselamatan. Setiap individu mengimpikan sebuah kehidupan yang aman damai, tenang dan selamat terutama selamat dari segi harta benda dan nyawa. Apatah lagi sekarang ini banyak kes jenayah yang melibatkan kecurian, pecah masuk rumah, mengugut, membunuh, merogol dan sebagainya oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab. Apabila kita tidur pada waktu malam, kita mengimpikan tidur yang lena walaupun mungkin tidak lena sepenuhnya bagi si isteri kerana dengkur si suami yang mendendangkan pelbagai lagu, namun semasa mereka tidur mereka mahukan keselamatan nyawa, harta benda terjamin. Kita mengharapkan pihak polis membantu meronda bagi memastikan keselamatan ini. Malangnya bilangan polis yang ada di sesebuah balai polis dikatakan tidak mencukupi untuk membuat rondaan yang lebih kerap sama ada di kawasan taman mahupun di kampung-kampung.

Justeru, kadar jenayah tetap berlaku sehinggakan pelbagai inisiatif diambil sama ada dengan menubuhkan Skim Rondaan Sukarela KRT mahupun RELA. Tapi di kebanyakan tempat, fungsi dan peranan badan-badan ini tidak berpanjangan kerana kekangan waktu bekerja keesokan harinya, penggiliran tugas yang tidak dipatuhi dan sebagainya menyebabkan perkara ini terbantut.

Machap pernah menyebut perkara ini bagi memastikan keselamatan nyawa dan harta benda seseorang pemilik rumah itu sanggup memasang pagar rumahnya daripada dimasuki individu yang tidak diingini. Tak cukup dengan pagar, dipasang dengan *alarm*. Tak cukup dengan *alarm*, dipasang dengan *cctv*. Tak cukup dengan *cctv*, dipasang rumah tersebut dengan jeriji. Tak cukup dengan jeriji, dipawangkan rumah itu supaya pencuri tak nampak. Sekarang ini ilmu pencuri lebih hebat daripada ilmu pawang. Maka satu kaedah baru yang semakin popular untuk diperluaskan di taman-taman bagi menambah keselamatan warga sesebuah taman, maka ada perumahan di naik taraf sebagai *guarded community* dengan izin atau komuniti dengan kawalan keselamatan.

Sekarang ini, taman-taman telah mendapatkan persetujuan daripada para pembeli rumah di sesebuah taman untuk diberikan sedikit jaminan keselamatan nyawa dan harta benda dengan khidmat ini. Walaupun ada pro dan kontra tentang khidmat komuniti dengan kawalan keselamatan ini yang juga mungkin tertakluk kepada garis panduan PBT, namun sudah tiba masa dan ketikanya permohonan sesebuah syarikat perumahan untuk menyediakan perkhidmatan ini perlu dipertimbangkan. Ini kerana pembeli tentunya ingin tinggal di kawasan yang selamat, kadangkala pembeli sama ada pembeli tempatan atau pembeli dari luar yang membeli rumah untuk dijadikan rumah kedua bagi tujuan berehat sebulan sekali ataupun seminggu sekali balik ke situ, mungkin juga beli rumah kedua untuk isteri kedua. Maknanya kalau tidak ada khidmat komuniti dengan pengawal keselamatan, tentunya pembeli pelbagai kategori ini tidak mahu membeli rumah di situ kerana khuatir barangan yang mereka beli yang ditempatkan dalam rumah itu mungkin hilang. Maknanya bila ada pembeli yang yakin tentang keselamatan harta benda yang ditinggalkan, tentunya mereka akan berminat membeli rumah di sesuatu kawasan, yang tidak secara langsung merancakkan pembangunan di sesebuah kawasan dan limpahan ekonomi akan berlaku.

Seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Machap ingin menarik tentang kenyataan yang dibuat oleh pembangkang, rakan pembangkang yang menyatakan kita kena bagi kredit kepada pembangkang kerana teguran, kritikan dan peringatan kepada kerajaan hingga beberapa perkara telah dibuat penambahbaikan oleh kerajaan, membolehkan wang rizab kerajaan negeri diperbaiki dari hutang RM1.3 bilion, kini sudah ada rizab RM2.3 bilion bagi tahun 2014. Bagi Machap ini bukan kerana pembangkang, tetapi kerana kecekapan Menteri Besar kita, kerana barisan EXCO, Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan yang mengamalkan ketelusan, yang mengamalkan kebitaraan idea pentadbiran yang menggunakan pendekatan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi inklusif, konsep muafakat dan dasar kerajaan yang pro rakyat, maka kita dapat lihat inilah hasilnya bukan daripada teguran pembangkang sebaliknya kerana barisan kepimpinan hari ini memang sedia hebat. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita menyedari bahawa sesuatu pelaburan yang akan dibawa masuk ke negara kita tentunya telah pun mengambil kira dari segi kelebihan, kekuatan, kelemahan dan juga keburukan. Justeru, kadangkala kalau kita lihat projek yang dibawa oleh kerajaan masuk ke Pengerang misalnya, dilaporkan sehingga hari ini telah memberi peluang sebanyak 20,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan juga pekerja asing. Maknanya sebagai sebuah negara yang membangun, kita lebih melihat kepada pembangunan kita, apa yang boleh kita kepada rakyat. Sebab dengan adanya peluang pekerjaan ini, membolehkan rakyat menyara kehidupan mereka, membina kehidupan untuk berkeluarga, untuk menampung kehidupan mereka untuk menyara anak bersekolah dan sebagainya. Tetapi kalau kita lihat bagaimana konsep pembangunan di negara-negara yang maju, mereka telah maju. Apa projek yang kita nak buat, mereka telah lalui. Mereka telah dapat nikmat

sebagaimana projek yang kita nak buat di negara kita. Mereka telah mengalaminya, telah menikmatinya.

Jadi, bila negara-negara maju ini bercakap tentang pembangunan dan mereka sudah maju, maka mereka akan bercakap berkaitan dengan isu-isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia, berkaitan dengan kualiti udara, berkaitan dengan kehijauan bandar, perlunya mempertahankan kelestarian alam sebab mereka sudah melaluinya. Dan, mereka tidak bercakap tentang pembangunan sebab mereka sudah banyak peluang pekerjaan yang mereka wujudkan di negara mereka. Dan taraf kehidupan penduduk di negara mereka juga sudah tinggi. Sebagai contoh kalau kita lihat di Amsterdam, kita lihat di Copenhagen, mereka sebahagian besar penduduk di situ tidak menggunakan kenderaan motor sebab mereka sudah mula berbicara tentang kualiti udara di negara mereka. Tetapi di negara kita, motor yang melepaskan gas karbon monoksida yang kalau kita lihat memang memberikan keburukan kepada kualiti udara. Tetapi atas kepentingan kenderaan motor itu merupakan satu kenderaan yang utama di negara kita, maka kita menggunakan motor. Maksudnya dari segi kualiti udara, kita tidak banyak bercakap tentang keperluan di negara kita.

**YB Tan Sri Speaker** : Ya Machap, gulung.

**YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap)** : Kalau kita bercakap tentang pembangunan...

**YB Tan Sri Speaker** : Gulung... gulung Machap.

**YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap)** : Kita tanya di Taiwan, tentunya negara Taiwan tidak memersetujui dengan pembangunan yang kita nak buat di negara kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Machap mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu menjayakan pembangunan di DUN Machap dan Machap juga mohon menyokong usul Tanjung Surat. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat jemput, Yang Berhormat Tenggaroh.

**YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh)** : Terima kasih. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salam sejahtera dan Salam Muafakat Johor.

Terlebih dahulu Tenggaroh ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang berucap dalam Rundingan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, Baginda telah mengucapkan tahniah kepada pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Menteri Besar, Dato' Mohamed Khaled Nordin yang berjaya meletakkan nama Johor bukan hanya di persada tanah air tapi juga di rantau Asia ini. Kewibawaan pentadbiran Dato' Menteri Besar Johor tidak dapat dinafikan dengan lebih hasil terkumpul sehingga tahun 2015 mencecah RMI bilion. Langkah Dato' Menteri Besar memperkenalkan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor menunjukkan beliau satu pemimpin yang berpandangan jauh untuk membangunkan ekonomi rakyat Johor secara menyeluruh. Tenggaroh 100% menyokong kepimpinan Dato' Mohamed Khaled Nordin sebagai Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sukan merupakan salah satu instrumen penting untuk mengeratkan hubungan perpaduan dan integrasi masyarakat. Hal ini demikian kerana



kegiatan sukan dapat melahirkan semangat kekitaan dalam pasukan untuk meraih kemenangan, sifat bersatu padu juga dapat dipupuk melalui penglibatan dalam kegiatan sukan. Lantaran itu, hubungan yang erat dapat melahirkan sebuah pasukan yang kuat. Para penyokong juga dapat menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di samping berkongsi minat dalam sukan yang sama. Dengan ini, nilai-nilai perpaduan seperti bekerjasama, bertoleransi dan meletakkan kepentingan negara dan pasukan melebihi kepentingan diri dapat dilahirkan melalui penglibatan diri dalam bidang sukan. Justeru, kegiatan sukan dapat mendidik masyarakat bekerjasama dan bersatu padu serta mengeratkan hubungan. Semua ini kita dapat lihat apabila kita pergi ke Stadium Larkin, Johor untuk menyaksikan aksi JDT bermain. Oleh yang demikian, Tenggaroh ingin merakamkan sekalung tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Mahkota Johor yang telah menjadikan pasukan bola sepak Johor sebagai instrumen penting, yang mengeratkan hubungan perpaduan rakyat Johor serta integrasi masyarakat Johor. Pujian juga harus diberikan kepada Kerajaan Negeri yang sedang menganjurkan Sukan Muafakat Johor di peringkat DUN dan juga di peringkat Negeri. Ini sudah tentu akan mendidik masyarakat bekerjasama dan bersatu padu serta mengeratkan hubungan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, tahniah patut diucapkan kepada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Bandar dan semua Yang DiPertua Pihak Berkuasa yang telah menjalankan tugas dengan cekap dan pantas untuk menurunkan papan iklan atau *billboard* yang tidak mengikut spesifikasi. Sekarang KPI baru mereka yang diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor ialah kedai-kedai yang kotor dan kelihatan buruk dibersihkan dan dicat semula dengan cantik. Tenggaroh pasti tugas ini pun akan dijalankan dengan cekap dan pantas. Tenggaroh hanya mengharapkan bila kedai-kedai ini yang dicat semula, ianya akan dicat dengan konsep warna yang ditetapkan dan bukan mengikut kehendak-kehendak pemilik kedai. Apabila setiap daerah mempunyai konsep warna masing-masing, ini akan membuat daerah-daerah di Negeri Johor, lain daripada daerah-daerah di negeri lain. Malah ini juga boleh dijadikan daya tarikan pelancong.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tidak boleh dinafikan bahawa Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi di Malaysia. Ia memang wajib untuk seluruh rakyat Malaysia untuk fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu. Namun demikian, kepentingan Bahasa Inggeris juga tidak boleh dinafikan. Ini adalah kerana Bahasa Inggeris merupakan bahasa komunikasi antarabangsa antara satu negara dengan negara yang lain. Malah dalam seminar atau konvensyen antarabangsa, Bahasa Inggeris menjadi bahasa perantaraan. Tambahan pula, kebanyakan buku-buku pengajian tinggi adalah dalam Bahasa Inggeris. Sebagai contoh, apabila saya tamat pendidikan sekolah tinggi dan meneruskan pelajaran di ijazah, pada mulanya saya mengalami kesukaran untuk belajar kerana kebanyakan buku-buku adalah dalam Bahasa Inggeris. Dan semasa saya belajar di sekolah kebangsaan, saya kerap, lebih kerap menggunakan Bahasa Malaysia. Malah apabila seseorang rakyat Malaysia menyertai seminar antarabangsa, beliau akan kurang mengambil bahagian dalam diskusi seminar tersebut, bukan kerana beliau tidak mahir dalam bidang tersebut, malah ia sebab beliau berasa segan kerana tidak fasih dalam Bahasa Inggeris. Oleh itu, Tenggaroh mencadangkan agar kerajaan negeri perlu berusaha ke arah pelbagai strategi menyahut seruan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor agar penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar di tahap yang lebih baik seperti yang pernah dilalui oleh pelajar 70-an dan sebelumnya.

Selain itu, pihak GLC dan swasta boleh membantu dalam usaha memantapkan lagi Bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Contohnya boleh menjadikan setiap sekolah pilihan mereka sebagai sekolah angkat dalam membiayai tuisyen bahasa Inggeris atau seumpamanya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam perenggan 58 titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, baginda menyarankan pengurusan pintu keluar masuk ke Johor di Tambak Johor dan *Second Link* mesti diperbaiki. Setiap hari bila waktu puncak mesti kita menghadapi masalah kesesakan. Perjalanan yang sepatutnya mengambil masa setengah jam mengambil lebih daripada 2 jam membeku cuti kakitangan adalah penyelesaian jangka pendek. Manakala *Rail Transit System (RTS)* perlukan kos yang tinggi. Tenggaroh hanya nampak satu jalan penyelesaian.

Sekarang apabila kita nak masuk Singapura, kita perlu melalui pemeriksaan Imigresen di Malaysia dan selepas tu bila sampai di Singapura satu lagi pemeriksaan Imigresen di Singapura dan selepas tu pemeriksaan Kastam pula. Apabila kita balik pemeriksaan Imigresen di Singapura dan lepas tu di Malaysia sama ada pemeriksaan Imigresen dan disertai dengan pemeriksaan Kastam. Seseorang itu perlu melalui 3 pemeriksaan apabila menggunakan Tambak Johor atau *Second Link*. Sudah tentu waktu puncak mesti kita menghadapi masalah kesesakan. Oleh itu, Tenggaroh mencadangkan agar satu perbincangan antara pihak Imigresen Malaysia dan Singapura dijalankan agar kita apabila kita nak masuk Singapura hanya ada satu kaunter Imigresen, di mana pihak Imigresen Malaysia dan Singapura boleh duduk bersama atau satu pemeriksaan Imigresen bila kita nak masuk Singapura dan satu pemeriksaan Imigresen bila kita nak masuk Johor balik. Dengan ini, sedikit banyak akan mengurangkan kesesakan lalu lintas waktu puncak di Tambak Johor atau juga *Second Link*. Kalau di Eropah yang melibatkan banyak negara boleh buat, kenapa di sini yang melibatkan 2 negara sahaja tidak boleh dibuat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, baginda telah menyarankan agar kerajaan negeri memberikan galakan sepenuhnya kepada penggiat seni Johor. Perkara ini harus dipandang serius oleh kerajaan negeri. Melalui aktiviti kebudayaan dan warisan seni oleh penggiat seni Johor banyak kebaikan yang akan diperolehi. Antara kebaikan ialah:

1. Perpaduan kaum. Bidang kesenian dapat menyatukan masyarakat berbilang kaum di negeri kita. Contohnya setiap kaum yang mengambil bahagian dalam sesuatu persembahan kesenian dapat mengenali dan memahami bidang kesenian kaum lain. Mereka juga dapat berinteraksi mesra antara satu sama lain apabila membuat persembahan bersama.
2. Peluang kerjaya. Bidang kesenian juga menawarkan pelbagai peluang pekerjaan kepada masyarakat. Contohnya sebagai ahli muzik, pelakon, pereka, seni kraf, koreografer dan jurulatih seni.
3. Industri pelancongan. Kepelbagaian dan keunikan warisan kesenian menarik pelancong tempatan dan luar negara. Contohnya kesenian seni kraf seperti batik, ukiran kayu, anyaman dan songket. Pelancong juga akan tertarik dengan kesenian tempatan. Hasil jualan barangan seni kraf dan bayaran persembahan seni tari memberikan pulangan pendapatan kepada para penggiat seni.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sedikit tentang isu di Tenggaroh. Sebelum ini Tenggaroh pernah menyatakan mengenai keadaan R&R di Simpang Tenggaroh. R&R adalah satu tempat seseorang itu boleh berhenti untuk makan, sembahyang, menggunakan tandas dan juga beristirahat sebentar. Walau bagaimanapun tempat seseorang itu berehat yang sepatutnya menenangkan pemikiran selepas keletihan memandu berada dalam keadaan yang uzur dan kotor khususnya tandas yang selalu diguna pakai. Malah tempat sembahyang di sana pun berada dalam keadaan yang uzur yang membuatkan seseorang itu kurang selesa untuk bersembahyang di situ. Tambahan pula bilik

sembahyang tersebut sekarang lebih digunakan oleh pemandu lori untuk tidur. Lebih-lebih lagi lori-lori yang berhenti di situ terpaksa memberhentikan kenderaan mereka di tepi jalan kerana tiada tempat khusus untuk lori. Ini membahayakan keadaan lalu lintas di sana kerana pemandu lori meletakkan kenderaan di tepi jalan dan ini menyempitkan jalan utama Johor Bahru – Mersing. Justeru itu saya mencadangkan agar R&R di simpang Tenggaraoh dinaiktarafkan dan di selenggara dengan baik khususnya bilik sembahyang, tandas, bilik mandi dan tempat letak lori.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pembinaan *by pass* dari Batu 6, Jalan Kota Tinggi – Mersing ke Batu 3, Jalan Mersing – Endau yang sudah sekian lama dirancangkan dan sudah ditaklmatkan namun pelaksanaannya masih kabur. Setiap tahun diberitahu yang tahun ini ada bajet tapi akhirnya dihampakan lagi. Jalan ini amat diperlukan ekoran kesesakan lalu lintas di bandar Mersing terutamanya pada hujung minggu atau musim perayaan. Kerana hanya ada satu jalan sahaja melalui satu jambatan untuk ke Kuantan dan utara timur semenanjung. Setiap kali rakyat menanyakan status jalan ini, saya menjawab hingga dah terhilang ayat untuk menjawab mereka. Tenggaraoh banyak berharap agar kerajaan memandang serius permintaan rakyat Mersing untuk pembinaan *by pass* atau laluan alternatif. Akhir kata Tenggaraoh ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap dalam rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Tenggaraoh dengan ini menyokong rundingan yang dibawa oleh Tanjung Surat.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Tenggaraoh. Kalau semua macam Yang Berhormat, kita tak ada kesuntukan-masa lah. Saya persilakan Yang Berhormat Nusajaya.

**YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) :** Bismillahirrahmannirrahim, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker di atas kesempatan dan peluang yang diberikan kepada Nusajaya untuk membahaskan Rundingan Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor semasa merasmikan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sesungguhnya Nusajaya dan seluruh rakyat negeri Johor teramat gembira dan sungguh terharu di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang penuh keprihatinan Tuanku terhadap rakyat Johor. Petikan perkara 18 dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang berbunyi "jangan samakan negeri Johor dengan negeri lain, Bangsa Johor itu setia kepada agama, bangsa dan tanah air, berani kerana benar, bersatu menghadapi cabaran dan bermuafakat dalam mencari keberkatan" amat cukup mendalam maknanya. Duli Yang Maha Mulia Tuanku sememangnya berjiwa rakyat. Tuanku adalah contoh seorang Sultan yang mengamalkan sifat kesederhanaan dan mengambil berat mengenai kesejahteraan rakyat berbilang kaum. Bersyukur kami rakyat Johor kepada Allah SWT kerana mempunyai Tuanku Sultan yang sentiasa dekat di hati kami. Serangkap pantun "Raja kita berhati mulia, rakyat patuh penuh setia, makmurlah negeri rakyat sejahtera, aman damai lagi sentosa". Daulat Tuanku.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Nusajaya dan rakyat negeri Johor juga berasa amat bertuah dan teramat berbangga mempunyai seorang Menteri Besar yang mempunyai ciri-ciri seorang pemimpin yang unggul. Beliau mempunyai daya pemikiran yang tajam, sentiasa bekerja keras dan rajin dan sentiasa mendampingi rakyat, mempunyai wawasan dan hala tuju yang jelas, sentiasa berjuang untuk mencapai matlamat yang telah dilafazkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Nusajaya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini, kepada ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada bulan Februari 2016 yang lalu di Persada Johor Bahru, iaitu ucapan amanat Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi tahun 2016, Nusajaya amat tertarik dan merasakan inti pati dan kandungan ucapannya sememangnya mencerminkan jiwa pemimpin yang sungguh hebat. Lanya cukup ringkas dan padat tapi komprehensif, hala tuju yang jelas, wawasan yang cukup nyata dan sempurna iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar ingin membawa negeri Johor dan rakyatnya ke tahap yang serba maju dan kehidupan yang sejahtera aman damai dan makmur. Negeri Johor akan menjadi kuasa ekonomi utama di Malaysia dalam masa terdekat. Ini dapat dicapai melalui 3 agenda yang cukup penting:

1. Gagasan Johor berkemajuan iaitu bukan sahaja maju dalam aspek membina bangunan indah tetapi mempunyai masyarakat yang berkemajuan, iaitu masyarakat yang berfikir ke hadapan, bersikap progresif dan positif. Menyediakan persekitaran yang selesa dan meningkat kerohanian diri, berani bersaing secara global, memiliki budaya yang tinggi, berkeperibadian yang unggul dan nilai-nilai diri yang murni dan bertata susila.
2. Naratif baru bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi yang mengilhamkan idea-idea yang luar biasa dan menzahirkan budaya inovasi dan kreativiti.
3. Perubahan paradigma budaya kerja kepada seluruh pegawai dan kakitangan kerajaan.

Serangkap pantun, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ciri pemimpin lengkap dirinya, bijak bestari itu orangnya; sabar dan pemurah itu jiwanya, adil saksama itu caranya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, rakyat negeri Johor amat bersyukur, ghairah dan penuh yakin dengan berita gembira di atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menubuhkan Bank of Johor. Rakyat Johor penuh percaya bahawa bank inilah satu-satunya yang akan merealisasikan impian mereka untuk memiliki rumah mampu milik Johor dengan semudah mungkin.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ada 2 peristiwa yang berbeda tapi menarik untuk dihayati bersama. Saya kira-kira 2 bulan yang lepas dijemput oleh Eksekutif Jualan untuk melawat Taman Estuari Puteri Harbour yang berdekatan bangunan kita, kalau kita daripada Johor Bahru sebelum sampai di bulatan di sebelah kiri. Jadi, bila lawatan tersebut, saya terpegun tapi kemudian terkedu sebab apa, rumah teresnya cukup cantik, difahamkan kunci rumahnya tiga lapis yang dibuat pada London, jadi pencuri tidak akan dapat masuk dan bilik airnya pun boleh tidur. Tetapi selepas itu diperbualkan harga rumah. Ada 3 jenis, Jenis A, B dan C. Yang saya melawat tu agak yang mahal sikit, jenis A. Yang jenis C yang murah sedikit adalah RM1.2 juta, yang jenis B, RM1.5 juta dan yang saya lihat tadi RM1.9 juta. Jadi dahlah terkedu, lidah pula terkelu tuan pengerusi.

Peristiwa yang kedua pula, saya dapat berbincang dengan satu keluarga yang mendapat memiliki Rumah Mampu Milik berharga RM80,000.00. Walau pun mereka amat gembira tapi bersedih juga sebab apa, difahamkan ada 3 bank yang menawarkan 100% pinjaman iaitu Bank Rakyat,

Bank Muamalat dan Bank Simpanan Nasional. Suaminya seorang pemandu lori yang dikira tidak bergaji tetap, jadi isterinya tidak bekerja, anaknya lima. Jadi bila berjumpa dapat pinjaman Bank Rakyat tadi hanyalah 80% iaitu RM64,000.00 dan manakala pinjaman 12 tahun jadi sebulan RM702.00 sebulan. Yuran lawyer pulak peguamnya RM2,000.00. Jadi, yang agak sedihnya mereka terpaksa top up Yang Berhormat Tan Sri

Speaker dengan izin, RM18,000.00. Jadi, mereka cukup gembira mendapat rumah mampu milik tetapi sedih juga nak cari RM18,000.00 di mana untuk mereka membayar tadi. Jadi, kesimpulannya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mudah-mudahan Bank of Johor tadi dapat memberi pinjaman seratus peratus termasuk yuran peguam, bayaran bulanannya yang sepatutnya rendah boleh dipanjangkan tahun pinjaman dengan kadar faedah yang agak murah ataupun mengikut sistem perbadanan Islam.

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat Nusajaya, sila duduk. Boleh sambung selepas kita berehat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan selama 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 11:20 pagi.**

**YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Dr. Haji Zaini Bin Abu Bakar (Nusajaya)** : Assalamualaikum warahmahtullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker di atas kesempatan dan peluang yang kedua untuk Nusajaya meneruskan membahaskan rundingan menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya ingin memohon dan membuat rayuan kepada EXCO Jawatankuasa Kesihatan sepefimana persidangan yang lepas, iaitu *mengupgradakan* dengan izin Klinik Kesihatan Gelang Patah yang satu-satunya klinik yang lama dan agak uzur dan beban kerjanya yang semakin bertambah setiap masa. Perlu mohon pertambahan bangunan klinik dan juga pertambahan doktor dan staf-staf yang berkaitan, mohon dipertimbangkan juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya juga ingin mencadangkan supaya sebuah hospital Kerajaan dibina di kawasan Iskandar Puteri ataupun di Gelang Patah. Walaupun Hospital Sultanah Aminah merupakan hospital kerajaan yang memberikan perkhidmatan bagi kawasan dan daerah Johor Bahru, ianya adalah hospital rujukan daripada hospital-hospital daerah daripada Negeri Johor. Oleh yang demikian, sudah tentu Hospital Sultanah Aminah kesesakan pesakit dan beban kerjanya cukup tinggi, cuma Yang Berhormat Dato' Speaker difahamkan hospital baru di daerah Johor Bahru adalah hospital Pasir Gudang yang katilnya 100 buah katil fasa pertama yang harganya RM150.00 hingga RM200.00 juta.

Jadi, Nusajaya ingin mencadangkan satu konsep baru iaitu Hospital Amanah yang saya guna pakai daripada konsep Sekolah Amanah. Sekolah Amanah ini bermaksud sekolah kebangsaan kerajaan yang dibantu bersama, ditadbir bersama dengan peringkat dengan syarikat swasta atau satu lagi sekolah amanah yang dibina oleh pihak swasta seratus peratus kemudian diserahkan kepada kerajaan menjadikan sekolah kebangsaan dan ditadbir bersama. Jadi, kalau konsep Hospital Amanah ini Nusajaya mencadangkan sebab saya rasa macam boleh ditubuhkan sebab apa di kawasan Iskandar Puteri ini syarikat swasta gergasi agak ramai, banyak. Jadi, apa kiranya syarikat gergasi ini tadi yang membina berbilion bilion keuntungan, kalau satu syarikat gergasi memberi sumbangan 10 hingga 20 juta, kalau 10 syarikat gergasi 200 juta. Iaitu melalui konsep dengan izin, CSR (*Corporate Social Responsibility*) jadi hospital ini dapat dibina oleh sekumpulan syarikat-syarikat swasta yang gergasi ini, bila dah siap boleh diserahkan kepada Kementerian Kesihatan, kakitangan kerajaan dan sebagainya. Saya rasa ini seharusnya dilihat dan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Saya berharap EXCO Kesihatan dapat mempertimbangkan. Sebab apa Yang Berhormat Dato' Speaker, semalam Bukit Permai mengatakan EXCO Kesihatan boleh membuat satu yang ajaib

dengan ada jin - jin sebagainya. Jadi, kalau ini saya cadangkan guna jin swasta sebab apa hospital - hospital swasta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya di Iskandar Puteri ini kita ada Puteri Harbour, Pelabuhan Puteri fasilitinya adalah kelas pertama tapi difahamkan dengan izin *utilise*, difahamkan perkhidmatan ferinya kurang sambutan. Satu pergi ke Tanjung Balai, empat kali satu hari. Yang kedua, pergi ke Batam dua kali sehari. Tapi kalau di Terminal Johor Bahru di Stulang Laut, kalau pergi Batam tu satu jam sekali daripada pagi sampai malam. Cukup ramai orang pergi ke Batam. Jadi, saya lihat di Puteri Harbour ni tadi empat destinasi yang pragmatik. Iaitu di Tanjung Balai tadi betul, cuma dikerapkan perjalanannya, yang Batam tadi daripada dua kali dikerapkan lagi perjalanannya. Yang ketiga di Tanjung Pinang satu tempat pulau yang cukup ramai penduduknya dan yang ketiga negara jiran kita, Singapura. Jadi difahamkan bila saya dapat maklumat perbuatan dengan pihak pentadbiran Puteri Harbour, sebab apa kurang sambutan, satu kekurangan promosi, yang kedua bas-bas feeder bus dengan izin seharusnya bila sampai di Puteri Harbour, bas sepatutnya menunggu untuk hantar mereka kadang-kadang ingin ke stesen Larkin untuk bekerja atau tempat-tempat tarikan di Legoland atau di JPO dan sebagainya. Cuma apa maklumat yang didapati ialah bila mereka sampai bas pun tak ada. Itu sedikit sebanyak mengurangkan kehadiran mereka melalui Puteri Harbour. Cuma Nusajaya mencadangkan supaya pihak EXCO Pelancongan membentuk jawatankuasa khas untuk Puteri Harbour ini supaya dapat dimajukan perkhidmatan Puteri Harbour tadi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dari isu pendidikan Nusajaya ingin menarik tumpuan kepada kawasan di antara Skudai hingga ke Pekan Nenas yang dipanggil zon utaranya iaitu penduduk cukup ramai taman iaitu Taman Pulau Indah akan membina fasa 600 buah rumah, ada lagi satu taman baru, Taman Pulau Hijauan pun hampir beratus rumah. Dan di selatan pula cukup banyak taman, Taman Pulau Jaya, Taman Permas Jaya, Taman Seri Perdana, Teratai, Sri Pulau dan sebagainya. Cuma ada dua sekolah sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker, yang di hujung di sebelah utara saya kira tadi adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkar Pulau yang di selatan tadi Sekolah Kebangsaan Pulau Perdana jadi yang Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkar Pulau, bilik darjah 48, sebelah paginya penuh sebelah petangnya 60% sahaja. Jadi dijangkakan 2017 memang ngam-ngam atau cukup kelas untuk menerima pelajar-pelajar tadi tapi akhirnya sekolah yang di selatan tadi Sekolah Kebangsaan Pulau Perdana hanyalah 18 kelas. Sekarang ini sahaja sudah cukup 18 sebelah pagi dan petangnya pun seratus peratus kelas digunakan. Jadi, nampaknya pada 2017 memang pelajar-pelajar baru tingkatan satu mungkin terpaksa pergi ke Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti, Taman Sri Pulau Perdana dan Taman Sri Skudai dan agak jauh. Jadi, dari segi perancangan panjangnya difahamkan Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Jaya telah lulus dalam Rancangan Malaysia Kesebelas tapi masih belum peruntukan belum ada walaupun dah lulus peruntukan belum ada mungkin lima sepuluh tahun kemudian. Tetapi jangka pendek tadi kebanyakan yang apa dibuat di Sekolah Menengah Kebangsaan yang boleh dibuat di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Pulau Perdana yang ada kawasan disediakan kabin-kabin kelas iaitu kabin kelas kalau lapan kelas yang dindingnya pasang siap *metal steel* tadi dengan izin, dua tiga bulan dah siap tapi peruntukan satu juta, tapi kelas kedua yang dindingnya asbestos yang lapan kelas yang dibuat dalam masa dua tiga bulan tapi harganya separuh 500 juta. Jadi, Nusajaya minta pertimbangan pada EXCO Pendidikan untuk memajukan pandangan ini sebab ini agak kritikal bila sampai 2017 demi untuk pendidikan dan pelajaran anak-anak kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, satu lagi...

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Nusajaya sila gulung.

**YB Dr. Haji Zaini Bin Abu Bakar (Nusajaya)** : OK, akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker di Nusajaya ni di Kota Iskandar ini, terdapat universiti-universiti dan kolej swasta yang mana ramai sebenarnya pelajar-pelajar melayu yang menuntut sebagai contoh di Kolej NMIT dengan izin, Netherland Maritime Institute Technology, 90% pelajar Melayu dan 5% anak Johor Melayu sebab kemasukannya 1, 2 A, SPM, jadi ramai yang masuk untuk bidang perkapalan. Tapi semenjak 2015, loan MARA terbeku jadi pelajar-pelajar sekarang memang mengharap sangat pinjaman MARA yang perjanjian awal akan diberi tapi dibekukan sementara. Jadi anak-anak Melayu tadi memang ikat perut untuk makan, jadi diminta jasa baik EXCO Pendidikan menanyakan Pengarah MARA Negeri Johor apa maklumat pinjaman MARA yang terkini.

Akhir sekali Dato' Timbalan Speaker, jalan raya daripada Taman Pulai Indah ke simpang Skudai diminta pihak EXCO JKR melihatkan kerja raya sebab jalan tu cukup sesak sebelah pagi ke Johor Bahru, sebelah petang ke Pekan Nenas. Jadi, cukup sesak kalau boleh ada perancangan supaya jalan tadi dibuat dua hala dan jalan dua tiga jalan di sebelahnya tadi dan ini memang akan datang memang cukup sesak sebab apa banyak taman-taman tadi. Jadi akhir sekali, Nusajaya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan akhir sekali Nusajaya menyokong usul yang dibawa oleh Tanjung Surat. Sekian; terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah wassalmualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Dato' Timbalan Speaker**: Terima kasih Nusajaya, perbahasan diteruskan, sila Stulang.

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang)** : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk membahaskan usul menjunjung titah Sultan di Dewan yang mulia ini. Kita perlu terima hakikat bahawa rakyat sedang berada di ambang pergolakan ekonomi di mana kehidupan mereka begitu tertekan dengan model ekonomi Malaysia sekarang. Sejak 50 tahun kita merdeka, negara kita kaya dengan sumber asli dan kita memang terlalu bergantung kepada kumiaan tuhan tersebut. Sehingga pemimpin kita terlalu selesa dengan apa yang ada dan lupakan pendapatan alternatif yang perlu dibangunkan. Akibatnya, kita berada di leher botol, *boffle neck*, dengan izin dan tidak mampu bertindak balas apabila krisis ekonomi, krisis komoditi melanda kita.

Jadi, di sini saya akan membincangkan beberapa isu, saya ingat 2 isu untuk dihayati bersama supaya kerajaan akan lebih terbuka dalam segala hala tuju pembangunan. Antaranya adalah berkenaan dengan industri berteknologi tinggi. Yang kedua adalah berkaitan dengan penjenamaan, *branding*. Kita, baik Malaysia ataupun Johor memerlukan pacuan sektor industri ekonomi yang berteknologi tinggi dalam jangka panjang kita mesti perlukan industri seperti ini. Marilah kita meninjau apa yang pernah dikatakan oleh Margaret Thatcher dan lans Bramen. Margaret Thatcher dulu dia pernah kata bahawa, itu pendapat dialah, kita sebagai panduan. Dia kata, dengan izin, *You don't have to worry about China because China is unable to provide any new ideas to the world in the next few decades or even hundred years. China will not become A Super Power in the world because China today exports televisions rather than ideas.* Ini yang Margaret Thatcher pernah cakap. Jadi, bekas Perdana Menteri Britain pernah memberi peringatan bahawa sesebuah negara maju, kita tidak boleh hanya mengeksport televisyen sahaja, di mana yang lebih penting adalah idea. Saya sangat setuju dengan fakta begini.

Dan, Lans Bramen, Pakar Sains Politik di *Global Research* yang digelar sebagai *Global Research Professor* di *New York University* juga pernah menggariskan faktor mengapa Amerika Syarikat terus menjadi kuasa gergasi dunia. Dari segi inovasi, 9 buah syarikat terkemuka teknologi paling hebat di dunia, 8 adalah daripada Amerika. Jadi, dengan izin



apa yang dia cakap adalah, *Of the 9 largest technology company in the world, 8 are best in US. Amerika Research University and Scientific Institution are the best in class allowing the nation to focus is ingenuity where is needed most. An America is spending the money to keep it competitive advantage intake and 30% of all research and development dollars are spent in the US.* Maknanya, apa yang ditegaskan adalah Amerika dengan penyelidikan dan institusi saintifik mereka, mereka mampu mencipta, mencipta dan membina untuk terus mengekalkan kekuatan ini, Amerika telah membelanjakan sejumlah 30% daripada jumlah penyelidikan sedunia.

Kesimpulan yang saya boleh buat adalah untuk menjadi negara maju ataupun negeri maju wawasan ini yang penting kita perlu menerajui perubahan yang boleh mengubah cara hidup dunia secepat. Inovasi, ciptaan, idea dan konsep baru yang mampu mengubah cara hidup dunia. Contohnya, sms, dulu orang pakai pager. Lepas itu timbulnya sms, sms inilah ciptaan ini mengubah cara hidup setiap manusia di dunia ini konsep *francais*, konsep *fast food* dan sebagainya. Ini semua idea. Jadi kita perlu mengorak langkah dengan lebih progresif dan kompetitif bagi membentuk asas ekonomi di satu landasan yang betul supaya Johor mampu bersaing di pasaran antarabangsa.

Malaysia atau Johor memerlukan pacuan ekonomi dalam sektor teknologi tinggi ini agar kita boleh kekal dalam dunia ini sekiranya tidak, kita susah, menceburkan diri dalam industri teknologi tinggi ini. Teknologi tinggi ini merangkumi sektor pembuatan kereta, telekomunikasi, informasi dan sebagainya. Bila kita melihat pendapatan yang dijana oleh syarikat telefon mudah alih pintar, kita tengok *Apple* paling dahsyatlah. Kita tengok *Huawei* China punya, kalau dua tahun, 2015 *revenue* dia, keuntungan kasar dia, *revenue* dia, USD 2.15 bilion dekat RM80 lebih bilion, RM80 bilion bukan main, baru berapa tahun sahaja mereka. Kemudian *OPPO*, USD12 bilion. Ini adalah pendapatan yang boleh dijana oleh syarikat-syarikat tersebut *Siaumei*, USD11 bilion. *Apple* paling dahsyatlah, USD233 bilion satu tahun, pendapatan yang dijana oleh *Apple* satu tahun USD233 bilion, seribu bilionlah. Kita punya, Johor punya bajet satu tahun baru RM1 bilion lebih. Tengok kedahsyatan mereka, *Samsung* USD87 bilion.

Jadi, adalah tidak keterlaluan, sekiranya saya dengan, saya sekiranya, kerajaan meletakkan satu visi. Cadangan saya, kerajaan mesti meletakkan satu visi iaitu kita mesti buka kilang kereta sendiri pada masa depan. Ini visi mesti ada, kita mesti buka syarikat telefon kita sendiri kerana dengan menceburkan diri dalam bidang ini baru kita boleh menjana pendapatan yang cukup sebagai pendapatan alternatif. Saya faham, wawasan seperti ini bukan boleh dicapai dalam masa yang singkat tetapi sebagai kerajaan yang bervisi, kita seharusnya melihat ini sebagai satu cabaran yang perlu kita usahakan, kita patut bermula sekarang, *we need to start some way*, kita tidak boleh memandang remeh aspek ini ataupun membuat perancangan sambil lewa sahaja.

Kita tengok kereta, statistik kereta, ini saya cukup sedih bila saya tengok statistik macam ini. Jadi, kalau *proton* tak boleh buat, kita buatlah, ya lain kali meletakkan visi ini. *Proton*, oh, tahun 2015 sahaja, 2015, 100,000 ketul sahaja yang dikeluarkan, yang berjaya dijual 102,000. 100 ribu lebih sahaja. Untuk yang diekspor sejak tahun 1985 sampai 2015, baru 400,000 buah kereta sahaja. Dan dalam statistik yang saya cari-cari, *market share* dia, *global market share* dia tidak dijumpai. Saya ambil contoh *Hyundai*, satu tahun sahaja mereka buat kereta, 2015, satu tahun sahaja mereka buat *worldwide*, sedunia 4.69 juta ketul, 4.96 buah kereta, *market share* dia dekat sedunia adalah 9%. Tengok berapa pendapatan yang boleh dijana oleh industri ini.

Kia, Kia Motor, macam mana, tahun 2015, sekitar 3 juta biji kereta, dia pun mencatatkan sekitar 9% daripada *market share* di dunia. Jadi, saya meminta kepada kerajaan kita supaya meletakkan satu visi. Supaya kita boleh menceburkan diri dalam bidang ini.



Supaya kita boleh menjana lebih daripada pendapatan. Mengapa ini sangat penting, ini sangat penting, industri teknologi tinggi ini sangat penting kerana:

1. Memastikan kita tidak terjerat dalam perangkap orang lain cipta, kita pakai, kita bayar wang, orang untung besar. Kalau kita terus macam ini, sampai kiamat pun kita merupakan pengguna-pengguna tulen sahaja, saya rasa ini tak sesuai, kita mesti maju ke depan, kita tak boleh biar orang cipta, kita pakai. Kita bayar, orang untung besar.
2. Memastikan pendapatan alternatif kita maknanya kita sekarang terlalu bergantung kepada sumber asli, minyak mentah, minyak sawit. Kalau kita ada pendapatan alternatif, waktu ekonomi gawat kita tak ada masalah kerana kita mempunyai banyak sumber pendapatan yang lain.
3. Untuk menjadi satu negeri yang maju, kita perlu kekalkan bakat tempatan agar mereka boleh mempamerkan bakat mereka dan diberi peluang untuk merealisasikan impian mereka di dalam sektor-sektor yang tertentu. Dan ini mesti boleh mengekalkan bakat, mengelakkan bakat kita daripada keluar dari negara kita. Untuk perkembangan industri, kita tidak boleh lagi semakin hari semakin bergantung kepada buruh asing, tidak boleh. Industri kita, ekonomi kita, kita perlu mempunyai satu orang cakap *breakthrough* dan tidak akan, dan negara kita tidak akan ke mana-mana sekiranya transformasi bergantung kepada pekerja-pekerja asing tak mahir, pekerja mahir tidak berlaku. Jadi, sektor berindustri teknologi tinggi ini boleh menyelesaikan masalah ini.
4. Memberi ruang kepada penyelidikan kita untuk terus berkembang. Keperluan dalam industri ini akan memangkin perkembangan penyelidikan. Dalam konteks ini, hala tuju penyelidikan perlu dirombak. Kita perlukan penyelidikan yang serius, serius, *genuine* dan mampu membawa kepada inovasi dan teknologi baru. Mesti serius dalam penyelidikan contohnya, kita tengok, sedih sekali Proton. Proton tidak ketandusan penyelidikan tetapi apa yang berlaku, sampai sekarang orang tidak mahu kereta dia. Ini berita 2 hari yang lalu, mengatakan pada bulan 4, minggu pertama jualan Proton hanya 200 ketul sahaja. Boleh ke? 200 biji kereta, tak boleh. Tun Mahathir cakap, nak *break event*, nak sekurang-kurangnya boleh mengekalkan pengeluaran satu minggu sekurang-kurangnya mesti ada 4,000 buah, 4,000 buah untuk mengekalkan operasi kilang. Mengapa kita punya wawasan, kita punya keadaan sekarang sampai 4,000 buah untuk mengekalkan operasi sahaja? Dan, sekarang sudah jatuh menjadi satu minggu 200 ketul kereta. Ini cukup sedih, ya.
5. Teknologi, industri teknologi tinggi ini akan memangkin pendidikan yang berasaskan teknologi tinggi untuk berkembang kerana kolaborasi pendidikan dan industri adalah tinggi. Maksudnya, dia boleh saling berbekal dengan kata lain memajukan industri teknologi tinggi, maksudnya, kita mempertingkatkan model ekonomi kita, mempertingkatkan taraf inovasi kita, tingkatkan taraf pendidikan kita, tingkatkan bakat manusia kita dan juga pendapatan kita.

Isu yang kedua, yang bersangkutan paut dengan isu pertama juga adalah berkaitan dengan penjenamaan iaitu *branding*. Dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi Johor, memang ada rancangan seperti *Centre Business District*, Pelan Pertumbuhan Strategik, yang menekankan kekuatan setempat setiap daerah dan juga ada *Johor Convention and Exhibition Bureau* yang diutarakan oleh Menteri Besar kita pada persidangan yang lalu.

Ok, dari segi jenama, mari kita meninjau fenomena sedunia di mana banyak negara telah mempunyai jenama serta produk unik mereka. Kita Malaysia, masih kekurangan lagi, kita tengok fenomena sedunia, Korea, kita ada Samsung, mereka ada Samsung, Hyundai, Sweeden, ada IKEA, Denmark, ada LEGO, Switzerland, ada Nescafe dan jam tangan dia. France, minyak wangi, beg LV, Prada dan sebagainya. US, Apple, Microsoft, NIKE, Kleenex Tissue, itu tisu. Tisu pun jenama, tisu dan banyak lagi. Jepun, Honda, Toyota. Jerman, kereta dialah, kemudian Lyca, juga jenama dia. UK, Harrods Supermarket dia dan juga HSBC bank dia.

Jadi, kita telah merdeka 50 tahun, produk unik kita serta jenama kita masih amat terhad di pasaran dunia, masih terhad lagi. Kalau ada, mungkin kita pernah dengar sekali sekala *Royal Selangor*, kira ok lah tu kan. Lantaran itu adalah penting untuk membangunkan industri tempatan kita, baik industri pertanian, industri makan, industri cottage, industri berteknologi tinggi, agar ya satu hari nanti boleh menjadi jenama terkemuka di dunia. Ini sangat penting, kita mesti kejar ke situ. Kita tengok nasi lemak, nasi lemak kita buat. Jangan satu hari nanti negara lain cakap ini nasi lemak dia punya, dengan jenama dia. Padan muka kita. Durian kita punya, durian sedapkan. Sekarang orang cakap ini durian Thailand banyak sedap. Padan muka kita. Itu maksudnya, kalau kita mesti mengorak langkah, menguatkan jenama kita, membuatkan apa yang kita ada, dengan komitmen yang betul-betul bukan buat sambil lewa sahaja.

Jadi, dalam konteks ini, setiap aspek, termasuk pembuatan barangan, *packaging*, inovasi, pembaharuan, pemasaran, penjenamaan, promosi dan sebagainya tidak boleh dicitikan. Tidak boleh dicitikan. Kita tidak boleh hanya membelanja wang yang banyak dalam pameran antarabangsa tetapi kekuatan dalaman produk tidak ada, dari segi kualiti inovasi, keunikan tidak ada. Kalau kekuatan dalam inti pati tidak diusahakan walaupun memberi subsidi 50% pun tidak mendatangkan hasil kerana ia merupakan penonjolan sementara di pentas pameran sahaja. Kalau pameran antarabangsa produk industri dianjurkan, contohnya kita buat pameran perniagaan, pameran, buat *trading fair* dan sebagainya, kerajaan perlu memberi perhatian dalam pelbagai persolannya. Antaranya, ini yang telah berlaku di mana mengapa kita tidak boleh ke depan, industri kita.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Stulang sila gulung.

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Cepatnya. Ok, apakah yang utama, apakah kekuatan jenama kita? Negara manakah yang akan datang? Mengapa mereka nak datang? Apakah produk baru kita dan inovasi kita yang mendorong mereka wajib datang kepada pameran antarabangsa produk industri kita? Apakah barangan pameran kita di import dari luar negara atau kita buat berniaga import dari luar negara, angkat dari negara lain, jual kepada negara lain sahaja? Ini kita tidak mahu dengar. Kalau di import dari luar negara sahaja mengapa mereka harus datang. Berapakah *turn over*, dengan izin, berapakah kebarangkalian adanya transaksi? Jadi berkenaan dengan, CBD, *Central Business District*, yang akan dilakarkan oleh JCorp dan mensasarkan Johor Bahru menjadi Kuala Lumpur dalam masa 10 tahun. Jadi ini adalah sukar untuk mengecapinya sekiranya industri tempatan kita tidak berkembang dan tidak mempunyai kualiti jenama, kekuatan jenama. Kalau industri pelancongan kita tidak maju dan bergantung kepada orang tempatan sahaja dan akhirnya gedung-gedung hanya bergantung kepada transaksi *trading* sahaja iaitu *pure trading* atau mengimport barangan dari luar negara dan menjual kepada orang lain sahaja. Tidak ada keistimewaan.

Jadi, kita bukan menolak sebarang perancangan tetapi apa yang lebih penting adalah implementasi. Untuk 50 tahun yang lepas, tidak kurangnya contoh di Malaysia di mana perancangan tinggal perancangan sahaja. Bahkan ada juga yang terlibat dengan

penyelewengan. Ini patut dijadikan sebagai iktibar supaya kita tidak terus berkisar pada masalah yang sama. Rakyat pastinya tidak mahu lihat satu perancangan hebat dikeluarkan untuk menutup kegagalan perancangan hebat yang lepas.

Jadi Dato' Speaker, izinkan saya utarakan dalam satu minit untuk isu tempatan yang bersangkutan paut dengan isu Johor juga. Di sini saya sudah bosanlah dengan keadaan macam ini. Di mana dalam kawasan saya di satu lorong, satu lorong kawasan penjaja di mana kerja menaik taraf dulu tapak penjaja, oklah tetapi lama. Tetapi selepas naik taraf, selepas hujan sahaja, satu kawasan penjaja menjadi kawasan berpantai. Ini saya nak minta perhatian pihak Majlis, MBBJ dan juga Ahli Majlis yang berkaitan tidak boleh buat macam ini. Sangat teruk. Tapak penjaja menjadi pantai berpasir seperti kalau kita pergi ke Bali, Pantai Jinbaran di mana ada banyak pasir. Bila angin tiup semua makanan ada pasir. Sampai sekarang macam ini. Ini tidak boleh bertaku. Jadi, saya menyeru kepada pihak Majlis untuk menyelesaikan masalah ini dan juga dengan iktibar daripada keadaan ini saya menyeru kepada pihak kerajaan agar memberi peruntukan kepada setiap PBT untuk menaik taraf semua kawasan tapak penjaja yang sedia ada untuk menguatkan industri makanan ringan kecil-kecilan yang termasyhur di Malaysia.

Jadi sebagai penutup, biarlah kita mengimbuai kembali pentingnya industri berteknologi tinggi yang saya utarakan tadi dan juga penjenamaan dalam industri dengan melihat *silicone valley* sebagai contoh. *Silicone valley* merupakan tempat letaknya lebih daripada 1,000 syarikat berteknologi tinggi. Ia juga adalah tempat inovasi di banyak-banyak ciptaan baru yang bermula di situ dan paling banyak *patern* utiliti. *Silicone valley* juga menyediakan 400,000 peluang pekerjaan berteknologi tinggi dengan populasinya sekitar 4 juta dan ia merupakan pusat penyelidikan yang paling unggul di dunia.

Jadi, kalau negeri kita mempunyai wawasan ini untuk mengorak langkah dengan lebih maju untuk membentuk industri berteknologi tinggi kita dengan mengukuhkan semua produk ekonomi kita dengan penjenamaan dan *branding* kita saya rasa negeri kita akan lebih maju ke depan. Sekian, terima kasih.

**YB Dato' Timbalan Speaker :**Ok Stulang. Mee rebus Stulang itu boleh jadikan. Perbahasan diteruskan. Sila Bekok.

**YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Selamat pagi, Bekok ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih Baginda yang Maha Mulia Sempena Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor yang Ke-13.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bekok terletak di selatan Segamat dikelilingi oleh hutan, kawasan kebun dan merupakan tempat penanaman. Sistem pengangkutan di sini amat tidak lengkap. Selain daripada perkhidmatan kereta api, sistem pengangkutan di Bekok amat bergantung kepada jalan negeri yang sepanjang 10 km. Imbas kembali ke dekad 50 dan 60-an. Aktiviti seperti penanaman getah dan pembalakan kayu telah memainkan peranan yang penting dalam ekonomi negara kita. Pada masa itu, aktiviti ekonomi juga berkembang giat di kawasan Bekok yang bertumpu kepada aktiviti pertanian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, namun sejak aktiviti pembalakan dan penanaman getah diganti oleh kelapa sawit serta sistem pendidikan semakin berleluasa dan maju. Remaja di Bekok bermula keluar dari Bekok untuk mencari makan di kawasan bandar dan meninggalkan warga tua yang masih menduduki di Bekok. Kini masalah kehilangan tenaga muda di Bekok semakin serius dan meninggalkan warga tua yang masih menduduki di kampung mereka serta golongan kanak-kanak kecil yang dijaga oleh datuk dan nenek mereka. Kebanyakan rumah papan telah isytiharkan sebagai pembangunan

yang berbahaya dan perlu dirobuhkan. Perkhidmatan kereta api memilih masa untuk berhenti di sini. Tambahan pula, banyak kali perkhidmatan kereta api dibatalkan tanpa kesedaran orang awam dengan alasan kerosakan enjin. Bas dan teksi awam tidak lagi memberi perkhidmatan kepada penduduk Bekok.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa sebabnya Bekok kini sudah bagaikan satu kampung mati, yang susah masuk ke dalam Bekok dan keluar dari Bekok kerana tiada sistem pengangkutan awam yang lengkap. Adakah Bekok betul-betul dipulaukan oleh kerajaan negeri atau sektor pelancongan betul-betul dapat memulihkan keadaan ekonomi yang berkembang pesat seperti dahulu dan menarik remaja supaya balik ke Bekok iaitu tanah air asal mereka?

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut laporan SEACO sejak pemindahan golongan muda ke bandar, sebanyak 148 rumah daripada jumlah 1,350 rumah mempunyai warga tua yang berumur 60 tahun ke atas iaitu sebanyak 10.9% dan Bekok betul-betul boleh dikenali sebagai sebuah kampung tua. Kebanyakan remaja keluar untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik dan meninggalkan ibu bapa mereka di kampung Bekok merupakan hakikat yang tidak dapat dinafikan. Warga tua terpaksa menjaga kehidupan diri sendiri seperti makan, cuci baju, membeli barang harian dan ada warga tua pula perlu menjaga cucu mereka yang masih kecil lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun warga tua ini pernah mencuba untuk menduduki di bandar bersama anak mereka. Akan tetapi kebanyakan mereka tidak dapat menyesuaikan diri di kawasan bandar. Maka mereka lebih sudi tinggal di kampung Bekok dengan pasangan mereka mahupun menduduki secara perseorangan. Sehingga kini, apa langkah-langkah dan usaha yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk membantu golongan warga tua ini? Bekok percaya bahawa fenomena ini bukan sahaja berlaku di Bekok mahupun di seluruh kampung dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jarak dari Bekok untuk keluar ke jalan persekutuan adalah sejauh 10 km. Tambah lagi dari simpang jalan persekutuan ke Chaah adalah 13 km, ke Segamat pula adalah 70 km. Sejak perkhidmatan bas awam diberhentikan untuk masuk ke Bekok, penduduk Bekok hanya boleh bersandar pada diri sendiri iaitu memandu kereta mereka atau motosikal dengan sendiri atau menyewa kereta sewa untuk keluar dari Bekok.

Maka, Bekok bercadang supaya Bas Muafakat Johor juga dapat menawarkan perkhidmatan di Bekok untuk memudahkan penduduk Bekok terutamanya mereka yang tiada kenderaan sendiri untuk pergi ke bandar yang berdekatan. Sebenarnya tujuan perkhidmatan Bas Muafakat Johor diadakan adalah bagi mengurangkan kos sara hidup warganegara dan memberi kemudahan serta meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam kepada rakyat. Namun begitu, apakah sebabnya perkhidmatan Bas Muafakat yang dilengkapi dengan sistem CCTV, GPS sistem data penumpang dan kemudahan Internet percuma tidak ditawarkan di Bekok yang tiada bas awam langsung.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bekok amat bersetuju dengan titah Sultan bahawa sesungguhnya kejayaan sesebuah negeri bukanlah bergantung kepada pembangunan semata-mata malah melibatkan bidang-bidang yang berkaitan dengan tahap kesejahteraan dan taraf hidup rakyat maka Bekok meminta jasa baik daripada kerajaan negeri supaya memajukan Bekok dan lebih mementingkan kebajikan rakyat di kawasan luar bandar. Seperti melaksanakan perkhidmatan Bas Muafakat ataupun sekurang-kurangnya ada Van Muafakat. Di Bekok juga dan bukan hanya menumpukan perhatian untuk memajukan ekonomi di kawasan bandar sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kebelakangan ini penduduk Bekok selalu bergurau bahawa mereka perlu melihat nasib mereka jika mereka ingin keluar dari Bekok kerana perkhidmatan kereta api yang ditawarkan selalu dibatalkan dan kadangkala pula lewat datang. Ada penduduk Bekok mengatakan bahawa mereka pernah mengambil selama 8 jam untuk pergi ke Sungai Buloh semasa menaiki kereta api. Sila bayangkan berapa susahnya jika keadaan ini ditemui oleh seorang warga tua yang membawa cucu kecil ke bandar semata-mata mahu berjumpa anak mereka di bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bekok sudah berkali-kali menekan bahawa pembaikan sistem pengangkutan awam di Bekok merupakan langkah utama yang perlu diambil dan dilaksanakan oleh kerajaan negeri Johor untuk memastikan sektor pertanian dan pelancongan di Bekok dapat berkembang pesat sehingga memajukan ekonomi di Bekok, bahkan seluruh negeri Johor. Memandangkan hanya terdapat satu pengangkutan awam di Bekok iaitu kereta api maka Bekok ingin mencadangkan supaya menambah kali kereta api berhenti di stesen Bekok dengan tepat masanya untuk memudahkan dan memberi pilihan yang lebih banyak kepada pelancong dan penduduk Bekok untuk keluar dan masuk ke Bekok.

Baginda Yang Maha Mulia bertitah bahawa kita mesti berikan layanan yang mesra kepada pelancong yang datang ke negeri kita. Sebagaimana kita mahu dilayan dengan baik semasa melancong ke tempat orang. Bekok amat bersetuju dengan titah Baginda dan menyeru supaya kereta api dapat berhenti dan sampai ke destinasi pada tepat masa. Janganlah sesekali batalkan jadual waktu kereta api dan sebaliknya patut mencari jalan alternatif untuk menyelesaikan masalah tersebut. Ini adalah kerana kebanyakan pelancong yang datang melawat ke Bekok adalah secara persendirian, janganlah meninggalkan imej yang buruk kepada pelancong asing.

Sementara itu, Bekok ingin meminta jasa baik daripada kerajaan negeri supaya bertimbang untuk membina satu landasan kereta api atau komuter yang menghubungkan Bekok dan bandar di barat Johor iaitu Batu Pahat. Kerana Batu Pahat akan membina satu stesen kereta api kelajuan tinggi sempena projek Kereta api Kelajuan Tinggi KL ke Singapura. Demi mendekatkan dan menyempurnakan sistem pengangkutan awam di Bekok serta mendapatkan manfaat dari projek tersebut. Tindakan ini bukan sahaja memudahkan penduduk Bekok bahkan diharapkan dapat menarik lebih ramai pelancong tempatan bahkan pelancong asing dan menghantar hasil pertanian komersil ke bandar lain sehingga menyumbang kepada sektor pelancongan dari dalam negeri Johor.

Selain itu, pembinaan satu jalan baru yang menghubungkan Bekok dan Paloh juga dapat meningkatkan masa perjalanan dan merupakan satu cadangan yang baik dan perlu dipertimbangkan demi kebajikan orang ramai dan kemajuan ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan sekitar Segamat, Labis, Chaah dan Bekok telah diisytiharkan oleh kerajaan negeri sebagai kawasan yang berpotensi untuk memajukan sektor pertanian. Maka Bekok ingin meminta kerajaan negeri supaya percepatkan rancangan tersebut demi mencungkil bakat dan menarik bakat tempatan untuk terus menerokai di Bekok. Memandangkan keperluan kawasan pertanian akan menghadapi pelbagai kekangan seperti mengurangkan kawasan hutan simpanan Bekok yang menjadi tarikan tempat pelancongan. Satu-satunya cara untuk meningkatkan hasil pengeluaran pertanian dan pendapatan pertanian petani tempatan adalah dengan inovasi teknologi dan peningkatan intensiti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pemakaian teknologi baru di antara petani-petani tempatan amat kekurangan. Anak-anak muda yang bekerja sebagai petani mempunyai

peluang yang sangat terhad dalam menerima pengetahuan dan pendedahan baru untuk meningkatkan hasil dan mutu produk keluaran mereka. Maka Bekok menyeru supaya kerajaan negeri membentuk satu pakatan kerjasama yang baru di antara pemain industri iaitu pengilang dan pengeluar tanaman bersama Jabatan Pertanian dan agensi R&D dalam membangunkan daya saingan komuniti berpotensi. Selain itu, kerajaan negeri juga boleh membantu petani tempatan untuk mengembangkan industri pembuatan ringan yang berasaskan hasil pertanian sementara mengembangkan industri pelancongan di Bekok. Kerajaan negeri harus membawa teknologi baru dan mengajak petani-petani untuk memproses barangan sampingan pertanian seperti mangga kering, jambu batu kering, nanas kering, jus tembikai, madu asli, kraf tangan dan lain-lain lagi sebagai buah tangan pelancong demi meningkatkan pendapatan petani tempatan sehingga mempergiatkan lagi ekonomi pelancongan dan pertanian di Bekok.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada peringkat ini kerajaan negeri harus memainkan peranan penting dalam mempromosikan dan penjenamaan kan produk pertanian untuk keluaran tempatan. Ini lebih menjurus kepada hasil tanaman kopi, koko, nanas, sayur sayuran dan buah-buahan. Bekok mencadangkan supaya EXCO Pertanian menaja pengusaha petani dan usahawan agar mula membangunkan dan menjenamakan produk tempatan untuk pasaran yang lebih meluas.

Sementara itu, Bekok juga bercadang supaya *Bank Of Johor* yang dirancang dapat membantu dalam program transformasi untuk pembangunan sektor pertanian seperti meningkatkan pendapatan pengusaha pertanian, meningkatkan produktiviti dan daya saingan sektor pertanian melalui pemindahan teknologi, mendapatkan rangkaian di antara sektor pertanian dan sektor pembuatan ringan dan sebagainya. Ini adalah kerana program transformasi amat memerlukan modal untuk menjayakan program tersebut. Setakat ini, Bank Pertanian masih tidak dapat membekalkan modal yang secukupnya kepada pengusaha tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bekok mengharapkan pemberian tumpuan peruntukan dan perkhidmatan daripada kerajaan negeri terhadap masalah kehilangan tenaga muda di Bekok. Selain itu, Bekok juga berharap kerajaan mementingkan kebajikan bayi, kanak-kanak kecil dan warga tua supaya golongan muda akan lebih senang hati sementara mengerjakan usaha mereka. Bekok bercadang supaya program pusat jagaan harian warga tua dapat dilaksanakan di Bekok juga.

Program ini bertujuan untuk memberi kemudahan penjagaan harian kepada warga tua terutama bagi mereka yang tinggal keseorangan semasa ketiadaan ahli keluarga atau penjaga kerana keluar bekerja. Dengan cara ini, warga tua dapat terus hidup dengan keluarga sendiri dan penjaga mendapat khidmat sokongan dalam jagaan warga tua yang lebih terjamin. Pelbagai aktiviti seperti kelas kraf tangan, ceramah kesihatan, senaman sukan, keagamaan dan sebagainya dapat disediakan bagi mengisi masa lapang warga tua dan membolehkan warga tua belajar berdikari, berinteraksi sesama mereka dengan masyarakat tempatan, memperolehi pengetahuan dan kemahiran serta terus dapat menyumbang khidmat sukarela kepada masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, peranan dan fungsi Majlis sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan adalah memberi perkhidmatan yang cekap dan efisien secara berterusan, merancang, melaksana dan menyelenggara projek pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan. Maka, Bekok juga menyeru Majlis Daerah Labis supaya mementingkan aduan penduduk tempatan dan mengambil tindakan segera demi kesejahteraan dan ketenteraman rakyat. Sebelum ini Bekok sebagai Wakil Rakyat dan salah satu saluran suara rakyat telah membuat aduan dengan menghantar surat rasmi kepada Majlis Daerah Labis, dukacitanya banyak aduan yang telah dibuat kepada Majlis Daerah Labis

belum diselesaikan dan diatasi, malah tidak dapat apa-apa berita dan balasan daripada majlis berkenaan dengan perkembangan aduan langsung. Banyak aduan seperti kerosakan dan keruntuhan longkang masih belum diperbaiki. Banyak jalan elok baik dikorek pula kerana pembaikan paip air dan penanaman paip elektrik tetapi kerja penurapan jalan tar pula perlu ditinggalkan selepas suatu jangka masa. Walaupun jalan berlubang dan rosak ditutup dengan tar, tidak kelamaan jalan tersebut pun akan tenggelam berlubang dan rosak lagi.

Apakah tindakan dan perkembangan tentang aduan tiada perkhidmatan TM di Taman Sri Sejati dan Taman Maju Jaya, Labis. Bagaimanakah Majlis Tempatan merancang untuk memenuhi permintaan rakyat tempatan. Salah satu fungsi Majlis Daerah Labis adalah memberi perkhidmatan dan mengadakan kemudahan asas kepada rakyat. Majlis sepatutnya merancang dengan baik sebelum melaksanakan projek pembangunan bukannya baru hendak mencari jalan selepas masalah ditemui. Bukan sahaja penduduk tempatan berasa kecewa, malah Bekok juga merasa dukacitanya kerana tidak dapat memberitahu maklumat terkini berkenaan dengan aduan yang telah dibuat kepada penduduk tempatan kerana Majlis langsung tidak membalas kepada Bekok melalui telefon mahupun surat.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

**YB Dato' Timbalan Speaker:** Bekok, sila gulung.

**YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) :** Tinggal sikit lagi lah. Salah satu fungsi majlis termasuklah merancang mengurus dan mengatasi masalah kebersihan dan kesihatan awam. Bekok meminta Majlis Daerah Labis dan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar supaya menubuhkan satu jawatankuasa untuk memantau keadaan pengeluaran asap hitam dan habuk oleh kilang pemprosesan kelapa sawit di Jalan Kilang Chaah yang sering diadu oleh penduduk sekitar. Ini adalah kerana asap dan habuk sentiasa menutup atas lantai rumah, kereta dan baju yang dijemur di luar rumah. Penduduk tempatan amat takut dan asap hitam dan habuk tersebut akan menjejaskan kesihatan mereka.

Justeru itu, Bekok memohon pihak berkuasa membuat satu laporan yang lengkap tentang penilaian tahap kesihatan dan kebersihan alam sekitar kawasan tersebut dan mengadakan satu ceramah atau perbincangan untuk berkomunikasi dengan penduduk sekitar dan menghapuskan ketakutan dan kekeliruan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan harus mendengar suara dan mengetahui permintaan rakyat dengan tulus hati. Kerajaan harus menjaga kebajikan setiap lapisan masyarakat sementara memajukan ekonomi negeri. Bak titah Baginda Yang Maha Mulia bahawa di negeri Johor ini tidak kira apa jua kaum sama ada Melayu, Cina mahupun India kami adalah rakyat negeri Baginda. Hak dan kepentingan semua akan dijaga dan dipelihara. Ini saja junjung kasih Bekok pada hari ini. Sekian, terima kasih.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Dia punya *landing* dia...ingat mahu sambung lagi tadi. Perbahasan diteruskan, sila Pekan Nenas. *Take off* dan *landing*. Bagus, bagus. (Dewan ketawa).

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Selamat sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker dan rakan-rakan Ahli Dewan sekalian. Pekan Nenas ingin menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Penggal Persidangan Yang Keempat Bagi Dewan Negeri Johor yang ke-13 pada 14 April yang lalu.



Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak akhir ini ada khabar angin untuk menggulingkan Menteri Besar Johor. Bagi Pekan Nenas, kalau ada apa-apa unsur ketidakpercayaan diusulkan dalam Dewan ini, janganlah menuju kepada Menteri Besar kita, menuju kepada Perdana Menteri negara kita. Jika seseorang tidak mengetahui apa kandungan dalam perjanjian yang ditandatangani sendiri ini bukan *standard* pemimpin, ini *standard* Mr. Bean. (Dewan Ketawa).

Yang Berhormat Dato' Speaker, kegiatan perjudian mesin kuda masih aktif di negara Johor. Aktiviti-aktiviti mesin kuda telah menimbulkan pelbagai masalah sosial dan kegiatan jenayah terhadap orang awam. Banyak pusat perjudian yang diserbu tidak memiliki sebaran lesen apabila diserbu pihak berkuasa yang ditangkap bukan tauke – tauke sebenar. Tidak dapat dinafikan pihak berkuasa menghadapi kesukaran untuk membanteras kegiatan ini. Pihak Pekan Nenas menyeru pihak Polis menguatkuasakan Seksyen 21A Akta Rumah Judi Terbuka 1953 untuk memotong bekalan elektrik di premis yang terlibat dengan aktiviti mesin judi selama satu bulan.

Pekan Nenas juga memberi cadangan supaya kerajaan menggubal undang-undang yang baru untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik premis yang menyewa premis mereka kepada pihak yang menjalankan kegiatan mesin kuda. Sebagai contoh di Amerika Syarikat, kerajaan telah meluluskan *Red Light Abatement Law* untuk mengambil tindakan terhadap pemilik premis yang menyewakan premis mereka untuk kegunaan mereka kegiatan perjudian mesin kuda. Dalam *Red Light Abatement Law, Section 11125 - 11235* telah memberi kuasa kepada kerajaan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik premis jika premis mereka digunakan sebagai pusat perjudian. Pemilik yang bersabit salah akan didenda di antara USD200 sehingga USD1,000 atau pun dipenjarakan selama 1 bulan ke 6 bulan. Mahkamah juga berhak mengenakan *civil penalty* sebanyak USD25,000 terhadap pemilik dan premis tersebut dan premis tersebut boleh diarahkan tutup selama satu tahun. Ini merupakan langkah-langkah yang boleh negara kita contohi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Seksyen 29A menyatakan orang menyebabkan dan membenarkan pembakaran terbuka akan didenda tidak melebihi RM500,000.00 dan dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Seksyen 29B menyatakan jika berlaku pembakaran terbuka di premis, pemilik atau penduduk akan disifatkan sebagai melanggar Seksyen 29A dan Seksyen 29C menyatakan pemilik atau penduduk premis perlu membuktikan bahawa pembakaran terbuka itu berlaku di luar kawalan dan pengetahuan mereka serta mereka berusaha mengambil langkah-langkah berjaga yang munasabah untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku.

Bagi pandangan Pekan Nenas, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 yang sedia ada telah menitik beratkan peranan pemilik premis untuk bertanggungjawab supaya premis mereka tidak menimbulkan masalah dan gangguan kepada masyarakat dan orang awam. Prinsip yang sama di dalam Akta Alam Sekitar Seksyen 29 ini yang menekankan tanggungjawab pemilik premis perlu dilaksanakan dalam undang-undang yang digunakan untuk membanteras perjudian mesin kuda.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas ingin mendapat pencerahan mengenai projek mereka bentuk, membina dan menyiapkan jeti pendaratan dan dewan pemasaran di bawah program transformasi luar bandar di Sungai Pontian Kecil. Projek ini dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan dimulakan pada 10 September 2014 dan sepatutnya disiapkan pada 10 Mac 2015. Malah sampai hari ini banyak bot-bot nelayan masih belum berpindah ke jeti baru. Kelewatan jeti ini juga mempengaruhi



perkembangan pembinaan jambatan dari pusat perdagangan Pontian ke Jalan Alsagoff yang amat dialu-alukan oleh warga Pontian.

Apakah sebab-sebab yang menyebabkan banyak nelayan di Sungai Pontian Kecil masih tidak pindah ke jeti tersebut? Dan, apakah tindakan-tindakan drastik yang akan diambil supaya jeti pendaratan dapat disiapkan dengan sempurna? Pekan Nenas juga ingin mengetahui perkembangan pembinaan Dewan Pemasaran di Pusat Perdagangan Pontian. Apabila Pekan Nenas meninjau ke tapak pembinaan jeti Pekan Nenas nampak jeti, nampak bilik-bilik kecil tetapi tidak wujud apa-apa dewan di tapak tersebut. Adakah pembinaan Dewan Pemasaran telah terbengkalai atau pun saiz dewan Pemasaran yang dinyatakan pada tanda adalah satu bilik yang terlalu kecil dan tidak setimpal dengan gelaran dewan, itu persoalan saya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas menyahut baik dengan usaha kerajaan untuk melaksanakan Pelan Strategi Pertumbuhan Johor. Untuk memastikan pembangunan ekonomi yang seimbang agar pembangunan ekonomi dapat dinikmati segenap lapisan masyarakat di negara ini dan kesan limpahan ekonomi dapat dirasai di setiap daerah berdasarkan kekuatan sumber ekonomi yang terdapat di setiap negeri ini. Menurut strategi pertumbuhan daerah, pembangunan daerah Pontian telah dititik beratkan dalam sektor eko-pelancongan, aktiviti perikanan dan maritim serta pembuatan ringan, pemprosesan makanan dan pembinaan. Pembangunan dalam sektor-sektor tersebut adalah bersesuaian dengan keunikan dan keistimewaan yang terdapat di daerah Pontian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, nenas adalah identiti tanaman bagi daerah Pontian. Di logo Majlis Daerah Pontian adanya gambar Pekan Nenas, eh adanya gambar nenas. Di tepi jalan besar Pekan Nenas dan Mini Stadium daerah Pontian terdapat *statue* nenas yang besar. Mural yang dilukis sejak akhir-akhir ini juga gambar nenas. Ini membuktikan bahawa tanaman nenas merupakan satu ciri keunikan daerah Pontian. Banyak tanah di daerah Pontian terdiri daripada tanah gambut dan sesuai untuk penanaman nenas yang luas. Nenas boleh digunakan sebagai asas bahan mentah untuk perindustrian, pengetinan nenas dan pemprosesan makanan. Namun kilang pengetinan nenas Pineapple Canning of Malaysia (PCM) yang diuruskan oleh syarikat Kumpulan Fima Berhad telah berhenti operasi pada tahun 2009. Ini membawa impak negatif terhadap sektor penanaman nenas di kawasan Pekan Nenas. Adakah kerajaan merancang untuk membangunkan semula perindustrian kepingan nenas atau industri pemprosesan makanan berkaitan nenas untuk merealisasikan slogan, satu daerah satu industri dan memastikan penanaman nenas di daerah Pontian tidak akan menjadi *sunset industry*.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya harap pihak kerajaan dapat menyediakan lebih banyak subsidi dan bantuan kepada pengusaha yang terlibat dalam bidang berkaitan dengan bidang perusahaan nenas di daerah Pontian. Pekan Nenas berpendapat berpandangan bahawa kewujudan kilang pengetinan atau pun kilang pemprosesan makanan nenas adalah penting dalam usaha untuk memajukan sektor dengan kewujudan industri sekunder, kilang yang sedia ada dapat menandatangani perjanjian dengan penanam nenas untuk memastikan hasil tanaman mereka boleh dihantar terus ke kilang.

Dengan adanya konsep *contract farming* petani-petani kecil tidak perlu menghadapi risiko kekurangan pasaran dan kilang boleh mendapat sumber bahan mentah yang stabil. Kewujudan industri sekunder yang mencukupi dan pelaksanaan *contract farming* boleh diperluaskan kepada hasil tanaman yang berlainan untuk menjamin nasib dan sumber rezeki petani-petani kecil supaya nasib mereka tidak tergugat akibat lambakan buah-buahan tempatan dan dieksploitasikan oleh orang tengah. Produk-produk istimewa yang

terdiri daripada buah nenas juga berpotensi mendapat daya tarikan terhadap eko-pelancongan dan dapat menambahkan sumber pendapatan kepada penduduk tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, negara kita mempunyai 6 tapak RAMSAR iaitu Tasik Bera, di Pahang, Kuching Wetlands di Sarawak, Lower Kinabatangan Segama Wetlands di Sabah, serta Pulau Kukup, Tanjung Piai serta muara sungai Pulai di Johor. 3 daripada 6 tapak RAMSAR terletak di kawasan Pontian bersama dengan kedudukan istimewa Tanjung Piai sebagai Penghujung Paling Selatan Benua Asia. Daerah Pontian mempunyai keunikan yang begitu sesuai untuk memajukan sektor eko-pelancongan seperti yang dinyatakan dalam Pelan Strategi Pertumbuhan Johor. Dengan adanya hutan paya bakau yang begitu luas dan sesuai menjadi tapak pembiakan hasil laut, daerah Pontian khususnya di kawasan Tanjung Piai dan Kukup sesuai untuk menjalankan aktiviti perikanan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada penangkapan ikan pinggir laut, kawasan Kukup juga terkenal dengan aktiviti penternakan ikan dan makanan laut. Rumah persinggahan dan pakej pelancongan untuk menikmati makanan laut di Kukup telah berjaya menjadi destinasi pelancongan yang terkenal di seluruh dunia. Banyak pelancong juga pergi ke Taman Negara Tanjung Piai dan menjejak kaki di Penghujung Paling Selatan Benua Asia. Ini semua ciri-ciri keunikan yang tidak dapat digantikan oleh destinasi pelancongan tempat lain.

Oleh itu, saya amat setuju dengan Pelan Strategi Pertumbuhan Johor yang menitikberatkan perkembangan eko-pelancongan dan perikanan di daerah Pontian. Kerajaan perlu memikul tanggungjawab memelihara hutan paya bakau yang sedia ada di Pontian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, malah pembangunan yang terdapat di negeri Johor terlalu tertumpu kepada mega projek dan menyebabkan rakyat terpinggir dalam arus pembangunan.

Selain pembinaan pelabuhan Tanjung Pelepas, muara Sungai Pulai juga digunakan sebagai tapak pembinaan loji penjana kuasa Malakoff serta pelaksanaan projek petrokimia yang menyebabkan beribu-ribu hektar hutan paya bakau termusnah. Pendapatan nelayan semakin kurang.

Cara pembangunan ekonomi ini adalah bertentangan dengan Pelan Strategi Pertumbuhan Johor yang menyatakan bahawa kegiatan perikanan dan eko-pelancongan di negeri Johor perlu diberi keutamaan dan dimajukan untuk kebaikan penduduk tempatan daerah Pontian.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

**YB Dato' Speaker :** Pekan Nenas, sila gulung ya.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Saya cepat sikit. Sejak akhir-akhir ini, Pusat Petroleum Bersepadu dan Taman Maritim yang melibatkan penambakan seluas 1,411 hektar sedang dijalankan di Tanjung Piai. Pelaksanaan projek ini pasti akan menjejaskan sumber rezeki nelayan dan membawa impak alam sekitar yang tidak dapat dipulihara.

Projek Pusat Petroleum Bersepadu yang melibatkan penambakan tanah yang luas akan membawa impak yang lebih besar jika berbanding dengan pembangunan pelabuhan Tanjung Pelepas, Stesen Janakuasa Elektrik dan industri petrokimia di Tanjung Bin.

Kawasan perairan dan tanah bencah di sekitar Tanjung Piai ke muara Sungai Pulai seluas 1,411 hektar akan digantikan oleh tanah. Di sana adalah tapak para nelayan mencari rezeki. Kawasan sana juga hanya berjarak 900 meter dari Taman Negara Tanjung Piai.

Kerajaan tidak harus membuat perancangan untuk melaksanakan projek petroleum ini di kawasan berhampiran Tanjung Piai. Di seluruh Malaysia, kita hanya ada 6 tapak RAMSAR, malah 3 daripadanya tertumpu di kawasan Tanjung Piai, iaitu tapak RAMSAR Pulau Kukup, Tanjung Piai dan Sungai Pulai.

Selain itu, di negeri Johor sudah terdapat beberapa projek pembangunan petroleum bersepadu yang telah beroperasi atau dalam proses pembinaan seperti Tanjung Langsung dan Projek RAPID di Pengerang.

Adalah tidak rasional kerajaan menjalankan projek petrokimia di kawasan yang begitu istimewa dan merupakan sumber hasil laut yang kaya di negara kita serta terlalu dekat dengan Taman Negara.

Menurut kajian DEIA, nelayan yang telah mendapat pandangan bahawa projek petrokimia yang dijalankan. Mereka percaya projek penjanakuasa Tanjung Bin dan Tanjung Pelepas telah membawa kemudaran terhadap kehidupan dan rezeki mereka adalah selinggi 89.3%. 97.6% daripada nelayan percaya pelaksanaan projek cadangan pembangunan Pusat Petroleum Bersepadu akan menyebabkan sumber rezeki mereka semakin terjejas. Ini tidak hairan kerana pengalaman pahit yang masih dirasai oleh penduduk setempat akibat projek pembangunan Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Stesen Janakuasa Elektrik Tanjung Bin yang dibina dalam dekad yang lepas.

Walaupun projek petroleum bakal membawa peluang pekerjaan baru kepada penduduk tempatan. Hasil kajian DEIA, juga mengakui bahawa golongan yang tidak berkemahiran akan terpinggir. Keadaan ini juga pernah berlaku di mana projek Tanjung Bin mengupah banyak orang yang bukan berasal daripada penduduk tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan perlu berhati-hati dan membuat perancangan yang rapi semasa menjalankan sebarang mega projek. Jangan asyik salahkan pembangkang, membantah projek pembangunan menyebabkan usaha kerajaan tidak berjaya. Pada masa dulu, *Asean Petroleum Hub* dirancang, dibina untuk persimanan minyak mentah dengan keluasan 40 hektar. Walaupun tiada bantahan hebat daripada pembangkang, projek tersebut tetap terbengkalai di muara Sungai Pulai. Siapa yang patut disalahkan? Jika projek 40 hektar untuk projek persimanan minyak pun gagal dilaksanakan, macam mana kita boleh yakin terhadap pelaksanaan Pusat Petroleum Bersepadu dengan keluasan 1,411 hektar iaitu 35 kali ganda lebih besar daripada *Asean Petroleum hub* dapat dijalankan.

Yang Berhormat Dato' Speaker..

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Ok. Pekan Nenas, dah cukup masa.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Oh sikit sahaja.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Sila gulung.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Ya, saya gulung. Siapakah bakal pelabur projek ini. Kita imbas kembali pada 12 Mac 2013, Pengerusi Aabar Invest PJS dan IPIC, *Manager Director*, Khadem Al-Qubaisi dan Pengerusi TMDB Lodin Wok Kamarudin menandatangani

dua perjanjian strategi mengenai Tun Razak Exchange dan projek persimpanan petroleum sebanyak 60 million barrels di Tanjung Piai. Menurut perjanjian, Abu Dhabi akan melabur RM21 billion membina kemudahan persimpanan minyak di Tanjung Piai untuk kegunaan Abu Dhabi. Manakala, Khadem Al-Qubaisi sebagai Pengerusi Aabar Invest PJS dan CEO Aabar Invest PJS, Mohammad Badawy telah ditahan oleh pihak berkuasa Abu Dhabi akibat disyaki terlibat dalam skandal penyelewengan dan menyebabkan wang 1MDB disalur ke dalam akaun Aabar Invest PJS DVI. Sebuah syarikat yang tidak ada langsung kaitan dengan IPIC. Tambahan pula syarikat Aabar Invest PJS DVI telah digugurkan pada Jun 2015. Pada masa yang sama, pada 13 Mac 2013 Benalec sebagai syarikat yang menjalankan kerja penambakan projek ini membuat pengumuman di Bursa Malaysia bahawa Satu Malaysia Strategic Oil Terminal menandatangani MOU yang melibatkan pembelian 1,000 ekar tanah.

Manakala perjanjian jual beli tanah ini hasil antara Benalec dengan Satu Malaysia Strategic Oil Terminal menghadapi banyak kali penangguhan sejak 12 Mac 2013. Akhirnya perjanjian jual beli tanah sebanyak 1,000 ekar gagal ditandatangani pada 11 Jun 2015. Ini menyebabkan Benalec masih sedang mencari joint venture apabila projek penambakan sedang dijalankan. Persoalannya, adakah pelaburan daripada Abu Dhabi yang sering diumumkan dan dialu-alukan untuk melabur di Projek Tanjung Piai telah menghadapi masalah akibat skandal 1MDB?

Yang Berhormat Dato' Speaker,

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Gulung.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Ya.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Cukup.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Ya. Dan akhir sekali, saya berharap pihak kerajaan boleh menyediakan peruntukan untuk penurapan semula Jalan Skudai Johor. Datuk EXCO, kita semua orang Pontian. *You help me, I help you. Thank you very much.* Dan, lain saya mencadangkan pihak kerajaan untuk membekalkan pasukan Bomba di setiap daerah supaya memilik sebuah jentera tangga cakera putar untuk meningkatkan efficiency tugas menyelamatkan di bangunan tinggi. Sekian, terima kasih.

**YB Dato' Timbalan Speaker :**Perbahasan diteruskan, sila Kempas.

**YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya bagi pihak rakyat di Kempas merakamkan ucapan terima kasih kami kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan di Bangunan Sultan Ibrahim tempoh hari.

Kempas telah hayati dengan penuh keprihatinan titah ucapan ke bawah Duli Tuanku. Ternyata Tuanku Sultan amat peka dengan situasi negara khususnya di negeri Johor Darul Ta'zim. Kempas terus menjunjung duli bersefia kepada Baginda Sultan. Rakyat Kempas juga menjunjung kasih di atas usaha dan kejayaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk membawa masuk pelabur-pelabur asing dan sekaligus membawa pembangunan yang ketara dan pesat di beberapa tahun yang lepas ini.

Kempas juga mengucapkan terima kasih dan menyanjung tinggi kejayaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah melaksanakan pengurusan pelaburan asing ke

negeri Johor ini dengan cukup baik dan cemerlang. Kempas juga menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Sultan Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim kerana telah berjaya mengharumkan nama Johor di dalam bidang sukan terutamanya di dalam arena bola sepak. Setinggi-tinggi tahniah kepada rakyat negeri Johor di atas kemenangan pasukan JDT di persada Asia dengan menjuarai Piala AFC. Lebih-lebih lagi kepada mereka-mereka yang dapat mengikuti rombongan ke sana. Pembangunan ekonomi, kestabilan politik dan kemajuan sukan. Inilah tiga perkara teras kepada kemakmuran sesebuah negeri.

Dalam titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Baginda telah menyentuh tentang keadaan Islam di negara ini. Kempas mengalu-alukan keputusan Baginda untuk mewajibkan setiap penceramah itu mendapat tauliah dari Jabatan Agama Johor sebelum dibenarkan untuk berucap di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tepat apa yang di titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan tentang cabaran yang dihadapi agama Islam pada hari ini, dan penyebaran ilmu oleh penceramah-penceramah yang ada agenda sendiri mungkin menjadi salah satu dari sebabnya. Ini memandangkan penceramah-penceramah yang terkenal mempunyai penyokong dan pengikut masing-masing dan apabila penceramah bercanggah pendapat maka ianya akan mengelirukan umat Islam di negara ini.

Contohnya, suatu ketika dahulu seorang mufti terkenal telah menyalahkan suatu hadis yang dibawa oleh seorang lagi penceramah tersohor menyebabkan ramai yang sudah waswas di atas kesahihan hadis-hadis yang dibawa dalam forum-forum perdana selepas itu. Maka Kempas menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan mengucapkan tahniah kepada Majlis Agama Islam Johor di atas keputusan yang tepat ini.

Terdapat pula di kebelakangan ini, kita melihat berlumba-lumba penceramah-penceramah ini mencari nama supaya mendapat beberapa banyak undangan yang mungkin dengan bayaran dan syarat-syarat tuntutan yang kadang-kadang sudah tidak mencerminkan kerja-kerja dakwah yang dituntut oleh agama kita. Untuk menarik penonton kepadanya, ada yang sanggup menyanyi lagu *Bollywood* dan ramai lagi yang nak selitkan lawak-lawak jenaka yang kadang-kadangnya melibatkan topik-topik yang berunsur lucah untuk membuat orang ketawa. Kadang-kadang kita pun keliru sama ada majlis ceramah itu adalah Forum Islam Perdana ataupun rancangan Raja Lawak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya nyanyi-nyanyian dan lawak jenaka itu menguasai 75% dari ceramah tersebut, sementara dakwah agama tinggal hanya 25%. Orang ramai pun balik pada malam itu dengan kenangan manis tentang si penceramah tersebut, bukannya dakwah yang dibawanya kepada masyarakat setempat. Saya juga ada pengalaman tentang masalah yang dihadapi tuan rumah apabila penceramah menggantikan dirinya di saat-saat akhir dengan orang lain semata-mata untuk mengejarkan undangan korporat yang membawa hasil yang lebih lumayan. Memang benar, perkara ini melibatkan satu dua penceramah sahaja, tetapi percayalah perkara ini memang kerap berlaku.

Selama dua belas tahun saya dijemput mengikuti majlis-majlis maulidur rasul ini, biasanya saya akan duduk mendengar ceramah-ceramah agama ini dari mula sampai akhir. Sebab itu saya boleh mengesahkan perkara yang saya sebut ini tanpa was-was. Dalam dua belas tahun itu, saya juga pernah duduk dari awal sampai habis ceramah yang dibawa Yang Berhormat EXCO Agama semasa beliau baru-baru pulang dari Mesir sebagai Imam Besar Negeri, lama sebelum kita berdua menjadi Wakil Rakyat. Suka saya nyatakan di sini bahawa beliau tidak pernah melawak atau menyanyi semasa

berceramah dan tazkirah beliau, namun yang pulang dari ceramahnya boleh mengingatkannya termasuk dakwah yang dibawanya pada majlis tersebut.

Bukan itu sahaja Dato' Speaker, bayaran sagu hati pun beliau tolak. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat EXCO. Berkat dari keikhlasan beliau dalam menyebarkan agama Allah, maka Allah telah mengangkat makam dan darjatnya sehingga menjadi EXCO Agama pada hari ini. Dan, mungkin juga berkat dari saya duduk dari awal sampai habis ceramah agama EXCO ini maka saya juga turut diangkat menjadi Ahli Dewan yang mulia ini. Alhamdulillah. (Dewan Bertepuk)

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Alhamdulillah amin. EXCO Agama tak ajak Kempas ke Mesir?

**YB Datuk Tengku Putra Haron Amlnurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) :** Harap-harap lepas ucapan saya ni, adalah *chance*. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, oleh yang demikian, Kempas dengan rendah diri ingin mencadangkan supaya bayaran sagu hati kepada semua penceramah dihadkan kerana pada hari ini sudah sampai tahap ada yang berlumba-lumba untuk berceramah bukan sahaja untuk berdakwah tetapi juga kerana habuan yang dianggap sebagai rezeki sampingan dan ini tidak baik sedangkan ramai dari mereka ini sudah pun ada kerja tetap. Kita tidak mahu agama itu dijadikan bahan dagangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi yang datang dari luar, cukup sekadar menyediakan penginapan 4 bintang, pengangkutan serta sajian dan bekalan sagu hati sebanyak RM200.00 umpamanya. Begitu juga bagi penceramah dari dalam negeri Johor. Cukup sekadar membiayai duit minyak dan tol ditambah pula dengan sagu hati yang ditetapkan kepada semua penceramah iaitu sebanyak hanya RM200.00 juga. Barulah berkat dakwah dan kehidupan mereka Insya-Allah.

Apa yang sedihnya Yang Berhormat Dato' Speaker, pada hari ini terdapat lebih penceramah agama dari guru sekolah-sekolah agama. Kempas berharap agar kerajaan dapat menyediakan lebih guru-guru sekolah agama dengan mencari kaedah yang terbaik untuk menangani masalah ini. Juga diharapkan sekolah-sekolah agama ini dilengkapi dengan *Wi-Fi* atau Internet supaya ianya dapat membantu dalam pembangunan pembelajaran murid-murid sekolah agama itu. Dalam pada masa yang sama, seluruh Kempas juga perlukan jaringan *network* yang lebih pantas. Kempas masih tertunggu-tunggu perkhidmatan *Unifi* daripada pihak Telekom Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pekerja asing. Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga ada menyentuh tentang dasar-dasar kerajaan yang sering berubah yang akan menggugat keyakinan pelabur. Kempas menyanjung tinggi titah Tuanku Sultan dalam perkara ini, lebih-lebih lagi dalam isu pekerja asing. Kerajaan pusat seharusnya membuat kaji selidik dengan teliti dahulu sebelum membuat keputusan ke atas satu-satunya dasar. Kita perlu pekerja asing tetapi cara pelaksanaannya wajib dihalusi dengan tepat dan bukan membuat keputusan seperti nak pergi ke pasar malam.

Mengikut kepada statistik, jumlah angka pendatang asing yang terlajak tinggal yang berlegar tahun lepas di negara kita menjangkau 4.5 juta orang. Maka dari kita masukkan pekerja-pekerja yang baru ke negara ini, kerajaan seharusnya *redeploy* mereka ini ke dalam *work force* semula supaya tidak ada lagi kebanjiran warga asing yang tidak diperlukan. Harus kita ingat, negara kita adalah tujuan mereka-mereka yang hendak cabut dari negeri masing-masing. Dengan cara kononnya bekerja di sini, maka mereka ada cara untuk berada di sini tanpa dipanggil *refugees*, dengan izin. Sekali lagi Kempas tekankan, kita mahu mereka ini datang, habiskan kerja pembangunan dalam negeri ini dan balik ke negara asal mereka dan bukan beranak-pinak di bumi Johor ini, kemudian

menguasai bidang perdagangan dan menjadi majikan pula kepada Bangsa Johor yang sedia ada.

Juga titah Tuanku melibatkan masalah pekerja di Muar kerana ketandusan pekerja asing amat tepat dan dikesali. Diharap kerajaan pusat dapat ambil perhatian utama terhadap industri-industri dalam negeri yang memerlukan pekerja-pekerja asing seperti ini. Difahamkan di Pengerang di mana letaknya projek yang beragenda nasional ada kesulitan dalam membawa pekerja mahir dan jika ia menjadi sulit maka lamalah lagi jangka masa persiapan yang ditetapkan itu kerana terpaksa dianjakkan lagi tarikh persiapannya itu. Jika projek asing boleh diberi *blanket approval* untuk 5,000 orang pekerja termasuk yang mahir dari Tanah Besar China, mengapakah projek tempatan pula mendapat kesulitan untuk membawa lebih sedikit dari 100 orang dari negeri yang sama? Diharap agar pihak berkuasa tengokkan perkara ini dengan teliti.

Pelancongan. Kempas mengucapkan tahniah di atas kejayaan *monsoon cup* yang diadakan baru-baru ini. Ianya mendapat liputan yang agak luas memandangkan ianya dilaporkan setiap hari di ruang berita di dalam dan di luar negara. Namun demikian, Kempas ingin tahu, mengapakah ianya tidak diberi promosi yang luas di kalangan rakyat tempatan? Kemudahan seperti tempat-tempat duduk tidak disediakan untuk rakyat tempatan yang ingin menonton. Sukan pelayaran bukan hanya untuk mereka yang mampu. Ianya juga seronok bagi orang biasa untuk menontonnya.

Diharap masa akan datang apabila sukan antarabangsa diadakan di bumi Johor ini, maka faktor rakyat tempatan wajib diambil kira. Walaupun mungkin syarikat swasta yang menganjurkannya, namun demikian Kempas yakin bahawa Jabatan Pelancongan Negeri ada sedikit kuasa untuk memberi cadangan yang baik untuk Bangsa Johor yang majmuk yang sudah moden kini.

Pembangunan. Yang Berhormat Datuk Speaker, kita mengalu-alukan cadangan Stulang tadi untuk memasarkan barangan kita di luar negara. Kita bersedia untuk bersaing dengan dunia tetapi susah juga kita jika rakyat Malaysia sendiri yang keluar negara memburuk-burukkan produk yang kita pasarkan itu. Ini berlaku dengan pasaran PROTON ke luar negara dahulu. Hanya ciri-ciri yang negatif sahaja yang diceritakan sedangkan ciri-ciri yang positif disenyapkan. Ini saya berada di UK semasa kita eksport kereta PROTON.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat Korea umpamanya, mungkin membangkang satu sama lain di dalam negeri mereka tetapi mereka taat setia kepada negara mereka itu dan bersatu apabila berdepan dengan dunia. Biarlah penyakit ini hanya tertumpu di luar sempadan bumi Johor. *With Johor today is a new deal and we take care of our own*, dengan izin. Dalam kita memasarkan Johor kepada dunia kelak, Kempas berharap kita dapat bersatu dan jangan ada seorang pun Bangsa Johor yang sanggup mengkhianati usaha kita untuk menjadi ekonomi gergasi di rantau ini, insya-Allah. Kempas juga mengucapkan tahniah di atas pembangunan yang pesat yang sedang dijalankan di Selatan Johor selain daripada projek di Iskandar Malaysia. Kempas menyokong penuh pembangunan yang pesat dan cepat oleh pelabur-pelabur asing ini.

Di masa yang sama, kita harus tentukan seiring dengan pelaburan ini yang tentunya baik bagi ekonomi negeri Johor, kedaulatan negeri kita juga terjamin. Ini terletaknya di bahu ketua-ketua jabatan dan Pihak Keselamatan Dalam Negeri yang setakat ini telah menjalankan tugas mereka dengan cukup baik sebagaimana yang dititahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim. Amanah yang berat ini berada di bahu masing-masing untuk menentukan bahawa Johor adalah Johor buat selama-lamanya di



bawah panji-panji Allah SWT dan bendera merah, biru, putih tanpa dijajah semula oleh mana-mana pihak yang mungkin ada agenda mereka tersendiri.

Kita tidak mahu bendera gergasi mereka terkibar dengan sergam di bumi kita sementara panji-panji negeri Johor terkibar dengan skala yang kecil di sebelahnya. Barang dijauhkan Allah. Juga, ingin Kempas utarakan perasaan kurang senang sebahagian rakyat apabila ucapan alu-aluan Pengerusi Forest City dipersembahkan di dalam bahasa ibundanya iaitu bahasa Cina sementara ucap balas oleh pihak tempatan kita disembahkan dalam bahasa Inggeris sebelum upacara perasmian oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang dititahkan dalam bahasa Melayu, Alhamdulillah.

Bagi pihak rakyat di Kempas dan bangsa Johor yang banggakan asal usul kita yang boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa asing, kita berharap agar sebagaimana pelabur dari republik rakyat China boleh berbangga dan mengekalkan bahasa mereka di dalam urusan perniagaan mereka di serata dunia, kita sekurang-kurangnya mengekalkan bahasa Melayu di dalam ucap balas kita apabila berdepan dengan mereka di upacara-upacara usaha sama kita yang akan datang, insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum Kempas mengakhiri ucapan ringkas ini, sekali lagi Kempas menjunjung kasih yang tidak terhingga menghadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ismail Ibni Almarhum Sultan Iskandar kerana dengan titah Baginda tempoh hari dengan sekali gus isu yang melibatkan kedudukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sudah boleh kita anggap terkubur kerana apa pun yang melibatkan kedudukan Menteri Besar, perlu perkenan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Apabila titah Tuanku tempoh hari menyatakan Baginda memberikan kepercayaan yang penuh kepada Menteri Besar dan kerajaan negeri sekarang, maka rakyat negeri Johor tidak lagi perlu untuk melayan cerita-cerita dongeng yang akan menyusul selepas ini.

Kempas juga ingin mengingatkan kepada semua pihak supaya jangan hendak cuba untuk menimbulkan syak wasangka di kalangan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dalam Dewan yang mulia ini, kerana perkara ini berpunca dari luar dan jika pun ada kesahihan di dalam angkara tersebut, ianya melibatkan Ahli Parlimen dan bukan mana-mana pihak di dalam Dewan yang mulia ini. Sebagai bangsa Johor yang cemerlang, celik dan berakal maka kita harus elakkan diri kita dari memukul canangkan seluruh kampung sesuatu khabar angin yang tidak ada kesahihannya sebaliknya kita pergi ke punca cerita tersebut dan minta penjelasannya dengan teliti dan berhemah, cara Johor. Kita telah membuang masa rakyat dengan perkara ini selama tiga minggu. Marilah kita jadi Bangsa Johor yang bijak dan cemerlang kerana kita ada tanggungjawab yang lebih besar iaitu dengan menentukan dengan izin Allah, negeri Johor mencapai matlamat kita untuk menjadi *The Economic Power House Of South East Asia* di masa yang terdekat yang mendatang.

Sehubungan dengan itu, Kempas ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada EXCO Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar & Wilayah Negeri yang telah meminta supaya KTM Kempas menjadi salah satu daripada perhentian bagi *high speed rail* yang menyambungkan Singapura kepada Kuala Lumpur menjadikannya serupa dengan KL Central kelak. Tentunya ianya akan menjadi pemangkin dalam menjana ekonomi bagi rakyat di bumi Kempas, insya-Allah.

Akhir kata, Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempas ingin merafakkan sembah ketaatsetiaan yang tidak berbelah bagi ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ismail Ibni Almarhum Sultan Iskandar dan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Sultan Briged Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim. Juga, ikrar kami untuk menyokong



penuh kepimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Haji Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor yang dinamik dan pro aktif yang kini diuar-uarkan sebagai satu-satunya Menteri Besar di zaman Johor moden yang terunggul, insya-Allah. Juga, lafaz taat setia saya kepada Bangsa Johor sekalian, al khususan kepada rakyat di bumi Kempas. Semoga Allah berkati Johor, Allah selamatkan Sultan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kempas mohon menyokong. Wabillahitaufik walhidayah warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Kempas, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ditangguhkan hingga jam 2:30 petang.

**Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.**

**YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Sila, Yong Peng.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat tengah hari dan salam sejahtera. Yong Peng mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberikan peluang mengambil bahagian untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Ke 4 Dewan Negeri Johor Yang Ke 13.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng memulakan ucapan kali ini dengan menarik perhatian semua isu GST yang mula dikenakan pada 1 April 2015 yang lalu. Golongan berpendapatan rendah mahupun pertengahan mula terhimpit dengan beban kewangan apa lagi golongan warga emas, ibu tunggal dan keluarga miskin serta golongan OKU. Yong Peng ingin bertanya di Dewan yang mulia ini, bagaimanakah kerajaan negeri dapat membantu golongan-golongan yang tersebut tadi? Adakah terdapat skim-skim tertentu yang memungkinkan golongan tersebut dapat menyerap kos sara hidup yang kian meningkat akibat pelaksanaan GST itu? Bagi golongan pesara seperti guru-guru, adakah pihak kerajaan menyediakan peluang untuk mereka meneruskan bakti kepada negara? Ada di kalangan guru-guru mempunyai kepakaran dan berpendidikan tinggi, amat rugi jika modal insan tersebut tidak digunakan. Dalam masa yang sama secara tidak langsung, kerajaan dapat membantu mereka menambahkan pendapatan.

Seterusnya, Yong Peng ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tentang masalah serangga bungkus yang telah mengancam ladang kelapa sawit di kawasan Yong Peng, Kangkar Baru dan Lam Lee. Di mana ia telah mengurangkan pendapatan para pekebun sebanyak lebih kurang 40%. Walaupun langkah-langkah telah diambil untuk menangani masalah tersebut seperti penyemburan ubat ke udara tetapi hasil tanaman masih tidak bertambah. Yong Peng di sini menyeru supaya bantuan secara kewangan dan teknikal dari kerajaan negeri diberi untuk membantu pekebun-pekebun yang mengalami kerugian ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berdasarkan kenyataan akhbar Kementerian Kesihatan Malaysia pada 25 Mac 2016, pada minggu kesebelas tahun 2016, sejumlah 2,247 kes demam denggi dilaporkan di seluruh negara yang terlibat 7 kematian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kebersihan alam sekitar dan tempat tinggal adalah suatu yang penting demi menjamin kesihatan rakyat sekalian. Ia sebenarnya berkait rapat dengan pendidikan modal insan dan pengurusan Kerajaan Tempatan yang cekap, tidak

dapat dinafikan bahawa sikap orang dewasa memang sukar diubah dan setiap kali berlakunya ahli keluarga dijangkiti demam denggi, mereka akan menyalahkan PBT dan kerajaan. Namun, keadaan ini agak berlainan di kalangan kanak-kanak. Pendidikan awal di kalangan kepada mereka dapat membentuk fikiran yang betul berkaitan kesihatan dan pentingnya kebersihan. Kerajaan negeri boleh bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam usaha menggalakkan pendidikan awal supaya murid-murid boleh dijadikan agen perubahan terhadap pencegahan demam denggi.

Yong Peng melihat kawalan denggi seharusnya dijadikan sebagai satu program kesedaran yang wajib diadakan pada setiap minggu di sekolah. Sehubungan itu, saya menyeru kerajaan mengetepikan faktor politik dan mengizinkan Wakil Rakyat bukan sahaja daripada UMNO atau MCA tetapi juga para Wakil Rakyat daripada DAP, PKR, Amanah, bebas mahu pun PAS untuk menganjurkan program-program kesedaran kawalan denggi di setiap sekolah di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan kes demam denggi yang tinggi dan sehingga boleh mengancam nyawa, cadangan yang seterusnya adalah menyediakan talian *hotline*, minta izin, untuk denggi di setiap PBT supaya orang awam boleh membuat aduan serta memberi maklumat tentang tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan lebih mudah. Yong Peng bercadang penggunaan pelbagai bahasa seperti bahasa kebangsaan, bahasa Tamil, dan bahasa Cina.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu seterusnya yang ingin Yong Peng maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini adalah berkenaan pemantauan pihak PBT terhadap struktur pembinaan longkang. Beberapa aduan daripada penduduk Yong Peng telah diterima berkaitan pembinaan longkang yang tidak sempurna.

Kes pertama di Taman Desa, penduduk mengadu longkang yang lama sebenarnya belum rosak tetapi diganti baru. Longkang yang baru dibina tidak sama paras dengan jalan dan ini telah mengakibatkan pasir dan sampah tertakung di longkang.

Kes kedua di Jalan Lim Eei Goh, takungan air dalam longkang yang baru diganti dan penduduk khuatir ia akan mengundang wabak denggi. Aduan ini telah dihantar ke Majlis Daerah Yong Peng sejak November 2015 tetapi masih belum ada penyelesaian.

Kes ketiga, projek pemasangan longkang di Jalan Damai, di mana langkah-langkah keselamatan tidak diutamakan dengan konkrit longkang yang terletak di tepi jalan seperti pembunuh yang tersembunyi. Tambahan pula pencahayaan yang tidak mencukupi akan membahayakan pengguna jalan raya. Di situ kita dapat lihat bahawa kontraktor-kontraktor projek tidak melakukan kerja tidak mengikut spesifikasi yang sepatutnya. Ini berlaku disebabkan tiada pemantauan semasa projek tersebut dijalankan. Di sini timbulnya soalan SOP pemilihan kontraktor, penerimaan projek yang siap dan pembayaran. Yong Peng meminta pihak-pihak yang terlibat dalam segala projek memastikan semua kerja dijalankan mematuhi kerja keselamatan dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan supaya wang ringgit dari rakyat tidak dibelanjakan secara sia-sia sahaja. Segala projek yang tidak mematuhi syarat atau spesifikasi yang sepatutnya harus tidak diterima dan tiada bayaran kepada kontraktor tersebut selanjutnya kontraktor tersebut seharusnya disenaraihitamkan dan diminta membayar pampasan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, PBT adalah sentiasa diingatkan bahawa pelanggan utama mereka adalah penduduk tempatan yang tergolong sebagai pembayar cukai. Mereka berhak bersuara terhadap segala perkhidmatan yang tidak berpuas hati. Yong Peng meminta agar tarikh mesyuarat bulanan setiap PBT dibuka kepada orang ramai melalui kenyataan akhbar supaya para penduduk dapat menghadiri mesyuarat tersebut.

Ini amat penting kerana penduduk dapat mengetahui perkembangan dan pembangunan kawasan masing-masing dan mereka dapat tahu adakah aduan-aduan mereka dibawa ke dalam mesyuarat untuk tindakan selanjutnya. Dan, bukan seperti sekarang, segala aduan tidak diberitahu tarikh tindakan dapat diambil Majlis Daerah atau Perbandaran. Juga boleh memberitahu Wakil Rakyat jika khuatir ia tidak dapat disampaikan kepada rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kesejahteraan hidup rakyat banyak bergantung kepada mutu perkhidmatan yang diberikan oleh agensi kerajaan termasuk pejabat YB EXCO. Di antara KPI yang dapat menilai prestasi kerja termasuk jangka masa maklum balas surat dan juga keberkesanan membalas panggilan telefon semasa waktu pejabat. Yong Peng ingin mengambil kesempatan ini memuji Pejabat Jurutulis yang membalaskan segala urusan dengan cepat dan bersopan santun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng telah menghantar surat ke Majlis Daerah Yong Peng meminta tarikh mesyuarat bulanan. Kecewanya, langsung tidak mendapat jawapan dan banyak surat telah dihantar berkenaan aduan penduduk juga tidak dijawab. Adakah Majlis Daerah Yong Peng sudah terlupa tanggungjawab Ahli Dewan Negeri adalah sebagai Wakil Rakyat yang diberi mandat oleh rakyat untuk mewakili mereka menyelesaikan masalah harian. Kalau tidak buat silap, apa yang nak disembunyikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YB EXCO Kesihatan, walaupun YB sekarang tidak ada di tempat duduknya. Oh ada YB, terima kasih..

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Tak nampak ke?

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Tak nampak. Maaf eh. Kerana mengusahakan sehingga Sungai Temehel dibersihkan. Pada masa hadapan, Yong Peng berharap agar Sungai Bekok, Sungai Sembrong, Sungai Sedili dan sungai-sungai lain di Johor juga dapat dibersihkan seperti yang telah Yong Peng katakan pada Sidang yang lalu. Pembersihan sungai harus dilakukan secara berjadual dan bajetnya dimasukkan di dalam bajet tahunan agar ia dapat di selenggara secara berterusan.

Dengan ini, Yong Peng ingin mengemukakan kes pengukuhan tebing Parit Seri Lalang, di mana pihak JPS telah memberi jawapan tebing tersebut tidak dapat diperbaiki disebabkan parit tersebut bukan parit JPS. Parit tersebut adalah sempadan tanah dan taman perumahan, parit tiada rizab. Bangunan rumah terletak terlalu hampir dengan parit tersebut. Jadi, Yong Peng ingin meminta pandangan dari semua, mana satu pihak yang boleh menghulurkan bantuan demi keselesaan dan keselamatan penduduk.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelaksanaan Bas Muafakat Johor telah bermula di Johor Selatan. Yong Peng menyeru kerajaan negeri jangan melupakan penduduk johor tengah khususnya Yong Peng, Kangkar Baru, Lamlee, Air Hitam dan yang lain-lain. Seperti yang disebut pada sidang yang lalu, tiada bas dari Stesen Batu Pahat. Stesen Bas Batu Pahat ke Hospital Kerajaan Batu Pahat, pesakit perlu membayar RM 20.00 dengan menaiki teksi beruiling alik dari hospital. Ini amat membebaskan pesakit khususnya warga emas dan golongan yang berpendapatan rendah. Demi membantu bangsa Johor yang berpendapatan rendah, Yong Peng berharap kerajaan negeri dapat memberi peruntukan yang lebih banyak untuk meningkatkan perkhidmatan Bas Muafakat Johor di kawasan Johor Tengah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng ingin juga mengucapkan terima kasih kepada YB EXCO Kerja Raya, bahawa sebahagian Jalan Yong Peng ke Air Hitam yang tidak rata dengan tampalan yang berlapis-lapis telah diturap semula. Tidak dapat dinafikan selain jalan yang tidak rata dan berlubang, struktur jalan dan jambatan yang tidak sempurna juga akan mengakibatkan meningkatnya kes kemalangan maut di jalan raya. Yong Peng ingin meminta kerajaan mengambil berat, menyiasat dan membetulkan keadaan jalan raya yang Yong Peng sebut di bawah.

Jalan Yong Peng ke Labis, beberapa jambatan kembar yang wujud di jalan tersebut amat merbahaya dengan strukturnya dan pencahayaan yang tidak mencukupi. Banyak kes kemalangan maut telah berlaku. Jalan Paloh dan Jalan Muar yang jalan raya dan jambatannya yang sempit dan sentiasa bertakung air semasa hujan juga merupakan punca kemalangan maut berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kampung Haji Mian, adalah sebuah kampung yang laluan masuknya melalui jalan ke Empangan Bekok. Kecewanya, permintaan penduduk untuk dipasang lampu jalan diadakan di persimpangan Empangan Bekok dan Jalan Labis tidak dapat direalisasikan selepas banyak kali permohonan kepada JKR dan Pejabat Daerah. Penduduk berasa sangat kecewa dan kebanyakan mereka adalah golongan berpendapatan rendah dan ada di antara mereka adalah penjaja pasar malam. Walaupun telah menduduki kampung tersebut berpuluh-puluh tahun, semasa balik dari tempat berniaga, mereka acap kali tidak dapat mengenal pasti laluan masuk dan selalu terlepas persimpangan laluan tersebut. Sebagai bangsa Johor, hak dan kepentingan penduduk di Kampung Haji Mian harus dijaga dan dipelihara. Sepatutnya setiap persimpangan perlu dipasang lampu jalan supaya pencahayaan yang mencukupi dapat mengelakkan kemalangan yang tidak diingini berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya Yong Peng ingin membangkitkan semula janji kerajaan negeri berkenaan pemberian 10 ekar tanah untuk Sekolah Menengah Cina Yong Peng. 10 ekar tapak tanah rizab kerajaan negeri Johor di kawasan Yong Peng yang telah dijanjikan oleh Bekas Menteri Besar Johor dan dihadiri juga pemimpin MCA kepada Sekolah Menengah Cina Yong Peng Swasta pada tahun 2012. Sehingga kini ia masih belum diserahkan kepada sekolah tersebut. Janji ini perlulah segera ditunaikan. Harap isu ini boleh diambil perhatian oleh YB EXCO Pelancongan dari MCA.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Nak puji dia? EXCO lain, Yong Peng puji.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Belum dapat 10 ekar tanah itu. Nanti dapat 10 ekar tanah baru kita puji. Jadi usahakan YB EXCO. Akhir sekali, Yong Peng menyeru pihak kerajaan mengambil perhatian dan tindakan segera untuk menyelesaikan masalah dan isu yang Yong Peng bangkitkan dalam ucapan tadi. Tidak kira kita di sebelah pembangkang atau kerajaan. Memberi khidmat untuk keselesaan dan untuk kesejahteraan rakyat adalah tanggungjawab bersama. Yang Berhormat Dato' Speaker, sekian ucapan Yong Peng. Terima kasih.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Terima kasih Yong Peng. Kita teruskan, silakan YB Paloh.

**YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat sejahtera, Salam Muafakat Johor dan Salam 1 Malaysia. Paloh mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas pada 14 April yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Paloh juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Dato' Mohd Khaled bin Nordin dan barisan kepimpinannya kerana berjaya merekodkan lebih hasil untuk 5 tahun berturut-turut. Sejak pencapaian itu mula diperolehi pada tahun 2011, dengan lebih hasil terkumpul sehingga tahun 2015 mencecah RM1 bilion. Prestasi yang memberangsangkan ini berjaya dihasilkan kerana urus tadbir negeri dan kewangannya yang cekap telus dan adil. Kejayaan yang dicapai ini juga adalah hasil kerjasama yang baik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan demi memastikan pembangunan ekonomi yang berterusan di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam titah Sultan pada perkara 56, Tuanku ada mengatakan sektor pelancongan merupakan salah satu bidang utama yang boleh membawa nama Johor ke peringkat antarabangsa. Dengan khazanah alam semula jadi yang kita miliki seperti kepulauan Mersing, dan Gunung Ledang dan warisan sejarah dan kebudayaan serta produk pelancongan baru, seperti *Legoland* sudah tentu negeri Johor boleh menarik lebih banyak pelancong. Oleh yang demikian, kerajaan perlu mengambil langkah proaktif untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelancong yang datang ke negeri Johor. Antaranya tahap kebersihan di tempat awam haruslah di tingkatkan dan tahap keselamatan tempat tumpuan pelancong mestilah sentiasa di kawal dengan tenteram dan baik.

Pengurusan pintu keluar masuk ke Johor, terutama di tambak Johor dan *Second Link* mestilah diperbaiki. Pihak pengurusan Senai Airport juga di gesa untuk menarik lebih banyak penerbangan antarabangsa untuk datang ke Senai, terutamanya daripada negara China dan India yang boleh membawa banyak pelancong ke negeri Johor. Industri pelancongan bukan sahaja akan memberi keuntungan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan yang terlibat secara langsung seperti pengusaha perhotelan, pengusaha bas, dan pemandu pelancong, tetapi juga kepada pemandu teksi, kedai-kedai makan, penjaja dan banyak lagi yang juga akan dapat manfaat dalam industri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Paloh ingin membawa isu pembinaan Sekolah Agama Bandar Paloh 2. Sekolah ini tiada bangunan sendiri, murid-muridnya menumpang di Sekolah Kebangsaan Bandar Paloh 2 sejak tahun 2002. Pada masa ini, Sekolah Agama Bandar Paloh 2 mempunyai murid seramai 100 orang. Pada tahun 2002, sekolah ini telah mohon tanah untuk pembinaan Sekolah Agama Bandar Paloh 2 di Lot PTD 4046 seluas 2.2 ekar di Taman Kota Paloh. Tapak untuk pembinaan Sekolah Agama Bandar Paloh 2 di lot tersebut telah diluluskan oleh kerajaan negeri pada 19 April 2006. Ibu bapa, guru dan murid Sekolah Agama Bandar Paloh 2 sekalian penuh dengan harapan bahawa mereka akan dapat bangunan sendiri dalam masa yang terdekat. Malangnya hingga hari ini pembinaan sekolah masih tidak kelihatan. Setiap tahun dalam Mesyuarat Agung Persatuan Ibu bapa dan Guru, perkara ini telah dibangkitkan oleh ibu bapa. Walau bagaimanapun, mereka masih berharap penuh bahawa pembinaan Sekolah Agama Paloh 2 dapat direalisasikan dalam masa terdekat. Perkara ini pun pernah Paloh bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, pada Persidangan yang lepas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Sekolah Menengah Sri Kota Paloh adalah sebuah sekolah menengah baru yang di bina pada tahun 2010. Walaupun ia merupakan sebuah sekolah baru dengan serba kekurangan, dengan sumber yang terhad dan terletak di luar bandar, tetapi pencapaian pelajarannya sangat-sangat hebat. Dalam peperiksaan SPM 2015 yang lalu, seorang pelajar yang bernama Er Pei Ling telah mendapat keputusan yang cemerlang iaitu 10A, 9A+ dan 1A-. Baru-baru ini, pelajar-pelajar tingkatan 4 sekolah ini telah mengambil bahagian dalam pertandingan *Arena of Youth*, dengan izin, peringkat

kebangsaan dan telah muncul sebagai juara mengalahkan 9 buah sekolah lain yang bertanding.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bangunan sekolah ini adalah jauh dari pintu gate besar, iaitu lebih kurang 200 hingga 300 meter jaraknya. Dari bangunan sekolah ini ke pintu gate tiada sebarang susur gajah. Maka pada waktu balik, bila panas, pelajar kena berjemur di bawah matahari yang terik, dan hujan mereka basah kuyup. Setiap tahun dalam Mesyuarat Agung Persatuan Ibu bapa Dan Guru, ibu bapa sering kali bangkitkan perkara ini. Maka pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa Dan Guru sangat-sangat berharap agar satu susur gajah dapat di bina dari bangunan sekolah hingga ke pintu gate besar demi kepentingan semua warga sekolah, terutamanya para pelajar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pekan Paloh terletak lebih kurang 32 kilometer dari Bandar Yong Peng dan juga 32 kilometer dari Bandar Kluang. Jika berlaku sesuatu kebakaran di pekan Paloh, kereta Bomba mengambil masa lebih kurang 30 minit untuk tiba di tempat kejadian. Pada tahun 2011, satu kebakaran telah berlaku di pekan Paloh, di mana 10 buah rumah kedai telah habis dimusnahkan dalam kebakaran tersebut. Pada tahun 2015, sebuah rumah kediaman juga telah musnah dalam satu kebakaran, maka Paloh ingin meminta jasa baik kerajaan agar sebuah balai Bomba dapat di bina di atas tanah rizab Bomba yang sedia ada dalam masa yang terdekat, demi menjamin keselamatan nyawa dan harta benda masyarakat setempat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jalan dari Paloh ke Camek, Nyiur dan Kluang merupakan satu jalan utama bagi penduduk-penduduk di sekitar kawasan ini. Malangnya jalan dari pekan Nyiur ke Bandar Kluang bukan sahaja sempit, tetapi keadaan jalan juga retak dan berombak-ombak. Keadaan ini sangat merbahaya dan mengancam keselamatan pengguna-pengguna jalan raya, terutama sekali pada waktu malam, di mana keadaan sangat gelap dan pada waktu hujan, di mana keadaan jalan licin. Kemalangan jalan raya kerap berlaku di sekitar jalan ini. Baru-baru ini sebuah kereta telah terbabas dan terbalik di kawasan ini. Oleh yang demikian, Paloh ingin merayu kepada pihak kerajaan agar jalan ini dapat dibaiki dengan segera demi menjaga keselamatan pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jalan dari Kluang ke Mersing merupakan satu jalan Persekutuan yang penting menghubungi Bandar Kluang dengan Bandar Mersing. Keadaan jalan ini semakin hari semakin sibuk dengan bilangan kenderaan yang semakin meningkat terutamanya kenderaan berat. Tambahan pula jalan ini terdapat banyak selekoh yang bahaya, di mana kerap berlaku kemalangan yang membawa maut. Maka, Paloh ingin menyeru kepada pihak yang bertanggungjawab agar jalan ini dapat dilebarkan terutama sekali dari bandar Kluang ke pekan Kahang demi menjaga keselamatan pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan dengan itu, Paloh menyokong usul yang di bawa oleh Tanjung Surat. Terima kasih.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Terima kasih. Belum di suruh berhenti dan berhenti. Kita teruskan perbahasan, jemput Parit Raja.

**YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam muafakat Johor. Syukur ke hadrat Allah SWT saya dapat bersama-sama di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kerana di beri kesempatan untuk bersama-sama membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan raja negeri

Johor yang telah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada 14 April 2016 yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merasa bangga dan terharu serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang telah mencadangkan beberapa perkara dalam titah ucapannya untuk Johor lebih baik dan maju pada masa-masa hadapan. Tersohor dan terbuktilah raja berjiwa rakyat. Raja sentiasa membela nasib rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Parit Raja terharu dan teramat gembiranya apabila Duli Yang Maha Mulia Tuanku mencadangkan agar kerajaan Johor menubuhkan sebuah bank *Bank of Johor* bagi membantu rakyatnya, bagi mendapatkan kemudahan-kemudahan ataupun pinjaman-pinjaman untuk memiliki rumah khasnya rumah mampu milik. Di atas satu pandangan yang sangat bijak dan prihatin terhadap rakyat dan negara. Mungkin ini adalah satu, adalah julung-julung kali yang di buat oleh sebuah negeri dalam Malaysia ini. Saya bagi pihak rakyat khasnya DUN Parit Raja menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas cadangan tersebut. Insya-Allah, Allah mencucuri rahmat ke atas Duli Yang Maha Mulia Tuanku, bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan kita semua atas berjayanya hasrat Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rumah adalah menjadi satu keperluan pada rakyat. Cuba kita tengok cerita-cerita zaman dahulu, kalau perantau jauh ataupun ke hutan, atau ke mana-mana, perkataan yang akan di sebut marilah kita mencari tempat berlindung ataupun marilah kita mendirikan tempat berteduh. Itu maknanya rumah. Tempat berlindung dan tempat berteduh itu maknanya rumah. Membina rumah, membeli rumah ini menjadi keperluan manusia. Dari dulu hingga ke hari ini. Dan, menjadi, dan ini semua keinginan ini semua menjadi lumrah manusia. Dari dulu hingga ke hari ini dan tidak putus-putus dan tiada noktah-noktah berhenti untuk membina dan mencari-mencari tempat kediaman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, manusia ini sifatnya berkeinginan dan mencari-mencari. Masa kecil, mencari kasih sayang. Bila dewasa, mencari ilmu. Dah dapat ilmu, mencari kerja. Dah dapat kerja, mencari isteri, dah dapat isteri mencari rumah. Dapat rumah inilah tempat berteduh dan membina kebahagiaan hidupnya. Perkara ini tidak akan terputus, anak akan membesar, bila membesar, mencari ilmu, mencari ilmu, mencari kerja, mencari kerja, mencari isteri, mencari isteri, mencari rumah, begitulah seterusnya. Parit Raja rasa, Insya-Allah, rakyat tidak akan lupa jasa kerajaan yang membantu mendapatkan rumah dan membina kebahagiaan rumah tangga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, cuma harapan Parit Raja supaya kawasan DUN Parit Raja ini jangan dilupakan untuk membina rumah mampu milik dan rakyatnya merasa kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang kedua selain daripada menyediakan rumah untuk rakyat, Parit Raja ingin mencadangkan supaya kerajaan membina sekolah-sekolah vokasional ataupun kolej-kolej kemahiran bagi anak-anak muda yang gagal dalam pelajaran akademiknya. Tak kiralah gagal kerana malas ke, gagal kerana kemiskinannya, gagal kerana keciciran, gagal kerana guru, tak kira. Yang penting supaya anak-anak muda ini tidak terbiar tanpa ilmu dan kemahiran. Parit Raja mencadangkan sekolah-sekolah vokasional atau kemahiran MARA ini diwujudkan atau ditubuhkan atau dikelolakan oleh kerajaan negeri Johor. Contohnya macam sekolah agama, kita telah berjaya mengelolakan sekolah agama. Kenapa kita tidak boleh mengadakan sekolah vokasional atau kemahiran untuk anak-anak muda negeri ini supaya anak-anak muda ini

mendapatkan kemahiran-kemahiran dan.. Syaratnya adalah sekolah-sekolah ini atau pun kolej-kolej kemahiran ini, syaratnya hanya untuk anak-anak Johor dan anak-anak Johor ini akan berbakti dengan negeri Johor di negeri Johor.

Insyallah, dengan adanya ilmu dan kemahiran ini, saya yakin kita akan dapat membentuk masyarakat, rakyat yang maju di negeri ini dengan mudah dan berjaya dan Insyallah anak-anak muda kita ini tidak terjebak dengan gejala-gejala yang tidak sihat, dadahnya ke, jenayah-jenayah yang lain. Jadi, Parit Raja mencadangkan supaya kerajaan negeri Johor ini menubuhkan sekolah vokasional ataupun kemahiran, kolej kemahiran untuk anak-anak muda negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang ketiga. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin yang telah membuat berbagai-bagai rancangan, bantuan untuk rakyat. Terutamanya penjaja-penjaja kecil diberi peruntukan RM500.00 untuk perniagaan dan juga geran RM1,000.00 untuk peniaga-peniaga apa tu, *food truck* yang telah disediakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker....

**YB Dato' Timbalan Speaker :** *Food, apa tu food? Food truck, ok.*

**YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Apa? Saya salah sebut ke?

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Senggarang yang mencadangkan tu.

**YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Ok, ha itulah yang tu. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kita memberi peluang rezeki kepada rakyat. Yang Berhormat Dato' Speaker, 90% rezeki datangnya daripada meniaga. Ada satu cerita, jutawan Korea. Mula asalnya cuma jual surat khabar.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Puan Sri dah pergi Korea?

**YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Nak pergi, saya..

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Dengan Tan Sri.

**YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Ok, terima kasih

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Ke seorang sahaja?

**YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Dengan Tan Sri dan sayalah, nanti rasuah pula katanya. Jutawan Korea, mulanya asal, masa kanak-kanak dia menjual surat khabar. Kerana kreatif, bijak dan usahanya, sekarang kanak-kanak yang jual surat khabar itu menjadi seorang jutawan yang terkenal. Jadi Malaysia ini, saya nak beri contoh pasal tadi dapat *whatsapp* gambar yang yang Qu puteh, Qu puteh itu, Dato Vida. Itu pun asalnya susah, berniaga kecil-kecil tetapi...

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Puan Sri pakai *brand* itu ye?

**YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Ya, tetapi sekarang tak langsung pakai, tetapi saya tetap sokong JDT. (Dewan bertepuk). Kerana usahanya, hari ini dia menjadi jutawan yang boleh taja pasukan Kelantan. Begitu sekali, tetapi saya nasihatkan Dato' Vida jangan macam-macam lah dengan JDT, pasal negeri Johor ini ada keramatnya. Jadi, biar sokong-sokonglah tapi jangan macam-macam.



Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha yang telah ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu, berbagai macam usaha perlu kita sokong. Jangan kita ada niat macam-macam, ada cakap-cakap macam-macam. Kita nak menuju benda yang baik, kalau hati kita tak baik, fikiran tak baik, perbuatan jadi tak baik. Jangan sifat-sifat hati tak baik, hati busuk, perkara tak baik, fikiran tak baik ini, janganlah kita ikut. Kita semua sebagai rakyat Johor perlu memikirkan bagaimana Johor lebih maju? Bagaimana Johor lebih maju daripada negeri-negeri lain? (Dewan bertepuk). Macam mana Johor dapat hasil yang baik?

Tengok, Yang Amat Berhormat ada cakap, berapa hasil yang kita dapat, yang ada kita ada dalam pembentangan bajet. Sebab itu Duli Yang Maha Mulia mencadangkan supaya buat bank Johor kerana pentadbiran Menteri Besar kita memang jujur, telus. Jadi, sahabat-sahabat kita kalau nak komen-komen itu, komen yang betul-betullah. Komen yang memajukan, komen yang membina, jangan komen kerana hati yang tak baik. Jadi, supaya kita selamat, kita berjaya, kita maju, biarlah kita buat kerja yang baik. Mudah-mudahan Allah memberikan keberkatan kita.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Semakin lama semakin slow pula.

**YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Semakin slow ye?

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Kuat sikit.

**YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Ini mikrofonnya la Yang Berhormat Dato' Speaker.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Semangat.

**YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang keempat. Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertitah, pelihara dan kekalkan warisan budaya negeri Johor. Tonjolkan bakat-bakat anak-anak muda Johor melalui persembahan teater. Parit Raja sokong 100%. Benda yang baik, inilah nak menunjukkan identiti negeri Johor dan saya harap Jabatan Kebudayaan, Kesenian Negeri Johor agar cari pemimpin-pemimpin, persatuan-persatuan belia ini yang berbakat. Contohnya, ini bukan saya nak membangga diri, contoh.

Dekat Kampung Baru Mukim Lapan, Sri Gading, ada satu pemuda yang bertanggungjawab, berusaha mendidik anak-anak muda di kampung ini dan kampung sebelah supaya tidak terlibat dengan gejala-gejala yang tidak sihat dan pada peringkat awalnya di kumpul untuk belajar main kompang, lepas itu, main kompang-kompang, dia main gamelan. Gamelan itu guru daripada Semarang, tapi yang belajar yang buat persembahan itu, DUN Parit Raja. Jadi, Yang Berhormat bukan itu juga gamelan-gamelan itu, dia ajar siat, ajar menari. Pemimpin-pemimpin beginilah yang kita patut didik, kalau boleh jangan bawa kursus jauh-jauh, guru datang ke tempat itu, jadi biar pemimpin itu dan anak-anak buahnya mendengar sekali apa yang diajar oleh guru atau penasihat-penasihat seni kebudayaan dan kalau boleh bantulah. Kalau barang, barangnya lah, kalau bangunan, bangunannya lah, kalau pakaian, pakaiannya lah, kalau bentuk kewangan, bentuk kewangannya lah. Supaya kita betul ini menjaga seni budaya negeri Johor ini supaya rakyat negeri Johor semua tahu menjaga, mengekalkan seni budaya negeri Johor sebagaimana titah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong 100%. Jadi, saya sebenarnya tak nak cakap banyak, saya terlalu suka dan tak ada nak komen apa-apa, saya bagi

kawasan saya pun Alhamdulillah, Yang Amat Berhormat pun kerja kuat. Yang Amat Berhormat ini, sebagaimana yang Rengit cakap, dia sebagai bekas pemain ragbi. Pemain ragbi ini sifatnya berani, kuat.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Dia *scrum* itu.

**YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Cuma dia badan kecilah. Kalau dia agaknya berlatih jadi besar-besaran. Kuat, berani, fokus, bertanggungjawab. Bertanggungjawab itu, dia berlatih, pegang bola itu bertanggungjawab. Pegang bola itu juga sebagai bertanggungjawab.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Bola lonjong tak bukan bola bulat ya?

**YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Selain itu, selain tanggungjawab, dia rasa kasih sayang, fokus untuk bola apa? Ke tempat yang berjaya. Jadi, ciri-ciri pemimpin yang bertanggungjawab itu ada kepada Yang Amat Berhormat dan kita perlu sokong dan kita perlu sama-sama menjayakan. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya, saya Parit Raja menyokong usul yang dibawa Yang Berhormat Tanjung Surat dan disokong oleh Yang Berhormat Senggarang. Sekian, terima kasih.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Terima kasih, Parit Raja. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita teruskan, sila Pengkalan Rinting.

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Ok, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Selamat petang dan selamat sejahtera. Terima kasih kerana memberi peluang Pengkalan Rinting mengambil bahagian untuk membahas. Pengkalan Rinting ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini.

Saya bangsa Johor, rakyat Malaysia bangga dengan matlamat menjadikan negeri Johor progresif, maju dan membangun dan seterusnya menjadi *economy power house* kepada Malaysia. Saya berpendapat jika kita ingin mencapai matlamat tersebut, pembangunan lestari diperlukan dan antara ciri-ciri pembangunan lestari ini yang saya ingin bincangkan ialah:

1. Pembangunan dengan penggunaan tanah yang produktiviti.
2. Pembangunan yang boleh menghasilkan makanan yang mencukupi untuk tempatan.

Ciri-ciri satu, pembangunan hartanah adalah pembangunan yang tidak secara langsung membawa produktiviti. Jadi, dua minggu lepas dengan izin, *The Standing Committee of National People Congress (NPC)* negara China telah menggubal undang-undang untuk mengawal harga hartanah yang melambung tinggi hasil daripada spekulasi di bandar tahap 1 dan tahap 2 dan undang-undang itu juga untuk menyelesaikan masalah kuota hantu di bandar tahap 3 dan tahap 4.

Apa itu kuota hantu? Kuota hantu adalah kawasan hartanah mewah yang siap dibina dan barangkali telah habis dijual tetapi kadar untuk kediaman adalah sangat rendah. Justeru, tidak dapat membentuk komuniti, tak dapat membentuk masyarakat, tak ada orang lain dekat sana dan aktiviti ekonomi kurang. Selepas satu jangka masa penduduk akan meninggalkan kawasan tersebut dan kawasan tersebut akan terbengkalai. Fenomena ini tidak akan membantu rakyat tempatan malahan juga merupakan satu

pembaziran kepada penggunaan tanah negeri kerana langsung tiada produktiviti pada hasilnya.

Jadi, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, salah satu pelabur hartanah asing negara China yang melabur di negara kita ini merupakan raja pembangunan bandar tahap 3, tahap 4 di negara asal mereka, telah mencipta sebanyak 16 kuota hantu dalam negara tersebut. Jika kita membandingkan ciri-ciri dari segi populasi, keluasan tanah dan kepadatan penduduk, bandar dalam negeri Johor lebih kurang hampir sama dengan ciri-ciri bandar tahap ke 3 dalam negara China. Malah, di sini saya bimbang jika tiada perancangan dan pelaksanaan yang lebih terperinci selepas negeri kita mengorbankan alam sekitar kita, kepentingan orang kampung kita, fenomena-fenomena kuota hantu ini akan berlaku di negeri Johor dan ini tidak akan membawa kebaikan kepada negeri kita.

Selain itu, penggubalan undang-undang oleh NPC Negara China juga dijangka akan meletakkan kawalan sektor kewangan dalam pinjaman pelaburan hartanah negara China. Maka saya ingin mengetahui sama ada ini akan menjejaskan pelabur negara China yang melabur di negeri Johor. Dan seterusnya menjelas tanah pelaburan di negeri Johor. Ini adalah satu persoalan.

Masa saya *go through* maklumat yang saya ada itu, saya mendapati sesuatu yang menarik tapi mungkin lari sedikit daripada yang saya nak bincang. Di mana saya mengetahui bahawa kesemua syarikat mega dalam negeri China ini diwajibkan untuk menubuhkan Cawangan Parti Komunis Negara China. Dan pimpinan cawangan tersebut terdiri daripada barisan pengurus dan eksekutifnya syarikat tersebut. Dan baru-baru ini satu rakaman video pada bulan September lepas telah menunjukkan salah satu pelaburan tanah di Negara China yang melabur di negeri kita telah menubuhkan parti komunis Negara China. Jadi saya cuma ingin tahu apakah pandangan kerajaan terhadap perkara ini?

Ok, saya teruskan kepada ciri kedua, iaitu pembangunan yang boleh menghasilkan makanan yang mencukupi untuk penduduk tempatan. Jadi hampir kesemua negara yang maju juga merupakan negara yang berkeupayaan untuk menghasilkan makanan yang mencukupi untuk tempatan, malahan boleh lagi dieksport sebagai sumber pendapatan. Contohnya Jepun, Jerman, Amerika Syarikat. Jika negeri Johor ingin maju, ciri-ciri ini tidak boleh diketepikan. Hal ini boleh menjamin, dengan izin, *food security* negeri kita di samping membawa pendapatan kepada negeri kita. Tanah di negeri kita subur dan tidak ada cuaca ekstrim, cuaca teruk. Maka negeri Johor memang sesuai dijadikan pengeluaran makanan dan negeri kita pernah mengeluarkan pelbagai makanan termasuk hasil laut yang lumayan. Memandangkan baru-baru ini, hasil laut di Selat Johor berkurangan secara mendadak dan tiada lagi tempat sesuai untuk pemeliharaan sangkar atas laut kerana pembangunan. Maka di sini saya ingin mencadangkan supaya dana dari Tabung Pembangunan Nelayan boleh digunakan untuk membantu mendapatkan teknologi pemeliharaan hasil laut atas darat seterusnya menubuhkan koperasi untuk menguruskan pendapatan untuk nelayan tersebut. Jadi pemeliharaan hasil ini boleh dilakukan, ini cadangan, dilakukan melalui sistem pemeliharaan yang terkawal dengan teknologi terkini. Malahan dekat negara luar, sistem terkawal ini boleh memelihara kuda laut untuk dieksport kepada negara China. Ini adalah salah satu teknologi yang maju dan apa jenis hasil laut boleh dipelihara termasuklah yang istimewa di Selat Johor seperti ketam bangkang yang sering saya bangkitkan dalam Dewan ini dalam kawasan saya.

Saya percaya dengan cadangan seperti ini dapat membantu nelayan dalam Selat Johor dan secara jangka panjang mempelbagaikan sumber ekonomi negeri kita. Saya menyimpulkan pendapat saya berkenaan pembangunan negeri Johor dengan pepatah

bahasa Inggeris dengan izin, *put all eggs into the basket*. Di mana pembangunan kini terlalu tertumpu kepada pembangunan hartanah dan berisiko apabila menghadapi keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin sentuh pasal isu kawasan saya di mana sekarang saya membawa isu Kampung Bakar Batu. Isu Bakar Batu, penduduk Bakar Batu ini dia menerima surat daripada pihak pemaju pada tahun 2014, untuk di arah keluar daripada tempat tinggal mereka yang didiami bergenerasi ini. Ada penduduk di Bakar Batu ini pernah membayar untuk lesen penempatan sementara (TOL) pada tahun 70an dan penduduk-penduduk ini pernah memohon geran tanah melalui pimpinan tempatan pada masa itu. Jadi, mereka tinggal sana dan kebanyakan aktiviti harian penduduk berada di sana dan dia hidup di sana, makan dekat sana, kerja pun di sana, tambahan kampung tradisi seperti ini semakin kurang dalam lingkungan bandar Johor Bahru dan ini menjadi sesuatu tempat yang istimewa, sebab itu saya sokong supaya kampung seperti ini dikekalkan dekat situ juga.

Dengan usaha sendiri, penduduk kampung pernah mengemukakan cadangan dan konsep pelaksanaan penempatan baru penduduk kampung. Inilah cadangan yang pernah mereka pernah hantar kepada pihak yang berkenaan supaya boleh terus hidup dekat situ. Sampai lah ada orang kampung berkata dia sanggup menjadi muzium hidup dekat situ sebab dia orang sanggup terus hidup dekat kawasan itu juga. Jadi penduduk kampung telah menubuhkan jawatankuasa bertindak untuk memperjuangkan hak-hak mereka semenjak JKKK yang ada tidak membantu. Jadi jawatankuasa ini pernah memaklumkan dengan menghantar memorandum seperti ini kepada pihak Menteri Besar, UPEN, EXCO Perumahan dan Pegawai Daerah tetapi sehingga kini tiada balasan lanjutan dari pihak berkenaan.

Jadi penduduk-penduduk ini, mereka cuma minta dilayan adil dan melibatkan semua pihak dalam kampung bila membuat perbincangan. Kalau boleh memang mereka ingin kekal dekat tempat asal itu. Jadi, di sini saya minta pihak berkenaan untuk membantu mereka.

Ok, ini isu kedua. Berkenaan dengan *local issue* saya, isu tempatan ialah berkenaan kesesakan lalu lintas dan masalah *parking* dekat Bandaraya Johor Bahru. Baru-baru ini kesesakan lalu lintas dan masalah *parking* di kawasan Bandar Raya Johor Bahru semakin serius. Maka saya berharap pihak berkuasa mengambil serius terhadap perkara ini terutamanya pihak IRDA yang kini mengendalikan Sungai Segget dan menyebabkan jalan dari empat lorong menjadi dua lorong. Dan pernah janji siapkan tahun ini, tapi saya minta kalau boleh cepat sikit projek itu kalau tidak kita akan jem sehingga hujung tahun. Jadi untuk jangka panjang untuk menyelesaikan masalah ini juga, sememangnya sistem *park and ride*, dengan izin, perlu diadakan. Dan sebenarnya saya mengalu-alukan penggunaan Water Front City Lot 1 sebagai tempat *parking* kereta. Tetapi apa yang saya minta adalah memastikan keselamatan di dalam tempat letak kereta itu dan memastikan ada lorong perjalanan yang selamat yang menghubungkan kepada kawasan bandar raya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu ketiga yang saya ingin bawa ialah pengangkutan awam. Di mana, saya juga menerima aduan berkenaan dengan masalah kekurangan bas yang melalui dan menghubungi Jalan Persisiran Perling 1, Jalan Simpang dan kawasan Layang, kawasan Rawa Taman Perling ke bandar. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kepada pihak berkenaan kerana menyediakan Bas Muafakat Johor di kawasan bandar dan sebahagian di kawasan saya. Dan, jika perkhidmatan ini boleh disediakan di kawasan yang saya sebutkan tadi iaitu dekat kawasan Perling tadi, tambahan dengan Taman Sri Yaakub, Tampoi Utama, Jalan Sutera

Utama dan menyambung kepada Kota Iskandar, perkhidmatan ini akan lebih baik. Hal ini kerana kawasan yang saya sebutkan tadi adalah kawasan berkependudukan padat seperti flat atau PPR dan perkhidmatan ini masih tidak memuaskan, tambahan lagi lalu lintas dekat kawasan situ sibuk dan boleh lebih orang ramai lebih senang datang berurusan dekat Kota Iskandar.

Isu seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah menara telekomunikasi. Baru-baru ini saya juga mendapat aduan daripada penduduk Bukit Indah berkenaan dengan pembinaan menara telekomunikasi, setakat ini 3 buah telekomunikasi. Jadi menara-menara ini dibina atas kawasan hijau dalam kawasan perumahan terutamanya dekat taman rekreasi. Dan pembinaan ini memanglah dekat dengan tempat-tempat kediaman, jadi menara telekomunikasi siap dipasang tak sampai 2 hari pun, sekelip mata dah siap. Dan penduduk-penduduk cuma tahu apabila menara itu siap dipasang. Apabila menanya kepada kontraktor sedia ada di situ, dia cuma cakap pasang lampu sahaja, bukan apa. Situ memang tiada notis pemberitahuan atau tiada taklimat. Jadi, di sini timbul soalan di mana adakah pemasangan menara-menara telekomunikasi ini mengikut garis panduan piawaian atau undang-undang yang sedia ada. Penduduk juga maklum kepada saya bahawa apabila ada kilat dan petir, baru-baru ini hujan, ada kilat dan ada alat elektrik dalam rumah terus rosak dan ada kalanya suis keselamatan rumah juga mati selepas menara ini dipasangkan. Jadi saya minta pihak MPJBT mengatur taklimat untuk memberi penjelasan kepada pihak penduduk yang berkenaan. Isu yang seterusnya.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** YB Pengkalan Rinting, sila gulung.

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Di mana dalam kawasan saya,

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Kalau tidak nanti saya gulungkan.

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Jangan beginilah Dato'. Biasa saya pun tak lawan. (Dewan ketawa). Ok saya teruskan. Kawasan ini pasal masalah van *luton*, di mana masalah kawasan van *luton* ini merupakan satu tempat yang istimewa dan merupakan satu tempat tarikan pelancong dan kita sering kita nampak pelancong juga makan dekat sana. Jadi saya dimaklumkan oleh peniaga dekat situ, akan diarah, sudah pun diarahkan pindah dan ini suatu perkara bagi saya sedih dan tidak boleh diterima. Sebab peniaga dekat situ dia sudah mengambil 15 tahun untuk berniaga dengan baik dekat situ, *business* dah nampak, kalau boleh saya minta pihak MJB supaya mempertimbangkan pemindahan tempat itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu seterusnya adalah berkenaan dengan *coastal highway*.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Pengkalan Rinting jemput duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan persidangan selama 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 3.30 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 3.50 petang.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai persidangan.**

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Saya jemput Yang Berhormat Pengkalan Rinting untuk menyambung sikit ucapan. Jemput.

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberi peluang untuk berucap dua sesi. Saya sambung sikit. Tadi saya berkata pasal *coastal highway* yang dalam kawasan saya sendiri. Jadi IRDA dia sentiasa bangga dengan pembinaan *coastal highway* dalam jangka masa yang ditetapkan. Akan tetapi apabila kita lihat keadaan penyelenggaraan *coastal highway* itu banyakkah perlu dibaiki. Lampu jalan dekat *coastal highway* itu sentiasa ada yang tak menyala secara berderet. Sederet dia tidak beryala, mungkin bergantung pada musim. Ada musim yang tak nyala dekat hadapan kawasan Jalan Rawa sekarang musimnyalah dia tak nyala di kawasan depan Taman Perling. Dan ada kalanya dia tak nyala pula dekat jambatan pertama yang menyeberangi Sungai Skudai. Saya pun pelik mengapa sentiasa ada sederet lampu yang tidak beryala dekat *coastal highway*. Jadi, justeru itulah lanjutan itu, bila hujan lebat dia akan berlaku juga banjir kilat dengan Persimpangan Bukit Indah, seperti dua hari lepas, lepas kita balik dari DUN, kita masuk simpang itu, kita nampak ada banjir kilat dekat situ.

Ada juga di mana peniaga-peniaga dekat kawasan Jalan Rawa meminta supaya ada lebih persimpangan keluar masuk di kawasan Jalan Rawa untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di hadapan sekolah dekat situ. Jadi saya minta, IRDA kalau boleh ambillah perhatian terhadap sektor penyelenggaraan *coastal highway* dan lebih mesra dalam menangani aduan yang dituju kepadanya.

Ini dah nak akhirkan sidang perbahasan saya, saya ingin cadangkan, cadangkan sedikit berkenaan dengan Dewan, di mana saya ingin cadangkan kepada Dewan yang mulia supaya jawapan kepada Soalan Bertulis dikemukakan pada hari pertama setiap Sidang DUN yang melibatkan perbahasan. Sebab saya percaya kalau melalui jawapan yang disediakan seperti ini pada hari pertama kita dapat jawapan, kita boleh tahu maklumat-maklumat dalam perkembangan-perkembangan terkini dan saya rasa kalau macam itu, perbahasan kita boleh jalankan lebih sempurna, lebih elok dan lebih efektif, malahan ada kalanya boleh menjimatkan masa kita. Jadi saya berharap Dewan yang mulia ini dapat mempertimbangkan cadangan saya ini. Jadi akhir kata, saya berharap masalah dan cadangan yang saya sampaikan dapat mengambil perhatian jabatan-jabatan dan EXCO-EXCO berkenaan. Sekian sahaja daripada Pengkalan Rinting.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Rinting. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Mengkibol. Jemput.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Salam sejahtera dan terima kasih kepada Tan Sri Speaker kerana telah memberi peluang kepada Mengkibol untuk mengambil bahagian dalam perbahasan-rundingan menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dalam menyampaikan titah ucapan baginda untuk merasmikan Persidangan Yang Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Setinggi-tinggi kasih Tuanku di junjung.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, setiap kali Mengkibol mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Dewan yang mulia ini, Mengkibol telah mengingatkan pihak kerajaan

tentang kepentingan untuk memelihara dan memulihara kawasan tadahan air untuk memastikan pembekalan air yang mampan di negeri Johor. Ini telah terbukti bahawa apa yang Mengkibol katakan itu bukannya cakap omong-omong sahaja. Sering kali kata hanya akan menyalahkan keadaan iklim. Jarang kita memikir apakah masalah sebenar yang menyebabkan empangan kita tidak dapat menyimpan air. Saya selalu mengibaratkan bahawa empangan kita pada hari ini dia hanya berfungsi sebagai sebuah baldi, iaitu hanya dapat mengisi air tetapi tidak dapat menyimpan air. Punca utama yang menyebabkan empangan kita ini telah hilang fungsinya untuk menyimpan air adalah kawasan tadahan air yang telah dimusnahkan. Saya ingin sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

Walau bagaimanapun, saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat EXCO Alam Sekitar dan Kesihatan kerana telah mengambil usaha menjalankan, mengambil beberapa langkah yang penting untuk memelihara kawasan tadahan air seperti di Empangan Sembrong dan Empangan Machap walaupun kedua-dua empangan ini pada asalnya bukan untuk tujuan membekalkan air, tetapi apabila kita menggunakan empangan-empangan ini sebagai sumber air, maka adalah penting kita memelihara dan kalau boleh yang telah dirosakkan kita memulihara kawasan tadahan air. Walau bagaimanapun, saya jangka bahawa langkah-langkah yang diambil ini, dia memerlukan masa yang panjang untuk mencapai matlamat yang kita ingini. Untuk menangani keadaan kekurangan air yang kita hadapi sekarang, kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih proaktif supaya bekalan air kita tidak mengalami sebarang gangguan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam kitar pengeluaran dan keperluan, dengan izin *demand and supply*, dia ada dua hujung atau dua pihak yang terlibat iaitu belah sini *demand* dan belah sana *supply*, iaini pihak kerajaan dan SAJ sekarang memainkan peranan yang aktif pada pihak *supply*. Dan pada masa yang sama, pengguna merupakan, apa pun dari aspek *demand* kepada apa yang telah dibekalkan oleh SAJ. Selama ini kita banyak membincangkan atau memberi tumpuan tentang untuk menangani masalah ini dari aspek *supply*, iaitu kita ada membincangkan, nak membina empangan baru, kita akan membincangkan, nak menerokai sumber air yang baru, termasuklah isu yang selalu Mengkibol sentuh iaitu pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan tadahan air itu, semua lebih kepada belah *supply*. Kita jarang memikirkan tentang *demand*. Macam mana kita nak kurangkan keperluan ataupun *demand* supaya kita dapat mencapai matlamat ini dalam jangka masa yang lebih pendek kalau banding daripada usaha-usaha untuk memulihara kawasan tadahan air.

Dengan ini, Mengkibol mencadangkan bahawa, kita perlu menjalankan pengurusan keperluan, iaitu dengan izin, *demand management* yang berkesan untuk menurunkan keperluan terhadap air terawat. Dalam senario sekarang yang mana kita tidak mempunyai air mentah yang mencukupi, maka kita haruslah mengurangkan penggunaan air, pada keseluruhannya supaya air terawat yang dihasilkan itu masih mencukupi untuk menampung keperluan rakyat.

Penggunaan, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti yang selalu di sebut oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemajuan Wilayah Luar Bandar, bahawa penggunaan air per kapita bagi negeri Johor adalah tinggi mencecah 220 liter sehari. Iaitu setiap orang menggunakan 220 liter air setiap hari. Kadar ini adalah sangat tinggi jika kita bandingkan dengan penggunaan air di negara-negara maju yang lain iaitu per kapita 150 liter sehari. Sekiranya kita dapat mengurangkan penggunaan air per kapita di negeri Johor kepada tahap negara maju, itu bermakna sekiranya kita menghadapi musim kemarau, air yang kita hasilkan sekarang masih mencukupi kerana keperluan ataupun *demand* telah turun sebanyak satu per tiga daripada keperluan asal.

Pengurusan keperluan *demand management* tidak sewajarnya dijalankan sekadar mencetak risalah, menjalankan kempen kesedaran, ataupun memberi ceramah sahaja.

Langkah-langkah yang lebih proaktif perlu diambil untuk mendorong keseluruhan masyarakat supaya kita menggunakan air dengan cara yang lebih berhemah. Kerajaan perlu membantu sektor-sektor seperti sektor komersil, sektor industri dan pertanian, hasil pengguna-pengguna yang menggunakan banyak menggunakan air untuk menjalankan audit ke atas penggunaan air dalam sektor masing-masing. Untuk mengenal pasti penggunaan air bagi industri masing-masing, adakah mereka menggunakan air secara berhemah. Pada masa yang sama, kerajaan juga perlu memberikan khidmat nasihat kepada pengguna-pengguna yang saya sebut di atas supaya mengambil langkah-langkah penjimatan air yang berkesan. Sebagai satu contoh, industri hotel dan perniagaan cuci kereta merupakan antara dua contoh yang dapat kita fikirkan yang menggunakan air yang banyak.

Maka kerajaan perlu membantu pengusaha-pengusaha yang tersebut untuk mengambil langkah penjimatan air yang berkesan dan kalau boleh, kerajaan perlu wajibkan para pengusaha-pengusaha yang besar supaya mengitar semula, *recycle* air dalam premis mereka. Kerajaan dan pihak SAJ juga haruslah perlu menyediakan pelbagai insentif untuk menggalakkan pelanggannya mengamalkan sistem jimat air di premis mereka supaya mereka mendorong, mereka lebih terdorong untuk mengambil langkah-langkah penjimatan air. Sudah tentu ini menjadi lumrah manusia bahawa kalau tiada dorongan, maka tiada inisiatif untuk memulakan sesuatu yang baru. Bagi pengguna-pengguna domestik yang merupakan sekarang ini golongan pengguna yang paling ramai, bagi SAJ, pihak kerajaan ataupun SAJ boleh mendapatkan penggunaan teknologi maklumat yang semakin meluas bagi membantu para pengguna mengaudit sendiri penggunaan air di rumah masing-masing. Pihak SAJ dicadangkan supaya mereka cipta satu aplikasi telefon bimbit *apps* bagi tujuan mengaudit ini. Para pengguna boleh memuat turun, *download* aplikasi yang tersebut dan memantau sendiri penggunaan air di rumah mereka dari semasa ke semasa.

Seterusnya, kerajaan juga dicadangkan supaya mengkaji semula struktur tarif air di negeri Johor, untuk memberi lebih dorongan kepada pengguna supaya menggunakan air secara berhemah. Struktur tarif air yang sedia ada tidak dapat memberi apa-apa dorongan untuk mereka yang menggunakan air secara berhemah. Justeru, adalah dengan diri, dengan rendah diri, sekali lagi Mengkibol memohon supaya kerajaan mengkaji semula struktur tarif air di negeri Johor dan digantikan dengan struktur yang lebih menarik dan lebih mendorong amalan penjimatan air.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Mengkibol amat tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Senggarang pada hari itu, bahawa setiap daerah atau pekan dicadangkan didirikan sebuah muzium atau galeri. Ini tepat pada senario di mana bangsa Johor ini mempunyai sejarah warisan budaya dan kemasyarakatan yang tersendiri. Keadaan yang sangat, keadaan ini sangat tertonjol memandangkan negeri Johor merupakan kerajaan moden berdaulat yang pertama di Malaysia. Sudah tentu kita mempunyai sejarah perkembangan yang berlainan. Justeru, pembangunan sesuatu tempat sewajarnya menunjukkan keunikan dan identiti sesuatu tempat tersebut. Sebagai contoh, pembangunan bandar Kluang berkait rapat dengan pengangkutan kereta api. Sejarah pembukaan Kluang di kait terus dengan tarikh mula operasi stesen Kluang. Ini antaranya gambar-gambar yang di ambil di stesen Kluang. Bagaimanapun, bagi penduduk di sekitar Kluang...

**YB Tan Sri Speaker :** Itu gambar tahun berapa YB?



**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Ini agak baru. Ini agak baru. Ini ambil tahun lepas. Bagaimanapun...

**YB Tan Sri Speaker :** Yang lama tak ada?

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Lama tak sempat.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang lama kopi o dia sedap.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Lagi sedap. Ini nanti saya nak sebut tentang bangunan lama. Bagi penduduk di sekitar Kluang, sebenarnya kereta api ini dia bukan sahaja, bukan sahaja salah satu mod pengangkutan yang penting, malah ianya telah menjadi nostalgia bagi warga Kluang. Bagaimanapun Tan Sri Speaker, elemen ini jarang diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak-pihak berkenaan semasa menjalankan perancangan pembangunan di Kluang.

Mengkibol masih ingat pada tahun 2014, semasa Mengkibol dijemput untuk berdialog dengan KTM, Kementerian Pengangkutan, Perbadanan Aset Kereta api dan beberapa lagi pihak berkuasa yang berkepentingan dalam projek landasan berkembar. Mengkibol telah menimbulkan beberapa isu yang berkaitan dengan pengekalan bangunan-bangunan lama milik KTM di sekitar Kluang, termasuk bangunan stesen yang lama, kuarters di tepi stesen dan gedung, bangunan gedung dalam stesen Kluang yang masing-masing mempunyai reka bentuk yang menarik. Bagaimanapun Tan Sri Speaker, pihak-pihak yang tersebut mereka seolah-olah tidak tahu ataupun tidak berminat tentang isu yang telah Mengkibol bangkitkan tadi. Jawapan yang diberikan hanyalah kalau, kalau, dia kata, kalau stesen lama di kekal pun ianya akan diserahkan kepada jabatan berkenaan untuk menubuhkan galeri atau muzium. Itu mungkin saya kena minta daripada Yang Berhormat Dato' Sri Medan supaya dirikan muzium. Bagaimanapun, beliau juga memaklumkan bahawa kita tidak mampu menubuhkan terlalu banyak galeri atau muzium memandangkan bajet dan tenaga kerja yang amat terhad. Inilah masalah kita Tan Sri Speaker,

**YB Tan Sri Speaker :** Sila gulung.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Apabila kita berfikir tentang pengekalan atau pemeliharaan bangunan baru bangunan warisan penyelesaiannya hanya satu iaitu membina galeri atau muzium, tidak pernahkah kita memikirkan cara-cara lain untuk memberi nafas baru kepada bangunan-bangunan lama ini supaya bangunan-bangunan ini terus dikekalkan sebagai nostalgia penduduk setempat. Mengapakah kita tidak mengekalkan bangunan stesen Kluang ini terus dikekalkan bentuk asalnya iaitu satu-satunya stesen kereta api di negara kita yang wujudnya kedai kopi tradisional di dalamnya.

**YB Tan Sri Speaker :** Ya.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Setiap pagi kita boleh lihat warga Kluang duduk dalam stesen bukan tunggu kereta api tetapi minum kopi bersembang dengan rakan-rakan. Ini keunikan hanya dapat dilihat di Kluang. Semasa seranti awam yang dijalankan pada awal tahun ini, reka bentuk stesen kereta api yang baru dia juga dipamerkan pada orang awam. Bagaimanapun, saya rasa kecewa dengan reka bentuk stesen kereta api yang baru walaupun stesen baru tersebut nampak mewah, moden, cantik tapi ianya gagal menonjolkan keunikan ataupun identiti setempat. Ianya hanya satu reka bentuk atau *design* yang *standard* di seluruh negara maksud kita tak dapat bezakan, kalau kita

dilihat dari gambar saja bahawa stesen itu di Kluang atau di Chamek ataupun di Kuala Lumpur. Oleh yang demikian,

**YB Tan Sri Speaker :** Kopi o dia tak ada, yang baru?

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Kopi o kalau Tan Sri datang saya boleh ajak Tan Sri sama-sama belanja juga. Oleh yang demikian, saya, Mengkibol menyeru supaya kerajaan negeri dan juga PBT kita perlu terlibat secara lebih pro aktif dalam projek ini untuk mengekalkan identiti setempat dalam projek mega ini. Khasnya dalam mengekalkan bangunan-bangunan yang merupakan nostalgia penduduk setempat.

**YB Tan Sri Speaker :** Ok, Gulung YB.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Memandangkan *Elevated Railway* iaitu landasan bertingkat akan dibina di sekitar bandar Kluang, apa salahnya sekiranya landasan yang lama serta kelompok bangunan sekitar stesen lama itu termasuk kuarters yang menampakkan bata merah yang selalu saya bagi nama rumah merah, yang mana bangunan-bangunan ini dikekalkan, dikekalkan dan diberi nafas baru seperti dijadikan taman riadah dengan landasan-landasan yang lama di kekalkan. Maka ini menjadi, ini akan menjadi satu destinasi beriadah bagi penduduk setempat dan juga para pelancong.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sektor pelancongan Taiwan terkenal dengan pelancongan kereta apinya, *Railway Tourism* dengan izin dalam lawatan sendiri belajar. Saya tak macam Senggarang ada EXCO bawa pergi Filipina terpaksa keluar duit sendiri itu lawatan sendiri belajar. Pada bulan Januari yang lalu, saya telah mengambil kesempatan untuk merasai dan memerhatikan pelancongan kereta api yang berjaya memikat ratusan ribu pelancong tempatan dan luar negara.

Daripada pemerhatian Mengkibol, apa yang ditonjolkan oleh mereka ada juga di negara kita. Salah satu hentian di pekan kecil *Jiufen*, berjaya menarik setiap hari puluhan ribu kunjungan. Jika diperhatikan sebenarnya tiada apa yang terlalu istimewa di sana. Hanyalah dua baris kedai di kiri, tepi kiri kanan landasan kereta api sahaja. Subjek-subjek yang telah menarik kunjungan beribu-ribu pelancong setiap hari di hentian-hentian yang lain termasuklah lombong terbiar yang dikekalkan, termasuklah satu kampung yang telah memelihara banyak sangat terlalu banyak kucing-kucing sehingga kampung itu dinamakan Syurga Kucing dan banyak lagi perkara-perkara lain yang kita akan rasa sangat biasa di negara kita tetapi perkara-perkara yang biasa ini telah dicungkil keunikannya sehingga menjadi produk pelancongan di Taiwan.

**YB Tan Sri Speaker :** Ok, YB.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Mereka tak ada *Legoland*

**YB Tan Sri Speaker :** Masa YB.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Sikit lagi Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker :** Saya pun sudah naik dia punya *Express* laju daripada utara selatan Taiwan memang cukup cantiklah. Betul saya pergi melawat.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Saya bukan kata Taiwan sangat hebat. Kalau orang Taiwan boleh menunjukkan elemen yang unik dan menjadikan benda-benda yang biasa ini menjadi sesuatu yang luar biasa dalam kehidupan. Maka saya yakin kita juga mampu

berbuat sedemikian. Kalau kereta api di negara lain telah dijadikan salah satu produk pelancongan yang penting. Maka saya berharap pihak kerajaan bersikap serius dalam usaha mengekalkan landasan lama dan kelompok bangunan lama di sekitar stesen Kluang ini supaya ianya bukan dikekalkan sebagai nostalgia penduduk setempat malah saya yakin ia mampu menjadi satu destinasi pelancong yang baru.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita perlu ubah, kita perlu ubah sikap daripada pengalaman yang lama dalam menghadapi zaman yang serba canggih dan penuh dengan pelbagai cabaran sekarang. Kita haruslah lebih inklusif, lebih kreatif dan lebih pro aktif. Kerajaan harus lebih melabur dalam membangunkan aspek-aspek insaniah dan kemasyarakatan berbanding dengan pembangunan fizikal.

Dewan yang mulia ini bukan tempat untuk berpolitik. Kita harus berpegang kepada amanah yang diberikan oleh rakyat dan membincangkan dasar yang dapat membangunkan negeri dan bangsa Johor. Oleh itu, Mengkibol berharap supaya kami yang duduk di sini tidak dilihat sebagai duri dalam daging tetapi pelengkap untuk menambah baik pentadbiran kerajaan negeri Johor untuk kebaikan seluruh bangsa Johor. Sekian terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih YB Mengkibol. Satu yang unik kereta api di Taiwan, dia tidak langgar sawah-sawah padi. Di atas sawah padi itu dia buat, apa ni, jambatan untuk laluan kereta api. Jadi dia pelihara petani-petani dia supaya tidak terjejas tanaman dia, jadi kereta api itu lalu atas sawah-sawah padi di Taiwan. Ini ada beberapa perkara lah yang cantik tentang Taiwan ni. Tapi saya cerita kemudianlah. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tiram.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyertai perbahasan ucapan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku sempena dengan Perasmian Pembukaan Penggal Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Jadi, sebelum saya lanjutkan perbahasan saya izinkan saya juga untuk mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak yang terlibat dalam kes jambatan runtuh di Kampung Perigi Acheh, yang kebetulan Kampung Perigi Acheh itu terletak di Dewan Undangan Negeri saya. Di mana jambatan tersebut yang telah pun berusia belasan tahun telah pun runtuh sebahagiannya. Atas usaha daripada pihak JKR dan JPS yang siang malam bekerja 24 jam, akhirnya dalam tempoh yang singkat penduduk telah pun dapat semula perhubungan darat daripada Kampung Perigi Acheh melintas sungai. Dan apa itu, harapan saya sebagai Wakil Rakyat di sana ialah saya berharap kepada pihak JKR dan juga kerajaan negeri supaya dapat cepat mendapatkan peruntukan sepertimana yang dikehendaki oleh penduduk dan sepertimana yang telah pun disebut oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya tempoh hari di hadapan penduduk bahawa jambatan tersebut akan dibina ataupun diminta peruntukan secepat yang mungkin kerana itulah antara satu-satunya kampung tradisional yang ada di Pasir Gudang yang saya rasa masih perlu kita pertahankan. Jadi terima kasih sekali lagi kepada pihak JKR, pihak JPS juga pihak MPPG dan juga semua jabatan yang terlibat dalam kes jambatan runtuh tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tuanku bertitah, bangsa Johor itu tinggi adabnya, tertib dan sopan budayanya. Itulah sebabnya kita dihormati sejak dulu lagi dan sehingga hari ini Johor mampu maju dan berdiri teguh sebagai sebuah negeri yang berdaulat. Itu titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Tan Sri Speaker, saya sebenarnya amat tertarik dan menjunjung tinggi titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai adab sopan orang Johor yang berpegang teguh kepada budaya dan ketertibannya. Sasterawan negara Osman Awang juga menyebut tentang sifat orang Johor dalam nukilan yang berbunyi kurang ajarnya tetap santun, lembutnya cukup jantan, dajalnya masih selamba, nakalnya bersulam jenaka, menikam dengan pantun, menyanggah dengan senyuman, marahnya dalam tertawa, merendah bukan menyembah, meninggikan bukan melonjak. Itulah antara ciri-ciri orang Johor yang dikaji oleh sasterawan negara kita. Yang termasyhur dan diakui oleh kawan dan lawan. Orang Johor amat tinggi budi bahasanya, tingkah lakunya, tutur katanya dan sopan santunnya dan alangkah baiknya jika nilai-nilai murni orang Johor ini kita kekalkan dan dijadikan amalan generasi muda Johor serta generasi bangsa Johor di masa akan datang.

Anak bangsa Johor dulu bila berbicara dengan orang tua kepalanya ditunduk, suaranya juga di perlahan dan disusun kata-katanya. Bila berjalan di belakang orang tuanya, badannya membongkok dan tangannya lurus ke bawah. Meninggi suara dengan orang tua itu kurang ajar namanya. Berjalan tegak di belakang tidak hormat maknanya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mahu tidak mahu kita kena terima hakikat bahawa kita kehilangan..

**Persidangan ditangguhkan seketika bagi menghormati azan.**

**YB Tan Sri Speaker :** Kita berhenti ni pun salah satu sifat sopan santun orang Johor. Sila.

**YB Datuk Haji Maulzan bin Bujang (Tiram) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mahu tak mahu kita kena terima hakikat, bahawa kita kehilangan sedikit nilai-nilai ini. Terutama di kalangan generasi muda Johor termasuk mungkin mereka yang berhijrah ke negeri Johor. Yang sememangnya mungkin tidak faham dengan adat resam dan jati diri orang Johor. Proses perbandaran dan pengaruh budaya luar, antara faktor yang menjadi ancaman kepada terhakisnya nilai-nilai tersebut. Peredaran masa, persekitaran, pergaulan di luar juga menyumbang kepada perubahan yang berlaku terhadap sifat-sifat murni yang kita warisi dulu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di bawah Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah berkaitan pendidikan sivik dan kenegaraan, ada menekankan kepentingan prinsip Rukun Negara termasuk prinsip kelima iaitu kesopanan dan kesusilaan. Namun begitu dari pengamatan saya, pendidikan sivik dan kenegaraan yang ingin diterapkan oleh pihak kementerian, lebih merupakan kepada untuk mewujudkan kesedaran dan perasaan bangga dan cinta akan negara. Dan tidak dinafikan bahawa ia juga memberi tumpuan kepada perkembangan diri dan hubungan dengan orang lain dan interaksi dengan persekitaran seperti mana hasrat di dalam falsafah pendidikan kebangsaan dan saya juga tidak nafikan bahawa objektif kemahiran dalam subjek ini, di antaranya ialah kemahiran berinteraksi secara sopan dengan keluarga, rakan dan masyarakat. Namun begitu, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ciri-ciri yang saya sebutkan lebih awal tadi merujuk kepada ciri-ciri orang Johor yang mungkin tidak dapat dihayati oleh anak-anak kita di sekolah. Sebab itulah sebagaimana titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, masih ada sikap pemandu kenderaan yang tidak berdisiplin dan tidak bertimbang rasa serta memandu secara melulu dan kita juga mendengar pelbagai cerita anak-anak yang melawan ibu-bapa, yang suka bergaduh dan tidak lagi menghormati generasi yang lebih dewasa. Dan mungkin juga kerana tidak faham dengan nilai orang-orang Johor kita terkadang kala lah, melihat juga dalam Dewan ini, ada yang tidak menghormati Peraturan Dewan dan Speaker sendiri.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya rasa macam seronok kerana dalam sidang kali ini, nampaknya keadaan yang berbeza sedikit berlaku kerana kalau dalam sidang-sidang yang lepas, pengalaman saya lah agak hebat juga tapi kali ini nampak di sebelah sana pun banyak yang memuji-muji kerajaan, banyak memberi kredit pada kerajaan, saya rasa mungkin ini hasil daripada penghayatan terhadap titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sehubungan dengan itu, saya juga berpendapat bahawa pihak Jabatan Pelajaran Johor juga boleh mencadangkan kepada Kementerian agar kita perkemaskan pendidikan sivik dan kenegaraan ini dengan mengambil kira cara, adab, budaya murni yang diamalkan oleh bangsa Johor terdahulu yang penuh dengan hemah dan berciri-ciri yang baik. Dan mungkin Yayasan Warisan Johor juga boleh mengambil daya inisiatif untuk mengumpul serta mengkaji adat resam, sopan santun, budi bahasa, tutur kata bangsa Johor yang boleh dijadikan panduan dan rujukan untuk generasi bangsa Johor di masa akan datang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, saya juga menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, yang menzahirkan keyakinan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sekarang ini dan keyakinan terhadap barisan kepimpinan kerajaan negeri yang ada pada hari ini. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pengiktirafan yang cukup besar makna dan ertinya dan saya juga amat yakin dan percaya bahawa semua yang berada dalam Dewan ini termasuklah mungkin rakan-rakan kita di sebelah sana menyokong penuh kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Mohamad Khaled bin Nordin sebagai Menteri Besar Johor (Dewan bertepuk).

Kepimpinan dan Kerajaan Johor tidak mungkin dapat diganggu gugat oleh sesiapa kerana saya berkeyakinan bahawa bukan saja kita yang berada di Dewan yang mulia ini mengiktiraf kecemerlangannya, malah rakyat jelata juga mula nampak apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri terhadap negeri dan rakyatnya. Pelan Suara Hati Johor adalah langkah awal kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk mengenal pasti fokus yang menjadi dasar perancangan kerajaan negeri.

Tahun 2014, saya ingat lagi kerajaan negeri menggariskan tujuh fokus utama. Iaitu meningkatkan tahap keselamatan, memartabatkan agama Islam, menyediakan perumahan mampu milik, menangani kos sara hidup dan kesejahteraan rakyat, menyediakan kemudahan awam dan infrastruktur, menyediakan perkhidmatan kesihatan yang cekap dan meningkat tahap ekonomi dan pembangunan usahawan. Alhamdulillah, tujuh fokus yang di umum pada tahun 2014 yang menjadi teras bagi menangani permasalahan rakyat, kini telah mula dilaksanakan dan dirasai oleh rakyat. Ianya bukan retorik politik, ia juga bukan perancangan atas kertas dan ia juga bukan angan-angan rakyat Johor yang inginkan rumah mampu milik sebagai contoh, telah pun disediakan perancangan dan pelaksanaan pembinaan-pembinaan rumah mampu milik yang bakal dimiliki oleh rakyat Johor yang memerlukan.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana dalam Parlimen Tebrau sahaja, banyak rumah mampu milik yang sedang siap atau pun sedang disiapkan seperti baru-baru ini, 1,000 unit rumah di Bandar Dato' Onn, sedang pun dalam proses penyediaan dan akan siap tak berapa lama lagi dan saya difahamkan ada 200 lebih lagi unit lagi di Bandar Tiram serta beberapa tempat lagi. Dan di tambah dengan rumah yang boleh di sewa daripada pihak kerajaan yang berjumlah 1,000 unit dalam kawasan Parlimen Tebrau dengan kadar sewa RM124.00 sahaja.

Dan saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan juga terima kasih di atas langkah kerajaan negeri, yang mengambil keputusan yang saya rasa cukup berani dan cukup mengambil kira kehendak rakyat apabila kerajaan bercadang untuk mengambil semula kawasan industri yang telah tamat tempoh pajakan, untuk dibina rumah mampu milik ataupun rumah murah agar rakyat berpeluang tinggal di bandar seperti di kawasan Tampoi dan Larkin dan ini boleh mengimbangi pembinaan rumah-rumah mahal di kawasan bandar. Hanya di Johor Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negerinya hanya kerajaan negeri Johor yang ambil tanah yang strategik untuk di bina rumah mampu milik sedangkan di setengah negeri, ada di sebuah negeri, kerajaannya menjual pula tanah yang di cadang untuk membina rumah mampu milik untuk di bangun dengan pusat komersial. (Dewan bertepuk). Ini mungkin semata-mata kerana mereka hendakkan keuntungan tanpa mengira keperluan masyarakat golongan berpendapatan rendah dan sederhana, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Maknanya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apa yang kerajaan Johor buat selama ini, bukan lah auta, bukan lah bohong Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang auta, yang bohong mungkin kat tempat lain, kerajaan lain, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana memberi idea penubuhan kedai harga patut ataupun IMCoop, di mana di Tebrau sahaja telah wujud dua buah kedai dan saya difahamkan akan di tambah satu buah lagi kedai dalam masa terdekat dan saya difahamkan bahawa kedai ini sememangnya berjaya menarik minat pembeli semua golongan, di mana harganya lebih munasabah dan memenuhi keperluan harian penduduk yang berhampiran. Dan ia juga sebagai tambahan kepada kedai rakyat 1 Malaysia yang telah pun wujud sebelum ini. Dan saya cadangkan kalau boleh, di mana-mana ada kawasan di mana terdapat penduduk yang berpendapatan sederhana dan juga pendapatan rendah, kedai ini seharusnya diberi fokus dan diwujudkan di kawasan tersebut.

**YB Tan Sri Speaker :** Sila gulung Yang Berhormat.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas siapnya projek pembesaran Lebuh raya Pasir Gudang yang telah pun banyak membantu mengurangkan kesesakan, namun begitu saya berharap agar projek pelebaran Lebuh raya Pasir Gudang Fasa 2 dapat berjalan lancar dan menepati masa. Saya kena hormat Tan Sri Speaker, jadi saya lompat-lompat sikit.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhirnya saya ingin bawa satu dua perkara mengenai dengan kawasan saya iaitu, pertamanya mengenai dengan jalan daripada Tiram ke FELDA Ulu Tebrau, di mana kita sedia maklum bahawa, jalan tersebut sebahagiannya telah pun rosak dengan agak teruk, jadi saya minta pihak JKR memberi fokus supaya kita dapat lebih cepat menurap sebahagian daripada jalan daripada Tiram ke FELDA Ulu Tiram dalam keadaan yang seberapa segera. Dan satu lagi, saya juga mohon kepada pihak Kesihatan untuk melihat dan mempercepatkan proses pembinaan mendapatkan peruntukan dan proses pembinaan Klinik Kesihatan Tiram, kerana klinik yang sedia ada ini, sememangnya telah tidak mampu untuk menampung keperluan penduduk di kawasan Tiram dan kawasan sekitarnya. Apatah lagi jalan raya yang terletak di hadapan klinik tersebut semakin lama semakin sibuk dan ini juga membahayakan dari segi keselamatan mereka yang akan ke klinik.

Jadi dari itu, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walaupun banyak lagi perkara-perkara baik yang saya nak sebutkan, apa yang dibuat oleh kerajaan negeri dalam membela rakyat

termasuk lah penubuhan Yayasan Kebajikan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan, bas percuma, sekolah agama yang telah pun dapat diselesaikan dan banyak lagi namun begitu oleh kerana kekangan masa, saya harap bahawa rakyat Johor dan termasuk lah daripada barisan pembangkang yang katanya tadi mereka bukan mereka apa tu, kata mereka ialah pelengkap kepada kita, maka saya harap supaya rakyat negeri Johor ini dapat menilai dengan sebaik mungkin dan saya menyeru kepada semua rakyat negeri Johor agar memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Menteri Besar dan kerajaan negeri yang sedia ada (Dewan bertepuk). Yang ada pada hari ini, supaya rakyat negeri Johor ini boleh menikmati pembangunan dan kemudahan serta kemakmuran yang telah dibawa oleh kerajaan Barisan Nasional yang ada pada hari ini. Sekian wabillahaufil walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wobarakatuh.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Tiram, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Serom.

**YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Alhamdulillah dengan izin dan inayah-Nya dapat jua Serom turut serta dalam rundingan perbincangan titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang berlangsung pada tanggal 14 April 2016 yang lalu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom juga mengucapkan terima kasih kerana diberi ruang dan peluang untuk berucap di dalam Dewan yang mulia ini bersama rakan-rakan Wakil-Wakil Rakyat yang lain. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom mewakili rakyatnya ingin merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Mulia Tuanku terhadap titah ucapannya yang mencakupi pelbagai aspek kesejahteraan rakyat Johor. Menjunjung kasih Tuanku. Semoga Ke Bawah Duli Tuanku terus dirahmati berbahagia dan berbangga dengan rakyat jelatanya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah berjaya membawa Johor kepada kejayaan dan kecemerlangan. Begitu jua kepada barisan EXCO yang penuh dedikasi dan tekun menggalas tanggungjawab yang diamanahkan. Tahniah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom juga tidak terlupa kepada jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensinya kerajaan yang sentiasa membantu menyokong dan mendukung dalam memastikan aspirasi, hasrat dan cita-cita menjadikan agenda besar negeri Johor tercapai. Melalui titik sentuhan inovatif, kreatif, dinamik bagi memastikan dalam usaha dan rangka mengutamakan kesejahteraan rakyat tercapai dan merencanakan pertumbuhan ekonomi Johor yang pesat dan seterusnya menangani peningkatan kos sara hidup, merencanakan keusahawanan Johor yang berasaskan inovasi dan pengetahuan dan seterusnya mengangkat agenda Johor lestari.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sudah pastilah tanpa kerjasama dan pengemblengan tenaga fikiran dan kerja yang kukuh, sudah pastilah sukar untuk kita memastikan cita-cita ini tercapai. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, umpamanya dalam Pertumbuhan Pelan Strategik Johor 2016-2020 yang berlandaskan wawasan berserta dengan kerangka Pelan Pertumbuhan Strategik menjurus kepada matlamat menjadikan negeri Johor negeri berpendapatan tinggi yang mana pendapatan Johor perlu tumbuh pada kadar purata 13.2% setiap tahun. Manakala jika kadar 67% status pendapatan tinggi kita akan mampu tercapai pada tahun 2025. Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan izin, sudah pastilah kita perlukan pengemblengan dan fikiran menjurus kepada peningkatan 13.2%. Dengan izin, *to get extraordinary result we must to do extraordinary thing.*



Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom terletak di dalam daerah Tangkak yang dikenal pasti potensi pertumbuhan daerah adalah dengan izin, *cross road of culture and adventure*, iaitu meliputi :

1. Pelancongan gaya hidup dan cabaran.
2. Pembuatan ringan industri berasaskan kayu.
3. Pertanian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom melihat pemandangan yang indah di waktu pagi dengan melihat Gunung Ledang yang menghijau tetapi tak pernah lihat Puteri Gunung Ledang. Jadi, sejauh mata memandangi Serom melihat bahawa Gunung Ledang itu tersergam indah, di petang hari pula Serom boleh bersiar-siar di pesisir pengkalan, umpamanya Pengkalan Kesan Laut, Pengkalan Taib Karang, Pengkalan Parit Haji Osman mahupun di jeti Sungai Muar seperti Jeti Teluk Kemang. Jadi, dalam dua suasana ini saya lihat bahawa jelaslah bahawa kerangka pertumbuhan ekonomi ini dalam industri pelancongan boleh diadaptasikan. Jadi di sebelah malam pula, Serom boleh lihat kilipan hidupan laut dan juga kalau lihat sebelah malam kita nampak Muar Bandar DiRaja. Jadi Serom ingin mencadangkanlah kalau boleh di sebelah Serom pandangan daripada bandar Muar ke Serom Tanjung Agas ini dapat dipindahkan supaya kedua dua belah dapat melihat. Yang tengok cantik yang menengok kita pun cantik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom juga ingin mencadangkan agar satu kajian potensi pelancongan yang berteraskan alam sekitar, warisan sejarah dan ekologi dan habitat hidupan pantai yang boleh merealisasikan potensi pelancongan dan gaya hidup dan cabaran dapat diadakan. Umpamanya mengadakan hubungan perbincangan dengan agensi pelancongan mahupun perbincangan itu boleh menyeberang ke negeri Melaka. Supaya di suatu hari nanti Serom akan dapat melihat pelancong-pelancong yang daripada Melaka boleh menyelusuri kawasan pesisiran pantai Parit Bunga dan boleh menyelusuri ke umpamanya terus ke Bukit Gambir dan Gersik dan, ini bukan sahaja nanti aktiviti pelancongan itu, dapat dicapai malah jeti-jeti dan kawasan-kawasan susur sungai dan laut ini dapat dijustifikasikan pembangunannya atau di naik taraf.

Seperkara lagi, Serom ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perikanan melalui sumbangan ataupun peruntukan untuk ternakan kupang kepada kemajuan ekonomi nelayan dan Alhamdulillah, hasilnya telah mula diperolehi. Dan ini merupakan salah satu usaha Jabatan Perikanan dapat membantu nelayan-nelayan. Namun begitu, kawasan itu juga diharapkan Jabatan Perikanan dan Lembaga Perikanan dapat memberi perhatian kerana nelayan-nelayan ini menghadapi situasi pembangunan di negeri Melaka. Pembangunan ini boleh mengakibatkan punca pendapatan nelayan berkurangan kerana pembangunan itu boleh, di antaranya boleh menyebabkan ikan-ikan tidak lagi duduk di kawasan itu. Jadi, saya harap Jabatan Perikanan dapat mengkaji kesan pembangunan di Melaka itu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkata berkenaan pertanian di DUN Serom sungguh tepat sekali, iaitu strategik pertumbuhan agenda daerah yang mempunyai di mana daerah Serom ini mempunyai sawah padi umpamanya di Kampung Kundang Teluk Rimba, di Pulau Penarik, di Kampung Kesang Tasik dan di Kesang Laut. Terima kasih kepada EXCO Pertanian yang telah memilih dan menjadikan DUN Serom sebagai tuan rumah bagi Karnival Muafakat Tani yang akan berlangsung insya-Allah pada 21 hari bulan ini iaitu pada hari Jumaat hingga 23 hari bulan ini. Justeru itu, saya mengambil di Dewan yang mulia ini menjemput semua untuk turut berkunjung ke DUN Serom. Insya-Allah musim durian tak ada, tapi hasil-hasil masyhur yang lain insya-Allah, kelapa muda ada lah Tan Sri Speaker.



Berbalik kepada pesawah-pesawah ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih dan tahniah kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang terlibat. Saya amati mereka sangat peka dan responsif terhadap melibatkan hal-hal umpamanya kemasukan air. Sawah-sawah ini amat penting adalah air dan kawalan air umpamanya dan selain itu benih, baja dan khidmat nasihat dan saya nampak mereka juga terus kepada soal-soal pasaran padi itu. Tahniah. Serom ingin mencadangkan agar kawasan ini diberikan tumpuan umpamanya membina sekurang-kurangnya bangunan separuh kekal supaya pusat tempat itu dijadikan tempat. Tadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ada cerita pengalaman di Taiwan, saya belum sempat ke Taiwan lagi, ada membina kereta laju. Cuma yang ini kawasan Serom minta kalau dapat infrastruktur di tambah jalan-jalan dibetulkan kalau boleh ada pondok-pondok untuk mereka berehat, tempat-tempat mereka untuk menunaikan sembahyang umpamanya. Yang mana ini dapat membantu dan meningkatkan produktiviti mereka lah, mereka tidak perlu balik ke rumah boleh menunaikan ibadat perkara-perkara di waktu tengah-hari dan boleh balik ke rumah pada petang hari.

Seperkara lagi, kajian perlu dibuat berkaitan dengan soal racun serangga ini. Saya tengok dulu dekat sawah pagi, banyak ikan-ikan, ikan-ikan darat seperti ikan puyu ikan haruan ikan keli dan sebagainya. Tapi sejak akhir-akhir ini ataupun 10 tahun yang ke belakang ini ikan-ikan ini telah tiada maka saya rasa adalah kata-kata pandangan-pandangan orang kampung dia kata disebabkan racun serangga. Saya harap jabatan dapat mengkaji adakah kaedah lain supaya racun serangga tidak menjejaskan ikan-ikan yang saya sebutkan tadi?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kini daerah Tangkak terutama DUN Serom, golongan muda sangat terpenggil dengan aktiviti pertanian, saya dapat rasakan harapan petani dan belia sangat tinggi. Setiap hari mereka bertanyakan peluang pertanian. Kini musim menanam nenas, di DUN Serom ini musim menanam nenas, pisang tanduk dan tanaman kontan yang lain. Masalahnya mereka ini tidak ada tanah yang ekonomik jadi mereka mencadangkan kalau boleh kita dapatkan kebenaran menggunakan tanah rizab JPS. Kerana Serom ini banyak parit-parit melebihi 100 parit, jadi kita boleh gunakan tali air dengan kebenaran dan saya berharap pihak JPS dapat membenarkan mereka menggunakan tanah ini dengan kerjasama yang baik. Boleh adakan perbincangan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tanjung Agas juga terkenal sejak dahulu kala lagi iaitu Duku Tanjung Agas. Duku Tanjung Agas ni dia besar, manis, enak. Ia terkenal di seluruh Malaysia, macam seperti 'limau bali Ipoh mali', Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apa yang Serom perhatikan dan suasana suara rakyat persekitaran mengatakan pokok-pokok ini seumpama dilanda penyakit yang mana pokok ini kering dan dahan-dahan yang rapuh, daun-daun yang kekuningan. Serom mohon kajian dibuat atas tanaman ini kerana pokok ini boleh hidup lebih 100 tahun kalau dijaga. Ini merupakan punca pendapatan tahunan mereka, so kalau EXCO Pelancongan nak makan duku kat Tanjung Agas tunggu lagi 2, 3 bulan, insya-Allah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kawasan Tanjung Agas ini juga merupakan kawasan perindustrian sejak sekian lama. Kawasan ini memberi peluang kepada rakyat-tempatan dan rakyat luar kawasan Serom seperti untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Industri elektronik, tekstil, pembuatan termasuk juga industri berasaskan kayu. Serom berharap agar kita akan terus menyokong pengusaha-pengusaha ini untuk memastikan perkara-perkara asas di jalan-jalan perparitan di bersih, lampu-lampu jalan, soal-soal keselamatan dan pusat riadah di bina dan di tambah supaya kita dapat membantu kawasan ini menjadi kawasan yang kondusif dan dengan izin, encourage pengusaha-pengusaha ini terus maju dan sehubungan itu bukan sahaja bentuk cukai kepada kerajaan negeri kita

dapat tapi akan menjadikan Serom menjadi penyumbang kepada pertumbuhan daerah seperti yang diharapkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di malam hari pula Serom seperti daerah-daerah lain tadi. Mengkibol kata di stesen kereta api, tapi dekat Serom ini kedai-kedai dan warung warung begitu rancak sekali, lebih 100 buah warung seluruh Serom, ada yang mula berniaga daripada pagi sehingga malam hari. Serom memandangkan agar pihak yang berkaitan terus menerus membantu mereka seperti bekalan utiliti dan elektrik dipermudahkan. Dan yang paling penting adalah kita membantu mereka dan kita boleh membantu ini supaya kita rapat dengan mereka, memahami perasaan mereka berbanding di bandar. Kerana di bandar ada *starbuck*, ada *Mc Donalds*, *KFC*, *Coffee Corner*, tetapi kita dekat Serom ni warung, warung lah tempat kita di mana dapat berhubung, dapat berbincang dan sebagainya. Jadi Serom ingin mencadangkan agar mereka ini dapat diberikan bantuan *one-off* umpamanya supaya untuk memperkasakan peniaga-peniaga ini.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom juga membawa hal berkaitan peniaga-peniaga, usahawan-usahawan kecil dan sederhana, petani, pesawah, nelayan sungai, nelayan pesisir pantai, nelayan laut dalam dan anak-anak muda yang dulu suka merempit kini mula berjinak untuk bercucuk tanam. Dan seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom mengambil kesempatan ini, guru-guru di daerah Ledang juga tidak kurang hebatnya dan telah berjaya merekodkan pencapaian di antara daerah yang terbaik di negeri Johor, pencapaian keputusan peperiksaan SPM 2015.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam soal perpaduan Serom mengucapkan tahniah kepada EXCO Perpaduan yang mana kita lihat platform hubungan terutama dari segi meraikan perayaan-perayaan, aktiviti sukan dan aktiviti KRS, KRT. Serom berharap suasana muhibah ini dapat terus dipupuk dan dapat di teruskan. Dan Serom setuju sekali dengan pandangan Senggarang, kita sentiasa berganding bahu dengan YB Serom, YB Gambir dan YB Paloh.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam masa yang terbatas ini. Serom berdoa dalam suasana ekonomi global yang mencabar, harga minyak yang menurun, lanskap budaya kehidupan yang sentiasa berubah, cuaca *El Nino* yang melanda, gempa bumi yang terjadi marilah kita merapatkan barisan dan menggembelng tenaga dan fikiran. Bersatu teguh bercerai roboh. Muafakat itu sepakat, muafakat itu berkat, muafakat itu selamat. Jadi Serom juga untuk menyambung daripada YB Tiram dalam soal adab, izinkan Serom berpantun berbunyi demikian, Rusa betina berbelang kaki, mati terkenang jerat sembat, orang yang muda kita sanjungi, orang yang tua kita hormati. Hari malam gelap gelita, pasang lilin gelap ke taman, sopan santun budaya kita, jadi kebanggaan sepanjang zaman.

Dengan itu, akhirnya Serom menyokong usul yang dibawa oleh Tanjung Surat. Sekian terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Serom. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Sungai Abong.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum saya meneruskan perbahasan dalam ucapan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Tuanku. Saya ini anak bangsa Johor, sifat seperti sifat yang Osman Awang nukilkan, jadi saya biasa rendah diri, kalau boleh saya tak nak 2 hari bercakap nak satu hari aje. (Dewan ketawa).

**YB Tan Sri Speaker :** Maknanya 5 minit dah habis lah, boleh? Tak ada, no *problem* kata orang Jawa Parit Raja. (Dewan ketawa).

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Tapi kalau saya cakap 2 hari tamak pula Tan Sri Speaker. Kalau boleh biarlah besok satu hari cukup. Kalau izinkan. Tan Sri Speaker, terima kasih kerana memberikan peluang bagi saya berucap dan membahaskan rundingan untuk menjunjung kasih Ke Bawah Duli Tuanku yang telah merasmikan sidang Dewan tempoh hari. Alhamdulillah, suka, mereka suka tidak suka kita kena akui bahawa negeri kita telah menjadi satu negeri yang sungguh ajaib pencapaiannya dalam masa yang singkat ya, cukup singkat telah memiliki rizab yang begitu baik. Sungguh tinggi lambungan yang kita berikan, pujian kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. (Dewan bertepuk).

Saya kira tidak salah kalau kita juga memberi sanjungan pujian kepada mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, kerana saya rasa dengan wawasan visinya, pandangan jauhnya juga, visi yang *futuristic* dibincangkan dalam tahun 2008 dulu tentang Iskandar Malaysia, Pengerang, *Forest City*, maka hasil buahnya kita tuai pada penggal ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ini hanyalah mem *fine tuning*, menjaga baik-baik pokok yang telah di tanam dan menuai buah yang begitu lumayan. Jadi saya harap, saya harap kita jangan begitu selesa dengan keadaan yang kita ada pada hari ini dan minta teruskan visi yang *futuristic* ini kita kekalkan dan dari semasa ke semasa kita cuba mencari inovatif-inovatif baru supaya negeri Johor ini akan lebih maju dan makmur lagi, insya-Allah. Apa salah..

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat. Sila duduk.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Saya dah kata dah. (Dewan ketawa).

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat boleh sambung besok. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Rabu, 20 April 2016, jam 9.30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 5.00 petang.**

**HARI KELIMA**

**HARI RABU,  
20 APRIL 2016**

*Mesyuarat Pertama (Pembukaan Rasmi)  
Bagi Penggal Persidangan Keempat  
Dewan Negeri Johor Yang Ke-13*

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KELIMA**

**RABU, 20 APRIL 2016**

**BIL. 11 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SMIJ., SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.  
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.

Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.

Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.

Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI, PSI  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.

Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.

Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.

Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.

Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zulkumain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Sulb, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)



**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.**

**YB Tan Sri Speaker :** Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini selepas soalan-soalan lisan, pihak *back bencher* penghabisan itu akan gulung Perbahasan Menjunjung kasih Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya berharap semua yang telah ditetapkan giliran dapat mengambil bahagian. Kalau semua 10 minit, mungkin Persidangan ini tengah hari habislah. Kalau 10 minit ya, pasal tinggal 10 orang je lagi bercakap. Tapi terpulanglah Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau nak balik lekas 10 minit seorang, selesailah kita tengah hari ni.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya berharap Persidangan kita ini akan dapat kita langunkan dengan begitu baik seperti hari-hari yang telah pun kita lalui. Mudah-mudahanlah dengan kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita dapat memenuhi tanggungjawab kita.

**Jurutulis : SOALAN LISAN.**

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

**YB Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 1.

Adakah Perancangan Unit Ekonomi Negeri Johor dalam kerancangan pembangunan dan pelaburan domestik serta antarabangsa ke dalam Negeri Johor terhadap kos sara hidup rakyat yang membolehkan keseimbangan pendapatan dan juga harga kos semua barangan jualan.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Pasir Raja adalah sesuatu yang berasas. Kerisauan tentang akan berlakunya peningkatan harga barang dan kos sara hidup susulan kerancangan pembangunan dan kemasukan pelaburan domestik dan luar negara adalah sesuatu yang sering menjadi kebimbangan banyak pihak. Saya tidak akan menafikan kebarangkalian dan kemungkinan perkara ini daripada berlaku. Ia akan hanya memperlihatkan ketidakmatangan kita dalam membaca proses pembangunan ekonomi. Sekiranya kita masih berkeras ingin menunjukkan bahawa dengan segala kerancangan yang berlaku, kos sara hidup akan kekal sama seperti dahulu dan tidak akan mengubah apa-apa. Pendirian sedemikian bukan sahaja tidak matang, malah tidak logik. Akan tetapi, saya lebih ingin mengajak kita semua untuk memberi perhatian kepada 4 perkara yang paling utama:

1. Peningkatan kos hidup bukanlah kes terpencil yang hanya melibatkan Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, peningkatan kos sara hidup adalah satu fenomena yang bersifat nasional malah global. Ia bukanlah satu kes terpencil yang hanya melibatkan negeri Johor secara eksklusif, sebaliknya dihadapi oleh seluruh negara. Dan, bagi Johor ia lebih cepat dan tinggi kerana kedudukannya yang bersebelahan dengan Singapura, yang juga merupakan faktor di luar kawalan kita. Jadi, adalah penting untuk kita melihat isu ini sebagai satu isu nasional dan global. Dan,

menerima hakikat bahawa tidak kesemuanya boleh diselesaikan dengan mudah oleh kerajaan negeri. Lebih-lebih lagi dia banyak disumbangkan oleh faktor-faktor luaran seperti naik turun harga minyak. Tetapi ini tidak bermakna yang kita tidak berbuat apa-apa. Jadi, saya ingin pergi kepada perkara yang kedua;

2. Inisiatif-inisiatif yang kita telah dan sedang ambil bagi berhadapan dengan isu peningkatan kos sara hidup. Kita harus menerima hakikat bahawa isu kos sara adalah isu yang rumit dan tidak boleh diselesaikan dengan mudah. Dan, kita tidak mempunyai sifir khas atau formula ajaib yang boleh membetulkan keadaan dengan sekelip mata. Atas dasar itulah dari masa ke semasa kita mencuba sedaya upaya untuk mempelbagaikan inisiatif yang diambil demi mengurangkan beban rakyat. Jika di pihak kerajaan persekutuan perkara ini dihadapi dengan pengenalan Bantuan Rakyat 1Malaysia, penubuhan Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia, Menu Rakyat 1Malaysia, maka di pihak kerajaan negeri pula kita mempunyai beberapa alternatif tambahan. Antara inisiatif yang kita ambil adalah :
  - i. Mewujudkan kedai komuniti harga patut muafakat Johor yang merupakan rangkaian kedai barangan yang ditubuhkan melalui gabungan koperasi. Ini termasuklah memperuntukkan sebanyak RM1.3 juta penajaan kepada 6,500 golongan berpendapatan rendah bagi menikmati harga diskaun pembelian di kedai-kedai ini.
  - ii. Memperbanyakkan rumah mampu milik dan rumah transit untuk membolehkan rumah mampu dimiliki dengan harga yang rendah. Dan sehingga ke hari ini kita ada cadangan untuk mengurangkan harga Rumah Mampu Milik Johor iaitu kurang daripada RM150,000.00.
  - iii. Meluaskan perkhidmatan bas percuma di berbagai kawasan kita mulakan di kawasan daerah Johor Bahru dan kita, insya-Allah jika setiap Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kekuatan kewangan akan diperluas di kawasan lain dan bukanlah semata-mata mendengar cadangan daripada pihak pembangkang. (Dewan bertepuk).
  - iv. Memberi insentif dan bantuan pendidikan kepada pelajar-pelajar baru yang diterima masuk ke IPTA.
  - v. Bantuan makanan sihat kepada 10,000 pelajar anak golongan miskin di Sekolah-sekolah Rendah Agama Johor dengan peruntukan RM4 juta.
  - vi. Menggandakan 100% bantuan kewangan kepada 1,800 nelayan berdaftar dan layak dengan pemberian bantuan sekali gus sebanyak RM2,000.00 seorang tahun ini.
  - vii. Memperkenalkan Program Pertanian Kota atau *Urban Farming*, kita mulakan di Iskandar Malaysia yang meliputi 5 kawasan iaitu Johor Bahru, Kulai, Pulai, Gelang Patah dan Pasir Gudang.

Tan Sri Yang Dipertua,

3. Semua pihak perlu tampil bersama-sama memberi pandangan dan idea untuk berhadapan dengan kos sara hidup. Kerajaan negeri sentiasa berfikir terbuka dalam setiap dasar dan tindakan kita. Malah kita amat mengalu-alukan sebarang bentuk cadangan dan idea-idea baru yang boleh membantu kita khususnya dalam berhadapan dengan isu kos peningkatan kos sara hidup. Oleh itu saya

mengajak, menyeru, malah menggesa semua Ahli Dewan dan masyarakat di luar untuk bersama-sama memikirkan pendekatan yang baik dalam hal ini. Kongsi kanlah idea dan saranan dan membuat saranan yang bernas dan pragmatik. Agar ia boleh dipertimbang dan dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk kebaikan semua.

4. Keperluan mengubah gaya hidup. Saya mengambil kesempatan ini untuk turut menyeru semua pihak untuk bersama-sama mengubah gaya hidup kita menjadi lebih berhemah dan berpada-pada. Prinsip alah membeli menang memakai, ukur baju di badan sendiri, serta ikut rasa binasa adalah 3 pegangan yang wajar kita berikan perhatian. Sudah tiba masanya kita memastikan yang perbelanjaan kita disalurkan kepada perkara-perkara yang benar-benar perlu dan bukannya sesuatu yang bersifat kehendak. Dalam satu kaji selidik atas talian oleh iMoney.my dan msn.com, masyarakat kita didapati banyak membazirkan wang dalam 10 perkara yang kurang penting. Antaranya:
  - i. Pembelian berbagai gajet dan aksesori elektronik yang tidak diperlukan. Saya percaya di sini semua yang ada lebih daripada 2 gajet. Ini termasuklah menukar telefon bimbit setiap kali dilancarkan model yang baru.
  - ii. Terlalu kerap makan di kedai mamak dan meminum kopi-kopi yang berjenama dan mahal seperti Starbuck dan Coffee Bean.
  - iii. Terlalu kerap membeli belah secara *online*, dengan izin dan perkara ini boleh dikaitkan dengan laporan oleh agensi kaunseling dan pengurusan kredit (AKPK) yang mendedahkan bahawa kos sara hidup ini diburukkan lagi dengan tabiat individu yang ghairah membeli secara tidak berhemah dan mudah terjebak dalam perangkap kad kredit yang teruk. Jadi pendekatan kita harus bersifat serampang dua mata:
    - a. Kita harus bersama-sama mencari jalan untuk berhadapan dengan kos sara hidup ini dengan memikirkan alternatif yang baru dan pragmatik dan pada masa yang sama kita harus juga mengubah gaya hidup mewah dan mengurangkan pembaziran.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput, Pasir Raja.

**YB Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Semasa saya nak mengajukan soalan ini saya memang beranggapan bahawa kebolehan dan keberkesanan pihak UPEN untuk memberi jawapan, saya pujilah jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dia menyeluruh. Walau bagaimana pun saya nak pergi kepada teknikal elemen. Kita ada buat sikit kajian, di dalam dunia ni, bahawa selain daripada jawapan yang diberikan terhadap gaya hidup dan juga kos-kos yang boleh menampung kos sara hidup yang sebenarnya kita boleh tak memberi pandangan dalam kemelut kenaikan kos sara hidup tentang *living wage vs living expenses*, maknanya di peringkat negeri Johor tentu sekali boleh set satu atau menetapkan satu gaji yang paling sesuai untuk *living expenses* ini atau pun dengan izin perbelanjaan kehidupan. Saya nak beri contoh, saya ada mendapat satu contoh di sini, bahawa di London, dia *living wage set*, gaji yang dia dapat pada kehidupan dia set kat £9.15 per hour, maknanya kalau 8 jam lebih kurang £70, *living wage*. Dekat bandar lain daripada London £7.85 per hour. Kalau saya kira sebulan 30 hari lebih kurang £2,100 per month. Ini *living wage* yang ditetapkan di kota London. Kita tak nak bandingkan dengan kota London, tetapi di Johor kita ada 10 daerah, setiap daerah dah diberikan oleh Yang

Amat Berhormat kepintaran masing-masing, maknanya ada daerah dia ada wage masing-masing tentu sekali dia akan ada berlaku ketidakseimbangan dari segi living wage, jadi saya punya soalan ke arah teknikal, adakah boleh kita beri pandangan supaya pihak kerajaan negeri melihat tentang keperluan living wage yang sebenar untuk kita tahu.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YAB Menteri Besar :** Terima kasih Yang Berhormat, yang Berhormat Tan Sri Speaker, memang kita tak nafikan bahawa salah satu daripada cabaran yang kita hadapi di Johor khususnya di kawasan Iskandar ini ialah gaji yang ditawarkan kepada pekerja tidak sama dengan kawasan-kawasan yang lain malah lebih rendah dan ini memungkinkan pekerja kita untuk berhijrah sama ada ke Lembah Kelang atau pun ke Singapura dan gaji tu sebahagiannya tidak setimpal dengan keadaan sara hidup yang terdapat di kawasan ini. Jadi apa yang disarankan oleh Yang Berhormat daripada Pasir Raja sebentar tadi merupakan satu perkara yang memang ada dilaksanakan di beberapa negara termasuk di kota London dan sudah tentulah kita di peringkat negeri boleh lakukan kajian yang mendalam bagaimana sistem itu berjalan dan bagaimana berkesannya sistem tersebut. Dan, hanya ingin saya nyatakan bahawa kalau kajian itu sudah tentulah akan ambil kira, pertamanya, kalau kita ingin melaksanakan:

1. ialah soal punca kuasa. Sama ada dalam soal-soal penetapan peraturan begitu sama ada kita ada punca kuasa untuk mengenakan itu ataupun ini satu kuasa persekutuan. Jika tidak, kita nak melaksana mungkin ia tak akan dipatuhi. Dan bila tak dipatuhi, bagaimana kita menguatkuasa, sebab kita tak ada punca kuasa.
2. Yang perlu kita ambil kira juga ialah dalam kita nak mengenalkan syarat sebegitu ataupun asas pemberian dan penetapan gaji sebegitu, sudah tentulah akan timbul soal bagaimana ianya sewajarnya tidak memberi kesan kepada pelaburan oleh syarikat-syarikat yang ingin buka dan melabur di negeri kita khususnya di kawasan ini. Dan, ini semua sudah tentulah kita akan beri perhatian yang mendalam, kita perlu buat kajian, di samping banyak lagi mungkin cadangan-cadangan yang lain yang perlu kita lakukan untuk kita atasi soal kos sara hidup yang tinggi ini.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih. Jemput Mengkibol.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih atas peluang yang diberikan. Apabila kita membincangkan tentang isu kos sara hidup ni, selalu dia melibatkan dua, input dan output. Sekarang kita tahu, ini keadaan ekonomi global ni, mungkin tidak mengizinkan kita tingkatkan lagi input dari segi iaitu pendapatan. Tapi masalahnya, adakah kita perlu membantu khasnya golongan anak muda untuk mengurangkan output yang, yang apa tu, yang perlu ditanggung, terpaksa ditanggung. Antara output-output yang saya nampak, paling besar dalam kehidupan seharian kita adalah berkenaan dengan tempat duduk *accommodation*, penginapan iaitu kos perumahan. Sekarang ni kita tahu, harga hartanah semakin melambung dan hari ni kebetulan *front page* Sin Chew Daily ada melaporkan dapatan daripada Bank Negara mengatakan mampu membeli tidak bermaksud mampu memilik. Sebab ramai anak muda selepas beberapa tahun membeli rumah tersebut mereka tak mampu bayar terpaksa rumah tu dilelong dan ada sebahagian besar telah di deklarasi sebagai *bankruptcy*. Maka, ini mengingatkan saya bahawa dulu kerajaan ada projek perumahan rakyat, yang mana kerajaan akan membina rumah tersebut dan menyewakan dia dengan kadar yang minima. Dengan ini telah membantu rakyat ataupun terutamanya anak muda yang baru bekerja dapat mengurangkan beban mereka daripada mereka terpaksa membayar sewa kepada tuan rumah, dia bayar sewa yang minima kepada

kerajaan. Dan daripada mereka terpaksa membayar *instalment* yang tinggi kepada bank, dia membayar sewa kepada kerajaan yang minima sebab kerajaan melaksanakan dasar itu bukan untuk mencari keuntungan. Jadi, adakah pihak kerajaan ada cadangan dan rancangan untuk menghidup semula dasar ini supaya anak muda kita dapat dibantu mengurangkan beban atau kos sara hidup ni.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri, memang benar bahawa kesan kepada soal tawaran dan bekalan akan mempengaruhi soal kos hidup ataupun apa Yang Berhormat tadi nyatakan, rujuk pada soal input dan output. Kalau kita lihat kepada perbelanjaan seseorang individu, biasanya sebahagian besar daripada perbelanjaannya akan digunakan untuk penginapan, rumah, kedua pengangkutan biasanya dia beli kenderaan sendiri dan ketiga makanan. Kalau kita lihat di negeri Johor ni, ketiga-tiga perkara ini kita sedang beri perhatian yang sangat serius. Dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat, kerajaan negeri Johor, saya ingin nyatakan, akan bukan sahaja sedang tapi akan terus beri perhatian yang sangat mustahak, penting kepada 3 soal ini.

Dari segi soal rumah, kita *walk the talk*, walaupun kita selalu cakap. (Dewan bertepuk). Walaupun kita kata, ada banyak rumah yang harga mahal di sini memanglah itu perlu dilakukan kerana setiap rumah yang harga mahal kita boleh lakukan *cross subsidi*, kalau kita tidak ada penjualan rumah mahal, macam mana kita nak banyakkkan rumah yang boleh kita subsidi untuk membolehkan rakyat kita membeli.

Kedua, sudah tentulah kalau kita kata, kita tak terima semua rumah yang mahal kerana keadaan seperti yang terpapar dalam surat khabar terlalu banyak. Adakah kita hendak di Johor Bahru ni semua rumah kos rendah. Johor Bahru jadi *slump*. Dan, sudah tentulah Johor Bahru tak akan jadi apa yang kita kata nak jadi Metropolis, bertaraf antarabangsa, semua *slump* keadaan begitu. Jadi, kita perlu perimbangan. Perimbangan, di sinilah Kerajaan Barisan Nasional pandai dan berjaya membuat pertimbangan. (Dewan bertepuk).

Jadi, dari segi rumah kita tetap mengatakan bahawa kita kekalkan rumah harga RM42,000.00, RM80,000.00 dan RM150,000.00. Tunjuk pada saya di Selangor dengan Penang boleh tak buat macam itu? Saya cabar, turunkan harga sekarang. Jadi, rumah kita banyakkkan, kita telah *commit*, 60,000. Jadi, dengan sendirinya kalau ada rumah begitu maka sebahagian daripada perbelanjaannya dapat dikurangkan. Dan, itu tidak termasuk rumah-rumah sewa yang dicakapkan tadi, memang ada Projek Perumahan Rakyat. Kita sedang bina lagi 2,917 unit. Dan untuk tahun ini, Projek Perumahan Rakyat kita sedang buat di Pengerang dan juga di Bandar Tenggara. Dan kita berusaha untuk sentiasa mendapat daripada kerajaan pusat, pembinaan yang lebih banyak kerana masa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun lepas, saya beritahu, Johor kita hendakkan kepada 20,000 unit lagi. Dan sudah tentulah, sudah tentulah kerajaan pusat akan dengar, kerana kerajaan negeri dan kerajaan pusat mempunyai hubungan yang baik. Cubalah kalau kerajaan negeri ini, Yang Berhormat semua yang jadi kerajaan tentu kerajaan pusat tak nak dengar. Jadi, kena kekalkan kita. (Dewan bertepuk). Begitu juga soal pengangkutan. Itu sebab kita beri fokus, perhatian kepada soal pengangkutan bukan kerana kita dengar daripada Yang Berhormat kerana kita adalah kerajaan yang berjiwa rakyat. (Dewan bertepuk). Tapi Yang Berhormat nak ambil nama, ambillah. Tak apa, asalkan saya tahu rakyat saya hidup dalam keadaan sejahtera. (Dewan bertepuk).

Ketiga, soal makanan. Itu sebab kita buat Kedai Koperasi *IMCoop*. Kita mula-mula nak buat kat Iskandar tapi semua minta, satu Johor. Dan, insya-Allah kita akan berusaha

sedikit demi sedikit untuk tunjukkan sumbangan khidmat kita kepada rakyat, kita menyatukan rakyat, kita bawa kesejahteraan kepada rakyat, kita tidak pecah belahkan rakyat seperti Yang Berhormat. (Dewan bertepuk).

**YB Dr Boo Cheng Hau (Skudai) :** Soalan tambahan.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Oh, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tadi saya dengar jawapan daripada Menteri Besar, banyak cadangan dan langkah yang akan diambil termasuklah nasihat kepada rakyat untuk mengubah corak hidup. Dan pada pandangan saya, cadangan ini akan berjaya kalau pemimpin di negara kita juga mengamalkan corak, mengubah corak, mengubah cara hidup. Dan, kalau kita tengok memang ada banyak benda-benda yang amat membazirkan tetapi pemimpin negara kita juga mengamalkan seperti mendandan rambut...

**YB Tan Sri Speaker :** YB, YB...

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Membeli *handbag*, sebab itu saya menyeru...

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat, jangan lari daripada soalan asal.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Ya, ya, nanti saya nak bentangkan, dan cincin, jam tangan, sebab itu...

**YB Tan Sri Speaker :** Itu dah lari soalan.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Nak cadangan ini kalau nak berjaya, saya berharap pemimpin perlu menjadi contoh tauladan dulu. Dan selepas itu, saya nak bentangkan soalan saya, saya nak tanya, seperti tadi yang dinyatakan oleh Menteri Besar bahawa kerajaan Johor adalah satu kerajaan yang mendengar suara rakyat. Dan, saya nak tanya, kalau, adakah UPEN ada rancangan membuat kajian penyelidikan terhadap impak GST terhadap rakyat dan peniaga di negeri Johor. Dan seperti yang disebutkan Menteri Besar tadi, apa dinyatakan oleh kerajaan Johor akan diikuti oleh kerajaan persekutuan ini akan berjaya? Sebab itu saya menyeru bahawa kerajaan, UPEN membuat kaji penyelidikan terhadap GST dan memberi nasihat kepada kerajaan persekutuan untuk mengurangkan kadar GST? Dan saya juga memberi cadangan kepada kerajaan, kerana setakat begitu lama GST sudah satu tahun. Sudah bermula daripada 1 April iaitu *April Fool*, sampai hari ini, kerajaan persekutuan tidak pernah membuat apa-apa kajian yang terperinci terhadap GST.

**YB Tan Sri Speaker :** Ok, ok.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Dan saya faham, cadangan, *last, last*. Nanti saya sebarkan sendiri.

**YB Tan Sri Speaker :** Berapa banyak cadangan YB?

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Saya cadangan, saya berharap kerajaan Johor boleh mengambil kira...

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) :** Mana boleh cadang, tanya ajelah.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Dan merujuk kepada satu kajian penyelidikan yang telah dibuat oleh sebuah Persatuan *Associate Chinese Chamber of Commerce and*

*Industry of Malaysia* dan dalam laporan siasatan di sana sudah ada banyak-banyak cadangan di atas GST. Sekian, terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker** : Ok, YB.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Itu Menteri jangan beli banglo RM2.8 juta.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pendirian kerajaan ialah bahawa kita terima GST itu sebagai satu kaedah penambahbaikan usaha kita untuk hasil-hasil negara. Dan, kita sedia maklum bahawa pengenalan kepada GST itulah yang sama ada kita terima atau tidak, suka atau tidak menyelamatkan negara kita apabila harga minyak jatuh. (Dewan bertepuk). Cuba kita bayangkan kalau tak ada GST dan harga minyak jatuh saya percaya bukan sahaja kita tak dapat teruskan pembangunan tetapi sebenarnya kita juga mungkin tak dapat nak membayar pengurusan gaji dan sebagainya.

Jadi masalahnya bukan GST, masalahnya mungkin ialah dari segi sikap peniaga yang mengambil kesempatan dengan pengenalan GST. (Dewan bertepuk). Dan, mungkin kelemahan kerajaan dari segi penguatkuasaan. Yang itu, yang perlu diberikan perhatian. Saya percaya, GST ni digunakan oleh pembangkang untuk cari isu bagi menghentam kerajaan. Tapi bila dia dah jadi kerajaan mungkin dia tak akan ubah pun. Sebab GST itu dilaksanakan oleh banyak negara lain di Singapura, di United Kingdom, di mana-mana, kerana itu adalah punca hasil yang lebih adil, yang dikenakan oleh kerajaan. Bagi kerajaan, bagi kerajaan negeri Johor, kerajaan pusat perlu beri perhatian kepada mengatasi soal peniaga-peniaga yang ambil kesempatan menaikkan harga. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat Senggarang, jemput.

**YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 2.

Apakah jenis cenderahati yang banyak dibeli oleh pelancong asing yang melancong di Johor dan adakah cenderahati yang mempunyai identiti Johor terhad variasinya.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan** : Selamat pagi, salam sejahtera dan Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, jika disebut berkenaan negeri Johor, perkara pertama yang bermain di fikiran dan minda pelawat atau pelancong khususnya ialah *Legoland Malaysia, Johor Premium Outlets, Pasukan Bola Sepak JDT, produk makanan Johor* yang unik seperti *Laksa Johor, Mee Bandung, Otak-Otak, Beriyani Gam, Mee Racun* dan *Sup Gearbox*.

Selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan di atas terdapat berbagai jenis barangan lagi yang boleh dijadikan sebagai cenderahati untuk dijadikan sebagai tanda kenang-kenangan, memori dan koleksi peribadi semasa melawat dan melancong ke negeri Johor. Sebagai contoh, lokasi-lokasi tempat yang menyediakan dan menjual cenderahati adalah seperti di Bazar Johor Bahru, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dan destinasi pelancongan seperti *Legoland Malaysia*, menyediakan dan menjual cenderahati yang beridentitikan Negeri Johor untuk dibeli oleh para pelawat dan pelancong ke Negeri Johor. Antara barangan yang dijual adalah seperti barangan-barangan yang pasti dibeli oleh pelancong iaitu *fridge magnet and key chain* dengan izin, baju-baju yang majoritinya adalah beridentitikan Negeri Johor seperti bangunan bersejarah, reka bentuk kuda kepong dan *i love Johor* dengan izin.

Pasukan bola sepak JDT yang semakin mendapat nama di peringkat nasional dan antarabangsa telah menarik semakin ramai peminatnya yang ingin mendapatkan cenderahati JDT. Kini peminat-peminat ini dapat mendapatkan cenderahati JDT yang asli di *outlet*nya di Stadium Larkin. Cenderahati ini sememangnya merupakan produk beridentitikan Johor.

Selain itu, Pekan Ayer Hitam yang semestinya sudah terkenal sebagai Bandar Seramik banyak menjual cenderahati yang berasaskan seramik dan kebanyakannya beridentitikan Negeri Johor yang sudah tentu sesuai dijadikan sebagai cenderahati atau oleh-oleh kepada pelancong domestik dan antarabangsa. Aktiviti menjual cenderahati yang melibatkan penglibatan secara terus golongan masyarakat tempatan ini dari semasa ke semasa ditambah baik dan dipantau oleh pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan seperti Tourism Johor, Pusat Pembangunan Usahawan (EDC), Kraf tangan Malaysia dan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) agar aktiviti jualan cenderahati ini dapat ditingkatkan daya saing dan kemapanandari segi pembungkusan dan pemasaran agar nilai-nilai komersial barangan cenderahati yang dijual sentiasa dalam keadaan menarik untuk dibeli oleh pelancong.

Juga tidak dilupakan tentang cenderahati atau oleh-oleh edisi khas sempena Sambutan Kemahkotaan Sultan Johor. Kerajaan Negeri menerusi Tourism Johor dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor telah mewujudkan satu galeri cenderamata sempena Ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dari 23 Mac hingga 3 April yang lalu, selama 12 hari untuk orang ramai dan pelancong untuk mendapatkan cenderamata edisi khas ini. Bagi sesiapa yang ingin membeli oleh-oleh ini bolehlah beli semasa Kembara Mahkota Johor yang bakal berlangsung pada bulan Mei akan datang mengikut daerah-daerah yang bermalam. Penjualan cenderamata ini yang diadakan bermusim merupakan suatu usaha *value added* dengan izin kepada kedua-dua acara signifikan Johor iaitu Sambutan Keputeraan Sultan Johor dan Kembara Mahkota Johor. Maka pelancong tidak kira domestik dan antarabangsa akan menunggu-nunggu kedua-dua acara ini.

**YB Tan Sri Speaker** : Senggarang jemput.

**YB Dr. Haji Shelkh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk EXCO yang telah memberikan jawapan yang panjang lebar.

Cuma saya nak bertanya di sini, kalau di Kelantan kita ada batik dan di Terengganu kita ada songket. Jadi saya nak taulah apakah identiti produk kampung atau Johor ini yang boleh kita ketengahkan sebagai oleh-oleh atau cenderahati Johor itu sendiri. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan** : Terima kasih Yang Berhormat Senggarang di atas soalan tambahan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, juga bercakap mengenai oleh-oleh yang dihasilkan oleh identiti Johor ataupun penduduk kampung. Sebenarnya terdapat oleh-oleh yang dihasilkan oleh *homestay* kita. Johor yang kini mempunyai sebanyak 21 inap desa atau *homestay*, masing-masing menghasilkan cenderahati mengikut pengkhususan dan keistimewaannya untuk dijual kepada para pelancong yang merasai dan menikmati pengalaman program inap desa ini. Hasil produk-produk yang dijadikan cenderahati inap desa ini tidak terhad kepada barangan



biasa seperti baju, *fridge magnet* dan *keychain* dengan izin, tetapi produk-produk unik berdasarkan hasil kreatif dan inovatif *homestay* masing-masing di dalam... di mana ia dapat membantu menjana pendapatan tambahan penduduk kampung 'homestay'. Sebagai contoh, baju fabrik nanas di Homestay Kampung Sinaran Baru, kraf tangan bakul surat khabar di Homestay Kampung Tanjung Piai, Kraf Tangan Kayu Nibong di Homestay Kejora, kraf tangan seni daun getah di Homestay Kampung Temening Baru dan sebagainya untuk dijadikan sebagai tanda kenang-kenangan kepada pelancong yang melancong ke negeri Homestay Johor.

Kerajaan juga menggalakkan Jawatankuasa JKKK Kampung yang berminat dan mempunyai idea yang baik untuk menghasilkan ataupun Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh mengeluarkan idea-idea yang bagus dan boleh kita bersama-sama menghasilkan oleh-oleh sebagai contoh kuih baulu gulung nanas atau tart nanas yang dihasilkan oleh penduduk kampung di Pontian sentiasa menjadi kegemaran pelawat ke Pontian.

**YB Tan Sri Speaker :** YB Tenggaroh jemput.

**YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk mewujudkan sebuah pusat atau hab oleh-oleh bagi pelancong yang melancong ke Negeri Johor? Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tenggaroh atas soalan tambahan yang dikemukakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri sememangnya ada rancangan dan mewujudkan satu pusat penjualan cenderahati beridentiti Johor di Negeri Johor.

Kerajaan Negeri berniat dan bercadang untuk mentransformasikan Penjara Reman Johor Bahru kepada pusat penjualan cenderahati seperti konsep penjara Fremantle... Fremantle di Negara Australia. Jawatankuasa ini... inisiatif ini telah membuat satu lawatan kerja ke sana untuk mengkaji mekanisme dan konsep mereka. Dan juga beberapa lawatan termasuklah ke Penjara Reman Johor Bahru ini sendiri untuk mengetahui tentang keupayaan penjara tersebut untuk mentransformasikan menjadi sebuah produk pelancongan. Walau bagaimanapun, segala usaha ini masih dalam peringkat kajian dan perancangan Kerajaan Negeri setakat ini. Kajian lanjut sedang diteliti bagi mendapatkan kaedah-kaedah pelaksanaan terbaik di dalam mentransformasikan Penjara Reman Johor Bahru sebagai sebuah pusat penjualan cenderahati bagi Negeri Johor.

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kalau kita bincang pasal cenderahati ini sebenarnya terdapat 2 bab yang penting. Antaranya ialah ciptaan cenderahati tersebut. Ciptaan tersebut mungkin kita... kita mestilah kalau kita Negeri Johor, identiti Negeri Johor sendiri. Dan sini kita teringat pasal Satu Daerah Satu Industri. Dan yang kedua ialah bab publisiti. Jadi barangkali bila kita mengunjung ke sesebuah negeri atau sesebuah negara, dia akan tuliskan, dia akan nyatakan bahawa mungkin *ten things to buy* dengan izin, 10 barang yang kita kena beli dekat kawasan itu. Jadi sejauh manakah pelancongan dalam usaha mempublikasikan produk-produk cenderahati kita terutamanya yang berkaitan dengan Satu Daerah Satu Industri sebab saya rasa dari situ ialah identiti kita yang ada dekat situ seperti kek, seperti keropok, itu juga merupakan satu cenderahati yang istimewa daripada Negeri Johor. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Rinting.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih atas cadangan yang baik oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan ini memang kita dalam rancangan, memang dalam sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Memang cenderamata itu adalah juga satu kenang-kenangan pelancong untuk mereka bawa kemanisan ke negara masing-masing. Begitulah mereka boleh mempromosikan tempat yang menarik destinasi yang berada di Negeri Johor. Dan saya, kita sememangnya ini adalah dalam rancangan kami dan telah kita mengumpulkan maklumat-maklumat, memang kita mengadakan bengkel. Bengkel kita sama-sama ber... panggil dengan kraftangan, pengusaha-pengusaha cenderahati swasta dan produk-produk IKS yang unik untuk berbincang penghasilan cenderahati Johor. Dan juga, kita bersama dengan NGO pelancongan dan pemimpin-pemimpin masyarakat telah pun menyumbangkan idea dan usaha memantapkan oleh-oleh dalam makmal pelan pemasaran strategi pelancongan Johor 5 tahun yang diadakan pada bulan Januari yang lalu.

Saya mengalu-alukan... Kerajaan mengalu-alukan cadangan baik oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sambut baik. Dan kebelakangan ini, saya ternampak juga terasa perasaan bahawa sejak kebelakangan ini Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana dari parti pembangkang semakin sehaluan atau mengiktiraf dengan usaha-usaha pro rakyat yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kita, yang dilaksanakan oleh parti pemerintah. Terima kasihlah.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Puteri Wangsa.

**YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Program Dwibahasa adalah jelmaan dan penjenamaan baru PPSMI yang terbukti gagal dan amat jelas bertentangan dengan perlembagaan Persekutuan, perkara 152(1), 152(6) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967. Apakah pendirian kerajaan Johor dalam isu Program Dwibahasa atau *Dual Language Programmed* (DLP) ini?

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Jorak.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh (Jorak) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Apakah yang dimaksudkan dengan pengajaran dan pembelajaran DLP? Adakah serupa dengan PPSMI? Apakah nasib bahasa Malaysia dalam masa jangka panjang jika PDP secara DLP ini diteruskan tanpa penilaian semula.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Maharani.

**YB Dr. Haji Mohammad bin Taslim (Maharani) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

*Dual Language Programmed* bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 (1), Perkara 152 (6) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967, Penyata Razak 1956, Penyata

Rahman Talib 1960, Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pelajaran 1996 (Akta 550). Apakah pendirian Kerajaan Negeri Johor dalam isu DLP ini dan mengapa ianya diperlukan sedangkan PPSMI telah pun gagal.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pendidikan merupakan perkara utama yang berupaya mempengaruhi pembangunan diri individu dan menyediakan pelbagai peluang dalam mencorakkan masa hadapan. Pendidikan juga mendasari proses pembangunan modal insan yang berinovatif dan berkemahiran tinggi, yang merupakan faktor kritikal bagi menyokong pertumbuhan sosial, budaya dan ekonomi sesebuah negara. Sistem pendidikan kita merupakan tunjang kepada pembangunan negara. Dalam usaha mencapai aspirasi yang tinggi dalam persekitaran persaingan global yang semakin sengit, kita tidak boleh lalai. Maka melihat kepada peri pentingnya pendidikan dalam masyarakat, pada Oktober 2011, Kementerian Pendidikan telah melancarkan Kajian Semula Sistem Pendidikan Negara secara menyeluruh dalam usaha membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang baharu.

Kementerian Pendidikan sedar, bahawa ibu bapa meletakkan harapan yang tinggi dan majikan menyuarakan kebimbangan akan keupayaan sistem pendidikan melengkapkan generasi muda dengan persediaan yang secukupnya bagi menghadapi cabaran abad 21. Menyedari hakikat bahawa sistem pendidikan adalah kompleks dan rencam, maka Kementerian Pendidikan telah mengambil tindakan yang berani mengubah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia merupakan hasil penglibatan masyarakat dan penyelidikan meluas yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Pelan ini dibangunkan dengan 3 objektif utama:

Pertama, memahami prestasi dan cabaran semasa yang merangkumi kualiti, ekuiti, pengukuhan dalam kalangan murid dan mengoptimumkan kecekapan sistem. Mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas untuk setiap murid dan sistem pendidikan untuk tempoh 13 tahun yang akan datang. Menggariskan transformasi sistem pendidikan yang komprehensif merangkumi perubahan penting dalam Kementerian bagi memenuhi permintaan baharu. Kerajaan negeri menyambut baik usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan di bawah pentadbiran kerajaan pusat. Pemberian autonomi yang lebih meluas pada jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah dapat menyemarakkan lagi jaringan konstruktif bersama pihak berkepentingan merentasi agensi kerajaan, ibu bapa, kumpulan, komuniti dan pihak swasta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum menjawab persoalan yang ditimbulkan saya terlebih dahulu ingin menjelaskan mengenai pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris atau pun sebut sebagai PPSMI. PPSMI adalah satu Dasar Pendidikan Malaysia yang menetapkan bahasa Inggeris menggantikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantara untuk mata pelajaran Sains dan Matematik di semua peringkat pendidikan. Dasar ini telah diluluskan pada Julai 2002, melalui Mesyuarat Khas Jemah Menteri diperkenalkan secara berperingkat pada Januari 2003, dimulai tahun 1 untuk peringkat sekolah rendah, tingkatan 1 dan tingkatan 6 rendah untuk sekolah menengah dan pada Januari 2007 pelaksanaan penuh bagi sekolah menengah dan Januari 2008 bagi sekolah rendah.

Ketika Kementerian Pendidikan memperkenalkan PPSMI secara rasionalnya adalah atas dasar keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan sumber manusia untuk mencapai taraf negara maju dan persiapan dari awal persekolahan untuk bersaing dalam era

globalisasi. Kita sedar bahawa dasar PPSMI sering menjadi isu perdebatan yang hangat semenjak dilaksanakan pada tahun 2003. Oleh yang demikian satu kajian telah dibuat oleh 53 pakar bahasa dan 7 universiti awam yang terlibat untuk mengkaji pelaksanaan PPSMI. Hasil kajian tersebut telah merumuskan PPSMI harus ditamatkan dan mengembalikan semula sistem pengajaran sebelum dasar itu diperkenalkan pada tahun 2003. Berdasarkan berbagai pertimbangan pada 8 Julai 2009, Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa dasar PPSMI akan dimansuhkan sepenuhnya pada tahun 2012.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selepas itu Kementerian Pendidikan di bawah Pelan Pendidikan Pembangunan Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan apa yang disebut sebagai dasar memartabatkan bahasa Malaysia, memperkukuhkan bahasa Inggeris, atau lebih mudahnya disebut MBM MBI. Dasar MBM MBI adalah satu dasar yang diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan untuk memastikan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar di semua sekolah kebangsaan dan sekolah menengah serta memastikan supaya murid-murid boleh menguasai bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dengan fasih dan betul. Dasar MBM MBI ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2010. Dalam proses peralihan ini secara pelaksanaan berperingkat membolehkan murid sekolah rendah dan sekolah menengah yang telah mengikuti pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris semasa PPSMI, dapat meneruskan penggunaan bahasa Inggeris sehingga tamat tingkatan 5 berdasarkan kesediaan guru dan murid di sekolah tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, melalui dasar MBM MBI, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan 2 program yang menyokong kepada usaha untuk memperkukuhkan bahasa Inggeris, iaitu *Dual Language Programme* dengan izin, atau dengan kata mudahnya disebut sebagai DLP dan satu lagi Program Imersif Tinggi yang disebut sebagai HIP. DLP adalah program yang memberi pilihan kepada sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris sepenuhnya. Selain daripada bahasa Melayu bagi mata pelajaran Matematik, Sains, Teknologi Maklumat dan juga komunikasi. DLP ini bertujuan untuk membantu murid menguasai kemahiran dwi bahasa seiring dengan aspirasi murid dan diekstrakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Apabila ada yang mengajukan pertanyaan sama ada pelaksanaan program DLP ini sama dengan dasar PPSMI atau tidak, jawapannya adalah tidak. Kenapa? Kerana DLP merupakan satu program pilihan, manakala PPSMI pula merupakan satu dasar yang dilaksanakan di semua sekolah. DLP hanya dilaksanakan di sekolah yang memenuhi kriteria dan syarat yang telah ditetapkan iaitu:

1. Sekolah mestilah mempunyai sumber yang mencukupi. Sumber ini adalah merujuk kepada buku teks, bahan-bahan rujukan, bahan bantu mengajar dan lain-lain sokongan pengajaran dan pembelajaran;
2. Pengetua atau pun guru besar dan guru subjek tersebut bersedia untuk melaksanakan DLP. Pengetua dan guru besar perlu bersetuju dengan pelaksanaan DLP serta perlu bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri bagi rancangan jangka panjang dan jangka pendek demi memastikan bilangan guru yang terlibat adalah mencukupi.
3. Permintaan dan sokongan ibu bapa. Ibu bapa kena mainkan peranan dalam pelaksanaan DLP di mana ibu bapa perlu memberikan persetujuan secara bertulis kepada pihak sekolah untuk membolehkan anak mereka mengikuti DLP.

4. Pencapaian sekolah dalam mata pelajaran bahasa Melayu, sekolah-sekolah yang ingin menyertai DLP mestilah menyamai atau lebih baik daripada pencapaian purata kebangsaan bagi mata pelajaran bahasa Melayu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, syarat yang ditetapkan jelas menegaskan bahawa bahasa Melayu diberi keutamaan dan perlu dikuasai dengan baik oleh semua murid sebelum sebuah sekolah boleh menerima kelulusan untuk melaksanakan DLP. Bahasa Melayu akan tetap diajar sebagai mata pelajaran utama di sekolah-sekolah bagi memastikan murid-murid menguasai bahasa Melayu dengan fasih dan betul. Melalui MBM MBI bahasa Melayu diletakkan pada tempat yang sepatutnya iaitu sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia dan merupakan bahasa penghantar utama pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996.

Kerajaan negeri berpendapat dengan peningkatan kemahiran dwi bahasa melalui DLP, murid akan memiliki kemahiran dan keyakinan yang lebih tinggi untuk mengakses dan meneroka pelbagai bidang ilmu dan seterusnya daya saing yang tinggi di peringkat global. Murid yang memiliki kemahiran dwi bahasa akan memiliki kelebihan, kebolehpasaran dalam alam pekerjaan selain program DLP tidak mengganggu gugat kedudukan bahasa Melayu sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan dan Akta, kerajaan negeri tiada sebarang halangan dalam pelaksanaan DLP ini. Tambahan pula, DLP sebagaimana yang saya nyatakan tadi, tidak diwajibkan di semua sekolah sebagaimana PPSMI. Sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan sahaja oleh Kementerian pendidikan. Sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan juga tidak dipaksa untuk melaksanakan DLP ini.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput, Maharani.

**YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan terima kasih Yang Berhormat EXCO kerana memberi penerangan yang baik. Cuma dalam pemikiran saya ni, saya dah faham bahawa DLP ini hanyalah program pilihan untuk sekolah tertentu yang layak. Terbayang di kepala saya ni kalau sekolah yang layak tu biasanya sekolah dalam bandar.

1. Apakah nasib sekolah-sekolah di luar bandar atau anak-anak di luar bandar untuk mencapai taraf pendidikan yang setaraf dengan anak di bandar?
2. Apabila ibu bapa menyedari ini adalah satu yang baik dan boleh tak mereka memohon supaya anak mereka dipindahkan ke sekolah perintis ini ambil tahu kebaikannya adakah pihak sekolah bersedia untuk menerima pelajar-pelajar sekarang yang dimulakan ini untuk masuk bersekolah yang disenaraikan sebagai sekolah perintis?

Jadi itu yang ingin tanyakan. Selain daripada itu juga adakah guru-guru yang mengajar Sains dan Matematik di sekolah yang terpilih tadi benar-benar sanggup, benar-benar layak untuk tanpa merendahkan mereka, layak untuk mengajar dalam bahasa Inggeris, kerana sebelum ini pun guru-guru yang untuk mengajar bahasa Inggeris pun diberikan latihan tambahan. Adakah guru-guru di sekolah terpilih ini walau pun dikatakan mampu mengajar dalam bahasa Inggeris ini, adakah mereka ini akan diberi latihan berterusan supaya mereka benar-benar mahir dalam bahasa Inggeris dan dapat menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris sepenuhnya. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, maknanya Yang Berhormat Maharani sokong program ini sebenarnya. Tentang kelayakan guru-guru memang sekolah-sekolah yang terpilih ini, memang sekolah yang mempunyai pertama, bilangan guru yang mencukupi. Kedua, guru-guru yang memang mempunyai kelayakan, sebab itu macam di Johor kita cuma ada 15 sahaja sekolah perintis, 5 sekolah rendah dan juga 10 sekolah menengah. Selain daripada peralatan yang dulu masa PPSMI kan ada dia berikan pelbagai alat bantuan mengajar dan sebagainya.

Soal pilihan tadi, ada dua keadaan. Kalau di dalam kelas itu, contoh dalam tahun 1 pelajar-pelajar ni bila dia dah masuk ke DLP ini, tapi dia didapati dia tidak boleh menguasai, dia tidak boleh nak ikut kelas tu, dia boleh mohon untuk keluar, masuk kelas yang lain. Begitu juga kalau ada kalangan ibu bapa merasa anak dia layak untuk belajar dalam DLP ini, juga boleh. Termasuklah pindah sekolah dengan syarat tak jauhlah daripada kawasan yang berkenaan sebab sekolah-sekolah ini adalah sekolah biasa bukan sekolah asrama dan sebagainya.

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat Jorak.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh (Jorak)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada jawapan yang diberikan. Pada dasarnya saya tidak menyokong DLP ini. Kerana DLP sistem pembelajaran dan pengajarannya DLP menggunakan sepenuhnya bahasa Inggeris. Saya melihat bahawa, saya tidak menentang pengajaran bahasa Inggeris untuk sains dan Matematik cuma saya mengatakan bahawa, pelajar harus didedahkan istilah-istilah Sains dan Matematik dalam bahasa Malaysia. Tidak boleh 100% dalam bahasa Inggeris. Saya beri contoh, perkataan-perkataan atau istilah-istilah, *terms* dalam mata pelajaran *additional maths* atau mata pelajaran ilmu Matematik Tambahan, perkataan seperti, istilah seperti *differenciation*, istilah seperti *integration*, *simultaneous equation*. Pelajar-pelajar tanpa mengira latar belakang mereka mesti mengetahui istilah ini dalam bahasa Malaysia. Saya bertanya sendiri dengan pelajar-pelajar di sekolah, sama ada mereka tahu ke tidak, apakah term ataupun istilah dalam bahasa Malaysia. Mereka kata, mereka tidak tahu. Sebagai rakyat Malaysia, mereka mesti tahu istilah-istilah ini dalam bahasa Malaysia, sebagai rakyat Malaysia, bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi. Saya tidak menentang penggunaan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Jadi, saya harapkan bahawa dikaji dan dilihat semula perkara ini supaya meletakkan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu. Kalau tidak begitu sampai bila bahasa Malaysia akan menjadi bahasa ilmu, bahasa tinggi kalau pelajar tidak didedahkan perkara ini dan digunakan di sekolah. Mungkin 80% masih digunakan untuk bahasa Inggeris, kita minta hanya 20% dalam bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan. Apa jadi masalahnya? Itu sahaja Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, program DLP ni di bawah MBMMBI ini baru beberapa tahun dilaksanakan dan saya percaya di pihak Kementerian Pendidikan pun dari masa ke semasa sentiasa membuat kajian dan melihat pandangan-pandangan bagi keberkesanan pembelajaran ini bukan hanya akan memberikan nilai tambah ilmu dalam bidang sains dan matematik pada pelajar tapi juga saya percaya dengan dia menguasai sebab itu konteksnya ialah soal menguasai dwi bahasa. Dia bukan hanya untuk menguasai bahasa Inggeris sahaja tetapi juga sepatutnya dia boleh menguasai dalam bahasa Melayu. Jadi, saya percaya pandangan itu kita terima dan kita akan maklumlah di peringkat Kementerian supaya dikaji lebih terperinci.

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita jawab di pagi hari ini. Mana-mana soalan yang tidak berjawab akan disenaraikan dan dijawab secara lisan, secara bertulis dalam persidangan yang sama.

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan itu disambung sekarang. Saya mempersilakan Yang Berhormat Sungai Abong.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya berbahas pada pagi ini bukan menyambung, yang semalam tu berbual-bual. Jadi, terima kasih. Jadi, bila saya melihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar berada di pagi ini dengan gaya yang lembut, senyum, santun, merendah diri, teringat saya tentang perbahasan yang dibuat oleh ADUN Tiram semalam tentang puisi Osman Awang, ciri-ciri sifat-sifat peribadi Bangsa Johor, serupa macam saya. (Dewan bertepuk). Lembutnya cukup jantan. Ini makna ada dua makna ni, yang saya bimbang selamba tu, empat, lima hari ini Dewan ini menggelabah tentang ura-ura Menteri Besar kita akan diturunkan ataupun digulingkan tetapi Yang Amat Berhormat tetap selamba aje, tetapi selambanya mengikut Osman Awang, dajalnya masih selamba. (Dewan bertepuk dan ketawa).

Jadi, terima kasih saya suka. Apakah dosa Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang diura-urakan ataupun di khabar anginkan untuk dijatuhkan, digulingkan, wallahualam dia masih ketawa lagi. Kalau Menteri Besar lain saya rasa dah buat road show. (Dewan ketawa). Adakah kerana mengeluarkan kenyataan bahawa UMNO Johor menyokong kenyataan yang dibuat oleh AG itu sahaja, dosanya? Apakah kerana berani kerana benar yang diitihakan oleh Tuanku Baginda Sultan. Itu, saya rasa, begitulah kerana kurangnya bercakap ataupun dia nak lebih lagi deklarasi atau sebab aku janji dan sebagainya wallahualam. Berani kerana benar, takut kalau saya tambah lagi, takut kerana makan dedak. (Dewan bertepuk dan ketawa).

**YB Tan Sri Speaker :** Apa maksud makan dedak ni?

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Itu saya tambah sajarah, kalau berani kerana benar, kalau peribahasa Melayu takut kerana salah. Tetapi dalam situasi hari ni, takut tu kerana makan dedak, wallahualam, itu pun seloka sahaja Tan Sri Speaker.

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Peraturan Mesyuarat Tan Sri Speaker. Perkara Rundingan 45, biasalah ni, 13.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Ini pujian-pujian kepada Yang Berhormat Menteri Besar saya.

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Saya nak buat Peraturan Mesyuarat nak tanya ini dedak makanan binatang ke makanan haiwan ni makanan manusia ni tanya kalau bukan.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Tak faham, apa?

**YB Tan Sri Speaker :** Ya, Pasir Raja, ok jemput Sungai Abong, betulkan.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Ini peribahasa baru ni. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jadi segala kemajuan, kemakmuran yang kita kecapai, nikmati pada hari ini adalah buah yang kita tuai daripada perancangan, visi, futuristik yang

dibuat oleh mantan-mantan. Jadi, kita pada hari ini yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, memupuk, membaja, menjaga pokok dan benih yang telah disemai itu hingga menjadi sebuah pokok yang hebat mengeluarkan buah-buah yang lebat yang kita rasai pada hari ini.

Dan, kita jangan selesa, jangan lupa tentang bidang lain. Saya bimbang, seolah-olah kita dah nampak satu bidang untuk menuju Johor yang makmur, Johor yang berjaya. Bidang industri, bidang hartanah dan sebagainya kita lupa satu bidang lain, bidang yang pernah menjadi asas ekonomi negeri Johor pertanian. Bagaimana pekebun getah kita, pekebun sawit kita dan sebagainya? Saya bimbang sangat kita lupa asas kita. Contoh, kalau dulu kita ada kambing, kambing Kampung, kambing Kacang, oleh kerana kita ni ghairah dengan kambing Boer, kambing Jamnapari dan sebagainya pupus kambing Kacang kita, Tan Sri Speaker, tak ada. Baru kerajaan sedar pada hari ini bagaimana nak kembalikan balik tadi kambing yang menjadi natiif asal usul negara kita, tanah kita, dah tak ada, oleh kerana kita ghairah sangat dengan kemajuan kambing yang gemuk-gemuk, pupus. Kita boleh keluar duit berjuta-juta untuk gajah, dugong dan sebagainya, kambing kita dah ke mana, wallahualam.

Saya arahkan EXCO Pertanian, saya cabar dia, jadikan negeri Johor ni sebagai satu negeri, yang kita menjadi negeri pengeluar kambing kita sendiri, kambing Kacang ni, dah tak ada. Tan Sri Speaker nak makan kambing Kampung pun tak ada sekarang ini, semua kambing-kambing yang Australia itu. Ini saya bimbang ini, kita kejar yang itu, kita hilang yang asal-asal kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Tan Sri Speaker :** Kambing tu kambing Kacang nama dia ya?

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Kambing Kacang yang kecil-kecil tu Kacang tu. Kerajaan pernah cuba nak memulihkan balik Program Kambing Kacang ni, pernah dia *round* satu Malaysia buat satu *team* dua, tiga *team* cari satu Malaysia, saya difahamkan cuma ada 50 ekor yang boleh, yang mampu di kumpul dan disahkan inilah kambing asal kita, tanah air kita. Jangan jadi begitulah, saya harap-harap.

Tan Sri Speaker, tak banyak yang dibahaskan tentang apa ni, satu projek mega lagi dalam negeri kita iaitu kereta api laju. Kita dengar-dengar begitu aje. Walhal, memorandum MOU akan ditandatangani pada bulan 6 ini di antara PM kita dengan kerajaan Singapura, bulan 6 ini. Landasan sejauh 350 km berharga RM40 bilion akan dimulakan pada tahun 2017, dijangka siap pada tahun 2022. Sudah tentulah jarak landasan yang paling panjang adalah dalam negeri kita, Johor. Sudah tentu mengambil tanah yang banyak. Bagi orang kampung, tanah dia, dia sensitif, kalau kita orang bandar ni kalau kerajaan nak ambil tanah kita suka harga mahal. Bagi orang kampung, dia sayang tanah dia.

Saya minta, ada apakah peranan negeri Johor dalam MOU yang akan ditandatangani. Apakah kuasa kita, suara kita akan didengar oleh dua-dua pihak ini yang akan menjalankan program ini, projek. Jauh sangat, jauh kita yang paling panjang. Yang paling penting sekali, laluan di antara Singapura ke negeri Johor, nak lalu atas apa kereta api ini? Saya nampak kalau 2017 nak dilaksanakan adalah Tambak Johor. Yang saya nampaklah dalam kepala saya ataupun terowong. Bolehkah kita semua pada hari ini atau dalam Dewan ini menyuarakan bahawa kita membawa hasrat Duli Tuanku, yang pernah menyatakan bahawa saya hendakkan jambatan, tak nak Tambak Johor ni. Saya bimbang kalau kita senyap dalam menangani masalah ini, tambak itu akan kekal selamanya dan kita tak akan dapat jambatan yang saya rasa sangat perlu. Tambak itu kita



robuhkan dan kita dirikan jambatan baru, sebagai, perlu sebagai kita menghadapi masa depan Johor yang lebih maju. Jadi, saya harap pihak kerajaan negeri Johor ini, saya tak tahu apa dia punya *plan*, *Master Plan* kita, negeri Johor ini. Itu perlu dibincangkan dan ditelifikasikan dan dibuat keputusan.

Saya bimbang kalau diserah pusat sahaja, habis, kerana isu kita, rundingan dengan Singapura ini kita kena hati-hati sangat. Kalau dengan Singapura ini, kita kena hati-hati, kerana kerajaan Singapura terkenal dengan pertahankan dia punya hak dia, kita ni berlembut, selalu berlembut. VEP dah diputuskan nak dijalankan pada tahun lepas bulan 8 tangguh, bulan 10, tangguh sampai sekarang tak tahu bila akan dilaksanakan. Itu yang kita dah putuskan, itu hak kita, bila ditanya kenapa ditangguhkan? Teknikal, teknikal, jawapan, alasannya. Kalau kerana rakyat kita, satu Malaysia pun kita boleh kenakan cukai, seluruh negara kita boleh kenakan GST, cukai, saya rasa dari segi teknikalnya itu lebih, lebih susah. Ini untuk kereta-kereta Singapura sahaja, nak masuk ke negeri kita, apa teknikalnya? Apa susahnya? Sampai tertangguh tak boleh nak tentukan tarikh lagi. Ini saya bimbang sangat, tentang, saya bukan menolak projek mega kereta api laju ini, saya tidak. Tapi bila rundingan dengan kerajaan Singapura saya minta kita tegas.

Tan Sri Speaker, izinkan saya nak buat satu isu lagi. Masa panjang ke, Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker** : Masih, dalam masa penggulungan.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong)** : Ah, penggulungan. Insyaa-Allah. Ini, musim sekarang ni musim panas Tan Sri Speaker. Kita dah faham bila lepas ini berlakulah suatu wabak demam denggi. Dia punya *cyclenya* begitulah, panas... lepas ni denggi seperti tahun lepas. Dianggarkan tahun ini 200,000 rakyat negara kita ini akan mengidap penyakit demam denggi, 200,000. Saya tak tahu apakah program-program kita, langkah-langkah yang telah kita jalankan dari Jabatan Kesihatan ataupun Kementerian Kesihatan telah cukup sampai. Inilah... adakah ini yang terbaik yang telah kita buat? Rakyat faham denggi, tapi hanya saya rasa 20% rakyat Malaysia yang tahu tentang nyamuk aedes. Denggi semua orang tahu kerana kita *highlightkan* denggi. Tak, kita *highlightkan* nyamuk aedes. Suka saya terangkan pada pagi ini, masa panjang sikit ni, ini ilmu. Kalau Tan Sri izinkan, saya rasa ini penting kalau kita nak menangani membanteras, membasmi demam denggi, maka kita kena tahu ilmu ini.

Kesedaran ini yang kita beri kepada rakyat selama ini tak cukup. Langkah yang kita buat selama ini hanya 20%, 30% sahaja. Dengan menyebarkan, penerangan dan sebagainya. Keterangan kita tak sampai kepada tahap yang perlu rakyat tahu. Nyamuk aedes 2 macam Datuk Speaker, satu dalam rumah, satu luar rumah. Dua-dua ini menggigit dan menyebarkan penyakit. Gigitnya pada waktu petang, dia tak malam, antara maghrib, antara subuh dan pagi. Jadi kalau orang kita berkelambu malam pun dia tidak dapat mengelakkan mereka daripada terkena demam denggi. Berkelambulah kita sepanjang malam, rupa-rupanya nyamuk gigit sebelah petang, maghrib dan pagi subuh. Kita semburah satu taman, satu negeri ini, rupa-rupanya dia hanya membunuh nyamuk, tak bunuh pulpa dia punya telurnya. Walaupun air takungan sebesar duit 20 sen, bayangkan Tan Sri Speaker, tak perlu hujan, tak perlu takungan dan sebagainya. Ada air, takungan air sebesar duit 20 sen di halaman atau dalam rumah kita, di bilik air, di almari, di dapur pun, nyamuk terus datang bertelur di situ. Walaupun dia kering, telurnya akan bertahan 5-6 bulan di situ. Dan virus denggi ini, akan tersimpan dalam telur itu, boleh menetas, datang sahaja air hujan atau terkena aje air, apa-apa air pun, telur itu akan menetas secara cepat. Tak perlu ada penyakit demam denggi baru ada virus, tak perlu. Kerana nyamuk aedes, kalau dia ada virus, dia bertelur, virus itu akan disampaikan dalam telur itu dan tersimpan dalam telur itu berbulan-bulan lamanya. Cara nak mencegahnya bukan

sekadar nyamuk tetapi telur itu pun, telur itu penting juga. Jadi saya rasa ini masyarakat tak faham, tak diberitahu.

Baru-baru ini bila diperkenalkan vaksin untuk pencegahan demam denggi, maka Kementerian Kesihatan mengeluarkan kenyataan bahawa ianya belum sesuai untuk negara kita kerana keberkesanan vaksin ini hanya 45% sahaja. Hai... 45% daripada ratusan ribu? Ini bukan satu angka yang kecil. Singapura akan perkenalkan vaksin itu. Filipina pun dah, Mexico pun sudah. Adakah kita nak tunggu 100% baru kita hendak pakai vaksin itu? Kalau 10 orang 45%, saya boleh terima. Tapi kalau 200,000 rakyat, 45% adalah berapa? 90,000 kita boleh selamatkan rakyat daripada penyakit ini. Ini kita belum apa-apa tindakan lagi, bertengah-tengah dalam untuk memperkenalkan vaksin ini. Negara Singapura sebenarnya pernah satu ketika dulu, Amerika pernah satu ketika dulu membasmi nyamuk ini. Pernah satu ketika dulu. Bila dia laka, tidak berterusan, maka ianya tak jadi balik. Ianya kena program yang berterusan, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bukan sekali-sekali, berterusan. Kalau nyamuk aedes ini kita boleh basmi, bukan sahaja aedes, bukan sahaja denggi, zika, malaria, yellow fever, untut, banyak penyakit-penyakit yang dibawa oleh nyamuk ini kita boleh basmi. Jadi saya minta supaya ini Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Kesihatan Negeri atau sebagainya, transform balik cara-cara ini. Kesedaran ini kena beritahu pada rakyat sekalian kalau betul-betul kita ikhlas, sungguh-sungguh nak membasmi demam denggi ini. Inilah salah satunya. Saya rasalah yang boleh...

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih... Sungai Abong. Terima kasih Sungai Abong. Masa...

**YB Dr. Haji Shelkh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Masa ya? Terima kasih. Err... oleh kerana, tak mintak saya gulung... dah minta saya gulung. Maknanya kena berhentilah. Jadi terima kasih. Dengan ini, saya menyokong rundingan menjunjung kasih yang dibawa oleh ADUN Tanjung Surat. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Sungai Abong. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Jementah. Pembesar suara. Tak ada pembesar suara? Sementara apa? Ya... tak ada you... Pakai sebelah tak boleh ya?

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Ha, ada.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Dia tak berfungsi dengan betul. Jangan tolak masa. (Ketawa). Bagi sedikit masa.

Selamat pagi, salam sejahtera Tan Sri Speaker, semua Ahli-Ahli Dewan Yang Berhormat dan semua penjawat awam yang hadir pada pagi ini.

Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada Tan Sri Speaker untuk memberi peluang kepada Jementah mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Bagi Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 yang telah disempurnakan pada minggu yang lalu.

Tan Sri Speaker, dalam titah Tuanku, Tuanku telah bertitah supaya Ahli-Ahli Dewan Negeri lebih bertanggungjawab dan menjalankan tugas dengan jujur dan beramanah. Jementah amat bersetuju dengan titah Tuanku ini. Ini menunjukkan sebenarnya betapa pentingnya fungsi Dewan Negeri dan juga peranan dan tanggungjawab yang harus dipikul oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri untuk memenuhi impian, inspirasi suara rakyat terhadap pentadbiran sesebuah kerajaan.

Tan Sri Speaker, Jementah ingin menyentuh 2 aspek yang berkenaan dengan Dewan Negeri dalam perkara ini. Yang pertama, berkenaan dengan bidang kuasa Dewan Negeri. Yang kedua, berkenaan dengan pengurusan dan kemudahan-kemudahan Dewan Negeri sekarang ini.

Tan Sri Speaker, seperti sedia maklum, Negara kita mewarisi sistem *democracy westminster*. Ini satu sistem demokrasi yang telah teruji dan terbukti merupakan satu sistem demokrasi yang matang, yang boleh berfungsi dengan betul. Di mana bidang kuasa badan eksekutif, badan kehakiman dan juga badan Dewan Negeri atau Dewan Rakyat mempunyai bidang kuasa yang tersendiri.

Tan Sri Speaker, Jementah berpendapat Dewan kita ini bukan sahaja hanya berbincang berkenaan dengan perkara yang dihadapi atau masalah yang dihadapi oleh rakyat sahaja. Dewan kita ini memainkan peranan yang lebih penting lagi untuk memantau dan menyemak pentadbiran kerajaan negeri. Ada satu peribahasa, *power tends to corrupt; absolute power corrupts absolutely*. Oleh itu adalah menjadi satu peringatan kepada kita bahawa institut Dewan Negeri dan Ahli-Ahli Dewan perlu sentiasa dan seharusnya memantau dan menyemak apa yang kerajaan sedang buat, untuk mengelakkan penyalahgunaan atau penyelewengan kuasa yang daripada berlaku.

Tan Sri Speaker, kadangkala Jementah amat berasa risau dan sedih juga dan juga ada rasa simpati menampak keadaan yang dihadapi oleh Speaker Dewan Rakyat. Di mana ada nampak ahli-ahli dari badan eksekutif tidak menghormati Speaker Dewan Rakyat. Kita berasa syukurlah bahawa dewan ini, kita belum ada berlaku hal seperti ini. Tetapi kita juga harus berpandangan jauh untuk mengukuhkan kedudukan jawatan Speaker dan juga kewibawaan institusi Dewan Negeri.

Tan Sri Speaker, saya telah memerhati bahawa pentadbiran Dewan Negeri sekarang ini saya nampak dia adalah satu, hanyalah satu unit atau bahagian di bawah pentadbiran badan eksekutif sahaja. Ini saya nampak tidak ada pengasingan kuasa yang sebenarnya. Ini yang saya risau bila saya menampak apa yang berlaku di Parlimen.

Tan Sri Speaker, oleh itu saya berpendapat sistem demokrasi Dewan Negeri yang kita sekarang ada ini belum cukup mantap. Dan saya ingin mengesyorkan kalau boleh, kita menubuhkan satu Jawatankuasa yang terpilih yang terdiri daripada ahli-ahli penyokong kerajaan dan juga ahli-ahli pembangkang. Supaya kita boleh menggubalkan satu undang berkenaan dengan bidang kuasa Dewan Negeri untuk memartabatkan Dewan Negeri sebagai satu institusi yang mempunyai kuasanya sendiri. Saya harap ini... cadangan ini boleh diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tan Sri Speaker, yang kedua ialah berkenaan dengan pengurusan atau pentadbiran...

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** ... Dewan Negeri.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat diminta sila duduk dulu, boleh sambung lepas kita berehat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan selama 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya persilakan Jementah untuk menyambung, silakan.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Tan Sri Speaker, saya mengesyorkan bahawa satu jawatankuasa khas terpilih yang terdiri daripada Ahli-Ahli Dewan Penyokong Pemerintah dan juga Ahli-Ahli Pembangkang untuk membuat kajian bagi menggubalkan satu undang yang berkenaan dengan bidang kuasa Dewan Negeri, yang kita boleh namakan akta ini atau undang-undang ini sebagai Enakmen Pentadbiran Dewan Negeri Johor. Di mana dalam akta ini, Dewan adalah satu institusi yang berasingan kuasanya daripada pihak eksekutif dan Dewan juga mempunyai bajet sendiri dan juga ada hak untuk menggubal penjawat-penjawat awam dalam Dewan Negeri bagi pengurusan Dewan Negeri, ini yang pertama.

Yang kedua, Jementah berpendapat bahawa pentadbiran dan pengurusan Dewan memainkan peranan yang penting untuk memberi kerjasama atau memberi sokongan kepada Ahli-Ahli Dewan untuk menjalankan tugas dengan lebih cekap, efisien, supaya tanggungjawab kita dapat disempurnakan dan hasrat dan suara rakyat tidak terabai. Selama tiga tahun ini, Jementah berpendapat bahawa pengurusan dan pentadbiran Dewan berjalan dengan baik dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penjawat-penjawat awam yang berkhidmat di Dewan Negeri. Akan tetapi, saya percaya berapa aspek yang mungkin boleh memperbaiki.

Yang pertama, berkenaan dengan penyata rasmi. Penyata rasmi ini kita, saya beri satu contoh. Sidang Dewan yang lepas, Bajet 2016 pada bulan 11, tetapi kita hanya menerima penyata rasmi pada bulan April. Oleh itu, saya berasa ini ada satu kekurangan. Kalau kita boleh baik atau kita boleh memperbaikinya, kita muat naik penyata rasmi atau *handset* ini, kita sekarang, Tan Sri Speaker, sekarang era teknologi yang canggih. Kita seharusnya *digitalis* penyata rasmi. Kita boleh muat naik penyata rasmi dan kita sebagai Ahli-Ahli Dewan, kalau nak buat carian kita boleh muat turun dan kita boleh buat kajian terhadap sesuatu isu dengan lebih cepat, dengan lebih efisiensi. Ini yang pertama.

Yang kedua, seperti yang dibangkitkan oleh Tangkak, jalur lebar percuma. Ini kita sudah minta berapa kali dan kita telah bangkit berapa kali dalam Dewan ini. Cuba fikirkan, sudah banyak tempat ada *hotspot-hotspot* untuk *wifi* percuma. Dewan Negeri kita tidak ada ini. Ini satu penghinaan kepada Ahli-Ahli Dewan tau. Kalau orang awam tanya, kita sudah dapat, apa ini, *wifi* percuma, macam mana dengan Dewan Negeri? Dewan Negeri tidak ada. Ini bukan satu perkara yang boleh diterima.

Yang ketiga, kemudahan-kemudahan asas seperti pejabat rasmi untuk Ketua Pembangkang dan pejabat-pejabat urusan dan fasiliti-fasiliti yang berkenaan. Kepada pihak Ahli-Ahli Penyokong Pemerintah dan juga kepada Ahli-Ahli Pembangkang seharusnya dibekalkan. Ini adalah fasiliti yang *basic*, yang seharusnya kita dapat untuk membolehkan kita jalankan kerja dengan lebih baik lagi. Ini adalah berapa cadanganlah. Tan Sri Speaker, kalau kita ada bajet sendiri, mungkin ini dapat disempurnakan.

Tan Sri Speaker...

**YB Tan Sri Speaker :** YB, kita sedang tunggu Parlimen pun Yang Berhormat, Speaker Dewan Rakyat pun sedang berusaha ke arah apa yang YB nyatakan tadi, pengasingan kuasa antara Parlimen dengan pihak-pihak tertentu. Jadi kita akan tunggu, tengok, kita tengok keputusan Yang Berhormat Pandikar Amin, Speaker Dewan Rakyat, ini adalah perkara yang samalah. Sila sambung.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Terima kasih atas maklum balas Tan Sri Speaker. Tan Sri Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga bertitah dan amat prihatin terhadap masalah kualiti bekalan air yang di mana telah dicemari oleh baja-baja kimia atau sisa-sisa ternakan dan perkara ini juga berbangkit berapa kali dalam Dewan ini. Kerajaan sebenarnya mesti mengambil inisiatif sebab kita sudah meluluskan Enakmen Air Pindaan 2014 dan Enakmen ini, undang-undang ini telah diwartakan dan sebenarnya pihak kerajaan ada hak atau pun kuasa, penguatkuasaan untuk, saya beri satu contoh, dalam Seksyen 14 2(A) dan juga Seksyen 14 (3). Kerajaan boleh *define, the boundary of water catchment area* dan pihak kerajaan negeri juga berhak untuk mewartakan kawasan tadahan air daripada masalah pencemaran bagi melindungi bekalan sumber air mentah. Kita ada undang-undang, yang masalah ialah penguatkuasaan dan kalau kerajaan ada, saya nampak ini ialah satu keazaman politik untuk menjalankan penguatkuasaan. Kalau penguatkuasaan dapat dijalankan dengan baik, saya yakin masalah kualiti bekalan air ini dapat dikurangkan, dapat diminimakan.

Ini juga adalah satu cabaran juga kepada kerajaan yang ada sekarang ini. Untuk menunjukkan bahawa setakat mana hebatnya atau kualifinya kerajaan negeri ini. Sebab air ini sangat penting, ia keperluan asas ini. Saya tak mahu setiap hari, saya khuatir dengan kualiti air yang dibekalkan. Saya minum air yang kotor. Ini perasaan dan suara rakyat. Kita mesti telitikan dan kalau boleh kita menegaskan kuasa-kuasa ini. Jalankan dengan baik, kita boleh menyelesaikan masalah ini.

Tan Sri Speaker, seterusnya saya ingin membangkitkan sedikit masalah berkenaan dengan pengurusan perumahan kuota bumiputera yang telah dibentangkan oleh Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014. Memang ini ada 70.5% daripada pelepasan perumahan kuota bumiputera dan telah diagihkan kepada dua akaun amanah. Ini akaun amanah ini sangat penting ini. Jangan salah gunakan akaun tersebut sebab ini ialah untuk pengurusan berkenaan dengan hal ehwal perumahan kuota bumiputera. Seharusnya dijalankan dengan baik. Dalam laporan ini, kita boleh baca ada berapa insiden, ada satu dua insiden, di mana akaun amanah ini telah digunakan atau di berikan kepada akaun amanah kumpulan wang pusat pembangunan dan kegiatan belia di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Ini tidak sepatutnya berlaku. Akaun amanah ini ialah digunakan untuk memberi manfaat kepada perumahan kuota bumiputera dan kalau boleh digunakan dengan secara baiknya, saya percaya bahawa masalah isu perumahan boleh dikurangkan. Ini saya minta Pihak Berkuasa Negeri supaya atau pihak-pihak yang berkuasa berkenaan supaya menjalankan tugas dengan menggunakan kuasa dengan secara berhemah dalam perkara ini.

**YB Tan Sri Speaker** : Sila gulung Yang Berhormat.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Ya, Tan Sri Speaker. Ini saya masuk sedikit berkenaan dengan isu-isu tempatan. Tan Sri Speaker, penduduk-penduduk di kawasan saya Jementah ini, khususnya di kawasan Batu 6 sering menghadapi masalah tekanan bekalan air yang rendah yang mengakibatkan bekalan air di kawasan tersebut tidak stabil, khususnya di Taman Mina dan Kampung Baru, Batu 6. Saya difahamkan bahawa masalah bekalan ini telah berlarutan berpuluh-puluh tahun dan saya juga tahu bahawa pihak kerajaan ada membuat inisiatif untuk memperbaiki tetapi nampaknya belum cukup untuk menyelesaikan masalah tekanan air yang rendah, khususnya di Kampung Baru, Batu 6. Kalau ada paip pecah, dua hari tiga hari sehingga empat hari tiada air. Ini tidak seharusnya berlaku. Oleh itu, saya memohon jasa baik pihak YB EXCO memerhatikan perkara ini. Kalau boleh mengambil tindakan yang lebih baik untuk menyelesaikan masalah ini.

Yang kedua, berkenaan dengan projek menaik taraf jalan raya Jementah-Segamat. Saya menyambut baik usaha kerajaan yang telah menyempurnakan jalan tersebut

daripada Jementah ke Segamat tetapi saya juga menerima maklum balas daripada penduduk-penduduk khususnya di sekitar Pekan Jementah bahawa dalam lingkungan lebih kurang 2 kilometer jalan tersebut, 2 kilometeriah di Pekan Jementah, tiada jejantas. Ini khususnya untuk orang-orang tua-tua, warga emas kita sebab ini ialah satu jalan dua hala, empat lorong dan kelajuan kenderaan agak-agak cepat dan kalau boleh ada satu jejantas dibina di kawasan Pekan Jementah untuk memudahkan pejalan-pejalan kakilah.

Yang kedua, stesen bas, stesen bas memang adalah. Dia ada berapa kawasan ada tetapi di kawasan tersebut, Pekan Jementah itu lebih kurang 2 kilometer tidak ada. Ini menyusahkan penduduk-penduduk di sekitar taman untuk menaiki baslah dan ini saya harap pihak JKR atau yang berkenaan mengambil perhatian ini dan kalau boleh disempurnakan juga.

Tan Sri Speaker, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengucap perbahasan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Jementah. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Bukit Naning.

**YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Sulb (Bukit Naning) :** Bismillahirrahmanirrahim, (Bacaan selawat). Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan Baginda Muhammad SWT, semulia-mulia Rasul dan para sahabat-sahabatnya. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, alhamdulillah dan syukur kepada Allah SWT. Izinkan Bukit Naning merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kerana diberi peluang untuk berucap pada pagi ini. Bukit Naning juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Ta'zim yang telah sudi mencemar duli merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Bukit Naning juga ingin mengucapkan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tuanku Mahkota Johor yang telah dilantik sebagai Pemangku Raja Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, nama Johor sering mendapat tempat dalam sejarah Malaysia sebagai sebuah negeri yang sentiasa di hadapan. Tidak kiralah dari segi pembangunan, ekonomi, sosial mahu pun sukan. Ini adalah berkat daripada keprihatinan institusi Kesultanan Johor serta kecekapan pentadbirannya. Seperti mana titah ucapan Baginda Sultan Bukit Naning ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Khaled Nordin serta Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri atas pencapaian kerajaan negeri yang begitu memberangsangkan.

Atas pembuktian keupayaan barisan sedia ada, marilah kita semua menyahut seruan Baginda Sultan untuk terus memberi sokongan padu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin sebagai Menteri Besar Johor. Janganlah ada kiranya antara kita yang cuba untuk mengambil peluang untuk menjejaskan keharmonian pentadbiran kerajaan negeri yang kita cintai ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bukit Naning ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, EXCO-EXCO Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan dan semua pihak yang terlibat dalam menyelesaikan segala permasalahan di DUN Bukit Naning. Namun begitu, Bukit Naning ingin menyenaraikan

beberapa perkara permasalahan yang belum selesai untuk pertimbangan pihak-pihak yang berkaitan.

1. Mohon diselesaikan isu status permohonan tanah kerajaan rizab JKR di Batu 15, Bukit Naning untuk kegunaan tapak tangki air masih belum selesai di peringkat kerajaan negeri. Menyebabkan kelewatan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk menyegerakan kerja-kerja pembinaan tangki ini untuk kepentingan rakyat Bukit Naning.
2. Pembetung jalan pecah dan bahu jalan runtuh di tiang elektrik JBB27, Batu 7 ½, Jalan Bakri selama enam bulan belum diperbaiki dikhawatiri mendapan jalan akan berlaku dan akan mengundang akan berlakunya kemalangan.
3. Memohon di bina jalan pertanian baru, rizab jalan pintas.
  - i. Parit Arab ke Lorong Bajuri.
  - ii. Rizab jalan Parit Sepadan ke Parit Hassan Ahmad 1.

Justifikasinya adalah sebagai jalan masuk kepada jentera bomba bagi pemadaman kebakaran kebun-kebun dan juga projek membangunkan kebun-kebun terbiar mukim Air Hitam.
4. Memohon peruntukan jalan tar sepanjang 500 meter untuk menghubungkan jalan Kampung Kelantan ke Kampung Tanah Merah, dan,
5. Memohon supaya Jabatan Perhutanan dapat membenarkan rizab hutan ini dapat digunakan untuk kegunaan jalan sejauh 500 meter ini. Selain daripada itu juga memohon pencerahan daripada Pejabat Hutan status Hutan Simpan Air Hitam ini adakah telah di wartakan sebagai Taman Negeri?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

6. Permohonan baik pulih laluan masuk Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Naning dan Sekolah Kebangsaan Bukit Naning yang rosak, yang melibatkan faktor keselamatan.
7. Meroboh dan membina surau baru Kampung Parit Karim 1 yang telah lulus peruntukannya dapat disegerakan.
8. Tahun lepas Bukit Naning menjadi Johan Inovasi dan Kreativiti peringkat kebangsaan. Begitu juga wakil negeri Johor dalam pertandingan *Art Stream* peringkat kebangsaan. Keputusannya belum ada, tetapi pada tahun ini juga Bukit Naning terpilih lagi sebagai wakil negeri Johor dalam pertandingan game peringkat kebangsaan.

Oleh itu, Bukit Naning mohon agar peruntukan pencahayaan dan pengindahan landskap dapat di berikan khususnya di tapak pelupusan sampah Bukit Bakri yang telah di tutup. Kedua, di Pekan Batu 15, Bukit Naning, di pekan Kampung Parit Tengah, di pekan Parit No. 4 dan di pekan Parit No. 3 dan di Kompleks Penghulu Mukim Air Hitam. Dan,

9. Memohon sebuah bangunan tambahan lebih kurang 250,000 untuk Giat MARA Bakri untuk tempat pembelajaran bagi penambahan kursus Pendawaian Elektrik dan *Welding* kereta motor yang di tawarkan kepada pelajar-pelajar Pusat Giat MARA Bakri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

10. Di atas rintihan dan rayuan yang amat mendalam ahli-ahli Peladang, maka Bukit Naning merayu kepada kerajaan negeri agar pajakan tanah zon pengeluaran makanan Bukit Mambai, Lot PTD 15151 dan PTD 15152 Mukim Labis daerah Segamat, dan ZPM Chempelak di PTD 3566 Mukim Labis dapatlah kiranya, serta sesungguhnya merayu agar dapat dikekalkan terus penggunaannya kepada Pertubuhan Peladang. Pertama Labis, Segamat, Batu Anam, Bukit Gambir, Tangkak, Muar Selatan, Pagoh dan juga Bakri. Yang telah dibangunkan selama ini dengan modal berjuta ringgit. 27,000 orang ahli terlibat di lapan PPK ini adalah pengundi tegar di DUN Kemelah, Tenang, Buloh Kasap, Bukit Serampang, Bukit Gambir, Serom, Sungai Balang, Bukit Naning dan Jorak yang memberi impak yang amat mendalam.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, muafakat itu sepakat, muafakat itu berkat dan muafakat itu selamat di bawah konsep bangsa Johor. Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Justeru, dalam menyemai kepercayaan dan menghapuskan tembok perkauman di negeri ini, sukalah Bukit Naning mencadangkan kepada kerajaan negeri memperkenalkan TABIKA Muafakat Johor sebagai platform kebersamaan antara kaum yang di pupuk sejak usia kecil. Agar semangat bangsa Johor dapat dihayati dan dijiwai oleh generasi Johor yang akan datang. Sistem pendidikan awal ini seterusnya dikembangkan ke peringkat sekolah rendah dan menengah supaya akhirnya nanti hasrat merealisasikan dan konsep bangsa Johor akan terealisasi tanpa ada sempadan kaum dan politik tetapi hanya berpaksikan kepada semangat muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bukit Naning menyokong penuh hasrat Baginda Sultan untuk menubuhkan *Bank Of Johor*. Sebagai negeri yang pesat membangun sudah tiba masanya Johor memberi peluang kepada rakyat Johor terlibat secara langsung dalam pelaburan atas projek-projek strategik di negeri ini. Laba dari projek-projek tersebut bolehlah dipulangkan semula kepada pelabur rakyat Johor dalam bentuk dividen. Bukit Naning mencadangkan supaya *Bank Of Johor* bukan sahaja tertumpu kepada pembiayaan perumahan sahaja, tetapi juga boleh membiayai projek-projek perniagaan, hartanah, pertanian, sewa beli dan sebagainya supaya lebih ramai rakyat di negeri ini mendapat manfaat. Selain daripada itu, jumlah peratusan saham yang di benar juga boleh ditawarkan kepada rakyat Johor supaya mereka boleh berbangga, *Bank of Johor* juga adalah milik mereka bersama.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bukit Naning ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada EXCO Pertanian, khususnya kerajaan negeri dan Industri Asas Tani kerana telah melancarkan program muafakat tani. Alhamdulillah, dengan adanya program ini para petani, penternak dan nelayan dapat berganding bahu, bersatu menuju satu matlamat dalam usaha mempertahankan dan mempertingkatkan industri agro makanan negara. Terima kasih Yang Berhormat EXCO, yang telah mengiktiraf peladang, penternak dan nelayan sebagai wira yang tidak di dendangkan demi memastikan makanan kita, masa depan kita. Di mana, masa depan dan keselamatan sesebuah negara juga sangat bergantung kepada sumber makanannya. Begitu juga makanan ini boleh menjadi senjata dan alat diplomasi strategik kepada negara dengan membina lebih banyak hubungan persahabatan dengan negara-negara luar. Contohnya, Amerika pengeluar beras terbesar dunia, walhal nasi bukanlah makanan utama negara mereka. Tetapi, mereka mengeluarkan beras untuk di eskport ke negara lain seperti Jepun dan juga Mexico. Akhirnya, dengan muafakat tani ini, insya-Allah kita akan berjaya meningkatkan pengeluaran makanan kita dan mengurangkan kebergantungan kita kepada import. Dari strategik ini, ia dapat membantu memperkukuhkan nilai mafa wang negara.



Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bukit Naning mencadangkan penjenamaan logo halal kerajaan negeri dan logo Peladang boleh digunakan sebagai jenama produk-produk berasaskan pertanian dan industri asas tani negeri Johor. Sebagai contoh, produk sarang burung Walet jenama Peladang boleh dijadikan hadiah atau buah tangan kepada pelancong-pelancong dari negeri China untuk di bawa pulang. Di sini Yang Berhormat EXCO Pelancongan bolehlah meminta izin dari kerajaan negeri China supaya dapat membenarkan setiap seorang pelancong dari negeri China yang melancong ke negeri Johor dibenarkan membawa pulang sekurang-kurangnya 1 kilogram sarang burung yang telah diproses di bawa pulang ke negara mereka. Kerana mereka menganggap Sarang Burung Walet ini adalah makanan kesihatan dan berprestij sejak bertahun-tahun dulu sebagai produk jenama Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apabila ramai pelancong, pelabur atau pedagang datang ke negeri Johor terutamanya dari negeri China, industri ini akan terus berkembang dan dapat memberi impak kepada sektor-sektor yang lain.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bukit Naning merakamkan tahniah kepada kerajaan negeri terutamanya Yang Berhormat EXCO Kerja Raya dan Kemajuan Luar Bandar yang telah mengambil pendekatan menyelesaikan isu bekalan air bersih yang kita hadapi dengan membina air telaga bawah tanah. Selain peruntukan yang diberi oleh kerajaan dalam pembinaan *tubewell* ini, Bukit Naning juga mencadangkan supaya kerajaan negeri memberi syarat wajib dikenakan ke atas pemaju-pemaju perumahan dan industri yang melebihi 10 ekar untuk membina telaga tube ini yang melebihi 100 meter kedalamannya sebagai sumber bekalan air bersih bawah tanah dan diserahkan kepada SAJ untuk diurus selia bekalan ini kerana insya-Allah dalam kemarau sekalipun bekalan air bawah tanah ini tetap mencukupi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ibu bapa sering menegur kita atas setiap kesalahan kita kerana sayangkan kita. Teman yang baik, bukanlah teman yang sentiasa memuji tetapi yang sering mengingatkan kita atas kesilapan kita. Serangkap pantun untuk Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan. Kalau ada jarum yang patah, jangan dipatah-patahkan yang lain, kalau ada silap dan salah, jangan beritahu orang lain. Bukit Naning menyokong usul yang di bawa oleh Tanjung Surat. Sekian, Wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum waramatullahi taala wabarakatuh

**YB Tan Sri Speaker** :Terima kasih Yang Berhormat Bukit Naning. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Penawar.

**YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar)** :Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan doa). Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Penawar merakamkan terima kasih atas ruang waktu yang diberi untuk turut serta dalam bahasan titah perasmian Duli Tuanku Sultan Ibrahim Ismail yang mengandungi 73 perkara sempena pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor yang Ke-13 pada Khamis yang lalu. Menjunjung kasih Duli Tuanku atas titah ucapan yang membawa rasa syukur, penghargaan, nasihat, kepercayaan, teguran dan bimbingan terhadap kepimpinan tertinggi hingga keseluruhan rakyat jelata. Titah yang meliputi soal setia, amanah, agama, ekonomi, politik dan keseluruhan kehidupan rakyat negeri Johor serta berpandangan jauh.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menyusuri pembangunan inklusif yang sepakat, mesra rakyat serta telus untuk membentuk dasar ekonomi yang adil, Yang Amat Berhormat Menteri Besar terus memacu Johor untuk rakyat mengetahui bahawa pembangunan yang mengutamakan pencapaian boleh diukur, terus di laksana, di rasa serta ditambah baik. Berada pada landasan tersendiri berasaskan semua sumber yang Johor miliki maka

lahirlah Pelan Suara Hati Johor yang berfokuskan tujuh perkara. Diasak kiri dan kanan dengan usaha gigih, walau kredit sering diambil orang walau kenyataan terus diputar belif, Barisan Nasional Johor yang diterajui Yang Amat Berhormat Menteri Besar terus ke hadapan. Bukan mudah, perkara pertama soal keselamatan dalam Pelan Suara Hati dapat direalisasikan. Rakyat menaruh harapan yang tinggi untuk berada selesa dan sejahtera di negeri sendiri. Pasukan keselamatan dengan anggota tambahan, pasukan Polis Bantuan, perwujudan lebih banyak KRT, RELA, kawalan pantai, penangkapan PATI, denda dan sebagainya terus dibuat demi keselamatan rakyat. Bukan mudah juga menyediakan RM150 juta untuk pengambilan tanah bagi pembinaan RMMJ. Bukan mudah untuk kita melihat terlaksananya 60,000 unit rumah mampu milik Johor menjelang 2019 yang disasarkan. Ada yang menghitung hari, ada yang membilang jari melihat perkara ini. Namun, KPRJ, YPJH, JCorp, PIJH dan KEJORA diberi amanah dan kepercayaan untuk memikul tanggungjawab ini dengan penuh amanah. Ayuh terus bergerak agar perancangan yang disusun atur oleh barisan kepimpinan negeri tidak menjadi ejekan dan cemuhan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terus diasak dari Pelan Suara Hati Johor, kini kita harungi Pelan Pertumbuhan Strategik Johor yang merupakan pemacu Johor Berkemajuan yang meliputi 7 perkara termasuk mekanisme bagi melaksanakan pelan ini. Adalah diharapkan pewujudan Unit Wawasan Pertumbuhan Johor dengan 5 seksyen yang bertanggungjawab menyelaras perkara atau perancangan yang ada di dalam setiap strategi yang disusun dan dirancang dengan baik untuk membuktikan kita benar-benar berusaha, merancang, melaksana dan memperbaiki kelemahan untuk memenuhi hasrat hati rakyat.

Tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Penawar yakin titah 10, 11, 12 dan 13 adalah penghargaan dan kepercayaan Duli Tuanku terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tiga kali Yang Amat Berhormat turun ke kawasan Penawar bagi merealisasikan Pelan Suara Hati dan insya-Allah akan diikuti penilaiannya dalam Pelan Strategik bagi hal-hal yang berkaitan dengan perumahan dan diharapkan sasaran pembinaan terus dipantau dan ada masalah yang kita cari jalan penyelesaiannya. Insya-Allah, Penawar akan terus bersama-sama melihat perkembangannya. Selain dari itu, Penawar juga mengharapkan 573 unit rumah generasi kedua yang dibina di FELDA Papan Timur terus diberi perhatian, yang kini siap 250 unit. Ini boleh dilihat, disusun atur cara memilikinya supaya tidak rosak bahagian-bahagian atau terbazir begitu sahaja komponennya untuk menanti siap keseluruhannya. Adalah lebih baik sebahagian daripada rumah yang telah siap dibina ini diberikan kepada pemilik-pemilikinya.

Setiap hari rakyat melihat dan bertanya tentang perkara ini. Bertindaklah untuk menampakkan hasil usaha kerajaan Barisan Nasional terhadap rumah generasi kedua ini. Ayuh FELDA, gerakkan usaha ini, dengar suara hati rakyat bawahan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Alhamdulillah terima kasih kerajaan Barisan Nasional, akhirnya Jalan E22 terus di naik taraf. Kini pembinaan lebuh raya RAPID terus bergerak. Syabas dan benar kesulitan hari ini untuk keselesaan hari esok. Tetapi keselamatan mesti diutamakan. Teruslah membina jalan tetapi teruslah memperbaiki kerosakan jalan yang sedia ada. Dari *traffic light* tol Penawar hingga ke Sungai Rengit, jalannya sangat teruk dan berbahaya. Jalan persisiran pantai Penawar ke Punggai juga rosak. Pelbagai sekatan dan denda dibuat, namun membina dan terus memperbaiki adalah cara yang terbaik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk akhirnya, marilah kita sama terus membina negeri yang kita sayangi ini dari Pelan Suara Hati Johor, Johor Berkemajuan, ayuh kita ikuti pesanan tinggalan datuk nenek moyang kita. Yang bisu kita jadikan penyimpan rahsia, yang buta kita jadikan penghembus lesung, yang pekak kita biarkan membakar meriam, yang tempang kita biarkan menjaga tongkat, yang kurus kita biarkan menjaga laut; yang gemuk kita bawa mengimbau perahu; yang kelak senang hati si tukang masak, air didihnya menganak sungai, kerak nasinya membusut jantan dan kepala kerbau kelak menjadi tungku. Ayuh yang capek, mari kita pimpin; yang buta, mari kita berikan tongkat; yang kurap berjalan mengikut angin, yang pekak ayuh terus bertanya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Penawar mohon menyokong usul yang dibawa oleh Tanjung Surat. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Penawar. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tanjung Puteri.

**YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam hormat, salam muafakat Johor, Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan selawat). Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tanjung Puteri juga bersyukur terhadap Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita sekali lagi bertemu di Dewan yang mulia ini untuk kita bersidang dan juga perbahasan terhadap rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, pada 14 April 2016, pada perasmian pembukaan Dewan bagi penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Duli Yang Maha Mulia Sultan bertitah sebagaimana Perenggan yang ke-7, ingatlah bangsa Johor itu tinggi adabnya, tertib dan sopan budayanya, itulah sebabnya kita dihormati sejak dahulu lagi dan sehingga hari ini Johor mampu maju dan berdiri teguh sebagai sebuah negeri yang berdaulat. Justeru itu, marilah kita bersama-sama mencari kaedah yang bersesuaian agar boleh dimajukan rakyat terutamanya orang-orang muda dan dalam masa yang sama menjadi bangsa yang maju serta berdisiplin sebagaimana perancangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada Pelan Pertumbuhan Strategik Johor untuk menjadikan Johor Berkemajuan.

Dulu kita sering dengar apabila semasa zaman tok nenek ataupun ayah kita, dulu Johor dikenali sebagai Johor Moden. Sekarang kita beralih anjakan agar kita menjadi sebuah negeri Johor yang berkemajuan.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tanjung Puteri berpendapat untuk merealisasikan Gagasan Johor Berkemajuan, ianya mestilah bermula dari kesedaran rakyatnya sendiri terhadap bentuk kemajuan yang diharapkan. Adakah ianya maju kepada pentadbiran kerajaan sahaja atau rakyat sudah maju dalam menguasai segala-galanya termasuk ekonomi. Semasa Tanjung Puteri baru berkecimpung di dalam arena politik, lebih kurang 30-40 tahun dahulu, orang tua kita seperti sudah sepakat dan seakan bersetuju agar sektor ekonomi biarlah orang Tionghoa yang menguasainya. Di bidang kedoktoran dan juga undang-undang biarlah orang India menguasainya. Orang Melayu biarlah jaga politik agar kemakmuran, keamanan negara terpelihara. Itulah yang saya dimomok-momokkan dahulu. Ini adalah permuafakatan antara parti yang bergabung pada masa dahulu. Tetapi pada masa ini kita sudah lihat fahaman seperti ini sudah lapuk dan sudah kebelakangan. Orang Tionghoa bukan sahaja menguasai ekonomi bahkan ingin juga menguasai politik. Begitu juga orang India, selain di bidang kedoktoran dan juga undang-undang, juga ingin maju dalam ekonomi. Tidak ketinggalan, begitu juga orang Melayu. Mereka juga selain menguasai politik, juga ingin maju dalam bidang-

bidang yang lain terutamanya bidang ekonomi. Inilah dia demokrasi di dalam negara ini, tertumpunya juga kepada negeri Johor.

Tanjung Puteri melihat pergerakan keinginan semua bangsa Johor terhadap kesemua bidang adalah menandakan kematangan bangsa Johor dalam merebut peluang-peluang yang tersedia sebagaimana di perenggan ke-40 dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, peluang pekerjaan telah bertambah dan peluang-peluang perniagaan juga telah terbuka luas untuk semua. Sesungguhnya yang bulat tidak datang bergolek dan yang pipih tidak datang melayang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada masa ini telah berlaku satu evolusi di dalam bidang ekonomi di kawasan Tanjung Puteri. Ianya teori fahaman orang tua kita dahulu sudah tidak boleh dipakai, yang mana orang Tionghoa pandai berniaga, orang Melayu dan India juga ingin pandai berniaga. Orang Melayu pandai berpolitik, orang Tionghoa dan India juga pandai berpolitik. Maka, kita jangan iri hati terhadap kepandaian masing-masing. Kita fokus untuk kemajuan negeri Johor itu sendiri. Masyarakat dalam bandar terutamanya dalam kawasan Tanjung Puteri sudah terjemahkan sistem ekonomi baru bagi orang-orang muda.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, *indie economy* ataupun *independent economy*, dengan izin, atau dalam bahasa Malaysianya ekonomi merdeka. Saya nak beri penjelasan tentang ekonomi merdeka di Tanjung Puteri. Tafsiran ekonomi merdeka atau *indie economy* ini boleh dikatakan sebagai sesuatu perkhidmatan atau produk yang bebas daripada kerangka mahu pun telunjuk dari pihak lain terutamanya kapitalis-kapitalis barat. Dalam bahasa mudah, ianya merupakan produk dan perkhidmatan milik kita dan menjadi alternatif kepada produk konvensional atau *main stream*, dengan izin....

Hari ini penerimaan terhadap produk seperti ini adalah popular dan dilihat lebih lestari kerana ianya merangkumi pasaran yang menyeluruh. Tidak dinafikan ekonomi merdeka ini banyak memberi sumbangan kepada negara melalui jualan dan peluang pekerjaan yang terhasil secara langsung dan tidak langsung. Gerakan *indie* ataupun gerakan *independent* ini, dengan izin, bukanlah sesuatu yang baru dalam kalangan remaja. Ianya telah berkembang mengikut peredaran masa, merentasi dari bidang seni, sukan ekstrem sehingga ke bidang ekonomi. Jika dilihat dari bidang seni, gerakan *indie* ini dikenali dengan muzik-muzik bukan *main stream* yang dihasilkan melalui label-label sendiri bermula dari studio-studio amatir sehingga menghasilkan rekod yang dijual secara tidak formal kepada peminat mereka sahaja. Gerakan begini berjaya menyuntik dana dan semangat mereka untuk terus berjuang dalam bidang seni yang mereka cintai itu. Hari ini, budaya ini telah merebak sehingga ke penjualan produk. Ianya meliputi penjualan barangan, penjualan makanan dan penyediaan perkhidmatan berasaskan mekanisme inilah produk-produk Barat yang telah matang bermula menembusi pasaran dunia.

Dahulu titik awal inisiatif kerajaan dalam membangunkan ekonomi setempat adalah menerusi penyediaan tapak-tapak ekspo, pasar malam dan juga model-model arkib. Hal ini dapat dilihat apabila ramai rakyat berjaya keluar dari kepompong kemiskinan dengan bantuan dari pihak kerajaan sahaja. Sebagai contoh, kita lihat kepada peranan KOMTAR, Kompleks Tun Abdul Razak di Johor Bahru. Pada suatu ketika dahulu, kepada pembangunan ekonomi setempat, KOMTAR mempunyai komponen jualan yang merangkumi makanan, pakaian juga studio-studio amatir. KOMTAR telah menyaksikan kelahiran kumpulan SEARCH, Amy Search dulu tu, menerusi studio amaturnya. Hal ini membuktikan perniagaan amatir telah membuka pintu untuk berkembang hingga ke pasaran tersebut. Sifat-sifat perniagaan ini pada ketika itu lebih menjurus kepada *trending* dan tidak ada percubaan untuk menghasilkan jenama-jenama sendiri kerana persepsi dan penerimaan pasaran pada ketika itu. Namun begitu, produk usahawan-usahawan

yang terlibat dalam ekspo dan arkib tidak lagi diterima oleh pasaran hari ini dan menyebabkan produk mereka tidak berkembang.

Kini, usahawan sedar bahawa untuk mendapatkan hasil daripada kekayaan ekonomi, produk yang dihasilkan perlu bersifat unik dan mempunyai keaslian idea bagi membolehkan mereka berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan jenama-jenama global. Pendekatan pemasaran secara gorila. Gorila ini kalau dia buat sesuatu dalam hutan, dia berkumpul. Jadi, inilah gerakan mereka. Pendekatan pemasaran secara gorila ini, melalui mekanisme atas talian dengan penggunaan media sosial, menjadikan keusahawanan itu bukanlah sesuatu yang mustahil, malahan ia memberikan peluang pasaran yang lebih meluas. Bukan sahaja di Malaysia, tetapi ke seantero Asia Tenggara ini. Ini menjadikan kekuatan pembelian itu lebih terhad kepada pasaran tempatan sahaja.

Usahawan ekonomi merdeka ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu usahawan atas talian, dahulunya *direct selling*. Usahawan berasaskan bazar, dahulunya pasar malam dan juga usahawan berasaskan karnival atau pun dahulunya kita sering kali ikut iaitu melalui ekspo-ekspo. Trend ekonomi merdeka oleh usahawan hari ini dapat dilihat dalam produk kegunaan seharian kita. Produk-produk ini muncul sebagai alternatif kepada produk-produk dan perkhidmatan sedia ada. Produk ini digerakkan oleh golongan muda yang mana terinspirasi dengan budaya *indie* ekonomi ataupun *hipster* ekonomi. Kemunculan ratusan jenama yang menjual jubah, tudung dan pakaian Muslimah yang cuba memenuhi permintaan golongan Muslimah adalah manifestasi tentang ekonomi merdeka ini.

**YB Tan Sri Speaker** : Tanjung Puteri, sila gulung.

**YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri)** : Biarkan saya habiskan ini sahaja, saya tak bawa cerita-cerita lain. Ada jenama yang membuat jualan sehingga RM50 juta setahun dan ada yang begitu popular sehinggakan pengikut mereka sanggup tidur di hadapan kedai hanya kerana ingin mendapatkan koleksi terbaru. Produk pakaian lain juga semakin banyak. Baju-baju t-shirt alternatif keluaran JOHO, Armada Lanun Johor, Markas Boys dan *Sticky Walks* memberikan orang ramai lebih pilihan. Jenama-jenama ini sudah mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan jenama-jenama di pasaran terbuka.

Sebagai contoh, Armada Lanun Johor telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa apabila berjaya membuka premis di KOMTAR atau pun JBCC sekaligus menjadi imej setempat. Selain itu, kejayaan ini juga dapat dilihat apabila produk Mimpi kita berjaya diketengahkan di Festival Show London pada September 2015 yang mana pengasasnya berasal dari kawasan saya, Tanjung Puteri, Bandar Baru Uda, Johor Bahru. Konsep kedai *hipster* bukan sahaja menjadikan orang ramai sanggup membayar lebih demi mendapatkan sebuah pengalaman tetapi ia turut mampu mengubah persekitaran. Sebagai contoh, di Jalan Dhobi, Johor Bahru yang dahulunya merupakan kedai-kedai lama, kini Jalan Dhobi telah menjadi meriah dengan kedai-kedai *hipster* sekaligus menyumbang kepada sektor ekonomi di Johor. Ini semua terhasil kerana tindak balas kepada dasar kerajaan negeri melalui pembangunan Iskandar Malaysia untuk memfokuskan kepada sebilangan sektor ekonomi berpotensi tinggi terutamanya sektor pelancongan dan kreatif.

Penghasilan produk-produk *catalyst* seperti Johor Premium Outlet (JPO), Legoland dan Hello Kitty memberikan limpahan ekonomi kepada masyarakat setempat hingga terahirnya gerakan ekonomi merdeka ini. Dalam kesedaran untuk merebut sebahagian daripada kekayaan ekonomi yang terhasil. Tidak disangkal lagi bahawa usahawan-

usahawan ini berjaya menempatkan diri mereka setaraf dengan produk-produk *catalyst* ini kerana sedar mereka adalah imej tempatan yang perlu dilihat dan dirasai oleh pengunjung dari seluruh Malaysia dan dunia.

Kewujudan Kilang Bateri di Johor Bahru atau pun dahulunya Kilang Eveready Battery Company. Sebuah pusat membeli belah anak muda setakat ini di Johor Bahru. Ianya di kawasan saya. Menjadi satu fenomena baru di seluruh Malaysia dan juga menjadi satu imej Johor Bahru. Pada pertengahan bulan Februari 2016, kilang terbiar yang diguna semula sebagai pusat komersial baru oleh sekumpulan anak muda ini telah dinobatkan oleh Air Asia, syarikat penerbangan udara nombor satu sebagai tempat nombor satu yang perlu dilawati mengatasi JPO dan juga Puteri Harbour. Purata keuntungan bagi setiap kedai di Kilang Bateri mencecah sehingga RM8,000.00 hingga RM15,000.00 sebulan. Maknanya, nilai aktiviti ekonomi yang diwujudkan di kawasan tersebut adalah berjumlah RM1.5 juta hingga ke RM3 juta sebulan atau RM36 juta setahun. Bukan setakat Kilang Bateri, di kawasan saya terdapat UDA Business Centre dan juga Dataran Larkin yang menjadi manifestasi kepada keterbukaan dan kejayaan ekonomi merdeka ini oleh orang muda.

Produk-produk tempatan ini bukan sahaja berjaya menembusi pasaran antarabangsa, malah berjaya membuat jualan yang tinggi dan secara tidak langsung menjana pendapatan negeri. Kejayaan mereka dapat dilihat apabila produk-produk tempatan seperti Ummi Riaz, Benang Hijau, Adijuma, Restoran Chupcai dan juga Restoran Maging berjaya membuka cawangan di UDA Business Centre yang mana sewa bulanan untuk setiap lot mencecah hingga ke RM12,000.00. Maka cadangan saya, Tanjung Puteri bercadang, di manakah terutamanya hala tuju ekonomi merdeka ketika ini? Tidak dinafikan inisiatif kerajaan negeri Johor melalui EDC dan juga PIJ seperti *used collective*, dengan izin, pemberian geran dan pewujudan program inkubator keusahawanan menunjukkan kerajaan negeri sedar dan peka terhadap perkembangan ini.

Bagi mengukuhkan dan melihatkan keterlibatan pihak kerajaan dalam membantu ekonomi merdeka ini, saya mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk penambahbaikan kepada dasar kerajaan sedia ada.

1. Mengolah tipologi kedai mampu milik yang berharga RM200,000.00 yang telah wujud dalam Dasar Perumahan Negeri Johor kepada sebuah kompleks komersial kecil bersifat strata bagi menggalakkan pemilikan aset dalam kalangan usahawan muda. Ianya boleh dilakukan dengan menukar pendekatan pembinaan kedai satu tingkat kepada kompleks bertingkat yang diletakkan di kawasan yang strategik di dalam sesebuah pembangunan yang bersesuaian. Pendekatan ini dilihat lebih progresif dan mempunyai daya saing yang lebih kompetitif selaras dengan Gagasan Johor Berkemajuan.
2. Pengiktirafan oleh agensi pelancongan negeri Johor kepada kawasan tumpuan ini, bagi dipromosikan di peringkat negeri dan juga negara.
3. Meminta Pihak Berkuasa Tempatan di mana juga sekiranya ada pertumbuhan ekonomi merdeka ini, kepada orang-orang muda ini, agar diringkaskan proses permohonan lesen berniaga mereka. Kepada semua agensi kerajaan, bantulah anak muda mencapai keinginan mereka untuk maju dalam perniagaan yang saya katakan.

Saya rasa, masa pun dah cukup tetapi dalam masa yang sama saya ingin memberi gambaran bagaimana kawasan UDA ini sudah meningkat kemajuannya. Pertama, pada tahun 1997 hingga tahun 2000, kalau kita lihat kutipan mingguan kepada masjid di UDA itu

cuma RM5,000.00 tetapi pada tahun lepas dan tahun 2016, kutipan masjid pada hari Jumaat meningkat mendadak kepada RM18,000.00 setiap Jumaat. Kehadiran orang muda yang menguasai kawasan-kawasan di UDA ini menjadikan masjid begitu bersemangat untuk mengisikikan kawasan masjid dengan *fully aircond*. Lagi bertambahlah semaraknya di dalam masjid tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhir kata, saya cuma ingin membawa perkara tersebut sahaja di dalam konteks pada hari ini agar ingin memberitahu yang bangsa-bangsa lain, bangsa Johor juga mempunyai anak Melayu yang boleh membawa sebuah agenda ekonomi ini, berjaya di masa yang akan datang. Jadi, akhir kata Tanjung Puteri menyokong usul yang dibawa oleh Tanjung Surat. Sekian, terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Puteri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Sedili.

**YB Tuan Haji Rasman bin Isnin (Sedili) :** Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Doa) Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya tiada niat untuk nak bercakap panjang pada hari ini. Cuma, saya nak menyokong penuh di atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas pembangunan yang ada di negeri Johor walaupun beberapa tahun yang lepas pihak Skudai mengatakan Johor akan muflis tetapi ternyata perkara ini tidak benar. Begitu juga saya nak mengucapkan terima kasih kepada kakitangan kerajaan negeri Johor yang sama-sama membangunkan negeri Johor walaupun Skudai pernah bercita-cita untuk memimpin dan ingin membuang 50% kakitangan kerajaan yang ada.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya tidak perlu mengulas...

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dato' Speaker, bantahan. Yang Berhormat Sedili tadi menyebut nama saya. Bagi Peraturan Tetap 45(13) telah menimbulkan syak kepada saya. Saya tak pernah kata nak pecat 50,000 orang penjawat awam, itu merupakan satu fitnah. Minta dia tarik balik dan minta maaf.

**YB Tan Sri Speaker :** Berhati-hatilah sikit. Jemput, teruskan.

**YB Tuan Haji Rasman bin Isnin (Sedili) :** Saya hanya ingin membawa beberapa perkara di kawasan Sedili khasnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sedili merupakan salah satu kawasan pelancongan berasaskan pantai. Di kawasan Sedili daripada pekan Sedili hendak ke Sedili Kecil berlakunya timbunan sampah yang begitu banyak sekali. Saya ingin tanyakan adakah pantai ini di selenggara oleh jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi lain? Kerana,

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Maaf, Tan Sri Speaker, tadi kenyataan Yang Berhormat Sedili itu kira ditarik balik ke belum? Dia belum minta maaf.

**YB Tan Sri Speaker :** Tidak, saya, perkara itu dah saya anggap sebagai perkara yang dah lepasiah, Skudai.

**YB Tuan Haji Rasman bin Isnin (Sedili) :** Terima kasih, Speaker.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Tuan Haji Rasman bin Isnin (Sedili) :** Di kawasan sampah itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlampau banyak. Belum ada agensi-agensi untuk nak membersihkan kawasan pantai tersebut. Saya mencadangkan supaya kerajaan memohon kepada kerajaan



pusat. Kerana selama ini, kerajaan pusat mendapat hasil daripada kapal-kapal di kawasan pantai selatan dan kebanyakan kapal-kapal ini membuang sampah dan akhirnya sampah itu turun ke pantai. Jadi, saya mohonlah supaya kerajaan pusat dapat menyalurkan wang untuk disalurkan kepada agensi-agensi yang berkenaan.

Yang keduanya Tan Sri Speaker, saya ingin bertanyakan berkenaan dengan FELDA. Di tempat saya ada 9 FELDA, 63% pengundi di Sedili adalah daripada kawasan FELDA yang mana saya lihat hari ini Yang Berhormat Speaker, di FELDA masih dan berlakunya orang-orang miskin di kalangan anak-anak peneroka FELDA. Selama ini anak-anak peneroka FELDA kurang diambil perhatian sama ada di FELDA ataupun mana-mana agensi. Saya mohon kepada Majlis Agama Islam dan FELDA untuk membincangkan supaya dapat membina rumah-rumah generasi kedua yang miskin di belakang rumah ibu bapa dia. Setakat hari ini, FELDA tidak membenarkan untuk membina rumah di tanah ibu bapa dia. Dia mesti nak bumbung nak kena bersambung, kalau berasingan tidak boleh. Jadi, saya mohonlah supaya anak-anak FELDA untuk di bagi, bagi pembinaan rumah-rumah kepada anak-anak FELDA yang miskin.

Yang keduanya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya lihat sekarang di FELDA tanah-tanah yang kosong di kawasan FELDA adalah tanah kerajaan negeri. Selama ini FELDA membina rumah di tanah-tanah kerajaan negeri tidak melalui PBT. Sebab itu kebanyakan rumah-rumah yang telah dilaksanakan oleh FELDA tidak dapat dijual kerana tidak ada kebenaran SBKS. Sebab itu, saya mohon, berlaku yang di kawasan-kawasan lain rumah dah siap tapi tidak boleh jual kerana tidak ada kebenaran SBKS. Kerana FELDA membelakangkan Kerajaan Tempatan. Walaupun Kerajaan Tempatan membenarkan tanah kerajaan, membenarkan untuk membuat rumah di kawasan FELDA walaupun tanah itu tanah kerajaan negeri Johor. Jadi, saya mengharapkan supaya FELDA-FELDA yang hendak membina perumahan ini pastikan dapat kelulusan SBKS. Kerana Yang Berhormat Tan Sri Speaker, inilah menjadi isu di sebahagian daripada negeri-negeri di kawasan-kawasan FELDA. Saya tidak hendak di sebelah sana akan ambil kesempatan kerana bila mana rumah ini tidak dapat di jual bank tidak dapat kelulusan, kerana inilah kesilapan daripada FELDA.

Yang ketiga Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkenaan dengan air. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya suka kalau boleh Dewan Negeri ini disambung lagi sampai dua minggu. Saya takut hendak balik ke kawasan saya. (Dewan ketawa). Di Sedili Tan Sri Speaker, yang sebelum ini PAS bertanding dengan DUN Sedili serupa macam saya, PAS hilang wang pertaruhan. 2013 PKR bertanding dengan di kawasan Sedili hilang wang pertaruhan. Kalau DAP berani bertandinglah akan datang, kalau hendak rasa hilang wang pertaruhan. Masalahnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, masalah air ini dah berpuluh tahun. Saya tidak menyalahkan SAJ, SAJ membekalkan air yang ada, air mentah itu di proses dan disalurkan kepada pengguna. Masalahnya berkenaan dengan tadahan-tadahan air. Banyak tanah-tanah yang telah di ceroboh. Semalam ada kebakaran, di tempat saya, tempat ceroboh. Hampir 300 ekar, itu tanah tadahan air, malahan air sungai-sungai yang ada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya pergi melawat sungai itu saya ingat dam ini gambaran saya besar. Nama pun dam, bila saya pergi je, macam anak sungai dulu saya hendak tangkap ikan Puyu saya buat pasir, saya cadang itulah dia. Bila kekeringan air itu, bermakna beribu pengundi-pengundi di Sedili yang setia dengan Barisan Nasional tidak dapat bekalan air. Ini pagi-pagi dah dapat berita, SMS, dekat facebook semua tidak dapat air. Takut Tan Sri Speaker, nak balik ke kawasan.

Saya mintalah, kalau boleh bagilah jawapan dan supaya kerajaan negeri memberi betul-betul kajian dan tujuan dan apa perlu hendak buat yang konkrit. Ini adalah kubu kuat Barisan Nasional Negeri Johor. Saya minta kepastian, jawapan yang tepat yang betul-



betul akan dilaksanakan. Kerana ini, pada saya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, betul-betul menjadi satu isu yang amat besar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya rasa cukuplah. Sekurang-kurangnya saya dapat meluahkan, melahirkan kawasan yang kuat, sokongan yang padu kepada kerajaan yang ada berbanding di sebelah sana, menang pun tidak seberapa, tunjukkan hebat seolah-olah dia menang besar. Dan, jadi saya hendak minta lagi sekali kalau sebelum ini dia tidak bersetuju segala-galanya bila mana semalam saya amat kecewa dia bawa sepanduk dekat luar sana, dia kata kita hendak Johor semua hendak ada bas percuma. Sedangkan ini pun cadangan dan idea Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dia cadangan pun tidak, dia sokong pun tidak, tapi bila apa-apa hal dia kesempatan. Kita hendak negeri Johor. Segala-galanya kita dah buat dah, dah rancang, ketua pembangkang cakap, apa yang dia buat kerajaan ambil tindakan, apa yang dia buat kerajaan ambil tindakan. Tidak ada, sebetulnya kerajaan dah ambil tindakan, dia jagi Wakil Rakyat baru berapa tahun? Kerajaan dah rancang berapa puluh tahun. Dia boleh cakap apa yang dia bikin itu dia kata, ini semua kerajaan dengar cakap dia (Dewan bertepuk).

Ini saya rasa kadang-kadang jangan politikkan. Saya dengar setiap ucapan di sebelah sana saya dengar. Kita hendakkan, kita buat macam ini, kita hendakkan supaya hendak minta itu, hendak minta ini. Tadi dia minum pun dia cakap dengan saya, kenapa itu hari tidak minta gaji? Dia tak nak cakap, hendak gaji besar lagi kata, mana cukup dia kata. Bila mesyuarat dia tak nak cakap, dia kalau boleh biar kekalkan. Ini semua baling batu, sembunyi tangan. Bukan duri dalam daging (Dewan bertepuk). Ini musuh dalam selimut. Jadi, saya minta tuan pengerusi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, supaya apa yang Sedili cadangkan untuk di ambil tindakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sedili menyokong usul yang di bawa oleh Tanjung Surat. Sekian, terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Sedili. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Gambir.

**YB Datuk M. Asojan a/l Muniandy (Gambir) :**Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Salam sejahtera, selamat tengah hari dan salam muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk Gambir turut serta dalam perbahasan menjunjung kasih kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan yang Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada hari Khamis, 14 April 2016 yang lalu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Gambir mewakili masyarakat Dewan Undangan Negeri Gambir ingin mengambil kesempatan untuk menzahirkan sokongan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin, Menteri Besar Johor atas serlahnya kepimpinan yang membawa kepada nama Johor, bukan sahaja di persada tanah air tetapi di rantau Asia ini. Seperti mana titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor.

Pelbagai usaha beliau diperkatakan sebagai asas kepada pujian tersebut. Di antaranya, pelaburan bidang pembuatan yang meningkat sehingga RM31.3 bilion, rizab tunci kerajaan negeri yang mencecah RM3 bilion. Kepintaran beliau ketika kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia mendapatkan RM100 juta bagi menyelesaikan masalah air di kawasan tenggara Johor. Serta juga hebatnya beliau dalam mengendalikan kewangan negeri seperti mana kita dapat lihat dalam Penyata

Kewangan Negeri Johor Tahun 2014 di mana perbelanjaan sebenar berbanding dengan bajet kemas kini tahun 2013 dengan kadar 95.43% dan 97.1% bagi tahun 2014. Yang menjurus kepada *surplus* buat 3 tahun berturut-turut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, maka dapatlah disimpulkan pujian Duli Yang Maha Mulia Tuanku amat signifikan dan mempunyai asas yang kukuh. Apabila pentadbiran beliau yang akan genap, cuma 3 tahun pada 5 Mei 2016 yang akan datang, membuahakan hasil begini, kenapa tidak kita terus menyokongnya secara ikhlas supaya lebih banyak lagi hasil mahsul dapat di kecapi oleh bangsa Johor di bumi Johor yang tercinta ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga bagi pihak MIC negeri khususnya dan masyarakat India amnya merakamkan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor supaya terus berani menghadapi cabaran bagi membawa negeri Johor dengan acuannya yang tersendiri. Sokongan MIC dan masyarakat India juga ada sebabnya tersendiri. Kerana, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar inilah perhatian beliau kepada masyarakat India agak terasing, dan menjadi bualan bukan sahaja di seluruh Johor, tetapi di seluruh negara kerana pengenalan satu program yang dinamakan Program Inklusif Masyarakat Indianya yang terbaru dan terasing di seluruh negara. Bukan setahun, tapi sudah diluluskan dua tahun berturut-turut RM4 juta untuk 2015 dan RM6 juta dan mungkin RM10 juta tahun berikutnya mudah-mudahan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk memastikan bahawa tujuan murni Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu, saya ada satu cadangan berkaitan dengan program berkenaan, terutamanya dari segi pengurusan dana berkenaan. Saya ingin mohon agar satu badan khas seperti Yayasan Pelajaran Johor diwujudkan. Mungkin ia boleh dipanggil sebagai Yayasan Pembangunan Masyarakat India Johor atau YPMIJ ataupun dengan izin, *Johor Indian Community Development Foundation*, JICDF. Dana ini nanti bolehlah di tempatkan, dana RM6 juta itu bolehlah ditempatkan di YPMIJ dan dianggotai oleh ahli lembaga pengarah yang dilantik oleh kerajaan serta di urus oleh seorang pengurus besar. Seperti mana YPJ, Ahli-Ahli Yang Berhormat juga boleh menganggotai ahli lembaga badan berkenaan. Dengan entitinya mungkin tidak sama, tapi menyerupai YPJ, perlu diwujudkan. Dengan demikian, penerimaan, pengagihan dan laporannya kelak akan lebih telus, terbuka dan ada akauntabiliti terhadap dana berkenaan. Jadi, saya mohon sangat kepada kerajaan negeri khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempertimbangkan cadangan Yayasan Pembangunan Masyarakat India Johor ditubuhkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya perkara ketiga ialah berkaitan dengan isu tapak khairat kematian masyarakat India di sekitar kawasan Johor Bahru. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perkara ini saya telah bawa dalam Persidangan bulan Mei tahun lepas. Nampaknya masih belum selesai walaupun dah setahun saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Baru-baru ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, satu insiden yang tidak diingini telah berlaku, di mana seorang cucu yang mahu melaksanakan upacara khairat kematian untuk neneknya yang meninggal tiga hari sebelumnya dibawa pasir lembut dan lemas di dalam laut, dekat pantai Danga Bay. Urusan upacara yang dilakukan secara sembunyi-sembunyi di kawasan pesisir pantai dan sungai sekitar kawasan Johor Bahru telah membawa kepada kehilangan nyawa. Oleh itu, lagi sekali, atas desakan dan permintaan masyarakat India Johor, saya ingin merayu kepada pihak kerajaan untuk mengambil langkah-langkah konkrit, saya ulang balik, langkah-langkah yang konkrit bagi menyelesaikan isu ini yang berlarutan agak lama sejak Pantai Lido yang kini dikenali dengan Danga Bay diambil untuk pembangunan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dulu masyarakat India selalu melaksanakan upacara ini di kawasan Pantai Lido yang terasing tetapi bukan pada ketika ini. Saya cadangkan sementara menunggu tapak kekal untuk upacara berkenaan yang telah diuar-uarkan oleh pihak tertentu dalam surat khabar baru-baru ini, saya ingin cadangkan supaya tapak sementara, satu tapak sementara yang lebih selamat, tak payah bangunan kekal, cuma menggunakan khemah 20"x20", sekalipun boleh ditempatkan di kawasan pantai yang sesuai oleh pihak kerajaan negeri ataupun oleh kerana ini kawasan Johor Bahru, Majlis Bandaraya Johor Bahru bolehlah menguruskan tapak berkenaan. Mohon kerajaan memberi perhatian serius kepada isu tapak khairat kematian masyarakat India ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya berkaitan dengan usaha promosi pelancongan oleh Jabatan Pelancongan Negeri Johor, saya ingin ucapkan tahniah kepada YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Negeri yang telah mengambil pelbagai langkah bagi mempromosi pelancongan ke rantau ini termasuk India, China, Indonesia, Filipina dan lain-lainnya. Komitmen beliau ni dapat lihat apabila beliau sendiri turun padang bersama pegawai-pegawai jabatan bagi mempromosi negeri Johor dan tambahan lagi melibatkan Wakil-Wakil Rakyat untuk sama-sama mempromosi bukan untuk melancong, Tan Sri Speaker, mempromosi negeri Johor. Kita pergi pun tak ada masa nak pergi makan angin. Jadi, terima kasih YB EXCO Pelancongan. Mungkin YB Pengerusi ni nak juga bawa ADUN sebelah sana tapi dia takut, dia pergi promosi pelancongan, dia promosi yang lain pula. Bawa apa, apa ni, banner ke apa ke eh.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, industri pelancongan merupakan satu sektor yang sedang berkembang pesat di rantau Asia Pasifik. Dan, kedudukan Johor terletak di pusat transit tersibuk di rantau sebelah sini. Justeru itu, kelebihan ini perlu dieksploitasi secara positif. Lantaran itu, satu entiti, satu entiti yang lebih bersifat dinamik dan kompetitif serta boleh bekerjasama dengan pihak pemain industri ini perlu diwujudkan. Entiti ini bolehlah dalam bentuk perbadanan ataupun korporat. Penstrukturan Jabatan Pelancongan Johor yang kepada Tourism Johor adalah langkah awal yang baik dan perlu disokong. Satu lagi perkara adalah selaras dengan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor 2016-2020 yang bersandarkan pembangunan serta pertumbuhan yang seimbang dan menyeluruh di seluruh negeri, maka Gambir ingin cadangkan entiti pelancongan ini juga perlu dikembangkan ke semua daerah agar limpahan dan Industri ini dapat dinikmati oleh rakyat keseluruhan di negeri Johor, khususnya daerah Tangkak yang mana dikategorikan di antara daerah yang diberi fokus kepada pembangunan pelancongan.

Kini, saya telah dapat lihat pelbagai strategi dan promosi pelancongan yang dibuat oleh jabatan berbeza dan menepati kumpulan sasaran yang difokuskan dengan jenama Jabatan Pelancongan Negeri Johor yang kini diubah kepada Tourism Johor. Juga, dengan usaha cemerlang pengarah barunya yang begitu rajin dan mengatur strategi kejayaan Tourism Johor ini diharap ianya dapat diteruskan. Oleh kerana pelbagai strategi yang digunakan untuk mempromosi negeri Johor ini telah membuahkan hasil, maka saya ingin mohon kepada YB EXCO untuk nyatakan perbandingan kemasukan pelancong-pelancong ke negeri Johor dalam tempoh 5 tahun terakhir ini secara terperinci untuk makluman Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada kesempatan ini saya juga merakamkan ucapan penghargaan kepada YB Pengerusi Pelancongan yang mengotakan janjinya, bukan auta Tan Sri Speaker. Yang mengotakan janjinya dengan menempatkan seorang pegawai pelancongan India bagi mempromosi Tourism Johor di kalangan masyarakat India dan juga bagi merangka pelbagai pelan promosi untuk menarik pelancong-pelancong dari negara India ke negeri Johor seperti mana juga harapan daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam titahnya baru-baru ini. Lagi sekali, terima kasih YB EXCO.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya berkaitan dengan isu kemalangan maut yang meningkat. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, baru-baru ini saya sempat bersama rakan-rakan yang lain mengadakan lawatan ke luar negara. Kami beredar dari satu bandar raya ke satu bandar raya, mula daripada Barcelona di Spain sehinggalah Lisbourne di Portugal, melewati 7 bandar raya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Untuk makluman Dewan, jumlah masa kami berada dalam bas yang beredar dari satu bandar raya ke satu bandar raya, kira-kira 21 jam. Dalam 21 jam, dalam jarak lebih kurang 2,000 kilometer itu, perkara yang aneh ialah Tan Sri Speaker, tiada satu pun kemalangan yang kami dapat lihat semasa kami dalam perjalanan. Pemandu-pemandu kenderaan tak kiralah kereta ke, lori ke, tapi kita dalam bas, saya secara kebetulan duduk di hadapan, saya dapat lihat di mana pemandu itu cukup teliti, berdisiplin, kelajuannya tak lebih 110 kilometer, dia *maintain*. Bila dia *overtake* pakai *signal*, bila masuk balik tak, sama ada kereta ada belakang atau tidak dia terus alih ke lorong yang lain. Jadi, ini amalan yang telah dapat kita lihat di luar negara. Jadi, mereka itu berdisiplin tinggi, mematuhi peraturan jalan yang ditetapkan. Tetapi di Malaysia, dua hari lepas Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya terbaca satu statistik yang menyatakan betapa bilangan kemalangan yang begitu meningkat saban tahun. Pada tahun 2015 sahaja, sebanyak 476,000 kemalangan jalan raya dengan bilangan yang maut adalah 6,193 orang, purata 516 sebulan, 17 orang setiap hari meninggal dunia di atas jalan raya. Negara kita yang begitu aman sentosa dan sedang mengorak ke negara maju terpaksa mengharungi bilangan kematian yang begitu banyak. Saya rasa mungkin bilangannya jauh berbanding bilangan mereka yang mati akibat peperangan di Timur Tengah sana. Kajian menunjukkan antara sebab utamanya adalah sikap pemandu kenderaan yang memang amat menyedihkan, tidak berdisiplin dan tidak bertimbang rasa. Juga, perkara ini juga telah disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam titahnya pada Khamis lalu. Jadi, Gambir amat menyokong agar tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan tindakan penggantungan lesen atau penyitaan kenderaan seperti mana dalam titah Tuanku haruslah mula dikaji untuk dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan.

Saya juga difahamkan, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebanyak 1,200 kamera AES bakal dipasang di seluruh negara. Jadi, saya nak pencerahanlah daripada pihak kerajaan negeri, agak-agaknya di manalah di Johor akan dipasang kamera tersebut. Sebab Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau kita melepasi *interchange* Bangi, lebih kurang dalam 4-5 kilometer kan, semua kenderaan *slow je*, eh *accident* ke apasal *slow*, rupanya ada kamera AES. Semua disiplin. Saya tengok juga ada tak kamera tu *kiik*, rupanya tak sangkut. Semua *slow* aja. Jadi, saya ingat bila 1,200 ni ha, banyaklah jalan-jalan yang kita boleh tengok kenderaannya mula *slow* bila ada petanda ada kamera. Jadi, minta Johor, *i mean*, kerajaan Johor maklumkan di mana jadi kita pun bolehlah jaga-jagakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam masa yang sama, satu lagi yang saya dapat perhatikan ialah berkaitan jenis jalan raya yang terdapat di negara maju tersebut. Kembali cerita tadi. Keseluruhan 2,000 kilometer itu merupakan jalan dua hala. Semasa menjawab soalan lisan saya tempoh hari, JKR menyatakan syarat sesuatu jalan dinaik taraf kepada 4 lorong adalah berdasarkan kepada bilangan pengguna yang menggunakan jalan berkenaan. Dikatakan kajian dibuat setiap bulan April dan Oktober. Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan supaya faktor bilangan kemalangan terutamanya bilangan kemalangan maut juga perlu diambil kira dalam menentukan pelebaran jalan sedia ada. Dan lagi satu perkara Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau kita nak perhatikan papan tanda yang menyatakan kelajuan 60 kilometer sejam atau 80 kilometer sejam, tak ada lagi Tan Sri Speaker. Mana ada orang bawa 60 kilometer sejam. Kalau, katalah orang perempuan pun bawa kereta *slow*, dah kena maki, dah kena

marah, "apa ni bawa kereta slow ni". Jadi, perkara ini juga perlu dikaji dan sudah sampai masanya semua jalan terutamanya jalan-jalan yang menyambungkan bandar-bandar kecil di seluruh negeri Johor perlu mempunyai jalan 4 lorong seperti mana di antara Batu Pahat-Ayer Hitam, Kluang yang sudah pun dibina. Mohon cadangan pembinaan atau perancangan masa depan yang dibuat oleh pihak JKR untuk projek-projek di atas, jika ada.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya isu pemilikan rumah mampu milik Johor dan Bank of Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Gambir ingin menyentuh tentang pemilikan rumah sendiri seperti mana yang diberi penekanan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku terutamanya berkaitan pemilikan rumah-rumah berkenaan setelah siap dibina. Menurut statistik SUK Perumahan dan juga seperti mana yang dipernyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi, lebih 60,000 rumah RMMJ bakal dibina menjelang tahun 2018. Pada penggal persidangan lepas, Gambir ada meminta pihak kerajaan negeri bagi memperhalusi dalam kita menyediakan rumah untuk golongan berpendapatan rendah, peluang pinjaman melalui bank-bank dan institusi kewangan adalah amat sukar. Seperti mana yang juga telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam Perkara 27, muka surat 8, titah ucapan Tuanku. Jadi, pewujudan Bank of Johor adalah sesuai dengan masanya bagi memenuhi tujuan mumi kerajaan negeri bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri. Kalau kita perhalusi tentang pinjaman di bawah bank-bank sedia ada, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, contohnya, katalah seseorang itu yang mahu memiliki sebuah rumah berharga RM150,000.00 dengan tempoh bayaran 15 tahun dan bunga sekitar 6%, dia perlu bayar RM1,500.00 sebulan. Kalau pendapatan ataupun pendapatan minimum untuk melayakkan dia bayar RM1,500.00 ini ialah RM5,000.00 sebulan, dengan andaian tiada hutang lain. Kalau dia ada hutang lain, dia tak layak juga. Oleh yang demikian, jika Bank of Johor tidak diberi perhatian, sampai bila-bila pun golongan berpendapatan rendah yang mendapat gaji di bawah RM5,000.00 serta mereka yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap seperti pengusaha-pengusaha kecil, peniaga sendiri, petani, nelayan juga yang bercucuk tanam yang tidak mempunyai bukti kewangan yang kukuh termasuk tidak mempunyai slip gaji tidak akan langsung berpeluang memiliki rumah sendiri. Saya sebutkan sedemikian kerana atas sebab-sebab inilah pihak bank sentiasa menolak pinjaman yang dipohon untuk tujuan pembiayaan pembelian perumahan. Jadi...

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat sila gulung.

**YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) :** Ok, Tan Sri Speaker, Jadi, telek pandang Duli Tuanku kepada *Bank Of Johor* ada rasional dan mempunyai keperluan mendesak untuk kewujudannya. Jika tidak boleh atas sebab-sebab tertentu mahu atau tidak pihak kerajaan perlu cari satu mekanisme untuk melayakkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah mampu milik tersebut atau ubah, atau melonggarkan syarat-syarat pinjaman bank-bank konvensional. Yang mana saya rasa, amat sukar dan saya rasa pihak kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian. Fikir-fikirkanlah, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya di Johor saya nak sentuh mengenai penempatan Penolong Pegawai Pendidikan Daerah. Di Johor kini terdapat 11 Pejabat Pendidikan Daerah termasuk yang terbaru di daerah Tangkak. Pada masa yang sama terdapat 70 buah sekolah Tamil di seluruh negeri Johor. Walau bagaimanapun, Pegawai Jabatan Pelajaran yang menguruskan pentadbiran 70 buah sekolah Tamil tersebut kena uruskan pentadbiran, penempatan, pemantauan pengajaran dan pembelajaran seorang diri atas nama jawatan Penyelia Sekolah-Sekolah Tamil Negeri Johor. Atas perhatian dan tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Razak,

buat kali pertama dalam sejarah 200 tahun sekolah Tamil, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sekolah Tamil wujud 1816 dan sekarang 2016, dalam tempoh 5 tahun terakhir inilah sekolah Tamil mula dapat pembelaan dan perhatian khusus kerajaan persekutuan dengan peruntukan lebih RM740 juta dalam tempoh 5 tahun. (Dewan bertepuk). Dan buat kali pertama kerajaan negeri, itu dia istimewa Menteri Besar kita, meluluskan RM1 juta khas untuk sekolah-sekolah Tamil negeri Johor. Terima kasih dengan izin, nandri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Walau bagaimanapun, urusan yang saya sebutkan di atas serta pengurusan peruntukan-peruntukan ini menghadapi kesukaran apabila sampai ke peringkat daerah-daerah. Oleh yang demikian, saya ingin cadangkan supaya jawatan Penolong Pegawai Pendidikan Rendah SJKT diwujudkan di semua PPD-PPD di negeri Johor. Apabila saya sendiri berjumpa dengan PPD saya di daerah Tangkak umpamanya, dikatakan tiada waran untuk jawatan berkenaan. Maka saya cadangkan, sementara menunggu waran untuk perancangan jangka panjang yang saya minta YB EXCO Pendidikan mengangkatnya melalui Jabatan Pendidikan Johor, saya ingin pohon supaya pegawai India boleh dilantik di bawah waran-waran sedia ada tetapi perlu dipastikan mereka ini berasal dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil atau sekurang-kurangnya pernah mengajar bahasa Tamil ditempatkan di PPD-PPD seluruh negeri Johor. Mohon perhatian dan tindakan YB EXCO Pelajaran jua.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, minta izin yang terakhir. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini berkaitan dengan isu kawasan. Klinik Bukit Gambir yang sedia ada dibina pada tahun 1965. Jadi saya bawa isu ini dengan anggapan YBEXCO boleh gosok lampu Aladdin ajaibnya untuk dapatkan peruntukan bagi Klinik Bukit Gambir ini. Ianya tidak mampu lagi menampung pertambahan bilangan pesakit yang semakin ramai dengan penduduk Bukit Gambir melebihi 30,000 orang. Jaraknya dari Muar sejauh 35 kilometer. Jaraknya dari Tangkak 30 kilometer dan dengan dikelilingi oleh 25 buah taman, 39 buah kampung serta access kepada plaza tol yang telah membawa kepada pertambahan kes-kes kemalangan bagi rujukan awalan. Maka, klinik ini amat perlu untuk di naik taraf dengan kadar segera.

Kenalkan tarafnya kepada kategori KK3 telah mula diperkatakan sejak tahun 2010 namun ianya tidak kesampaian kerana isu pengambilan tanah. Untuk makluman Dewan, bilangan pengguna klinik telah meningkat selaras kemajuan mendadak pekan Bukit Gambir yang kini bergelar Bandar Baru Bukit Gambir. 4 orang lagi Wakil Rakyat yang duduk dalam Dewan ini di Bukit Gambir boleh mengesahkan ya. Jementah, Bekok, Serom, boleh mengesahkan kenyataan saya betul atau tidak. Juga Tangkak, pun tinggal di Bukit Gambir juga.

Jadi Gambir ingin cadangkan dan mengharap sokongan termasuk ADUN-ADUN sebelah sana, supaya dengan tidak melibatkan pengambilan balik tanah. Sebaliknya dengan keluasan tanah kerajaan sedia ada seluas 3.0837 ekar, maka sebuah klinik mungkin secara bertingkat secara *design and built* dapat dilaksanakan demi keperluan dan kepentingan masyarakat Bukit Gambir. Mohon sangat perhatian YB EXCO Kesihatan, bawa sajalah cadangan-cadangan sokongan negeri ke pusat. Di pusat, Menteri Kesihatan sedia tunggu saranan dan sokongan daripada pihak negeri. Harap-harap YB EXCO gosok-gosok Aladdin. Kalau Kulai boleh bagi RM150 juta, mengapa tidak untuk Gambir cuma ditaksirkan RM35 juta sahaja.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker akhir kata, Gambir ingin mengharap segala perkara yang dibangkitkan ini mendapat perhatian dan maklum balas daripada pihak berkenaan. Dalam masa yang sama secara ikhlas, secara jujur, secara sepenuh hati, Gambir merakamkan penghargaan kepada semua agensi-agensi kerajaan yang sentiasa

mendengar rintihan dan mengambil langkah sewajarnya bagi perkara-perkara yang diajukan oleh kami Wakil-wakil Rakyat, sampaikan rintihan daripada sebelah sana pun diselesaikan oleh pegawai-pegawai kerajaan ini. Seharusnya kita mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada orang nombor satu JCS Negeri, Yang Berhormat Datuk Setiausaha Kerajaan Johor serta pasukannya ataupun wakil-wakilnya yang duduk di peringkat daerah-daerah sebagai Pegawai-Pegawai Daerah begitu *dedicated* dan komited. Sepertimana juga dapat pujian daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Semoga kerjasama tersebut dapat diteruskan selama-lamanya demi kecemerlangan kerajaan negeri Johor yang tercinta. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Gambir juga turut menyokong usul menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang dibawa oleh Yang Berhormat Tanjung Surat. Sekian, terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Gambir. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita hanya ada masa sebelah petang ini untuk menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Jadi saya harap sebelah petang kita jayakan Persidangan ini supaya jangan tergendala. Kuorum kita harus jaga. Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini sehingga jam 2:30 petang. Terima kasih.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.**

**Persidangan di sambung semula pada jam 2.30 petang.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Dengan ini saya mempersilakan pembahas seterusnya untuk menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, Yang Berhormat daripada Semarang. Sila, jemput.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam muafakat, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Semarang merakamkan jutaan terima kasih di atas kesempatan untuk terlibat membahaskan titah ucapan Baginda Tuanku Sultan Johor semasa merasmikan Persidangan Penggal Yang Keempat Dewan Negeri Johor Ke-13 pada 14 April yang lalu. Semarang juga ingin mengucapkan, merafakkan, menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas perkenannya merasmikan sidang Dewan yang baru-baru ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, titah ucapan Baginda Tuanku sewajarnya menjadi panduan, sewajarnya menjadi pengajaran dan sewajarnya menjadi peringatan kepada kita semua Ahli-Ahli Dewan, bukan sahaja Ahli Dewan malahan kepada mereka di luar sana yang menggambarkan titah ucapan ini adalah gambaran keprihatinan Ke Bawah Duli Tuanku tentang perkara yang berlaku dalam negara ini. Suatu yang menyeluruh dan jauh ke hadapan selari dengan potensi keperluan semasa dan juga masa depan rakyat dan negeri Johor Darul Ta'zim ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita berbangga dengan apa yang kita ada. Dan pada masa yang sama adalah menjadi tanggungjawab kita mengetahui apa yang kita banggakan dan pada masa yang sama kita mempertahankan dan memperbaiki segala apa yang dirasakan perlu diperbaiki agar nikmat akan dapat dinikmati oleh semua pihak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, persoalan yang harus ditanyakan sekarang ini di manakah kita sekarang? Adakah kita bergerak ataupun terpaku kaku? Apakah kerajaan ini berkembang. Apakah kerajaan ini membawa kerugian ataupun keuntungan?



Adakah dia berkembang ataupun menguncup maksudnya ekonomi dan prestasinya? Dan pada masa yang sama adakah kita bertambah makmur atau sebaliknya kita bertambah mundur? Realiti di hadapan kita ini sebenarnya bukan sahaja dapat diperlihatkan malahan dapat di rasa oleh semua pihak, yang waras, yang berlaku adil kepada dirinya bahawa negara ini dalam keadaan yang lebih baik.

Justeru, saya ingin merakamkan, Semarang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan tahniah dan terima kasih di atas kejayaan kepimpinan negeri memerintah, memacu kemajuan yang ada dalam negeri ini yang kita boleh lihat dan juga kita rasakan di bawah sana. Realitinya kita bertambah maju dan bertambah makmur.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memperjuangkan hak rakyat seperimana yang digembar-gemburkan oleh semua pihak bukanlah sekadar untuk menanyakan masalah rakyat semata-mata. Bertanyakan masalah rakyat dan pada masa yang sama menanyakan masalah rakyat dan menjadikannya ia sebagai modal untuk mencacatkan kerajaan ini. Berdasarkan kepada kemajuan, perkembangan dan juga pencapaian rakyat dan juga negeri Johor ini keseluruhannya khususnya kerajaannya sebenarnya tidak ada sebab musabab kerajaan ini harus ditukar dengan kerajaan yang lain, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Kita, bukan sahaja syok sendiri. Bukannya kita ni syok sendiri tetapi berdasarkan fakta bahawa kita telah berjaya mengetengahkan perkara-perkara yang memberi manfaat kepada rakyat dan pada masa yang sama, rakyat sebenarnya menghargainya. Tetapi pada masa yang sama kita mengharap mereka yang sibuk menggembar-gemburkan tentang memperjuangkan hak rakyat ini sewajarnya bukan sahaja bertanya, sepatutnya jangan sahaja bertanya tentang masalah tetapi sewajarnya pada masa yang sama secara adil, dia juga harus mewart-warkan apakah peluang yang disediakan oleh kerajaan kepada rakyat ke seluruh negeri Johor yang ada ini. Ini yang penting. Jangan hanya nak cara masalah. Kalau kita ada 133 *touch point*, dengan izin, daripada Bajet Malaysia. Kita lebih ada 110 *touch point* dalam bajet kerajaan negeri Johor. Ini juga adalah rahmat daripada Allah SWT melalui kerajaan yang ada untuk kita sampaikan kepada rakyat dan menjadi tugas kita Wakil Rakyat menggunakan platform-platform, gunakan perjumpaan di kedai kopi, di kedai kopi, forum-forum kedai kopi yang sibuk di bawa ke mana-mana.

Sepatutnya pada masa yang sama mewart-warkan apakah peluang yang boleh dinikmati oleh rakyat, bukan sekadar mewart-warkan tentang perkara-perkara, masalah-masalah kecil. Yang kecil dibesarkan, yang besar, dkecilkan. Kita harus berlaku adil dalam hal ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini yang berlaku. Apakah kalau tidak menipu, kalau tidak memfitnah, kita tidak boleh *survived*, dalam keadaan politik yang ada ini. Sebab itu dalam hal ini, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya berharap berdasarkan kepada pelaburan yang tertinggi lebih pada tiga tahun dengan lebih hasil lima tahun. Ini sebenarnya adalah perkara-perkara yang nyata. Yang harus diperakukan oleh semua pihak. Memang ia ada masalah-masalah kecil. Masalah-masalah ini adalah timbul dalam urusan menjayakan apa yang ada. Tetapi itu semua tidak menghalalkan untuk kerajaan ini boleh ditukar oleh mereka di sebelah sana kerana kita masih mampu untuk memacu negeri yang bertuah ini, insya-Allah. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jangan samakan negeri Johor dengan negeri lain. Para 18, ucapan Ke Bawah Duli Tuanku, jangan samakan negeri Johor dengan negeri lain. Selain bercerita bangsa Johor itu setia kepada agama, bangsa dan tanah air, berani kerana benar, bersatu menghadapi cabaran dan muafakat dalam mencari keberkatan. Jangan samakan pula kita, kita dah jauh dah. Tidak ada negeri dalam Malaysia terfikir bagaimana untuk buat bank. Kita buat bank, bukan untuk keuntungan tetapi kerana



dimulakan dengan niat untuk membantu rakyat untuk memiliki rumah, ini suatu kebajikan (Dewan bertepuk). Kita harus berfikir di luar kotak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jangan samakan. Jangan samakan. Jangan samakan negeri Johor. Johor tak pernah jual tanah untuk dana ekonomi, tak ada. Negeri Johor tak pernah jual tanah. Dalam rekod, tak percaya tengok laporan audit, tidak ada laporan menyatakan Johor menjual tanah. Apatah lagi bertukar milik tanah kepada, daripada tanah kerajaan kepada pihak pemaju untuk dapatkan dana, untuk mengurus negeri dan kerajaan, tidak pernah. Kalau nak dibezakanlah Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau nak dibezakanlah, nak jual tanah dekat negeri yang sebelah utara sana, yang kononnya diketuai oleh mereka yang bijak pandai, dalam tahun 2011 sampai 2014, tujuh tanah telah dijual kepada syarikat yang lain. (Dewan bertepuk).

Apa bendanya. Berbilion ke mana duitnya. Kerana saya tahu, kita faham mereka terdesak. Alhamdulillah, Johor dilimpahi dengan rahmat. Kita masih ada hutan, kita masih ada tanah, kita masih ada hasil masyhur. Kita masih ada lagi batu-batuan, tanah yang boleh dijual. Tidak ada masalah dan diusahakan dengan baik. Paling-paling pun kita menerima premium daripada tanah-tanah yang diusahakan dan dimajukan oleh pemaju dan inilah hasil kita. Alhamdulillah, Menteri Besar kita, tak payah, tak pernah merengek, meracau, menyatakan negerinya akan bankrap hanya kerana tak dapat buat tambahan tanah dalam negerinya. Eh, Johor tak pernah meracau. Menteri Besar kita tak pernah, tak pernah. (Dewan bertepuk). Kalau nak cerita berkenaan dengan udang sebalik batu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berapa lama kita boleh menutup bangkai gajah. Tak boleh. Tidak boleh. Kerana urusan kita ada audit, ada laporan yang terbuka telus. Mereka yang ada C.A.T. Cekap, Akauntabiliti dan Telus pun cakap tak serupa bikin. Apa benda. Tak boleh. Bangkai gajah tak boleh ditutup. Ugang sebalik batu beralih batu nampaklah udang. Tak ada. Kita tak ada sembunyi apa-apa. Inilah realitinya kita tak ada masalah. Jangan usah gundah gulana. Cuba tanya sekarang di Pulau Pinang. Berapa peratus tanah kerajaan yang tinggal sekarang ini di kerajaan yang ada dalam kerajaan negeri Pulau Pinang. Saya nak maklumkan cuma ada 8% sahaja tinggal. Johor, Alhamdulillah. Kita masih belum terdesak nak tunjukkan laporan yang baik dengan menjual tanah. Tahniah kepada Pegawai Kewangan Negeri yang telah menjaga kewangan negeri dengan baik dan membawa keuntungan kepada semua. Terima kasih. Alhamdulillah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin maklumkan di sini, cara kita pun tak ada main dalam dialog ini. Sedikit-sedikit dialog. Sedikit-sedikit dialog. Sedikit-sedikit dialog *Statutory Declaration*. Tak ada benda lain. Sedikit-sedikit akuan bersumpah. Sedikit-sedikit nak dialog. Eh jangan nak beranganlah nak dialog, nak masuk televisyen. Kopi cap televisyen pun tak nak taja awaklah. Tak ada. Dan ia tidak akan menyelesaikan masalah kita dengan dialog kerana sebenarnya, apa yang berlaku ini sebenarnya ada pihak yang cuba sedaya upaya menghakis keyakinan rakyat, kepercayaan rakyat kepada kerajaan yang ada. Ini yang dibuatnya pun. Sebenarnya ada pihak yang lebih suka kalau pendapatan kita merudum, kalau rakyat susah. Kalau semuanya jadi mahal dan tidak termampu oleh semua pihak, maka mudahlah alasan menukar kerajaan tetapi mereka sendiri tidak mahu susah. Kita faham tentang perkara ini semua sebab itulah saya hanya nyatakan bahawa kita kerajaan yang ada yang disokong oleh *back benchers* yang ada ini akan memastikan yang ada kita pertahankan, yang tidak ada kita akan ambil balik insya-Allah, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada masa yang sama juga, dalam Dewan kali ini, timbul perkataan auta, itu semua. Auta semua ini adalah, mereka kalau tak auta, tak boleh survived. Tetapi sebenarnya kita berkeyakinan, bahawa kita yakin, kita bertuankan kepada rakyat. Rakyat akan menilai kita sebagai kerajaan yang ada pada waktu ini yang harus di pertahan dan mereka akan menangkan di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga berharap dalam hal ini kita harus lebih, ia lebih lembut, lebih berhemah dalam urusan. Kalau merujuk kepada apa yang dinyatakan yang telah dititahkan oleh Ke Bawah Duli Tuanku di para 18 tadi, kita ini janganlah, orang kata biarlah bunyi kasar tapi niatnya ikhlas. Dan berkata benar lebih baik daripada cakap baik dan mengaku baik tapi hakikatnya telunjuk, telunjuk lurus kelengkeng berkait.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kepada sahabat saya Sungai Abong, ayuh berlapang dadalah. Usah gundah gulana. Berterus teranglah, saya tidak terasa tetapi saya cuba memahami apabila dinyatakan berani kerana benar, takut kerana dedak. Ini apa benda ini. Dedak ini. Ini apa benda ini. Brands kita, kalau orang kata pemakan dedak. Dulu mereka katakan kronisme, dulu mereka kata nepotisme sekarang ni perkataan dedak yang lebih kasar. Apa, kalau kita bercakap benar. Kita makan dedak. Kalau kita menyokong yang baik, kita makan dedak. Saya takut benda-benda ini semua, sebenarnya kita sedang diduga. Kita sedang diduga siapa kita ini. Tak kita, anak kita. Tak anak kita, adik kita. Keluarga kita. Kalau nak dimasukkan kategori pemakan dedak, siapa, siapa yang boleh nafikan bahawa kita mendapat nikmat daripada kerajaan yang ada ini. Jangan, sebab itu berlaku adillah. Dan pada masa yang sama kita harus ingat orang menyatakan kosong campur kosong adalah kosong. Itulah pandangan orang. Kepada diri yang punya badan, jadi berlapang dadalah. Berlaku adillah. Saya tidak mahu dan saya tidak rela pemimpin, Menteri Besar kita yang telah membawa kemajuan dikatakan berani kerana benar, takut kerana dedak. Tidak. Saya ingin menyatakan pendirian kita bahawa kita akan bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, senang susah dan apa sekali keadaan sekali pun. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam urusan, untuk cakap tak serupa bikin ini, saya terbayang pada suatu ketika. Kakitangan, pegawai kerajaan kita dalam urusan untuk membangunkan projek RAPID di Pengerang. Pegawai-pegawai kita amat terperanjat dengan tindak tanduk sesetengah pihak dalam *public hearing* syarikat-syarikat yang ingin melabur di Pengerang. Seinggakan mereka rasa terperanjat, apakah ini rupanya budaya orang Malaysia. Pada waktu itu belum lagi ada perkataan bangsa Johor difekankan, budaya Johor. Ianya sungguh bercanggah, bertentangan dengan cara Johor kita, sampaikan orang takut. Memang betul. Kawan-kawan kita pergi keluar negara, bawa sependuk tetapi inilah dia projek belum mula, gambar ikan mati, dugong mati dia dah tunjukkan. Ini cakap tak serupa bikin. Ini dia. Belum mula lagi ikan dah mati. Belum mula lagi, dugong dah mati. Inilah dia lupa. Sebab itu kita boleh dedahkan dan kita jangan di fikir nak tunjuk pandai jangan nak bodohkan orang. Nak naik jangan pijak kepala orang. Itu dulu ingatan Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kita pegang dan pada masa yang sama, ayuh kita lihat ke hadapan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin bawakan beberapa perkara di sini. Berdasarkan kepada keadaan Johor yang maju ke hadapan. Yang dilihat sebagai pemimpin dalam negara ini. Kita berhadapan dengan masalah soal air. Tetapi realitinya kita menerima air sepanjang tahun. Alhamdulillah. Tetapi masih lagi berhadapan dengan masalah. Mari kita berfikir sejenak tentang potensi-potensi yang ada dalam negeri kita ini. Bagaimana dengan potensi penggunaan. Bagaimana dengan potensi menggunakan air bawah tanah. Saya dimaklumkan bahawa pihak kerajaan pada satu ketika telah menyatakan bahawa ada kemungkinan besar, penggunaan tanah, menggunakan air tanah ini boleh digunakan dalam negara kita. Justeru itu, kita berharap pihak kerajaan akan membuat kajian secara komprehensif yang melibatkan ujian pengepaman untuk tempoh yang panjang bagi mengenal pasti kadar hasil selamat telaga-felaga yang kita kenal pasti.

Pihak Kementerian pernah menyatakan pengambilan air bawah tanah sebagai sumber air alternatif boleh dilaksanakan. Jadi bagaimana di negeri Johor ini? Adakah kita pernah melalui, telah melakukan kajian? Kerana apa yang telah dijalankan di negeri Johor, saya dimaklumkan adalah di kawasan lembangan Muar. Cuma tak tahu sejauh mana, apakah ia benar-benar dilakukan? Kalau telah dilakukan kajian apakah kesannya? Dan apakah tindakan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan, NAHRIN di Johor. Dalam urusan ini, adakah ia dibuat ataupun tidak. Bagaimanakah dengan peranan JMG iaitu Jabatan Mineral dan Geosains kerana menurut penyelidikan Institut Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Air, UTM bahawa pihak JICA atau Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun telah jalankan kajian yang menunjukkan kadar hasil selamat untuk mengekstrak air bawah tanah di Malaysia adalah sebanyak 6 bilion meter padu untuk setahun.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat sila gulung.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamall (Semarang) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keadaan itu adalah bersamaan dengan 16,438 gls ataupun juta liter sehari. Dan, kesimpulannya dalam hal ini ianya adalah kurang daripada jumlah hasil selamat air bawah tanah di Malaysia. Dalam kata lain juga, jumlah penimbaan air tawar ini, di Malaysia boleh dipenuhi dengan penggunaan air bawah tanah. Justeru itu, saya harap kerajaan Johor, selangkah ke hadapan. Kita menerima hujan tahunan lebih kurang 971 bilion liter padu setahun. Dan kita harapkan masalah ini tidak berlaku. Realitinya dalam sejarah kita telah melihat bandar-bandar maju di dunia telah menggunakan air bawah tanah ini. Hamburg Munich, 100% dia bekalkan oleh air bawah tanah. Di Vienna 95%. Copenhagen 85%, Brassell 65%, di Lisbon, Portugal 55%, dan saya rasa tidak mustahil untuk kita lihat potensinya dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang kedua juga kita melihat bagaimana kita harus mencari apa yang dikatakan TBB ataupun Tenaga Boleh Baharu, dalam urusan kita mendapatkan tenaga. Potensi penggunaan tenaga angin kepada saya adalah satu perkara yang kita harus lihat sebagai tenaga boleh baharu untuk jana elektrik selain daripada solar, biomass, biogas, mini hidro dan geoterma yang ada. Kita harus terlibat dalam kajian pemetaan potensi angin, termasuk perkiraan mewujudkan kadar *feed in Paris*, ataupun FIP tenaga itu. Dah tiba masanya tak payah tunggu peringkat persekutuan, kita kena maju ke hadapan memulakan perkara ini, pihak kerajaan pusat telah mulakan setahun lalu. Kita kena ikut. Ia harus dibuat dan pihak SEDA, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia dengan menggunakan dana .... Amanah Industri Bekalan Elektrik (AIBE) telah pun dimulakan. Jadi, telah tiba masanya Johor juga harus melihat tentang potensi yang ada.

Kajian penciptaan kincir angin yang sesuai dengan situasi dan juga kelajuan angin dalam negeri Johor ini harus diambil kira. Dan kita harus lihat, tak kaji mana kita nak tahu. Projek penggunaan tenaga angin ini hanya jadi realiti bila kadar FIT berjaya ditetapkan. Ia adalah amat berpotensi tinggi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin membawa beberapa perkara di sini, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Antaranya adalah perkara-perkara berkenaan dengan pelumba-pelumba motosikal. Alhamdulillah baru-baru ini kita telah diberitakan, telah mendengar berita tentang kejayaan Adam Nourdin, budak Air Hitam duduk Parit Raja mewakili Malaysia, menduduki podium. Alhamdulillah. Kita melihat bagaimana dia berjuang menunjukkan semangat yang tinggi, seorang budak anak kampung. Saya tak ada motor besar, kerana saya tak ada mampu nak menolak motor besar dan tak mampu nak bawa motor besar. Tetapi pada masa yang sama, saya terlibat sebagai Presiden Motor Lasak Negeri Johor Darul Takzim. Berdasarkan kepada rekod yang ada, saya nak maklumkan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di Johor ini Tan Sri Speaker, Air Hitam telah

menjadi hab sukan permotoran sejak 8 tahun yang lalu. Terima kasih kepada Jabatan Belia Dan Sukan yang telah beri bantuan, yang konsisten bilangannya, tak tambah-tambah sejak 8 tahun yang lalu. Dan kita harap insya-Allah bertambah. Dan karnival ini, Karnival Sukan Permotoran ini melibatkan pelbagai-bagai aktiviti daripada *Cup Cross*, *Motor Cross*, daripada *Pocket Bike*, daripada *Go Kurt* sampai *Autoshow*, *Retro* dan sebagainya. Tetapi apa yang saya nak nyatakan adalah Adam Nourdin adalah salah satu produk daripada Karnival Sukan Permotoran Air Hitam yang telah 8 tahun yang lalu. (Dewan bertepuk).

Apa kerajaan telah pernah dalam kita berkenaan inklusiviti sukan motosikal? Sebab itu, saya nak maklumkan di kalangan 37 *rider expert motorcross* dalam Malaysia ini, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak maklumkan, 18 orang adalah anak-anak Johor. 18/38. Kenapa tidak kita melihat kepada potensi dan bakat-bakat yang ada ini. Mereka tak pernah menyusahkan kerajaan, tetapi mereka adalah pencinta dan aktivis motosikal yang harus diberi sokongan. Dan pada masa yang sama juga saya nak menyatakan, aktivis-aktivis *pocket bike*, motor kecil yang dipanggil *pocket bike*, yang dipanggil *mini bike* yang kecil tu, sekarang ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita ada 9 orang anak Johor. 9 orang anak Johor yang telah terlibat dalam *Cup Prix*, *ARRC*, *Asia Talent* dalam Malaysia. 9 orang. Dan lebih cantik daripada 9 orang ini, ada seorang budak perempuan yang terlibat dalam *Cup Prix* dan *ARR*.

Justeru itu, untuk membuktikan inklusiviti kerajaan, untuk melihat, menyokong agar sukan ini berkembang, saya harapkan apa salahnya sekali-sekala kita panggil mereka sekurang-kurangnya kalau kita dapat berikan mereka *jacket* ataupun *attire* untuk mereka dengan logo Muafakat Johor, satu je, sekali untuk mereka bawa, pakai di setiap perlumbaan, sekurang-kurangnya bendera dan logo Muafakat Johor akan terus terlekat oleh *rider-rider* kita yang membawa nama Johor dan semangat Johor yang ada ni Yang Berhormat Tan Sri Speaker..

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat, sila tamatkan ucapan.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Ya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya izin satu perkara lagi. Perkara penting. Di Semarang, ada satu projek KKLW. Kementerian...

**YB Tan Sri Speaker :** Saya tak dapat nak benarkan Yang Berhormat teruskan.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Ok

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat telah cakap setengah jam ni. Saya tak mahu, saya pilih kasih. Antara seorang dengan seorang yang lain, saya Speaker.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, diharapkan.

**YB Tan Sri Speaker :** Soalnya, jadi saya tahulah Yang Berhormat banyak hujah, tapi saya terikat dengan Peraturan kita. Seorang Ahli tak lebih 20 minit. Itu yang kita jalankan selama hari ini.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Ya

**YB Tan Sri Speaker :** Jadi tak ada pilih kasih di depan saya ini. Jadi saya minta Yang Berhormat berhentikan ucapan. Dah setengah jam dah.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih di atas nasihat dan mudah-mudahan Ahli Dewan ikut kata Yang Berhormat Tan Sri Speaker seperti saya buat. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya menyokong apa yang dibawa oleh Tanjung Surat.

**YB Tan Sri Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Semarang. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Kukup.

**YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Muafakat Johor. Pertama-tamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker yang membenarkan Kukup untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Sempena Perasmian Dewan Undangan Negeri Johor Penggal Yang Keempat yang telah disempurnakan oleh Yang Maha Mulia Duli Tuanku.

Keduanya, Kukup nak ucap juga terima kasih ini kepada Skudai. Ya lah, selama ini macam pernah dengar perkataan auta, tapi tak tahu plak Kukup apa makna auta. Jadi, bukalah dalam Kamus Dewan, jumpalah satu makna, auta itu bermaksud satu perkataan yang tinggi tapi kosong ataupun temberang. Jadi, kalau nak kaitkan balik apa yang diceritakan oleh Skudai yang mengatakan kerajaan ini adalah auta semasa jadi kerajaan dan menjadi pembangkang pun auta, puas jugalah dirujuk di sana di sini, kat mana tu yang dinamakan auta. Pasal sebagai sebuah kerajaan, sudah barang tentu apa yang kita cakap itu akan dicatat. Sudah barang tentu apa yang kita buat itu, diaudit. Jadi mana mungkin kita boleh mengauta-autakan sesuatu berbanding dengan pembangkang. Dia boleh auta kan apa sahaja di bawah langit ini, pasal dia tak perlu bertanggungjawab dengan apa percakapannya. Tapi hari ini, Kukup nak membuktikan satu prejudis yang melampau dan juga raja kepada segala auta yang telah dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Skudai.

Pertamanya, bila beliau menyebut bahawa ini analisa saya, sebab kalau kita ikut jumlah besar wang haram iaitu *illicit financial flow* oleh wang rasuah yang dikeluarkan oleh penjawat awam atau cukai yang dielakkan oleh pihak tertentu ataupun wang dadah yang dikeluarkan daripada negara ini walaupun sedunia dari jumlah besar adalah nombor 5. Beliau merujuk kepada satu report yang telah diambil daripada kajian yang melibatkan *illicit financial flow* oleh *Global Financial Integrity*. Saya kod kan balik apa yang beliau dapati, bahawa dalam itu memang dia tulis dalam itu Malaysia tempat kelima, tempat pertama itu China, diikuti oleh Rusia, Mexico, India dan Malaysia tempat kelima. Kemudian dalam ulasan itu, beliau mengaitkan pula dengan jumlah penduduk. Jadi seolah-olah Malaysia yang jumlah penduduknya tak ramai ini, merupakan satu negara yang sangat dahsyat, di mana katanya setiap warganegara itu sekitar RM5,336.00 adalah merupakan wang haram. Jadi, saya amat terkejut dengan *figure* ini. Jadi saya pun merujuklah kepada *report* yang di mana beliau dapat *report* itu.

Sebenarnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, *report* ini sebenarnya telah ditulis oleh seorang ataupun institusi ini telah diwujudkan oleh Ramon Baker pada tahun 2006. Ianya mengandaikan bahawa mana-mana negara yang terlibat dalam wang haram ini akan memasukkan duit dalam *Bank Of Amerika* ataupun mana-mana bank yang berkaitan dan mengandaikan kajian-kajian itu melihat daripada transaksi kewangan. Beliau juga merujuk sebenarnya transaksi kewangan itu dengan andaian, sama ada merupakan wang dadah ataupun pengimport yang cuba melarikan cukai dari GST ataupun VST ataupun *corruption* ataupun perdagangan manusia ataupun juga *terrorist*. Ini hanya kajian beliau dan sebenarnya kajian ini tidak berbentuk ilmiah. Tetapi, yang saya sangat hairan kenapakah Skudai mengambil fakta ini untuk mengaitkan dengan Malaysia seolah-olah kita ini satu negara yang menjadi pusat kepada segala sumber aktiviti wang haram.

Hujah saya, pertama mekanisme itu kita boleh ragui, tak ada banyak negara pun yang merujuk kepada negara ini, sumber ini untuk menjadikan asas kerana segala fakta yang dikemukakan itu adalah satu kaedah untuk menjatuhkan negara yang berdagang atau juga menjadi pencabar terdekat kepada Amerika, jadi itu dia letakkan China di nombor satu. Dan diikuti oleh Rusia. Ini Negara-negara yang tidak *favour* tidak menjadi ancaman kepada ekonomi Amerika. Jadi ini adalah satu teknik untuk *discredit* negara-negara ini. Tetapi, kenapa kita di Malaysia ada warganegara kita sanggup mengambil dana ini untuk memanipulasi dan seolah-olah nak menunjukkan negara kita sangat tidak baik.

Yang keduanya, kalau wang haram diangkut dalam beg, katalah orang dadah, 20 juta, 20 bilion, siapa yang tahu? Macam mana ada orang boleh tahu bahawa wang haram ini beralih dan diangkut secara tunai ini dan dia tahu itu ialah wang haram? Mana mungkin wang haram itu orang dedahkan. Jadi banyak fakta-fakta itu secara ambilan.

Yang ketiganya, kalau kita lihat, mana mungkin ada negara yang tidak langsung terlibat dengan pengendalian wang haram? Kerana kalau menurut laporan ini, saya merujuk juga, sebenarnya ada banyak negara. UAE kosong. Tak kantah UAE langsung tak terlibat dengan wang haram. Uzbekistan, Tajikistan, Myanmar, Pakistan, Mongolia, Congo dan lain-lain, adakah negara ini langsung tidak terlibat dalam wang haram? Tidak ada orang lari cukai langsung. Tidak ada langsung orang dadah, tidak ada langsung perjudian dan sebagainya. Tidak ada langsung rasuah. Mana mungkin perkara ini berlaku Tan Sri Speaker. Jadi, bila kita ambil data itu kita kena bertanggungjawab dengan data yang kita ambil. Jadi kalau itulah niatnya, saya pun pelik, auta apakah yang nak di bawa dalam Dewan kita yang mulia ini. Jadi itulah agaknya kita lihat negara China ini dimusuhi sangat oleh negara yang mengeluarkan report ini. Agaknya jadi itu bila ada masalah, kenapa sahabat kita ini tidak pergi ke China, kenapa pergi ke Taiwan? Tak tahulah tuan-tuan fikir. Yang Berhormat sekian fikirkanlah mungkin jawapannya.

Yang keduanya, saya sangat tidak berpuas hati, sangat terpenggil untuk menjawab hujah yang dibentangkan juga oleh Yang Berhormat Skudai mengenai cuba menjatuhkan imej Johor Corporation. Semua tahu Johor Corporation ditubuhkan 1968, sekitar 48 tahun dahulu, tidak lain tidak bukan telah menyumbangkan begitu banyak ekonomi dan juga sumber pendapatannya secara langsung kepada kerajaan. Kita lihatlah perubatan, sektor perubatan dan juga farmaseutikal kita adalah antara yang terhebat dalam negara kita. Bukan sahaja dalam negara, kita malah pergi luar negara tapi saya tak faham kenapa Johor Corporation kali ini jadikan sasaran. Dan kalau ada fakta itu, kita boleh terima. Tapi ini fakta dia kelakar, sangat lucu. Pasal bila cerita pasal ekonomi dan *accountancy* saya kenalah jawab. Pasal sekurang-kurangnya saya ada maklumat mengenai ekonomi.

Bila kita cerita tentang *gearing ratio* nak membandingkan antara liabiliti dan juga aset. Ia akan merujuk pengiraan senang, *total* liabiliti ataupun jumlah tanggungan kita bahagi dengan jumlah harta ataupun aset kita. Kalau jumlah itu kurang daripada 1. Bermaksud aset kita banyak. Bila-bila masa kita boleh bayar hutang, tak ada isu, tak boleh bayar hutang. Jadi beliau juga menunjukkan bahawa Johor Corporation kalau dalam ayatnya ialah sekarang kurang daripada 1 iaitu 0.67, baguslah. Apa masalah, kurang daripada 1. Maksudnya aset kita lebih banyak daripada liabiliti. Saya merujuk daripada verbatim...

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Tan Sri Speaker, merujuk kepada Peraturan Tetap 45 (13), tolong berikan laluan untuk saya memberikan jawapan terhadap tuduhan..

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak minta Yang Berhormat Tan Sri Speaker bertegas sikit. Masa Skudai berucap, Kukup tak sentuh pun.

**YB Tuan Haji Suhaimi Salleh (Kukup) :** Ini masa untuk saya bercakap. Saya merujuk daripada verbatim...

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Sebab Yang Berhormat tuduh memberikan maklumat sesat kepada Dewan ini...

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Skudai sila duduk. Jemput.

**YB Tuan Haji Suhaimi Salleh (Kukup) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya merujuk kepada apa yang di cakap. Bukalah muka surat 50 verbatim kita pada hari kedua kita punya Persidangan. Saya rujuk satu-satu percakapan beliau. Beliau cakap, mana kemampuan membayar balik hutang ini yang paling lemah oleh Johor Corporation, nisbah aset semasa dengan liabiliti semasa adalah kurang daripada 1. Bila kurang daripada 1 bagus. Tanyalah mana-mana pakar ekonomi, *accountancy*, *accountant*. Manalah, rujuklah, betullah tu. Kalau kurang daripada 1 bagus. (Dewan bertepuk). Kenapa itu nak dibesarkan, yang mengatakan pula disebabkan inilah kata dia, ada udang di sebalik batulah sebagainya. Saya cukup hairan dan saya cukup pelik kenapakah perkara yang tidak ada isu ini nak dimanipulasikan? Tidakkah ini juga dinamakan auta. Auta, ada fakta dipusing-pusing. Autalah tu namanya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Saya terpaksa bercakap perkara ini pasal saya sedih dalam kita nak merencanakan aktiviti ekonomi kita, dalam kita nak lihat Johor berkemajuan, dalam kita nak membawa Johor ini maju, kenapa masih ada segelintir warganya yang ingin melihat kita terus ke belakang? Segala kebajikan kita, kejayaan kita ini cuba di perkecilkan. Diberitahu kepada orang-orang luar mengatakan bahawa kita ini lemah, kita ini bankrap dan sebagainya. Kalaulah kita mempunyai jiwa yang besar dan sesungguhnya Kukup berjiwa besar, kita ingin hidup dalam negeri Johor ini lagi. Kita ingin lihat anak cucu kita membangun bersama Johor. Nah, kepada yang tidak berjiwa besar ini, kalau anda profesional sangat, kalau anda hebat sangat, pintu kita sentiasa terbuka, pergilah di luar negara, taburlah bakti anda di sana. Jangan gugat kami yang ingin menabur bakti di bumi kami ini. (Dewan bertepuk). Jangan gugat kesetiaan kami kepada negara kita. Jangan gugat kemuafakatan kami yang ingin melihat kita terus maju. Jadi janganlah gunakan data yang separuh masak atau data yang anda tidak fahami nak menunjukkan seolah-olah kita ini tidak bagus. Nak menunjukkan kepada dunia kita ini tidak hebat. Nak mewartakan kepada seantero dunia, bahawa janganlah datang ke Malaysia. Janganlah melabur ke Malaysia sesungguhnya negara ini korup dan sebagainya. Sangat tidak patriotik orang-orang yang bersifat demikian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, begitu juga isu air. Ya, kita tahu dibangkitkan oleh Mengkibol bahawa penawaran permintaan itu menentukan sebenarnya bekalan air dan buat masa ini kita mengatasi di sudut penawaran kita pastikan kita dapat mengeluarkan air yang secukupnya dan sebagainya. Ini inisiatif-inisiatif kerajaan. Tapi beliau juga mencadangkan, bagus cadangan kita juga fikirkan macam mana supaya permintaan itu kita dapat atasi jangan terlampau tinggi permintaan dan penggunaannya. Tapi, kalau kita lihat balik tidakkah dengan penggunaan tarif yang berbeza itu kerajaan telah adalah untuk mengawal tingkah laku rakyat supaya berhema dalam menggunakan air. Sudah barang tentu kalau kita guna air untuk sewenang-wenangnya akan tinggilah tarif ikut *fiers* nya itu. Jadi inilah satu kaedah yang paling sebenarnya strategik yang paling betul dalam kita nak mengawal tingkah laku penggunaan air. Tapi kalau orang tetap nak



membazir juga, apa yang mampu kita buat. Jadi, itu kempen-kempen itu adalah yang terbaik. Tapi kalau cakap kita nak kena buat sesuatu. Kalau semua perkara kerajaan kena buat. Dahlah kita kena menyediakan perkhidmatan, permintaan pun kita nak kawal. Barang pun macam tu juga. Mana mungkin satu negara boleh kawal semua penawaran dan permintaan sesuatu produk ataupun sesuatu utiliti itu. Jadi, kalau kita nak bercakap itu kadang-kadang kita bagilah idea-idea yang terbaik. Jadi, saya sokong idea-idea yang baik daripada rakan-rakan saya yang lain.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di sini saya ingin membawa dan juga men cadangkan beberapa perkara. Kalau kita lihat apa sahaja polisi mahu pun kadar-kadar bantuan yang telah diberikan oleh agensi-agensi kerajaan terhadap rakyat sepatutnya ianya mestilah bersifat progresif. Progresif, selari dengan peningkatan perubahan ekonomi di dalam negara kita. Ia tidak perlu menunggu tempoh yang panjang untuk melakukan perubahan kadar kerana sekiranya bantuan yang diberikan adalah dalam kadar yang minima untuk tahun ini bermakna 2 atau 3 tahun akan datang, mereka juga akan jatuh lebih miskin ataupun lebih susah dengan nilai bantuan yang kita berikan.

Saya ambil contoh pendekatan macam ini. Kadar inflasi dalam Malaysia sekitar 3.5% setahun. Seandainya kalau kita memberikan bantuan RM100.00 sekarang kemudian 10 tahun lagi baru kita naikkan kadar itu maksudnya orang yang menerima bantuan kita RM100.00 sekarang ini, 10 tahun akan datang dia sebenarnya hanya menerima sekitar 50% sahaja ataupun RM50.00 sahaja, nilai benar bantuan yang kita berikan. Jadi itu kalau kerajaan ingin membuat polisi, jangan terlalu lama, ya. Kalau boleh setiap tahun buatlah satu kadar yang progresif supaya manfaat itu diterima oleh rakyat dan rakyat tidak terasa terbeban.

Justeru itu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Majlis Agama Islam yang telah mengubah banyak kadar-kadarnya terutamanya baik pulih rumah daripada dahulu RM11,000.00 sehingga sekarang RM40,000.00. Begitu juga dengan bantuan-bantuan baju sekolah, makan, makanan sihat dan juga bantuan melanjutkan pelajaran ke IPTA. Ini satu findakan yang sangat proaktif dan ini sangat-sangat membantu rakyat.

Begitu juga dengan perumahan rakyat kita lihat oleh KKLW, kalau dahulu diperkenalkan pada tahun 2001 baru RM10,370.00, masa-masa diperkenalkan. Tetapi sekarang pun jumlahnya dah pun RM40,000.00 dan kita mengharap juga jumlah ini akan meningkat daripada masa ke semasa dan dibuat satu dasar ataupun kadar yang progresif. Tapi perkara ini nampaknya tak begitu berlaku sangat di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kerana kalau kita lihat memang ada peningkatan, contohnya, bantuan daripada 2005 sehingga sekarang. Ada bantuan-bantuan yang berupa contohnya, yang diperkenalkan pada tahun 2002, bantuan yang diberikan adalah RM100.00 untuk bantuan kepada kanak-kanak sekolah. Tetapi sehingga sekarang nilainya tak berubah. Jadi kalau dah lebih 10 tahun itu, sebenarnya RM100.00 itu tidak sangat, tidaklah sangat menolong anak-anak yang menerima bantuan. Sepatutnya wajarnya, jumlah ini haruslah diubah tahun demi tahun ataupun mungkin 2 tahun sekali dan sebagainya.

Begitu juga dengan bantuan anak-anak cacat juga sudah lama tidak berubah dan kalau berubah pun kadar perubahannya itu tidak melebihi kadar inflasi kita. Maksudnya katalah kadar inflasi negara kita sekitar 3.5%. Pasal inflasi ini kita tidak boleh kawal sepenuhnya. Sebagaimana Yang Amat Berhormat Menteri Besar utarakan tadi masa soal jawab, mengenai isu kemampuan dan juga sara hidup di dalam negeri Johor ini. Pasal inflasi ini mahu tidak mahu kalau ikut trend memang kita akan meningkat, akan berubah setiap tahun sekitar 3.5%. Lebih-lebih lagi di Johor kita dekat dengan Singapura. Jadi, harga barang itu akan naik. Itu tidak boleh disangkal dan tidak boleh dinafikan. Tapi seharusnya kadar yang kita naikkan itu, kalau kita naikkan pun selepas 5 tahun sepatutnya mesti



melebihi kadar inflasi itu. Supaya orang yang menerima kadar itu tidak terjejas. Dan kalau boleh, saya ingin mencadangkan sangat-sangat kadar itu buatlah dalam bentuk progresif. Maksudnya kita buat kertas kerja, kita approve kan sekali, kita luluskan sekali. Bermula daripada tahun ini contohnya, setiap pemberian itu, setiap tahun naikkan 5%. Jadi tak payah kita buat kerja, ataupun 5 tahun sekali, 3 tahun sekali, kita kena buat kertas kerja baru. Tak payah. Automatik kita tahu bantuan kepada orang miskin, orang susah ini, anak-anak sekolah ini akan naik 5% setahun. Jadi, anak ini tidak perlu menunggu 5 tahun ataupun 10 tahun untuk terpaksa susah dahulu baru dapat sama dengan apa yang dia patut dapat pada ketika itu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya ingin mengupas di dalam Dewan yang mulia ini berkenaan isu penyambungan bekalan elektrik. Untuk makluman, bagi penyambungan elektrik di rumah, di kampung atau di bandar contohnya, deposit yang dikenakan ialah RM250.00. Penyambung atau caj penyambungan RM447.00. Kadar ini sama untuk orang kampung atau orang bandar. Caj juga dikenakan sama kepada orang kampung dan orang bandar. Cuma bezanya di bandar, di taman-taman perumahan, bila kita beli satu rumah atau kita dapat rumah, tiang elektrik itu dekat. Kita bayar sahajalah tadi RM250.00 dan RM447.00 dapat elektrik. Dan kita tahu juga biasanya orang bandar yang ada rumah sendiri, mereka ini tergolong dalam golongan orang yang lebih berada daripada orang kampung.

Tapi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang saya nak bawa ini nasib orang kampung. Orang kampung mana ada rumah betul-betul tepi jalan. Kadang-kadang rumah aje dua lapis, tiga lapis daripada jalan utama. Dan jaraknya kalau nak sambung talian elektrik itu mungkin 10 tiang, mungkin lebih daripada itu. Tetapi yang peliknya, bila orang kampung nak sambung elektrik, dia dapat percuma tiga saja. 3 tiang, kalau 10 tiang tu, 7 tiang dia kena beli. Dahlah dia kena bayar deposit, dahlah dia kena bayar caj penyambungan. Dia kena bayar pula satu tiang itu RM200.00 dan kita juga tahu orang kampung ini susah. Orang kampung ini susah. Janganlah lagi disusahkan dia. Jadi saya berjumpa banyak kes macam ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, nangis dia anak beranak jumpa saya. Kata dia, gaji dia cukup hanya untuk makan. Nak dapatkan penyambungan elektrik itu dah 3 tahun dia menabung tidak mampu dia nak menyambung bekalan elektrik untuk rumah dia. Nasib baiklah pada ketika itu kita ada mungkin duit sedikit sebanyak mungkin kita bantu, kita kumpul rakan-rakan kita bantu.

Tetapi banyak kes-kes seumpama ini. Tidak bolehkah syarikat-syarikat yang besar ini, yang anda ini monopoli dan juga sebenarnya menjadi wadah kepada kerajaan membuat *cross subsidized*. *Cross subsidy* ini boleh dilakukan pasal bila kita buat rumah di taman-taman perumahan. Semuanya pemaju kena sediakan daripada *substation* nya, *wiring* nya pemaju tiang elektrik semua pemaju sediakan dalam bentuk caj ataupun *contribution*. Sumbangan tadi itu. Pemaju dah buat. Kenapa tidak bila kita sebagai penyedia *service provider* kita dah dapatkan kemudahan itu di bandar, bagilah sedikit, bagilah sedikit itu kepada orang kampung. Bagilah mereka percuma, berapa tiang bagi ajelah. Kerana sebenarnya tuan-tuan, maaf saya Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kerana sebenarnya inilah jasa, inilah juga sebenarnya yang diperlukan dan dikehendaki oleh rakyat kita sekalian.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat sila gulung.

**YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Jadi bila cerita tentang TNB ini, saya juga tengok laporan kewangan ini, dahsyat juga keuntungan syarikat ini. Besar juga bonus-bonus diberikan kepada kakitangan. Kenapa tidak, bukan pada angkanya itu kita banggakan. Bukan keuntungannya itu kita banggakan. Kurangkanlah keuntungan dia tapi bagilah pada keuntungan rakyat jelata.

Inilah yang kita tuntut Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kalau kita dah pasal TNB, Syarikat Air Johor juga tak terlepas juga. Pasal ceritanya sama. Dia ada jumlah panjang tertentu sahaja yang diberikan meter, selebihnya daripada itu terputanglah kepada orang itu sendiri, orang kampung itu sendiri, pasang paiplah, pasang buluhlah untuk sambung sampai rumahnya. Jadi kita pun tengok juga kewangan Syarikat Air Johor. Ada untung. Jadi mungkin boleh difikir-fikirkan Yang Berhormat EXCO supaya kita fikirkan, kita bantu rakyat dalam negeri Johor ini yang rumahnya berlapis-lapis jauh nun di belakang, nak masukkan air itu kita permudahkanlah. Kalau tidak nak masukkan air dengan RM1,300.00, nak beli paip lagi, mana mungkin nelayan, petani yang miskin ini mampu mencari duit sedemikian banyak untuk mendapatkan bekalan air bersih di tempat masing-masing.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih pada pihak kerajaan, ini *point* terakhir sedikit, dua tiga minit sahaja kerana telah memilih kawasan saya sebagai hab kepada ekopelancongan. Justeru itu, ramailah orang kampung yang akan merasai suasana baru dengan mengambil peluang sekiranya projek ini terlaksana. Sebagai contoh, nelayan bukan lagi bertindak sebagai nelayan tetapi dia adalah nelayan dan juga menjadi pemandu pelancong dan akan mendapat pendapatan yang jauh lebih besar kalau dia menjual hasil tangkapan. Tapi malangnya, tunggu punya tunggu bila dilaksanakan, dicanang-canangkan tiga tahun lepas macam tak nampak mana keraknya, macam tak nampak mana gerakannya. Jadi saya mohon, rakan-rakan saya daripada ketua-ketua jabatan yang berkenaan melihat perkara ini. Pasal kita dah kumpul dah orang kampung. Kita dah buat dah operasi. Kita tengah tunggu apa aktiviti seterusnya. Jadi kalau kita dah menyediakan satu pelan yang begitu cantik, kita jalantah. Janganlah tunggu lagi. Janganlah dihirau lagi cakap-cakap mungkin dari pihak pembangkang yang selalu ingin menarik kain kita, menarik hujung seluar kita supaya melambatkan perjalanan kita. Janganlah lagi dengar komen-komen dia. Bila dia menolak kita dengan harapan seolah-olah kita ingat dia nak suruh kita laju sebenarnya dia nak suruh kita jatuh. Jadi dengarlah cakap Wakil Rakyat sebenarnya daripada Barisan Nasional pasal apa yang kami cakapkan ini sebenarnya sangat ikhlas lahir daripada lubuk hati kami, lahir daripada pengalaman kami melihat kesusahan orang-orang di bawah sana. Jadi sesungguhnya apa yang kami cakap ini adalah untuk memperjuangkan khidmat bakti kami kepada rakyat yang kami wakili.

Jadi sebagai memenuhi amanat dan juga memenuhi tanggungjawab sebagai Wakil Rakyat yang berhemah, diarahkan berhenti maka saya juga dengan ini menyusun sepuluh jari untuk memohon maaf kiranya kata-kata saya ada yang melukakan sesiapa sahaja dalam Dewan ini, kerana apa yang kita percakapkan ini macam saya cakap tadi menjadi tanggungjawab kita. Kalau kita tegur mungkin dalam bahasa yang berbeza, terimalah teguran itu. Dan, kalau boleh terlanjur Johor ini sedang bergerak ke arah membawa rakyatnya ke arah Johor Berkemajuan. Negerinya, ke arah negeri berkemajuan di mana kita hendak nanti, rakyatnya moden pemikiran, rakyatnya hebat daripada sudut ekonominya, baik akhlaknya, kenapa tidak kita sambut cara beramai-ramai Gagasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini. Jadikan ia sebagai gagasan bersama sebagaimana anda pegang sepanduk menggalakkan kita mendapatkan bas percuma seluruh negeri Johor. Kenapa tidak bersama-samalah rakan-rakan saya di barisan sama, kita sama-sama majukan Johor ini ke arah Johor berkemajuan supaya rakyat Johor ini berakhlak mulia, ekonomi Johor ini menjadi ekonomi mampan. Sekian Kukup mohon menyokong. (Dewan bertepuk)

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Kukup. Ahli-Ahli Yang Berhormat, tamatlah sudah kita dalam usul Menjunjung Kasih pada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih

kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan selama empat hari. Sebagai Ahli Dewan, mengambil bahagian di Dewan ini adalah satu tugas yang utama dan saya ucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Begitu juga saya nak ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai kerajaan yang bersama-sama Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini yang berperanan mengambil berbagai perkara untuk tindakan selanjutnya. Jadi jasa pegawai-pegawai kerajaan kita ini amat tinggi dan kita ucapkan terima kasih.

Besok ialah jawapan daripada Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa. Saya berharap kita semua akan dapat bersama-sama hadir dan memberikan perhatian di atas segala jawapan yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa sebagai tindakan mereka bagi menjawab segala apa yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini sehingga hari esok, Khamis 21 April 2016 jam 9.30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 3:30 petang.**

**HARI KEENAM**

**HARI KHAMIS,  
21 APRIL 2016**

*Mesyuarat Pertama (Pembukaan Rasmi)  
Bagi Penggal Persidangan Keempat  
Dewan Negeri Johor Yang Ke-13*

**PENYATA RASMI**  
**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)**  
**BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**  
**DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KEENAM**

**KHAMIS, 21 APRIL 2016**

**BIL. 11 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.  
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI, PSI  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyananthan a/i Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSl.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSl.  
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.  
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SMIJ., SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.  
(Permas)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)



**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.**

**YB Tan Sri Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim (Bacaan selawat). Salam sejahtera, Salam Muafakat Johor, selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, mudah-mudahan persidangan kita pada hari ini dapat kita jayakan bersama-sama. Selepas soalan lisan, kita akan mendengar penggulungan perbahasan daripada Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan yang ada di negeri Johor ni, seramai 10 orang. Mudah-mudahan kita akan dapat ikuti satu persatu jawapan-jawapan yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi tersebut. Jemput.

**Jurutulis : SOALAN LISAN.**

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Serom, jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Razak bin Minhat (Serom) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Bagaimanakah Perancangan dan Strategi *Johor Halal Super Corridor* menerusi pembangunan pusat penyelidikan dan pembangunan produk dapat menggiatkan lagi perkembangan inisiatif Bio-Ekonomi Negeri Johor.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, *Johor Halal Super Corridor* sepertimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Serom itu sebenarnya belum wujud. Apa yang kerajaan negeri sedang bangunkan adalah *Johor Halal Park* yang bertempat di Cahaya Baru, Pasir Gudang. *Johor Halal Park* pada awalnya merupakan inovasi kepada cadangan *Johor Biotech Park* yang dicadangkan oleh J-Biotech berikutan potensi perkembangan bio-teknologi yang begitu pesat. Namun begitu, menyedari permintaan pasaran dalam industri halal begitu luas, J-Biotech dan *UM Land* telah mengambil langkah ke hadapan bagi menaikkan negeri Johor sebagai salah satu negeri yang bukan sahaja berkembang dari sudut bio teknologi tetapi juga dalam bidang industri halal. Di dalam *Johor Halal Park*, J-Biotech memainkan peranan bagi menggalakkan industri bio-teknologi di samping membangunkan makmal untuk program pembangunan dan penyelidikan termasuklah pembangunan produk halal di samping menjadi pusat setempat bagi menyelaraskan pengiktirafan serta pensijilan produk halal.

Potensi perkembangan dan keperluan bagi analisis halal di negeri Johor turut mendapat sokongan daripada kerajaan negeri-melalui Majlis Agama Islam Johor menerusi pinjaman sebanyak RM15 juta bagi bajet tahun 2016, yang memberi tumpuan dalam pembangunan makmal halal. Pembangunan *Johor Halal Park* yang berkeluasan 350 ekar dibangunkan sebagai taman industri bersepadu terutamanya dalam pengurusan polisi, perkhidmatan dan pengurusan pengilangan, pembuatan dan pemprosesan produk termasuk makanan, kandungan dan perisa, kosmetik, makanan haiwan, ubat-ubatan dan vaksin, farmaseutikal, perbankan dan logistik.

Pada 18 Februari yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bersama saya sendiri telah menjadi saksi pada Majlis Menandatangani Perjanjian Usaha sama antara J-Biotech dan Tentu Teguh Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat milik penuh *UM Land* bagi pembangunan *Johor Halal Park* ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, *Johor Halal Park* merupakan pembangunan inkubator, makmal penyelidikan, makmal pembangunan dan inovasi produk dan makmal komersial halal yang merupakan usaha sama antara Majlis Agama Islam Negeri Johor dan J-Biotech. Sebelum saya pergi jauh, dalam menjawab soalan yang diutarakan, saya ingin berkongsi sedikit mengenai bio-ekonomi. Kita perlu faham, dulu apa yang dimaksudkan dengan bio-ekonomi. Bio-ekonomi adalah aktiviti ekonomi yang mengolah sumber daya alam dan boleh diperbaharui sama ada dari punca daratan mahupun lautan untuk dijadikan sebagai bahan makanan dan kegunaan manusia, makanan ternakan, tenaga serta bahan bakar industri. Perkembangan ilmu bio-ekonomi pada masa ini kita lihat semakin pesat. Bio-ekonomi juga dilihat salah satu sektor yang boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi negeri Johor. Lanya dapat dilihat daripada inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan seperti program bio SME yang memberi penekanan kepada pembangunan usahawan sedia ada dan baru dalam industri bio teknologi. Program ini telah dilancarkan pada tahun 2015, di mana seramai 10 usahawan telah dibangunkan dalam perusahaan kecil dan sederhana di peringkat hulu seperti penternakan serta di peringkat hiliran seperti pembuatan produk makanan.

Selain daripada itu, turut diperkenalkan juga ialah Program *Bio Talent* Johor bagi pembangunan modul insan dalam bidang bio-ekonomi. Merujuk kepada rekod tahun 2015, seramai 1,813 orang telah dilatih melalui Program *Bio Talent* ini untuk memenuhi keperluan 17 buah syarikat dalam sektor bio-teknologi yang berasaskan bio di negeri Johor ini. Manakala seramai 2,000 orang lagi akan dilatih dengan penglibatan sebanyak 20 buah syarikat pada tahun 2016.

Secara keseluruhannya, bidang bio-ekonomi di negeri Johor turut berjaya menarik pelaburan dalam sektor bio teknologi dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM670 juta bagi tahun 2015 dan penambahan RM700 juta lagi pada tahun ini. Peranan J-Biotech melalui bahagian penyelidikan dan pembangunan adalah memberi khidmat nasihat antaranya menambah baik produk sedia ada, membuat analisa produk, pembangunan produk dan formulasi baru serta analisis halal. Makmal yang akan dibangunkan di *Johor Halal Park* ini akan memberi perkhidmatan bukan sahaja kepada bio SME yang disasarkan tetapi juga memberikan khidmat kepada pemain industri di *Johor Halal Park* dan seluruh pelosok negeri Johor. Perkhidmatan ini dilihat bakal memberi nilai tambah kepada bio ekonomi negeri Johor dalam meningkatkan piawai produk untuk dipasarkan.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput, Serom.

**YB Tuan Haji Abd. Razak bin Minhat (Serom) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO yang memberikan jawapan, yang benarlah bahawa Johor adalah peneraju bio-ekonomi Malaysia. Dan, saya percaya dalam soal-soal perancangan dan strategi ini ia melibatkan perancangan jangka panjang dan jangka pendek seperti yang diterangkan melibatkan banyak kajian-kajian, penyelidikan dan sebagainya. Saya pasti dalam merencana perancangan dan strategi ini sukalah saya dengar kalau dapat soalan saya, apakah isu-isu dengan izin, yang kita *anticipate*, yang kita jangkakan dalam perancangan dan strategi menuju *Johor Halal Super Corridor* berkaitan dengan bio-ekonomi ini? Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya minta Serom betulkan sikit. Dia bukan *Johor Halal Super Corridor, Johor Halal Park*.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sepertimana yang saya katakan tadi bahawa *Johor Halal Park* ini diwujudkan selaras untuk mencakupi ataupun menggerakkan apa yang disebut sebagai bio-ekonomi dan juga isu halal di negeri Johor ini. Perkara tersebut tentang bio-ekonomi, sebenarnya bio-ekonomi ni baru diperkenalkan secara serius oleh kerajaan melalui *Malaysian Biotech Corp* pada 2012, di peringkat kerajaan pusat. Dan, kita di peringkat kerajaan negeri mula mengetengahkan soal bio-ekonomi ini pada tahun 2014. Di mana *J-Biotech* sebagai agensi yang mengambil langkah dan inisiatif untuk menggerakkan transformasi bio-ekonomi ini. So, oleh kerana ini merupakan satu bidang yang agak baru dalam negara ataupun negeri kita, maka ada beberapa isu yang dikenal pasti antaranya ialah soal kesedaran di kalangan masyarakat terutama sekali pemain-pemain ataupun usahawan-usahawan kecil sederhana ini. Kerana, antara bila, antara isu bila kita nak cari bio-SME yang sedia ada ini begitu sukar kerana mereka mungkin tak faham tentang apa itu bio-ekonomi dan sebagainya. Kemudian dari segi prasarana khususnya soal untuk membuat kajian, penyelidikan pun masih lagi belum ada tahap yang memuaskan sebab itu kerajaan negeri mengadakan inisiatif untuk mengadakan *Johor Halal Park* ini. Selain daripada itu, isu yang berkaitan dengan bahan mentah juga merupakan isu yang dikenal pastilah kalau nak menggerakkan isu bio-ekonomi ini.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya adalah mengenai desas desus yang mengatakan, kalau kita baca di *facebook*, desas desus yang mengatakan dedak ayam ni, yang mana diimport, hanya diimport ni, dia mengandungi campuran-campuran yang tidak halal, sebab itulah kita dapat lihat ayam ni 3, 4 bulan dah boleh dimakan. Jadi, dalam *Johor Halal Park* ini yang sebagaimana Pengerusi EXCO kata tadi, kita ada makmal halal. Bolehkah kita menggunakan makmal halal ini untuk buat kajian yang mana dedak-dedak yang diimport ni, kandungannya nanti boleh diisytiharkan sebagai benda-benda halal? Jadi, mungkin, saya tak tahulah, mungkin makmal halal ini belum beroperasi ataupun sebagainya. Tetapi adakah satu hari nanti kalau ianya sudah beroperasi boleh digunakan untuk kita menyelidik dedak-dedak makanan ayam ni, ni dedak juga ni supaya kita lebih terjamin dan boleh menjawab spekulasi yang tertera sekarang ini. Sekian, terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu dedak ni memang ada usaha-usaha yang dilakukan kerana bila cakap tentang makanan halal ini ada juga yang pertikaikan bahawa contohnya, ayam dia bukan hanya disembelih secara halal tetapi juga orang dah mula lihat dari segi pemakanan. So, di *Johor Halal Park* ni memang itu antara fungsi saya katakan tadi selain daripada menggerakkan bio-ekonomi juga sebab tu di selaras asalnya duluan saya katakan tadi ini merupakan inisiatif untuk *Johor Biotech Park*, tapi bila diselaraskan dengan isu halal ini maka digabungkan isu-biotech dan juga halal itu yang jadi *Johor Halal Park*. Jadi, dalam perkara yang dibangkitkan oleh Tanjung Puteri tadi, memang *Johor Halal Park* tidak ada masalah bila di dah dibangunkan. Cuma, *Johor Halal Park* ini sebenarnya sekarang ini dalam proses perancangan belum dibangunkan lagi. Seperti dijangkakan mungkin dalam masa terdekat baru dibangunkan.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Machap, jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 2.

Apakah syarat untuk membolehkan seseorang berceramah agama di Johor dan badan pemantauan bagi memastikan larangan tersebut berkuat kuasa?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Machap dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, berkaitan dengan tauliah penceramah untuk menyampaikan pengajaran agama di negeri Johor, adalah perlu diakui dari sudut keilmuannya dan telah melalui proses temu duga kelayakan yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri. Selain daripada itu, penceramah bertauliah juga perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri, di mana di antara syarat-syaratnya ialah:

1. Mengisi borang permohonan untuk mengajar dan memberikan syarahan agama yang boleh didapati borang ini di Pejabat Kadi daerah-daerah;
2. Melalui proses temuduga yang ditentukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor dan panel temuduga ini diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Mufti Negeri Johor serta dibantu oleh Kadi Besar Johor dan juga Kadi-Kadi Daerah; dan
3. Pemohon juga hendaklah mematuhi garis panduan sepertimana yang termaktub di dalam kaedah-kaedah mengajar dan memberikan syarahan agama tahun 1991 seperti berikut iaitu:
  - i. Memberikan penerangan dan dari sumber yang jelas dan kandungan syarahan dan ceramah hendaklah mengikut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam perkara-perkara akidah, syariat dan akhlak dan juga mengikut Mazhab Imam Shafie.
  - ii. Penceramah itu juga tidak boleh menyentuh kedaulatan dan kuasa-kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam Negeri Johor.
  - iii. Penceramah juga tidak boleh menyinggung perasaan mana-mana kaum yang menjadi penduduk di negeri ini.
  - iv. Penceramah juga tidak boleh menyentuh perkara-perkara khilafiyah ataupun fahaman yang boleh menimbulkan kekeliruan dan juga membawa perpecahan di antara umat Islam.
  - v. Tidak juga boleh menyentuh mana-mana politik kepartian.
  - vi. Hendaklah ia mematuhi fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Johor.
  - vii. Penganjur ataupun penceramah itu juga adalah bertanggungjawab sepenuhnya di atas perjalanan majlis yang dianjurkan.
  - viii. Majlis hendaklah bermotifkan dakwah dan atas tujuan agama semata-mata.
  - ix. Penganjur dan penceramah bersetuju dan patuh di atas peraturan yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor dan juga pihak-pihak berkuasa.

Selain daripada itu juga, badan pemantau adalah terdiri daripada warga kerja Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri Johor khususnya dan dibantu oleh seluruh warga kerja Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan daerah. Serta maklumat kerjasama daripada pihak Polis Diraja Malaysia, begitu juga maklumat daripada NGO's khususnya yang berkaitan dengan NGO's Agama terutamanya daripada Persatuan Ahli Sunnah Wal Jamaah Daerah dan juga di atas maklumat orang ramai. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker :** Ya Machap.

**YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) :** Terima kasih kepada YB EXCO Agama yang telah pun memberikan penjelasan berkaitan dengan syarat-syarat untuk membolehkan seseorang itu berceramah agama di Negeri Johor, termasuk badan pemantau yang memastikan syarat-syarat tersebut dipatuhi.

Soalan tambahan saya, beberapa bulan yang lepas Majlis Agama Islam Negeri Johor telah pun menyenaraikan 10 orang penceramah yang tidak dibenarkan masuk berceramah di Johor. Jadi kalau kita lihat senarai nama 10 orang itu, ada beberapa orang yang saya lihat merupakan selebriti agama yang hebat, di mana mereka berceramah di beberapa majlis, berceramah di negeri mereka masing-masing. Dan daripada ceramah itu tentunya orang boleh menilai fahaman mereka sama ada Ahli Sunnah Wal Jamaah ataupun mazhab apa yang mereka anuti. Jadi bila mereka disenaraihitamkan maknanya menimbulkan ketidakpuasan hati mereka mengapa mereka tak boleh masuk berceramah di Johor dan ini diviralkan dalam facebook, tentunya mereka ada pengikut dan menimbulkan seolah-olah macam sedikit kecelaruan mengapa tokoh-tokoh agama ini dilarang berceramah di Johor? Jadi, saya mohon penjelasan daripada YB EXCO apakah usaha ataupun tindakan kita, yang telah kita ambil sekurang-kurangnya menjelaskan kenapa mereka tidak dibenarkan dan juga meredakan ketidakpuasan hati penceramah ini. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Yang Berhormat Machap.

Sebagaimana yang saya maklumkan di bawah, saya sebutkan tadi peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh penceramah-penceramah ataupun mereka-mereka yang ingin mengajarkan agama di dalam negeri Johor, sebagaimana yang terkandung dalam kaedah-kaedah pengajaran agama tahun 1991.

Di antara mereka ini tadi, sebagaimana yang saya ditanyakan tadi, apakah isu-isunya? Saya ingat mungkin di kalangan kita, ada di kalangan mereka-mereka yang hadir di dalam majlis-majlis ilmu itu mungkin sebagaimana disebutkan tadi, yang boleh menilai fahaman yang dibawa oleh penceramah itu tadi. Sebagaimana yang saya ingin, dah saya sebutkan tadi bahawa nak tekankan lagi bahawa sebenarnya fahaman-fahaman yang dibawa oleh mereka ini-tadi, ada setengahnya penceramah yang memang tidak bersesuaian di negeri Johor. Yang bertentangan dengan apa yang telah pun dilaksanakan di negeri Johor. Yang kita faham bahawa hari ini, Mazhab Ahli Sunnah, akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi sudut akidah, syariat dan juga akhlakunya. Begitu juga kalau kita lihat dari segi penekanan, pengamalan dari segi amalan dalam Mazhab Imam As-Shafie ini, sebenarnya mazhab-mazhab yang lain boleh dilaksanakan. Tetapi apabila ada perkara-perkara yang saya katakan tadi, khilafiah ataupun yang diperbahaskan oleh ulama yang mungkin tidak dapat disampaikan oleh penceramah ini tadi atau penyampai ilmu agama ini tadi, ini yang akan menimbulkan kekeliruan.

Sebagaimana mereka, sebagai contoh ya, kita dah sesuai dengan amalan ini dalam Mazhab As-Shafie, maka dibahaskan satu-satu perkara itu dalam mazhab yang lain. Ini yang tidak sampai kepada kita pada hari ini sebagaimana yang saya katakan tadi, yang kita telah belajar pada hari ini, kita dah lebih fokus kepada cara pengamalan Imam As-Shafie, fahaman Imam As-Shafie dari segi sudut ibadah. Tetapi bila dah dicampuradukkan, dah ada fahaman-fahaman yang lain masuk dari segi pelaksanaan ibadah, belum lagi tentang akidah ya. Jadi inilah yang timbul pada hari ini, ada juga penceramah-penceramah yang menafikan tentang tauhid, sifat 20, yang memang di Negeri Johor ini telah sebatu tauhid sifat 20 tu dah ada dah, tetapi ada yang menafikan. Ada pula yang membawa tentang yang dikatakan tauhid uluhiyyah dan juga rububiyah. Ha... ini yang jadi kecelaruan, orang tak faham. Mereka pergi sekolah agama, anak pergi sekolah agama, belajar tauhid sifat 20. Bapa pergi masjid dapat tauhid rububiyah dan uluhiyyah, yang berbeza. Jadi ini yang kita lihat, balik duduk serumah. Anak cerita begini, bapak cerita begini. Jadi inilah saya katakan tadi pentingnya di Negeri Johor ini, kita dah serasi, bukan serasi dah selesa. Kalau dikatakan ulama yang terdahulu pun dah buat salah, kita dah lama menerima hukum Allah Subhanahu Wa Ta'ala disebabkan kesilapan kita. Tetapi apa yang kita amalkan pada hari ini, tak ada masalah, alhamdulillah.

Alhamdulillah ya... bahawa hari ini bagaimana kita menjaga agama pada hari ini, bagaimana yang kita dah laksanakan dari segi sistem pendidikan, pengamalan di masjid, pengamalan dalam masyarakat, kita tak mahu timbul. Orang nak bertahlil, kalau orang yang bertahlil itu satu ketika nanti, sampai satu peringkat mereka bukan bidaahkan mereka lagi, mengata mereka mengada-adakan malah mentaksirkan mereka, hah, ini yang jadi masalah dalam masyarakat. Orang nak bertalkin, sedangkan perkara ini perkara khilafiah, ulama lain pun ada yang membenarkan, ulama lain pun ada yang membicarakan dan mengharuskan, tak ada masalah. Tapi kalau kita hari ini tidak ambil keputusan bahawa kita tetapkan perkara ini menjadi masalah. Bukan tidak boleh dibahaskan akan pandangan-pandangan ulama yang lain, kita menerima pandangan ulama yang lain, tetapi kesesuaian yang ada pada hari ini di negeri Johor, inilah kaedah yang kita gunakan.

Sebab itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak menyambung sedikitlah maklumat tentang isu ini sebab mungkin sebelum ini saya hanya memberi penjelasan dan banyak juga orang-orang yang mengatakan saya ini seolah-olah menyekat dakwah. Ya... saya perkara kalau perkara yang salah dibawa masuk ke Negeri Johor, itu bukan dakwah, tetapi itu dakwah. Saya bimbang ini yang berlaku dalam negara kita khususnya Negeri Johor. Maka dengan sebab itu untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas terhadap kesalahan di bawah Seksyen 119, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 iaitu kesalahan mengajar agama Islam atau perkara-perkara tentang agama Islam tanpa tauliah dan mereka boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM5,000.00 ataupun pemenjaraan selama 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Walau bagaimanapun, ini *strength* kerajaan. Kerajaan akan menggunakan kaedah diplomasi terlebih dahulu dengan meminta pihak penganjur memohon bagi mengadakan majlis ceramah yang melibatkan penceramah tertentu melalui Pejabat Kadi Daerah. Dan sekiranya penceramah yang akan dijemput dari kalangan yang tidak jelas latar belakangnya atau mempunyai latar belakang yang meragui, penganjur akan diminta membatalkannya atau menggantikannya dengan penceramah yang lain. Kita tidak menyekat dakwah. Dakwah perlu diteruskan, ya. Jika gagal, penganjur gagal mematuhi arahan, barulah tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.

Dari tahun 2015, sebanyak 2 aduan berkaitan kesalahan mengajar tanpa tauliah telah diterima dan 1 fail siasatan telah dibuka. Manakala sehingga Mac 2016, sebanyak 4

aduan telah diterima dan 4 fail siasatan telah dibuka. Di mana jumlah orang yang terlibat dalam siasatan ini seramai 38 orang iaitu 5 orang penceramah dan 33 orang yang akan didakwa sebagai penyubahatan di bawah Seksyen 134, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor Tahun 1997. 33 orang tersebut adalah merupakan agen dan penganjur yang terlibat dengan kelima-lima penceramah tersebut, 1 kes lagi masih dalam siasatan lanjut, daripada jumlah fail tersebut 2 kes lagi telah dibicarakan dan telah dijatuhkan hukuman dengan RM5,000.00 dan setahun penjara, manakala 1 kes lagi telah dijatuhi hukuman RM5,000.00 dan 10 bulan penjara. Sekian Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput Maharani.

**YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih. Oleh kerana setiap negeri mempunyai Ketua Agama sendiri dan setiap negeri juga mengeluarkan tauliah masing-masing.

Soalan tambahan saya, bolehkah penceramah yang mempunyai tauliah daripada negeri lain untuk berceramah di negeri Johor ini tanpa memohon kebenaran dan satu lagi boleh tak, adakah mungkin diselaraskan pemberian tauliah ini supaya ia *standardize*, apa di... supaya lakulah di seluruh Malaysia ini. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kuasa agama adalah kuasa negeri di bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor. Maka dengan sebab itu, kalau mereka ini mempunyai tauliah, sebagai contoh mempunyai tauliah di Selangor, bila mereka nak berceramah di Johor sebab saya ingin terangkan apa beza kebenaran dan juga tauliah.

Tauliah ini kebanyakannya mereka yang menetap di Johor. Mereka yang nak menjadi guru takmir, nak menyampaikan ceramah-ceramah dan kuliah-kuliah ataupun tazkirah-tazkirah, yang mana dia mengadakan ataupun menyampaikan pengajian agama itu bukan maknanya mengikut musim. Kalau kebenaran itu sebagai contohnya musim Maulidur Rasul SAW, mereka akan minta kebenaran. Tapi tauliah ini sifatnya tiada tempoh dia. Tapi kalau kebenaran ini, contohnya kalau mereka hari ini maulidur rasul contohnya di Batu Pahat, *just* itu sahaja kebenaran yang kita berikan. Setiap tempat dia akan dapat kebenaran. Maka dengan sebab itu, kuasa negeri, kuasa agama itu adalah kuasa negeri, maknanya mana-mana penceramah yang telah pun mendapat tauliah daripada mana-mana negeri yang lain, maka bila mereka masuk ke Negeri Johor, mereka wajib mengikut peraturan yang kita sediakan iaitu mereka mendapatkan kebenaran. Atau mereka nak berceramah secara sepanjang masa *full time*, mereka kena ambil tauliah kebenaran daripada Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya, saya tidak ada masalah dengan sebab kenapa kita ada mengenakan syarat yang ketat untuk penceramah-penceramah. Cuma saya lebih melihat kepada dari sudut pentadbiran dan juga pengurusan, sudut kawalannya. Kerana kita dapati syaratnya ketat. Dan penceramah yang terdapat dalam Malaysia ini dan juga luar negara yang datang dalam Malaysia saban tahun itu begitu ramai, beribu orang. Jadi kalau kita kenakan semua syarat-syarat ini, setiap orang itu kena patuh syarat ini, amat sukar berbanding kalau Pejabat Agama ataupun Majlis Agama menetapkan siapa yang tak boleh sahaja. Maksudnya kita setuju siapa sahaja boleh bagi ceramah kalau kita kenal pasti orang yang tak boleh itu sahaja kita *black list*. Jadi mudah untuk apa ni rakyat di kawasan atau pun penganjur-penganjur ceramah ini memanggil siapa sahaja yang tidak dalam *black list*. Jadi kita senang. Buat masa ni katalah di negeri Johor ada 10 yang tak



dibenarkan, 10 sahajalah yang tak dipanggil. Lain panggillah bila-bila masa jadi tak pertulah lagi mereka kena pergi pejabat agama tunggu kelulusan, dapat report sebagainya, tukar penceramah, menyusahkan pemimpin-pemimpin peringkat bawahan dan juga penganjur-penganjur program. Jadi, saya mohon soalan saya ialah boleh tak dipermudahkan dakwah ini maksudnya kita hanya halang yang tak boleh, yang boleh tu dipersilakan bila-bila masa? Sekian, terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Yang Berhormat Kukup. Sebenarnya kaedah-kaedah yang kita sediakan itu adalah kaedah yang tujuannya adalah untuk memudahkan. Sebenarnya kaedah ini adalah tujuan untuk memudahkan. Tetapi kadang-kadang penganjur-penganjur ini dia nak ambil jalan yang lagi mudah. Sebab itu apabila penganjuran-penganjuran majlis ilmu yang diadakan di masjid, penganjuran itu sebenarnya tidak perlu kebenaran sebab kita sesuaikan dia dengan program pengimarah masjid. Yang menjadi isunya, iaitu apabila mereka nak menjemput penceramah-penceramah ini, tak kiranya kalau saya sebut negara kita Malaysia ni, khususnya negeri Johor adalah bumi yang sangat bertuah kerana bukan kita hari ini didatangi oleh pendatang asing tetapi juga penceramah asing. Ramai semua orang nak datang. Apa-apa perkara pun mereka datang ke Malaysia. Maknanya memang hebat negara kita Malaysia ni, penceramah-penceramah agama. Tetapi di sini, kita perlu ambil perhatian. Kalau saya katakan tadi kita dah senaraikan 16, yang wartawan pun semalam tanya saya ada lagi tak yang nak ditambah? Saya kata buat masa ini cukuplah 16 orang tu tadi. Kita pun sebenarnya ada yang mengatakan findakan, meletakkan *black list* tu sebenarnya bukanlah *black list* tu sampai kata tak boleh masuk Johor. Mereka tidak boleh menyampaikan pengajaran agama di negeri Johor, kerana penyampaian itu tidak bersesuaian dengan apa yang telah diamalkan, sedia ada diamalkan di negeri Johor, itu sahaja. Sebab kita bukannya nak menyekat dakwah, dakwah ni menyekat, berdosa. Saya pun tahu hukum, tetapi kita tengok kesan buruk dia. Tu bahaya tu ya, Sebab kalau hari ini kita berselisih pandangan dari segi sudut politik dan sebagainya, tak ada masalah. Tapi kalau kita pergi berselisih dalam perkara yang membabitkan akidah, sampai jatuh membidaahkan orang, menolak amalan orang lain, tidak sah, tidak sampai bidaah, bidaah itu letaknya di neraka, begitu juga sampai satu peringkat takfiri, mengkafirkan seorang itu sehingga jihadi, wajib jihad boleh dibunuh orang itu, ha, ini menjadi masalah dalam masyarakat kita. Ini saya beri penekanan, kalau tidak sekat perkara ini menjadi masalah. Maka, sebab dengan itu saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Kukup. Memang kalau kita senaraikan nama tu sebenarnya, sebenarnya nama-nama ni pun dah ada dah. Dah ada dah. Sebab itu hari ini kita maklumkan pejabat Agama. Saya dah menganjurkan siapa penceramah.

Jadi, pihak penceramah ni kelulusan cukup mudah. Ada setengahnya pun melalui telefon. Sebab kadang-kadang dia orang ni pun yalah masing-masing nak jemput penceramah, tiba-tiba penceramah yang kita jemput yang mula-mula tu tak dapat datang, tukar orang pulak. Bila nak tukar pulak nak tukar lagi permohonan, macam-macam. Sekarang pakai telefon, kita rujuk kepada Dato' Mufti. Kita rujuk kepada Dato' penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor, macam mana. Lepas itu juga kita dapatkan maklumat-maklumat yang lain. Sekarang dah mudah dah berkomunikasi. Dapatkan maklumat kita buat *research* daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah, *research group*, tanya mereka apa pandangan orang ini? Macam mana orang ini? Boleh atau tidak? Sebab itu, sebenarnya nama-nama *list* tu dah ada, Yang Berhormat Kukup dah ada di pejabat Kadi, jadi itu sebabnya penganjur ni tadi, kena ada hubungan dengan pejabat agama supaya mereka ini tadi boleh tahu siapa yang boleh dijemput, diundang untuk menyampaikan ceramah dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.



**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat Senggarang, sila.

**YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Mohon dinyatakan bilangan pusat dialisis yang berada di daerah batu pahat dan sejauh manakah perancangan pihak kerajaan untuk menempatkan pusat dialisis di klinik-klinik kesihatan sedia ada sebagai contohnya di pekan Senggarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar** : Bismillahirrahmannirahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pusat dialisis di Batu Pahat. Terdapat 1 pusat dialisis kerajaan dan 13 pusat dialisis swasta. Di negeri Johor perkhidmatan dialisis di klinik kesihatan sedia ada telah bermula semenjak Januari 2013. Di klinik kesihatan Simpang Renggam Kluang, kemudian sistem perkhidmatan ini diperluaskan di klinik kesihatan Bandar Mas, Kota tinggi pada tahun 2016. Bagi mewujudkan perkhidmatan dialisis di klinik kesihatan, analisa keperluan perkhidmatan dialisis perlu dilaksanakan terlebih dahulu dengan mengambil kira perkhidmatan yang telah disediakan berbanding bilangan pesakit yang wujud. Selain daripada itu keperluan anggota yang terlatih khusus dalam bidang dialisis perlu diambil kira.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput, Senggarang.

**YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang)** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Senggarang terletak di antara pekan Rengit dan bandar Batu Pahat, di tengah-tengah. Dan di situ juga ramai mungkin saya tak ada statistik yang tepat, tapi ramai juga warga emas khususnya dan mereka yang pesakit buah pinggang terpaksa sama ada ke Rengit mahu pun ke Batu Pahat. Jadi, apalah kiranya pejabat kesihatan sendiri membuatkan satu analisa tepat sama ada bersesuaian atau tidak, Senggarang di tempatkan satu pusat dialisis. Dan, saya bercakap sedemikian kerana klinik kesihatan di Senggarang ini begitu gah sekali. Jadi cuba kita *optimizekan*, *maximizekan* kegunaan pusat itu sendiri. Kalau tak dialisis sekali pun, kita menggalakkan mereka dalam gaya hidup sihat. Boleh juga kita adakan *gymnasium* di situ apatah lagi YB EXCO sebagai Presiden *Body Building* Johor. Jadi, sama ada *body building* atau *body fit* itu sendiri. Sekian, terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker** :Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Senggarang, kalau ikut dari segi data, Majlis Agama Islam, pusat dialisis yang mendapat bantuan daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor seramai 41 orang. Dan, kita melihat bahawa seperti yang dinyatakan oleh Senggarang memang benar bahawa pusat dialisis yang terdekat adalah di Rengit dan itupun adalah merupakan pusat dialisis swasta. Dan, kalau kita nak buat *gym* kosnya mahal juga. Daripada buat *gym*, lebih buat pusat dialisis sebabnya kos yang lebih kurang sama. Maka kita menyambut baik akan hasrat dan juga kehendak Yang Berhormat Senggarang untuk diperluaskan lagi pusat dialisis di klinik kesihatan untuk di lakukan di Senggarang. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tan Sri, kalau ikut contoh di bandar Penawar, Bandar Mas, kos untuk buat pusat dialisis lebih kurang RM1.5 juta. Maka insya-Allah, kita akan panjang dan kita akan cuba yang terbaik untuk memastikan bahawa pusat dialisis ini akan cuba di bina di klinik kesihatan.

**YB Tan Sri Speaker** :Yong Peng.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng)** Terima kasih Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Di pekan Yong Peng dalam pembinaan sebuah klinik kesihatan yang baru.

Memandangkan pesakit yang perlu dialisis makin bertambah, minta pihak penubuhan pusat dialisis di dalam klinik tersebut amatlah dialu-alukan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Yong Peng terdapat ramai pesakit dialisis yang menjalankan dialisis di klinik di Parit Raja. Jadi bagi mereka yang ada, yang naik kereta mungkin mudahlah. Tetapi bagi yang naik motor, pesakit ini berasa sangat payah bagi mereka dengan keadaan kesihatan dan status kewangan mereka yang kurang baik. Sekian, terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan Yong Peng tu dicadangkan supaya dibuat jadi kita akan pertimbangkan.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput, Mengkibol.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita sedia maklum bahawa untuk mewujudkan atau mendirikan sebuah pusat dialisis itu memakan perbelanjaan yang besar. Dan, pada masa yang sama kita sedia maklum bahawa bagi setengah pekan-pekan kecil mereka pesakit-pesakit di sana memerlukan perkhidmatan dialisis dan pada yang masa yang sama sekiranya mereka pergi ke hospital yang terdekat itu memakan perbelanjaan untuk pengangkutan. Soalan Mengkibol adalah adakah pihak kerajaan bersedia untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada pesakit-pesakit ini khasnya kepada golongan berpendapatan rendah dan juga warga emas supaya mereka dihantar kepada pusat dialisis yang terdekat iaitu lebih daripada 20 km daripada tempat kediaman mereka?

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak tekankan lebih baik kita jaga kesihatan. Kita kadang-kadang mintak itu ini, bagi kerajaan tanggung semua untuk hantar dialisis, tapi kalau pergi tengok wayang boleh sampai. Tak kiralah orang yang muda ke yang tua. Sebenarnya kerajaan setakat ini tidak bercadang untuk mengadakan pengangkutan percuma. Daripada setiap dari segi *constraint* tenaga dan kewangan. Namun begitu bagi pusat dialisis swasta, kerajaan memang memberikan subsidi untuk sekali rawatan RM50.00 untuk meringankan beban dan RM18.50 untuk suntikan. Jadi, itu menggambarkan bahawa kerajaan yang ada pada hari ini membantu bukan sahaja kepada orang yang miskin tetapi mereka yang menghidap yang memerlukan dialisis ini.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Yong Peng, jemput.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Nyatakan langkah-langkah pengawalan SAJ untuk memastikan setiap loji air bebas daripada segala pencemaran, kelebihan ubat dan masalah kekurangan air.

**Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat ADUN Yong Peng bertanyakan tentang langkah-langkah pengawalan yang dibuat oleh Syarikat Air Johor berkaitan dengan aspek pencemaran, kelebihan ubat dan juga masalah kekurangan air di loji-loji rawatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menyentuh soal bekalan air terawat, ada 2 aspek yang perlu diberi penjelasan lanjut:

1. Soal pengurusan bekalan air mentah;

2. Air terawat di mana pada masa ini pengoperasian di negeri Johor ini dijalankan oleh *single operator* iaitu SAJ Holding Sdn Bhd.

Di negeri Johor terdapat 21 batang sungai yang digunakan sebagai sumber air mentah. Selain daripada itu, ada 10 buah empangan di seluruh negeri Johor yang diurus tadbir oleh Syarikat Air Johor yang bertindak bukan hanya sebagai sumber bekalan untuk diproses harian tetapi juga sebagai simpanan bekalan air. Gangguan bekalan air di negeri ini banyak kaitannya dengan isu kualiti termasuk juga kuantiti sumber air mentah. Kita tidak boleh elak menghadapi cabaran kualiti air mentah yang disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kecuaiannya manusia. Namun peningkatan dalam konteks penguatkuasaan, pemantauan dan pengawalan di peringkat sumber air mentah dikawal selia oleh pihak Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ). BAKAJ berperanan untuk memastikan air mentah yang terdapat di sauk loji adalah selamat dan cukup dari kuantiti mahu pun kualitinya. Di Kluang sebagai contoh, umum tahu bahawa Empangan Sembrong menghadapi masalah kualiti yang berulang disebabkan kemunculan algae yang menyukarkan proses untuk merawat air tersebut. BAKAJ pada masa ini telah melantik perunding dan menjalankan *pilot project* dengan menggunakan *Bio Green Filtration System* dengan izin, satu teknologi baru di Loji Sembrong Barat bagi memastikan air mentah yang diterima daripada empangan tersebut sesuai untuk dirawat. Begitulah juga tindakan-tindakan penguatkuasaan dan pengawalan yang dilakukan oleh BAKAJ terhadap sungai-sungai yang dicemari. Hal yang sama berlaku dengan pencemaran ammonia di Sungai Skudai yang menyebabkan Loji Sungai Skudai tidak dapat beroperasi. Punca pencemaran ini dikenal pasti adalah pelepasan daripada sistem kumbahan dan tangki septik individu yang mengalir ke sungai tersebut.

Pihak SAJ pula, berperanan memastikan untuk menerima air mentah yang berkualiti dan menepati Garis Piawaian Panduan Air Minuman Kebangsaan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Pihak SAJ tidak akan memproses air mentah berkenaan di loji sekiranya tidak mematuhi piawaian demi memastikan pengguna mendapat bekalan air terawat yang baik dari segi kualiti dan kuantiti secara berterusan. Bagi memastikannya pihak SAJ mempunyai beberapa program antaranya Program Indeks Kualiti Air Sungai yang bermatlamat untuk memastikan kualiti air mentah semasa berada pada parameter yang dibenarkan. Program ini dilaksanakan sebanyak 4 kali setahun di semua sungai di negeri Johor. Program *Water Safety Plan* SAJ pula, yang diwujudkan pada tahun, sejak tahun 2011, memberi fokus khusus menangani sebarang bentuk pencemaran yang berlaku dalam sistem bekalan air termasuk di kawasan tadahan. Apabila dikesan berlaku sebarang pencemaran di kawasan tadahan maka tindakan susulan akan dilakukan secara bersepadu dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan yang terlibat. Dengan langkah-langkah yang disebutkan tadi, ianya dapat memperlihatkan seriusnya kerajaan dalam memastikan bekalan air yang selamat bagi penduduk di negeri ini. Air yang dibekalkan kepada pengguna sudah pun melalui piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian dan sentiasa berjalan, yang mana Kementerian sentiasa menjalankan audit di lebih 850 lokasi persampelan di negeri ini. Selain SAJ sendiri mempunyai sebuah makmal yang mendapat Akreditasi ISO dan membina *Water Quality Information System*nya sendiri untuk menjamin kualiti air yang dirawat.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput, Yong Peng.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih jawapan yang dibagi YB EXCO. Difahamkan banyak kawasan tadahan air di empangan-empangan di negeri Johor, yang sumber air mentah semuanya diambil di empangan-empangan tersebut dan difahamkan empangan itu telah di ceroboh dan banyak jenis tanaman di sekitarnya. Keadaan telah dikhuatiri mendatangkan

pencemaran dan pengurangan aras air. Apakah langkah-langkah pencegahan dari pihak kerajaan dan satu maklumat pada 27 April ini, SAJ akan menjalankan satu penyelenggaraan Loji Rawatan Air Yong Peng 2 dan 3, yang melibatkan kawasan begitu besar, 20 pekan yang terlibat, yang mungkin YB EXCO sini boleh ambil perhatian itu termasuk Parit Raja, Parit Yaani, Seri Medan, Yong Peng, Air Hitam dan Machap, FELDA Air Hitam. Jadi, maksud saya, apakah langkah-langkah yang akan datang yang diambil oleh SAJ supaya boleh mengelakkan gangguan air begitu banyak kawasan. Misalnya, mungkin saya di Yong Peng, saya boleh pergi Air Hitam, tapi sekarang seluruh 20 kawasan di sekitarnya. Jadi, minta SAJ supaya untuk masa yang akan datang, supaya boleh elakkan penglibatan begitu banyak tempat. Dan juga nampaknya begitu penting kualiti air akan mengganggu kesihatan rakyat penduduk jadi boleh kita fahamkan apa ubat yang digunakan di peringkat proses air, rawatan air dan berapa ahli kimia yang ada di negeri Johor, ahli-ahli kimia dan penganalisa yang pastikan air yang dibekalkan adalah cukup selamat diminum dan dipakai oleh penduduk-penduduk negeri Johor. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput. Banyak soalan tu.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :**Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, betul saya setuju memang banyak soalan tapi apabila ditanya apa kimia tu, yang digunakan, apa nama, macam nak berhenti jadi Wakil Rakyat, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Itu pakarlah yang menjawab, Yang Berhormat tanya saya, boleh nanti saya hantar jawapan secara bertulis. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penyelenggaraan untuk tangki-tangki simpanan di kawasan Yong Peng, ini adalah langkah-langkah yang dilaksanakan secara rutin, bila sampai masa, maka tangki-tangki simpanan ini perlu di selenggara. Kerana, Yang Berhormat sendiri pun menyatakan betapa pentingnya kualiti air itu kita jaga, salah satu proses ialah supaya kemudahan aset-aset ini di selenggara dengan baik. Jadi, apa yang saya boleh katakan, bahawa apabila penyelenggaraan dijalankan, kita mengharapkan kerjasama daripada masyarakat agar dapat memahami apa yang dibuat oleh kerajaan ianya adalah untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik dari segi produk-produk yang kita bekalkan dalam hal ini ialah air. Dalam masa yang sama, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat ADUN Yong Peng juga, bertanyakan langkah-langkah yang dibuat oleh Syarikat Air Johor dan juga BAKAJ. Pertama, Ahli Dewan juga maklum, bahawa BAKAJ adalah satu Badan Kawal Selia Air yang wujud bagi berperanan dalam mengawal sumber-sumber air. Tetapi dalam keadaan BAKAJ yang sedia ada, peranan, tanggungjawab tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Maka, untuk itu pihak kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah untuk memperkukuhkan BAKAJ itu sendiri.

Pertama, ialah menambah bilangan tenaga untuk menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan. Memandangkan Pindaan Enakmen Bekalan Air 2014, berkehendakkan supaya Pengarah BAKAJ yang telah dilantik juga sebagai Pengarah Sumber Air, maka mempunyai kuasa-kuasa untuk menjalankan penguatkuasaan. Maka itu, BAKAJ telah pun diperkukuhkan dengan menambah bilangan anggotanya dan ini akan membolehkan kerja-kerja penguatkuasaan lebih berkesan di kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Selain daripada itu, dalam tahun 2016 ini juga, pihak kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk membina pagar-pagar di sepanjang kawasan empangan, yang menghadapi ancaman pencemaran ataupun pencerobohan yang begitu serius. Tetapi, kerajaan perlulah melaksanakan projek tersebut secara berperingkat oleh kerana kos yang begitu tinggi. Saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Dewan, bahawa kerajaan negeri telah memutuskan bahawa segala sumber air, sumber pendapatan daripada air ini akan digunakan untuk pembangunan sumber air. Ini adalah satu tumpuan yang diberi oleh kerajaan untuk

mencerminkan betapa seriusnya kerajaan dalam melihat aspek bekalan air daripada sumber sehinggalah kepada bekalan untuk kepada pengguna. Terima kasih.

**YB Encik Tan Hong Ping (Mengkibol)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput, Mengkibol.

**YB Encik Tan Hong Ping (Mengkibol)** :Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa, yang juga memberitahu, memaklumkan Dewan yang mulia ini, bahawa segala pendapatan daripada air akan diberi, digunakan balik untuk manfaat atau kegunaan untuk membangunkan sumber air. Itu satu usaha yang begitu tepat. Pada masa yang sama, kita sedia maklum bahawa kebanyakan sistem ataupun loji rawatan air di negeri Johor ini menggunakan sistem mendakan, ataupun *filt, sand filter*. Kalau tak silap saya, namanya *RAPID Gravity Sand Filter*, kalau silap, mungkin Datuk Pengerusi boleh betulkan. Cara penapisan ni, merupakan salah satu cara yang begitu, rasa saya menggunakan istilah ni, iaitu murah ataupun dia akan memberikan pulangan ataupun dia, kos untuk *maintain*, penyenggaraan kos, kos penyenggaraan adalah rendah tapi masalahnya cara penapisan ini hanya menapis cara-cara yang bersaiz begitu besar. Untuk cara-cara yang kecil seperti mikroorganisma ataupun kuman, dia ditapiskan ataupun disingkirkan dengan cara pembunuhan dengan mengedoklorin. Tapi, kita tahu, sekarang ni masalah kita, air, sumber air kita, sering kali diserang ataupun dicemari dengan bahan-bahan kimia yang tidak boleh ditapis...

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat, jangan bersyarah, itu tanya. Apa yang you nak tanya, jangan nak bersyarah?

**YB Encik Tan Hong Ping (Mengkibol)** : Yang tidak boleh ditapis dengan cara yang digunakan sekarang. Maka, saya nak tanya, apakah usaha pihak kerajaan dan juga SAJ dalam menerokai atau pun dalam menggantikan dengan loji-loji yang lebih canggih yang menggunakan teknologi yang lebih canggih seperti *our own sistem*, untuk menapis air supaya cara lama ni boleh digantikan secara berperingkat-peringkat.

**YB Tan Sri Speaker** : Ok, Yang Berhormat, jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat ADUN Mengkibol. Air kalau masih lagi dianggap sebagai komoditi yang patut dibekalkan dengan percuma, maka bagaimana kita nak memperkenalkan proses yang, kaedah memproses yang canggih. Saya tidak nafikan bahawa banyak teknologi-teknologi baru yang ada di pasaran, yang dapat mengeluarkan kualiti air yang lebih baik. Tetapi kalau kita naikkan walau satu sen pun, Yang Berhormat akan bedal kita siang malam. Jadi, macam mana kita nak dapat proses air yang baik. (Dewan bertepuk). Walau bagaimanapun, itu tidak bererti bahawa kita kompromi dari segi kualiti air yang kita bekalkan, ianya masih lagi sepertimana saya katakan awal tadi, air yang memenuhi piawaian, yang ditetapkan oleh berbagai pihak antaranya Kementerian Kesihatan Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Johor ni salah satu dilema kita, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berbanding dengan Selangor dan Pulau Pinang, kita ada 44 loji yang kita guna untuk merawat air, kita ada 22,000 kilometer paip dan setiap jumlah akaun per kilometer berbanding antara Selangor dengan Pulau Pinang, kita mempunyai akaun yang paling sikit, ini bererti bahawa *revenue* yang kita terima adalah jauh lebih rendah untuk menyelenggara sistem untuk mendapat pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan kita dari masa ke semasa meningkatkan teknologi ataupun menambah

segala bentuk, demi membangunkan industri air. Jadi, kita memerlukan masa, memerlukan pembangunan yang berterusan supaya dengan adanya jumlah revenue yang mencukupi, saya percaya kerajaan akan terus usaha untuk menambah lagi pendekatan untuk perkhidmatan yang terbaik. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita jawab pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam persidangan ini.

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita teruskan saya ingin mengalukan rombongan daripada Ahli Majlis Daerah Mersing seramai 17 orang bersama-sama kita dalam Dewan ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan itu disambung semula dengan saya mempersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor untuk memulakan perbahasannya.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah yang memberikan saya kekuatan dan keupayaan untuk turut sama di dalam perbahasan atas rundingan menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas. Sesungguhnya titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan memberikan keinsafan dan muhasabah diri di dalam kesiap siagaan kita sebagai tunggak kerajaan untuk memberi khidmat yang terbaik untuk rakyat. Dalam masa yang sama, kita semua mestilah bersatu hati dan berfikiran terbuka untuk terus mendepani cabaran masa depan tanpa mengeneipkan intipati perpaduan yang dianjurkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salah satu prinsip dalam iktikad Ahli Sunnah Wal Jamaah, adalah mentaati dan menghormati pemerintah ataupun pemimpin, di mana dia duduk di bawah kepimpinan atau kekuasaan pemerintahan tersebut. Ketaatan yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada:

1. Mentaati mereka dalam urusan kebaikan termasuk merealisasikan perintah mereka yang makruf dan membantu mereka dalam urusan kebaikan yang diperlukan.
2. Menghormati dan memuliakan kedudukan mereka sebagai pemimpin serta sentiasa mendoakan kebaikan untuk mereka.
3. Melaksanakan kebaikan bersama dengan mereka.
4. Membenci maksiat yang mereka lakukan dan mengingkari keburukan yang mereka lakukan, dengan cara nasihat dan kaedah-kaedah syarie.
5. Tidak berusaha untuk menjatuhkan, membelot, menzahirkan sifat kepembangkangan terhadap kepimpinan dan tidak menghina atau mencela mereka walaupun mereka bertindak buruk dan zalim.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, baru-baru ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ia berpunca macam daripada Sri Gading... macam daripada Sri Gading. Apabila baca di facebook, ada kononnya ada gerakan tertentu untuk menjatuhkan kepimpinan. Ramai tanya saya, dia kata 'Datuk betul ke gerakan ini berlaku?' Saya kata, 'saya tak tahu'. Saya kata tunggulah sehari dua lagi. Apabila sehari dua lagi, kita tahulah berlaku ataupun tidak. Maka sehari dua lagi, semuanya mengaku itu semua fitnah, menafikan. Tak ada berlaku. Maka dia orang tanya saya lagi, dia kata 'kan saya kata betul tak berlaku.' Kemudian dia tanya saya, dia kata 'kalau tak ada angin, tak akan pokok bergoyang.' Tapi saya kata, 'nantilah saya tanya... saya tengok, saya kata awak tengoklah pokok tersebut.' Rupa-rupanya ada seekor, 2 ekor beruk kat atas pokok tu. Jadi saya telefon PERHILITAN, PERHILITAN kata 'sejak daripada 2011 hingga 2015, dah 68,822 ekor monyet ditangkap hapus. Dan sehingga bulan Mac, dah 2,240 ekor yang telah pun dimusnahkan.' Tapi saya hairan kenapa ada seekor, 2 ekor ni ada lagi dekat atas pokok? Beruk? Maka saya pun dah minta PERHILITAN untuk buat satu perangkap khas untuk menangkap 2, 3 ekor beruk yang terlepas daripada jumlah 68,000 yang telah ditangkap itulah. Maka kita tengoklah sama ada kita dapat atau tidak beruk tersebut.

Maka Yang Berhormat Tan Sri Speaker, merujuk kepada perkara yang kelima bahawa kita perlu, tidak perlu ataupun tidak boleh berusaha untuk menyatukan. Ini iktikad Ahli Sunnah Wal Jamaah. Maka kalau kita mengaku bahawa kita ini adalah merupakan orang yang berpegang kepada iktikad Ahli Sunnah Wal Jamaah, maka kita sepatutnya menghindarkan diri kita daripada melakukan perkara-perkara yang sebenarnya tidak membawa kebaikan. Lebih-lebih lagi kepimpinan yang ada telah pun menunjukkan bahawa kita berusaha untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Dan apabila kita bicarakan-tentang tidak perlu dan tidak boleh berusaha untuk menjatuhkan, dia merujuk kepada kepimpinan di peringkat negeri dan juga di peringkat pusat. Walaupun, mungkin ada yang kita tidak suka dan sebagainya. Lebih-lebih lagi, kita yang berada dalam organisasi dan sewajarnya kita patut mempertahankan keadaan dan kita cuba yang terbaik untuk memberikan nasihat agar pemimpin yang mungkin tersasar daripada landasan akan kembali untuk terus memberikan khidmat dan juga mengikut peraturan-peraturan dan sebagainya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di Negeri Johor perkhidmatan kesihatan bukan sahaja diberikan oleh Jabatan Kesihatan melalui hospital mahupun klinik-klinik kesihatan desa mahupun Klinik 1Malaysia. Perkhidmatan kesihatan Negeri Johor turut disokong dan di dukung oleh jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam yang memberikan bantuan alat tiru atau sokongan bagi mereka yang layak dan kurang berkemampuan. Begitu juga dengan Majlis Agama Islam yang turut menyediakan perkhidmatan pusat dialisis melalui anak syarikat MBIJ iaitu MIJ Urus Sdn. Bhd. selain membantu para pesakit buah pinggang ini mendapat rawatan di pusat dialisis kerajaan mahupun swasta. Kerajaan Negeri Johor melalui SUK Pengurusan turut menyediakan bantuan perubatan seperti dialisis, jantung dan alat perubatan kepada kakitangan Negeri Johor dan ahli keluarga mereka. Ini semua adalah bukti bahawa Kerajaan Negeri Johor bukan sahaja kerajaan yang ingin mencipta nama di dalam kemegahan pembangunan dan kemodenan tetapi sebuah kerajaan yang tidak sesaat pun melupakan kebajikan rakyat dan Bangsa Johor.

Secara statistiknya saya ingin menjelaskan perkara berikut, seperti berikut: Jabatan Kesihatan Negeri Johor melalui Tabung Bantuan Perubatan tahun 2015, seramai 419 orang dengan nilai RM2.28 juta telah pun diberikan. Melalui Jabatan Kebajikan Perubatan Malaysia pada tahun yang sama 2015, seramai 1,746 orang menerima nikmatnya dengan nilai RM128,000.00. Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, seramai 194 orang telah pun diberikan bantuan dengan nilai RM402,722.00 dan Majlis Urus Sdn. Bhd. dengan 30 mesin dialisis, 150 pesakit dan 2 buah van pengangkutan, belanja mengurus adalah



RM250,000.00 sebulan atau RM3 juta setahun. Bagi Majlis Agama Islam pada 2015, seramai 2,977 orang telah pun diberikan bantuan kesihatan ataupun bantuan untuk dialisis dan sebagainya berjumlah RM41,524,614.00 dan melalui Kerajaan Negeri SUK (Pengurusan) pada tahun 2015, sebanyak RM7,597,000.00 telah pun dibelanjakan.

Secara keseluruhannya pada tahun 2015, sebanyak RM54,935,372.39 telah dibelanjakan oleh jabatan ataupun agensi kerajaan tersebut untuk memberikan bantuan kepada seluruh Bangsa Johor yang memerlukan terutamanya bagi pesakit dialisis, jantung, pembelian peralatan perubatan tiruan dan sokongan. Dan ini tidak termasuk yang dibantu oleh ADUN-ADUN terutamanya di kalangan Barisan Nasional.

Ya tuan-tuan sekalian, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita lihat bahawa dalam usaha untuk kita membangunkan negeri ini, Kerajaan Negeri dan juga agensinya telah pun membelanjakan lebih daripada RM54 juta untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, atas inisiatif Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pelan Induk Hab Perubatan Kesihatan Negeri Johor yang sedang dirancang oleh UPEN Johor juga akan menjadikan negeri ini sebagai sebuah negeri yang mempunyai kepakaran, kemahiran teknologi, kemodenan untuk perkhidmatan kesihatan di masa yang akan datang. Pelan Komprehensif ini akan mendapat bantuan daripada IRDA dan akan melantik perunding yang berkelayakan untuk memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan Negeri Johor untuk perancangan perkhidmatan kesihatan di masa hadapan. Dan insya-Allah, Johor bakal menjadi pusat perkhidmatan perubatan kesihatan terulung di rantau ini yang sekali gus membantu kerancakan pertumbuhan ekonomi dan pelancongan. Penglibatan swasta adalah sebagai pemain industri yang akan menjadikan statistik dan data bagi membolehkan pelan ini memfokuskan perkhidmatan kesihatan yang berpotensi tinggi untuk menjana ekonomi.

Melalui pelan ini pihak swasta akan menerima manfaat promosi, peningkatan pelanggan serta menarik perhatian pakar-pakar perubatan untuk berkhidmat di hospital dalam hab serta menjalin hubungan erat dengan jabatan serta agensi kerajaan bagi melancarkan pembangunan fasiliti kesihatan serta mematuhi undang-undang dan peraturan KKM. Dalam masa yang sama, pihak swasta diharapkan dapat menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat melalui program CSR. Dan bekerjasama sesama sendiri dan kerajaan untuk menggalakkan sektor kesihatan di Johor seperti cadangan daripada Nusajaya.

Mengenai cadangan Pasir Raja pula, saya amat berterima kasih di atas cadangan tersebut. Dan amat berharap agar Majlis Kesihatan Negeri Johor yang sedang dalam proses pembentukannya di UPEN akan mengambil kira cadangan-cadangan yang diberikan sejajar dengan keperluan dan kehendak masyarakat hari ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya baru tersedar Yang Berhormat Tan Sri Speaker bahawa lampu ajaib saya telah ditemui. Saya dah kehilangan lebih 6 bulan lampu ajaib saya. Dan di Dewan ini baru saya tahu rupa-rupanya Bukit Permai yang mencurinya. Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya bimbang apabila lampu ajaib itu dicuri, maka saya bimbang bahawa jin yang keluar itu tidak memberikan pernyataan yang tepat kepada orang yang menggosoknya, kerana tuannya saya. Tetapi yang gosoknya Bukit Permai. Maka saya bimbang, bahawa jin yang keluar tu adalah jin kafir dan selalunya ia memberikan perkara... memberikan atau memberitahu sesuatu perkara yang belum berlaku kepada Bukit Permai. Namun, semalam dia dah hantar balik pada saya, dan saya pun dah gosok dan dia beritahu benda yang betul, jin tu kepada saya. Dia kata, memang betul permohonan itu telah pun dibawa, namun ia masih lagi di peringkat ICU



dan di peringkat negeri, kita menyokong kuat dan dimasukkan dalam *second rolling plan* untuk tahun hadapan bagi Rancangan Malaysia Yang Kesebelas.

Selain daripada itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bukit Gambir menyebutkan tentang klinik kesihatan. Dia tahu banyak daripada saya. Maklumlah Bukit Gambir, dengan Presiden MIC dia cium mulut. Sepatutnya dia tak boleh tanya saya. Sebab sepatutnya dia terus tanya dengan Presiden. Rupanya dia cakap Tamil dengan Presiden, jadi Presiden pun tak berapa tahu bahasa Tamil agaknya. (Ketawa).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya masalah Klinik Kesihatan Gambir, ADUN Gambir lebih tahu. Memang kita nak bawak, tetapi masalah utamanya adalah berkaitan tentang masalah tanah. Dan tanah yang telah pun kita usahakan, Kementerian Kesihatan tidak jadi untuk mengambilnya dan sekarang dalam proses di mahkamah. Maka dalam proses mahkamah, kita minta dia supaya cari ataupun kenal pasti tanah yang lain atau cara bagaimana. Dan jika ianya selesai, insya-Allah kita akan masukkan permohonan Klinik Kesihatan Bukit Gambir itu di dalam *third rolling plan* untuk Rancangan Malaysia Yang Kesebelas.

Bagi Hospital Penawar, memang kerajaan berusaha untuk memastikan dia menjadi kenyataan kerana ia terletak di kawasan RAPID Pengerang seperti yang dikehendaki oleh Tanjung Surat. Kita akan cuba yang terbaik, namun ianya masih lagi belum diluluskan. Tetapi di klinik kawasan Pengerang, ada 2 klinik kesihatan, Bayu Damai yang telah beroperasi pada 10 Januari 2016 dan juga Klinik Kesihatan Sungai Rengit, siap dengan kemudahan pengangkutan percuma, dijangka siap pada tahun 2017. Dan saya yakin dengan siapnya 2 kemudahan kesihatan ini, ia dapat mengimbangi kehendak masyarakat di sana yang mahukan Hospital Penawar.

Manakala Klinik Kesihatan Semerah, Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah mula menghantar permohonan sejak Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sehingga kini belum diluluskan. Walau bagaimanapun, peruntukan kecil untuk menambah baik sentiasa dipertaruhkan.

Klinik Kesihatan Gelang Patah telah di senarai untuk dinaik taraf secara RMK9. Memandangkan beban kerja yang meningkat, dan melebihi kemampuan klinik kesihatan yang sedia ada. Keluasan tapak klinik yang sedia ada adalah 2.9 ekar termasuk sebahagian tanah berpaya. Oleh itu bagi membangunkan KK Gelang Patah yang baru, premis sedia ada perlu dirobohkan dan perkhidmatan sedia ada perlu dipindahkan ke satu lokasi baru bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan. Isu pemindahan ini masih belum dapat diselesaikan kerana tapak sedia ada tidak mencukupi bagi pembinaan bangunan baru tanpa mengganggu bangunan sedia ada. Projek dan kita akan berusaha untuk memastikan bahawa ianya dilakukan dengan segera.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, situasi denggi bagi negeri Johor sehingga minggu ke 15, 2016 yang berakhir pada 16 April 2016 adalah sebanyak 229 kes denggi telah dilaporkan bagi minggu yang ke 15. Bilangan ini adalah menurun sebanyak 51 kes berbanding dengan minggu sebelumnya. Minggu dan bagi minggu yang ke 15 dua kematian denggi telah dilaporkan. Kumulatif kes bagi minggu yang ke 15 ialah 5,818 kes. Dan mencatatkan peningkatan sebanyak 3,713 kes. Iaitu 176% kes berbanding tempoh yang sama tahun 2015 iaitu 2,105 kes. Kumulatif kematian denggi sehingga minggu yang ke 15 ialah 10 kematian. Manakala tempoh masa yang sama sebanyak 4 kematian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semalam Yang Berhormat Sungai Abong dia sebutkan tentang perkara ini. Dia nak beri ilmu kepada staf dan juga doktor-doktor kesihatan. Seolah-olah dan saya terima mesej telefon daripada staf kesihatan. Dia menyampaikan

salam kepada Sungai Abong untuk ucap terima kasih kerana rupa-rupanya selama ini yang dia lakukan itu salah oleh pihak kesihatan. Rupanya apabila kita dah periksa 210,551 premis, salah agaknya Jabatan Kesihatan. Kita dah pergi memberitahu tentang tadika-tadika, salah agaknya. Kita pun dah memberikan perintah kalau kita kompaun pun dah keluarkan 999 dan juga kita pun dah bawa kepada mahkamah nampaknya staf kesihatan ini masih tidak berilmu. Kemudian di Singapura kes dia lebih tinggi daripada Johor, 6,857 kes. Sehingga minggu yang ke 15, dengan 2 kematian. Saya yakin bahawa orang Singapura pun akan menjemput Sungai Abong untuk memberikan ilmunya kepada orang Singapura kerana orang Singapura pun tak tahu aedes tu sebenarnya. Saya tak faham, Yang Berhormat Tan Sri, sejak dahulu dah berpuluh tahun di televisyen, di media massa dah disebutkan, tiada aedes, tiada denggi. Orang tahu tentang punca kepada denggi. Di Muar banyak kali program gotong royong dilakukan. Saya tak tahulah sama ada Sungai Abong terlibat sama atau pun tidak. Di kawasan Johor Bahru, Johor Bahru adalah daerah yang menyumbang lebih daripada 80%. Dan penyumbang yang banyak kalau kita tengok pun di kawasan Skudai, Pengkalan Rinting dan sebagainya. Takkanlah kita nak bercakap politik sahaja. Dan sebagainya. Adakah kita beritahu kepada masyarakat tentang bahaya penyakit denggi? Mustahil orang tak tahu bahawa punca denggi itu adalah aedes. Mustahil. Anak saya yang kecil pun tahu. Orang tadika pun tahu sebab kerajaan telah pun berusaha untuk membanteras denggi ini. Kita dah mewujudkan jawatankuasa di peringkat dalaman bagi semua jabatan. Kita tubuhkan COMBI seperti diutarakan oleh Tanjung Surat dan juga Tenang. Kita dah menubuhkan 639 COMBI sehingga kini. Dan kita akan memperluaskan lagi di peringkat Ahli Majlis, ketua kampung dan sebagainya. Mustahil. Rakyat Johor tak tahu punca denggi adalah aedes. Tak tahulah Sungai Abong dapat daripada mana.

Maka apabila Sungai Abong cakap begitu baru saya teringat 3 minggu yang lepas, saya terima SMS daripada seorang yang duduk di Johor Bahru, dia kata saya membodohkan masyarakat. Saya cakap masyarakat faham, tahu tentang denggi. Tahu tentang jumlah kematian denggi tapi tak ambil peduli. Orang ni kata saya kenyataan itu kenyataan bodohkan rakyat. Agaknya dia punya pemikiran orang yang kompelin kat saya tu sama, juga dengan Sungai Abong. Sebab dia tak faham. Dia rakyat, kita rakyat. Kita dah usaha sejak dulu. Berkaitan tentang kita ingin membanteras denggi. Kalau kata rakyat tak tahu, orang Singapura agaknya pun tak tahu punca denggi itu disebabkan oleh aedes. Maka cara bagaimana kita inilah sebagai pemimpin di peringkat bawah untuk beritahu masyarakat. Bukan sahaja bercakap tentang politik. Untuk dapat raih politik. Untuk mengedar risalah-risalah tertentu tetapi yang lebih penting kita beritahu kepada rakyat bagaimana usaha kita untuk membanteras penyakit denggi ini.

Maka tuan-tuan sekalian, tuan-tuan pulak, Yang Berhormat Tan Sri, kita faham juga bahawa denggi itu dah cakap banyak kali. Bahawa denggi, aedes tu datang, keluar waktu subuh, dan waktu petang semua orang tahu. Semua orang tahu, mustahil orang tak tahu. Mustahil orang tak tahu. Lebih-lebih yang bercakap tu daripada profesion yang berkait rapat dengan kesihatan. Jadi staf kesihatan, doktor dia kirim salam, dia rasa terima kasih dan insya-Allah dia akan berjumpa dengan Sungai Abong untuk mendapat ilmu tersebut.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak jawab salam, boleh? Waalaikumussalam.

**Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, masa dah habis saya pun tak nak ni. Akhirnya kerana dah nak habis dah ni. Kadang-kadang kita bercakap sedap mulut. Kepada Allah sentiasa munajat agar urusan mendapat berkat. Kepada Allah perbanyakkan selawat agar mendapat syafaat di akhirat. Kepada pemimpin setia dan taat, agar kerajaan kukuh dan kuat. Kepada

cendekia kasih dan hormat agar ilmu mendatangkan manfaat. Kepada jelata pemimpin berkhidmat agar amanah memberi mandat. Kepada YB marilah kita beringat agar sentiasa menjadi obor kepada rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kepada Allah kami berserah, kepada rakyat kami berbakti, kepada sahabat kita berikrar, menyokong kepimpinan Menteri Besar Johor. Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamuataikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Johor, dipersilakan.

**Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Bismillahirrahmannirahim, assalamuataikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana telah diberi ruang dan kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi penggulungan Pembukaan Rasmi Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 yang dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas buah fikiran serta cadangan teguran serta kritikan khususnya di dalam melibatkan perkara-perkara di bawah portfolio saya iaitu Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Johor. Untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, di bawah pelan Suara Hati Johor, bagi tahun 2016 ini fokus utamanya adalah tertumpu kepada usaha meningkatkan taraf ekonomi pembangunan usahawan dan menangani kos sara hidup serta kesejahteraan rakyat. Sehubungan itu, sebanyak 9 tajuk KPI telah di rancang di bawah portfolio Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani di mana akan melibatkan sebanyak 51 inisiatif yang akan dilaksanakan bersama kesemua jabatan dan agensi di bawah pertanian. 9 KPI seperti yang dinyatakan adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan penglibatan rakyat di dalam bio teknologi melalui program pembangunan bio ekonomi komuniti, bio *talent* Johor, bio perusahaan kecil dan sederhana PKS Johor.
2. Meningkatkan kebolehsaingan usahawan melalui Program Galakan Usahawan PGU dan skim pembiayaan penternakan rakyat.
3. Memastikan Johor kekal sebagai pengeluar makanan utama menerusi peningkatan keluasan, penglibatan dan hasil pengeluaran IKS serta pengawalan kualiti
4. Mengekalkan status tanah pertanian melalui pembelian tanah pertanian yang ingin dijual
5. Meringankan kos sara hidup rakyat dengan memberi bantuan kepada nelayan terjejas melaksanakan program azam tani, penternakan bandar, pertanian bandar, pertanian rakyat dan projek emboss tanaman cendawan dan program *up grade skill*.
6. Meningkatkan peluang pemasaran dan penjualan melalui program atau pun pelaksanaan karnival pertanian seperti Program Mini Agro, Agro Johor dan yang terbaru Karnival Muafakat Tani. Selain daripada penambahan bilangan pasar tani dan gerai buah-buahan segar giat dijalankan.

7. Menggalakkan belia terlibat dalam industri pertanian dengan meningkatkan program penerangan, latihan, pemasaran kepada golongan muda;
8. Menggalakkan industri agro pelancongan dengan mengujudkan pusat rujukan, galeri dan pusat pameran serta menaik taraf lokasi terbaik untuk agro pelancongan;
9. Menggalakkan halal hub industri dengan mengadakan pelan hala tuju Johor Halalan Toyyiban dan pelaksanaan pelan penubuhan makmal halal Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

Yang Berhormat sila duduk dan kita akan sambung selepas berehat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan persidangan selama 20 minit.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan di sambung semula. Dijemput, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian.

**Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Pada hari ini saya akan cuba menjawab persoalan-persoalan dan pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kalau lihat soalan daripada Yang Berhormat daripada Senggarang, dekat nak 10 muka surat yang saya nak kena jawab. Banyak soalan-soalan dia lagi tak boleh nak jawab atau pun nak menyahut cabaran kepada Yang Berhormat daripada Sungai Abong pulak. Jadi saya akan cuba menjawab soalan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sebaik mungkin untuk memastikan apa yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat saya jelaskan.

Yang Berhormat dari Senggarang ada menyentuh berkaitan usaha untuk memperkasakan sektor agro-pelancongan di negeri Johor. Sukacita dimaklumkan bermula pada 6 Mei 2015 kita telah pun menubuhkan satu jawatankuasa pembangunan agro-pelancongan negeri Johor bagi menyelaraskan semua aktiviti agro-pelancongan yang mana telah diketuai oleh MARDI, telah dilantik sebagai ketua urusetia dan juga jawatankuasanya di bawah portfolio MOE dan juga kita juga mengundang Jabatan Pelancongan Negeri Johor untuk terlibat sama dalam jawatankuasa ini. Kita rasa bersyukur kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk mengadakan program pembangunan di bawah jawatankuasa ini untuk tahun ini.

Program Pembangunan Agro-Pelancongan telah diadakan untuk membantu dan memberi peluang kepada masyarakat dan komuniti luar bandar bagi menambahkan lagi pendapatan mereka sehingga 20 hingga 30% melalui penjualan produk dan kedatangan pelancongan di dalam aktiviti agro-pelancongan. Jawatankuasa ini, kini dalam usaha untuk menyenaraikan semua projek agro-pelancongan di bawah seliaan jabatan ataupun agensi MOAInc yang telah pun berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia untuk dipromosikan oleh Johor Tourism. Buku panduan ataupun Yellow Pages, dengan izin, akan dihasilkan setelah pengumpulan semua maklumat pengusaha-pengusaha agro-pelancongan ini dapat dikumpulkan. Ahli Yang Berhormat amat dialu-alukan untuk mencadangkan pengusaha yang berkecayaan berada di kawasan masing-masing untuk didaftarkan di bawah program ini. Ini contoh buku pelancongan yang dihasilkan oleh pihak pelancongan di Phuket. Baru-baru ini, saya bersama dengan EXCO Pelancongan, dia bawa saya, jadi kita lihat ini boleh kita jadikan contoh untuk kita hasilkan di negeri Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Senggarang juga membangkitkan berkenaan usaha untuk membantu penduduk luar bandar dan pekebun kecil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Johor masih meneruskan sebahagian dari program-program yang telah dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 seperti Program Pembangunan Industri Pengeluaran Tanaman Makanan, Pembangunan Sawah, Tanaman Industri Florikultur dan juga Komuniti Berpotensi Pertanian Rakyat dan Program Galakkan Peningkatan Pengeluaran Pertanian. Projek dan bantuan kerajaan bukan sahaja tertumpu kepada golongan petani dan usahawan petani, tetapi juga golongan sasar yang lain seperti pelajar, suri rumah, komuniti perumahan dan lain-lain demi meningkatkan pendapatan isi rumah dan kesejahteraan rakyat. Antara bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk bantuan projek fertisasi rakyat. Program Bumi Hijau tidak lagi dilaksanakan sejak tahun 2008. Walau bagaimanapun, Program Jom Bertani telah pun diperkenalkan khusus untuk memenuhi keperluan bahan makanan dan mengurangkan kos sara hidup rakyat khususnya di luar bandar di samping untuk mengurangkan import bahan makanan dari luar negara. Antara objektif program ini adalah untuk menggalakkan penduduk setempat mengeluarkan sendiri bahan makanan untuk keperluan harian serta memanfaatkan tanah kosong di sekeliling rumah dan tanah-tanah terbiar milik individu bagi menambahkan pendapatan isi rumah dan keluarga. Bantuan yang diberikan kepada peserta adalah dalam bentuk input dan peralatan pertanian.

Setakat ini seramai 451 orang peserta telah pun diluluskan permohonan untuk menyertai program ini yang bermula diperkenalkan pada tahun 2015. Golongan sasar untuk mendapat bantuan bukan sahaja golongan di kawasan luar bandar, tetapi juga kawasan bandar yang lebih terhimpit dengan tekanan kos sara hidup yang tinggi. Kerajaan begitu peka dengan kehendak rakyat yang memerlukan bantuan untuk mengurangkan kos sara hidup mereka. Oleh itu, Projek Pembangunan Pertanian Bandar telah diperkenalkan bagi membantu isi rumah bandar bagi meringankan kos sara hidup mereka melalui pengeluaran sendiri sebahagian daripada bahan-bahan makanan yang diperlukan. Program ini telah mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk kawasan bandar.

Pada tahun 2016, sebanyak 1,804 orang peserta telah pun menyertai program ini yang terdiri daripada individu, komuniti, sekolah dan juga institusi melibatkan sebanyak 90 lokasi di seluruh negeri Johor. Bagi kawasan Wilayah Iskandar, satu program baru telah diperkenalkan iaitu Pertanian Kota, *Urban Farming*, dengan izin, yang mana pelancarannya telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 10 April 2016 di Taman Mutiara Rini, Skudai. Untuk permulaannya, program ini akan dilaksanakan di Wilayah Iskandar dengan 5 lokasi telah dikenal pasti iaitu Johor Bahru, Iskandar Puteri, Kulai, Pasir Gudang dan juga Pontian. Pihak IRDA akan menerajui program ini dengan sokongan serta bantuan daripada jabatan dan agensi pertanian. Sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan untuk program ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat Senggarang juga ada mengharapkan cadangan Program MyBeras, Kementerian Pertanian menjadi kenyataan yang mana setiap keluarga miskin tegar akan diperuntukkan sebanyak 20 kilogram beras setiap bulan. Program ini bagi membantu mereka yang terkesan dengan kos sara hidup yang tinggi walau pun ianya belum dilaksanakan. Ini adalah program yang baru diumumkan dan juga saya akan nyatakan tentang gerak kerja program ini yang akan dilaksanakan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Yang Berhormat, Senggarang juga melihat jika sasarannya kepada hanya berdaftar di bawah e-Kasih, maka program ini akan menimbulkan rasa kurang puas hati kepada

golongan yang lain. Sepatutnya program MyBeras ini juga boleh diberikan kepada ibu tunggal, warga emas dan lain-lain yang masih memerlukan bantuan dari pihak kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama Lembaga Pertubuhan Peladang merupakan di antara agensi yang terlibat secara langsung dalam pengagihan beras di bawah Program MyBeras. Program ini dijangka akan bermula dalam tempoh 10 bulan mulai 3 Mei 2016 hingga 28 Februari 2017. Di negeri Johor sebanyak 23 Pertubuhan Peladang Kawasan telah dilantik sebagai agen bagi penerima MyBeras, mengambil bantuan di sana. Dasar penetapan dan pemilihan MyBeras ini telah diputuskan di Mesyuarat Jawatankuasa Induk Program MyBeras di mana senarai peserta wajib terdiri daripada senarai e-Kasih. Individu yang tersenarai merupakan ketua isi rumah yang mempunyai pendapatan RM580.00 ke bawah serta dikenal pasti oleh pembanci-pembanci daripada Pejabat Daerah masing-masing. Walau bagaimanapun, kerajaan tetap prihatin kepada golongan yang tersebut di atas. Kementerian Pertanian telah mengambil inisiatif di mana golongan seperti ibu tunggal, warga emas dan lain-lain yang disebut boleh mendapat borang permohonan tersebut di 23 pertubuhan yang dipilih dan senarai permohonan tersebut akan diangkat untuk justifikasi di peringkat unit Pelarasan Pelaksanaan ICU Negeri Johor dan Pejabat Daerah masing-masing. Senarai yang terpilih akan disenaraikan dan di dalam senarai e-Kasih bagi kategori miskin tegar dan seterusnya dipilih sebagai peserta di bawah bantuan Program MyBeras bagi bulan berikutnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, manakala berkenaan dengan *exit plan*, dengan izin untuk kandang khinzir negeri Johor, pada 8 April 2015, perbincangan pertaksanaan Modern Pig Farming (MPF) telah diadakan dengan Persatuan Penternak Khinzir. Beberapa persetujuan telah dicapai dengan perbincangan tersebut. Antaranya :

1. Penternak bersetuju dengan pelaksanaan MPF dengan syarat tempoh pengalihan di tambah 3+5. Penambahan SPP bagi ladang-ladang yang berpotensi, bantuan kewangan kerajaan dan penempatan semula ladang. Perbincangan lanjut akan diadakan di bawah UPEN bagi memuktamadkan lokasi Moden Pig Farming dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat daripada Parit Yaani ada menyatakan tentang kebimbangan mengenai penurunan harga komuniti tempatan yang begitu rendah serta cadangan untuk pembelian kopun baja dan racun kepada petani-petani yang mempunyai tanah di bawah 5 ekar. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui agensinya seperti RISDA telah melaksanakan 5 program insentif bagi membantu penoreh getah yang terjejas pendapatan akibat kejatuhan harga getah.

1. Insentif pengeluaran getah (IPG).
2. Sistem *foling*.
3. Pengecualian cukai getah.
4. Program Laman Kebun.
5. Aktiviti Ekonomi Tambahan.

Program Ekonomi Taman juga boleh dicadangkan kepada pekebun kecil oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Maksudnya pekebun kecil juga boleh mendapat manfaat daripada Jabatan Veterinar iaitu Projek Kebun Integrasi, yang mana pakej bantuan adalah lebih kurang sebanyak 100 ekor ayam kampung dan keperluan-keperluan

makanan. Yang mana kita jangka dia boleh menambahkan pendapatan sehingga RM200.00 hingga RM300.00 sebulan kepada pekebun kecil ini. Projek Penternakan Rakyat, ternakan ayam kampung juga, kita juga boleh, pekebun juga boleh mendapat manfaat Projek Ternakan Rakyat, Ternakan Ruminan di mana kita bagi ternakan lembu dan juga kambing kepada pekebun-pekebun kecil yang berkelayakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tenang mengenai cadangan bagi ditubuhkan sebuah institusi pertanian bertepatan dengan Segamat sebagai Hab Pertanian. Untuk makluman Yang Berhormat, Institut Pertanian Semenanjung Malaysia (IPSM) merupakan institusi di bawah pentadbiran Jabatan Persekutuan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. Untuk cadangan bagi mewujudkan institusi pertanian di Segamat, perkara ini akan diperhalusi dahulu di peringkat daerah seperti lokasi, keperluan infrastruktur dan kemudahan sebelum mengemukakan cadangan tersebut ke peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Namun begitu, untuk makluman, Institut Latihan Kemahiran Perladangan di bawah pentadbiran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komuniti sedang dalam pembinaan di Batu Anam, Segamat yang dijangka siap pada penghujung tahun 2016. Perlaksanaan latihan masih lagi di dalam perbincangan di peringkat Kementerian Perusahaan dan Komuniti kerana pemilikan institut ini masih di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri telah bersetuju untuk melantik perunding Unit Teknologi Sdn. Bhd., pakar runding UTM untuk membuat kajian terhadap nelayan Johor Selatan khususnya memastikan pembangunan nelayan akan dapat terus dipertingkatkan di sebalik pembangunan pesat yang sedang atau terus dibangunkan. Skop kajian ini meliputi :

1. Menyediakan maklumat asas dalam sosio ekonomi nelayan Selatan Johor di kampung terlibat.
2. Merangka pelan pembangunan perkampungan dan transformasi nelayan.
3. Apabila pembangunan telah siap dan penglibatan nelayan dalam sektor ekopelancongan boleh dibangunkan.
4. Menghasilkan model perintis dan pakej perniagaan yang berjaya menjana serta menambah dan mempelbagaikan pendapatan nelayan.
5. Memberi penyelesaian yang praktikal dan berkesan kepada kerajaan bagi menghadapi isu-isu yang dihadapi oleh nelayan.
6. Mewujudkan dana dan tabung pusingan untuk pembangunan nelayan selatan Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Sungai Balang, program menambah dan mempelbagaikan ekonomi nelayan bagi meningkatkan pendapatan nelayan Johor telah dan sedang dilaksanakan. Kawasan tersebut iaitu perairan selatan telah dibangunkan Projek Kluster Ternakan Kupang di Selat Johor dan dengan peruntukan persekutuan sebanyak RM3.6 juta, manakala di pengairan pantai barat pula, ternakan kerang secara kluster di Ayer Baloi telah dilaksanakan dan sedang beroperasi. Aktiviti ternakan kerang berasaskan komuniti nelayan pula di perairan Pontian telah dilaksanakan di Kukup Laut, Permas, Penerok, Pulau Sebatang dan juga Sungai Benut. Jabatan akan terus mengenal pasti kawasan serta kaedah dan teknologi baru bagi meningkatkan pengeluaran termasuk meningkatkan tahap kualiti dan keselamatan produk. Kawasan

perairan pantai Muar seperti Sungai Balang, Parit Jawa, Seri Menanti dan lain-lain adalah merupakan sebahagian kawasan yang berpotensi untuk ternakan kupang dan kerang. Dianggarkan sekurang-kurangnya 1,000 hektar kawasan tersebut sesuai untuk ternakan kupang dan juga kerang. Kawasan benih dan juga industri kupang akan terus diberi perhatian bagi membolehkan nelayan mengeluarkan benih untuk dijual di samping untuk ternakan. Kita menyambut baik cadangan Yang Berhormat Sungai Balang. Sehubungan dengan itu penubuhan jawatankuasa pembangunan ini boleh dirangka bersama dengan Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan komuniti nelayan serta masyarakat setempat.

Pelbagai aktiviti sokongan seperti pemprosesan hasil laut, eko-pelancongan, agro-tourism dan lain-lain akan dapat menjana ekonomi dan perwujudan peluang pekerjaan. Produk nilai tambah pula dapat meningkatkan harga dan pasaran yang lebih luas dan menjamin pulangan yang lebih lumayan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya lihat kesungguhan dan sokongan Yang Berhormat Sungai Balang sangat kami hargai bagi pembangunan nelayan di kawasan beliau. Bagi menjayakan program ini, saya akan mencadangkan kelulusan peruntukan di bawah pembangunan Agro-pelancongan 2013. Jadi, saya mula nak cakap Sungai Balang menghantar cadangan tapi rupanya awal-awal dia dah whatsapp kat saya insya-Allah kita akan pertimbangkan Yang Berhormat daripada Sungai Balang atas kesungguhan beliau tidak putus-putus untuk membangunkan sama ada nelayan, pertanian, ternakan di kawasan beliau. Saya ucap terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

**YB Dato' Timbalan Speaker :** ADUN lain tak ada chance ke?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Insya-Allah boleh kalau dicadangkan seperti Yang Berhormat Sungai Balang kita boleh pertimbangkan, Yang Berhormat Dato' Speaker.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Atau perempuan aje yang dibagi pertimbangan? (Dewan ketawa).

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Boleh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Serom, Jabatan Perikanan buat masa ini telah pun mengenal pasti nelayan dan kawasan terbabit dengan projek pembangunan di negeri Melaka sepertimana yang dibangkitkan oleh ADUN Serom. Seramai 264 nelayan dengan 246 vessel serta hampir keseluruhannya adalah sampan di Kesang dan Parit Karang dikuatiri terancam jika pembangunan di Melaka khususnya pelabuhan berkenaan dibangunkan sepenuhnya. Di samping itu juga, kawasan ternakan kupang oleh PNK Ledang seluas 2 hektar juga terancam.

Pemantauan berhubung kesan pembangunan tersebut sedang dijalankan termasuk kajian mutu air serta tapak. Perundingan nelayan berkenaan juga akan diteruskan. Manakala untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Rinting, pelbagai aplikasi teknologi baru dengan aktiviti akuakultur telah dan sedang diperkenalkan bagi meningkatkan pengeluaran ikan. Di antaranya sistem *Smartline*, *Recirculated Aquaculture System* dengan menggunakan kolam serta tangki dan lain-lain. Spesies ikan yang bernilai tinggi telah dan sedang diperkenalkan seperti Ikan Tilapia GIFT, Kerapu Hybrid, udang laut dan lain-lain. Institut Penyelidikan Perikanan Gelang Patah telah menghasilkan pelbagai



penemuan untuk percubaan di lapangan untuk kemajuan industri serta peningkatan pengeluaran pendapatan.

Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bio Desaru merupakan salah satu projek kerajaan negeri yang telah menyumbang kepada pengeluaran dari aktiviti akuakultur dan perikanan negeri. Sehingga kini Bio Desaru telah mengeluarkan kira-kira 1.6 juta tan benih udang putih setahun daripada pusat penetasannya di Bio Desaru. Manakala dianggarkan pada tahun 2018, Bio Desaru bakal menghasilkan pengeluaran tahunan kira-kira 3,600 tan udang, 6,000 tan ikan kerapu, 1 juta tan benih ikan kerapu. Lain-lain pengeluaran tahunan bagi hasil akuakultur dan perikanan bagi Bio Desaru ialah tambahan 250 tan ikan kerapu, 1,700 tan ikan air tawar, 1 juta tan udang harimau dan 2 juta tan benih firam *triploid*. Keseluruhan projek ini melibatkan pelaburan berjumlah RM620.7 juta dan akan siap sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pekan Nenas, mengenai projek pembangunan yang dilaksanakan oleh LKIM di Sungai Pontian Kechil, untuk maklumat terdapat 3 komponen yang dibina oleh LKIM iaitu dewan pemasaran, jeti pendaratan ikan dan pam minyak diesel. 3 komponen tersebut telah siap sepenuhnya pada Mei 2015.

Kelewatan bot-bot berpindah masuk disebabkan masalah kedalaman kawasan lagun, jeti tambatan bot nelayan. Kedalaman sedia ada tidak sesuai untuk bot beroperasi dalam kawasan lagun.

Berhubung dengan masalah pancang tambatan yang tidak disediakan oleh pihak pemaju. Pancang tambatan mula dibina pada Februari 2016 dan telah siap 100% pada 15 April 2016. Kos pancang ditanggung pihak pemaju WFC Development selepas keputusan mesyuarat bersama YB EXCO Pelancongan, MDP, LKIM, WFC dan juga pihak nelayan.

Dalam masa yang sama, pihak WFC bersetuju untuk tanggung kos bagi kerja-kerja pendalaman kawasan lagun. Kerja-kerja telah bermula pada 10 Mac 2016. Sehingga kini lebih kurang 70% telah siap. Kerja-kerja pendalaman dilakukan oleh bot-bot nelayan. Di jangka 1 Mei 2016 bot baru boleh masuk dan juga beroperasi.

Infrastruktur yang disediakan oleh LKIM telah siap sepenuhnya. Dewan pemasaran dijadikan pejabat pusat pengisytiharan pendaratan ikan. Nelayan-nelayan wajib mendaratkan ikan di jeti pendaratan ikan sedia ada dan terus diisytiharkan tangkapan hasil laut. Pejabat isytihar akan mula beroperasi serentak dengan perpindahan bot masuk ke jeti tambahan.

Pam minyak diesel untuk nelayan masih dalam pembinaan dan di jangka siap 1 Mei 2016. Bekalan air dalam proses permohonan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan jutaan terima kasih dan hargai sokongan kepada Yang Berhormat Semerah dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan ucapan tahniah kerana dapat menganjurkan banyak program bagi meningkatkan pendapatan petani seperti Program Hari Peladang, Penternak, Nelayan Kebangsaan, Mini Agro Johor dan lain-lain. Yang Berhormat juga telah mencadangkan agar program ini terus dilaksanakan di setiap DUN terutamanya di DUN luar Bandar.

Untuk maklumat Yang Berhormat, Mini Agro Johor adalah merupakan salah satu inisiatif kerajaan negeri di bawah anjuran Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kerjasama semua jabatan ataupun agensi di bawah portfolio tersebut. Program yang

berkonsepkan sebagaimana MAHA telah lebih memfokuskan kepada petani, penternak, nelayan dan usahawan di dalam negeri Johor. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat yang telah bertapak di dalam negeri atau antarabangsa juga dijemput terutamanya yang membawa teknologi terkini bagi pembangunan pertanian di negeri Johor. Tentatif pelaksanaan Siri Mini Agro Johor 2016 seperti berikut:

1. Mini Agro Johor Daerah Muar, pada 1-3 April 2016 di Persiaran Maharani, Muar - telah dilaksanakan.
2. Mini Agro Johor Daerah Segamat, pada 5-8 Mei 2016, di Dataran Labis
3. Mini Agro Johor Daerah Batu Pahat ataupun Road To MAHA 2016, di Batu Pahat pada 28-30 Julai 2016, insya-Allah di Sri Medan.

Jadi, kita jemput ramai-ramai untuk hadir.

Untuk makluman Yang Berhormat, Karnival Muafakat Tani merupakan satu program baru yang dilaksanakan bersama kerajaan negeri bagi tujuan memberi peluang kepada usahawan-usahawan tani tempatan dan daerah berhampiran mempromosikan produk di samping menggalakkan konsep jualan terus dari ladang, selain memberi pendedahan kepada petani tentang teknologi terkini dalam bidang pertanian. Program ini adalah berskala kecil dilaksanakan mengikut lokasi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang terdapat di dalam negeri Johor.

Adalah menjadi impian, ianya akan diadakan di setiap DUN yang terdapat di dalam negeri Johor. Walau bagaimanapun, penganjuran setiap Karnival Muafakat Tani dan juga Mini Agro Johor adalah tertakluk kepada peruntukan yang diberikan oleh kerajaan negeri.

Pada tahun ini, Pelancaran Karnival Muafakat Tani telah dilaksanakan sempena Majlis Pecah Tanah Tapak Pasar Tani Kekal di Permas Jaya. Turut dijadualkan 2 siri Kembara Karnival Muafakat Tani adalah di DUN Serom pada 21 hingga 23 April 2016, kad jemputan telah diedarkan, jemput beramai-ramai dan DUN Endau pada Mei 2016. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada YB DUN Semerah, patutnya tempat dia diadakan tetapi dia memberi peluang kepada rakan-rakan kita yang lain kerana di Parlimen Parit Sulong akan diadakan Road To MAHA. Iaitu program yang diadakan oleh pihak Kementerian Pertanian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Buloh Kasap menyatakan adakah Jabatan Pertanian dapat membantu petani yang menghadapi masalah kemarau dengan bantuan kemudahan pam air mudah alih untuk dipinjam secara sementara dan berkala oleh para petani mengikut mukim atau zon di dalam ADUN.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pertanian sedia membantu petani-petani yang menghadapi masalah kemarau akibat fenomena *El Nino* yang kini sedang melanda negara. Setakat ini, kebanyakan bantuan yang diberikan oleh Jabatan Pertanian kepada petani adalah dalam bentuk bantuan ihsan berupa input pertanian kepada tanaman yang terjejas. Bantuan ihsan yang diberikan adalah bagi memulihkan kembali projek petani yang terjejas akibat bencana.

Jabatan Pertanian juga telah dan akan terus membantu petani dalam bentuk menyediakan pam air dan tangki mudah alih kerana ia melibatkan kos yang lebih rendah berbanding telaga tiub. Bantuan kemarau dalam bentuk telaga tiub hanya tertumpu kepada projek yang berkeluasan dan berimpak besar di mana projek tersebut memberi sumbangan kepada pengeluaran makanan negara.

Pada tahun lepas, Jabatan Pertanian di bawah peruntukan persekutuan telah menerima 15 unit telaga tiub di Projek Sayur Komersial Sengkang Bukit Gambir, Tangkak yang menelan belanja hampir RM1 juta, yang melibatkan 600 ekar dan 120 petani yang terlibat.

Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan ihsan yang diberikan oleh Jabatan Pertanian melibatkan peruntukan persekutuan dan juga negeri. Namun begitu, untuk bantuan ihsan yang besar dan kemudahan pembekalan seperti pam air dan tangki, pihak jabatan juga memanjangkan masalah yang dihadapi oleh petani-petani ini kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani supaya dapat membantu melalui peruntukan pembangunan persekutuan. Kita merasakan terdapat kawasan-kawasan yang perlu diberi pembinaan telaga tiub di mana melibatkan keluasan dan jumlah petani yang ramai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat daripada Serom yang telah mencadangkan kawasan sawah padi di beri tumpuan umpamanya bagi membina sekurang-kurangnya bangunan separuh kekal untuk petani berehat.

Setakat ini, tiada peruntukan di bawah mana-mana program yang dikhaskan untuk pembinaan bangunan separuh kekal di sawah-sawah untuk tujuan petani berehat. Walau bagaimanapun, bagi projek sawah yang berpotensi untuk dipromosikan kepada para pelancong sebagai kawasan Agro-pelancongan, permohonan boleh dibuat kepada pihak MARDI selaku urus setia kepada Program Pembangunan Agro- pelancongan Negeri Johor untuk mendirikan fasiliti dan struktur guna sama seperti wakaf dan sebagainya bagi penyelesaian dan kegunaan pelancong.

Sukacita dimaklumkan bahawa, baru-baru ini Jawatankuasa Pembangunan Agro-pelancongan Negeri Johor telah pun meluluskan 2 wakaf di sawah Kesang Tasek, 2 wakaf lagi di sawah Telok Rimba yang kini dalam proses pembinaan. Yang kedua-duanya berjumlah RM100,00.00 yang telah kita luluskan. Di harap ia dapat member manfaat kepada para pelancong yang berkunjung serta petani di kawasan ini. Insya-Allah, nanti kawasan Mersing, sawah padi Mersing dan juga Bukit Gambir, Sawaring juga akan kita pertimbangkan peruntukan kerana ini dua-dua lokasi ini menunjukkan kawasan pelancongan sawah padi yang menarik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu kesan penggunaan serangga perosak pada tanaman yang dibangkitkan oleh DUN Serom terhadap tanaman padi kerap menjadi tajuk perbincangan di kalangan penyelidik. Kebanyakan petani menggunakan racun serangga semaksimal mungkin bagi mengawal perosak dan penyakit pada tanaman padi. Sesetengah daripada mereka menggunakan racun tanpa melihat tahap serangan serangga perosak malah yang memburukkan lagi keadaan mereka membuat campuran racun sesuka hati secara cocktail (lebih daripada 2 jenis). Kebanyakan petani juga lebih gemar memilih racun di mana ia bukan sahaja membunuh semua perosak malah serangga yang bukan perosak turut menjadi mangsa.

Amalan penggunaan input khususnya racun di tahap maksimum memang sinonim dengan usaha peningkatan hasil. Namun kemusnahan-keseimbangan-ekologi dan kepelbagaian biologi akibat penggunaan racun berlebihan ini akan mengakibatkan produktiviti sistem di sesebuah kawasan itu juga menurun. Sebab itulah kita lihat populasi ikan di sekitar sawah semakin berkurangan dan tiada langsung seperimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Serom. Sebenarnya terdapat kaedah yang lebih selamat selain penggunaan racun untuk mengawal serangga ataupun perosak iaitu pelaksanaan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Proses IPM yang mesra alam ini bukan sahaja mendatangkan hasil yang lumayan tetapi dapat meningkatkan aras produktiviti agrokologi tanaman padi. Manakala permasalahan tanaman Duku di Kesang, Tangkak

untuk maklumat Yang Berhormat, Projek Tanaman Duku di kawasan Tangkak banyak ditanam di kawasan mukim Kesang. Ini Duku Kesang yang memang popularlah di daerah Tangkak, tapi ini belum mengeluarkan hasil Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau keluarkan hasil Yang Berhormat Serom boleh jemput kita makan Duku Kesang yang manis.

Terdapat lima projek kelompok tanaman duku di kawasan Kesang yang didaftarkan di bawah projek kelompok Jabatan Pertanian iaitu PB Kampung Kesang Tengah, PB Kampung Kesang Laut 2, PB Kampung Tanjung Gading Timur, PB Kampung Tanjung Gading Timur 2, PB Parit Bunga. Permasalahan yang berlaku adalah tidak kesuburan tanaman Duku tersebut. Antara faktor masalah ini adalah disebabkan kekurangan penjagaan dan pembajaan tanaman tersebut juga umur tanaman yang melebihi 17 tahun hingga 30 tahun. Kesannya pokok akan kelihatan tidak sihat dan psikologi tanaman yang tidak subur serta kekurangan hasil tanaman pensyoran:

1. Pihak jabatan bersedia untuk memberi khidmat nasihat dan mengadakan bimbingan kepada petani melalui petani di kawasan dan juga lapangan.
2. Pensyoran baja akan melibatkan pihak teknikal Pengurusan Sains Tanah Ayer Hitam untuk pengambilan sampel di kawasan tanaman Duku. Ini bertujuan untuk pensyoran pembajaan dengan kadar yang bersesuaian.
3. Akan memohon dana peruntukan tambahan untuk program pemulihan tanaman Duku dan yang;
4. Permohonan baja tambahan untuk program galakan peningkatan pengeluaran pertanian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli Berhormat dari Yong Peng hasil buah tandan segar (BTS) memang akan menurun selama empat tahun dari tarikh mula serangan selepas semburan udara sekurang-kurangnya mengambil masa dua tahun untuk hasil pengeluaran pulih seperti biasa buat masa ini tiada sebarang bentuk bantuan lain dari segi kewangan diberikan.

Walau bagaimanapun, (MPOB) Malaysia Palm Oil Board telah memberikan bantuan kepada pekebun kecil dalam bentuk pembekalan makanan bermanfaat sebanyak 3,000 pokok untuk ditanam di sekitar kebun. Selain itu bantuan seperti semburan udara dan perangkap feromon juga diberikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Sungai Abong telah menyebutkan tentang kambing kacang. Orang Muar panggil kambing Kacang nama sebenarnya Kachang, nama betulnya Yang Berhormat yang dipercayai juga berasal daripada negara kita dan juga Indonesia. Kita akan terus memajukan pengeluaran kambing ini di mana ia mudah diternak banyak kelebihan dan tahan lasak. Kambing ini menjadi pilihan untuk kenduri dan juga musim perayaan. Cumanya baka-baka yang kita import seperti boh, pari dan lain-lain itu adalah keperluan daging kerana kita hendak meningkatkan keperluan daging kambing dalam negeri Johor kerana kambing Kacang ini dagingnya tidak banyak, sikit sesuai untuk buat akikah harga tak mahal dan orang kampung sesualah. Setakat ini sebenarnya, kita kambing kacang ini diternak agak aktif di Mersing, Batu Pahat dan juga kampung kitalah dekat Muar. Yang Berhormat lebih kurang 5,000 ekor yang telah diternak. Saya pun tak tahu macam mana angka lima puluh lebih Yang Berhormat dapat kambing ini diternak. Jadi sebagai orang Johor, sebagai orang Muar Yang Berhormat Sungai Abong kita orang Johor tidak tunduk kepada cabaran. Insya-Allah kita akan mempertingkatkan kambing Kacang lagi dalam negeri Johor. (Dewan bertepuk).

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Bagus lebih daripada boh dan Janapari kambing kacang ni.

**YB Pengerusi Pertanian dan Industri Asas Tani :** Pari ini kambingnya besar nak ternaknya agak sukar kerana dia mudah...

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Kafa tulangnya besar, bukan dagingnya yang banyak.

**YB Pengerusi Pertanian dan Industri Asas Tani :** Cara pembelaannya agak sukar Yang Berhormat Dato' Speaker. Dia macam mudah kena penyakit, kalau kambing Kacang ini dia tahan lasak agak kurang kena penyakitlah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga hendak mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Naning selaku Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Johor yang telah berjaya membangunkan industri pemakanan, industri pembuat makanan ternakan negeri Johor yang telah dibina kilang makanan ternakan di Bukit Bujang, Segamat. Kilang ini mampu mengeluarkan 120 tan sebulan makanan ternakan yang dijamin halal. PPNJ juga melalui PPK akan melaksanakan program barunya iaitu program tanaman jagung yang akan dapat menampung keperluan makanan juga ternakan yang saya kira peringkat awalnya akan di tanam jagung pada lebih 30 ekar dalam negeri Johor. Jadi, saya ucap tahniah pada Yang Berhormat Bukit Naning dan kita harap Pertubuhan Peladang Negeri Johor terus memainkan peranan membantu sektor pertanian negeri Johor, di mana Johor akan terus menjadi gedung makanan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk akhirnya untuk kita sama-sama melihat sepanjang tiga tahun menerajui Portfolio Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor. Kemajuan sektor pertanian dalam negeri Johor semakin pesat membangun di sebalik cabaran-cabaran yang harusnya diharungi. Kerenah-kerenah birokrasi ditangani satu demi satu kita cuba memastikan setiap bantuan geran kelulusan dan sebarang urusan dipermudahkan tanpa menjejaskan keperluan dan tuntutan peraturan. Masyarakat memerlukan penyelenggaraan sesuatu perkara ataupun kelulusan. Kesemua ini menuntut cara penelitian baru, cara baru, budaya baru seperti mana yang dinyatakan dalam Gagasan Johor Berkemajuan.

Kami di sektor pertanian juga tidak terlepas untuk mewujudkan *synergi impress* dengan izin. Sehubungan dengan itu tiga langkah diperkenalkan untuk meneruskan usaha-usaha membangunkan Usahawan Asas Tani.

1. Program membangun mengakar usahawan tani. Berakar maksudnya ke bawah. Pakej membantu usahawan meningkatkan pengeluaran IKS, membantu melahirkan usahawan-usahawan baru di rumah-rumah, menyelesaikan masalah mendapatkan pekerja, meningkatkan pendapatan usahawan petani.

Pakej khusus berkongsi formula produk. Pembelian bahan mentah secara produk oleh mentor dari menti-menti untuk dipasarkan. Pakej bantuan peralatan yang bersesuaian, kemudahan pinjam dari TEKUN dan Agro Bank, ini program berakar.

2. Adalah program mencambah usahawan tani. Mewujudkan peraih-peraih di peringkat mukim dan juga kampung memastikan produk pertanian boleh dipasarkan. Pakej-pakej yang kita tawarkan, kursus-kursus yang bersesuaian, kemudahan pembiayaan dari TEKUN dan Agro Bank, bantuan peralatan pemasaran daripada FAMA dan juga agensi yang berkaitan. Seterusnya

3. Mewujudkan produk keluaran negeri Johor. Kita bercadang untuk setiap jenama produk keluaran negeri Johor ditagkan sebagai Jauhar Johor Best. Apa pun jenama keluaran itu, mereka akan dibantu dari segi reka bentuk, pembungkusan, pensijilan dan keperluan tertentu untuk kebolehpasaran. Buat permulaan, 20 pengusaha akan diberi akan dapat manfaat melalui program ini yang melibatkan perbelanjaan sebanyak sejumlah RM140,000.00 melalui Skim Program Galakan Usahawan.

Kita akan memperluaskan lagi masa mendatang, *synergi impress* terhadap sektor pertanian yang lain. Kerjasama dan daya kesungguhan semua pihak diperlukan bagi memastikan Johor terus jadi gedung makanan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sedaya upaya menyelami denyut nadi rakyat bukan hanya melalui retorik atau slogan-slogan tertentu seperti yang di saran oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. Kita agensi di bawah Port Folio Pertanian dan Asas Tani akan terus menjayakan segala perancangan kerajaan negeri. Diharap jawapan ini dapat sokongan dan juga dukungan semua pihak warga Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demikianlah tadi penjelasan saya di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sepanjang Dewan ini, saya faham ada beberapa perkara yang dibangkitkan tidak dapat saya jelaskan, Insya-Allah Yang Berhormat kita bolehlah sentiasa berhubung dan juga saya menyeru juga kepada Ahli Yang Berhormat dapat membantu saya untuk cadangan projek pembangunan pertanian untuk tahun 2017 yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyarankan supaya kita mengenal pasti peluang-peluang, apa yang kita boleh bantu petani, nelayan dan juga penternak di kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jadi itu sahaja saya ucapkan terima kasih, Assalamualaikum Warahmatullahi Warabakatuh.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Terima kasih Pengerusi.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, Peraturan Tetap 45(xiii)(a),(b),(d) dan Peraturan Tetap 124 dirujukkan. Saya ingin membawa satu isu berkenaan apa yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Kukup pada hari 20 April semalam menurut... muka surat 57 ke 58

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Skudai duduk. Kita sedang berbahaskan jawapan-jawapan pengerusi, saya rasa tidak payah nak buat *interruption*. Duduk.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut Peraturan Tetap 32(viii) kita ada 10 orang ahli di sebelah sini, untuk membangkitkan sebab ini isu yang penting Yang Berhormat Kukup telah memberikan fakta yang memesongkan dan juga mempertikaikan apa yang di dalam audit muka surat 80 nisbah semasa yang dihuraikan oleh saya Skudai pada 18 April ada merujuk kepada nisbah semasa iaitu nisbah di antara liabiliti aset semasa dan liabiliti semasa Johor Corp. Itu huraian saya ada betul berasaskan dalam laporan audit tapi apa yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Kukup telah sengaja memesongkan fakta dan ini sudah melanggar Peraturan Tetap dan saya memohon supaya beliau meminta maaf kepada Dewan yang mulia ini, sebab beliau memberikan \_\_\_ yang salah, tafsiran *hearing racial* tidak pernah dihuraikan oleh saya, lagi pun tafsiran untuk *hearing racial* yang diberikan oleh Yang Berhormat Kukup itu adalah salah. Dia kata liabiliti dia ada nisbah liabiliti dan ekuiti dan aset. Dipanggil *hearing racial* adalah nisbah di antara liabiliti dan ekuiti. Oleh itu, itu satu tuduhan yang serius dan juga memberikan fakta yang tidak berasaskan dan juga memesongkan, apa fakta yang diberikan oleh Laporan Ketua Audit Negara.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau dia hendak terangkan balik biar dia jawab nanti penggal akan datang, inikan sekarang kerajaan tengah jawab, kita hendak dengar apa kerajaan jawab perkara yang dibangkitkan oleh...

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat Skudai kita sudah faham, sila duduk.

**YB Cik Wong Shu Qi (Senal)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita berpendapat bahawa perkara ini mengelirukan Dewan iaitu kami minta perkara ini ...

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Urusan kerajaan kita dahulukan, sila duduk.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat kena rujuk kepada Perkara T21.

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Skudai duduk. Semua duduk.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Yang Berhormat Dato' Speaker sebenarnya kami hanya meminta untuk menarik balik kenyataan yang telah mengelirukan Dewan ini.

**YB Tan Sri Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat kita teruskan perbahasan ini. Sila EXCO yang berkenaan jawab.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam muafakat Johor. Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan doa).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberikan ruang kepada saya untuk menyampaikan penggulungan pada pagi ini. Saya juga menjunjung setinggi-tinggi kasih dan ucapan tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim di atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena perasmian bagi penggal persidangan keempat Dewan Negeri Johor yang ke-13 pada 14 April yang lalu. Syukur juga saya panjatkan ke atas Allah SWT Rabbuljalil kerana memberi nikmat kesihatan iman dan Islam untuk saya menyampaikan ucapan penggulungan pada kali ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penerimaan masyarakat Islam Johor terhadap pendidikan agama yang telah diwujudkan di negeri ini telah dianggap sebagai satu keperluan pendidikan meskipun pendidikan agama diwujudkan pembelajarannya di sekolah kebangsaan. Oleh yang demikian, kerajaan Johor melalui Bahagian Pendidikan Agama Islam Negeri Johor sangat komited dalam menyediakan keperluan dan kemudahan di Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Johor, bagi memastikan pembelajaran murid-murid dalam keadaan yang selesa.

Untuk menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat, kerajaan Johor prihatin atas apa yang berlaku di sekolah-sekolah agama di dalam kawasan FELDA seperti Sekolah Agama FELDA Adela, Sening, Tunggul dan Kledang. Dan, untuk pengetahuan Yang Berhormat pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah pun melantik kontraktor bekalan bagi membekalkan keperluan seperti kerusi dan meja murid-murid dan guru-guru berdasarkan permohonan yang telah dibuat.

Untuk makluman Yang Berhormat lagi, kerajaan juga telah mengambil maklum di mana terdapat banyak sekolah agama di kawasan FELDA yang masih belum di selenggara dengan baik. Ini adalah kerana peruntukan sedia ada tidak boleh menampung

permintaan bangunan yang perlu dibaiki. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor sentiasa memberi bantuan bagi memastikan penyelenggaraan bangunan sekolah yang uzur di kawasan FELDA terutamanya pihak Jabatan juga telah membuat permohonan kepada FELDA supaya membantu menyediakan peruntukan bagi menyelenggara bangunan sekolah agama di kawasan FELDA.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya menerangkan dengan ringkas mengenai Sekolah Agama Parit Raja Darat, yang dibangkitkan, yang telah siap dibina tetapi masih tidak dapat diguna pakai seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maharani. Sekolah tersebut telah siap dibina dan menerima surat kebenaran menduduki dari Pengarah Jabatan Agama Islam Johor pada 3 April 2016 dan pihak sekolah juga telah berpindah dari bangunan guna sama iaitu Sekolah Kebangsaan Parit Raja pada 10 April 2016. Seperti sedia maklum Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) telah dilantik kerajaan bagi menjalankan kerja pembinaan sekolah agama. Dan, pihak KPRJ dapat menyiapkan bangunan tersebut dengan segera. Walau bagaimanapun, bangunan tersebut telah lama disiapkan tetapi ianya masih tak dapat digunakan adalah kerana masalah bekalan air yang masih belum mendapat kelulusan daripada pihak Syarikat Air Johor. Dan, insya-Allah, ianya akan dapat digunakan pada penggal kedua persekolahan pada bulan Jun ini, 2016 ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Buloh Kasap dan Yang Berhormat Kempas ada membangkitkan isu guru agama yang masih tidak mencukupi. Untuk makluman Yang Berhormat, keperluan pengambilan guru sekolah agama adalah menjadi keutamaan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor. Untuk menjalankan temu duga bagi memenuhi kuota guru agama dan juga mengisi kekurangan guru agama yang telah bersara serta pengambilan dari pelajar-pelajar lepasan MARSAH dari tahun 2015, 2016, 2017. Namun yang demikian, pengambilan guru agama ini iaitu gred DGA29 ini dibuat secara berperingkat, di mana iklan akan dibuka oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor dan mengikut keperluan daripada Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Johor, di mana pihak Bahagian Pendidikan Islam akan mengemukakan status bilangan guru mengikut keperluan pada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor dan seterusnya dimajukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor di mana, iklan untuk pengambilan DGA29 untuk calon awam diiklankan sepanjang tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Kempas lagi, cadangan bagi melengkapkan keperluan ke sekolah-sekolah agama agar dilengkapi dengan wifi dan internet bagi membantu pembelajaran masih lagi dalam penelitian Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam negeri Johor. Memandangkan ianya akan membabitkan kos yang tinggi, oleh yang demikian, pihak Jabatan akan sentiasa membuat penelitian dari masa ke semasa agar keperluan murid sekolah akan datang akan dapat direalisasikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjelaskan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paloh. Untuk makluman Yang Berhormat, Sekolah Agama Bandar Paloh tidak disenaraikan pembinaannya dalam fasa 1 hingga fasa 4 adalah kerana status tapak bangunan sekolah tersebut masih belum selesai dan masih belum mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan untuk dijadikan tapak sekolah agama pada ketika itu. Walau bagaimanapun, kerjasama di antara kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Johor pada tahun 2015, kini status tanah sudah diperolehi. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah mencadangkan kepada Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) agar sekolah tersebut dimasukkan dalam senarai fasa kelima di mana kerja-kerja pembinaan fasa 5 ini dijangka dibina pada pertengahan tahun 2017.



Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Berhormat Maharani, ada membangkitkan isu guru takmir yang ada tauliah mengajar di surau dan masjid tetapi tidak mendapat elaun dan imbuhan. Untuk maklumat Yang Berhormat, mana-mana yang ingin mengajar dan menyampaikan ceramah agama hendaklah mendapatkan tauliah bertepatan kehendak Seksyen 118, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003. Elaun ataupun imbuhan mengajar di surau dan masjid yang diberikan pada guru takmir adalah bersumberkan daripada Tabung Kebajikan Surau dan Masjid yang diwujudkan oleh surau atau masjid berkenaan. Dan, sumber daripada kerajaan persekutuan yang disalurkan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kepada Bahagian Pengurusan Masjid, Unit Takmir, Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Bagi elaun guru takmir yang dikaitkan dengan kuota hanya berlaku kepada elaun guru takmir yang menuntut elaun guru takmir daripada JAKIM sahaja. Pihak JAKIM telah mengehadkan kuota guru takmir kepada negeri Johor seramai 638 orang kuota sahaja setakat ini. Sebarang cadangan penambahan hendaklah melalui kelulusan JAKIM melalui Mesyuarat Penyelarasan Takmir Negeri-Negeri Seluruh Malaysia bagi tujuan mengelakkan masalah kekurangan peruntukan. Walau bagaimanapun, bagi mana-mana guru takmir yang telah dilantik sebagai guru takmir JAKIM turut tertakluk kepada syarat-syarat tertentu bagi membolehkan pembayaran elaun berdasarkan tuntutan yang dikemukakan pada tiap-tiap bulan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Puteri Wangsa ada membangkitkan mengenai sebilangan pelajar MARSAH yang dikatakan tidak memenuhi syarat kemasukan bagi meneruskan pengajian di Mesir. Untuk maklumat Yang Berhormat, pelajar lepasan Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) tidak dapat menyambung pengajian ke MAAHAD Qiraat Al-Azhar adalah bukan disebabkan oleh tidak memenuhi syarat kemasukan tetapi disebabkan oleh penyemakan semula kurikulum oleh MAAHAD Qiraat Al-Azhar yang melibatkan semua MAAHAD Tahfiz di Malaysia yang memerlukan persetujuan semula di antara MAAHAD Qiraat di Malaysia dengan MAAHAD Qiraat Al-Azhar. MAAHAD Al-Azhar melalui MAAHAD Qiraat telah menyemak semula kurikulum semua MAAHAD Tahfiz di Malaysia yang telah dihantar semula ke MAAHAD Al-Azhar. Masalah pengiktirafan permasalahan ini telah dapat diatasi secara beransur dengan pengiktirafan semula kepada semua MAAHAD Tahfiz di Malaysia, di mana pada tahun 2015 masalah ini juga telah dilalui oleh Darul Quran JAKIM, Kuala Lumpur, di mana Bahagian Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah pun dapat diselesaikan melalui perbincangan bersama Menteri yang berkenaan.

Beberapa buah MAAHAD Qiraat di Malaysia telah pun mendapat pengiktirafan semula pada awal tahun 2016 ini. MARSAH bersama Majlis Agama Islam Negeri Johor telah menghantar dan mengemas kini semua dokumen yang berkaitan termasuk beberapa keperluan yang telah diminta oleh pihak MAAHAD Qiraat Al-Azhar melalui kedutaan dan telah diambil tindakan sewajarnya dengan harapan agar isu berkaitan ini dapat diselesaikan dalam waktu yang terdekat.

Seramai beberapa orang pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran wal-Qiraat lepasan MARSAH telah membuat permohonan di MAAHAD Qiraat Al-Azhar bagi tahun 2015 melalui Kementerian Pendidikan Malaysia dan permohonan tersebut telah diterima serta diluluskan untuk melanjutkan pengajian di Mesir. Walau bagaimanapun, kebenaran daripada Kementerian Pelajaran Malaysia telah dibatalkan kerana urusan MARSAH bersama MAAHAD Qiraat belum selesai. Namun begitu, pelajar-pelajar meneruskan juga hasrat mereka untuk ke Mesir bagi melanjutkan pengajian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Puteri Wangsa juga membangkitkan mengenai isu penutupan badan kebajikan pelajar Johor di Mesir iaitu ianya merupakan

satu arahan kerana persatuan tersebut tidak patuh kepada aturan Kedutaan Besar Malaysia di Mesir supaya mendaftar dengan pihak kedutaan sekali gus berdaftar dengan kerajaan Mesir. Keadaan ini boleh membahayakan kedudukan anak-anak Johor yang sedang menuntut di sana. Tiada tangkapan ataupun penahanan di lokap oleh polis terhadap anak-anak Johor di Mesir. Apa yang berlaku hanyalah ditahan di bilik siasatan kerana didakwa mencederakan pengawal keselamatan di rumah Johor. Apa yang paling utama, kehadiran pelajar-pelajar ini di Mesir adalah untuk mendalami ilmu agama dan kembali ke Malaysia dengan kejayaan bukan terlibat atau terbabit dengan kegiatan politik atau mencampuri urusan politik di negara lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rengit, Projek Wakaf Johor telah diperkenalkan sejak tahun 1993 dan dari tahun tersebut sehingga kini pihak Wakaf Johor di bawah seliaan Majlis Agama Islam Negeri Johor telah melaksanakan 10 buah projek setakat ini. 6 daripada projek tersebut telah selesai manakala bakinya masih lagi sedang dibuat. Projek ini mewakili Projek Wakaf Pendidikan, Wakaf Kesihatan dan juga Wakaf Pertanian. Senarai projek-projek wakaf yang telah selesai kutipannya ialah :

1. Projek Wakaf Bangunan iaitu kos projek RM6 juta untuk dijadikan pusat rawatan hemodialisis.
2. Projek Wakaf Bangunan Asrama Pelajar di Mesir dengan kos RM6 juta, menempatkan anak-anak Johor.
3. Projek Wakaf Tanaman Kelapa Sawit dengan kos RM230,370.00 iaitu ladang wakaf.
4. Projek wakaf bangunan kedai di Fortune Point, Iskandar Puteri iaitu RM1.57 juta, keseluruhan 4 pintu dan telah disewakan premis tersebut.
5. Projek wakaf Mushaf Al-Quran di mana kosnya melibatkan RM1.48 juta.
6. Projek wakaf sekolah tahfiz di Kluang di mana kosnya melibatkan RM4.8 juta.

Dan, insya-Allah, Majlis Agama Islam Negeri Johor melalui Bahagian Wakaf telah pun menerbitkan wakaf, mewujudkan wakaf yang berkaitan dengan pembelian asrama pelajar di Jordan di mana kosnya melibatkan lebih kurang RM14.7 juta. Senarai projek-projek wakaf yang masih dalam kutipan ialah :

1. Projek wakaf bangunan sekolah agama di mana kos projek sebanyak RM86 juta iaitu bangunan sekolah agama yang telah siap dibina sehingga kini iaitu sebanyak 29 buah.
2. Projek wakaf bangunan Darul Furqan di mana kos projek sebanyak RM6 juta.
3. Projek wakaf mesin hemodialisis di mana kos projek sebanyak RM4.5 juta.
4. Projek wakaf bangunan asrama pelajar di Jordan melibatkan RM14.7 juta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Parit Yaani ada membangkitkan agar cadangan agar kuasa agihan bantuan diturunkan kepada Kadi Daerah supaya agihan dapat dijalankan dengan lebih efisien. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Agama Islam Negeri Johor dari semasa ke semasa sentiasa menambah baik sistem penyampaian perkhidmatannya terutama berkaitan permohonan bantuan zakat kepada masyarakat awam yang memerlukan bagi menangani keperluan yang segera oleh mereka yang

datang memohon. Majlis Agama Islam Negeri Johor telah menyediakan kemudahan panjar segera di setiap daerah di bawah kuasa Amil Baitulmal ataupun kadi daerah di mana kelulusan terus boleh diberikan dengan kadar berikut:

1. Bantuan keperluan harian, maksima RM500.00.
2. Bantuan perubatan maksima RM2,000.00
3. Bantuan bencana alam maksima RM3,000.00
4. Bantuan keputusan belanja musafir, maksima RM500.00

Bantuan-bantuan ini diberikan mengikut keperluan ketika itu dan juga sementara menunggu bantuan tetap atau bantuan bulanan diluluskan. Selain itu, kuasa meluluskan bantuan pendaftaran ke IPT juga telah diperturunkan kepada Amil Baitulmal daerah dengan kadar tidak melebihi RM1,000.00.

Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam usaha membuat penurunan kuasa bagi bantuan-bantuan yang lain seperti bantuan sara hidup bulanan dan bantuan perubatan bulanan dan lainya mengambil sedikit masa kerana melibatkan pindaan peraturan dan tatacara kewangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Jaya, melalui peruntukan wang zakat, Majlis Agama Islam Negeri Johor menyediakan Skim Bantuan Rawatan Buah Pinggang melalui kaedah rawatan hemodialisis dan CAPD. Ianya meliputi pembiayaan rawatan hemodialisis sebanyak 13 kali sebulan di hospital kerajaan dan pusat-pusat rawatan dialisis termasuk suntikan Eprex dengan kos di antara RM2,500.00 hingga RM5,000.00 sebulan.

Selain itu bagi pesakit buah pinggang yang baru, Majlis Agama Islam Negeri Johor menyediakan kos pemasangan tapak fistula sebanyak RM1,300.00 hingga RM3,000.00. Selain rawatan hemodialisis bagi pesakit buah pinggang, rawatan lain yang melibatkan buah pinggang iaitu rawatan melalui kaedah *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) turut dibantu kos rawatannya oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Bagi tahun 2014, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah membelanjakan sebanyak RM33.6 juta kepada 2,393 pesakit buah pinggang di seluruh negeri Johor bagi rawatan hemodialisis. Manakala bagi tahun 2015, jumlah tersebut telah meningkat kepada RM41.5 juta dengan jumlah pesakit seramai 2,977 orang. Bagi tahun 2016 pula, sebanyak RM42 juta diperuntukkan bagi membiayai kos rawatan ini di 70 pusat rawatan termasuk di hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan kerajaan.

Sebagai langkah mengurangkan perbelanjaan dan seterusnya dapat membantu pesakit, Majlis Agama Islam Negeri Johor melalui Saham Wakaf Johor yang telah mewujudkan Saham Wakaf Mesin Hemodialisis yang memberi peluang kepada masyarakat menyumbang pembelian mesin ini dan seterusnya akan di-sumbangkan-kepada-pusat-pusat rawatan dialisis di seluruh negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Sungai Balang ada membangkitkan mengenai Skim Bantuan Zakat Perumahan Asnaf oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, pembinaan rumah transit asnaf secara berkelompok atau perkampungan asnaf ini dicetuskan rentetan daripada masalah golongan fakir dan miskin yang memerlukan rumah tetapi tidak mempunyai tanah sendiri bagi dibinakan rumah.

Di antara langkah yang diambil ialah perkongsian dan kerjasama dengan Pejabat Daerah supaya rumah transit ini dapat di bina di tapak PPRT yang dirizabkan untuk membina rumah golongan miskin. Dalam masa yang sama Majlis Agama Islam Negeri Johor juga telah mengenal pasti beberapa tanah-tanah wakaf yang bersesuaian untuk turut dibangunkan dengan rumah transit ini secara berkelompok. Perkampungan ini akan dibina dan dilengkapi dengan surau, taman permainan dan kemudahan asas yang lain supaya ianya memberi kemudahan kepada mereka yang tinggal di situ.

Projek pertama perkampungan asnaf ini melibatkan 32 rumah transit bagi asnaf iaitu di Jalan Tok Wan Tenglu, Mersing telah di bina pada Januari 2015 dan kini telah siap sepenuhnya. Memandangkan masih terdapat keperluan untuk golongan yang memerlukan rumah lagi di Mersing, Majlis Agama Islam telah menambah 20 unit lagi bagi fasa yang kedua di kawasan ini dan sekarang ini sedang dalam pembinaan.

Selain di Mersing, bagi tahun 2016, pembinaan rumah transit berkelompok ini akan di teruskan di beberapa kawasan lagi.

1. Gemereh Segamat sebanyak 20 unit.
2. Bukit Kepong Muar sebanyak 20 unit.
3. Punggal Kota Tinggi sebanyak 20 unit.
4. Simpang Renggam sebanyak 25 unit.

Pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor akan sentiasa mencari, berusaha untuk mengenal pasti tapak-tapak rumah bagi memperbanyakkan lagi bilangan rumah transit bagi asnaf fakir dan miskin.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Agama Islam Negeri Johor tiada halangan untuk bekerjasama dengan mana-mana agensi dalam memberi kemudahan dan membela kebajikan asnaf dalam bentuk kewangan atau pun infrastruktur kerana pembinaan sebuah perkampungan asnaf melibatkan peruntukan yang agak besar kerana pelbagai kemudahan perlu disediakan.

Yang terhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan isu pentauliah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maharani, untuk makluman Yang Berhormat, tindakan penguatkuasaan telah pun diambil kepada penceramah yang tidak mempunyai tauliah, setakat ini ada empat kes yang masih dalam siasatan dan jika sabit kesalahan mereka akan di denda sebanyak RM5,000 atau 3 tahun penjara, atau kedua-duanya sekali. Untuk makluman Yang Berhormat juga, terkini seramai 2 orang telah pun dijatuhi hukuman bersabit kesalahan ini, yang mana seorang daripadanya menerima hukuman denda sebanyak RM5,000.00 dan 6 bulan penjara, dan manakala lagi seorang lagi didenda sebanyak RM5,000.00 manakala penganjur yang menganjurkan majlis ini juga akan didakwa kerana bersubahat.

Yang terhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagai agensi yang bertanggungjawab berkaitan hal ehwal Agama Islam di negeri Johor, kami amatiah menggalakkan usaha dakwah kepada masyarakat, namun perlulah mengikut peraturan yang telah ditetapkan, supaya dakwah yang disampaikan secara benar dan hendaklah tidak mengelirukan dan memecah-belahkan masyarakat di negeri ini khasnya dan di Malaysia umumnya.

Bukankah dakwah itu hakikatnya adalah bagi mendatangkan keharmonian dan kesejahteraan di kalangan masyarakat, dakwah hendaklah dapat memberi manfaat yang baik kepada yang menerima dakwah bukannya mendatangkan lagi masalah atau

pun sifat kebencian dan menyalahkan di antara satu kelompok dengan kelompok yang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Kempas di atas keprihatinan beliau berkenaan penceramah yang ada kini, berkenaan isu pemberian saguhati, ianya adalah melibatkan persetujuan di antara penceramah dan kemampuan penganjur yang menganjurkan majlis yang dijalankan. Oleh itu kebiasaannya bayaran yang diberikan kepada penceramah adalah berdasarkan hala penganjur yang mana mereka dinilai dari segi kepakaran, keilmuan mereka, kebiasaannya sagu hati yang mereka berikan kepada penceramah adalah keinginan mereka sendiri bagi mengiktiraf sumbangan dalam usaha menyampaikan dakwah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah berusaha untuk memberikan jawapan yang terbaik berdasarkan soalan yang dibangkitkan dan cuba menerima teguran dan memperfikirkan segala cadangan yang diberi dan mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sentiasa prihatin di atas permasalahan yang ada. Dan jika ada perkara yang terlepas pandang, akan saya berikan perhatian dan mengambil tindakan susulan di atas perkara tersebut dari masa ke semasa. Maaf di ucapkan sekiranya ada kekurangan dalam menyampaikan maklumat, yang baik dan buruk datangnya dari Allah akan tetapi kelemahan itu adalah datangnya dari diri saya sendiri. Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Jemput, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia :** Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam muafakat Johor. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan di Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Saya juga ingin merakamkan ucapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan DYMM Sultan Johor yang telah berangkat merasmikan Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada 14 April 2016 yang lalu. Sebagai rakyat negeri Johor, sesungguhnya kita berasa amat bertuah kerana DYMM Tuanku sentiasa memikirkan kepentingan dan kebajikan rakyat khususnya. Semoga negeri Johor Darul Ta'zim akan terus makmur, aman, di bawah naungan pemerintahan DYMM Tuanku.

Sukacita juga saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada pentadbiran kerajaan negeri di bawah kepimpinan Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled Nordin yang telah berjaya meletakkan nama Johor bukan sahaja di persada tanah air tetapi juga sehingga di rantau Asia ini. Kemajuan dicapai di bawah kepimpinan beliau telah membolehkan Johor mengorak langkah jauh ke hadapan dalam usaha menjadikan Johor sebagai sebuah hab ekonomi utama di rantau ini.

Sememangnya banyak perkara yang telah dikemukakan semasa sesi perbahasan ini sama ada yang berbentuk soalan-soalan, cadangan, sokongan, malah tidak kurang juga ada respons yang berbentuk teguran. Walau apa pun rupa dan ragam respons yang diberikan, kerajaan negeri akan sentiasa berlapang dada untuk menilai setiap soalan dan memberi perhatian akan segala cadangan yang sesuai demi memastikan mencapai matlamatnya serta boleh direalisasikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada sidang yang kali ini, banyak isu berkaitan dengan pekerja asing telah pun dibangkitkan. Yang Berhormat daripada Bentayan juga telah

membangkitkan isu berkenaan dengan tindakan kerajaan persekutuan membekukan serta merta kemasukan tenaga kerja asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan persekutuan telah membekukan kemasukan pekerja asing baru bagi memastikan tiada lambakan pekerja asing dan sebagai usaha menangani isu kebergantungan serta bilangan pendatang asing tanpa izin, PATI yang ramai. Penangguhan dan pembekuan ini bagi membolehkan kerajaan menilai dan meneliti keperluan sebenar tenaga kerja oleh pihak industri selain untuk mengetahui jumlah PATI bagi tujuan pemantauan dan faktor keselamatan semasa. Namun begitu, pembekuan ini adalah bagi permohonan pekerja asing baru sahaja. Manakala bagi majikan yang telah mendapat kelulusan kuota daripada pihak Kementerian Dalam Negeri sebelum arahan pembekuan, dibolehkan untuk mengambil pekerja asing mengikut kuota yang telah diluluskan. Pihak kerajaan juga menyediakan alternatif bagi memastikan industri ketiga dapat meneruskan operasi mereka dengan mengadakan program pengajian dan penempatan semula pendatang asing tanpa izin atau *rehiring* dengan izin, dari negara-negara sumber yang telah bermula dari 14 Februari 2016 dan akan tamat pada 30 Jun 2016, sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Program ini sebenarnya bertujuan untuk mendaftar PATI yang bekerja secara haram di Malaysia atau mana-mana pekerja asing yang telah tamat tempoh permit kerja untuk diberikan permit kerja yang sah bagi memenuhi sektor pekerjaan yang dibenarkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, secara dasarnya, kerajaan akan sentiasa mengambil perhatian terhadap isu pengambilan pekerja asing supaya peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan, keselamatan negara, kesihatan, kerukunan masyarakat dan keharmonian industri sentiasa menjadi keutamaan. Dengan perancangan dan pelaksanaan yang teratur sahaja hasrat untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing dapat direalisasikan. Justeru, usaha demi usaha sentiasa dilakukan oleh kerajaan bagi menggalakkan majikan menarik minat pekerja tempatan untuk bekerja terutamanya di sektor pembinaan, pembuatan, perladangan, perkhidmatan dan pertanian. Jabatan Tenaga Kerja atau JTK juga mengadakan rundingan dengan majikan supaya membayar upah yang lebih tinggi dan lain-lain kemudahan ditawarkan kepada pekerja sebagai tarikan kepada pekerja tempatan. Contohnya seperti pengenalan kepada *System Productivity Link Wages*, sistem PLWS dengan izin, yang mana ia menggalakkan majikan untuk memberi elaun tambahan kepada pekerja berdasarkan produktiviti dan prestasi kerja. Peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan juga turut menggalakkan *Talent Work Force* dengan izin, yang terdiri daripada golongan suri rumah, ibu tunggal, pesara, Orang Kurang Upaya dan pelajar institusi pengajian tinggi untuk bekerja sama ada secara tetap, separa masa atau *home working*, dengan izin.

Program penempatan pekerjaan yang sering dianjurkan oleh *Jobs Malaysia* mahupun mana-mana agensi lain turut membantu mendaftarkan tenaga kerja dengan menemukan dengan majikan-majikan untuk di temuduga. Dengan cara ini calon tempatan sentiasa memperolehi peluang untuk mendapat pekerjaan dengan lebih mudah dan meluas.

Kadar gaji minimum di bawah Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 telah menetapkan bahawa kadar gaji minimum bagi seluruh negara bermula 1 Julai 2016 adalah RM1,000.00. bagi seluruh semenanjung Malaysia. Manakala bagi Sabah, Sarawak dan Labuan adalah RM920.00.

Kesimpulannya, semua perkara-perkara di atas merupakan antara usaha kerajaan yang telah dan sedang dilakukan bagi menggalakkan penyertaan pekerja tempatan di dalam

pasaran buruh negara. Bagi konteks negeri Johor yang sedang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar usaha yang lebih komprehensif dan progresif sedang dijalankan oleh pusat-pusat latihan awam dan swasta yang bertauliah di negeri ini dalam melahirkan tenaga kerja mahir untuk memenuhi keperluan dan kehendak pasaran industri. Dan juga sukacita untuk saya ingin memaklumkan di sini, bahawa dalam pembentangan Bajet 2016 kerajaan negeri juga telah meluluskan penubuhan Unit Swadaya Insan Negeri Johor iaitu satu unit baharu yang akan berfungsi sebagai agensi bertanggungjawab untuk sumber manusia di mana sebelum ini, kita hanya mengharapkan agensi pusat untuk melaksanakan program-program sumber manusia di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Kempas telah menyentuh isu berkenaan dengan redeploy pekerja asing. Sebagaimana disampaikan redeploy ataupun rehiring, dengan izin adalah alternatif pihak kerajaan persekutuan dalam mengurangkan jumlah kemasukan pekerja asing yang baru. Sebaliknya mengajikan semula pekerja asing yang tamat tempoh, permit atau pati yang sudah berada di negara ini. Kita meyakini kerajaan pusat akan memperhalusi pelaksanaan rehiring ini supaya ia memberi impak yang positif dan baik sebagaimana diharapkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan negeri juga telah menubuhkan satu jawatankuasa iaitu berkenaan dengan isu pekerja asing di Pengerang di mana task force keperluan guna tenaga projek Pengerang Intergrated Petroleum Complex yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri. Fungsi jawatankuasa ini adalah memastikan bahawa projek dan tatacara kelulusan bagi permohonan pengambilan pekerja asing di bawah projek PIPC ini dapat dibuat dengan telus dan keputusan secara bersama. Pembekuan pengambilan pekerja asing tidak melibatkan pengambilan pekerja asing di Pengerang yang dibawa ke jawatankuasa ini.

Saya juga ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat supaya diwujudkan Jabatan Imigresen di Pengerang bagi menangani isu pekerja asing yang mudah menyelinap masuk termasuk penguatkuasaan. Difahamkan bahawa Jabatan Imigresen Malaysia Johor menyedari terhadap keperluan bagi perwujudan Pejabat Imigresen dalam Daerah Kota Tinggi khususnya di kawasan Pengerang. Justeru, pihak Jabatan Imigresen Malaysia Johor sedang meneliti kesesuaian pembukaan pejabat imigresen di daerah ini dan akan mengemukakan permohonan untuk pertimbangan dan kelulusan kerajaan persekutuan.

Seterusnya, isu berkaitan dengan kemasukan pendatang haram sepanjang 70 kilometer khususnya di daerah Kota Tinggi, Pengerang yang juga dibawa oleh ADUN Tanjung Surat. Pemantauan agensi-agensi berkaitan terus dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memastikan kedaulatan persisiran pantai di negeri Johor sentiasa terjaga dengan sempurna. Pemantauan dan kawalan ini meliputi operasi bersepadu, tindakan pencegahan, penahanan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Bagi mengekang kemasukan pendatang asing tanpa izin ini, pihak-pihak berwajib telah terus mempergiatkan langkah-langkah sinergi menerusi gerakan-gerakan operasi bersepadu yang membabitkan PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Jabatan Imigresen.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tanjung Surat, statistik tangkapan di bawah Akta Imigresen bagi tahun 2014 dan 2015 ialah, bagi tahun 2014 sebanyak 70 kes telah pun direkodkan, bagi tahun 2015 sebanyak 152 kes, di mana orang yang ditangkap bagi tahun 2014 ialah 1278 orang dan bagi tahun 2015 ialah 1012 orang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Senai ada membangkitkan isu mengenai pembekuan cuti pegawai imigresen di BSI. Yang Berhormat Dato' Speaker, bilangan



kaunter keseluruhan tidak setara dengan bilangan pegawai yang ada untuk operasi 24 jam. Seterusnya, isu pembekuan cuti pegawai adalah sebagai langkah sementara bagi membolehkan semua kaunter di BSI beroperasi sepenuhnya. Justeru itu, tindakan *redeployment* atau penempatan semula pegawai dilaksanakan dari pejabat-pejabat cawangan dan bahagian dalam negeri Johor serta dari pejabat-pejabat imigresen dari negeri-negeri lain. Untuk pengetahuan Yang Berhormat lagi, kajian semula struktur organisasi dan permohonan perjawatan tambahan akan dikemukakan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dalam jangka masa terdekat ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sidang ini juga Yang Berhormat ADUN Penggaram, Yang Berhormat ADUN Parit Yaani, Stulang, Machap juga banyak membangkitkan mengenai keperluan tenaga kerja mahir dan juga lambakan buruh asing dan pada masa yang sama juga memaklumkan bahawa ramai pekerja yang mempunyai kemahiran bekerja di negara jiran Singapura dan sebagainya. Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar komited menubuhkan bidang fokus untuk negeri yang terdiri daripada 5 teras utama iaitu Pengukuhan Pembangunan Inklusif, kedua, peningkatan kesejahteraan rakyat, ketiga, Pembangunan Modal Insan, keempat, Pemerkasaan Infrastruktur dan kelima, Peraka Hiasan Pertumbuhan Ekonomi. Bagi meningkatkan peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi, pihak kerajaan telah komited dengan melakukan transformasi untuk memenuhi keperluan pasaran. Antaranya adalah mewujudkan jalinan kerjasama antara penyedia latihan industri dan pihak kerajaan. Anak-anak tempatan cenderung bekerja di Singapura walaupun ia dalam sektor 3D kerana ditawarkan gaji yang lumayan. Justeru, antara cadangan yang boleh dilakukan bagi menarik minat pekerja tempatan untuk menyertai sektor 3D tempatan ialah seperti berikut:

Pertama ialah penjenamaan semula, *rebranding* dengan izin. Nama jawatan dan deskripsi tugas bagi menarik minat pekerja tempatan untuk menyertai sektor 3D. Ini sekali gus dapat menarik minat pekerja tempatan dalam masa yang sama dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap pekerja-pekerja ini.

Yang kedua, menambah nilai kerja melalui inovasi dan kreativiti dengan memperbanyakkan elemen automasi yang berteknologi tinggi bagi meningkatkan produktiviti pekerja.

Dan yang ketiga yang cukup penting, majikan juga perlulah menawarkan tema-tema dan syarat-syarat pekerjaan yang lebih baik dalam aspek kesihatan dan keselamatan seperti faedah perubatan, menyediakan peralatan *personal protective equipment (PPE)* dengan izin, bagi pekerja yang bekerja di sektor yang merbahaya dan lain-lain. Di samping itu juga, majikan haruslah membayar gaji pokok, memberi elaun tambahan kepada pekerja-pekerja seperti elaun-elaun kedatangan, elaun kenderaan, elaun makanan, menawarkan *gratuity* bagi pekerja yang bersara dan sebagainya. Kerana kita percaya bahawa majikan haruslah menawarkan gaji yang kompetitif barulah kita boleh mengekalkan pekerja yang mahir, pekerja yang berpengalaman dan juga mempunyai kemahiran untuk terus bekerja dalam pasaran pekerjaan tempatan. Sekiranya majikan hanya memberi fokus kepada produktiviti dan keuntungan semata-mata tanpa menghiraukan kebajikan pekerja, kita percaya apa jua dasar yang dibawa, rakyat negeri Johor khususnya akan terus mencari peluang di kawasan-kawasan yang lain yang memberi gaji yang lebih tinggi dan lumayan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai isu pekerja asing pula sebab saya katakan tadi, pekerja asing merupakan langkah sementara majikan untuk menampung kekosongan jawatan di syarikat-syarikat terutamanya majikan di sektor 3D iaitu *dirty, dangerous* dan *difficult* dengan izin. Pihak jabatan tenaga kerja telah mempunyai prosedur operasi



standard yang lengkap dari proses pengambilan sehingga penempatan supaya peluang sentiasa diutamakan kepada pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Stulang ada membangkitkan isu berkaitan kepada sama juga iaitu isu yang sama, jadi dalam usaha untuk beralih ke status negara maju, daya saing harus sama dengan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan mampan dalam ekonomi dunia. Produktiviti perlu dipertingkatkan selain daripada menggalakkan pihak industri juga menambah nilai kerja melalui inovasi dan kreativiti dengan memperbanyakkan elemen automasi yang berteknologi tinggi dan peningkatan tenaga kerja yang berkemahiran juga sentiasa menjadi agenda utama kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tanjung Surat juga ada membangkitkan isu bahawa kurangnya lokap polis di kawasan Pengerang. Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk maklumat di daerah Kota Tinggi ada sebanyak 3 lokap iaitu di Balai Polis Kota Tinggi, Balai Polis Pengerang dan Balai Polis Sungai Rengit. Ini bukan Rengit Batu Pahat, Sungai Rengit. Balai Polis Kota Tinggi ada sejumlah 20 sel yang mana pecahannya ialah 5 sel bagi lelaki, 13 sel bagi wanita, manakala 2 sel bagi pihak cawangan khas. Jumlah kapasiti maksimum yang dibenarkan adalah sebanyak 133 orang. Balai Polis Kota Tinggi sebenarnya telah pun digazetkan pada tahun 2010. Bagi Balai Polis Sungai Rengit, ada sejumlah 2 sel iaitu 1 sel bagi lelaki dan satu sel bagi wanita, yang mana kapasiti maksimum yang dibenarkan adalah seramai 6 orang. Balai Polis Sungai Rengit ini telah pun digazetkan pada 1984. Lain-lain balai yang mempunyai lokap adalah seperti Balai Polis Penawar, Balai Polis Batu 4, Balai Air Tawar 2, Balai Bukit Besar, Balai Kuala Sedili, Balai Teluk Sengat dan Balai Bandar Tenggara yang mana keseluruhan sel-sel adalah sebanyak 43 sel, 29 sel untuk lelaki, 12 sel untuk wanita dan 2 sel bagi cawangan khas. Jumlah kapasiti bagi keseluruhan lokap-lokap bagi daerah Kota Tinggi adalah sebanyak 246 orang. Bagi Balai Polis Pengerang hanya ada 1 sel sahaja. Iaitu diperuntukkan untuk wanita sahaja. Lokap ini masih belum digazetkan maka dengan itu kadangkala jika terdapat lebihan orang kena tuduh (OKT) maka sudah tentulah mereka akan dipindahkan ke lokap-lokap lain termasuk ke lokap Kota Tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Pekan Nanas membangkitkan mengenai perjudian mesin kuda masih aktif di negeri Johor dan perlu meningkatkan penguat kuasa. Beliau pula mencadangkan untuk memotong bekalan elektrik premis berkenaan. Yang Berhormat Dato' Speaker, PDRM giat melancarkan operasi membanteras perjudian dalam talian. Pada awal tahun 2016 hingga 15 April yang lalu sebanyak 637 serbuan telah dilakukan dan seramai 2,297 individu telah ditahan manakala 128 kes telah didakwa di mahkamah. Sepanjang tahun lalu, sebanyak 1,559 serbuan telah dijalankan dan seramai 2,426 individu ditahan. Manakala dalam tempoh yang sama sebanyak 5,579 buah mesin dan komputer riba bernilai lebih RM2.8 juta serta wang tunai sebanyak RM249,974.00 dirampas dan 166 kes telah pun didakwa di mahkamah.

Untuk maklumat juga kesemua kes yang melibatkan perjudian dalam talian disiasat di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan bagi kes yang melanggar syarat lesen disiasat di bawah Enakmen Hiburan Negeri Johor 1998. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, bagi suku tahun ini, PDRM Johor berjaya mencapai sasaran sebanyak 41.75% pendakwaan bagi kes tersebut, sekali gus mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Dari awal tahun hingga Mac lalu, jumlah kes jenayah indeks jenayah Kontinjen Johor telah pun berkurang iaitu sebanyak 3192 kes berbanding 3,280 kes bagi tempoh yang sama tahun lalu. Jadi kita sepatutnya harus mengucapkan terima kasih kepada PDRM Kontinjen Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di sidang yang mulia ini juga Yang Berhormat ADUN Machap telah membangkitkan mengenai keselamatan di kawasan perumahan tidak

seharusnya meletakkan sepenuhnya tanggungjawab kepada pihak polis semata-mata. Tidak dinafikan pada hari ini walaupun banyak teknologi canggih di pasaran seperti sistem alat penggera, sistem litar kamera tertutup malah banyak lagi peralatan bagi melindungi rumah kita daripada di ceroboh, namun sumbangan tenaga daripada pihak komuniti juga turut memainkan peranan yang penting.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penubuhan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dalam kawasan rukun tetangga adalah satu langkah terbaik dalam mengurangkan kadar jenayah di sesuatu kawasan menerusi rondaan yang dilakukan dengan lebih kerap serta mengekalkan kebergantungan sepenuhnya kepada pihak Polis. Untuk makluman setakat Mac 2016, terdapat sebanyak 766 buah KRT di negeri Johor dan 582 buah SRS telah pun ditubuhkan. Antara aktiviti dan program yang dijalankan dalam Skim Rondaan Sukarela (SRS) ialah, Jom Ronda, Rondaan Rapat 1Malaysia dan juga Rondaan Berkala yang berasaskan kepada pencapaian impak. Selain daripada itu juga, kita juga nak memastikan bahawa masyarakat memainkan peranan yang penting untuk sama-sama membantu untuk menjaga keselamatan komuniti mereka.

Pihak RELA juga tidak memfokuskan penugasan kepada kepentingan individu atau organisasi tertentu, ia juga melibatkan penugasan kepada kepentingan umum yang mana buat masa ini RELA memfokuskan kepada kawalan keselamatan bangunan atau bangunan kerajaan. Semua penugasan ini sebenarnya mereka bergabung untuk sama-sama menjaga keselamatan komuniti dan masyarakat setempat. Pada masa yang sama seperti yang saya katakan tadi, kita tidak boleh hanya mengharapkan kepada pihak Polis, ATM dan RELA saja untuk membantu malah masyarakat menerusi KRT juga mestilah memainkan peranan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyimpul bicara saya memohon maaf atas sebarang kesilapan dan mana-mana soalan mahupun cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang berkaitan di bawah portfolio saya, saya telah cuba untuk memberikan jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang, tindakan susulan akan diambil oleh ketua-ketua jabatan saya.

Bunga dedap di atas para, anak Dusun pasang pelita, kalau tersilap tutur bicara, jemari disusun, maaf dipinta. Sekian terima kasih. Salam Muafakat Johor.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Ingat assalamualaikum tadi. Jemput Pengerusi Kerja Raya.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, tahniah diucapkan kepada semua Ahli Dewan yang telah dapat menghayati Titah Ucapan DYMM Sultan Johor sewaktu merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Keempat ini. Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan, teguran dan persoalan yang telah berbangkit sama ada pada sesi soalan-soalan lisan mahupun sesi perbahasan yang menyentuh portfolio Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelbagai isu telah disentuh oleh Ahli Dewan yang mencakupi soal catuan air, sama ada kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu dalam menangani sumber air mentah agar ianya mencukupi. Oleh kerana pencemaran mahupun penguatkuasaan kawasan-kawasan tadahan hinggalah kepada soal kualiti air terawat yang dibekalkan kepada pengguna. Ahli Dewan turut mengutarakan agar kerajaan menambah baik jawapan jaringan pengangkutan awam

dalam memberi keselesaan kepada rakyat sejajar dengan pembangunan negeri Johor yang pesat membangun.

Ahli Dewan turut mengingatkan kerajaan supaya projek-projek yang dilaksanakan dapat disiapkan sepertimana jadual dan tidak timbul masalah yang berulang sebagai contoh Pembinaan Lebuhraya Pasir Gudang yang kini pada peringkat fasa kedua pembinaannya.

Walaupun Yang Berhormat ADUN Tangkak bersedia untuk menanggung kos perkhidmatan jalur lebar kepada semua Ahli Dewan oleh kerana kerajaan tidak menyediakannya, percayalah bila kerajaan sediakan perkhidmatan WiFi saya yakin Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak akan mensyaratkan gambar beliau diletakkan di pintu Dewan, walaupun Yang Amat Berhormat ini jauh lebih handsome.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Kalau Tangkak dah kurus, saya rasa boleh.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Bukit Batu, ADUN Bukit Batu juga mengemukakan petisyen kepada saya supaya diluruskan selekoh 'S'. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini memang sudah lama dibangkitkan. Cadangan untuk meluruskan jalan berkenaan telah dipohon lagi. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ke-11 tapi masih belum mendapat kelulusan lagi. Yang Berhormat kena doa lebih sikit. (Dewan ketawa).

Dengan anggaran kos sebanyak RM8 juta, terlibat juga pengambilan balik tanah dengan anggaran kos RM3 juta. Untuk jangka pendek kerja-kerja penambahbaikan seperti *resurfacing*, pemasangan *signboard* tambahan, *blinkers light*, *transfers bar*, *road line* yang lebih jelas dan lain-lain akan terus dilaksanakan. Itu adalah program atau pendekatan jangka pendek.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan Johor begitu memandang serius perkara yang berhubung kait dengan isu sumber air dan bekalan air terawat dan atas perkara tersebut kerajaan negeri begitu komited dalam menyediakan rancangan jangka pendek, sederhana dan juga perancangan jangka panjang. Dalam memastikan kelestarian sumber air dan menjamin bekalan air terawat dapat disalurkan kepada pengguna.

Seperti mana yang telah diperjelaskan, semasa sesi sidang Dewan pada 19 April 2016 yang lepas, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam menangani perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semua. Dengan adanya kajian-kajian yang telah pun dijalankan.

Bagi memperkasakan lagi komitmen kerajaan negeri, Forum Air Johor yang dianjurkan pada 17 November 2015, telah membuat resolusi untuk kerajaan negeri bergerak bagi meneroka sumber air alternatif. Penggunaan teknologi bagi bekalan air bersih memperkasakan peranan BAKAJ dan pengurusan lembangan sungai secara bersepadu dengan lebih berkesan. Enakmen Air Johor juga dipinda dan mendapat perkenan DYMM Sultan Johor pada 15 Oktober 2014. Dan telah diwartakan pada 23 Oktober tahun yang sama bagi memberi lebih kuasa kepada Pengarah Sumber Air Negeri dalam aspek penguatkuasaan dan pengawalan aktiviti di kawasan-kawasan sumber air. Dengan berkuat kuasanya pindaan ini pada 1 Januari 2015 pihak BAKAJ telah diberikan peranan untuk memastikan pemain-pemain dalam industri air yang mengambil air mentah perlulah mendapat lesen dan sehingga kini sebanyak 170 lesen telah dikeluarkan. Kerajaan negeri juga berpandangan sejajar dengan resolusi Forum Air Johor, peranan BAKAJ perlulah diperkasakan selari dengan peranan yang diberikan melalui pindaan Enakmen Air yang berkuat kuasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada permasalahan berkaitan bekalan air terawat seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Sungai Abong dan Bentayan. Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan negeri telah pun mengemukakan permohonan kepada kerajaan persekutuan melalui Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air dalam Rancangan Malaysia Ke-11 termasuklah pembinaan Empangan MIDA dengan kos RM180 juta bagi mengatasi masalah air masin yang dihadapi oleh sebahagian pengguna di daerah Muar. Lanjutan daripada perkara tersebut, sebanyak RM2.5 juta akan dibelanjakan bagi kajian pembangunan lembangan air Sungai Muar secara keseluruhan.

Bagi permohonan oleh kerajaan negeri, untuk projek pembinaan Empangan Ulu Sedili Besar dan pemindahan air mentah Sungai Johor, dengan kos sebanyak RM660 juta, sudah pun mendapat perhatian kerajaan persekutuan. Kini, projek tersebut sedang dalam proses membuat kajian oleh juru perunding yang dilantik oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu gangguan bekalan air yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat, Yang Berhormat Pengerang dan juga Yang Berhormat Johor Jaya boleh dilihat berpunca daripada dua perspektif iaitu faktor semula jadi akibat kesan cuaca yang melampau dan faktor tangan-tangan manusia. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, muka sawk iaitu lokasi di mana air mentah di sedut untuk dirawat di loji-loji rawatan air di dapati dalam dua sifat iaitu didapati daripada sungai yang mengalir mahupun daripada takungan simpanan atau empangan. Kedua-duanya juga boleh terdedah kepada faktor semula jadi terutama kepada perubahan cuaca yang melampau, cuaca kering dan panas yang berlaku pada awal tahun ini, telah menyebabkan paras air di kedua-dua sumber bekalan air merosot sehingga ke paras kritikal. Sebagai contoh, di Kota Tinggi khususnya, kekurangan hujan dalam tahun 2015 menyebabkan Empangan Sungai Lebam yang membekalkan air mentah kepada Loji Rawatan Air Sungai Lebam, terus menunjukkan kemerosotan melepasi paras kritikal. Sehubungan itu pihak SAJ terpaksa mengambil langkah bagi mengatasi masalah kekurangan air mentah tersebut dengan melaksanakan bekalan air berjadual bagi kawasan terlibat. Ia merupakan langkah terbaik yang boleh diambil bagi memanjangkan tempoh penyimpanan bekalan air serta pengagihan bekalan air secara menyeluruh kepada semua pengguna dan pengguna dapat merancang sebaiknya penggunaan air tersebut.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya jemput duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita tangguhkan hingga jam 2:30 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.**

**Yang Berhormat Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Kita masih lagi dalam agenda menjunjung kasih penggulungan daripada Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa. Saya persilakan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor untuk menyambung dan seterusnya meneruskan penggulungan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Menyambung perbahasan saya bagi portfolio Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Pihak kerajaan negeri juga telah mengambil usaha bagi menjalankan tindakan memindah air mentah daripada Sungai Papan ke Empangan Sungai Lebam. Yang berkeupayaan 15 juta liter sehari bermula November lagi. Usaha ini berjaya meningkatkan paras air di Empangan Lebam seterusnya dapat menamatkan bekalan air berjadual bagi kawasan terbabit. Kini, penyaluran air mentah daripada Sungai Papan telah dihentikan operasinya pada 5 Mac yang lalu. Oleh kerana projek air mentah RAPID Petronas yang beroperasi secara mengepam dari rumah pam Seluyut dengan keupayaan sebanyak 30 juta liter sehari membantu mempertingkatkan paras air di empangan terbabit.

Sementara di Pasir Gudang, sebahagian Masai dan Johor Bahru pula, tindakan jangka pendek kerajaan negeri memindahkan air mentah dari Sungai Tiram ke Empangan Sungai Layang, dengan keupayaan 15 juta liter sehari juga telah berjaya membantu meningkatkan paras empangan ke paras yang lebih baik dan menamatkan bekalan air berjadual bagi kawasan berkenaan.

Manakala projek pemindahan air mentah bernilai RM100.6 juta yang diklasifikasikan sebagai *immediate work* dengan izin, merupakan satu pelan jangka panjang bagi memastikan takungan empangan Sg Layang dipertingkatkan berbanding pada masa ini yang sentiasa berada di paras bawah kritikal. Pengumuman yang dilakukan oleh YAB Perdana Menteri pada kunjungan ke negeri Johor Darul Takzim pada 6 Mac lalu merupakan projek pemindahan air mentah empangan Seluyut oleh pihak PETRONAS ke Empangan Sungai Layang Atas. Projek yang telah bermula pada 1 April 2016 itu kini dalam peringkat kerja reka bentuk dan kerja pembekalan paip air mentah bersaiz 1300 diameter jenis *mildsteel*. Projek ini dijangka siap selewatnya awal Mac tahun depan dan bermanfaat bagi memastikan bekalan air dapat disalurkan terus menerus sekaligus dapat mengelakkan pelaksanaan bekalan air berjadual.

Semasa bekalan air berjadual berlangsung pelbagai isu *operational* yang diterima semasa bekalan air berjadual itu dilaksanakan, namun dapat diatasi dengan segera sebaik aduan di terima. Sungguhpun demikian bagi kes terpencil umpamanya untuk kawasan tinggi selain menerima bekalan air disalurkan, pihak SAJ juga menggerakkan *tanker* bagi memastikan tiada pengguna yang terkecuali untuk menerima bekalan air berjadual yang diaturkan. Pembekalan air melalui *tanker* ini juga tidak di caj malahan pihak SAJ akan bertanggungjawab menanggung kos terbabit. Tahun ini pula sekali lagi mengikut putaran iklim fenomena cuaca panas yang berterusan pada waktu ini telah menyebabkan sungai-sungai dan empangan mengalami penyusutan yang amat ketara dan aliran air mentah kemuka sauk sangat sedikit. Keadaan ini menyebabkan SAJ mula menerima kuantiti air mentah yang tidak cukup untuk dirawat. Ini termasuklah sistem bekalan air di Lok Heng yang menerima air mentah daripada Sungai Sedili Kecil dan sistem bekalan air Sungai Gembut yang menerima air mentah daripada Sungai Gembut dekat Kota Tinggi. Kawasan terbabit bukan hanya merosot dari segi kuantiti air tetapi juga kemerosotan pada kualiti air mentah yang berlaku apabila paras air menyusut.

Oleh kerana itu, SAJ secara *operational* nya terpaksa mengambil langkah untuk melaksanakan bekalan air berjadual yang bertujuan untuk mengagihkan bekalan air terawat yang minima secara adil kepada semua pengguna terbabit di kedua-dua kawasan ini, bekalan air berjadual bermula masing-masing pada 18 April 2016 untuk Lok Heng dan juga 20 April sehingga, pada 20 April bagi Sungai Gembut. Dan, catuan ini akan dijangka berlarut sehingga 15 Mei. Manakata di Mersing Yang Berhormat Tan Sri Speaker, cuaca panas dan kering telah menyebabkan Empangan Congok dan Sungai

Mersing merosot hari ke hari. Keadaan berterusan ini turut menyebabkan logi rawatan air Tenggelu dan Loji Air Sungai Mersing tidak dapat merawat air pada kapasiti yang biasa. Kebiasaannya di kedua-dua loji ini saling berkebergantungan. Namun, pada situasi semasa ini Loji Sungai Mersing khususnya tidak menampung keseluruhan liputan kawasan Tenggelu. Dengan itu pelaksanaan bekalan air berjadual turut di teruskan di Mersing bermula pada 20 April. Kerajaan melihat penyelesaian jangka panjang ke atas keadaan ini dengan melaksanakan projek pembangunan sumber air untuk meninggikan paras simpanan air normal Empangan Congok dengan kos sebanyak RM7 juta.

Projek ini adalah dalam proses reka bentuk, dalam peringkat akhir reka bentuk oleh juru perunding yang dilantik oleh Kementerian. Usaha kerajaan bukan setakat itu sahaja malah sebagai langkah jangka sederhana usul-usul pembenihan awam berterusan dilaksanakan bersama-sama dengan Jabatan Metrologi di samping memohon doa melalui solat istisqa' juga diadakan di daerah-daerah yang terbabat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini berita baik. Di samping itu sukacita dimaklumkan bahawa beberapa projek baru sistem bekalan air terawat juga telah dan akan dilaksanakan. Dengan merujuk kepada projek membina loji rawatan air yang baru di Buloh Kasap dengan kos sebanyak RM62 juta. Sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Buloh Kasap. Perkara ini sedang dalam proses lantikan kontraktor. Begitu juga dengan loji rawatan air di Kahang. Dengan kos RM110 juta, Loji Rawatan Air Pagoh dengan kos RM110 juta dan loji rawatan air yang baru bagi Iskandar Malaysia di Sungai Layang dengan peruntukan lebih kurang RM500 juta. Kementerian sedang dalam proses melantik perunding untuk reka bentuk. Bagi projek menaik taraf loji rawatan air yang sedia ada termasuk Loji Rawatan Air Sungai Lebam, kos sebanyak RM28 juta telah disediakan. Loji Rawatan Air Bukit Serampang dengan kos RM23 juta sementara loji rawatan air Pemanis dengan peruntukan RM16 juta telah pun dipersetujukan oleh Perbadanan Aset Air Berhad.

Kerajaan negeri melalui BAKAJ telah melaksanakan kajian sumber air negeri Johor bagi 50 tahun dengan peruntukan sebanyak RM3 juta dibelanjakan oleh kerajaan negeri. Kajian sumber air ini bukan sahaja untuk menguruskan sumber air mentah secara lestari. Malah mengenal pasti sumber perbekalan air mentah yang belum pada masa hadapan. Agenda penguatkuasaan menjadi bidang yang diberi keutamaan oleh BAKAJ. Penguatkuasaan dari segi pencerobohan kawasan tadahan, eksteri air mentah, pembangunan kawasan tadahan akan dilaksanakan dengan BAKAJ diperkasakan melalui kewujudan Unit Penguatkuasaan bermula pada tahun 2016 ini. Penubuhan unit penguatkuasaan ini di harap dapat menyelesaikan isu pencerobohan yang ditimbulkan. Selain menambah hasil kerajaan Johor, melalui lesen-lesen ekstrasi air mentah, tahun 2016 sahaja akan menyaksikan sumbangan bagi air mentah hasilnya akan meningkat sebanyak 25%. Ini terutamanya akan di sumbang oleh pengeluar tenaga elektrik bebas IPP dan juga lesen terhadap jefi-jefi di seluruh negeri Johor.

Dulu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita tidak kenakan bayaran pada mereka yang mengambil air laut dan daripada sumber bawah tanah. Tetapi kali ini kita akan mengenakan bayaran. BAKAJ pada tahun 2015 sahaja telah berjaya memungut sebanyak RM45 juta. Dengan memperkasakan BAKAJ juga pastinya akan meningkatkan lagi penguatkuasaan dan perluasan peranan terutama berkaitan dengan aduan-aduan sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Machap berhubung dengan masalah kualiti air yang berlaku di Loji Rawatan Air Simpang Renggam. Kesan daripada kandungan amonia yang tinggi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, BAKAJ juga telah memulakan langkah untuk mengenal pasti sumber air alternatif iaitu air bumi. Kerja-kerja mengenal pasti akan dimulakan

dengan mengenal pasti teknologi terkini bagi memastikan bukan sahaja rizab air bumi yang mencukupi, tetapi juga dapat mengenalpasti kewujudan sungai bawah tanah. Dengan menggunakan teknologi *4D Water Cycle Visualizing* dengan izin, yang diperkenalkan oleh *Japan Water Forum* melalui pakar Profesor Dr. Kotaro Takemura. Kerja-kerja pengujian sample awalan telahpun di jalankan oleh Profesor Takemura di daerah Kota Tinggi, di kawasan Gunung Pulai dan juga UTM Skudai. Oleh yang demikian, lawatan teknikal BAKAJ ke bandar raya Komamoto dan juga Fukuoka Jepun akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat.

Kerajaan Johor sentiasa berpandangan dan fokus ke arah menyediakan dan meningkatkan kemudahan infra jalan-jalan yang ada di negeri Johor termasuklah program pembangunan jalan-jalan kampung dan jalan-jalan negeri. Sepertimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada ucapan Bajet 2016, dengan jelas menyatakan bahawa Johor yang membangun mestilah Johor yang terhubung dengan baik melalui prasarana jalan rayanya. Sehubungan bagi pembangunan jalan-jalan kampung, kerajaan negeri akan membina 150 kilometer rangkaian jalan kampung baru dan menaik taraf jalan kampung yang sempit sepanjang 70 kilometer dengan jumlah peruntukan sebanyak RM50 juta.

Dalam Bajet 2016 juga, kerajaan negeri akan memperuntukkan RM600 juta lagi bagi menambahbaik penyelenggaraan rangkaian jalan-jalan di seluruh negeri Johor. Bagi program pembangunan jalan kampung, sepertimana yang saya jelaskan pada sesi sidang Dewan 18 yang lepas, daripada tahun 2012 sehingga 2015, kerajaan negeri telah membelanjakan RM82 juta bagi program pelebaran jalan kampung sepanjang 851 kilometer dan telah menjadi perancangan dalam kerajaan negeri untuk menambah lagi kerja-kerja pelebaran iaitu sepanjang 268.66 kilometer dan pelebaran dan turap semula sepanjang 89.30 kilometer. Dan, kerja-kerja ini dianggarkan menelan belanja sebanyak RM43 juta dalam tahun 2016.

Kerajaan negeri juga melihat bahawa perlunya penambahbaikan pengurusan dan penyelenggaraan jalan negeri daripada kaedah konvensional kepada cara yang berasaskan prestasi *performance base* iaitu melibatkan pembangunan secara fizikal dan *non physical*, dengan izin. Ini akan meningkatkan lagi kecekapan, merangsang inovasi teknologi berbanding amalan kontrak secara konvensional. Syarikat Amona Infra Care Sdn Bhd dan Teto Engineering Sdn Bhd telah diberikan kepercayaan bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan negeri dengan peruntukan RM146 juta meliputi penyelenggaraan rutin dan berkala.

Tidak cukup itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pelaksanaan penyelenggaraan jalan-jalan negeri secara konsesi juga akan menekankan aspek penguatkuasaan dan pemantauan melalui penubuhan Unit Inspektorat Jalan. Setiap JKR Daerah akan dibekalkan dengan kenderaan yang membolehkan rondaan dapat dijalankan secara konsisten bagi penyediaan laporan kerosakan jalan. Dengan adanya unit ini ianya dapat memastikan tiada lagi kerosakan jalan yang terbiar dalam tempoh masa yang agak lama dan malah dapat mempercepatkan lagi proses pembaikan.

Untuk tahun 2016 j, kerajaan Johor telah menambah peruntukkan bagi projek pembangunan infrastruktur jalan dan jambatan daripada RM50 juta kepada RM70 juta untuk tahun 2016. Jabatan Kerja Raya juga telah mendapat kelulusan tambahan dalam dua projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, iaitu menaik taraf jalan dari 2 lorong kepada 4 lorong dua hala dari Jementah ke Sagil dengan peruntukan RM145 juta. Projek menaik taraf jalan daripada Chaah ke Tenang dengan peruntukan RM92.5 juta sepanjang 40 kilometer. Dengan itu, kelulusan sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat



ADUN Tenang selain daripada Fasa 2 Lebuhraya Pasir Gudang dengan peruntukan sebanyak RM164 juta.

Bagi projek menaik taraf jalan luar bandar, adalah dimaklumkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga turut meluluskan peruntukan bagi Fasa Dua Jalan Pekan Nenas ke Tanjung Piai dengan kos RM69 juta. Sebagaimana permohonan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Yong Peng dan ADUN Bukit Batu, kerajaan negeri akan memohon semula peruntukan di bawah *Rolling Plan* Ke-2, Rancangan Malaysia Ke-11 yang akan dibuat pada tahun ini. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Nusajaya berhubung dengan kesesakan Jalan Taman Pulai Indah ke Johor Bahru pada sebelah pagi dan ke Pekan Nenas pada sebelah petang, akan cuba diatasi dengan menambah baik sistem lampu isyarat sedia ada supaya lebih mesra pengguna. Di samping itu, pihak pemaju Taman Pulai Jaya sedang membina persimpangan bertingkat di Lebuhraya 'Second Link'. Dengan siapnya persimpangan bertingkat tersebut dijangka dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di antara Taman Pulai Indah hingga ke Persimpangan bertingkat Taman Impian Mas-Jalan Johor Bahru Senai.

Manakala bagi kesesakan di Pekan Nenas akan cuba diatasi dengan membina jalan pintas dari Pekan Nenas ke Pekan Ulu Choh dari Jalan Sawah. Kerajaan Johor juga akan memohon semula peruntukan di bawah *Rolling Plan* Ke-2, dalam Rancangan Malaysia Ke-11 supaya kerja-kerja menaik taraf jalan dari Taman Nusantara ke Pekan Nenas seterusnya ke Pontian diluluskan oleh kerajaan persekutuan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Yang Berhormat ADUN Yong Peng, Johor Jaya, Maharani, Tiram dan Bukit Naning, adalah dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Kerja Raya akan sentiasa memberi tumpuan keatas perkara – perkara yang dibangkitkan dalam sidang Dewan yang mulia ini. Merujuk kepada kerosakan Jalan Chamek-Nyior ke Kluang, ianya sedang dalam tindakan pihak JKR untuk diperbaiki di mana sebanyak RM500,000.00 telah diperuntukkan untuk memperbaiki pembedong yang rosak dan jalan yang mendap. Kerja-kerja dijangka dapat disiapkan pada pertengahan bulan Jun 2016 ini.

Begitu juga dengan keadaan permukaan Jalan Ros Merah di bawah Jambatan Lebuhraya Pasir Gudang akibat hakisan tanah yang menyebabkan saluran longkang tersumbat, ianya akan diatasi oleh kontraktor projek Lebuhraya Pasir Gudang. Untuk makluman Ahli –Ahli Yang Berhormat, walaupun Jalan Pasir Gudang 6 lorong telah digunakan dan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas tetapi pihak JKR masih belum mengeluarkan Perakuan Siap Kerja, kerana masih terdapat kerja-kerja yang belum disiapkan. Kerja-kerja dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada akhir bulan Mei 2016 ini. Pada masa ini kontraktor dikenakan denda sebanyak RM 2,500.00 sehari.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak kerajaan amat mengambil berat keselamatan pengguna jalan raya terutama pejalan kaki. Pada setiap tahun, kerajaan persekutuan akan menyalurkan peruntukan untuk memasang lampu isyarat lintasan pejalan kaki di hadapan selekoh di jalan-jalan persekutuan. Bermula pada tahun 2015, kerajaan Johor juga telah menyalurkan peruntukan untuk memasang lampu isyarat lintasan pejalan kaki di jalan-jalan negeri. Di mana pada tahun 2015, kita ada 7 lokasi yang dipasang dan pada tahun ini kita berhasrat menambah 5 lagi lokasi untuk dipasang yang mana salah satunya ialah di Jalan Temenggung Ahmad iaitu di kawasan Maharani.

Merujuk kepada masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Perigi Acheh akibat jambatan JPS yang runtuh seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Tiram, pihak JKR sedang



menyediakan reka bentuk awalan serta menyediakan anggaran kos yang diperlukan untuk cadangan menaik taraf jalan masuk dan membina jambatan baru yang lebih kukuh, selamat dan selesa agar dapat dilalui oleh kenderaan berat. Perkara ini akan dimajukan kepada Mesyuarat Jawatankuasa seterusnya ke Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk ketulusan agar ianya dapat dilaksanakan dengan lebih awal.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pemasangan lampu isyarat di Persimpangan Jalan Tongkang Pecah dan Jalan Bindu serta melebarkan jambatan di Jalan Bindu sedang dalam findakan pihak JKR, iaitu proses reka bentuk akhir sedang disiapkan dan tender untuk menaik taraf jalan dijangka dapat dibuat pada tahun ini. Begitu juga dengan aduan kerosakan bahu jalan di Batu 7, Bakri- Yong Peng yang akan diperbaiki oleh pihak JKR dalam tempoh terdekat dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00 telah pun diagih kepada JKR Muar untuk kerja-kerja pembaikan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kemudahan Wi-Fi jalur lebar dan juga jaringan telekomunikasi merupakan isu kelompok utama yang dibangkitkan oleh responden yang merangkumi 20% dalam Pelan Suara Hati Johor. Bergerak atas hasil kajian tersebut, kerajaan negeri Johor telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan pelaksanaan Johor Free Wi-Fi atau nama ringkasannya Johor Wi-Fi dengan melantik pihak Red Tone bagi melaksanakan 135 hotspot dengan peruntukan sebanyak RM12.4 juta iaitu dalam tempoh tiga tahun bermula daripada 2016 hingga ke 2018. Dengan semangat yang dibawa melalui program Johor Wi-Fi, kerajaan negeri akan menyediakan kemudahan Wi-Fi secara percuma iaitu untuk browsing sahaja. Kalau kata Yang Berhormat Tangkak perlu ada kelajuan yang lebih baik, Yang Berhormat Tangkak sedia untuk membayarnya. Di Dewan yang mulia pada hari ini juga, Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dan ketua-ketua jabatan tentu perasan bahawa Wi-Fi telah pun ada. Silalah, passwordnya ialah, nama password dia *respect01mbj*, jangan segan-segan, gunalah, itu passwordnya. Seperti yang dibangkitkan oleh ADUN..

**YB Tan Sri Speaker :** MBJ tu yang penting tu, MBJ...

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** MBJ, RESPECT01MBJ..

**YB Tan Sri Speaker :** MBJ...

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :**mbj...seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Semarang, Tangkak dan Johor Jaya berkaitan kemudahan jalur lebar, adalah dimaklumkan bahawa kriteria penempatan lokasi untuk program Johor Wi-Fi adalah meliputi kawasan-kawasan tumpuan awam di bawah kawal selia kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sebanyak 100 lokasi yang terlibat. Ia juga meliputi semua kawasan projek perumahan rakyat yang terdapat di sekitar Johor Bahru, Segamat, Kluang dan Batu Pahat sebanyak 25 lokasi. Selain itu juga, sebanyak 10 lokasi akan ditempatkan di kaunter bangunan ibu pejabat Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing dengan kemudahan Wi-Fi percuma bagi kemudahan orang awam yang datang berurusan.

Sukacita dimaklumkan juga bahawa kapasiti talian Internet yang dibekalkan ialah pada kelajuan 4 mbps bagi setiap hotspot dan bilangan pengguna pada satu-satu masa di hotspot ialah 450 orang, manakala jarak liputan ialah 100 meter. Projek Johor Wi-Fi yang bermula operasi sepenuhnya pada awal tahun ini bagi 135 lokasi telah dapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat negeri Johor. Sehingga bulan April, seramai 115,047 pengguna berdaftar di seluruh negeri telah menggunakan kemudahan ini. Secara puratanya, sebanyak 337 pengguna menggunakan perkhidmatan ini bagi setiap lokasi

dengan jumlah pengguna tertinggi adalah seramai 2,600 pengguna sebulan iaitu di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Purata jumlah pengguna data sebulan bagi semua lokasi ini adalah sebanyak 390 juta Gb dengan purata 8 gig bagi setiap pengguna. Baki bagi dua lokasi adalah, ada 2 lokasi yang masih belum dapat diaktifkan oleh kerana bangunan-bangunan atau tempat yang berkaitan itu masih lagi perlukan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Selain daripada apa yang telah saya nyatakan, kerajaan negeri sentiasa juga menambah dan meningkatkan perkhidmatan supaya ianya lebih menyeluruh. Kerajaan negeri sedang dalam proses untuk menambah 70 lagi *access point* di sepanjang *Central Business District Johor Bahru* bagi memberikan kemudahan Wi-Fi percuma kepada rakyat dan pelancong yang berkunjung ke Johor Bahru. Kerajaan juga mengambil serius pandangan dan maklum balas dari rakyat melalui PBT dan pengurusan PPR. Di mana terdapat keperluan penambahan lokasi dan kelajuan talian dan meningkatkan mutu dan capaian Internet percuma kepada semua.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak kementerian melalui Suruhanjaya Multimedia Malaysia dan pihak-pihak pemberi perkhidmatan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk merapatkan jurang digital di antara masyarakat bandar dan luar bandar. Usaha-usaha di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat yang telah bermula seawal tahun 2005 sehingga kini, pelbagai bentuk perkhidmatan serta infrastruktur telah dibangunkan di kawasan luar bandar dan pendalaman termasuk penyediaan perkhidmatan telefon, telefon awam, rangkaian gantian optik, menara telekomunikasi, Pusat Internet 1Malaysia, Wi-Fi *community*, peluasan liputan *cellular* dan Internet 3G. Penambahan kapasiti Internet talian tetap dan juga pembinaan menara Time 3. Selain daripada itu, projek-projek sedia ada sentiasa ditambah baik mengikut keperluan semasa seperti penambahan kelajuan capaian Internet di pusat-pusat Internet daripada 1 megabit kepada 4 megabit serta menaik taraf perkhidmatan *cellular* luar bandar Time 3 daripada sistem 2G kepada 3G. Walau bagaimanapun, pihak MCMC tidak menafikan bahawa masih lagi terdapat kawasan yang memerlukan perhatian serta pembangunan yang sewajarnya. Justeru itu, pihak MCMC telah merangka Pelan Strategik Komunikasi dan Multimedia. Menjelang tahun 2020 yang mana antara fokus utama MCMC adalah memastikan 95% penduduk mempunyai akses kepada jalur lebar dan membangunkan kapasiti modal insan dan komuniti luar bandar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak TM pula telah melaksanakan inisiatif menaik taraf infrastruktur jalur lebarnya daripada *streamyx* kepada *unifi* di negeri Johor yang mempunyai kelajuan sehingga 100 *megabit per second* yang membolehkan penggunaan lebih laju, stabil dan dapat mengurangkan masalah terputus talian. Selain itu juga, pihak TM telah menyediakan kemudahan TM Wi-Fi di seluruh negeri Johor yang meliputi kira-kira 300 *hotspot* yang mana ianya adalah percuma kepada pengguna perkhidmatan Telekom yang berdaftar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkenaan pemindahan kenderaan berat ke Kompleks Sultan Abu Bakar atau *Linkedua*. Berdasarkan Mesyuarat Kenderaan Berat dari Bangunan Sultan Ismail ke Kompleks Sultan Abu Bakar pada 30 November tahun lepas, pendekatan ini wajar dan disokong penuh oleh pengusaha sekiranya kos adalah sama sebagaimana di Bangunan Sultan Ismail. Berdasarkan perjanjian *Asean Framework Agreement on the Facilitation of Good Transit*, sebanyak 1,500 pertambahan kenderaan berat daripada negara-negara Asean dijangka akan melalui lebuh raya di Semenanjung Malaysia yang turut melibatkan laluan di sepanjang Tambak Johor, sebanyak 500 buah kenderaan berat dibenarkan bagi setiap negara melibatkan Thailand, Vietnam dan lain-lain negara Asean. Sehubungan dengan itu, kajian telah dibuat dan merujuk kepada perjanjian FGIT tersebut dengan memastikan bahawa pengalihan kenderaan berat

daripada Tambak Johor ke *Linkedua* boleh dilaksanakan. Dalam masa yang sama, pihak kerajaan juga melalui *Joint Ministerial Meeting*, iaitu perbincangan bersama kedua-dua pemimpin negara di peringkat menteri sedang berjalan. Malah, perbincangan tersebut turut menyentuh soal kesesuaian perancangan pembangunan *rail transit system* di mana Perdana Menteri kita mencadangkan bukan sahaja pembinaan *rail transit* atau jambatan untuk kegunaan kereta api tetapi juga jambatan yang dicadangkan perlulah menyediakan kemudahan-kemudahan termasuk pejalan kaki.

Walau bagaimanapun, seperti mana yang kita sedia maklum perkara-perkara yang berkaitan dengan Tambak Johor merupakan pendekatan yang memerlukan persefahaman dan persetujuan di antara kedua-dua negara. Ianya tidak boleh dibuat secara *unilateral*, ianya harus merupakan usaha secara *bylateral* yang berkehendakkan persetujuan kedua-dua negara sepertimana dalam perbincangan bersama di peringkat kedua-dua negara supaya bersetuju agar *joint engineering study* atau kajian kejuruteraan yang dilaksanakan untuk mengkaji kebolehpayaan projek yang mengkaji pilihan laluan dan jajaran yang melibatkan kos yang efektif dan pilihan stesen di kedua-dua buah negara merupakan inti pati kepada kajian kejuruteraan tersebut.

Melalui *Transportation Link Work Growth* yang turut melibatkan pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan *Iskandar Regional Development Authority* (IRDA) sentiasa meneruskan usaha untuk mengukuhkan hubungan pengangkutan. Mesyuarat Kementerian Pengangkutan bersama semua agensi pada 7 April 2016, telah menetapkan 1 Ogos 2016 sebagai fasa pengalihan awal. Kementerian Pengangkutan akan memanggil semua agensi yang terlibat untuk menetapkan kategori kenderaan berat yang akan dipindahkan mengikut fasa sehingga pemindahan sepenuhnya pada 31 Disember 2016 ini. Kategori kenderaan yang akan dipindahkan pada fasa pertama akan merujuk kepada penemuan kajian yang dibuat oleh Pengangkutan Awam Johor (PAJ) sedangkan, dan dalam masa yang sama persediaan infra pula akan bermula dari Mei sehingga bulan Julai ini.

Pada masa ini, landasan kereta api sedia ada tidak boleh menampung kegunaan harian bagi pengangkutan awam kerana ianya masih berkongsi landasan sama dengan rel perkhidmatan logistik. Perkhidmatan *instant* dan *oriental express* beroperasi kekerapannya hanya dua atau tiga kali sebulan secara purata. Walau bagaimanapun, landasan berkembar antara Gemas dan JB Central akan siap sepenuhnya pada tahun 2022 yang melibatkan 11 terminal. Terdapat tiga terminal di Iskandar Malaysia iaitu di Kulai, Kempas Baru dan JB Central. Projek ini tidak melibatkan landasan Kempas-Pasir Gudang dan Kempas-Nusajaya. Cadangan menaik taraf landasan berkembar rel penumpang sedia ada di Pasir Gudang dan PTP kepada landasan berkembar telah pun dimasukkan dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor yang akan siap sepenuhnya pada September 2016. Perkhidmatan rel ini akan menjadi tulang belakang kepada pengangkutan awam di Iskandar Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan bagi cadangan ini memerlukan peruntukan kerajaan persekutuan melalui Kementerian Pengangkutan. Telah terdapat cadangan untuk menambah rel tersebut untuk perkhidmatan penumpang oleh pihak swasta, tetapi masih tidak dapat diteruskan atas faktor-faktor kewangan dan model operasi yang tidak bersesuaian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada akhirnya, Yang Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak pada 28 September telah mengumumkan tentang FELDA akan menyiapkan 20,000 unit dalam tempoh 5 tahun rumah generasi baru. Di dalam negeri Johor, sebanyak 5,177 unit rumah akan dibina. Dari jumlah ini, sebanyak 2,179 unit rumah telah ditenderkan dan 2,039 unit sedang dalam pelaksanaan sebenar di tapak dan dibangunkan dalam fasa

pertama hingga fasa lima. Manakala 1,528 unit telah dirancang dalam fasa ke 6 dan kini dalam peringkat perancangan. Bakinya akan dibangunkan dalam fasa yang seterusnya.

Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, begitulah jawapan yang dapat saya berikan. Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat atas persoalan yang dibangkitkan. Pejabat saya bersedia memberikan sebarang maklumat tambahan sekiranya diperlukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Sekiranya ada persoalan yang tidak dijawab, maaf dan akan disusuli dengan jawapan secara bertulis. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Tan Sri Speaker :** Waalaikummussalam. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor, dipersilakan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan :** Bismillahirrahmannirrahim (Bacaan doa). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi ruang serta kesempatan untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan Persidangan Dewan Negeri Johor di Dewan yang mulia pada kali ini. Menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ismail ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Negeri Johor aman dan maju, tumpuan pedagang serata dunia, susah dan senang sama berpadu, raja dan rakyat berpisah tiada.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hampir 3 tahun saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Johor dan dilantik sebagai Ahli Mesyuarat Kerajaan iaitu semenjak Mei tahun 2013. Saya masih ingat fatkala sidang Dewan Negeri berlangsung, sering kali suasana perbahasan berlaku cukup hangat dan tegang. Banyak isu yang dibangkitkan. Namun kini keadaan kian berubah, semakin kurang isu besar di peringkat negeri diketengahkan. Perbahasan jadi medan lontaran idea untuk penambahbaikan. Saya bersyukur kepada Allah SWT. Pada pandangan saya, sidang DUN kali ini merupakan sidang DUN yang paling tenang yang pernah kita lalui. Saya berharap ianya akan kekal pada masa-masa yang akan datang.

Ini menjadi bukti bahawa negeri Johor pada hari ini ditadbir dengan baik dan begitu cemerlang di bawah kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled bin Nordin selaku Menteri Besar Johor. Semakin banyak masalah rakyat mampu diselesaikan, bermula dari agenda Muafakat Johor yang nyata menyatukan hati-hati kita sebagai Bangsa Johor diikuti dengan Pelan Suara Hati Johor melalui luahan hati sanubari rakyat bagi mencungkil hasrat dan keinginan untuk dilaksanakan di negeri Johor yang tercinta ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, secara tidak langsung impak kemakmuran ini dan kepesatan pembangunan di negeri telah memberi gambaran positif dan diterima baik oleh rakyat terutama kepada belia-belia, kepada penggiat-penggiat seni serta ahli-ahli sukan dalam negeri Johor. Maka, saban tahun kerajaan negeri Johor terus berani melangkah dengan memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru dalam membela nasib rakyat di segenap lapisan masyarakat sama ada untuk rakyat marhaen, pertengahan, hinggalah ke golongan bangsawan.

Negeri Johor terus mengorak perjalanan penuh bergaya dengan gagasan Johor Berkemajuan yang akan dibina melalui pelaksanaan pelan strategik negeri Johor dalam menuju sebuah negeri maju yang menjadi pemacu utama ekonomi negara. Dalam membina kehidupan maju dan moden dengan tidak meminggirkan kesantunan yang terus disaluti adat resam dan budaya serta nilai ketimuran. Ini bukanlah perkara yang amat mudah untuk kita capai, kita akui untuk menjadi sebuah negeri yang maju ia memerlukan pembinaan generasi yang berilmu, kompeten, iaitu berdaya saing serta mempunyai tahap kesihatan terbaik dan kecergasan yang tinggi. Apatah lagi untuk membentuk satu generasi yang maju, tetapi dalam diri masih tetap terpacak jati diri yang kukuh, generasi yang sentiasa berbangga sebagai Bangsa Johor, yang sentiasa cinta kepada negeri ini agar terus terpelihara seni, budaya serta warisan tinggalan nenek moyang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan menginsafi keadaan ini, agenda pembangunan belia dan sukan harus diperkemas. Ia perlu bergerak seiring dan selari dengan tuntutan memelihara budaya dan mengekalkan warisan. Maka ikrar saya melalui portfolio yang sedang saya pikul pada hari ini, untuk saya terus berdiri teguh menyokong sepenuh hati kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bagi bersama-sama merintis jalan menuju gagasan Johor Berkemajuan, sebuah impian kita sebagai Bangsa Johor, bangsa yang berdaulat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, belia merupakan aset penting yang dimiliki oleh negara, yang mana mereka merupakan penyumbang terbesar di dalam meningkatkan taraf hidup sama ada dari aspek ekonomi, sosial mahupun dari aspek politik. Belia yang ada pada hari ini bakal mewarisi negeri dan negara pada masa akan datang yang akan mentadbir, membangun dan menentukan malah mengisi setiap ruang kepimpinan pekerjaan serta pengguna kemudahan yang ada.

Untuk perancangan jangka masa panjang, yang lebih strategik dalam menyediakan generasi terbaik untuk negeri Johor di masa akan datang, negeri Johor akan melaksanakan penghasilan Indeks Belia Johor atau *Johor Youth Index* dengan izin, seperti yang dipersetujui dan diguna pakai bersama oleh negara-negara Commonwealth semenjak tahun 1998. Malaysia adalah antara negara terawal melaksanakan kajian sebegini dan Johor merupakan negeri pertama di Semenanjung Malaysia, saya ulang semula, di Semenanjung Malaysia yang akan mempunyai indeks belia yang melibatkan 12 domain iaitu meliputi pembangunan sendiri, hubungan sosial, identiti, kesihatan, potensi diri, penggunaan media, waktu senggang, bebas tingkah laku, devian atau tingkah laku tidak normal, kesejahteraan ekonomi, pendidikan, keselamatan dan juga sosiopolitik.

Kajian yang akan bermula pada awal bulan Mei ini dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh daerah dalam negeri Johor melibatkan semua kaum sama ada bandar mahupun luar bandar dengan 10,000 orang responden walaupun sepatutnya kalau ikut daripada yang ditetapkan iaitu 3,500 responden sudah memadai iaitu 0.001% daripada keseluruhan kumpulan populasi rakyat Johor seperti yang dinyatakan oleh formula *Catchy and Morgan* 1970. Ini akan menjadikan setiap daerah di Johor merupakan daerah pertama di Malaysia yang mempunyai indeks belia daerah masing-masing. Bagi mengurangkan kos, kajian ini akan turut dibantu oleh penglibatan sukarelawan di bawah Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor atau JOYDEC yang akan bertindak sebagai pembanci yang akan pergi ke segenap negeri Johor untuk mendapatkan maklum balas responden. Hasil daripada kajian ini, ianya akan dijadikan asas dan garis panduan dalam pembentukan pelan strategik pembangunan belia Johor.

Perancangan jangka panjang ini diharap dapat membantu menyelesaikan masalah-masalah yang melibatkan belia Johor seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat

Puteri Wangsa, Yang Berhormat Kukup dan juga Yang Berhormat Senggarang. Sementara menantikan kajian ini selesai, kerajaan akan beri komitmen untuk terus mempergiatkan galakan penyertaan belia dalam aktiviti kesukarelawanan seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Johor Lama. Terima kasih YB.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk pengetahuan rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebanyak 183 program kesukarelawanan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015. Ianya bukan setakat aktiviti kemasyarakatan, malah dalam setiap program dilaksanakan ianya juga melibatkan pelbagai bidang termasuklah sukan, kebudayaan, pendidikan dan juga keusahawanan. Dan pada tahun 2016 ini seperti yang telah saya tetapkan ketika pembentangan KPI kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tempoh hari, saya telah mensasarkan 300 program kesukarelaan di seluruh negeri Johor untuk dilaksanakan bagi menyemarakkan dan membangkitkan jiwa yang mumi di kalangan belia-belia dalam negeri Johor.

Untuk merealisasikan program-program ini, kita sedang di peringkat akhir, untuk melaksanakan satu lagi inisiatif iaitu Skim Bantuan Aktiviti Sukarelawan di mana ia akan memberi manfaat bukan sahaja kepada persatuan-persatuan berdaftar malahan kumpulan yang tidak berdaftar juga akan merasai nikmat dari inisiatif ini secara tidak langsung dengan menggalakkan mereka melakukan kerja secara sukarela sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Senggarang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri pada hari ini menyedari kecenderungan belia-belia adalah berbeza dari belia-belia di masa lampau. Jika kita lihat di zaman Yang Berhormat Tan Sri Speaker sendiri, ianya mungkin berbeza. Kehendak dan minat belia tidak sama seperti belia-belia ketika dulu. Mereka suka berkumpul dan melaksanakan aktiviti tetapi tidak beminat untuk berpersatuan. Perkumpulan dan perbincangan mereka dijalankan dalam media-media sosial seperti *telegram*, *whatsapp* dan juga *facebook*.

Sebagai menyambut saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kumpulan-kumpulan sebegini juga akan turut sama mendapat pengiktirafan oleh kerajaan negeri Johor. Mereka tidak lagi akan dipinggirkan sebaliknya akan terus diambil peduli dan akan turut diberi bantuan dan sokongan kerana setiap antara kita sebagai Bangsa Johor walaupun berlainan kaum tetap mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam membina negeri Johor yang lebih gemilang. Yakinlah, kewujudan kita pada hari ini walaupun berlainan warna kulit, berlainan bahasa, kita memerlukan antara satu sama lain. Kejayaan kita nikmati bersama.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tanpa meminggirkan program yang telah dirancang terdahulu, program-program semasa dalam membangunkan belia Johor melalui pembangunan modal insan dan usahawan muda tetap akan kita teruskan sama ada program melalui kementerian mahupun jabatan-jabatan kerajaan negeri. Saya akur dan saya sentiasa berusaha untuk sentiasa menyelami jiwa anak-anak muda pada hari ini terutamanya belia-belia yang berada dalam negeri Johor. Belia hari ini mendambakan program-program yang menonjolkan imej kreatif dan penuh inovasi. Program *Youth Collective* contohnya, walaupun program ini diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, namun ia tetap akan diteruskan di peringkat negeri untuk mengefektifkan usahawan-usahawan muda dalam menonjolkan produk keluaran mereka seperti yang di perkatakan oleh Yang Berhormat Tanjung Puteri. Kita akan terus menyambut dan meneruskan program-program yang baik seperti ini dan berimpak tinggi untuk dilaksanakan di dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tanjung Puteri. Hari ini tumpuan golongan muda suka kepada penampilan

yang kreatif dan juga inovasi yang mengikuti trend semasa. Penampilan lama ataupun *old school* dengan izin, tetapi ia disegarkan kembali. Sebagai contoh trend terkini yang menjadi tarikan kepada anak muda adalah berniaga menggunakan *cabin* dengan dihiasi dengan barang-barang lama tetapi menyediakan perkhidmatan dan yang terkini mengikut trend semasa. Contoh yang boleh kita ambil seperti kewujudan Kilang Bateri yang telah di transform menjadi sebuah pasar raya di Tampoi, Johor Bahru. Ini merupakan contoh yang terbaik yang mana telah mendapat pujian daripada pemimpin-pemimpin di peringkat persekutuan. Untuk itu, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang menerajui kerajaan hari ini, kita akan terus memberi galakan, sokongan dan bantuan kepada usahawan muda yang kreatif dan inovatif ini.

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang meneruskan bantuan Bella Islam Johor melalui Perbadanan Islam Johor untuk tahun ke-3 dengan jumlah peruntukan yang lebih besar. Pada tahun 2014, kita telah menerima RM650,000.00, pada tahun 2015, RM1.75 juta dan pada tahun ini sebanyak RM2.25 juta bagi terus menyokong usaha usahawan-usahawan muda di negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya beralih kepada pembangunan sukan. Sukan seperti yang semua maklum bahawa ia merupakan satu aspek penting dalam mewujudkan kehidupan yang harmoni, cergas dan cerdas. Sukan bukan sahaja menjamin kesejahteraan tubuh badan malah ia mampu menyihatkan minda, memupuk semangat kesukanan, membentuk perpaduan, kerjasama dan muafakat di antara atlet, pengurusan dan penyokong pasukan. Kini, sukan menjadi satu industri yang besar, yang mampu menjana ekonomi dalam pelbagai sektor seperti pelancongan, pakaian, peralatan sukan, pengangkutan dan perkhidmatan melibatkan kesihatan. Sukan juga merupakan satu arena yang mampu meningkatkan imej sesebuah pasukan, negeri mahupun negara. Kita boleh lihat bagaimana hari ini Bangsa Johor begitu bangga dengan kejayaan cemerlang pasukan bola sepak JDT. Setiap kali sidang DUN berlangsung pasti ada Ahli-Ahli Yang Berhormat memuji kejayaan pasukan ini termasuklah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat tempoh hari. Saya bagi pihak kerajaan amat menghargai pengiktirafan yang beri oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat.

Justeru itu, kewujudan dan kepentingan sukan perlu diiktiraf sebagai suatu keperluan dalam sebuah kerajaan dan ia perlu dibangunkan seiring dengan pembangunan dan kemajuan materialistik. Hari ini kerajaan negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sentiasa memberi sokongan padu dalam bentuk moral dan kewangan terhadap pembangunan sukan serta usaha menyemarakkan lagi sukan dalam negeri Johor. Sasaran kita untuk tahun 2016, iaitu seramai 350,000 rakyat Johor yang akan mengambil bahagian dalam pelbagai acara dan aktiviti sukan yang dianjurkan iaitu 10% daripada jumlah keseluruhan rakyat Johor.

Diharap usaha ini secara tidak langsung dapat mengekalkan kecergasan dan meningkatkan taraf kesihatan rakyat negeri Johor untuk terus menyumbang tenaga dan membangunkan negeri Johor. Untuk tujuan tersebut kerajaan negeri Johor melalui Majlis Sukan Negeri Johor serta Jabatan Bella Dan Sukan Negeri Johor akan terus aktif menganjurkan pelbagai jenis sukan dan aktiviti rekreasi. Untuk tahun 2015, kita telah menganjurkan lebih 130 kejohanan iaitu 56 di peringkat DUN, 26 di peringkat Parlimen, 30 di peringkat daerah, 15 di peringkat negeri dan 7 kejohanan sukan di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ramai yang tidak menyedari bahawa program sukan bertaraf antarabangsa juga turut dilaksanakan untuk menjadikan Johor sebagai hab penganjuran sukan antarabangsa. Ia secara tidak langsung dapat menarik kehadiran pelancong-pelancong datang ke negeri Johor di samping dapat mempromosikan negeri



Johor di mata dunia. Untuk tahun 2015 sahaja, sebanyak 23 buah negara telah menyertai perandingan-pertandingan yang diadakan yang sudah pasti akan membawa bersama atlet, pengurusan, petugas dan penyokong-penyokong serta peminat-peminat sukan yang akan turut hadir ke dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hampir keseluruhan program sukan ini yang dilaksanakan di semua peringkat mendapat bantuan kewangan dari pihak kerajaan negeri Johor sama ada melalui Majlis Sukan Negeri Johor mahupun Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Johor. Antaranya penganjuran Hoki Piala Menteri Besar dengan bantuan RM250,000.00, penganjuran Karnival Demi Johor Dua, 2016 untuk sukan lasak darat, udara dan air sebanyak RM200,000.00. Untuk Sukan Johor sebanyak RM25,000.00 bantuan diberikan di setiap daerah dan RM100,000.00 untuk penganjuran di peringkat negeri. Penganjuran Ragbi Antarabangsa dengan bantuan sebanyak RM50,000.00. Bantuan penganjuran Sukan Muafakat Johor di setiap DUN sebanyak RM12,000.00 untuk setiap DUN. Penganjuran Bola Keranjang Jemputan Antarabangsa dengan bantuan sebanyak RM20,000.00, penganjuran Kejohanan Silambam Dunia Ke-3 dengan bantuan sebanyak RM20,000.00, penganjuran Muaythai Antarabangsa RM20,000.00, penganjuran Kejohanan Memanah Antarabangsa RM40,000.00, Kejohanan Angkat Berat Antarabangsa yang telah berlangsung baru-baru ini RM30,000.00 melalui kerajaan negeri. Dan, tidak ketinggalan RM200,000.00 bagi penganjuran Sirkuit Perlumbaan Motor Cross yang kemuncaknya dilaksanakan di Ayer Hitam.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat, demi kelangsungan pembangunan sukan, kerajaan negeri memberi jaminan sukan akan diletakkan di tempat yang istimewa. Walaupun Yang Berhormat ADUN Semarang membangkitkan tiada penambahan peruntukan untuk program ini, tetapi untuk makluman Yang Berhormat Semarang dan juga rakan-rakan yang lain, sebenarnya mulai tahun 2015 kerajaan negeri telah menambah peruntukan sebanyak 4 kali ganda iaitu daripada RM50,000.00 kepada RM200,000.00 untuk membolehkan penganjuran sukan permotoran lasak ini diubah format menjadi menjadi 4 sirkuit perlumbaan sepanjang tahun.

Kita mahu lihat contoh kejayaan dicapai melalui penganjuran YB Semarang di Ayer Hitam, saban tahun telah berjaya dilaksanakan dengan begitu baik, tetapi program ini bila kita tambah peruntukan kepada RM200,000.00 menjadi 4 sirkuit ianya akan dapat dirasai oleh rakyat di seluruh pelosok negeri Johor. Alhamdulillah sambutan amat menggalakkan dan ia dapat menarik lebih 270 pelumba profesional dan amatir menyertai perlumbaan ini. Dan lebih membanggakan, ianya mendapat pengiktirafan oleh Sepang International Circuit atau SIC dan kejohanan ini juga dilindungi insurans oleh Motorsport Association Of Malaysia, dengan izin.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, program ini akan diteruskan pada tahun 2016 dan Litar Motorcross Ayer Hitam sekali lagi dijadikan venue perlumbaan akhir atau *grand final* dengan izin, sementara menantikan litar yang kita jangkakan di Pagoh yang masih dalam 60% siap pembinaannya dengan kos keseluruhan RM13 juta melalui peruntukan kerajaan persekutuan. Jadi ini membuktikan bahawa kerajaan tidak mensia-siakan bakat dan juga, bakat yang ada pelumba-pelumba dalam negeri Johor. Semua ini sebagai pengiktirafan kerajaan kepada sukan ini lebih-lebih lagi difahamkan hampir 70% pelumba negara yang berjaya mengharumkan nama negara adalah anak jati negeri Johor dan mereka juga adalah bangsa Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menyedari setiap kejayaan ini bukan mudah untuk dikekalkan, bantuan kerajaan negeri terhadap inisiatif membangunkan pelumba berkaliber di Johor akan diteruskan. Usaha-usaha begini telah membuahkan hasil dengan melahirkan kejayaan kepada beberapa pelumba antaranya Mohd Fadzil Bachok dari



Senggarang, Batu Pahat yang telah menjadi juara keseluruhan kategori *Expert Malaysian Motocross Series 2014*. Hazlan Shah bin Mohd Noor dari Parit Raja, Batu Pahat mendapat tempat kedua keseluruhan *Super Sport Johor Championship 2013* dan *Asia Road Racing 600cc 2014* dan 2015. Mohd Hairi bin Zakaria daripada Ulu Tiram, Johor Bahru menjadi juara *Asia Supermotor 2014* dan Mohd Adam Bin Hj Noordin Parit Raja, Batu Pahat Grand Prix – Moto 3, 2016.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon izin untuk membuat sedikit penambahan ke atas soalan lisan Yang Berhormat Rengit tempoh hari dalam soal penajaan. Bantuan-bantuan kerajaan negeri yang disalurkan kepada persatuan-persatuan sukan bukan saja dalam bentuk kewangan malahan juga dalam bentuk sokongan teknikal, latihan kejurulatihan, bengkel dan juga program pembangunan sukan.

Namun begitu, bantuan ini sebenarnya hanyalah sokongan dan tidak mencukupi berbanding perbelanjaan sebenar yang diperlukan. Di sinilah pentingnya peranan penaja dalam membantu menambahkan dana untuk melaksanakan setiap program-program sukan. Cuma tempoh hari saya tidak menyenaraikan penganjuran hoki Piala Sultan Johor dalam contoh yang diberikan yang telah ditegur oleh rakan saya Yang Berhormat Mahkota, yang juga merupakan presiden Persatuan Hoki Negeri Johor. Di sini suka saya nyatakan penajaan di terima dari penganjuran tersebut antaranya Astaka padu RM200,000.00, WMEra Sdn Bhd RM200,000.00, JCorp RM100,000.00, Tenaga Nasional Berhad RM100,000.00, The Zone RM100,000.00, UMLand RM100,000.00, JBBuilders RM100,000.00, Syarikat Air Johor RM100,000.00, UniKL RM100,000.00 dan Iskandar Waterfront RM50,000.00. Tahniah YB Mahkota.

Sebenarnya peranan mencari penajaan ini bukan hanya dimainkan oleh pihak persatuan sukan sahaja. Malah sebahagian program-program sukan di bawah kerajaan negeri turut ditaja oleh syarikat-syarikat swasta dan GLC contohnya Kejohanan Basikal Jelajah Johor sempena Kemahkotaan yang ditaja oleh Iskandar Waterfront dan penajaan hadiah kemenangan untuk program larian sempena Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor 2016 yang ditaja oleh Hotel Grand Paragon.

Maka tidak hairanlah, walaupun peruntukan yang disalurkan kepada Majlis Sukan Negeri Johor hanya sebanyak RM12 juta setahun termasuk untuk perbelanjaan mengurus, program pembangunan sukan, penghantaran atlet menyertai kejohanan serta memberikan insentif penyertaan dan kemenangan namun kita masih mampu menjalankan usaha menyemarakkan sukan di seluruh negeri Johor iaitu melalui bantuan penajaan. Seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat DUN Tenggara di mana aktiviti sukan di Johor sejak akhir-akhir ini terus rancak berjalan bagaikan tanpa henti dan benar kata-kata beliau bahawa sukan di Johor pada hari ini merupakan salah satu instrumens utama membentuk muafakat bangsa Johor. Sebab itu, sama ada Ahli-Ahli Yang Berhormat sedar atau tidak terdapat program-program antaranya seperti Sukan Muafakat Johor yang akan dianjurkan oleh Ahli-Ahli yang Berhormat hinggalah ke peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Johor seperti yang semua telah maklum akan menjadi tuan rumah bagi Sukan Malaysia pada tahun 2020. Johor berhasrat untuk menjadi penganjur terbaik dengan membuat persediaan awal terutamanya daripada sudut penyediaan venue dan infrastruktur serta penyediaan atlet terkuat dengan sasaran 3 tempat yang teratas. Semuanya telah saya nyatakan sebagai menjawab soalan lisan yang diajukan oleh YB daripada Tenang tempoh hari. Namun dalam masa terdekat ini, sama-sama kita mendoakan agar **kontinjen** SUKMA Johor mampu cemerlang dengan sasaran sekurang-kurangnya 30 pingat emas di temasya SUKMA yang bakal berlangsung

pada bulan Julai ini di negeri Sarawak Bumi Kenyalang berbanding 23 pingat emas yang dicapai pada tahun 2014.

Begitu juga dengan Kontinjen Sukan Paralimpiad jangan kita lupakan kerana ini pun sebahagian daripada atlet negeri Johor. Yang juga telah menasarkankan 30 pingat emas pada kejohanan kali ini. Semoga wira-wira Johor ini akan bersaing sehabis daya, membuktikan bahawa Johor sentiasa ke hadapan dalam apa juga lapangan. Tidak mengapa kita bercita-cita setinggi langit walaupun hanya bintang yang dapat kita capai.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya beralih kepada memelihara seni budaya dan juga warisan. Di negeri Johor kita mempunyai 4 agensi utama seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum...

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat, Yang Berhormat, panjang lagi?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan :** Panjang lagi, Tan Sri.

**YB Tan Sri Speaker :** Sila duduk Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersama-sama dengan kita pada petang ini ialah 4 orang pemerhati yang terdiri daripada Ahli Majlis yang diketuai oleh Tuan Haji Abdullah bin Abdul Rahman, Ketua Whip Ahli Majlis daripada Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 3:30 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 3:50 petang.**

**YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahamatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Dewan disambung semula. Jemput Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan. Ringkaskan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan :** Ok, terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. Saya beralih kepada untuk memelihara seni budaya dan warisan.

Usaha memelihara seni budaya bukan sekadar melalui pelaksanaan aktiviti semata-mata seperti yang dilaksanakan di negeri-negeri lain. Johor melangkaui batasan itu dengan melaksanakan program pembangunan seni budaya melalui "Lestari Seni Budaya Johor" meliputi pengembangan tarian zapin, seni muzik keroncong dan ghazal serta Kesenian Islam yang melibatkan seni khat, taranum dan berzanji.

Di samping itu, Lestari Seni Budaya Johor juga membolehkan kumpulan-kumpulan seni muzik tradisional keroncong dan ghazal yang kian berkurangan di daerah-daerah dihidupkan kembali melalui bantuan peralatan kepada kumpulan yang memberi komitmen untuk terus bergiat aktif. Penjenamaan program pembangunan seni budaya ini diharap dapat menarik minat khasnya golongan muda untuk mempelajari dan terlibat secara aktif, aktiviti seni budaya dalam usaha mengekalkan jatidiri bangsa Johor seperti yang terkandung dalam ciri-ciri Johor berkemajuan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Raja yang telah memuji program pementasan teater yang mana program ini telah di adakan di Kompleks Yayasan Warisan Johor yang

mana 10 pementasan teater di mana 9 daripadanya akan dilaksanakan oleh aktivis-aktivis teater yang dikelolakan oleh Majlis Kebudayaan Negeri Johor. Sama seperti yang kita laksanakan untuk menyemarakkan aktiviti sukan. Formula yang sama digunakan untuk menggalak penglibatan generasi muda dalam seni lakon iaitu bantuan kepada kumpulan aktivis seni yang mempunyai idea pementasan teater di bawah program "Pentas Teater Karya" sepertimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam pembentangan bajet kerajaan negeri yang lalu. Setiap kumpulan diberikan bantuan sebanyak RM20,000.00 berserta bantuan penggunaan pentas, bantuan teknikal dan bantuan promosi. Pementasan telah bermula semenjak bulan Mac hingga bulan Oktober ini. Sehingga kini 2 pementasan telah berjaya dilaksanakan dan mendapat sambutan yang cukup menggalakkan. Inilah salah satu cara kerajaan negeri mengiktiraf peranan kumpulan-kumpulan aktivis seni terutamanya karyawan seni teater yang selama ini dipandang sepi, namun hari ini kita beri ruang dan peluang sepenuhnya untuk mereka berkarya menonjolkan produksi, kreativiti dan bakat masing-masing. Kita harus berbangga kerana kerajaan negeri Johor satu-satunya kerajaan negeri di Malaysia yang memberi pengiktirafan dengan melaksanakan inisiatif sebegini.

Bermula dari pementasan-pementasan kecil sebeginilah kita akan dapat melahirkan lebih ramai karyawan seni pementasan untuk pementasan dalam skala yang lebih besar seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat, iaitu Gemilang Tanah Permata, yang mana telah dilaksanakan di Istana Budaya awal tahun ini. Walaupun ada yang menerima undangan lewat seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat DUN Tanjung Surat. Saya akan mengambil maklum kali ini seterusnya akan memastikan kesilapan teknikal seperti ini tidak akan berulang lagi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pementasan di tempat yang berprestij ini seperti Istana Budaya mahupun Dewan Philharmonic Petronas merupakan satu pengiktirafan terhadap karyawan Johor. Negeri Johor merupakan satu-satunya kerajaan negeri di Malaysia yang mampu melaksanakan pementasan sebegini setelah kali terakhir dia dilaksanakan pada tahun 2009. Mana mungkin tanpa kerajaan yang prihatin ianya dapat diadakan. Inisiatif-inisiatif sebegini merupakan satu cara menyuburkan pembangunan industri kreatif di negeri Johor melalui pencungkilan bakat baru untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Di sinilah peluang kejayaan dalam bidang seni dan budaya dapat diwujudkan seperti dibanggakan oleh YB Tenggaroh.

Berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senggarang dan kemudiannya disokong oleh Yang Berhormat Bekok iaitu mengenai pembinaan galeri di setiap daerah. Saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang diberikan yang menunjukkan keprihatinan terhadap usaha mengekalkan seni budaya dan memelihara warisan. Saya begitu yakin dengan kekuatan ekonomi negeri Johor pada masa ini, kita mampu untuk mewujudkan galeri di setiap daerah. Namun begitu, banyak lagi yang perlu difikirkan terutama berkenaan dengan perjawatan, penyelenggaraan, pengisian dan promosi yang perlu kita lakukan. Kita tidak boleh melaksanakan sesuatu tanpa perancangan yang rapi tetapi akhirnya menjadi projek terbengkalai atau terbiar yang merugikan kepada wang rakyat.

Buat masa ini, saya merasakan kita seharusnya memberi fokus kepada muzium dan galeri yang sedia ada. Untuk itu, satu pakej pelancongan dalam lawatan ke galeri serta muzium di negeri ini akan dikeluarkan dalam masa yang terdekat. Ia akan meliputi pameran kesenian, pusat dokumentasi Johor, pameran artifak sejarah, persembahan kebudayaan dan makanan Johor seperti yang dibangkitkan oleh YB Rengit. Sebagai galakan insentif akan diberikan kepada sekolah-sekolah yang mengikuti pakej ini. Kita harapkan dengan adanya pakej lawatan ini, pelajar-pelajar sekolah yang selama ini

sering membuat rombongan ke negeri-negeri lain ke luar Johor akan memilih Johor sebagai destinasi lawatan mereka. Ini juga secara tidak langsung mereka akan memberi pertambahan maklumat dan kesedaran berkenaan peranan Johor dalam pembentukan kerajaan Melayu moden, seterusnya meningkatkan jadi diri di kalangan generasi muda bangsa Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, YB Maharani ada membangkitkan mengenai kebudayaan kuda kepong yang telah lama tidak dilaksanakan di negeri Johor. Sebenarnya, dalam kita taksud dalam usaha mengekalkan seni budaya dan mengekalkan warisan, kita juga perlu berlandaskan garis-garis batasan agama terutamanya yang melibatkan tuntutan akidah, syariah dan akhlak sebagai seorang Muslim. Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Mufti Negeri Johor telah mengeluarkan fatwa pengharaman permainan kuda kepong pada tahun 2009 kerana kebudayaan ini dikesan mempunyai unsur-unsur syirik dan kurafat. Fatwa yang dikeluarkan adalah seperti berikut, 'Demi menjaga dan memelihara kesucian pegangan akidah Islamiah umat Islam, maka permainan kuda kepong sama ada tarian biasa atau drama tari adalah haram dipersembahkan dalam apa juga bentuk, masa dan tempat'.

Pengharaman ini adalah kerana ia boleh merosakkan pegangan akidah Islamiah di kalangan masyarakat awam disebabkan antara natijahnya membawa kepada permainan kuda kepong gelanggang yang bercanggah dengan akidah, syariah dan akhlak Islamiah. Rayuan pernah dibuat untuk membolehkan tarian kuda kepong yang tiada unsur syirik dan kurafat dipersembahkan, namun ianya tetap ditolak oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor yang bersidang pada tarikh 14 Ramadan 1434 Hijrah bersamaan 23 Julai 2013 dengan larangan-larangan seperti berikut; 'menganjur, mengamalkannya atau mengajarkannya kepada orang lain atau menyebarkan apa-apa maklumat berkaitan peranan kuda kepong, tarian biasa atau drama tari sama ada melalui media cetak atau media elektronik atau memberikan sokongan moral atau material atau kedua-duanya sekali kepada sesiapa terlibat dengan permainan kuda kepong'.

Buat masa ini, kerajaan negeri masih berpegang kepada fatwa ini walaupun ada pepatah mengatakan, 'biar mati anak, jangan mati adat', namun bagi saya, tidak mengapa kita tinggalkan hasrat itu seni budaya, asal kita selamat dunia dan akhirat. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh YB Puteri Wangsa mengenai memartabatkan tulisan jawi, sebenarnya, usaha ini terus berjalan. Untuk tujuan penerbitan, buat masa ini peranan ini telah dimainkan oleh Johor Corporation dengan kerjasama akhbar Utusan Melayu melalui penerbitan akhbar bahasa jawi yang diterbitkan seminggu sekali sebagai sisipan di dalam akhbar Utusan Melayu. Tulisan jawi ini juga telah terus dimartabatkan dengan penggunaan di sekolah-sekolah agama dan sekolah-sekolah agama khas di seluruh negeri Johor milik kerajaan negeri Johor. Selain itu, tulisan jawi juga terus digunakan sebagai tulisan melibatkan persuratan istana Johor. Dan seperti yang telah saya maklumkan, tulisan jawi khat, seni khat juga turut dikembangkan di negeri Johor ini melalui Yayasan Warisan Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker kerana memberi ruang kepada saya menggulung perbincangan berkaitan portfolio Belia, Sukan dan Warisan Negeri Johor pada Persidangan Dewan Negeri Johor kali ini. Terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sudi mengemukakan soalan. Saya terbuka untuk setiap teguran, cadangan dan pujian yang diberikan kerana bagi saya itulah semua merupakan ramuan yang perlu dihadam untuk membentuk negeri Johor ke arah yang lebih baik di masa-masa yang akan datang. Sebelum saya menamatkan penggulungan ini, sebagai barisan kepimpinan negeri Johor,

bersama-sama kita renungkan puisi ini, 'yang didahulukan selangkah, yang ditinggikan seranting, yang dilebihkan serambut dan yang dimuliakan sekufu. Hidup memegang wakil, mati memegang amanah. Ke laut tidakkan hanyut, ke darat tidakkan sesat, ke hulu tidak berseteru, ke hilir tidak membazir, ke gunung tidak bertarung, ke lembah tidak terhina.' Sekian wassalamualaikum warah matullahi wabarakatuh. Saya menyokong.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Persidangan diteruskan. Dijemput Pengerusi Jawatankuasa Perumahan. Bismillahirrahmanirrahim.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Selawat. Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya ingin menzahirkan rasa syukur ke atas kesempatan dan peluang serta ruang yang diberikan kepada saya untuk menggulung perbahasan pada hari ini. Sukacita juga saya menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim yang telah berangkat merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke 13. Sesungguhnya, kita berasa amat bertuah kerana Duli Yang Maha Mulia sentiasa menitikberatkan agenda perumahan dan kerajaan tempatan di negeri Johor. Ia sekali gus memberikan semangat yang tinggi buat saya dan seluruh warga kerja di bawah bidang tugas saya untuk terus bekerja keras demi kepentingan rakyat keseluruhan.

Alhamdulillah, saya merasakan sesi kali ini amat bermanfaat dan bermakna dengan penglibatan setiap Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan persoalan dan permasalahan sepanjang sepanjang sesi ini berlangsung. Saya terima dengan terbuka segala pandangan, cadangan dan reaksi Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tentulah pendekatan saya akan memastikan kesemua perkara yang telah dibangkitkan, telah diteliti oleh semua ketua jabatan di bawah portfolio saya untuk diambil tindakan sewajarnya bagi menjamin kesejahteraan rakyat yang akan selamanya menjadi keutamaan bersama.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya akan mulakan penggulangan saya dengan memberi respons dan penjelasan dalam perkara-perkara perumahan yang dibangkitkan. Pertama, merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenang, Perumahan Rakyat Labis merupakan projek yang telah siap dibina pada tahun 1992. Untuk makluman, jumlah unit keseluruhan bagi projek ini adalah sebanyak 367 unit. Projek ini dilaksanakan bagi membantu khususnya penduduk kawasan Labis bagi memberi peluang kepada mereka untuk memiliki kediaman sendiri. Isu pertindihan hak milik merupakan isu utama yang menjadi permasalahan bagi pembeli-pembeli di sana. Ia berpunca disebabkan oleh pemberian kelulusan untuk diletakkan nama pembeli terus di dalam hak milik berkenaan sedangkan jika mengikut proses yang biasa gadaian kepada pihak bank perlu dilakukan terlebih dahulu. Isu ini menjadi lebih rumit apabila tawaran kepada pembeli baru telah dikeluarkan. Oleh kerana pembeli pertama gagal untuk mendapat sumber pembiayaan, masalah timbul apabila pembatalan tawaran tidak dilakukan kepada pembeli pertama, sekali gus menjadikan pertindihan hak milik ini berlaku. Bagi menyelesaikan masalah ini, pihak SUK Perumahan telah mengambil inisiatif untuk mencari dan berjumpa dengan pembeli pertama untuk membuat pindah milik kepada pembeli kedua. Selain itu, pihak SUK Perumahan juga telah mengadakan kerjasama bersama Pejabat Tanah Labis bagi mengenal pasti tunggakan cukai tanah di kawasan perumahan rakyat ini. Daripada keseluruhan 367 unit rumah ini, sebanyak 184 kes yang berjaya diselesaikan. Manakala sebanyak 183 yang masih lagi dalam tindakan Pejabat SUK Perumahan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Penggaram, adalah direkodkan sebanyak 5,990 unit rumah mampu milik yang dijangka siap menjelang tahun 2020. Daripada jumlah itu, sebanyak 225 telah pun siap pelaksanaan dan telah ditawarkan kepada pemohon yang berdaftar dalam e-rumah Johor. Bagi tahun 2016, dijangka 547 unit lagi akan disiapkan menjelang hujung tahun ini.

Berkenaan dengan peluang untuk memiliki kos rendah, sederhana rendah serta rumah mampu milik dan kedai kos sederhana dalam kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat, adalah dicadangkan supaya pemohon mendaftar permohonan di laman sesawang SUK Bahagian Perumahan di e-rumah.johor.gov.my. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan permohonan baru iaitu yang masih menunggu yang direkodkan di dalam portal bermula tahun 2013 hingga 2016 adalah berjumlah 90,419 permohonan. Jumlah besar yang direkodkan ini dijangka akan dapat dikurangkan defisitnya menjelang tahun 2019 kerana kerajaan negeri telah pun merancang dan mensasarkan bekalan sebanyak 60,000 rumah mampu milik Johor yang akan siap dibina di seluruh negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, bermula 16 Ogos 2015 segala permohonan rumah mampu milik Johor telah pun menggunakan Sistem Perumahan Johor yang dapat diakses di portal e-rumah.johor.gov.my. Sistem yang telah ditambah baik ini dapat membolehkan pengguna untuk menggunakan akaun yang dicipta untuk menghantar permohonan rumah mampu milik, rumah kedai kos sederhana rendah dan boleh menyemak status permohonan terus secara *online*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, adalah dicadangkan bagi mereka yang telah beberapa lama menghantar permohonan secara manual untuk mengisi semula maklumat atau memperbaharui permohonan rumah mampu milik secara *online* agar Pejabat SUK Bahagian Perumahan mempunyai data terkini berkaitan maklumat permohonan oleh pemohon. Maklumat yang diisi dalam permohonan ini amatlah penting kerana pemohon boleh memohon lokasi yang dijangka akan ada pembinaan dan pelaksanaan rumah mampu milik dan seterusnya akan menjamin peluang yang lebih cerah untuk mendapat tawaran. Bagi memastikan proses penawar mampu milik dikeluarkan mengikut saluran dan kaedah yang telus, beberapa syarat dan prosedur baru telah diperkenalkan. Antaranya, pertama, pemohon hanya perlu memastikan semua maklumat lengkap diisi semasa menghantar permohonan secara *online*, kedua, setiap permohonan akan diproses dan disaring berdasarkan merit yang dijana secara dalam sistem. Sistem merit ini akan mengambil kira semua maklumat yang terlibat seperti bujang atau kahwin, jumlah pendapatan keluarga, pilihan kawasan dan lain-lain.

Yang ketiganya, bagi permohonan yang mendapat merit yang tinggi dan layak, mereka perlu mudah dihubungi ke Pejabat SUK Perumahan untuk semakan dokumen. Jika dokumen yang dibawa semua didapati adalah betul dan tepat seperti yang diisi, sijil akan dikeluarkan. Caj RM10.00 akan dikenakan bagi satu sijil tawaran yang dikeluarkan. Bagi setiap projek, akan ada sesi *voliting* kelayakan mendapat sijil tawaran dan *voliting* lot PTD khususnya biasanya akan diadakan di dalam acara-acara rasmi. Adalah diharapkan transformasi dan penambahbaikan di peringkat Pejabat SUK Bahagian Perumahan ini akan dapat membantu menyokong misi kerajaan negeri dalam menyediakan pemilikan rumah mampu milik bagi setiap rakyat Johor dan dalam masa yang sama memudahkan rakyat untuk memohon dan mendapatkan pemilikan rumah mampu milik ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berkenaan cadangan pelaksanaan bagi penempatan penduduk di Kampung Bakar Batu Perling. Pihak Pejabat Daerah Johor Bahru telah diberi mandat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bagi menyelesaikan isu pemindahan penduduk kampung berkenaan. Beberapa siri mesyuarat

dan perbincangan telah diadakan antara jabatan-jabatan dan agensi bagi mencari jalan penyelesaian permasalahan ini. Untuk makluman, pihak Jabatan Perumahan Negara telah menyerahkan projek PPR Sungai Melana kepada kerajaan negeri pada Mei 2015 yang lalu. Pihak kerajaan negeri telah memutuskan untuk menempatkan penduduk-penduduk yang mendiami kawasan setinggan di sekitar Parlimen Pulaui untuk ditempatkan di PPR Sungai Melana ini. Oleh yang demikian, penduduk Kampung Bakar Batu Perling ini juga termasuk dalam senarai kampung yang terlibat sama dalam perpindahan ke PPR Sungai Melana. Jumlah keluarga yang terlibat di dalam perpindahan ini adalah seramai 144 keluarga. Pihak SUK Perumahan telah mengadakan sesi penerangan bersama penduduk sebelum ini dan juga telah mengedarkan permohonan kepada penduduk yang terlibat. Dari jumlah tersebut, hanya 83 orang yang telah dihantar semula ke SUK Perumahan manakala baki penduduk yang masih belum menghantar barang adalah 61 orang.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Jementah, sumbangan peruntukan RM5 juta dimaksudkan adalah pada dasarnya bagi tujuan tapak pembinaan rumah kedai bumiputera. Hakikatnya, peruntukan tersebut masih lagi digunakan bagi tujuan membantu usahawan belia bumiputera dalam menyediakan kelengkapan dan prasarana di setiap pusat kegiatan belia yang terpilih. Perkara ini juga amatlah penting dalam persediaan bagi usahawan belia bumiputera sebelum memulakan perniagaan atau pun perusahaan yang akan dijalankan. Ini kerana majoriti belia bumiputera menghadapi kekangan modal bagi menyediakan dan memulakan perniagaan. Justeru itu, melalui insentif dan bantuan ini, ianya memberi peluang kepada usahawan bersedia memulakan perusahaan serta meluaskan jaringan pasaran perniagaan mereka.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, seterusnya Yang Berhormat Senai membangkitkan mengenai strategi kerajaan untuk mengatasi bekalan perumahan berlebihan. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Johor telah menyediakan draf garis panduan perancangan pangsapuri perkhidmatan dan mekanisme pengurusan pembangunan. Pangsapuri perkhidmatan yang telah diluluskan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi teknikal dalam proses mempertimbangkan kebenaran merancang dan mengawal pembangunan pangsapuri perkhidmatan di negeri Johor. Walau bagaimanapun, garis panduan ini masih lagi di peringkat perincian ke atas mekanisme pengurusan pembangunan bagi pangsapuri perkhidmatan yang telah diluluskan. Sehubungan dengan itu, keputusan Jawatankuasa Perancangan Negeri bilangan 5/2014 bertarikh 14 Disember 2014, yang pada dasarnya menangguhkan semua permohonan pangsapuri perkhidmatan kerana terdapat lambakan penawaran yang telah diluluskan di negeri Johor masih lagi terpakai.

Untuk makluman, berdasarkan draf garis panduan perancangan pangsapuri perkhidmatan dan mekanisme pengurusan pembangunan pangsapuri perkhidmatan yang telah diluluskan tersebut, antaranya strategi-strategi yang telah ditetapkan bagi mengatasi isu ini, mengatasi isu lambakan penawaran dengan yang pertamanya, meletakkan sempadan atau kawasan yang dibenarkan. Yang keduanya, mekanisme kawalan perancangan bagi pembangunan yang telah diluluskan. Yang ketiga, mekanisme kawalan perancangan bagi pembangunan baru. Draf garis panduan perancangan pangsapuri perkhidmatan dan mekanisme pengurusan pembangunan pangsapuri perkhidmatan yang telah diluluskan ini di jangka akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Perancang Negeri yang terdekat untuk di guna pakai di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi teknikal di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, seterusnya saya beralih kepada isu-isu kerajaan tempatan. Saya ingin mengucapkan, ingin saya mengucapkan tahniah dan terima kasih



kepada Yang Berhormat Semerah kerana menjawab isu yang dibangkitkan oleh YB Penggaram. Saya kira YB Semerah lebih maklum dengan isu ini berbanding dengan YB Penggaram kerana ini adalah kawasan YB Semerah. Berhubung dengan isu projek perancangan pinggir Batu Pahat sepanjang Sungai Batu Pahat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penggaram, pembangunan sungai tersebut adalah tertumpu kepada pembangunan fasa 1 iaitu dari tepi jambatan hinggalah ke gate air JPS melalui peruntukan Jabatan Landskap Negara. Kerja-kerja perobohan ke atas penduduk tidak sah juga telah dilaksanakan. Tindakan pengeluaran notis oleh Pejabat Tanah adalah mengikut prosedur di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara, menceroboh tanah milik kerajaan. Pelaksanaan fasa 2 dan 3 akan dilaksanakan berdasarkan peruntukan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan oleh Jabatan Landskap Negara. Penempatan peniaga di sepanjang Jalan Shahbandar ini termasuk dalam pembangunan fasa 2 yang akan dilaksanakan bergantung kepada peruntukan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara. Pada masa ini, tumpuan permohonan adalah pada fasa 1.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Puteri Wangsa juga ada membangkitkan mengenai aduan penduduk di Jalan Batik, Taman Puteri Wangsa berkenaan penempatan warga asing yang mengganggu keselesaan penduduk tempatan. Untuk perhatian Dewan, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171 di bawah Seksyen 78 telah memperuntukkan tindakan undang-undang boleh dikenakan ke atas rumah yang diduduki penuh sesak. Isu yang dibangkitkan akan di ambil tindakan berdasarkan peraturan sedia ada oleh Pihak Kerajaan Tempatan berkenaan.

Berkenaan cadangan mewujudkan bilik sejuk beku di setiap pasar-pasar awam oleh Yang Berhormat Pasir Raja saya ucapkan terima kasih atas cadangan yang diberikan. Pada masa ini pihak Majlis Daerah Kota Tinggi hanya menyediakan tapak, tapak sahaja di lokasi-lokasi berikut, Pasar Awam Kota Tinggi, Pasar Awam Taman Kota Jaya, Pasar Borong Jalan Johor, Pasar Awam Sungai Rengit dan penyewa menyediakan peti sejuk mereka sendiri. Kadar sewa tapak yang dikenakan adalah lingkungan RM10.00 hingga RM40.00. Untuk makluman, perkara ini bergantung kepada keupayaan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing untuk menyediakan kemudahan bilik sejuk beku. Sebagai contohnya pasar awam Majlis Bandaraya Johor ada menyediakan kemudahan begini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Senai dan Pekan Nenas juga membangkitkan isu mesin kuda. Sememangnya pihak berkuasa, pihak berkuasa yang meluluskan lesen hiburan dan lesen permit tidak pernah meluluskan lesen-lesen yang berunsur perjudian. Namun begitu terdapat juga lesen hiburan yang diluluskan telah di salah guna untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun operasi bersepadu antara PDRM, Pejabat Daerah, PBT dan sebagainya sentiasa di buat terutamanya terhadap premis yang disyaki menjalankan kegiatan berunsur perjudian haram termasuklah mesin kuda sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh kedua ahli Yang Berhormat. Melalui rekod PDRM, bagi tahun Januari hingga 15 April 2016, sebanyak 637 serbuan dilakukan dengan tangkapan seramai 2,297 serta turut merampas sebanyak 6,780 buah mesin judi dan wang tunai sejumlah RM174,812.00.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya juga di kesempatan ini sekali lagi menjunjung kasih di atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dalam ucapan Perasmian Dewan Negeri yang menyentuh akan isu cat bangunan dan keseragaman papan iklan di premis perniagaan yang sememangnya baik dan melibatkan semua kuasa PBT di negeri ini. Saya ingin menjelaskan isu cat semula bangunan kedai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rengit, adalah dimaklumkan bahawa bangunan-bangunan di dalam pusat Bandar akan di cat semula selepas siapnya Kajian Rancangan Kawasan Khas Bandar Penggaram kerana ianya perlu berdasarkan



pada konsep dan cadangan yang akan dikeluarkan dalam kajian tersebut kelak. Bagi pekan-pekan lain, tindakan akan di buat bersama dengan tindakan keseragaman papan iklan premis perniagaan. Ianya melibatkan bangunan-bangunan individu. Satu perancangan tindakan akan dilaksanakan mengikut kaedah yang seragam dan bersepadu antara pemilik bangunan. Mengenai isu penyeragaman papan iklan premis perniagaan, pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat juga telah mengambil tindakan menyusun semula pemasangan papan-papan iklan di premis perniagaan supaya seragam dan tidak menutup tingkat atau fasa kedai tersebut sebagaimana arahan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk makluman di peringkat Majlis Perbandaran Johor Bahru, pelbagai usaha dan tindakan telah dilaksanakan dalam mengurangkan jenayah, antaranya melalui Jawatankuasa Program Bandar Selamat Peringkat MBBJ yang sentiasa aktif merangka strategi-strategi bersama agensi penguatkuasa untuk mengurangkan jenayah. Segala bentuk tindakan dan pelaksanaan program oleh agensi-agensi akan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat ini. Selain itu, MBBJ sentiasa berusaha untuk mendapatkan bajet bagi menambah bilangan CCTV di kawasan MBBJ. Pada masa kini, sebanyak 50 unit CCTV telah dipasang di kawasan *hot spot* dan jumlah ini akan di tambah dari semasa ke semasa jika mendapat peruntukan dari pelbagai pihak. Pada tahun ini pihak MBBJ juga telah mendapat peruntukan sebanyak RM600,000.00 dari Kementerian Kerajaan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan KDN untuk pelaksanaan program pemasangan komponen fizikal bandar selamat di kawasan *black spot* MBBJ iaitu Kampung Melayu Majidee dan Kampung Dato' Sulaiman Menteri. Antara komponen fizikal yang akan dilaksanakan di dua kawasan tersebut adalah kejayaan laluan pejalan kaki, *rail* penghadang atau dengan izin *railing*, papan tanda keselamatan, cermin keselamatan dan rondaan trafik. Kesemua kos pemasangan komponen ini perlu disiapkan selewat-lewatnya pada 30 Jun 2016.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berkenaan penambahbaikan pengurusan infrastruktur awam bangunan terminal bas dan teksi Johor Jaya, saya ingin maklumkan kerja-kerja naik taraf kaunter tiket dan tandas Terminal Bas Johor Jaya berjumlah RM83,652.00 telah siap pada 14 September 2015. Untuk makluman hadirin berkenaan pemindahan kaunter tiket dan naik taraf tandas Terminal Johor Jaya ini adalah bertujuan untuk merobohkan tambahan kaunter tiket yang lama bagi membolehkan *main hole* di kawasan tersebut di selenggara dan mengelakkan tandas tersumbat. Pada akhir Mac 2016, didapati berlaku kebocoran bumbung di kawasan tersebut. Oleh itu, tindakan telah di ambil dengan kerja-kerja sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada 24 April 2016 dengan kos pembaikan berjumlah RM18,950.00. Selain daripada penyelenggaraan, pihak Majlis juga menjaga kawasan tersebut dengan menyediakan kontrak kebersihan supaya kawasan tersebut dalam keadaan yang bersih.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berkenaan operasi Zoo Johor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Permai, operasi yang sedia ada telah diletakkan di bawah Seksyen Zoo dan Rekreasi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan. Pada tahun 2013, beberapa perubahan dan penambahbaikan telah pun di buat ke atas Zoo Johor. Antaranya termasuklah mewujudkan jawatan Pegawai Veterinar gred V41, menubuhkan klinik veterinar, membina pusat kuarantin, mengubah saiz kandang mengikut spesifikasi yang ditetapkan, mengadakan kerjasama dengan zoo-zoo yang lain, untuk, dengan izin, *exchange programme* dengan juga *breeding loan* dengan izin. Atas penambahbaikan tersebut pada tahun yang sama, buat pertama kalinya Zoo Johor telah dianugerahkan permit pameran tetap oleh Kementerian Sumber Asli. Pada tahun 2014 pula, sebagaimana titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, untuk Zoo Johor berpindah ke Kota Iskandar Puteri, melalui ringkasan minit mesyuarat, Majlis

Mesyuarat Kerajaan Bilangan 11, Bilangan 117, 2/2014 bertarikh 16 April 2014 telah bersetuju tanah seluas 50 ekar sebahagian HS(D) 501078, PTD 181600, Mukim Pulai, Johor Bahru diserahkan oleh Nusajaya Greens Sdn Bhd kepada kerajaan untuk dirizabkan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara untuk kegunaan tapak Zoo Negeri Johor seluas 46 ekar PTD 200296 di bawah selenggara KPSU Bahagian Kerajaan Tempatan dan tapak nurseri seluas 4 ekar PTD 200295 di bawah selenggaraan Pengarah Bahagian Kebun Bunga, Kerajaan Negeri Johor. Mengenai cadangan penubuhan Jabatan Zoologi yang baru, sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Bukit Permai, perbincangan lanjut yang berkaitan dengannya akan dibincangkan bersama Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, tahniah dan syabas saya ucapkan dengan cadangan tersebut.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Panjang lagi Yang Berhormat? Detail sangat tu.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Sekejap lagi boleh siap, In sya Allah. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ADUN Seremban ada mencadangkan supaya ada usaha menambahbaik kemudahan asas dan infrastruktur kawasan Perindustrian Agas, saya ingin jelaskan bahawa industri Tanjung Agas merupakan salah satu kawasan industri utama dalam daerah Tangkak yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi daerah. Kepentingan kuasa industri ini adalah penting dalam menyokong sektor perindustrian daerah. Ia adalah selaras dengan pelan pertumbuhan strategik negeri Johor, yang mana salah satu sektor ekonomi daerah Tangkak yang telah dikenal pasti ialah bidang perindustrian. Pihak Majlis Daerah Tangkak sentiasa memastikan keadaan di kawasan perindustrian Tanjung Agas berada dalam keadaan yang baik dan selamat. Penambahbaikan dari segi kemudahan dan infrastruktur sentiasa dijalankan, sama ada dari aspek keceriaan dan keindahan, sistem saliran dan kebersihan. Pihak Majlis Daerah Tangkak juga turut mendapat peruntukan daripada pihak MIDA atau peruntukan pembangunan Majlis Daerah Tangkak sendiri dalam mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur tersebut. Selain itu, Majlis Daerah Tangkak juga sentiasa peka terhadap keperluan dan permasalahan yang timbul daripada pihak pemilik industri. Pihak Majlis Daerah Tangkak menggunakan saluran *Industry Park Management Committee* bagi mendapatkan sebarang isu respons pihak industri dan seterusnya berusaha untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan bersama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Pada tahun 2016, terdapat perancangan yang telah dibuat dan akan dilaksanakan pada tahun ini. Di mana pihak Majlis Daerah Tangkak telah menerima peruntukan daripada MIDA sebanyak RM836,000.00 untuk menaik taraf sistem perpartitan di kawasan perindustrian Tanjung Agas. Pada masa yang sama, pihak Majlis Daerah Tangkak juga telah menerima kelulusan bagi pelaksanaan projek menurap semula kawasan perindustrian sebanyak RM1.2 juta di bawah peruntukan MARRIS.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, seterusnya saya ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Yang Berhormat Semerah mengenai masalah kekurangan lot parkir menyebabkan pemandu meletakkan kenderaan yang tidak dibenarkan. Majlis Perbandaran Batu Pahat mempunyai perancangan untuk menambah lot-lot parkir di kawasan bandar, dengan menjadikan rizab tapak dan kereta di hujung bangunan sebagai lot parkir bagi menampung kekurangan lot tempat letak kereta sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ADUN Semerah juga menyatakan bahawa isu tempat gerai awam dipenuhi kucing yang berkeliaran, mengganggu keselesaan pengunjung-pengunjung. Pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat mempunyai perancangan untuk menyediakan pusat jagaan haiwan terbiar seperti kucing dan anjing. Pada masa ini, pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat sedang mengenal pasti lokasi yang bersesuaian dengan konsep pengurusan pusat jagaan haiwan dengan mengambil kira kos yang terlibat.

Pejabat Veterinar juga turut terlibat bagi memastikan pusat penjagaan haiwan ini juga dapat berfungsi dengan baik. Setelah kajian konsep dan lokasi tapak dikenal pasti, pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat akan memajukan permohonan peruntukan kepada pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melaksanakan projek ini.

ADUN Machap membangkitkan masalah mendapan tanah tapak perumahan di Taman Puteri Emas, hingga berlakunya kerosakan kepada rumah penduduk. Untuk pengetahuan, Taman Puteri Emas adalah projek perumahan yang dimajukan oleh pemaju perumahan Common Development Sdn. Bhd di atas lot 23,319,320,26,2628-2633 Mukim Ulu Benut, Kuang. Berdasarkan rekod permohonan CFO yang telah diluluskan pada tahun 2004, telah mendapat sokongan daripada Jabatan Teknikal Syarikat Air Johor, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bomba, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pemantauan Betong Wilayah. Permohonan kerosakan keretakan rumah telah diterima

**YB Dato' Timbalan Speaker :** YB Pengerusi Kerajaan Tempatan, tangguh sekejap.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** telah memanjangkan isu keretakan ini kepada pihak Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk mendapatkan pandangan dan penyelesaian. Selain itu juga, sesi dialog telah diadakan bersama penduduk Majlis Daerah Simpang Renggam dan pemaju bagi mencari penyelesaian pada 25.10.2015. Hasil daripada pertemuan, penduduk bersetuju dengan cadangan pihak Majlis untuk melantik pihak ketiga iaitu IKRAM untuk mengkaji dan menilai punca keretakan dan mendapan tanah.

Selain itu, pentadbiran majlis juga menunggu tarikh perjumpaan dengan pengurusan tertinggi Common Development bersama penduduk. Setelah perbincangan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PBT disarankan untuk mengeluarkan Notis 258 (1) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam kepada arkitek, pemaju serta jurutera-jurutera supaya melaporkan kemungkaran bangunan, menerangkan sebab kemungkaran itu dan menyatakan tindakan pemulihan yang diambil.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, mengenai kemudahan utiliti dan bekalan elektrik untuk warung di kawasan Serom. Setakat ini di kawasan serom tiada masalah dari segi pengeluaran lesen penjaja bergerak. Asal ia menepati syarat-syarat perlesenan. Untuk penjaja menetap iaitu warung peniaga mendirikan bangunan di atas tanah persendirian dan menyediakan suatu dan utiliti sendiri. Pihak Majlis Daerah Tangkak hanya mempermudah dari segi pengeluaran lesen penjaja meletak untuk tujuan kawasan dan keselamatan. Sehingga kini lesen penjaja menetap yang diluluskan sebanyak 12 dan lesen penjaja bergerak sebanyak 47 lesen. Penyediaan gerai milik Majlis Daerah Tangkak di Taman Serom Utama adalah salah satu kemudahan yang diberikan kepada penduduk setempat. Permohonan bajet one off daripada Pihak Berkuasa Tempatan kepada Perbendaharaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor serta kertas kerja memohon peruntukan bagi menaik taraf warung-warung sedia ada. Usaha ini adalah sebagai langkah proaktif bagi menarik minat lebih ramai usahawan dan peniaga menceburi bidang perniagaan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, seterusnya saya ingin beralih kepada isu Syarikat Perbadanan Pengangkutan Awam Negeri Johor. Pertama ialah mengenai Program Bas Muafakat Johor. Untuk makluman Dewan, Program Bas Muafakat Johor merupakan inisiatif baik yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Penyertaan bas Muafakat Johor telah bermula pada sejak 1 April 2016 yang lalu. Penyertaan bas ini seperti sedia maklum

meliputi 4 Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Majlis Perbandaran Kulai. Tujuan perkhidmatan ini disediakan adalah bagi mengurangkan kos sara hidup warganegara dan beri kemudahan serta meningkatkan mutu perkhidmatan awam kepada rakyat di laluan-laluan yang dikenal pasti. Dalam tempoh 3 bulan pertama ini, pihak Perbadanan Awam Johor jadikan sebagai tempoh percubaan. Mengikut akta Perbadanan Awam Johor seramai 3,615 orang menggunakan perkhidmatan ini dalam tempoh seminggu. Oleh yang demikian, pihak PAJ sedia mempertimbangkan laluan baru serta penambahbaikan yang lain, yang difikirkan manfaat kepada rakyat. Sebanyak 30 buah bas digunakan meliputi 15 laluan di sepanjang 427 kilometer laluan.

Bagi isu laluan Bas Muafakat Johor ini, pihak PAJ sebenarnya telah berbincang dengan semua pemain industri yang terlibat seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan operator bas untuk menentukan laluan yang menjadi tumpuan pengguna atau masyarakat yang memerlukan. Sehingga 14 April 2016, sebanyak 20,000 unit kad Bas Muafakat Johor telah dijual termasuklah pendaftaran secara dalam talian iaini online.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terdapat juga keperluan sebagaimana yang disuarakan oleh ADUN-ADUN untuk perkhidmatan Bas Muafakat Johor diperluaskan ke daerah-daerah lain. Memang di dalam perancangan kerajaan negeri, supaya perkhidmatan ini diperluas ke daerah-daerah lain yang telah pun Perbadanan Awam Johor kenal pasti. Buat masa ini, TransJohor dilaksanakan, masih dalam tempoh percubaan di Daerah Mersing. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, perkhidmatan Bas Muafakat Johor ini akan diperluaskan ke tempat lain, jika pihak PBT-PBT di daerah lain mampu dan bersedia untuk menyediakan bas percuma bagi menggantikan TransJohor di daerah-daerah lain.

Perkhidmatan ini akan diperluas lagi di 11 PBT terlibat termasuklah Muar, Kluang, Tangkak, Labis, Batu Pahat dan Yong Peng. Inisiatif mulia ini meliputi 28 laluan yang dikenal pasti di jarak sepanjang 470.1 kilometer. Tentang aspek laluan, pihak PAJ sebenarnya amat mengambil berat dan memandang serius tentang pemain-pemain industri pengangkutan awam di negeri ini. Pihak PAJ bukan mahu mematikan industri ini. Maka, sebab itulah laluan yang dilalui oleh Bas Muafakat Johor dan TransJohor ini diteliti dan datanya diperoleh amat perlu, untuk di bincang terlebih dahulu dengan pemain industri, agar matlamat kepada golongan sasar iaitu rakyat yang memerlukan tercapai. Walaupun ianya berhadapan dengan isu dan cabaran, pihak PAJ berjanji akan melancarkan TransJohor pada 31 Ogos 2016. Jadi, pada masa sekarang, pihak PAJ masih lagi mengumpul maklumat dan dana untuk tujuan operasi TransJohor. Tambahan lagi, pihak PAJ telah bersedia, begitu juga dengan operator yang ada serta dalam peringkat akhir perbincangan tentang pembayaran dan sebagainya.

Pihak PAJ juga sedang cuba untuk mendapatkan peruntukan bagi menampung sebahagian kos operasi TransJohor. Diharap semua ADUN tidak perlu risau, kerana TransJohor sememangnya menghubungkan pekan-pekan kecil dengan bandar. Ingin ditegaskan di sini, bahawa Pihak Berkuasa Tempatan adalah terlibat dalam menampung kos operasi TransJohor. Kerajaan negeri masih membantu dalam sebahagian besar kos operasi perkhidmatan ini. PAJ juga seperti yang diperkatakan tadi, tidak mahu mematikan industri pengangkutan awam di Johor. Oleh itu, pertimbangan dari segi laluan yang dapat membantu masyarakat, amat difitik beratkan oleh PAJ.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, seferusnya ingin saya menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Senai iaitu

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Panjang lagi Yang Berhormat Pengerusi?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Lagi...

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Pasal ada lagi pengerusi-pengerusi lain yang akan menjawab juga,. Sila ringkaskan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** 5 minit Dato' Timbalan Sepaker. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, seterusnya saya ingin menjelaskan oleh isu yang dibangkitkan oleh Senai, iaitu kesesakan lalu lintas disebabkan bas yang berhenti mengambil penumpang. Disini, dipandang serius oleh pihak kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, terdapat halangan yang jelas antaranya kedudukan Pekan Senai iaitu di Jalan Persekutuan 1 dan rizab yang terhad. Tambahan lagi, ketiadaan hab khusus untuk menunggu bas di Pekan Senai, mengakibatkan bas menunggu di pondok bas sedia ada. Lantas mengakibatkan kesesakan di pekan ini. Bagi menyelesaikan masalah ini, dicadangkan agar pengusaha kawasan perindustri harus terlibat dalam pengurusan perjalanan pekerja-pekerja mereka. Melalui langkah ini diharap kesesakan lalu lintas di Pekan Senai dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk makluman sidang Dewan, kerajaan negeri sememangnya sentiasa berusaha dan fokus untuk menambahbaik Sistem Pengangkutan Awam Negeri Johor dengan mengarahkan pihak Berkuasa Tempatan menubuhkan Unit Pengangkutan Awam mulai pertengahan tahun 2014 yang berfungsi seperti berikut :-

Fungsi Unit Pengangkutan Awam di Pihak Berkuasa Tempatan :-

1. Bersama agensi berkepentingan (SPAD, JPBD, dan agensi yang lain) dalam menjalankan fungsi untuk merancang, melaksana, menyelia infrastruktur dan perkhidmatan pengangkutan awam diperingkat Daerah atau Pihak Berkuasa Tempatan.
2. Memberi pandangan atau komen dengan merujuk kepada PAJ, terhadap cadangan pelan pembangunan untuk kelulusan.
3. Merancang, memohon dan mengurus peruntukan bagi projek Pengangkutan Awam.
4. Menyelia pelaksanaan semua projek atau program berkaitan pengangkutan awam.
5. Memantau perkhidmatan awam dan keadaan infra sebagai perantara kepada pengguna atau rakyat dengan PBT dalam hal Penangkutan Awam, penyelesaian isu atau masalah Pengangkutan Awam di peringkat PBT.
6. Mengemaskini data infra dan pengetahuan-pengetahuan awam.
7. Merizabkan tanah untuk pembangunan Perkhidmatan Awam di setiap rancangan permohonan pembangunan baru.
8. Memastikan perbelanjaan mengikut peruntukan yang disediakan.
9. Menyediakan peruntukan tahunan bagi sektor Perkhidmatan Awam.
10. Mengetahui kos penyelenggaraan bagi setiap kemudahan Perkhidmatan Awam.

11. Memastikan semua infra dan kemudahan Perkhidmatan Awam berada dalam keadaan baik.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan, kerana masa agak suntuk. Mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Saya ingin memohon maaf sekiranya ada antara isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada persidangan kali ini tidak dapat saya memberi maklum balas. Saya tahu kalau saya jawab satu jam setengah pun tak siap. Jadi, saya pilih mana yang penting. Maka isu berkenaan akan dijawab secara bertulis. Saya mohon maaf kepada rakan-rakan yang nama-namanya tak disebut. Tapi saya akan jawab secara bertulis. Sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan perbahasan ingin saya berkongsi dengan sidang Dewan mengenai kepentingan kita bersama, dan bersikap proaktif dalam menyelesaikan segala isu dan cabaran membangunkan negeri ini.

Rakyat Johor beruntung kerana mempunyai kepimpinan begini. Berfokus, dinamik, bersungguh, sentiasa ke hadapan. Dalam setiap pandangan pasti akan cuba dijayakan melalui penyelesaian yang efektif. Alangkah baiknya kalau kita memahami firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa' yang bermaksud; "Hai Orang-Orang Yang Beriman, Taatilah Allah Dan Taatilah Rasulnya, Dan Ulul Amri Dalam Kalangan Kamu, Kemudian Jika Kamu Bertlainan Pendapat Mengenai Sesuatu, Maka Kembalikanlah Ia Kepada Allah iaini Al-Quran Dan Rasul iaini Sunnahnya. Jika Kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama dan lebih baik akibatnya." Surah An-Nisa' Ayat 59. Inilah hasil sentuhan kepimpinan kita, yang dirasai segenap lapisan masyarakat, yang ingin melihat bangsa Johor terus maju dan sejahtera. Kita selesaikanlah secara bersama. Secara proaktif. Kita ada ketua, kita ada pengikut, kita ada cendiakawan, kita ada yang sentiasa berpandang luar biasa. Demikianlah cara kita sebagai bangsa Johor yang berjaya. Insya-Allah, Inilah Muafakat Kita.

Seharusnya momentum ini dikekalkan. Berbekalkan pasukan yang mantap, strategi yang segar, pelaksanaan yang berterusan, kerajaan negeri akan terus membela dan menjadikan Johor sebagai sebuah negeri yang berkemajuan. Selesai sudah, penggulungan saya, penyelesaian sebagai asas, bermuafakat bersama. Ayuh semua, kita fokus berkerja, demi rakyat, bangsa Johor yang tercinta. Sekian, wabillahi taufikwalhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Amin, akhirnya. Jemput Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat petang, salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Terlebih dahulu Pulai Sebatang mengucapkan terima kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan atas Rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor yang Ketiga Belas pada hari yang berbahagia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pulai Sebatang ingin menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, di mana Duli Yang Maha Mulia Tuanku sangat menitikberatkan mengenai sektor pelancongan negeri Johor. Pulai Sebatang amat menyahut titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa sektor pelancongan merupakan salah satu bidang utama yang boleh membawa nama Johor ke peringkat antarabangsa. Sememangnya di bawah naungan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan pentadbiran kerajaan

negeri di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita, masyarakat Johor yang mengamalkan semangat Muafakat Bangsa Johor semakin menampakkan hasil keharmonian masyarakat di negeri Johor. Inilah yang akan membantu menggalakkan kedatangan pelancong ke negeri Johor.

Kerajaan negeri di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor telah menyatakan industri pelancongan merupakan antara sektor terpenting untuk dibangunkan, kini dan masa depan. Pelan Pertubuhan Strategi Negeri Johor 2016 hingga 2020 yang dilancarkan telah mengenal pasti sektor pelancongan antara sektor terpenting dan berpotensi untuk dibangunkan di 8 daripada 10 daerah di Johor.

Sehubungan itu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, tidak kira dari parti pemerintah atau pembangkang yang telah pun menempuh dan membangkitkan banyak perkara dan isu berkenaan dengan sektor pelancongan. Terima kasih kerana memberikan pandangan, idea, cadangan dan kritikan yang membina sepanjang persidangan Dewan ini bagi kita sama-sama berusaha menjayakan sektor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tanjung Surat telah menyentuh berkenaan dengan peranan penting yang dimainkan oleh *Senai Airport* dalam membantu merencanakan sektor pelancongan Johor.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kini *Senai Airport* mempunyai penerbangan terus ke enam bandar di Asia Tenggara. Statistik *Senai Airport* telah menunjukkan peningkatan pengguna secara ketara setiap tahun. Pengguna *Senai Airport* telah meningkat daripada 2.325 juta orang pada tahun 2014 kepada 2.581 juta orang pada tahun 2015. Iaitu meningkat sebanyak 9.92%, seterusnya mencerminkan *Senai Airport* kini lebih berdaya saing.

Di kesempatan ini, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, satu laluan baru penerbangan terus berjadual Johor Bahru ke Guang Zhou, China menerusi Air Asia bakal dilancarkan mulai 29 Mei 2016. Ianya adalah merupakan penerbangan terus berjadual pertama dari negeri Johor ke pasaran negara China.

Kerajaan negeri akan konsisten meletakkan sasaran untuk mengadakan lebih banyak lagi penerbangan terus di negara-negara di rantau Asia Pasifik khususnya ke negara pasaran utama pelancongan negeri Johor seperti India, Myanmar dan Filipina pada masa akan datang. Berkenaan penerbangan terus yang melibatkan dari pemain golf Korea Selatan sememangnya Yang Berhormat sebutkan, sebenarnya Johor turut dijadikan sebagai pilihan utama pemain-pemain golf dari Korea Selatan semasa musim sejuk di sana. Seramai 4,241 pemain golf Korea Selatan menerusi 19 buah *chartered flight* dengan izin, syarikat Aseana Airlines telah tiba di Johor Bahru dari Incheon, Korea Selatan dari bulan Disember 2015 sehingga Februari 2016, khusus untuk bermain golf dan melakukan aktiviti melancong ke produk-produk pelancongan lain di negeri Johor. Kerajaan negeri akan terus meningkatkan promosi untuk menjadikan Johor sebagai sebuah destinasi utama buat pemain-pemain golf di rantau ini.

Yang Berhormat Bukit Batu, yang telah membangkitkan mengenai pemasangan papan tanda pelbagai bahasa untuk memudahkan pengguna di *Senai Airport*. Terima kasih atas cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, usaha ini sebenarnya telah dimasukkan di dalam rancangan kerajaan negeri bersama pihak pengurusan *Senai Airport* bagi usaha-usaha menambah baik lapangan terbang itu sendiri. *Senai Airport* akan memulakan kerja-kerja menaik taraf dalam masa terdekat untuk meningkatkan kualiti keselamatan dan keselesaan kepada pengguna. Projek naik taraf ini termasuklah pemasangan papan tanda pelbagai bahasa seperti yang Yang



Berhormat katakan. Ianya sememangnya sedang diusahakan kerajaan negeri bersama *Senai Airport Terminal Services*, dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tenggaroh ada menyentuh mengenai rancangan pelancongan di peringkat daerah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri menerusi *Tourism Johor* sedang mengemas kini inventori-inventori pelancongan di setiap daerah merangkumi makanan dan kraf tangan yang boleh dijadikan oleh-oleh untuk dibawa balik oleh pelancong. Usaha-usaha ini adalah bertujuan untuk menerbitkan brosur-brosur atau risalah-risalah pelancongan yang lebih menarik dan mewujudkan pakej-pakej pelancongan berdasarkan 11 'Tourism Development Cluster', dengan izin seperti yang tertera dalam *Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 hingga 2023*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Skudai telah membangkitkan perkara berkaitan caj penginapan di hotel-hotel. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, usaha ke arah melaksanakan caj penginapan di hotel-hotel Johor telah dimulakan inisiatifnya pada tahun yang lalu dengan mendapatkan input dan data-data daripada negeri-negeri yang telah memulakan pelaksanaan caj tersebut tetapi perlu diingat bahawa Melaka dan Pulau Pinang adalah berbeza dengan usaha yang sedang dibuat oleh kerajaan negeri ini kerana kedua-dua negeri tersebut telah diwartakan di bawah UNESCO yang mana mereka mempunyai tapak warisan untuk melaksanakan caj warisan kepada hotel-hotel penginapan.

Namun, kerajaan negeri tetap optimis untuk mendapatkan kaedah pelaksanaan terbaik bagi mengenakan caj penginapan di hotel-hotel Johor. Justeru, penelitian lanjut sedang dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat agar cadangan mengenakan caj penginapan di hotel-hotel Johor akan dapat digunakan hasilnya untuk kepentingan pembangunan dan pengurusan sektor pelancongan kita dengan lebih baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Senggarang atas pujian terhadap perkembangan sektor pelancongan di negeri ini. Yang Berhormat juga telah mencadangkan untuk memanfaatkan hubungan secara bandar kembar dengan Bandaraya Johor Bahru yang telah wujud dengan tiga buah bandar raya iaitu Singapura, Istanbul, Jeddah, Kuching, Shantou dan Shenzhen. Terima kasih atas saranan Yang Berhormat Senggarang agar dapat dimanfaatkan platform bersama bandar raya-bandar raya kembar yang telah sedia wujud ini agar potensi yang lebih besar khususnya dalam bidang pelancongan dan perdagangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Senai telah menyentuh berkenaan dengan isu kesesakan lalu lintas di Tambak Johor dan Link Kedua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kedua-dua pintu masuk ini merupakan antara pintu masuk yang paling sibuk di dunia. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Imigresen Malaysia adalah seramai 107.9 juta orang pelawat atau pengguna yang keluar masuk menggunakan kedua-dua pintu masuk ini pada tahun 2015. Jumlah ini belum termasuk lagi kenderaan seperti motor, kereta, van, lori dan bas yang juga bukan satu jumlah yang kecil. Dan sebenarnya kedua-dua Tambak Johor dan Link Kedua ini tidak berada dalam keadaan kesesakan pada setiap masa. Ianya akan menghadapi kesesakan pada musim puncak tertentu atau *peak season* dengan izin, iaitu pada hujung minggu dan musim percutian sekolah Malaysia atau Singapura.

Manakala masa puncak atau *peak hour* bagi setiap hari adalah berbeza mengikut mod pengangkutan secara amnya. Waktu masuk puncak pada setiap hari bekerja adalah pada waktu pagi dari 4.30 pagi hingga 9.00 pagi. Manakala sebelah petang pula adalah dari 4.30 petang sehingga 9.00 malam. Waktu yang saya sebutkan tadi, adalah hanya



untuk kenderaan motor dan kereta. Untuk bas pula, masa puncak adalah dari pukul 2.00 petang hingga 5.00 petang setiap hari. Maka saya ingin mencadangkan pengguna yang mempunyai fleksibiliti masa dalam mengaturkan masa penggunaan Tambak Johor dan Link Kedua perlu terlebih dahulu mengaturkan masa agar bagi mengelakkan mereka terlibat dalam masa puncak tersebut.

Pengguna juga digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam dan menunjuk kepada *mobile apps*, dengan izin, sebagai rujukan supaya dapat membuat pilihan yang tepat sebelum menggunakan kedua-dua pintu masuk ini. Pada masa yang sama, kerajaan negeri sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab tidak akan duduk, tidak peduli perkara ini. Sememangnya kerajaan negeri telah mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi menyelesaikan isu kesesakan di kedua-dua pintu masuk ini untuk memudahkan kemasukan pelawat atau pelancong yang merupakan sumber rezeki kita ke negeri Johor.

Menerusi Jawatankuasa ini pelbagai inisiatif telah dilaksanakan termasuklah :

1. Pertambahan anggota Imigresen seramai 168 orang pada bulan Februari yang lalu. Jabatan Imigresen Malaysia juga komited untuk menambah 300 pegawai lagi selewat-lewatnya pada bulan Julai 2016.
2. Kaunter-kaunter Imigresen iaitu sebanyak 224 di Bangunan Sultan Iskandar dan 127 di Kompleks Sultan Abu Bakar akan dibuka secara optima sewaktu *peak hour*, dengan izin. Ini dapat dicapai melalui arahan pembekuan cuti pegawai oleh Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor.
3. Pertambahan kekerapan perkhidmatan kereta api JB - Woodlands dari lapan kali sehari dari sebelumnya kepada kini 22 kali sehari
4. Pertambahan laluan baru bagi perkhidmatan bas CW7L di Link Kedua yang menghubungkan Iskandar Puteri ke Boon Lay dan Jurong East di negara Singapura.
5. Kerajaan negeri akan berusaha menggalakkan lebih banyak perkhidmatan penerbangan terus di Senai Airport untuk memenuhi permintaan rakyat tempatan dan pelancong agar tidak perlu menyeberangi ke Changi.
6. Penempatan pondok polis bergerak di Tambak Johor untuk mengawal lalu lintas kenderaan manakala pondok polis bergerak di Link Kedua akan bermula beroperasi sempena dengan Johor Mega Sales 2016 yang bakal berlangsung pada 27 Mei nanti.
7. Kerajaan negeri telah memohon kepada kerajaan pusat bagi mengkaji pelancong yang turun daripada bas persiaran tanpa menurunkan bagasi bagi memudahkan pelancong memasuki Johor.

Sememangnya, jawatankuasa khas ini akan secara berterusan mencari mekanisme dan ruang penambahbaikan bagi isu kesesakan di pintu masuk yang kita sedia maklum merupakan antara pintu masuk yang paling sibuk di dunia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sektor pelancongan akan tetap menjadi salah satu daripada sumber pendapatan utama negeri pada dekad-dekad mendatang. Maka, kerajaan negeri menerusi Tourism Johor telah berjaya mengadakan *Focus Group Discussion* dengan izin, yang berjaya menghasilkan 'Pelan Pemasaran Strategik Pelancongan Johor 2016 hingga 2020 yang fokus kepada strategi pemasaran

pelancongan bertujuan mewujudkan sinergi, permuafakatan di antara pelbagai agensi yang terlibat dalam merangka pelan strategi pemasaran pelancongan ini. Pelan pemasaran strategik ini berfungsi sebagai pelengkap kepada Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 hingga 2023 dengan hasrat untuk dijadikan panduan strategi pemasaran kita bagi tempoh lima tahun.

Menyentuh tentang usaha penjenamaan semula Tourism Johor, saya ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Gambir atas penghargaan dan perhatian terhadap perkara ini. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sememangnya dengan penjenamaan semula pelancongan kita, usaha promosi pelancongan Johor pasti dapat dijalankan dengan lebih efektif.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, antara inisiatif-inisiatif penjenamaan semula yang diusahakan pada tahun ini adalah seperti berikut:

1. Nama Jabatan Pelancongan Negeri Johor kini dijenamakan sebagai Tourism Johor manakala Logo Rasmi Tourism Johor baru telah bertukar wajah daripada kuda kepang kepada Bangunan Sultan Ibrahim yang merupakan bangunan ikonik bersejarah Negeri Johor.
2. Web Portal Rasmi Tourism Johor yang baru di mana kerajaan negeri memandang serius terhadap trend teknologi masa kini dan laman ini dapat berperanan sebagai sumber informasi pelancongan Johor yang penting kepada pelancong kita.
3. Rejuvenasi Johor Tourism Association bagi memperkasakan peranan NGO pelancongan sebagai badan membantu kerajaan negeri membangunkan industri pelancongan Johor. Ia merupakan gabungan NGO-NGO berkaitan pelbagai sub-sektor pelancongan di bawah satu payung. Melalui proses ini hubungan baik antara kerajaan negeri dan NGO-NGO Pelancongan telah terjalin dengan baiknya sekarang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Serom dan Yang Berhormat Penggaram ada menyentuh mengenai hab-hab industri berdasarkan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, PPSJ ini mengenal pasti potensi setiap daerah masing-masing dalam mempercepatkan pertumbuhan keseluruhan negeri Johor. Setiap kluster di Johor adalah penting untuk pembangunan wilayah sebagai langkah peningkatan daya saing dan inovasi, menarik pelaburan dan merangsang pertumbuhan pekerjaan. Johor akan mewujudkan sebuah ekosistem industri yang kukuh dengan institusi yang berkolaborasi antara satu sama lain, pembekal dan industri berkaitan lain yang menyokong di dalam sesebuah kluster.

Untuk makluman Yang Berhormat Serom, kerajaan negeri telah menjadikan Daerah Tangkak sebagai Daerah *Crossroad of Culture & Adventure* dengan izin, dalam PPSJ yang melibatkan pelancongan gaya hidup, industri berasaskan kayu dan juga pertanian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Bentayan telah menyentuh berkenaan industri teknologi tinggi di Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jika kita semak pencapaian ekonomi Johor sejak tiga tahun lepas, ternyata dasar dan strategi pertumbuhan ekonomi kita telah memperlihatkan petunjuk-petunjuk positif. Johor membangun dengan pantas, malah antara yang paling dinamik di Malaysia selepas Kuala Lumpur. Kerajaan menekankan kepada kemasukan pelaburan baru yang membawa bersama-sama teknologi moden dan bercirikan automasi canggih serta tidak memerlukan tenaga pekerja yang ramai. Langkah ini bersesuaian dengan hasrat kerajaan

yang mahu mengurangkan kebergantungan tenaga kerja yang ramai khususnya buruh asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan

**YB Dato' Timbalan Speaker :** YB Pengerusi Pelancongan, panjang lagi?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Ini perdagangan dekat habis Yang Berhormat,

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Sudah nak habis. YB nak berucap 2 hari?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Habiskanlah Yang Berhormat.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Cepat sikit.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Ok.

Berkenaan dengan transformasi kawasan perindustrian dinyatakan oleh Yang Berhormat Serom, kerajaan negeri sedang melaksanakan usaha transformasi bagi mewujudkan kawasan perindustrian yang lebih terancang di Johor. Beberapa lokasi sedang diteliti bagi memulakan usaha ini. Antaranya di kawasan perindustrian Pasir Gudang dan Kulai.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pusat Pelaburan Negeri Johor sedang mengadakan perbincangan dengan PBT bagi menentukan mekanisme sesuai bagi mencapai transformasi ini. Ini selaras dengan insentif baru yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sesi pembentangan bajet 2015, yang mana salah satunya insentif bagi pengurusan kawasan industri adalah untuk memastikan kawasan perindustrian di Malaysia diuruskan dengan baik.

Transformasi ini melibatkan penyediaan asrama pekerja asing, tahap keselamatan dan kebersihan yang lebih tinggi, sistem pengurusan yang sistematik, infrastruktur yang lebih canggih dan lengkap. Pihak kerajaan mahukan kawasan-kawasan perindustrian di negeri Johor ini menjadi contoh yang terbaik kepada negeri-negeri lain, di samping dapat meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur untuk terus datang melabur ke negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, beberapa ADUN termasuklah Yang Berhormat Senggarang telah membangkitkan tentang GST dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di bawah portfolio saya hanya bertanggungjawab bagi menjalankan penguatkuasaan pencatutan terhadap peniaga yang mengambil kesempatan ke atas GST.

Pihak KPDNKK telah melancarkan "Ops Catut" di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Anti Pencatutan, mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah dalam kurungan Margin Keuntungan Bersih 2014 pada 14 Januari 2015. Objektif utama operasi ini dilaksanakan adalah untuk menjalankan penguatkuasaan pematuhan kepada Peraturan Mekanisme Margin Keuntungan Bersih dikuatkuasakan kepada peniaga. Di samping itu, operasi ini juga memberi mesej kepada rakyat bahawa pihak kerajaan dan kementerian serius menangani isu kenaikan harga dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Sejak GST dilaksanakan iaitu bermula 1 April 2015 hingga 20 April 2016 sebanyak beberapa tindakan telah diambil.

1. Sebanyak 223,308 pemeriksaan penguatkuasaan oleh KPDNKK telah dijalankan di seluruh negeri Johor.
2. Sebanyak 539 kes telah diambil sepanjang operasi "Ops Catut".
3. Sebanyak RM152,781.00 nilai rampasan.
4. Sebanyak RM79,270.00 nilai kompaun.
5. Sebanyak 206 notis Seksyen 21 di bawah AKHAP 2011 pindaan 2014 telah dikeluarkan dan para peniaga perlu memberikan segala maklumat yang diminta sebagai bukti peningkatan harga yang dilakukan bukanlah atas dasar untuk mengambil keuntungan yang tidak munasabah.
6. Sebanyak 6 kes telah diambil melibatkan Seksyen 14, AKHAP 2011 pindaan 2014 di mana peniaga disyaki telah melakukan kesalahan mencatut iaitu membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah.
7. Sebanyak 1 premis perniagaan telah didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 Pindaan 2014 dan telah didenda RM13,000.00 kerana telah melanggar arahan pegawai KPDNKK untuk mengemukakan semua dokumen berkaitan kenaikan harga yang dilakukan.

Pihak KPDNKK Negeri Johor akan terus mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan terutamanya dalam isu kenaikan harga agar para peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga hanya kerana untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan. Yang Berhormat Dato' Speaker, demikianlah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan pada hari ini dan saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu bawah portfolio saya dalam sesi perbahasan mereka di Dewan yang mulia ini. Kalau ada perkara yang terlepas pandang, mohon tindakan susulan daripada jabatan-jabatan di bawah portfolio saya. Sepanjang Persidangan Dewan yang berlangsung sehingga hari ini, saya memohon maaf sekiranya ada salah dan silap serta terlanjur kata. Sekian, terima kasih.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan. Lain kali bawa Ahli-Ahli Berhormat yang lain masa promosi pelancongan, jangan Gambir dengan Senggarang sahaja.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan Dewan hingga jam 9:30 pagi esok. Terima kasih. Minta maaf saya tangguhkan Dewan pada hari Ahad, 24 April 2016. Terima kasih.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 5:15 petang.**

**HARI KETUJUH**

**HARI AHAD,  
24 APRIL 2016**

*Mesyuarat Pertama (Pembukaan Rasmi)  
Bagi Penggal Persidangan Keempat  
Dewan Negeri Johor Yang Ke-13*

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KETUJUH**

**AHAD, 24 APRIL 2016**

**BIL. 11 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Speaker,

Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., P.J.N., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SMJ., SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.  
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.

Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, P.J.N., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.

Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.

Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI, PSI  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.

Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.

Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.

Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.

Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSL.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSL.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)



YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.**

**YB Tan Sri Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuah. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera, selamat pagi, salam muafakat Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita teruskan Persidangan kita pagi ini, insya-Allah hari ini ialah hari penghabisan kita bersidang pada penggal ini. Mudah-mudahan persidangan kita ini akan berjalan dengan lancar sepertimana agenda yang telah pun sama-sama kita putuskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita teruskan Persidangan.

**Jurutulis : SOALAN LISAN.**

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Buloh Kasap jemput.

**YB Puan Norshida Binti Ibrahim (Buloh Kasap) :** Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabaratuah. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Adakah terdapat perancangan pembangunan produk pelancongan negeri berasaskan pendidikan?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Selamat pagi, salam sejahtera dan salam muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman dewan yang mulia ini, produk pelancongan yang berkonsepkan pendidikan dilihat berpotensi tinggi untuk dikembangkan di negeri Johor. Memandangkan di negeri Johor terdapat banyak lokasi pelancongan berasaskan keindahan alam semula jadi yang luas dan terpelihara serta amat sesuai untuk aktiviti riadah atau lebih dikenali dengan ekopelancongan dan agro pelancongan. Ini termasuklah Taman Negara Tanjung Piai, Taman Negara Pulau Kukup, Ladang Buah-buahan atau *Fruit Farm* dengan izin, melihat kunang-kunang di Sungai Johor, destinasi pelancongan bersejarah di Daerah Kota Tinggi, warisan bandar di Johor Bahru, pembelajaran lego robotik di Taman Tema Legoland Malaysia dan banyak lagi lokasi-lokasi menarik yang sesuai untuk dijadikan sebagai pelancongan pendidikan.

Konsep pelancongan yang menggabungkan rekreasi dan pendidikan merupakan aktiviti yang amat popular dalam kalangan masyarakat di negara-negara barat yang dikenali sebagai program '*summer camp*' atau '*team building*' dengan izin, yang menjadi program pilihan semasa cuti persekolahan dengan bertujuan untuk membentuk keperibadian bukan sahaja untuk pelajar, malah untuk guru juga boleh dilaksanakan.

Konsep pelancongan seumpama ini semakin mendapat permintaan berikutan meningkatnya kesedaran masyarakat terhadap motivasi diri melalui aktiviti pelancongan selain dapat mengenali produk pelancongan menarik yang dapat di negeri Johor. Aktiviti

yang menjadi tumpuan pelancongan pendidikan di negeri Johor termasuklah pelancongan berasaskan rekreasi pendidikan seperti program lawatan suai-kenal ke Tanah Paling Selatan Benua Asia di Taman Negara Tanjung Piai, program menjejak tapak-tapak sejarah di daerah Kota Tinggi, program lawatan sambil belajar di ladang buah-buahan untuk agro pelancongan menerusi kunjungan lawatan khas dari sekolah-sekolah dan juga institusi pengajian tinggi khususnya kepada pasaran di negara-negara ASEAN seperti Singapura, Indonesia dan lain-lain.

Manakala aktiviti lasak yang menjadi pilihan terutama pelajar universiti kebanyakan tertumpu kepada program meredah hutan, berakit, berkayak, mendaki bukit, perkhemahan dan sesi mengenali spesies flora dan fauna khususnya di Taman Negara Endau-Rompin. Sehubungan itu, kerajaan negeri menerusi Tourism Johor akan mempergiat aktiviti promosi pelancongan kepada institusi pengajian khususnya untuk berkunjung ke lokasi yang disebutkan di atas terutama ketika mereka sedang bercuti dari pembelajaran dari aspek ko-kurikulum luar kelas yang memerlukan lawatan ke produk-produk pelancongan yang mempunyai nilai tinggi bagi pendidikan.

**YB Puan Norshida Binti Ibrahim (Buloh Kasap)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput Buloh Kasap.

**YB Puan Norshida Binti Ibrahim (Buloh Kasap)** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Selain produk-produk berasaskan pelancongan yang, Yang Berhormat sebutkan tadi, memandangkan negeri Johor mempunyai banyak inap desa, maka sejauh manakah inap desa Johor terlibat sebagai produk pelancongan yang berasaskan pendidikan yang berpotensi untuk dibangunkan dalam negeri Johor?

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan** : Terima kasih DUN Buloh Kasap atas soalan tambahan yang dikemukakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain produk-produk pelancongan agro, eko warisan dan sejarah, sukan dan rekreasi yang saya sebutkan tadi, sememangnya inap desa atau *homestay* dengan izin, Yang Berhormat nyatakan merupakan suatu produk pelancongan berasaskan pendidikan yang berpotensi besar untuk dibangunkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sektor pelancongan pendidikan inap desa adalah sangat terkenal dan popular di Negara Jepun dan Korea Selatan, di mana masyarakat mereka sangat menggalakkan pelancong asing mempelajari budaya mereka. Sebenarnya *homestay* di Johor juga telah menarik ramai pelajar asing khususnya penuntut universiti dari Negara Jepun, Korea Selatan dan Borneo Eropah selama ini. Mereka mempunyai minat yang tinggi untuk memahami kebudayaan kita merangkumi makanan, sukan dan permainan tradisional, adat resam dan kepercayaan, pakaian tradisional serta aktiviti-aktiviti pertanian seperti menuai padi, memetik buah-buahan, kelapa, kelapa sawit dan menoreh getah. Aktiviti-aktiviti memasak juga sering dijadikan kegiatan kebudayaan utama seperti memasak nasi lemak, mengacau dodol, membakar ikan, membuat kuih-muih tradisional, membuat jeli kelapa dan sebagainya. Tarian kebudayaan juga diajarkan kepada pelancong inap desa seperti tarian zapin, namun pengajar tarian seharusnya ditauliahkan dengan memiliki kelayakan sekurang-kurangnya diploma atau sijil-sijil yang setaraf dengannya.

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat Nusajaya jemput.

**YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Apabila diperkatakan pelancongan pendidikan, kawasan yang boleh diberi tumpuan ialah kawasan Iskandar Puteri, yang mana kawasan diperuntukkan adalah dipanggil *educity*. Yang mana hampir 10 universiti swasta sebagai contoh Newcastle, Raffles, Reading dan sebagainya. Juga ada 2 kolej, Marlboro College dan Raffles College. Jadi sudah tentu pelajar-pelajarnya ramai daripada luar negara atau luar Negeri Johor pun begitu.

Jadi apakah soalan tambahan saya Tan Sri Speaker, apakah perancangan atau tindakan pihak pelancongan untuk mengkolaborasi dengan universiti-universiti swasta di sini untuk menarik pelancongan? Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Terima kasih Yang Berhormat Nusajaya atas soalan tambahan yang dikemukakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bidang pendidikan dan pelancongan yang berkembang maju telah mendorong kepada kewujudan sektor *agro tourism* berpotensi besar sebagai satu segmen pasaran baru dalam agenda ekonomi kita. Selain menimba ilmu, universiti dapat terus berperanan sebagai produk pelancongan pendidikan yang berkualiti.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Johor kini mempunyai banyak institusi pengajian tinggi antaranya sebuah universiti penyelidikan awam UTM, sebuah universiti teknikal awam UTHM, 15 buah universiti di *Educity* Iskandar Puteri dan Bandar Seri Alam. Kesemuanya berjumlah seramai 50,000 orang penuntut. Jumlah ini belum termasuk lagi 26 buah kolej swasta Negeri Johor dan penuntut dari Singapura. Di samping itu, ahli keluarga dan rakan-rakan yang datang melawat pelajar akan berkunjung ke produk-produk pelancongan. Kita seharusnya seterusnya memperluaskan pasaran pelancongan kita.

Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada Kementerian Pengajian Tinggi memandangkan inisiatif harus bermula daripada pihak pendidikan. Setakat ini Tourism Malaysia telah mengenal pasti pakej *agro tourism* melalui program *Visit My Campus* dengan izin, di seluruh Malaysia, di mana universiti tempatan digalakkan membuat pakej lawatan ke kampus-kampus masing-masing. Di Johor, inisiatif telah dilakukan oleh pihak UTM dengan tertubuhnya Unit Pelancongan yang bekerjasama dengan Tourism Malaysia dan agensi pelancongan untuk menjual pakej pelancongan pendidikan.

**YB Tan Sri Speaker :** Ambil Bukit Permai, Yang Berhormat...

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya nak tanya tentang pelancongan di Gunung Pulai iaitu ramai pelajar-pelajar dari Singapura khususnya, mengambil Gunung Pulai sebagai destinasi mengadakan untuk mengadakan *summer camp* hujung minggu dan sering berjumpa dengan penduduk kampung di Gunung Pulai.

Soalan saya, Gunung Pulai ini masih belum dibuka secara rasminya sebagai destinasi pelancongan. Adakah pihak Yang Berhormat EXCO maklum bahawa ramai pelancong-pelancong berupa pelajar daripada Singapura mencerooboh kawasan Gunung Pulai untuk mengadakan *summer camp* dan apakah tindakan pihak Pelancongan Johor untuk proses pembukaan semula kawasan rekreasi Gunung Pulai.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Permai atas soalan tambahan yang dikemukakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walaupun yang Gunung Pulai itu memang satu tarikan kepada pelancong khususnya kepada pelajar dari Singapura. Tapi kebanyakan kita galakkan mereka berada di homestay yang berdekatan di Gunung Pulai, semasa Gunung Pulai belum dikenal pasti sama ada sama tempat yang tersebut dari segi keselamatannya. Kerana satu kajian telah dijalankan di bawah Pejabat Hutan Negeri Johor dan sama ada bilanya tempat tersebut adakah selamat atau tidak selamat, mereka akan membagi satu kajian, buat satu siasatan dan akan dikemukakan kepada kerajaan dan akhirnya kita akan berkongsi atau membagi maklumat itu kepada orang awam.

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita mengucapkan selamat datang kepada rombongan ahli UMNO Bahagian Johor Bahru seramai 27 orang bersama-sama kita pada pagi ini. Yang Berhormat Bukit Batu, jemput.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Ternampak lebih ramai orang kini menggunakan perkhidmatan perubatan di HSA dan HSI. Bagaimana kerajaan dapat mengatasi isu kebersihan hospital dan masa menunggu bagi pesakit yang semakin panjang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, bilangan kemasukan pesakit dalam, pada tahun 2014 seramai 91,327 orang meningkat kepada 91,747 orang pada tahun 2015. Sehingga Februari 2016 seramai 15,611 orang pesakit direkodkan dan ini adalah merupakan kenaikan 4% berbanding tempoh yang sama tahun 2015. Manakala bagi pesakit luar pula, 2014 merekodkan 364,294 orang mendapat perkhidmatan meningkat kepada 386,149 orang pada tahun 2015. Sehingga Februari 2016, seramai 95,647 orang pesakit luar telah direkodkan.

Di Hospital Sultan Ismail JB pula bilangan kemasukan pesakit dalam, merekodkan pada tahun 2014 seramai 48,915 orang dan meningkat kepada 49,697 orang pada tahun 2015. Manakala bagi pesakit luar merekodkan 300,736 orang pada tahun 2014 dan meningkat kepada 386,149 orang pada tahun 2015. Rekod peningkatan kehadiran orang ramai ke dua hospital ini adalah kerana:

1. Kedua-dua hospital ini adalah merupakan hospital rujukan utama di negeri Johor.
2. Caj perkhidmatan kesihatan di hospital kerajaan di Malaysia adalah caj perkhidmatan yang temurah dan kualiti perkhidmatannya yang agak cemerlang dengan nisbah pegawai perubatan berbanding dengan kakitangan kesihatan dan pesakit adalah tinggi.

Kebersihan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dilaksanakan oleh syarikat yang dilantik secara kontrak oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Aktiviti pembersihan dijalankan secara berjadual dengan pemantauan dilakukan oleh Unit Kawal selia Hospital serta Unit Kejuruteraan Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Terdapat 2 kategori pembersihan yang dikontrakkan dan dari skop kerja itu:

1. *Cleansing* iaitu pembersihan semua bangunan dalam fasiliti hospital. Kerja-kerja pembersihan termasuklah pembersihan lantai, siling, pintu, tingkap dan lengkapan dalaman.
2. *Ground maintenance* dan landskap di dalam kawasan tanah milik hospital ia dilaksanakan di bawah skop servis FEMS – *Facilities And Engineering Management Systems*.

Sementara itu, bagi mengatasi masalah semasa menunggu, pihak pengurusan hospital telah melaksanakan beberapa inisiatif. Di klinik pakar, inisiatif yang dijalankan adalah penggunaan sistem blok. Pesakit akan diberikan temu janji mengikut tarikh dan masa tertentu berdasarkan masalah kesihatan yang dihadapi. Bagi satu sesi klinik pakar, kebiasaannya sebanyak 3 hingga 5 *consultation room* disediakan. Di Jabatan Kecemasan saringan awal dilakukan di kaunter *consultation triage* bagi memastikan rawatan awal dilakukan mengikut tahap keseriusan pesakit.

Sementara itu di Hospital Sultan Ismail Johor Bahru adalah merupakan hospital perintis dalam pelaksanaan *Initiative Lean Health Care*. Inisiatif *Lean* yang dikenal pasti adalah mengurangkan masa menunggu, di Jabatan Onkologi dan Ortopedik. Inisiatif ini telah berjaya mengurangkan masa menunggu dan meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Inisiatif ini seterusnya telah diperluaskan dan sedang dilaksanakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma dan wad perubatan di HSA, JB dan HSI, JB bagi mengurangkan masa menunggu.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Bukit Batu, jemput.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada YB EXCO yang telah memberi satu jawapan. Saya nampak Tan Sri Speaker, masalah menunggu ini akan menjadi lebih teruk lagi memandangkan keadaan ekonomi sekarang dan juga tidak lama lagi apabila Malaysia yang telah menandatangani TPPA kos perubatan kemungkinan besar akan naik. Dan mungkin kita akan nampak masa tu ada satu penghijrahan dari sistem perubatan swasta kepada sistem perubatan kerajaan. Lebih ramai orang awam akan pilih kepada pergi kerajaan.

Maka soalan tambahan saya Tan Sri Speaker, apakah penghalang utama untuk kerajaan untuk meningkat mutu perkhidmatan perubatan di negara kini? Adakah dia dari aspek sumber manusia? Maksudnya kekurangan kakitangan doktor, jururawat atau pun dari segi logistik, mungkin kekurangan hospital atau tapak untuk klinik. Dan sebagai satu cadangan Tan Sri Speaker, saya harap kerajaan Johor boleh fikirkan sama ada boleh tak kita pilih beberapa klinik, mungkin di bandar ke, di desa yang lebih ramai dikunjungi orang awam kita boleh panjangkan waktu operasinya ataupun buatkan dia 24 jam. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput, Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sememangnya menjadi hasrat kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat kerana ini adalah merupakan konsep kesejahteraan yang ingin kita berikan kepada rakyat. Sebenarnya tahap kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh hospital kerajaan adalah cukup baik kalau dibandingkan dengan berdasarkan daripada laporan beberapa *ranking* antara hospital-hospital yang ada. Beberapa hospital di Johor menduduki tempat yang teratas seperti Hospital Segamat separa pakar mendapat tempat yang kedua, Kota Tinggi mendapat tempat yang pertama dan sebagainya dan ini menunjukkan bahawa kita mencapai tahap kualiti.

Tetapi seperti yang dinyatakan oleh Bukit Batu tadi, sememangnya kalau orang yang baik pun, kalau orang hebat pun, jikalau jumlah yang datang tu terlalu ramai, itu adalah merupakan di luar daripada kemampuan. Dan sememangnya hasrat kerajaan negeri mengesyorkan agar hab perubatan itu dilakukan di kawasan Iskandar Puteri. Dan itulah merupakan salah satu daripada usaha untuk meningkatkan mutu kualiti. Dan seperti yang dikatakan oleh Bukit Batu, akhirnya apabila keadaan ekonomi itu agak terjejas maka mereka akan kembali kepada hospital kerajaan.

Kadang-kadang kita bayar RM1.00 kita nak perkhidmatan seolah-olah kitalah raja dan sebagainya. Tetapi apabila di hospital swasta kita kena masuk, sebelum masuk kita kena bayar RM3,000.00 kena duduk 1 jam 2 jam, tak ada kompelin pun sampai sekarang. Jadi kita kena sikap rasional terhadap perkara ini dan kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam bajetnya dah sebutkan bahawa kita insya-Allah kita akan mengujudkan satu lagi hospital iaitu Hospital Pasir Gudang.

Dan kita juga memohon supaya di kawasan Johor Bahru ini ditambah lagi iaitu di Hospital Sultanah Aminah 2 tetapi belum diluluskan. Dan kita telah pun mengadakan banyak klinik-klinik yang ada, Klinik 1 Malaysia bermula dari 10 pagi hingga 10 malam dan juga klinik-klinik yang lain juga beroperasi dengan jumlah yang banyak. Kadang-kadang Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mereka juga manusia yang harus diberikan penghargaan dan juga diberikan pengiktirafan.

Kadang-kadang apabila kita dah beralih ke situ, saya terima banyak kompelin dengan kualiti perkhidmatan. Kita telah pun memberikan perkhidmatan lebih daripada 1 juta orang setahun di seluruh negeri Johor, tetapi kompelin yang kita dapat 1,2, tetapi itulah yang dikatakan kualiti perkhidmatan hospital kerajaan teruk. Dan ini yang perlu kita lihat dan kita yakin bahawa apa yang kita lakukan ini telah pun memberikan khidmat yang terbaik. Dan insya-Allah, pandangan-pandangan daripada Bukit Batu kita akan ambil kira dan akan kita lihat dan juga kita akan pertingkatkan dari segi mutu perkhidmatan.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Maharani, jemput

**YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Maharani ingin mengucapkan tahniah dan terima kasihlah kepada seluruh kakitangan pihak terlibat di Kementerian Kesihatan daripada kepimpinan teratas hingga yang ke bawah kerana telah dapat memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat. Dan saya yakin seperti yang telah disebut oleh YB EXCO tadi, mutu ini akan dapat dipertingkatkan lagi dan dapat mempertahankan kecemerlangan mereka dalam perkhidmatan. Walau bagaimanapun, dari segi apa yang ditanya tentang masalah masa menunggu.

Sebenarnya di klinik swasta pun kalau, kami di swasta pun mereka menunggu, kadang-kadang sampai 1 jam juga. Tapi kalau di hospital itu kadang-kadang masalahnya, pagi pergi, tengah hari baru dapat jumpa doktor, itu pun dia kata sekejap, jadi memanglah sebab kerana ramai pesakit. Jadi pertanyaan saya, punca masa menunggu ni, adakah kerana kekurangan doktor ataupun kerana terlalu ramai pesakit sehingga tidak dapat dirawat dengan cepat. Kalau kekurangan doktor Maharani ingin tahulah, masih ada lagi kah kekosongan jawatan pegawai perubatan di negeri Johor ini dan kalau ada maka kita nak jadi pegawai perubatan kena ada *Houseman ship* dulu. Jadi yang paling pentingnya kalau nak tambah bilangan doktor *Houseman ship* ini kena cepatkanlah, panggilan *Houseman ship* ni atau doktor pelatih ni.

Sekarang masa menunggu sehingga 8 bulan, selepas mendapat ijazah MBBS mereka kena tunggu 8 bulan barulah dipanggil menjadi doktor pelatih. Jadi ini satu masalah

menyebabkan kekurangan doktor dalam kerajaan, itu yang saya ingat. Bolehlah dipercepatkan untuk menambah bilangan doktor dipercepatkan pengambilan doktor pelatih ini di dalam perkhidmatan, terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** YB jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Soalan Bukit Batu merujuk kepada Hospital Sultanah Aminah dan juga Hospital Sultan Ismail yang merupakan hospital pakar. Yang dibangkitkan oleh ADUN Maharani dia lebih kepada *Houseman ship* maknanya mereka baru pelatih bagi doktor. Namun kalau kita lihat dari segi sistem yang dibuat di hospital mana-mana hospital, khususnya 2 hospital tersebut. Saya sebutkan bahawa ada sistem kaunter *triage* di mana sistem saringan dilakukan di semua Jabatan Kecemasan di hospital. Jika *triage* merah, kes kecemasan untuk menyelamatkan nyawa diberi segera, contoh serangan jantung, *heart attack* atau kemalangan yang teruk. Jika *triage* kuning kes diberi rawatan dalam masa 30 minit, contoh kemalangan patah tulang dan sebagainya. Jika *triage* hijau, kes ini boleh dirawat di Jabatan Pesakit Luar sahaja bukan di Jabatan Kecemasan tetapi cuba diberi rawatan dalam masa 90 minit.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berdasarkan kepada perkara-perkara ini kita kena tengok pesakit itu datang, apakah jenis sakitnya. Kalau ianya *urgent* seperti yang saya katakan tadi ada warna-warna yang ditetapkan. Kadang-kadang mereka yang batuk pun, batuk aje, pun nak pergi ke hospital kemudian hendak cepat dari segi perkhidmatan sedangkan sakit-sakit kecil ini boleh pergi ke Klinik 1 Malaysia, ke klinik yang ada. Apabila datang ke hospital, maka dia terpaksa menunggu 90 minit dari segi piagam kita. Apabila dia tunggu lama, dia marahlah, ni doktor tak cukup, ni doktor apa semua sekali dan sebagainya, sedangkan sakit tu tak terlalu *urgent* untuk diberikan rawatan. Nyawa dia panjang lagilah.

Saya tengok di kawasan, saya ada pergi ke Jabatan Kecemasan Dan Trauma. Saya tengok ada beberapa doktor. Dia melayan, kaunter ada 3, 4, dia layan pesakit tetapi tiba-tiba ketika itu ambulans hantar, hantar orang kemalangan. Dia terpaksa menyelamatkan orang kemalangan itu dulu daripada orang yang menunggu kat depan. Jadi orang menunggu kat depan dia akan kata sepatutnya saya dah tunggu 1 jam ni, kenapa lambat tambah 1 jam lagi, sedangkan doktor tu tengah menyelamatkan nyawa orang yang mungkin Allah panggil dia. Kalau usaha dan tawakal itu kita lakukan, mungkin dia boleh hidup panjang dan saya rasa itu adalah merupakan amalan yang dilakukan oleh Maharani sendiri yang merupakan profesion doktor.

Saya jawab juga dari segi *Houseman* kita di negeri Johor kita dah penuhkan *Houseman* dan kita masih lagi ada kekosongan lebih kurang 107. Dan memang benar bahawa dia ambil masalah, 8 bulan kerana sekarang ada 1 peraturan yang baru maknanya perlu mendapat sijil dulu. Keluar daripada universiti tak kira daripada dalam negeri atau luar negeri dia perlu mendapatkan sijil daripada badan-badan profesional dan juga selepas itu barulah kerajaan memanggil untuk temu duga. Kadang-kadang walaupun dia doktor, tetapi dia tak lepas daripada temu duga dianya tidak akan dipanggil, kerana jumlah dan sebagainya, kualiti dan sebagainya, tetapi tempoh masa 8 bulan itu, saya yakin itu adalah merupakan satu tempoh masa yang rasional untuk kita menemu duga untuk kita menyaring dan juga memberikan kefahaman kepada mereka. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Bukit Naning, jemput.

**YB Datuk Haji Saipol Bahari bin Suib (Bukit Naning) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 3.



Strategi mengimarahkan masjid dan surau untuk golongan muda patut diberi perhatian serius. Hari ini hanya golongan tua yang tidak ramai bilangannya memenuhi ruang solat. Apakah usaha yang diambil oleh MAIJ bagi merealisasikan keadaan ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Bukit Naning. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Johor pada tahun 1997 telah pun membuat satu garis panduan tentang penubuhan Biro Rakan Muda yang mana tujuannya adalah untuk menarik minat anak-anak muda untuk memenuhi ruang solat di dalam masjid. Salah satu di antara objektif penubuhan biro itu ialah untuk mendidik generasi muda yang mencintai masjid supaya cergas, berpotensi dan membangunkan diri rohani dan fizikal dan juga mental, itu tujuan yang pertama.

Yang kedua, untuk melahirkan generasi muda yang bertakwa, berilmu, beriman dan beramal dan seterusnya yang ketiga untuk melahirkan pelapis yang menjadikan masjid sebagai pusat rujukan dan juga kecemerlangan. Salah satu di antara tugas-tugas mereka di dalam Biro Rakan Muda Masjid ini iaitu menarik minat penglibatan golongan muda dalam pengimarahkan dan juga merekodkan keahlian Rakan Muda Masjid. Seterusnya yang kedua, melahirkan pemuda yang mencintai masjid melalui khemah ibadah seperti tahsin, bacaan al-Quran, tahsin solat, begitu juga majlis zikir, qiamullail, usrah, solat hajat dan sebagainya dan seterusnya yang kedua menarik minat melalui riadah dan bersukan seperti memanah, futsal, bola jaring, badminton dan juga berbasikal. Kemudian yang seterusnya juga, berkhidmat untuk ahli qariah dan masyarakat luar dengan menyertai ekspedisi bermotosikal, menyampaikan derma masjid, perkhemahan, ibadah, kendarat, motivasi dan seumpamanya dan seterusnya mengadakan aktiviti seni dan juga kebudayaan seperti nasyid, berzanji, seni khat, marhaban, qasidah, komping, hadrah dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor telah menjadikan wadah Biro Rakan Muda Masjid sebagai wadah khas dan merupakan salah satu biro yang terdapat dalam pengurusan masjid dan surau di negeri Johor. Biro ini juga diwujudkan sebagai wadah bagi golongan muda melibatkan diri dalam pengimarahkan masjid dan surau. Selain daripada itu, di antara langkah yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor adalah dengan melantik imam pelapis, imam muda pelapis daripada kalangan golongan muda bagi menarik golongan muda untuk turut serta mengimarahkan masjid dan surau. Jabatan Agama Islam Negeri Johor melakukan kempen agar golongan muda turut serta mengimarahkan masjid dan surau dengan mewujudkan kumpulan-kumpulan selawat dan nasyid serta qasidah yang terdiri daripada golongan muda di mana aktiviti-aktiviti mereka bermula dari masjid. Kaedah tersebut secara tidak langsung menyebabkan mereka sering berkunjung ke masjid untuk melakukan aktiviti dan dapat merapatkan hubungan mereka dengan golongan orang-orang tua yang selama ini menguasai masjid.

Salah satu juga usaha untuk menarik minat golongan muda untuk ke masjid hari ini, kita menempatkan imam-imam muda yang mana latar belakang kelulusan mereka ini adalah daripada lepasan tahfiz dan alhamdulillah sejak tahun 2012 hingga sekarang ini usaha itu telah merupakan satu usaha yang sangat baik. Dan kita telah melihat banyak masjid-masjid qariah pada hari ini telah pun melantik ataupun meletakkan imam-imam muda di mana imam-imam muda ini dapat menarik golongan anak-anak muda kita untuk hadir melakukan ibadah di masjid. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput, Bukit Naning.

**YB Datuk Haji Saipol Bahari bin Suib (Bukit Naning)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya, bolehkah Majlis Agama Islam Johor membenarkan ahli jawatankuasa dan juga jemaah masjid-masjid dan surau-sarau khususnya yang melibatkan anak-anak muda yang mempunyai kedudukan yang strategik dan berpotensi untuk membolehkan koperasi-koperasi masjid, surau ditubuhkan dan diperbanyakkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan bagi memeriahkan aktiviti perekonomian dijalankan di masjid-masjid dan surau sebagai usaha tarikan tambahan jemaah-jemaah hadir ke masjid. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Terima kasih, Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan juga Yang Berhormat Bukit Naning. Sebenarnya, kalau kita lihat yang berkaitan dengan koperasi ini yang berkaitan dengan ekonomi dia lebih kepada Biro Ekonomi tetapi tidak menjadi masalah sebenarnya sekiranya di antara satu biro dengan biro yang lain itu bekerjasama.

Untuk maklumat Dewan yang mulia pada pagi ini, ingin saya memaklumkan bahawa selain daripada aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan keusahawanan yang diusahakan oleh pihak Biro Ekonomi Masjid, pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor tidak menghalang sekiranya ada usaha-usaha yang diusahakan oleh pihak masjid dengan kerjasama mana-mana badan untuk mencari dana ataupun juga untuk mengadakan usaha ataupun menjadi usahawan seperti mewujudkan koperasi di mana pada hari ini untuk maklumat Dewan telah wujud sebanyak 35 koperasi masjid di mana yang aktif sebanyak 32 buah koperasi yang mana mereka ini lebih kepada memberikan perkhidmatan. Yang kedua kepenggunaan, yang ketiga, pertanian dan rekod pendapatan yang tertinggi yang telah dibuat oleh sebuah koperasi qariah masjid mencecah sehingga pendapatan RM800,000.00 setahun.

Ada di antaranya yang koperasi ini modal tertinggi mereka sebanyak RM260,000.00 dan dengan sebab itu, pihak masjid sebenarnya juga ada usaha-usaha untuk mengadakan kerjasama dengan IMCoop untuk mewujudkan kedai harga patut ini dan ini masih lagi dalam perbincangan dengan pihak Bahagian Pengurusan Masjid dan juga masjid-masjid itu sendiri. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Tan Sri Speaker** : Yang Berhormat Pengkalan Rinting, jemput.

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 4.

Senaraikan kesemua butir-butir berkenaan dengan pertanian kota (*urban farming*) termasuk lokasi, syarat serta kaedah pengendalian projek ini dalam negeri Johor?

**YB Pengerusi Pertanian dan Industri Asas Tani** : Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaiikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Pengkalan Rinting menanyakan soalan senaraikan kesemua butir-butir berkenaan dengan Pertanian Kota, *Urban Farming*, dengan izin, terdapat termasuk lokasi, syarat serta kaedah pengendalian projek ini di dalam negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri telah mengambil langkah untuk melaksanakan segala strategik ekonomi rakyat untuk menangani isu peningkatan kos sara hidup, meningkatkan pendapatan dan pemilikan kekayaan isi rumah dan sekali gus memperkukuhkan mekanisme penyampaian perkhidmatan sosioekonomi melalui program

pertanian kota. Usaha ini adalah selari dengan RMK Ke-11 yang akan memberi tumpuan terhadap penyampaian, *outcome* berimpak tinggi yang cepat kepada ekonomi modal dan ekonomi rakyat, dengan kos berpatutan kepada kerajaan. Bagi menjayakan program ini, Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar dan Jabatan Pertanian terlibat. Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar dan RTC Johor telah berganding bahu untuk memastikan kejayaan program Pertanian Kota, *Iskandar Malaysia Urban Farming Programme* ini yang bermatlamatkan membantu warga kota khususnya B40 untuk menangani kos sara hidup melalui konsep *Farm To Eat* dan *Farm To Sell*, dengan izin, manakala Jabatan Pertanian Negeri Johor berperanan memberi khidmat nasihat berkaitan penjagaan tanaman dan pengurusan agronomi tanaman bertepatan dengan perkhidmatan teras Jabatan Pertanian Malaysia untuk memberi perkhidmatan pengembangan pertanian dalam mengeluarkan bahan yang mencukupi, berkualiti dan selamat di makan.

*Iskandar Malaysia Urban Farming Programme* ini akan meliputi seluruh kawasan urban dan juga *re-urban* di Wilayah Iskandar Malaysia. Sebagai permulaan, 4 kawasan telah dikenal pasti untuk menjayakan program ini iaitu Johor Bahru, Kulai, Pasir Gudang dan juga Tebrau. Bagi membantu menjayakan program *Urban Farming* ini, sebuah identiti pelaksanaan baru iaitu *Urban Farming Development Centre* (UFDC), beroperasi menggunakan konsep *social enterprise* di bawah kelolaan Koperasi RTC Johor Berhad, KOPUTRA, telah ditubuhkan. Pendekatan, pelaksanaan *urban farming* ini melalui UFDC ini adalah bersesuaian dengan objektif menyelaraskan sistem penyampaian perkhidmatan sosial kerajaan yang bersifat lebih inklusif dan membina masyarakat B40 yang lebih berdikari dan kurang kebergantungan kepada bantuan kerajaan. UFDC bekerjasama dengan semua pihak untuk mengukuhkan sistem rantai makanan di wilayah ini. Sebagai usaha untuk memudahkan masyarakat berkecimpung dalam program *Iskandar Malaysia Urban Farming* ini, 5 pusat UFDC, *one stop centre* telah dirancang di setiap *flyship zone* Iskandar Malaysia iaitu, Johor Bahru, Iskandar Puteri, Pontian, Pasir Gudang dan juga Pontian.

Di bawah Jabatan Pertanian Negeri Johor, kita juga melaksanakan program pertanian bandar melalui peruntukan persekutuan di kawasan-kawasan yang digazetkan sebagai bandar, pinggir bandar dan pekan-pekan besar dengan kerjasama dan penglibatan pelbagai jabatan dan agensi yang berkaitan di peringkat negeri dan persekutuan. Ia dilaksanakan bagi membantu isi rumah bandar dan pinggir bandar serta pekan besar meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri, sebahagian daripada bahan makanan yang diperlukan di rumah. Program ini juga adalah sebagai pelengkap ke atas pembangunan bandar secara keseluruhan. Penyertaan penduduk bandar dan pinggir bandar serta pekan besar dalam aktiviti pengeluaran bahan makanan pertanian, bahan pertanian makanan boleh menambah pendapatan individu dan isi rumah dan seterusnya mengurangkan kos sara hidup. Syarat permohonan program pertanian bandar di bawah Jabatan Pertanian Negeri Johor adalah penyertaan terbuka kepada semua warga negara Malaysia, keutamaan kepada yang telah memulakan projek yang dilihat sebagai komitmen inisiatif sendiri. Kedua, menetapkan kawasan bandar, pinggir bandar dan pekan-pekan besar, berminat dan berkemampuan untuk melaksanakan projek tanaman dan yang ketiga memilih lokasi projek mestilah dalam kawasan di bawah pentadbiran Dewan, Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran yang digazetkan.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Pengkalan Rinting, jemput.

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Terima kasih jawapan daripada YB EXCO. Sebenarnya saya mengalu-alukan projek sebegini terutamanya dekat kawasan bandar. Tapi, barangkali bila ada projek sebegini kita lihat adalah dekat kawasan saya, kita katakan *Urban Farming* tapi *farming* dalam *urban* di mana kemungkinan bila dia tanam dia buat tanaman secara besar-besaran adalah masalah kebersihan yang dibawa

kepada kawasan perumahan tersebut macam bau najis dan dari situ sebagai baja dan di situ ada lalat kepada kawasan perumahan. Dan, kalau lanjutan daripada itu, adakah macam mana kita untuk menjaga kepentingan pengusaha-pengusaha *urban farming* ini. Jadi, soalan saya, adakah undang-undang ataupun peraturan-peraturan yang telah digubal khas untuk *urban farming* ini untuk menjaga kepentingan sama ada dekat perumahan ataupun pengusaha-pengusaha *urban farming* ini dan adakah unit untuk pemantauan atau penguat kuasa terhadap *urban farming* ini? Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput, YB.

**YB Pengerusi Pertanian dan Industri Asas Tani :** Bagi program yang dijayakan oleh pihak Jabatan ataupun Iskandar, kita akan mengadakan pemantauan secara berterusan. Kalau Yang Berhormat Pengkalan Rinting dapat maklumat mengenai isu ini, isu terhadap kawalan ataupun cara tanaman yang boleh mendatangkan kesan yang tidak baik, sama ada penggunaan baja, sehingga menghasilkan lalat, bau, bolehlah berbincang, menghubungi Jabatan Pertanian, pihak-pihak petani yang terlibat ini untuk kita memberi khidmat nasihat, tanaman yang cara yang terbaik dan juga penggunaan EM. Sekurang-kurangnya kita memang mengalukan semua orang bercucuk tanam dan juga pihak yang terlibat ini, kita nak berikan pendidikan. Itu sebab bila kita menjayakan Program *Urban Farming* ini, pertamanya yang kita bagi pendekatan adalah pendidikan supaya kita tidak mahu pihak yang terlibat ini sepertimana Yang Berhormat cakap tadi, cara pertanian mereka ini tidak bersesuaian untuk di kawasan perumahan. Kadang-kadang menggunakan najis binatang, kadang-kadang menggunakan teknik-teknik yang tidak bersesuaian sehingga mewujudkan nyamuk aedes dan berbagai lagi. Itu sebab saya... kita memang mengalu-alukan, tetapi kita mengharapkan petani yang terlibat ini mestilah kita beri bimbingan. Kita ada kursus-kursus yang bersesuaian, yang boleh membimbing mereka ini ke arah petani yang lebih baik lagi kerana kita sentiasa mengalu-alukan petani ini mengamalkan amalan pertanian baik. Terima kasih.

**YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kita ketahui 2 minggu lepas MB, Menteri Besar telah melancarkan Program Pertanian Bandar di Taman Mutiara Rini dan mempunyai 20 orang peserta dari kalangan penduduk pangsapuri Jasa telah menyertai program tersebut. Kita nak tahu berapa kosnya untuk program itu dan setiap kawasan?

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput YB.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Yang Berhormat, projek *urban farming* yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Taman Mutiara Rini, peruntukan... buat masa ini, peruntukan itu telah disalurkan melalui Yayasan Sejahtera Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah. Peruntukan yang disalurkan sebanyak RM20,000.00.

Untuk makluman Yang Berhormat, uniknya di kawasan yang kita pilih itu, kawasan flat rumah yang mempunyai beberapa orang petani yang aktif dan juga bukan sekadar bercucuk tanam sayur-sayuran, tetapi menanam, yang menanam padi. Ahli-Ahli Yang Berhormat bayangkanlah kawasan flat ada sawah padi. Itu maksudnya petani-petani, tak kira siapa pun, dia mempunyai kemahiran, dia nampak ada kawasan lapang dan akhirnya dia bercucuk tanam padi di kawasan flat. Keduanya, dia bercucuk tanam nanas, mentemak ikan air tawar di dalam parit. Parit itu boleh bersih, boleh ditemak ikan

filapia. Maksudnya inilah kalau berminat, kalau ada kesungguhan kat mana kawasan pun boleh bercucuk tanam, tanpa meninggalkan kesan yang tidak baik kepada orang lain. Itu sebab kita memang mengalu-alukan, kita memilih Taman Mutiara Rini kerana kita melihat ada penduduk yang menunjukkan kesungguhan. Kalau saya boleh berkongsi juga, salah seorang daripada petani itu adalah bekas tentera. Jadi, dia menggunakan segala kemahiran dia dan akhirnya dia boleh berkongsi dengan masyarakat kelling, bercucuk tanam dan juga menternak ikan dan juga menternak itik di kawasan flat tanpa memberi kesan yang tidak elok kepada masyarakat. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Mengkibol.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Serampang atas ucapan yang begitu inklusif... komprehensif. Nampaknya dasar ini bukan sahaja serampang dua mata, tetapi serampang banyak mata. Tetapi daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pengerusi tadi, nampaknya dia lebih tertumpu kepada kawasan-kawasan yang ditetapkan ataupun tak guna tanah yang baru, terpaksa kita mengeluarkan safu kawasan baru ataupun tanah baru. Pada masa yang sama, kami dapati bahawa dalam bandar-bandar kami ada juga tanah-tanah, lot-lot tanah yang mungkin saiz dia tak begitu besar, yang merupakan kadangkala tanah-tanah poket di PBT-PBT masing-masing. Ataupun kadangkala ada sesetengahnya merupakan rizab-rizab, mungkin rizab sungai ataupun rizab jalan yang buat sementara waktu ini tidak akan digunakan untuk pembangunan. Selalunya apabila ada tanah-tanah seperti ini, orang-orang golongan-golongan yang pintar atau *smart*, dia akan ambil kesempatan untuk meminta, memohon untuk kegunaan sendiri ataupun dijadikan milik sendiri. Tapi selalunya diperhatikan bahawa bila tanah-tanah poket ini dikurniakan atau diberikan kepada individu tersebut, tanah tersebut tidak dimanfaatkan dengan baik. Tapi saya faham bahawa tanah-tanah ini dia melibatkan agensi-agensi yang berlainan. Adakah...

**YB Tan Sri Speaker :** Dia Yang Berhormat, soalan asalnya *urban farming*. Jadi, jangan lari soalan, nanti dah berucap pula.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Tan Sri Speaker, adakah pihak YB Yang Berhormat Pengerusi bersedia untuk bekerjasama dan berkoordinasi dengan agensi-agensi yang berlainan ini supaya tanah-tanah ini boleh dimanfaatkan untuk menjayakan projek *urban farming* ini?

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Tan Sri Speaker, kita tiada halangan sesiapa pun nak membangunkan tanah kerajaan. Cumanya kita nak pastikan orang yang ingin mengusahakan tanah-tanah kecek di bandar, tanah-tanah terbiar mestilah mendapat kebenaran dan akhirnya kita akan bantu.

Saya bagi contoh lagi, ada satu kawasan di taman perumahan di sebelah hospital Tampoi. Saya hadir, diusahakan oleh belia, tanah terbiar. Belia mengusahakan tanah terbiar itu dengan tanaman cara fertigasi. Saya lihat cara tak langsung, belia itu telah beri peluang pekerjaan kepada suri rumah di kawasan flat berkenaan. Dan akhirnya memberikan pendapatan kepada mereka. Jadi kita tidak pernah menyekat, cumanya kita mengalu-alukan pihak NGO, persatuan belia dan lain-lain, kenal pasti tanah dan memohon kepada pihak yang... yang pemilik tanah itu dan akhirnya kita akan sesuaikan dengan program-program yang kita ada. Bukan sekadar pertanian bandar tapi program fertigasi bawah Program Galakan Usahawan... ah ya Program Galakan Usahawan, yang mempunyai peruntukan untuk tanaman. Dan akhirnya kita lihat program-program yang

telah kita laksanakan ini telah memberikan pendapatan kepada suri rumah dan juga masyarakat.

Kita juga mengalukan masyarakat di, di, apa ni bandar juga, macam tak jauh daripada kawasan Nusajaya ini, kawasan yang akan dimajukan oleh pemaju kawasan perumahan tapi belum lagi nak dibina, ada juga pengusaha petani yang mengusahakan tanaman, tanah berkenaan lebih kurang 10 ekar dan akhirnya dia boleh menanam pelbagai tanaman, yang menjadi permasalahan adalah tanaman itu, hasil tanaman itu menjadi rebutan daripada peraih-peraih. Sebab apa... mereka semua banyak tempat yang boleh dijual. Mereka akan dapat pendapatan, yang memanglah kita akui petani yang teruk bercucuk tanam, peraih yang akan ambil, jual, mereka akan dapat keuntungan lebih. Tapi maksudnya, betapa penting, betapa apa ni... tanaman itu telah memberi pendapatan yang meningkat, jadi rebutan pula pihak peraih mendapat keuntungan dan untuk menjual kepada pihak-pihak yang lain. Tu sebab kita memang mengalu-alukanlah siapa jua ingin bercucuk tanam, kita ada program-program daripada Jabatan Pertanian termasuklah tanah terbiar, pertanian bandar yang kita boleh bantu masyarakat. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Yong Peng jemput.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Nyatakan langkah-langkah kerajaan untuk menangani masalah kemarau dan kekeringan empangan yang disebabkan fenomena El Nino.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat Jorak jemput.

**YB Datuk Dr. Shahrudin Bin Salleh (Jorak) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6.

Adakah Negeri Johor akan mengalami atau menghadapi krisis air akibat cuaca panas sekarang dan apakah persediaan awal dalam menghadapi El Nino.

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat ADUN Yong Peng dan Yang Berhormat ADUN Jorak bersekali.

Yang Berhormat ADUN Yong Peng dan Yang Berhormat ADUN Jorak bertanyakan mengenai kesan bekalan air daripada fenomena El Nino sama ada ia menjejaskan keupayaan empangan kita ataupun merupakan krisis kesan daripada fenomena El Nino.

Ya, fenomena El Nino memberi kesan kepada sumber air tetapi belum lagi dianggap sebagai krisis Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Fenomena El Nino adalah keadaan di mana berlakunya hujan panas, cuaca panas dan kekurangan taburan hujan untuk tempoh masa yang panjang. Menurut laporan daripada Jabatan Meteorologi Malaysia, fenomena El Nino di Asia tenggara dijangka berlaku mulai bulan Jun, tapi saya kira telah pun berlaku lebih awal. Untuk tempoh 6 hingga 9 bulan yang akan menyebabkan peningkatan suhu sehingga berlaku penurunan paras air sungai termasuk di loji-loji rawatan air. Bagi menampung keperluan sumber air mentah di loji rawatan air, maka paras air sungai perlu distabilkan. Dan kita telah pun mengambil beberapa langkah antaranya ialah menghalang pengambilan air sungai secara haram.

Untuk tujuan ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak BAKAJ akan memantau sepanjang sungai dan empangan dengan kerjasama SAJ, Pentadbir Tanah dan juga Polis. Dan mungkin juga kerajaan akan menimbangkan untuk memperluaskan lagi kerjasama selain daripada SAJ, Pentadbir Tanah dan Polis untuk penguatkuasaan ini. Sekiranya berlaku pengambilan air secara haram oleh pentemak, petani dan kilang, maka tindakan tegas akan diambil dengan merampas peralatan yang digunakan dan membuat pendakwaan kerana mencerooboh sungai ataupun tanah kerajaan.

Kedua, melepaskan air daripada empangan. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bahawa Empangan Linggiu sebagai empangan yang dapat mengimbangi paras takungan Sungai Johor telah pun menurun sehingga keupayaan menyimpan hanya pada tahap 35% sahaja. Jadi bagi memastikan keperluan air mencukupi pada musim kemarau, maka muatan simpanan air di empangan sepatutnya sekurang-kurangnya berada pada paras 80%. Dan sekiranya simpanan air seperti di Empangan Linggiu menyusut kepada paras 40% dan ke bawah, maka penjadualan bekalan air kepada pengguna terpaksa diaktifkan.

Oleh kerana kemungkinan berlakunya banjir ketika El Nino adalah begitu kecil, maka empangan yang berfungsi sebagai tebatan banjir perlu menyimpan air pada paras maksima untuk digunakan sepanjang fenomena El Nino ini berlaku.

Kerajaan Johor telah mengambil langkah-langkah jangka pendek, jangka sederhana yang bagi menghadapi cuaca panas, untuk berhadapan dengan fenomena El Nino ini.

Langkah awal adalah penerangan kepada pengguna mengenai penggunaan air dan juga langkah-langkah untuk menjimat penggunaan air dan menghargai pentingnya serta mengadakan program-program kesedaran kepada orang awam dan pelajar-pelajar sekolah khususnya mengenai rantaian pengurusan bekalan air dari air mentah hinggalah kepada pengedaran air terawat serta kepentingannya.

Selain daripada itu, mendapatkan nasihat daripada Jabatan Meteorologi mengenai keadaan cuaca dari masa ke semasa dan melakukan pembenihan awan.

Kerajaan juga telah dan sedang akan melaksanakan langkah-langkah jangka pendek ini bagi memastikan kawasan-kawasan yang pernah mengalami bekalan air berjadual agar ianya tidak berulang. Langkah ini walaupun ianya terkandung dalam Kajian Sumber Air Negeri Johor 2010-2060, tetapi kawasan tadahan empangan seperti Linggiu, Layang dan Empangan Lebam telah menerima begitu sedikit hujan iaitu kurang daripada 50% daripada tahun-tahun sebelumnya yang telah menyebabkan paras air empangan merosot ke paras yang begitu kritikal.

Bagi memastikan masalah tersebut tidak akan berulang juga pada tahun-tahun yang akan datang kerajaan telah melaksanakan beberapa projek pemindahan air mentah khususnya Empangan Seluyut ke empangan Lebam dan juga empangan Seluyut ke empangan Layang.

Projek pemindahan air mentah daripada Empangan Seluyut ke Empangan Lebam telah siap sepenuhnya dan hari ini dah mula pun beroperasi. Manakala projek pemindahan air mentah daripada Empangan Seluyut ke Empangan Layang sedang dilaksanakan dijangka siap pada suku pertama tahun hadapan. Kerajaan Johor juga telah meminta Jabatan Meteorologi Malaysia untuk melaksanakan operasi pembenihan awan sepanjang tahun dan dijangka sebanyak 40 kali. Mengenal pasti sumber-sumber alternatif juga merupakan pendekatan yang diambil oleh kerajaan negeri, seperti program

mengenal pasti sumber air bumi yang bersesuaian sebagai bekalan alternatif kepada penduduk. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekian sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita sempurnakan pada pagi ini. Mana-mana soalan yang tak dapat dijawab akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan ini.

**Jurutulis : SOALAN BERTULIS**

**Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.**

**SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan itu disambung sekarang. Saya jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk turut serta dalam penggulungan perbahasan atas Rundingan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Bagi Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Ke-4 Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Merafak sembah menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan yang berjiwa rakyat semoga sentiasa dilimpahi rahmat.

Menerapkan bangsa Johor bermuafakat menjaga kebajikan seluruh masyarakat, agar mendapat hidup yang berkat serta terus mendapat nikmat seiringan dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang sentiasa berkhidmat. Memastikan rakyat terus selamat, kesejahteraan hidup menjadi matlamat. Di kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan serta pandangan dan juga teguran tentang perkara-perkara yang berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Sungai Balang mencadangkan supaya penerima-penerima bantuan JKM diberikan peruntukan untuk melaksanakan projek pertanian yang bersesuaian dengan keupayaan mereka agar dapat membantu menambahkan pendapatan mereka dan tidak hanya menunggu setiap bulan untuk mendapatkan elaun. Selain bantuan kewangan bulanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat turut memberikan bantuan geran pelancaran iaitu bantuan kewangan secara *one off* dengan izin, sebanyak RM2,700.00 yang diberikan kepada klien jabatan yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dalam menceburi bidang ekonomi, agar membolehkan mereka berusaha meningkatkan taraf hidup dan berdikari.

Bantuan ini adalah inisiatif program produktif welfare yang mana ia adalah satu pendekatan bagi membantu penerima bantuan kebajikan ke arah hidup berdikari dan *survival*, supaya tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya dengan memperkasakan klien bagi meneruskan kehidupannya sendiri. Sasaran bantuan ini adalah kepada penerima bantuan JKM, OKU, ibu atau pun bapa tunggal yang berpendapatan



rendah, bekas pelatih dari institusi kebajikan dan kes-kes seliaan akhlak yang mana mereka merupakan klien produktif.

Bantuan geran pelancaran diberikan berdasarkan kepada projek dengan jumlah tertentu sama ada secara individu atau kelompok. Penerima bantuan mesti terlibat dengan pembangunan sosioekonomi dalam bidang perusahaan, pertanian, penternakan, kraf tangan, pemprosesan, ukiran, lukisan, peruncitan dan pelbagai bidang ekonomi hiliran asas atau IKS. Dan bantuan ini adalah dalam memastikan klien menerima bantuan yang produktif dapat dipulihkan dalam tempoh 2 tahun, dan boleh berdikari dan seterusnya pemberi bantuan dapat dihentikan selepas melepasi paras garis kemiskinan.

Dan bagi tahun 2015 sahaja Yang Berhormat Tan Sri Speaker, JKM telah memberikan bantuan geran pelancaran kepada 65 orang penerima dengan peruntukan sebanyak RM170,100.00. Manakala bagi tahun 2016 sehingga Februari 2016 JKM merekodkan 7 orang telah menerima BGP atau bantuan geran pelancaran dengan peruntukan sebanyak RM18,900.00.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat ADUN Kukup membangkitkan mengenai dengan bantuan anak-anak cacat yang sudah lama tidak berubah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyelarasan kadar bantuan kebajikan kali terakhir telah dibuat dan diumumkan melalui pembentangan bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 di mana kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar bantuan berkuat kuasa mulai Januari 2015 meliputi:

1. Kenaikan elaun kadar pekerja cacat ataupun EPC daripada RM300.00 kepada RM350.00 sebulan. Bagi perimbangan kelayakan siling pendapatan OKU yang bekerja juga telah dinaikkan daripada RM750.00 kepada RM1,200.00 ke bawah bermula tahun 2008.
2. Bantuan OKU tidak berupaya bekerja dinaikkan daripada RM150.00 kepada RM200.00 sebulan.

Yang Berhormat ADUN Yong Peng membangkitkan mengenai bagaimanakah kerajaan negeri dapat membantu golongan-golongan warga emas, ibu tunggal, keluarga miskin dan lain-lain. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi mendaya upayakan wanita di Johor khususnya ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah, kerajaan negeri Johor dan kerajaan persekutuan menyediakan pelbagai bentuk bantuan melalui jabatan-jabatan di bawah portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor. Terdapat 4 jabatan yang bertanggungjawab bagi membantu golongan ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah, meningkatkan pendapatan dengan pembahagian 2 kategori utama.

#### A. Kategori bantuan.

1. Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagaimana telah saya jelaskan tadi bantuan geran pelancaran RM2,700.00 maksimum kepada klien ataupun ahli keluarga bagi memulakan perniagaan.
2. Melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim berupa RM3,000.00 kepada penerima bantuan dalam bentuk pemberian bantuan peralatan untuk ibu tunggal atau wanita yang telah mempunyai kemahiran dan menjalankan aktiviti perniagaan tersebut.

Bagi penerima bantuan dengan data antara tahun 2010 hingga 2015 seramai 577 orang ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah menerima bantuan, yang mana 399

orang menerima bantuan geran pelancaran daripada JKM dan 158 orang pula menerima bantuan peralatan daripada Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi kategori kedua iaitu:

B. Kemahiran.

Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim melaksanakan program menjana pendapatan ibu tunggal, manakala Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara LPPKN menjalankan program *Mama Care* dan bagi Jabatan Pembangunan Wanita ataupun JPW menjalankan program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal ataupun IKIT. Dari keseluruhan 2 kategori program yang dilaksanakan ini seramai 1,412 orang wanita dan ibu tunggal telah berjaya meningkatkan 50% pendapatan berbanding sebelumnya, sekali gus membantu golongan ini meningkatkan kualiti hidup keluarga mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ADUN Bekok mencadangkan supaya program pusat jagaan harian warga tua dapat dilaksanakan di Bekok. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri Johor sentiasa peka dan membuat persediaan dalam menghadapi tahun 2030 yang mana menurut kajian oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia diunjurkan akan menjadi sebuah negara tua apabila 15% daripada jumlah penduduknya terdiri daripada warga emas. Inisiatif menambah 2 pusat ataupun 2 buah pusat aktiviti warga emas di Johor seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam bajet 2016 menunjukkan keprihatinan kerajaan negeri Johor dalam memastikan warga emas terus aktif dan produktif serta menikmati kesejahteraan hidup sepanjang hayat dengan aktiviti yang sihat.

Sehingga Disember 2015 terdapat 1,781 orang warga emas berdaftar di enam buah pusat aktiviti warga emas sedia ada dengan jumlah kehadiran ke pusat aktiviti warga emas yang amat memberangsangkan iaitu sebanyak 68,764 kali kekerapan bagi rekod kehadiran. Selain itu bagi rumah orang tua berkediaman kerajaan menyediakan rumah Sri Kenangan Johor Bahru bagi warga emas tak berwaris, dengan kapasiti 342 orang penghuni.

Kerajaan turut menjaga kebajikan warga emas melalui pertubuhan bukan kerajaan ataupun NGO's seperti Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia yang mengendalikan rumah sejahtera. Dan, sehingga kini terdapat 22 rumah sejahtera dan 5 rumah orang tua yang juga dikendalikan oleh NGO's lain yang menerima geran dari kerajaan negeri dengan jumlah penghuni seramai 404 orang. Ini meliputi 5 rumah sejahtera di daerah Segamat, termasuk 1 rumah sejahtera di Bekok.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Puteri Wangsa memohon kepada pihak yang bertanggungjawab membuat pemantauan ke atas gelandangan di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti. Jabatan Kebajikan Masyarakat melaksanakan 3 peringkat operasi penguatkuasaan iaitu bersepadu, berkala ataupun berjadual dan *ad hoc* ataupun serta-merta. Operasi bersepadu melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis Di Raja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Imigresen, Agensi Anti Dadah Kebangsaan ataupun AADK, Anjung Singgah Johor Bahru dan juga Hospital Permai Johor Bahru.

Bagi operasi berkala ataupun berjadual pula dijalankan oleh JKM di peringkat daerah. JKM sebagai urus setia merangka jadual operasi dengan kekerapan sebutan sekali mengikut keperluan yang melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan di peringkat daerah. Manakala operasi *ad hoc* ataupun serta merta dijalankan segera oleh JKM

apabila mendapat aduan dari individu atau masyarakat berkaitan kewujudan aktiviti pengemisan di premis atau persekitaran mereka.

Bagi operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan di seluruh negeri Johor sejak Januari hingga Mac 2016, Jabatan Kebajikan Masyarakat merekodkan sebanyak 57 operasi yang mana operasi bersepadu, 27 operasi berjadual dan 28 operasi ad hoc dengan tangkapan 82 orang, 71 daripadanya adalah warganegara, manakala 11 bukan warganegara. Seramai 33 orang gelandangan telah diselamatkan meliputi 6 kanak-kanak, 7 OKU, 14 warga emas dan 6 bagi lain-lain kategori.

Rentetan dari operasi penguatkuasaan tersebut semua kutu rayau dan gelandangan yang diselamatkan semasa operasi akan di tempatkan di Anjung Singgah untuk dibuat tapisan. Mana-mana gelandangan yang bekerja perlu pengesahan dari majikan. Dan, sekiranya mereka tidak dapat menyatakan sebarang dokumen akan diambil perintah sementara di bawah Seksyen 32 Akta Orang Papa 1977 dan di tempatkan di rumah Seri Kenangan Johor Bahru. Siasatan akan dilakukan oleh JKM sama ada gelandangan atau kutu rayau mempunyai waris ataupun tidak.

Sekiranya mereka mempunyai waris, mereka akan dipulangkan kepada keluarga. Dan, bagi mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan tidak berwaris atau waris tidak dapat dihubungi akan di tempatkan di Rumah Seri Kenangan Johor Bahru di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dan, bagi mereka yang berumur di bawah 60 tahun, akan kita tempatkan di Desa Bina Diri Mersing untuk menjatani program pemulihan dan kemahiran.

Akhirnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekali lagi ingin saya tegaskan bahawa kerajaan negeri Johor sentiasa peka terhadap kebajikan, keselamatan dan pembangunan kepada semua peringkat umur, yang mana meliputi kanak-kanak, remaja, belia, golongan dewasa dan warga emas, sekali gus menjaga kebajikan golongan ibu tunggal, wanita berpendapatan rendah, orang kelainan upaya dan juga masyarakat orang Asli.

Sejak awal Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor menerajui kepimpinan kerajaan negeri, Yang Amat Berhormat sentiasa memastikan kesejahteraan rakyat di seluruh negeri Johor. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh beliau melalui portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, yang pada saya amat memberi impak kepada semua golongan sasaran. Antaranya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi golongan kanak-kanak ataupun pra-sekolah, program iqra' dan fardu ain atau pun iqfa di semua TABIKA KEMAS telah kita laksanakan semenjak tahun 2014 dan sehingga kini, dengan keseluruhan peruntukan sebanyak RM1,704,040.00 dengan penerima manfaat seramai 5,089 kanak-kanak di seluruh negeri Johor. Dan bagi masyarakat Orang Asli, program kepimpinan dan keusahawanan dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM300,000.00. Dan bagi warga emas pula, sebanyak RM350,000.00 diperuntukkan bagi naik taraf dan baik pulih pusat aktiviti warga emas.

Bagi OKU, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bagi tahun 2016 sahaja, sebanyak RM2.98 juta telah diperuntukkan kepada golongan OKU. Termasuk pembaikan dan penyelenggaraan bagi 69 buah PDK, pembinaan PDK baru, kenaikan elaun petugas dan juga penyelia, pemberian bonus kakitangan PDK dan juga mewajibkan penempatan 2 OKU di setiap PBT. Dan, bagi wanita dan ibu tunggal, tahun 2016 peruntukan sebanyak RM250,000.00 bagi pelaksanaan program kemahiran dan bantuan peralatan.

Dan seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi bantuan am dari peruntukan kerajaan negeri Johor kepada mana-mana pemohon yang tidak sesuai kepada mana-

mana skim bantuan, tapi layak menerima bantuan, sebanyak RM10,528,850.00 telah diperuntukkan kepada 5,553 orang penerima bantuan am pada tahun 2015. Dan bagi tahun 2015 sahaja, kerajaan negeri dan juga persekutuan secara keseluruhannya telah memperuntukkan sebanyak RM161,098,565.00 kepada 50,000 dan 5 penerima di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dan Yang Berhormat Ahli-Ahli sekalian, kerajaan negeri Johor sebenarnya telah banyak memberikan bantuan dan menyediakan pelbagai inisiatif yang tidak hanya diumumkan dalam pembentangan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor, tetapi lebih dari itu dalam memastikan 7 fokus utama Pelan Suara Hati Johor yang digariskan dapat dicapai demi kesejahteraan penduduk negeri Johor.

Akhir sekali, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya akhiri penggulungan saya dengan sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih tidak yang terhingga pada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, pendapat dan persoalan yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang dan tanggungjawab saya. Saya juga mengharapkan pada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, terus memberikan sokongan, pandangan dan juga teguran yang membina terhadap perjalanan jabatan-jabatan di bawah portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah tanggungjawab saya demi untuk pembangunan dan kemajuan negeri Johor. Sekian, wabillahi taufiq walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, dipersilakan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi :** Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh, salam sejahtera, salam muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan diberikan kepada saya untuk memberikan ucapan penggulungan bagi pihak kerajaan dalam Persidangan Penggal Keempat Bagi Dewan Negeri Johor Ke-13. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Sultan Iskandar, di atas titah yang penuh sarat dengan nasihat serta pandangan jauh Baginda bagi memastikan negeri Johor terus maju ke hadapan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pentadbiran kerajaan negeri yang diterajui oleh Menteri Besar kita, Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled Nordin yang dengan jelas telah berjaya meletakkan nama Johor bukan sahaja di persada tanah air malahan juga di rantau ini. Walaupun dalam keadaan ekonomi global yang serba mencabar, negeri Johor masih mampu untuk menambahkan rizab simpanan dan mengekalkan rekod pelaburan yang tertinggi di Malaysia. Sepertimana titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku tempoh hari, Baginda memberikan kepercayaan yang penuh kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita untuk terus menerajui kepimpinan kerajaan negeri Johor.

Suka saya memetik sekali lagi titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang berharap agar tidak ada Ahli Dewan yang Mulia ini yang menjadi musuh dalam selimut, yang cuba mengganggu kestabilan politik yang sedia kukuh di negeri Johor ini. Konsep bangsa Johor menekankan soal permuafakatan, kesepakatan dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain dalam apa jua bidang untuk mencapai sesuatu impak yang positif kepada kemajuan negeri permata selatan ini. Semangat tersebut telah dijadikan asas dan

memainkan peranan yang penting dalam mendepani hal-hal yang berkaitan pembangunan inklusif dalam politik, sosial dan ekonomi yang akan memberi manfaat kepada rakyat seluruh negeri Johor. Pentadbiran negeri melalui kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sentiasa menekankan konsep permuafakatan bagi memastikan anak Johor mempunyai jati diri dan semangat yang tinggi. Ungkapan yang sering diperkatakan muafakat Johor tidak lain dan tidak bukan bertujuan untuk mengetengahkan identiti Johor di samping memupuk permuafakatan rakyat iaitu permuafakatan antara pemimpin, kerajaan dan rakyat yang sentiasa berganding bahu untuk mensejahterakan Johor. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam memastikan dalam membahaskan fitah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan portfolio saya khususnya, dalam soal yang berkaitan dengan pendidikan dan juga koperasi.

Yang Berhormat Senggarang dan Parit Yaani ada membangkitkan sama ada penubuhan IMCoop dapat memberi manfaat secara keseluruhan kepada rakyat Johor, jawapannya sudah pasti ia. Ini kerana IMCoop mensasarkan pembukaan sebanyak 150 kedai harga patut dalam masa 3 tahun yang akan datang di mana pada tahun ini sahaja IMCoop ingin merealisasikan pembukaan sebanyak 70 kedai di seluruh negeri Johor. Sehingga hari ini IMCoop telah berkembang kepada 7 rangkaian *outlet* termasuk 5 di Johor iaitu di Pasir Gudang, Kulai, Larkin, Setia Tropika dan Paloh serta 2 di Negeri Sembilan iaitu Paroi dan Panchor. Manakala dianggarkan 7 lagi *outlet* baru akan dibuka dalam jangka masa terdekat iaitu di Tenggara, Taman Pelangi Indah, Taman Daya, Taman Cendana, Taman Bayu Puteri, Gelang Patah, Pontian dan juga Kulai Besar. Sasaran pembukaan 70 kedai pada tahun ini dan 150 dalam jangka masa 3 tahun adalah salah satu usaha yang perlu dilaksanakan oleh IMCoop bagi memenuhi keperluan hidup rakyat untuk mendapatkan harga barangan dengan harga patut seterusnya dapat mensejahterakan hidup rakyat terutama di kalangan isi rumah yang berpendapatan RM4,000.00 ke bawah. Usaha ini perlu didokong oleh rakyat terutama sekali oleh sektor koperasi. Oleh itu, IMCoop menggalakkan penglibatan koperasi-koperasi seluruh Johor agar bukan sahaja menjadi anggota Koperasi Iskandar Malaysia berhad tetapi mengambil peluang untuk menjadi pelabur aktif dengan memiliki kedai-kedai harga patut Muafakat Johor ini sepertimana *outlet* di Paloh yang dimiliki oleh Koperasi Peserta Rancangan FELCRA Batu 3 1/2 Paloh Kluang Berhad yang juga merupakan anggota Koperasi Iskandar Malaysia Berhad.

IMCoop turut menawarkan beberapa pilihan untuk menarik minat koperasi-koperasi asas untuk melabur dan membuka kedai harga patut Muafakat Johor ini. Jadi, dari segi pemilikan kedai, terdapat beberapa pilihan yang ditawarkan oleh IMCoop. Pertama, koperasi yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh digalakkan untuk membuka *outlet* baru atau mengambil alih kedai IMCoop sedia ada yang menunjukkan prestasi dan potensi yang baik. Bagi koperasi yang berminat tetapi mempunyai kekangan kewangan, IMCoop akan membantu dalam mendapatkan akses pembiayaan kewangan di dalam perancangan bersama SME Bank dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Ketiga, IMCoop turut memperkenalkan konsep bina, kendali dan tukar ataupun *build, operate* dan *transfer* dengan izin, bagi menarik minat koperasi untuk melabur dan memiliki kedai harga patut Muafakat Johor mereka sendiri. Dalam konsep bina dan kendali adalah di mana IMCoop akan menyewa dan mengurus tadbir kedai harga patut Muafakat Johor bagi fasa pertama. Setelah beberapa tempoh masa, pemilikan kedai akan diambil alih oleh koperasi yang berminat, namun IMCoop masih bertanggungjawab mengurus dan mengawal selia segala aspek perniagaan kedai harga patut Muafakat Johor ini termasuklah perkara-perkara yang melibatkan pemasaran, logistik, strategi harga dan operasi secara total. Melalui pendekatan ini, ia juga mengurangkan risiko terutama bagi koperasi yang tidak mempunyai pengalaman dan modal perniagaan yang mencukupi

untuk berpeluang memiliki harga patut terutamanya yang telah menunjukkan pencapaian yang menggalakkan dari segi jualan dan kunjungan pelanggan.

Bagi memberi galakan kepada koperasi IMCoop telah mendapatkan sokongan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk membantu pihak koperasi yang berminat untuk mendapatkan akses bantuan kewangan iaitu RM1 juta yang akan disalurkan kepada koperasi dalam bentuk pendahuluan stok barangan peruncitan. IMCoop akan bertindak sebagai penyelaras skim ini di mana peruntukan minima adalah sebanyak RM10,000.00 dan maksima pula adalah sebanyak RM50,000.00. Tempoh bayaran balik kredit barangan pendahuluan ini adalah antara 30 hingga 60 hari selepas penerimaan kredit stok tersebut. Ini bermakna koperasi akan mendapat kredit barangan untuk menjalankan perniagaan dan hanya akan bayar balik dari hasil keuntungan mereka. Untuk permulaan, skim ini terbuka kepada koperasi asas yang telah menjadi anggota Koperasi Iskandar Malaysia Berhad. Selain daripada itu, pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia juga turut menawarkan *soft loan* berjumlah RM3 juta bagi tujuan akses pembiayaan bagi pembukaan cawangan kedai IMCoop, menaik taraf kemudahan gudang, dan juga penambahbaikan kemudahan sedia ada. Pada hari ini bilangan koperasi yang telah menyertai Koperasi Iskandar Malaysia Berhad telah bertambah kepada 97 koperasi asas yang melibatkan lebih daripada 65,000 anggota koperasi. Peluang masih terbuka bagi koperasi asas untuk menyertai IMCoop dengan menganggotai dahulu Koperasi Iskandar Malaysia Berhad dan mendapatkan dana padanan yang disediakan oleh kerajaan dengan nisbah 1:1 di mana baki dana ini yang masih ada adalah sebanyak RM2,280,500.00.

Yang Berhormat Senggarang ada mencadangkan IMCoop lebih banyak menempatkan barang-barang keluaran tempatan. Suka saya jelaskan bahawa penubuhan IMCoop turut membuka peluang perniagaan kepada anggota koperasi dan serta usahawan IKS tempatan untuk memasarkan barangan mereka di rangkaian kedai IMCoop dengan syarat produk itu halal, bersesuaian dengan kehendak semasa dan menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh IMCoop. Selain daripada itu IMCoop telah melangkah setapak ke hadapan dengan menandatangani kerjasama dengan My Outlet Private Limited Hub Singapura dan juga Pertubuhan Tangan Di Atas (TDA) Malaysia pada 16 April yang lalu. Melalui kerjasama ini IMCoop akan menjadi hab bekalan dan edaran bagi barangan keluaran IKS tempatan untuk dieksport ke peringkat global seperti Singapura, Brunei, Korea dan juga China.

IMCoop juga menyediakan platform yang dinamakan sebagai *IKS Indication and Business Matching Day* dengan izin, pada setiap hari Rabu minggu terakhir setiap bulan yang memberi ruang kepada koperasi dan usahawan tempatan untuk bertemu dengan pasukan IMCoop bagi menerokai peluang bagi memasarkan produk mereka di IMCoop. Melalui data terkini, sebanyak 27 pengusaha IKS telah menempatkan barangan dan produk mereka di *outlet-outlet* IMCoop. Ini adalah pencapaian luar biasa di mana IMCoop bertindak sebagai koperasi pertama yang berjaya membuka pasaran produk keluaran IKS ke pasaran global.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Jorak telah membangkitkan mengenai ~~progress atau perkembangan hab pendidikan Pagoh terutamanya dalam pembinaan universiti kampus cawangan UTHM, UTM, UIAM dan Politeknik Pagoh.~~ Secara keseluruhannya, status terkini pembangunan hab pendidikan Pagoh sehingga 31 Mac 2016 telah mencatatkan pencapaian peratusan kemajuan sebanyak 94.25%. Jika mengikut dari segi pecahan kerja, yakni berdasarkan status pembinaan 4 buah institusi cawangan di Pagoh, *progress* pembangunan universiti kampus UTM di Pagoh sehingga kini telah mencapai peratusan kemajuan sebanyak 97.28%, kampus cawangan UIAM telah mencatat kemajuan 94.97%, kampus UTHM sebanyak 94.69% dan Politeknik dan kemudahan guna sama telah mencatat kemajuan pembangunan sebanyak 95.95%.

Dari segi penyediaan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pendidikan Tinggi telah memulakan operasi Politeknik Tunku Syed Nasir Ismail, Pagoh di kampus sementara di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang. Buat masa ini dua program diploma ditawarkan dan apabila Politeknik Tunku Syed Nasir Ismail, Pagoh siap kelak, Politeknik ini akan menawarkan empat lagi program diploma sehingga mencapai kapasiti sebanyak 3,600 pelajar.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat, panjang lagi.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Sedikit lagi. Satu lagi Yang Berhormat Tan Sri. Dari segi penyediaan asrama, rumah kediaman dan lot perniagaan, pihak Sime Darby sedang melaksanakan pembinaan untuk asrama pelajar dan projek dijangka siap dalam bulan Mei 2017. Projek pertama untuk rumah kediaman akan dilancarkan oleh Sime Darby pada awal Mei 2016 dan pembinaan dijangka mengambil masa selama 18 hingga 24 bulan. Ini termasuk lot-lot perniagaan yang telah dilancarkan oleh pihak Sime Darby Property selaku pemaju Bandar Universiti Pagoh. Mengikut perjanjian konsesi, tarikh asal penyiapan projek adalah pada 1 Mei 2017 dan kemasukan pertama pelajar-pelajar yang akan menghuni kampus ini akan bermula sebaik sahaja projek ini disiapkan sepenuhnya dan diterima oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini sahaja yang dapat saya jawab dalam sesi penggulungan kali ini. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan yang melibatkan jabatan di bawah portfolio saya. Walau bagaimanapun, ada beberapa lagi persoalan yang berbangkit yang tidak dapat saya jawab maka saya akan berhubung terus dengan Ahli Yang Berhormat untuk memberikan jawapan secara bertulis. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini selama 15 minit sahaja.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.**

**Persidangan Disambung semula pada jam 11.45 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Seterusnya, dengan segala hormat dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membuat penggulungan. Yang Amat Berhormat, jemput.

**YAB Menteri Besar :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum saya menjawab pelbagai isu yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan Dewan kali ini, izinkan saya mengambil kesempatan menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang sangat mendalam, yang sangat tulus atas segala sokongan padu yang dinyatakan dengan tegas dan jelas kepada kepimpinan saya. (Dewan bertepuk).

Khususnya saya dengan rendah diri ingin menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor atas sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap saya sebagai Menteri Besar Johor. Sesungguhnya, perkenan dan dokongan dari Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Istana adalah sesuatu yang amat besar maknanya. Saya harus menegaskan



bahawa atas nasihat dan pandangan bernas Duli Yang Maha Mulia Tuanku Jua, saya dan semua ahli pentadbiran dapat melaksanakan tugas dengan baik sesuai amanah yang diberikan. Saya juga ingin berterima kasih atas sokongan yang dinyatakan dalam penghujahan-penghujahan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Tanjung Surat, Senggarang, Parit Yaani, Jorak, Rengit, Semerah, Machap, Tenggara, Nusajaya, Kempas, Parit Raja, Paloh, Tiram, Serom, Semarang serta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Yang pasti, sokongan dan kepercayaan tersebut tidak dizahirkan secara membuta tuli tetapi kerana Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, melihat sendiri hasil baik dan hala tuju jelas yang kita bawakan untuk negeri Johor(Dewan bertepuk). Dan semuanya kita lakukan secara kolektif. Sesungguhnya hasil kerja berpasukan dan muafakat pelbagai pihak jualah kita dapat mengemudi pentadbiran kerajaan Johor dengan cekap dan selayaknya. Segala manfaat positif dan natijah yang elok ini bukan sesuatu yang hanya kita gubah dengan lenggok dan langgam bahasa yang indah-indah semata-mata. Tetapi adalah hasil dan kejayaan agenda pembangunan Johor yang terbukti dengan segala angka dan petunjuk yang jelas dan tidak boleh disangkal. Justeru, saya menyambut segala penyataan sokongan berbagai pihak ini dengan rasa sangat rendah diri. Saya menanam azam dan saya mengajak semua pihak untuk bersama-sama memberikan yang terbaik kepada negeri Johor dan seluruh rakyatnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bercakap tentang memberikan yang terbaik kepada Johor dan bangsanya, saya rasa perlu untuk saya membuat penjelasan dan penegasan berhubung Gagasan Johor Berkemajuan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjung Surat, Stulang dan Nusajaya. Terima kasih atas sokongan terhadap gagasan besar tersebut, cuma dalam menjawab cadangan Stulang yang mahukan kita membuka kilang kereta dan kilang telefon sendiri, saya kira visi Johor Berkemajuan lebih besar dari sekadar mendirikan kilang dan merencanakan industrialisasi. Gagasan Johor Berkemajuan, bukanlah tentang bangunan yang canggih atau sekadar ekonomi berpendapatan tinggi. Ia sudah pasti bukan tentang mercu-mercu fizikal yang berdiri megah. Bila kita menggagaskannya, kita bukan sekadar mendambakan Johor menjadi negeri maju tetapi masyarakat yang maju. Bangsa yang mempunyai citra, pemikiran dan sikap sebagai sebuah masyarakat maju yakni masyarakat yang melihat kemodenan dan pembangunan itu sebagai satu proses yang panjang dan berterusan, yang sentiasa memerlukan inovasi dan pembaharuan dan yang tidak melihat pencapaian kemajuan itu sebagai satu destinasi dan titik akhir. Atau hanya yang, yang hanya diukur dengan agregat pertumbuhan ekonomi semata-mata. Sebaliknya, Johor berkemajuan ini dicirikan atas empat asas penting :

1. Semangat pemikiran nilai sikap dan orientasi kita sentiasa menjuis kepada masa depan. Semua yang kita rancang, yang kita gubal, yang kita bina, dan yang kita lakarkan mesti mengambil pandangan jauh ke hadapan. Mengambil perspektif dan keperluan masa mendatang.
2. Semua usaha kita di negeri ini, mesti terfokus untuk mewujudkan persekitaran dan kondusif yang lebih baik dalam kehidupan material dan sisi rohani bangsa. Bermakna, kita mesti sentiasa inovatif dalam mewujudkan dasar, program dan perancangan agar semuanya menjadikan kehidupan bangsa Johor itu lebih baik dan lebih bersejahtera.
3. Budaya dan pemikiran progresif harus berakar umbi dan menjadi gaya hidup Johor. Identiti Johor mestilah tentang pemikiran bangsanya iaitu pemikiran progresif, pemikiran maju. Membuang segala yang kolot, segala yang sempit dan segala yang dangkal.

Dan,



4. Apa jua yang kita rencanakan, mesti mengambil kira perspektif global dan mesti bercitra antarabangsa kerana sedar ataupun tidak kita sudah menjadi sebahagian dari proses globalisasi ini. Semua yang kita lalui dalam kehidupan kita, apa yang kita makan, yang kita tonton, apa yang kita gunakan, semuanya menjadikan kita terangkum dalam jaringan global yang kompleks.

Jelas gagasan ini adalah satu ikhtiar kerajaan negeri untuk mengajak semua pihak mengubah paradigma pemikiran masyarakat kita. Berfikir ke hadapan menjadi progresif dan berwatak global. Menjadi bangsa yang berteraskan masa depan atau dengan izin, *future centric*. Bangsa yang berfikir untuk menyumbang atas kapasiti sendiri. Dan bangsa yang berfikir untuk meneroka segala jalan baru yang boleh mendatangkan kesejahteraan kepada semua.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya ingin mengulas tentang tadbir urus dana awam yang baik yang diujahkan oleh Yang Berhormat Senggarang, Jorak dan Parit Yaani. Secara umumnya, kewangan kerajaan negeri Johor kini berada pada tahap yang kukuh. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, hasil kerajaan negeri adalah berjumlah RM1.549 bilion berbanding anggaran asal berjumlah RM1.239 bilion. Manakala perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM1.395 bilion berbanding anggaran asal mengurus berjumlah RM1.235 bilion. Ini menjadikan lebih semasa untuk tahun 2015 berjumlah RM153.8 juta seterusnya menjadikan lebih terkumpul berjumlah RM998.5 juta dengan rizab negeri sebanyak RM2.627 bilion. Pencapaian kewangan yang dinyatakan tersebut, merupakan angka-angka Penyata Kewangan Negeri Johor 2015 sebelum audit. Proses pengauditan sedang dijalankan waktu ini oleh Jabatan Audit Negara. Proses auditan Penyata Kewangan Negeri Johor tahun 2015 ini akan diakhiri dengan *Exit Conference* yang dijangkakan berlangsung pada 1 Jun 2016. Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan negeri melalui Perbendaharaan Negeri Johor sentiasa memperbaiki rekod perakaunan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri agar ia menggambarkan kedudukan kewangan yang sebenar. Pengurusan yang baik ini telah mendorong Ketua Audit Negara untuk menganugerahkan Sijil Bersih kepada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2014. (Dewan bertepuk). Manakala pihak Perbendaharaan Negeri pula, telah menerima penganugerahan Sijil Bersih daripada Ketua Audit Negara selama 13 tahun berturut-turut, mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 sehingga ke tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Tan Sri Yang Dipertua, saya juga ingin memaklumkan tentang status pelaksanaan tabung wakaf seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Rengit. Untuk makluman, di bawah kelolaan Perbadanan Islam Johor, kerajaan negeri akan mewujudkan satu tabung wakaf yang diberi nama Tabung Wakaf Rakyat Johor. Pelantikan Perbadanan Islam Johor ataupun PIJ sebagai nazir khas Pembangunan Wakaf Negeri Johor bukanlah satu tanggungjawab yang mudah dan boleh dibuat secara tergesa-gesa. Banyak perkara dan faktor yang perlu diambil kira bagi menguruskan pembangunan wakaf dengan baik. Buat masa sekarang, pelbagai perbincangan sedang giat dijalankan dengan pelbagai pihak bagi mewujudkan dan memastikan dana wakaf yang kita cadangkan ini diurus dengan sebaik dan secepat mungkin. Setakat ini, memorandum persefahaman berkaitan syarat-syarat lanfikan sebagai Nazir Khas Pembangunan, sedang diperhalusi di antara PIJ dan Majlis Agama Islam Negeri Johor, dan kini berada di peringkat akhir. PIJ dan PIJ Holdings juga sedang mengkaji tanah-tanah wakaf dan baitulmal di bawah Majlis Agama Islam Negeri Johor, untuk dibangunkan secara optimum dengan penekanan kepada sektor kesihatan, pendidikan dan ekonomi.

Tan Sri Yang Dipertua, Tan Sri Speaker, seterusnya perkara keempat yang ingin saya sentuh adalah berkenaan dengan Bandar Selamat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat

Johor Jaya. Kerajaan negeri sentiasa memastikan Program Bandar Selamat yang telah kita mulakan, akan dilaksanakan secara berterusan mengikut ketetapan dalam Program Bandar Selamat. Bagi tahun 2016, Pelan Tindakan Pemutihan Kawasan *Blackspot* turut dilaksanakan, meliputi kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan pula, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, akan sentiasa membantu memantau status dan kemajuan pelaksanaan projek Bandar Selamat ini.

Berikut saya nyatakan status terkini contoh-contoh program keselamatan yang sedang dijalankan di bawah inisiatif Bandar Selamat.

1. Pemasangan CCTV di seluruh Iskandar Malaysia kini berjumlah 577 unit.
2. *Crime Prevention through Environmental Design* dengan izin, telah dijadikan kriteria mandatori dalam proses mendapatkan kelulusan perancangan dari Pihak Berkuasa Tempatan.
3. Media sosial dimanfaatkan sepenuhnya, untuk menyalurkan komunikasi dua hala bagi mencegah jenayah
4. Pembentukan *Interoperability Council* dan *Critical Infrastructure Council*, dengan izin telah diwujudkan.
5. Pusat Data Atas Talian diwujudkan untuk kegunaan agensi-agensi keselamatan.
6. Penubuhan komuniti *Police Post* yang 29 daripadanya telah beroperasi, 1 dalam pembinaan dan 2 masih dalam perancangan.
7. Seramai 5,344 perjawatan Polis Bantuan telah diluluskan oleh Bukit Aman, di mana 35% jawatan telah diisi. Ini akan sekali gus memperbaiki nisbah Polis kepada penduduk iaitu 1 kepada 250 atau lebih baik.

Secara keseluruhan, sebanyak 27 daripada 46 program dalam *blueprint* Keselamatan telah dilaksanakan, di perbagai peringkat. Hasilnya, indeks kadar jenayah di Iskandar Malaysia telah menurun sebanyak 44% dalam tempoh 5 tahun, iaitu daripada 48 jenayah sehari pada 2009, kepada 27 jenayah sehari pada tahun 2015.

Tan Sri Speaker, seterusnya perbahasan tentang Bank Johor oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Penggaram, Tanjung Surat, Senai, Maharani, Tenang, Nusajaya, Bekok, Parit Raja dan seterusnya. Kerajaan negeri berasa bertuah kerana mempunyai Duli Yang Maha Mulia Sultan yang berpandangan jauh, dan sentiasa memikirkan masa depan negeri dan rakyat. Oleh itu, kerajaan negeri akan memperhalusi secara serius Titah cadangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, yang mengusulkan penubuhan *Bank Of Johor* ini. Cuma saya ingin memaklumkan bahawa dalam meneliti cadangan baik ini, kerajaan negeri perlu mengambil kira pelbagai faktor, antaranya matlamat dan keberkesanan sesuatu model yang ingin digunakan. Daya saing dan sumber kepakaran yang diperlukan serta kemampuan kita memenuhi syarat dan peraturan ketat yang ditetapkan Bank Negara Malaysia dan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Malah, kita akan bersikap terbuka dalam melihat model serta struktur terbaik untuk digunakan. Ini termasuk mempertimbangkan pelbagai konsep, sama ada sebagai sebuah Bank Pembangunan, Bank Perdagangan, Bank Komuniti, Bank Islam atau pun Bank Koperasi. Sebagai langkah seterusnya, kerajaan negeri akan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi memperhalusi dan memperincikan pelan ini serta melakukan kajian *feasibility* dengan izin. Kerajaan negeri bercadang untuk mendapatkan nasihat Bank Negara Malaysia untuk membantu kita melantik konsultan kewangan dan mereka yang berpakaran.

Tan Sri Speaker, perkara keenam saya ingin menjawab tentang Pelan Pertumbuhan Strategik Johor, atau *Johore Strategic Growth Plan* dengan izin. Sepanjang sesi persidangan kali ini, kita telah mendengar pelbagai maklum balas tentang Pelan

Pertumbuhan Strategik Johor ataupun PPSJ. Saya sangat berbesar hati dengan sikap objektif dan sokongan terbuka berbagai pihak terhadap inisiatif ini. Khususnya Yang Berhormat Machap, Tenggaroh, Jorak, Tanjung Surat, Rengit, Tenang dan Serom. Kerajaan negeri amat berterima kasih atas sokongan tersebut. Dan, kita menyambut baik dan mengalu-alukan sebarang cadangan bernas yang telah dikemukakan berhubung dengan perkara ini, agar pelaksanaannya boleh diperkemas dari semasa ke semasa. Namun, sudah lumrah akan ada sahaja pihak yang mahu mempertikaikan segala pelan dan usaha kerajaan negeri tanpa berfikir panjang. Jadi, saya ingin menjawab secara khusus pertikaian oleh Penggaram, Pekan Nenas, Pengkalan Rinting dan Bentayan yang mendakwa bahawa Pelan Pertumbuhan Strategik Johor hanya menyentuh tentang aspek-aspek fizikal dan mengabaikan sisi rohani dan pembangunan kemanusiaan. Inilah masalahnya bila sesuatu fakta itu dipilih-pilih dan dikeluarkan daripada konteks yang sepatutnya. Saya ingin menegaskan bahawa pertama, ini adalah pelan yang tujuan dan fokusnya ialah pertumbuhan ekonomi. Ini bukan pelan pembangunan atau *development plan* dengan izin. Pelan ini dirangka untuk membantu kita merangsang pertumbuhan lestari, inklusif dan lestari, agar melalui pertumbuhan ini, lahir kegiatan ekonomi yang rancak, dan kerancangan ekonomi ini akhirnya akan membuahkan sebuah kesejahteraan. Kerana objektif utama pertumbuhan ekonomi ialah kesejahteraan, dan ia diprosikan melalui ukuran GDP. Kedua, inilah caranya kita menangani kesenjangan ataupun *inequality* dengan izin. Masalah paling mencabar bagi mana-mana kerajaan dan pemerintahan ialah, menangani kesenjangan antara yang kaya dengan yang miskin, antara kawasan luar bandar dengan kawasan bandar. Kita mesti menanganinya dengan pendekatan jangka masa panjang, dengan strategi dan dengan pemikiran. Bayangkan jika fokus pembangunan kita hanya di kawasan perbandaran, pasti kesenjangan itu akan melebar. Penghijrahan besar-besaran akan berlaku ke kawasan bandar. Persaingan yang sengit untuk pekerjaan akan berlaku, dan ini akan menjadikan kadar upah menjadi kurang kompetitif. Dan kesenjangan yang semakin melebar, akan merumitkan kita membangun masyarakat. Malah ia adalah formula untuk bertakunya konflik jika tidak ditangani.

Pelan Pertumbuhan Strategik ini adalah dasar yang sangat tinggi nilai moral dan tanggungjawabnya. Kita mahu masa depan lebih baik untuk petani kita, masa depan lebih cerah. Untuk nelayan dan usahawan kecil kita, untuk ibu tunggal, untuk anak muda yang ingin berdikari. Untuk usahawan yang telah berjaya melipat gandakan lagi kemakmuran perniagaan mereka. Kita mahu penduduk di seluruh Johor, walau di mana mereka berada, mempunyai kemandirian dan peluang mendapat pendapatan yang baik.

Lihat sahajalah negara-negara yang baik pembangunan sisi insaniahnya seperti negara-negara Skandinavia, Jepun, Jerman dan pelbagai negara maju lain. Kesemua perkara tersebut boleh mereka lakukan, kerana mereka mempunyai pertumbuhan ekonomi yang mapan dan adil. Yang bertumbuh secara konsisten di seluruh pelosok negara mereka.

Dan kita bandingkan pula dengan negara-negara seperti di Afrika, kedaiifan pembangunan insaniah di negara-negara mundur tersebut, adalah berpunca daripada tiadanya pertumbuhan ekonomi yang strategik dan mapan. Malah di setengah negara di Asia, ibu bapa sanggup menjual dan menggadai maruah anak-anak demi sesuap nasi. Mereka tiada pilihan. Ekonomi mereka rentan dan lumpuh, pertumbuhan mereka malar dan sifar. Sebab itulah wujudnya ungkapan Inggeris yang sering digunakan oleh Bank Dunia, yang berbunyi dengan izin *The Greater Sin of Inhumanity Is Poverty* dosa yang paling besar kemanusiaan adalah kemiskinan. Jadi, bukankah apabila kita menggalakkan pertumbuhan ekonomi untuk mencapah ke seluruh negeri, yang akhirnya melonjakkan taraf hidup dan pendidikan bangsa kita, ia juga satu pembangunan sisi insaniah. Apakah dengan membongkar semua potensi ekonomi di seluruh pelosok negeri Johor, agar lebih

banyak pekerjaan dapat diwujudkan, lebih banyak usahawan dapat dilahirkan, itu bukan sisi insaniah?

Saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berfikir dengan lebih rasional dan terbuka. Dewan ini selayaknya hanya untuk mereka yang berfikiran berkemajuan dan bukan individu yang dalam sanubarinya hanya penuh dengan kesangsian (Dewan bertepuk). Secara spesifik, di bawah Pelan Pertumbuhan Strategik ini, kita turut memberi tumpuan kepada aspek pembangunan insaniah. Misalnya dengan menjadikan Muar dan Pagoh sebagai hab pendidikan kemahiran dan vokasional. Tetapi apa yang lebih penting, kita tidak seharusnya melihat Pelan Pertumbuhan Strategik Johor ini secara berasingan dan memisahkannya dari pelbagai pelan dan inisiatif lain yang turut kita perkenalkan. Kesemua inisiatif kerajaan negeri mestilah dibaca bersama, kerana setiap satunya saling lengkap melengkapi. Dan kalau Penggaram kisah untuk mengkaji dan meneliti secara terbuka, ikhlas dan waras, keseluruhan Bajet Negeri Tahun 2016 adalah bertemakan Kelestarian dan Kesejahteraan. (Dewan bertepuk).

Di dalamnya pelbagai inisiatif yang menjurus kepada pembangunan kemanusiaan ataupun sisi insaniah masyarakat, kita berikan perhatian. Misalnya agenda Johor Mahir, yang akan menumpukan kepada pembangunan kemahiran anak tempatan. Malah, kita amat serius dalam merencanakan gerakan kesukarelawanan di kalangan orang muda, kita memastikan entiti-entiti masyarakat yang memerlukan bantuan, disantuni dan dijaga dengan sebaiknya. Kesemua ini adalah pembangunan aspek insaniah yang bergerak seiring dengan pembangunan projek-projek kita. Namun yang lebih penting, adalah kesan domino yang dibawakan oleh segala pertumbuhan strategik ini. Apabila wujudnya pertumbuhan yang mapan, akan lebih banyak kegiatan ekonomi berlaku. Ini akhirnya akan membolehkan lebih banyak hasil yang diterima oleh kerajaan negeri dan apabila hasil kita bertambah, maka lebih banyaklah aspek pembangunan insaniah dapat dilakukan. Inilah cara sebenar mengukuhkan sisi insaniah. Dan satu perkara yang lebih memeranjatkan saya adalah logik yang terpacul daripada Penggaram yang mencadangkan agar PIPC harus dihentikan sahaja kerana harga minyak pada masa ini sedang rendah. Saya telah nyatakan bahawa turun naik harga minyak telah menjadi satu kelaziman biasa atau *the new normal*, dengan izin. Ia bukan perkara janggal dan di luar kelaziman, ia adalah kelaziman dalam apa juga perdagangan komoditi. Tetapi dengan pertumbuhan penduduk, industrialisasi yang semakin dipandu inovasi serta pertumbuhan ekonomi global termasuk di benua yang dahulunya kurang membangun maka keperluan terhadap tenaga semakin mendesak dan memuncak.

Justeru, walaupun benar harga minyak akan ada naik dan turunnya tetapi itu tidak bermakna keperluan terhadap minyak dan tenaga juga akan menurun. Iran, sebaik sahaja sekatan terhadapnya ditarik balik terus mengoptimumkan pengeluaran minyak mereka. Kerana, mereka percaya walau harga minyak jatuh, dunia tidak akan berhenti menggunakan minyak dan tenaga gas asli. Laporan oleh Wood Mckenzie 2014 menjangkakan sehingga tahun 2030, pertumbuhan permintaan minyak global akan mencecah 33%. Manakala rantau Asia Pasifik akan terus menyaksikan peningkatan permintaan tenaga sehingga 5 kali ganda jika dibandingkan dengan Amerika Utara. Jadi, PIPC adalah satu projek walaupun mega tetapi berada di landasan yang betul.

Kedua, keseluruhan projek mega PIPC bukan sahaja tentang keuntungan industri minyak, ia adalah tentangan pembangunan. Pembangunan yang membuka ruang pekerjaan, yang membuka ruang peningkatan kemahiran, yang membuka ruang pemindahan teknologi dan kepakaran yang merencanakan sekali aktiviti hiliran *downstream* dan *midstream*, dengan izin. Berbilion-bilion telan dibelanjakan di Pengerang dan usaha kita ialah untuk memastikan ia beroperasi dengan optimum. Kita mesti mencari jalan

menjayakannya. Menjadikan Johor dan Malaysia pusat kegiatan minyak global dan bukan menutupnya seperti yang dicadangkan oleh Penggaram. (Dewan bertepuk).

Dan, kalau kita ikut logik sempit sebegitu, memandangkan harga getah juga sedang turun sekarang maka kita tebang dan bakar semua pokok getah yang ada. Jadi, saya pelik dengan pembangkang ini, seorang mahu buka kilang kereta, seorang mahu menutup pula kompleks pemprosesan minyak. Jadi, kereta itu nak bergerak nak menggunakan apa? (Dewan ketawa).

Tan Sri Speaker, sekarang saya sentuh pula isu berhubung dengan prestasi GLC dan tadbir urus badan berkanun negeri Johor seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senggarang, Jorok dan Parit Yaani. Secara asasnya kerajaan negeri Johor sentiasa memastikan setiap tadbir urus kewangan dan juga pengurusan pentadbiran di setiap agensi dan anak syarikat kerajaan negeri berada dalam keadaan baik dan teratur. Dasar kita jelas, semuanya mesti diurus dan dikawal selia mengikut amalan, ketelusan, integriti dan pertanggungjawaban paling tinggi. Ia mesti selari dengan amalan tadbir urus terbaik. Setiap tahun, Jabatan Audit Negara akan menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan dan kajian aktiviti di jabatan, agensi kerajaan negeri Johor. Laporan-laporan audit tersebut kemudiannya dibentangkan dalam Laporan Ketua Audit Negara berdasarkan pembahagian tiga siri laporan pada setiap tahun.

Selain itu, penyata kewangan anak-anak syarikat kerajaan negeri Johor juga diaudit oleh firma-firma swasta yang dilantik dan dikawal oleh Jabatan Audit Negara. Setiap penyata kewangan anak-anak syarikat kerajaan negeri ini perlulah diaudit terlebih dahulu sebelum dikumpulkan untuk tujuan penyediaan *Consolidation Account* oleh syarikat induk. Dalam proses ini, kerajaan negeri Johor juga akan mengeluarkan arahan pada setiap tahun agar penyata kewangan ini dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara untuk tindakan dan semakan oleh mereka.

Tan Sri Speaker, saya mengambil kesempatan ini, untuk berkongsi pencapaian dan prestasi beberapa anak syarikat-anak syarikat kerajaan negeri. Pertama, Permodalan Darul Ta'zim (PDT). Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 16 Disember 1994. Sejak penubuhannya sehingga tahun 2012, PDT mencatat kerugian terkumpul berjumlah RM7.97 juta. Namun setelah penstrukturan semula PDT, laporan kewangannya bagi tahun berakhir 2013, 2014 dan 2015 menunjukkan keuntungan terkumpul berjumlah RM10.44 juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 933% atau 9 kali ganda bagi tahun berakhir tahun 2015 berbanding tahun 2014. Hasil penggandaan keuntungan tersebut, PDT telah mengumumkan dividen kepada kerajaan negeri berjumlah RM5.25 juta yang diberikan dalam bentuk *in kind* dengan izin, kepada pelbagai program.

Antaranya, bantuan pelajar sarjana dari keluarga berpendapatan rendah melalui Tabung Pendidikan PDT berjumlah RM300,000.00. Pembiayaan latihan pegawai-pegawai kerajaan negeri serta kakitangan PBT khususnya dalam bidang perancang bandar dan alam sekitar sebanyak RM400,000.00. Menjayakan pengurusan keusahawanan di Johor melalui Perbadanan Usahawan Johor Berhad berjumlah RM4.5 juta. Sebagai sebuah syarikat pelaburan strategik kerajaan, PDT juga mempunyai kepentingan pemilikan saham secara langsung dalam syarikat-syarikat berpotensi dan strategik. Misalnya 10% pegangan dalam Ranhill Holding Berhad yang telah disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia baru-baru ini.

Kedua, 10% pegangan dalam syarikat-syarikat usaha sama antara Dialog Sdn. Bhd., Petronas dan Vopac Group di Pengerang dengan pulangan keseluruhannya dijangka akan diterima pada tahun 2020. Dan seperti Yang Berhormat semua sedia maklum, kos

pelaburan dan di bawah projek ini sekarang ini bernilai RM11 bilion. Dan PDT mempunyai pegangan saham sebanyak 10%.

Kedua, Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (JBiotech). JBiotech adalah sebuah lagi GLC kerajaan negeri yang mencatatkan prestasi yang cemerlang. Kini JBiotech sedang dalam peringkat mengenal pasti pelbagai inisiatif baru termasuklah rundingan dalam bidang *waste to wealth* iaitu pengasingan sisa untuk menjana produk hiliran bernilai tinggi seperti bio-diesel dan elektrik. Perkhidmatan bekalan bahan boleh terbiodegradasi serta perkhidmatan bekalan dan kerja-kerja sivil untuk projek yang khusus. Diunjurkan bahawa jumlah pendapatan untuk semua anak syarikat dan syarikat JBiotech Holdings untuk tahun 2016 adalah sebanyak RM12.5 juta dengan unjuran keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.9 juta.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sumbangan JBiotech bukan hanya tertumpu kepada aspek pendapatan tetapi turut meliputi bantuan dalam pengembangan sektor bioteknologi dan penarikan masuk pelaburan baru. Pada tahun 2015 sahaja, nilai pelaburan yang telah diterima adalah sebanyak RM670.3 juta yang juga telah membuka sebanyak 668 peluang pekerjaan. Ini melebihi sasaran KPI 2015 iaitu sebanyak RM500 juta dan peluang pekerjaan yang dicipta seramai 300 orang. Sasaran pelaburan pada tahun 2016 pula, ialah RM700 juta dan 400 peluang pekerjaan. Pada tahun 2015, JBiotech juga telah berjaya menyelaraskan latihan kepada seramai 1,813 lepasan SPM sehingga ijazah melalui program yang dilaksanakan oleh Johor Bioteknologi Talent Development Centre untuk memenuhi keperluan 18 buah syarikat dalam sektor industri berasaskan bio di Johor. Dijangkakan untuk tahun 2016 angka pelatih akan meningkat kepada 2,000 orang. Manakala dijangkakan seramai 2,500 sumber manusia akan diberi latihan pada tahun 2017 dan 3,000 lagi pada tahun 2018. Dan kesemua ini merupakan antara contoh prestasi baik dan sumbangan besar JBiotech.

Ketiga, Johor Corporation, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menyentuh tentang prestasi dan sumbangan Johor Corporation seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Skudai, terdapat beberapa dakwaan yang telah dikemukakan dalam hujah daripada Yang Berhormat Skudai, pertamanya bahawa nisbah hutang, liabiliti semasa berbanding aset semasa Johor Corporation adalah tinggi mencecah 77%. Namun, kepada Yang Berhormat, nisbah tersebut masih bukan satu *indicator* atau sandaran yang baik untuk menilai prestasi dan kedudukan kewangan Johor Corporation. Ini kerana, ia tidak mengambil kira kedudukan aset bukan semasa yang dimiliki oleh Johor Corporation yang keseluruhannya mencecah RM5.8 bilion. Jika jumlah aset keseluruhan ini diambil kira maka pastilah bacaan nisbah hutang liabiliti ke atas aset keseluruhan Johor Corporation akan menjadi positif malah ia akan mencatatkan lebihan jumlah aset bersih sebanyak RM1.52 bilion. (Dewan bertepuk). Dan jumlah ini pun masih belum lagi mengambil kira harga pasaran pelaburan-pelaburan Johor Corporation dalam syarikat anak yang tersenarai seperti Kulim dan juga KPJ.

Oleh itu, dakwaan bahawa nisbah liabiliti hutang semasa berbanding aset semasa Johor Corporation yang tinggi ini menggambarkan ketidakupayaan untuk membayar hutang adalah memesongkan, salah dan tidak benar. Malah ia gagal mengambil kira secara konklusif prestasi sebenar kewangan Johor Corporation secara keseluruhan. Dan yang lebih penting untuk ditegaskan bahawa sejak 2012 sehingga kini, Johor Corporation sentiasa berjaya memastikan yang sebarang obligasi hutangnya dipatuhi dengan baik mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Izinkan saya untuk menarik perhatian Dewan, khususnya Yang Berhormat daripada Skudai, terhadap beberapa penulisan akademik yang bersandarkan amalan semasa tentang perkara ini. Ulasan Profesor Harvey B. Lemark, pensyarah *Retail Management and*

Marketing, Philadelphia Universiti Amerika Syarikat dalam *Steps to a Basic Company Financial Analysis* pada tahun 2003. Dan kenyataan oleh Amy Gallo, Editor Harvard Business Review dalam artikelnya bertajuk *A Refresher on Current Ratio* pada September 2015, semua dengan izin Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kedua-dua rujukan ini merumuskan bahawa nisbah semasa iaitu liabiliti hutang semasa ke atas aset semasa bukanlah satu ukuran terbaik memandangkan ia tidak mengambil kira kedudukan jangka masa panjang sesuatu syarikat. Saya percaya perkara ini juga terpakai kepada kes Johor Corporation yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Skudai.

Yang kedua, Skudai juga membuat dakwaan berhubung kononnya Johor Corporation gagal memberi balik pulangan kepada kerajaan negeri mengikut Pekeliling Perbendaharaan. Dakwaan ini sekali lagi adalah satu tuduhan melulu yang amat mengecewakan. Ini kerana pulangan yang diberikan oleh Johor Corporation kepada negeri Johor, bukan sahaja dalam bentuk kewangan tetapi turut merangkumi pelbagai bayaran lain yang berbentuk bukan tunai ataupun dengan izin, *payment in kind*. Ini termasuklah :

1. Membantu pengoperasian Klinik dan Hospital Wakaf An-Nur yang sehingga kini telah merawat 1.1 juta orang tanpa mengira bangsa dan agama dengan rangkaian sebanyak 22 klinik wakaf di seluruh negara dan sebuah hospital Wakaf An-Nur di Pasir Gudang. Kedua, dengan kadar bayaran hanya RM5.00, pesakit akan menerima rawatan daripada doktor pakar KPJ berserta ubat-ubatan yang berkualiti. RM5.00 sahaja. Selain itu, 7 daripada 22 klinik ini juga turut menyediakan 66 buah mesin bagi rawatan dialisis dengan caj bayaran hanya RM90.00 untuk setiap rawatan. Sudah tentu lebih rendah daripada tempat-tempat yang lain.
2. Mewujudkan sehingga 184,000 peluang pekerjaan sehingga 2014.
3. Membina sebanyak 12,758 unit rumah mampu milik.
4. Menerima pelaburan masuk terkumpul ke Johor sehingga mencecah RM63 bilion
5. Membantu membina dan menyelenggara sehingga 6 buah masjid termasuklah masjid yang baru, Masjid Sultan Iskandar di Bandar Dato' Onn bernilai RM28 juta.

Dan jika ingin dihitung secara keseluruhannya sehingga 2014, Johor Corporation telah memulangkan kepada kerajaan negeri sebanyak RM84.8 juta dalam bentuk dividen tunai dan RM630 juta dalam bentuk pulangan bukan tunai menjadi jumlah keseluruhannya RM714.8 juta. Dan jika dibandingkan jumlah sumbangan ini dengan jangkaan RM284.5 juta yang dinyatakan oleh Skudai, Johor Corporation sebenarnya sudah telah terlebih membayar kepada kerajaan negeri sehingga RM430.3 juta (Dewan bertepuk). Jadi apabila kita ingin menilai sumbangan Johor Corporation atau mana-mana GLC kita mestilah bersikap adil untuk mengambil kira kedua-dua bentuk pulangan *in cash* dan *in kind* yang diberikan melainkan bagi Skudai 1.1 juta orang yang mendapat rawatan tersebut bukanlah pulangan kepada Johor. Apabila 184,000 peluang pekerjaan terbuka, itu bukan pulangan kepada Johor. Apabila 12,758 unit rumah mampu milik terbina, itu juga bukan satu bentuk pulangan kepada Johor. Dan inilah masalah dengan wakil Skudai kepada beliau, hidup hanya berkisar tentang duit, duit dan duit. Kita di Johor, pergi lebih jauh. Kita tidak menubuhkan pelbagai agensi dan syarikat milik kerajaan melainkan dengan dua matlamat jelas :

1. Melakukan pelaburan strategik dalam sektor-sektor kompetitif agar pulangannya boleh dimanfaatkan bagi kepentingan negeri.
2. Untuk mereka tampil melakukan tanggungjawab sosial mereka. Melatih bakat terbaik. Membina rumah bagi golongan memerlukan. Merangsang keusahawanan. Dan memajukan keusahawanan sosial dan juga menjayakan kesejahteraan sosial.



Yang Berhormat Tan Sri Speaker, secara keseluruhannya saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa GLC-GLC kerajaan negeri telah menunjukkan prestasi yang cemerlang. Sumbangan yang dipulangkan kepada kerajaan negeri, hasil keuntungan pula adalah tinggi dan konsisten. Jadi, berlaku adillah dalam menilai prestasi dan sumbangan GLC-GLC ini. Lihat gambaran menyeluruh dan nilai kan ia secara holistik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Skudai berhubung Penyata Kewangan Negeri. Satu isu yang dibangkitkan setiap tahun. Saban tahun, Skudai adalah antara Yang Berhormat, yang berjaya dengan cemerlang untuk mempamerkan kegagalannya memahami prosedur. Kegagalan membaca peruntukan undang-undang dan kegagalan untuk memahami laporan-laporan penting negeri Johor. Dan sekali lagi pada tahun ini, Skudai mengungkitkan isu prestasi dan pembentangan laporan kewangan negeri. Walaupun ini adalah persidangan Dewan untuk sesi yang baru, tahun yang baru, dengan semangat dan hala tuju yang baru, namun isu dan skrip perbahasan Skudai nampaknya kekal sama seperti tahun-tahun sebelumnya. *Changeless*, kata orang dengan izin Yang Berhormat Tan Sri Speaker (Dewan bertepuk).

Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor ini sudah seakan menjadi pentas tahunan. Pentas yang digunakan bagi mengulang layang, mengulang tayang skrip wajib yang telah Skudai sediakan bertahun-tahun lalu. Lalu kembali diulang sebut dan dibangkitkan semula. Sebabnya :-

1. Kerana semuanya baik sekali di Johor ini. Lalu beliau ketandusan idea dan mati akal untuk mencari apa yang ingin dikritik (Dewan bertepuk). Yang menariknya Skudai menyarankan agar kita semua belajar daripada sesama kita dan mengambil pengajaran daripada perkara-perkara lepas. Inilah contoh terbaik situasi "*ketuk dulang paku serpih, kata orang dia yang lebih*". Atau contoh, orang cakap tak serupa bikin atau "orang yang meludah ke langit, kahaknya jatuh ke muka sendiri". Namun, namun saya masih akan menjawab persoalan rutin yang dibangkitkan oleh Skudai mengapa Penyata Harta dan Tanggungan Negeri Johor tidak dibawa bersama-sama semasa Pembentangan Bajet. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ada empat sebab utama. Pertama, kerana keanjalan pengurusan yang dibenarkan dalam peruntukan undang-undang. Fasal 38(4) bahagian 2, Undang-Undang Tubuh Negeri Johor yang menyebut, "Kira-kira yang tersebut itu hendaklah juga menunjukkan dengan seberapa yang boleh akan harta dan tanggungan negeri pada akhir tahun perkiraan hasil dan perbelanjaan yang lepas itu serta menerangkan cara-cara bagaimana harta-harta itu digunakan atau disimpan dan menyebutkan kepala-kepala am yang ada tanggungan-tanggungan yang belum dijelaskan lagi". Peruntukan ini menggunakan frasa seberapa yang boleh atau dalam bahasa Inggeris, *so far as is practicable*. Jadi peruntukan ini memberi kelonggaran atau keanjalan pengurusan serta budi bicara berhubung tempoh pembentangan yang harus mengikut kesesuaian masa dan keadaan. Dalam erti kata lain, membentangkan penyata harta dan tanggungan kerajaan pada akhir tahun perkiraan hasil dan perbelanjaan bukanlah satu syarat mandatori tanpa sebarang kompromi. Tetapi ia harus melihat faktor praktikaliti, masa dan keadaan pada masa tersebut. Jadi apabila tidak dibentangkan penyata harta dan tanggungan kerajaan negeri Johor 2014 semasa pembentangan Bajet 2016 yang lalu, ia adalah bersandarkan alasan yang termasuk di bawah peruntukan ini.
2. Perbezaan tarikh pembentangan laporan Ketua Audit Negara di Parlimen dengan tarikh Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor. Kita juga perlu tahu dan faham bahawa, Penyata Harta dan Tanggungan Negeri Johor 2014 adalah sebahagian daripada butiran yang terkandung dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor



Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014. Dan sudah menjadi amalan dan kewajaran bahawa Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 ini hendaklah dibentangkan bersekali dua dokumen berikut iaitu Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan, Jabatan Agensi Negeri Johor Tahun 2014 dan kedua Penyata Memorandum Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Jabatan Agensi Negeri Johor tahun 2014. Walau bagaimana pun kerajaan Persekutuan hanya membentangkan laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Jabatan Agensi Negeri Johor Tahun 2014 di Parlimen pada 23 November 2015. Dan kita tak tahu pun bila kerajaan pusat nak bantangkan. Mereka tak perlu maklumkan pada kita. Jadi kita tahu bahawa mesyuarat, sedangkan Mesyuarat Ketiga Bajet 2016 bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 telah pun dimulakan pada 19 November 2015. Oleh disebabkan Persidangan DUN Johor telah berlangsung empat hari awal daripada tarikh pembentangan Laporan Ketua Audit Negara di Parlimen, maka kerajaan negeri Johor hanya dapat membentangkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 semasa persidangan yang berikutnya iaitu Persidangan Dewan Negeri yang kita sedang berlangsung pada hari ini.

3. Kita perlu menunggu perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri selepas sidang pembentangan Bajet pada November 2015. Di samping faktor tarikh dan masa ini, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di Persidangan DUN hendaklah dibentangkan dengan mematuhi kehendak perkara 107(2) Pertembagaan Persekutuan iaitu mendapatkan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sebelum Penyata Kewangan Tahun 2014 tersebut dibentangkan di Persidangan Dewan Undangan Negeri. Dan untuk rekod, perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri hanya diperolehi pada 13 Januari 2016 selepas berakhirnya sidang pembentangan Bajet 2016.
4. Kelewatan menerima Memorandum Laporan Ketua Audit Negara, di mana yang telah saya katakan tadi, kita memerlukan Memorandum Laporan Ketua Audit Negara ini diperolehi terlebih dahulu sebelum Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dibawa kepada pertimbangan dan ketulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor bagi memastikan penyampaian maklumat yang lengkap dan terkini. Dan memorandum ini adalah ulasan dan laporan, kenyataan daripada semua agensi dan jabatan yang menjadi tajuk dalam Laporan Ketua Audit Negara tersebut. Dan ia perlu dibentangkan bersama-sama iaitu Memorandum dan juga Laporan Ketua Audit Negara. Walau bagaimana pun memorandum ini hanya diperolehi pada 24 Disember 2015.

Maka disebabkan oleh empat faktor di atas, yang berada di luar kuasa kerajaan negeri, maka pembentangan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2014 hanya dibentangkan pada sesi ini dan bukannya semasa persidangan DUN yang lepas. Tidak ada udang di sebalik batu seperti yang di sebutkan oleh Yang Berhormat Skudai. Dan saya berharap perkara ini tidak perlulah diulang dan dibangkit berkali-kali selepas ini. Ia hanya membuka pekung di dada sendiri. (Dewan bertepuk).

Tan Sri Speaker, nampaknya ini bukan lagi ada kes ada udang di sebalik batu, ini kes ada batu dalam kepala. (Dewan ketawa). Saya akhiri jawapan saya dalam isu ini, dalam isu ini dengan memetik ungkapan oleh *Albert Einstein* saya ingat semua kenal, *Albert Einstein* seorang ahli falsafah. Katanya, ada 2 perkara yang amat luas dan tidak bertepi. Pertama, alam semesta yang luas dan tidak bertepi. Pertama, alam semesta dan kedua, kedangkalan akal manusia. Dia kata lagi, aku yakin dan mampu mengkaji luasnya alam semesta tetapi, aku tidak akan pernah mampu mengerti betapa tidak bertepinya

kedangkalan akal sesetengah manusia. (Dewan bertepuk). Jadi, saya harap kes ini tutup di sini sahajalah. (Dewan ketawa).

Tan Sri Speaker, selain daripada itu merujuk kepada perbahasan Yang Berhormat Gambir supaya diwujudkan Yayasan Pembangunan Masyarakat India Johor. Kerajaan negeri menyambut baik cadangan ini yang kita anggap boleh membantu dan memantapkan usaha-usaha intervensi kerajaan negeri kepada masyarakat India yang telah kita mulakan sepanjang 2 tahun sebelum ini. Kerajaan negeri akan memperhalusi perkara ini, sebelum kita boleh memuktamadkan cadangan tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum berakhir sekali lagi saya menyatakan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan Ahli-Ahli Yang Berhormat ke atas kepimpinan saya dan seluruh jentera kerajaan negeri. Saya akan berusaha memberikan yang terbaik untuk negeri Johor dan masyarakatnya. Seruan saya kepada semua, marilah kita menolak segala perbezaan antara kita, manfaatkanlah peluang ini untuk menjadikan negeri Johor, negeri terbaik di negara ini. Dengan semangat yang baru, azam yang baru dan pemikiran yang berkemajuan. Sekian sahaja penggulungan saya dan bagi mana-mana yang tidak sempat untuk dijawab, insya-Allah kita akan memaklumkan secara bertulis. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih Yang Amat Berhormat. Demikianlah ucapan, jawapan dan penggulungan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, satu ucapan menjunjung kasih sebagaimana berikut. Ampun Tuanku, adalah patik Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini, mengambil ketetapan menjunjung setinggi-tinggi kasih, di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah Merasmikan Pembukaan Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

#### **Jurutulis : PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN PERTAMA TAHUN 2016.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri, untuk menimbang Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2016 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2016 dan memperakukan sama ada penganggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini, dengan dipinda atau tiada pinda.

Tan Sri Speaker, tambahan peruntukan pembangunan ini merupakan tambahan yang pertama bagi tahun 2016. Tambahan Peruntukan Pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak RM20 juta di bawah satu Jawatankuasa seperti berikut: Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Negeri Johor. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Tan Sri Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jempuk angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

**Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.**

**YB Tan Sri Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM20 juta bagi Maksud P.74, Jabatan Kerja Raya dipersetujukan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi bawah Maksud Pembangunan P.74, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor, memerlukan peruntukan tambahan berjumlah RM20 juta bagi menampung projek-projek jalan dan jambatan yang memerlukan pelaksanaan segera bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat.

**YB Tan Sri Pengerusi :** Ahli-Ahli yang bersetuju jempuk angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud perancangan yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2016 telah pun selesai ditimbang, maka saya bawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

**YB Tan Sri Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jempuk angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

**Dewan Negeri bersidang semula.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud perancangan yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2016. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju bahawa peruntukan wang berjumlah RM20 juta yang dicadangkan bagi Perancangan Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2016 itu diluluskan oleh Dewan ini. Dan, dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM20 juta hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 2016 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Tan Sri Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jempuk angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

**Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2016**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya rang undang-undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2016 dibaca kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Tan Sri Speaker :** Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2016 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.**

**YAB Menteri Besar :** Saya mohon maklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi rang undang-undang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) difangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Tan Sri Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

**YAB Menteri Besar :** Saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua, sekarang.

Tan Sri Speaker, tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang pertama bagi perbelanjaan bekalan tahun 2016. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM3,071,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 2 jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan Dan Perancangan Negeri Johor RM963,000.00.
2. Jawatankuasa Agama Islam Negeri Johor RM2,108,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Tan Sri Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan Tahun 2016 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.**

**YB Tan Sri Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.**

**Jurutulis : Jadual**

**YB Tan Sri Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,108,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama Islam Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Islam Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM2,108,000.00 bagi menampung perbelanjaan di luar jangka untuk program-program Pembangunan Agama Islam di Negeri Johor.

**YB Tan Sri Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM23,000.00 bagi Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang, RM600,000.00 bagi Maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi dan RM340,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang, diperuntukkan sebanyak RM23,000.00 bagi menampung bayaran emolumen anggota kontrak yang baru dilantik.

Di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM600,000.00 bagi menampung keperluan sedia ada. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM40,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan, manakala selebihnya sebanyak RM560,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan tambahan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan tahun 2016.

Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM340,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran elaun-elaun tambahan yang di luar jangka kepada anggota-anggota jabatan untuk tahun 2016.

**YB Tan Sri Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Jurutulis : FASAL 2.**

**YB Tan Sri Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.**

**YB Tan Sri Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal yang pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Dewan negeri bersidang semula.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa, Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu-persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Tan Sri Speaker :** Rundingan daripada Dewan ini ialah supaya, Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2016 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis :** Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:

**Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2016.**

**Jurutulis :** RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGERI (PINDAAN) 2016.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri, Pindaan 2016 ini, dibaca kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Tan Sri Speaker :** Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis :** Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri, 1959 [Enakmen No.4/1959].

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara, agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Tan Sri Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rundingan itu dipersetujukan.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua, sekarang.

~~Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 ataupun Enakmen No.4/1959 adalah satu undang-undang untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri bagi maksud Melantik, Mengesahkan, Memasukkan ke dalam jawatan tetap, atau jawatan yang berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tata tertib terhadap ahli-ahli perkhidmatan kerajaan negeri dan bagi mengadakan syarat-syarat kerana lain-lain perkara yang bersangkutan paut dengan Suruhanjaya yang tersebut itu.~~

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Rang Undang-Undang yang dicadangkan bertujuan untuk meminda Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959. Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan. Fasal 2 bertujuan meminda jadual keempat Enakmen No.4/1959 iaitu perkara berkenaan gaji dan elaun perumahan Pengerusi dan Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri. Kali terakhir pindaan gaji ini disemak semula dan dipinda ialah pada tahun 1999. Pindaan ini melibatkan gaji Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor daripada RM3,000.00 kepada RM5,000.00 sebulan dan gaji Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor, daripada RM1,500.00 kepada RM3,000.00 sebulan. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon mencadangkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Tan Sri Speaker :** Rundingan daripada Dewan ini ialah supaya, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Jurutulis :** Rang Undang-Undang Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri Pindaan 2016.

**YB Tan Sri Speaker :** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**Jurutulis :** Fasal 1.

**YB Tan Sri Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis :** Fasal 2.

**YB Tan Sri Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Dewan Negeri bersidang semula.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa, Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu-persatunya dan dipersetujui tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Tan Sri Speaker :** Rundingan daripada Dewan ini ialah supaya, Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri (Pindaan) 2016 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis :** Bahawa dengan ini adalah diperbuat undang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:

**Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Suruhanjaya Kerajaan Negeri (Pindaan) 2016.**

**Jurutulis :** RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN TAMAN NEGARA JOHOR (PINDAAN) 2016

**YB Tan Sri Speaker :** Pengerusi.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini, dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis :** Suatu enakmen untuk meminda, Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) 1989 [Enakmen No.7/1989].

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan di bawah Peraturan Tetap 58, agar rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Tan Sri Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua, sekarang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) 1989 telah digubal dan diluluskan oleh Dewan Negeri pada 7 Oktober 1989 sebagaimana Warta Kerajaan bertarikh 15 Februari 1990. Enakmen ini adalah bertujuan bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan penubuhan dan sistem pengawalan Taman-Taman Negara di Negeri Johor. Sistem pengawalan ini adalah melalui pemeliharaan dan pengurusan sumber-sumber semula jadi termasuk hidupan liar, hidupan tumbuhan-tumbuhan dan benda-benda yang mempunyai kepentingan dari segi kajian alam, sejarah, teknologi, saintifik dan pemandangannya. Melalui peruntukan yang terdapat di bawah Enakmen ini, satu badan mengurus dan mengawal Taman-Taman Negara Negeri Johor yang dinamakan Perbadanan Taman Negara Johor telah ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Dengan wujudnya Perbadanan ini, kawasan hutan di negeri Johor yang telah dikenal pasti akan kekayaan sumber kepelbagaian diversitinya dapat diuruskan dan dapat dibangunkan dengan baik melalui pemeliharaan dan penggunaannya untuk memajukan pendidikan dan kesihatan nilai estetik dan rekreasi orang ramai.

Penganjuran ekspedisi saintifik dan warisan Endau Rompin 1985, 1986 oleh Persatuan Pencinta Alam Malaysia telah mencatatkan sejarah kepada kerajaan negeri Johor yang membawa kepada pewartaan kawasan Endau Rompin sebagai Taman Negara Johor



yang pertama pada tahun 1993. Majlis pelancaran ekspedisi tersebut telah disempurnakan oleh Allahyarham Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) 1989 telah pun melalui dua kali siri pindaan iaitu dalam Enakmen No.5/1992 dan Enakmen No.5/2000. Peruntukan-peruntukan yang terlibat antaranya berkenaan penambahan seksyen baru iaitu kuasa untuk mewakili, penambah baikkan kuasa membuat peraturan dan kuasa mengkompaun terhadap kesalahan-kesalahan di bawah enakmen ini.

Sejak Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tahun 1982, tiada pendakwaan terhadap kesalahan, tiada tindakan mengkompaun juga tidak pernah di kuat kuasa meskipun kuasa untuk menjalankan kompaun telah diluluskan peruntukannya pada tahun 2000. Status penjawatan dalam struktur organisasi yang bertaraf kontrak dan kelemahan peruntukan enakmen berhubung pendakwaan antara aspek yang menjadi kekangan terhadap pelaksanaan kuasa-kuasa di bawah enakmen ini.

Namun begitu, aktiviti penguatkuasaan termasuk rondaan, risikan dan serbuan tetap dijalankan dan diteruskan sehingga ke hari ini. Berdasarkan rekod pada tahun 2011 hingga 2015, terdapat 120 kes pencerobohan dikesan terutamanya yang melibatkan warga asing daripada Indo China yang telah memasuki kawasan Taman Negara Johor untuk menjalankan aktiviti seperti mencuri hasil hutan, memburu hidupan liar serta memusnahkan habitat dan spesies yang ada.

Selain itu, terdapat juga kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh warga tempatan seperti menjalankan aktiviti penerokaan hutan, perkhemahan dan pendakian, memasang jerat binatang dan memasuki kawasan tanpa kebenaran daripada Pengarah Perbadanan Taman Negara Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walau bagaimanapun setelah semakan dan penelitian dibuat terdapat beberapa peruntukan Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) 1989 perlu dipinda bagi melancarkan tindakan penguatkuasaan dijalankan. Dengan ini dibentangkan Rang Undang-Undang Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor)(Pindaan) 2016 pada dasarnya Rang Undang-Undang ini mengandungi 8 Fasal yang meminda 13 peruntukan dalam enakmen ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda Seksyen 2 dengan memasukkan Tafsiran Pegawai Polis selepas Tafsiran Pegawai.

Fasal 3 bertujuan meminda perkataan Seksyen (1) kepada Sub Seksyen (1).

Fasal 4 bertujuan meminda Seksyen 29 enakmen No. 7/1989 dengan memasukkan perenggan yang baharu iaitu perenggan 29(i) J dan K.

Fasal 5 bertujuan meminda Seksyen 30 enakmen No.7/1989 dengan memasukkan Sub Seksyen 30 (3) dan (4) yang baharu.

Fasal 6 bertujuan untuk menggantikan Seksyen 36 enakmen No.7/1989 dengan seksyen yang baharu.

Fasal 7 bertujuan untuk menggantikan Seksyen 38 Enakmen No.7/1989 dengan seksyen yang baharu.

Fasal 8 bertujuan memperkenalkan Seksyen 39, 40 dan 41 yang baharu. Seksyen-seksyen baharu ini, memperuntukkan berkenaan kuasa untuk menyiasat, kuasa untuk memasuki tanah serta kuasa bagi mengadakan sekatan di jalan raya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan kelulusan 39 waran perjawatan tetap yang akan diisi tidak lama lagi, kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan penganjuran kursus serta bengkel berkaitan aktiviti penguatkuasaan dan kuasa-kuasa yang diperuntukkan akan dapat memperkukuhkan profesion pegawai Perbadanan dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan demi mempertahankan biodiversiti negeri Johor yang dipertanggungjawabkan selaras dengan cadangan pindaan penambahbaikan Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) (Pindaan) 2016.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon mencadangkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Tan Sri Speaker :** Rundingan dihadapan Dewan ini ialah supaya, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBADANAN TAMAN NEGARA (JOHOR) (PINDAAN) 2016.**

**YB Tan Sri Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.**

**Jurutulis : Fasal 1.**

**YB Tan Sri Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 2.**

**YB Tan Sri Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 3.**

**YB Tan Sri Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 4.**

**YB Tan Sri Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 5.**

**YB Tan Sri Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 5 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 5 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 6.**

**YB Tan Sri Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 6 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 6 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 7.**

**YB Tan Sri Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 7 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 7 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 8.**

**YB Tan Sri Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 8 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 8 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Dewan Negeri bersidang semula.**

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujui tanpa pindaan. Maka, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Tan Sri Speaker** : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) (Pindaan) 2016 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis : Bahawa dengan ini, adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:**

**Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) (Pindaan) 2016.**

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat, duduk. Yang Berhormat jempit duduk.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Sebelum itu Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ada menerima satu rundingan daripada Yang Berhormat Skudai. Di bawah Perintah Tetap 32 (8) untuk merujuk Yang Berhormat Kukup ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Walaupun rundingan itu mendapat sokongan daripada 10 orang Ahli, ia hendaklah diakui mustahak oleh Speaker terlebih dahulu. Setelah rundingan itu saya teliti dan saya dapati tidaklah mustahak dan tidaklah perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya mengambil ketetapan dan keputusan supaya rundingan daripada Yang Berhormat Skudai itu ditolak. (Dewan bertepuk).

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kepenggunaan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon menyokong rundingan itu.

**YB Tan Sri Speaker :** Sebelum saya menangguhkan Persidangan ini, dijemput semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan semua yang hadir untuk jamuan tengah hari yang diadakan di Dewan Bankuet sebentar lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 12.50 tengah hari.**

## **PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

### **Jurutulis**

Cik Shubanah binti Yusuf

### **Penolong Jurutulis**

Tuan Haji Mohd. Nazid bin Jasiman

### **Koordinator**

Puan Asiah binti Moklis

### **Setiausaha Pejabat (Ketua Unit Dewan)**

Puan Norliza binti Md. Aris

### **Pembantu Penerbitan**

Puan Malina binti Mohd. Nasir

Puan Noraisah binti Mohd. Yusof

Encik Ariff bin Abu Bakar

### **Pembantu Operasi (Bentara)**

Encik Razine bin Sulaiman

Encik Hamdan bin Markom

Encik Mohd. Hassan bin Jamian

Encik Norhayadi bin Hussien

Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi

Encik Mohd. Norazri bin Kasim

Encik Mohd. Sapri bin Manan

### **Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)**

Puan Hajah Rahimah binti Akbar

Puan Hajah Zalinah binti Ali

Puan Inson binti Abdul Wahab

Puan Iza Hasima binti Mohd Hashim

Puan Rumiah binti Semirono

Puan Azlin binti Bahrin

Puan Saniah binti Kassim

Puan Fareza binti Musa

Puan Junaidah binti Paing

Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak

Puan Zahiti binti Muhammad Hamdi

Puan Hajah Haironisha binti Zainal Abidin

Puan Raihanah binti Ismail

Puan Norazilawati binti Masri

Puan Norlydialina binti Ithnain

Cik Nur Adeliah binti Abidi

Puan Norhafizah binti Osman

Puan Suriati binti Abdul Hajar

Puan Noor Dalilah binti Dahalan

Puan Zakiah binti Abd. Wahab

**Rakaman**

Encik Nor Risam bin Esa  
Encik Azizan bin Md. Sidi

**Juruaudio Video**

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh

**Juruteknik**

Encik Hazrilzullah bin Ali

UNTY DEWAN  
PEJABAT JURUTULIS  
DEWAN NEGERI JOHOR  
24 APRIL 2016